



MALAYSIA

9



# RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN 2006-2010

DITERBITKAN OLEH  
UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
PUTRAJAYA  
2006

# RUKUNEGARA

## PERISYTIHARAN

**B**AHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendak

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

**M**AKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**Kepercayaan kepada Tuhan**

**Kesetiaan kepada Raja dan Negara**

**Keluhuran Perlembagaan**

**Kedaulatan Undang-Undang**

**Kesopanan dan Kesusilaan**



**PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

## **Kata Pendahuluan**

Negara kini berada di pertengahan jalan dalam perjuangan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 nanti. Pengalaman telah mengajar kita bahawa pendakian seterusnya nanti akan lebih curam, berliku dan pastinya mencabar. Dalam fasa 15 tahun seterusnya menjelang tahun 2020, Malaysia perlu menangani pelbagai perubahan besar dalam dunia global, di samping menambahbaik dan meningkatkan persekitaran domestik negara. Menyedari hakikat ini, Kerajaan memperkenalkan Misi Nasional, satu rangka kerja dasar dan pelaksanaan yang menggariskan keutamaan negara untuk tempoh 15 tahun yang akan datang, seiring dengan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Misi Nasional memberikan penekanan terhadap pelaksanaan program yang meningkatkan keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, memperkukuh perpaduan negara dan mewujudkan pengagihan pendapatan dan kekayaan serta kualiti hidup yang lebih baik di kalangan rakyat. Misi ini telah menggariskan lima teras utama yang mesti dilaksanakan demi mencapai matlamat dan cita-cita negara.

Rancangan Malaysia Kesembilan akan menggerakkan agenda pembangunan negara untuk tempoh lima tahun pertama dalam Misi Nasional ini, dengan matlamat untuk menterjemahkan teras tersebut kepada program yang membuahkan hasil. Seajar dengan itu, Rancangan Malaysia Kesembilan dirangka untuk mencapai tahap ekonomi negara yang lebih kukuh dengan nilai ditambah yang lebih tinggi, di samping memberikan tumpuan kepada isu sosioekonomi dan meningkatkan mutu hidup rakyat keseluruhannya. Inisiatif pembangunan yang

akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan ini juga akan berpandukan kepada prinsip Islam Hadhari.

Infrastruktur berkualiti dan kemudahan yang perlu akan terus dibina di seluruh negara bagi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada rakyat. Namun, memperkukuhkan modal insan dan membawa perubahan budaya dan sikap pastinya merupakan satu cabaran utama dalam tempoh Rancangan ini. Faktor yang paling utama bagi menjadi sebuah negara maju ialah keupayaan dan keperibadian masyarakat negara tersebut. Malaysia tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki 'infrastruktur kelas pertama' tetapi 'mentaliti kelas ketiga'. Kita perlu menerapkan pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan modal insan, yang menekankan bukan sahaja ilmu pengetahuan dan kemahiran tetapi juga nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi.

Rancangan Malaysia Kesembilan bermatlamat untuk mencapai pertumbuhan bersama dengan pengagihan yang lebih luas dan saksama. Kita telah menetapkan sasaran untuk menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada separuh, iaitu 2.8 peratus pada tahun 2010. Selain itu, Kerajaan juga terus komited untuk merapatkan jurang pendapatan, guna tenaga dan pemilikan aset di kalangan rakyat melalui langkah-langkah yang adil dan bersesuaian.

Untuk merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar serta antara wilayah yang membangun dengan kurang membangun, Kerajaan akan meningkatkan peruntukan pembangunan untuk kawasan luar bandar dan wilayah kurang membangun. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan memberikan penekanan kepada pembangunan wilayah di kawasan sempadan antara negeri termasuk membangunkan Koridor Utara yang merangkumi beberapa kawasan di negeri Perlis, Kedah, Perak Utara dan Pulau Pinang; Koridor Timur yang merangkumi beberapa kawasan di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang; Koridor Selatan yang memfokuskan kepada Johor Selatan; serta negeri Sabah dan Sarawak.

Kualiti hidup masyarakat akan terus diberikan sepenuh perhatian. Pada masa yang sama, kita harus menguruskan sumber asli negara dengan bijak dan berhemat, demi masa depan negara dan generasi seterusnya.

Kita akan memberikan tumpuan khusus terhadap usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian, agar program yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan dengan berkesan. Kita akan terus meningkatkan usaha bagi menutup ruang untuk rasuah, amalan tidak sihat serta penyalahgunaan kuasa daripada berlaku, baik di sektor awam mahupun swasta. Inisiatif juga akan diperkenalkan untuk terus meningkatkan ketelusan serta mengurangkan pembaziran. Bagi memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan awam, Kerajaan akan terus mengurangkan kerenah birokrasi dan menambah baik perkhidmatan agensi barisan hadapan.

Untuk kita mencapai semua objektif dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Misi Nasional ini, semua pihak – sektor awam, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat umumnya – perlu turut sama mengambil bahagian dan memainkan peranan masing-masing. Rakyat Malaysia perlu terus bersatu dan menyokong usaha Kerajaan untuk membina sebuah negara yang makmur dan mewujudkan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua. Menyedari akan pentingnya kerjasama dan usaha bersepadu semua pihak, kita telah memilih *Bersama Ke Arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang* sebagai tema Rancangan Malaysia Kesembilan.

Rancangan Malaysia Kesembilan ini dirangka setelah mendapat pandangan dan input segenap lapisan masyarakat di seluruh pelusuk negara. Rancangan ini telah mengkaji dan mengambil kira semua pandangan dan cadangan yang dikemukakan dengan adil dan seimbang. Bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan. Harapan saya, semangat kerjasama seumpama ini akan terus diperkukuh untuk tahun-tahun akan datang.

Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bekerja bersama-sama saya dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan dan Misi Nasional ini.



**DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri Malaysia

Putrajaya  
31 Mac 2006



# KANDUNGAN

## MISI NASIONAL

	<i>Muka Surat</i>
I. PENDAHULUAN	3
II. KE ARAH 2020: LIMA BELAS TAHUN PERTAMA, 1991-2005	5
Ekonomi Malaysia	5
Modal Insan: Pendidikan, Inovasi dan Nilai	7
Kesaksamaan Sosioekonomi	10
Kualiti Hidup	10
Keteguhan Institusi	14
III. FASA SETERUSNYA: MISI NASIONAL, 2006-2020	14
<i>Pertama: Meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi</i>	15
<i>Kedua: Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'</i>	15
<i>Ketiga: Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif</i>	16
<i>Keempat: Meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup</i>	18
<i>Kelima: Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan</i>	18
IV. PENUTUP	19

## PERSPEKTIF MENYELURUH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

### BAB 1: RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN: LANGKAH PERTAMA KE ARAH MISI NASIONAL

I.	PENDAHULUAN	23
II.	RINGKASAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010	24
	Teras 1: Meningkatkan Ekonomi dalam Rantaian Nilai Lebih Tinggi	24
	Meningkatkan Nilai Ditambah Sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian	26
	Menjana Sumber Kekayaan Baru dalam Sektor Intensif Teknologi dan Pengetahuan	27
	Meningkatkan Pewujudan Pekerjaan	28
	Menggalakkan Sektor Swasta sebagai Peneraju Utama dalam Pembangunan Ekonomi	28
	Memupuk Budaya Kecemerlangan dan Berprestasi Tinggi	29
	Memperluas Pasaran Bagi Produk dan Perkhidmatan Malaysia	30
	Teras 2: Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara serta Memupuk 'Minda Kelas Pertama'	30
	Meningkatkan Akses dan Kualiti Sistem Pendidikan di Semua Peringkat	30
	Menjadikan Sekolah Kebangsaan Sebagai 'Sekolah Pilihan'	31
	Melahirkan Institusi Tertiar Bertaraf Antarabangsa	32
	Memupuk Keupayaan Penyelidikan dan Pembangunan serta Saintifik dan Inovasi yang Berkualiti Tinggi	32
	Memperkasa Wanita dan Belia	33
	Menyemai Nilai Murni dalam Masyarakat	34

	<i>Muka Surat</i>
Teras 3: Menangani Masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi yang Berterusan Secara Membina dan Produktif	34
Membasmi Kemiskinan	35
Mengurangkan Jurang Pendapatan	35
Mengurangkan Jurang Antara Wilayah	36
Mengurangkan Jurang Guna Tenaga	36
Mengurangkan Jurang Aset dan Kekayaan	37
Membangunkan Usahawan Bumiputera Berdaya Saing	37
Mengurangkan Jurang Digital	37
Mengkaji Semula Keberkesanan Program Terdahulu	38
Teras 4: Meningkatkan Tahap dan Kemampunan Kualiti Hidup	38
Memenuhi Keperluan Perumahan dan Menambah Baik Perkhidmatan Perbandaran	38
Menambah Baik Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	39
Menambah Baik Sistem Pengangkutan	40
Menambah Baik Bekalan Tenaga yang Mencukupi dan Mampan	40
Mempertingkatkan Sistem Pembekalan Air	41
Menggalakkan Perlindungan Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Secara Mampan	41
Mempergiat Peranan Budaya, Seni dan Warisan dalam Masyarakat	42
Membina Kecemerlangan Kesukanan dan Gaya Hidup Sihat	42
Teras 5: Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan	42
Menggalakkan Tadbir Urus yang Baik	42
Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam	43
Menggalakkan Pembangunan Menerusi Kerjasama Antarabangsa	43
III. PENUTUP	44



## BAB 2: KESTABILAN EKONOMI MAKRO UNTUK PERTUMBUHAN

I.	PENDAHULUAN	45
II.	PENILAIAN PENCAPAIAN EKONOMI MAKRO, 2001-2005	45
	Ekonomi Dalam Negeri	46
	<i>Produktiviti dan Kecekapan</i>	46
	<i>Ekonomi Berasaskan Pengetahuan</i>	46
	<i>Keluaran Sektor</i>	49
	<i>Permintaan Agregat</i>	51
	<i>Imbangan Sumber</i>	54
	<i>Perkembangan Harga</i>	54
	<i>Akaun Sektor Awam</i>	56
	Sektor Luar Negara	56
	<i>Perdagangan Antarabangsa</i>	56
	<i>Imbangan Pembayaran</i>	61
III.	RANGKA KERJA EKONOMI MAKRO BAGI RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010	64
	Strategi Ekonomi Makro	64
	Tinjauan Ekonomi Antarabangsa	64
	Ekonomi Malaysia	66
	<i>Produktiviti dan Kecekapan</i>	66
	<i>Keluaran Sektor</i>	67
	<i>Permintaan Agregat</i>	70
	<i>Imbangan Sumber</i>	71
	<i>Perkembangan Harga</i>	72
	<i>Akaun Sektor Awam</i>	72

	<i>Muka Surat</i>
Sektor Luar Negara	75
<i>Perdagangan Antarabangsa</i>	75
<i>Imbangan Pembayaran</i>	76
IV. INSTITUSI PELAKSANA	76
V. PENUTUP	78

**TERAS PERTAMA: MENINGKATKAN EKONOMI DALAM RANTAIAN NILAI  
LEBIH TINGGI**

**BAB 3: MEMPERKASA PERTANIAN DAN INDUSTRI  
BERASASKAN PERTANIAN**

I. PENDAHULUAN	81
II. KEMAJUAN, 2001-2005	81
Prestasi Pertumbuhan	82
Penggunaan Tanah	85
Pengeluaran Pertanian	85
<i>Komoditi Pertanian untuk Industri</i>	85
<i>Komoditi Makanan</i>	86
<i>Sumber Pertumbuhan Baru</i>	87
Industri Berasaskan Pertanian	87
Program Pertanian	88
III. PROSPEK, 2006-2010	90
Teras Dasar	90
Meningkatkan Pengeluaran Pertanian	91
<i>Pembangunan Tanah Baru</i>	95
<i>Program Tanam Semula</i>	96
<i>Penyatuan dan Pemulihan Tanah</i>	97

<i>Peningkatan Produktiviti</i>	98
Mengembangkan Pemprosesan Berasaskan Pertanian dan Kepekabagaan Produk	101
Memperkukuhkan Pemasaran dan Rangkaian Global	104
Meningkatkan Pendapatan	105
Menambah Baik Sistem Penyampaian Perkhidmatan	107
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	107
V. PENUTUP	109

#### **BAB 4: MEMPERGIATKAN SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN**

MUKA SURAT

**xiv**

I. PENDAHULUAN	111
II. KEMAJUAN, 2001-2005	112
Prestasi Mengikut Industri	112
Eksport Barangan Pembuatan	114
Pelaburan Dalam Sektor Pembuatan	116
Guna Tenaga Dalam Sektor Pembuatan	118
Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana	119
Teknologi Perindustrian dan R&D	120
III. PROSPEK, 2006-2010	120
Prospek Pertumbuhan Sektor Pembuatan	121
Memperkukuhkan Integrasi Strategik dengan Ekonomi Global	123
Mengalakkan Sumber Pertumbuhan Baru Industri	124
Sokongan Perkhidmatan untuk Sektor Pembuatan	128
Meningkatkan Penyertaan Bumiputera	130
Penyediaan Insentif yang Lebih Bertumpu kepada Industri yang Mempunyai Nilai Ditambah Tinggi	131

	<i>Muka Surat</i>
EKS yang Didorong oleh Inovasi	133
Penggalakan Pelaburan Seberang Sempadan	134
Pembangunan Sumber Manusia Mahir	135
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	137
V. PENUTUP	138

## **BAB 5: MENGARUSPERDANAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

I. PENDAHULUAN	139
II. KEMAJUAN, 2001-2005	140
Penaikan Taraf dan Peluasan Infrastruktur ICT	140
Penggunaan ICT	142
Pembangunan Koridor Raya Multimedia	143
Peluasan Aplikasi MSC	143
Penggalakan e-Dagang	144
Pengurangan Jurang Digital	144
Kemahiran ICT	145
Pemupukan Keupayaan Tempatan dalam Pembangunan Kandungan	146
e-Pembelajaran	146
Keselamatan Maklumat	147
Dana Pembangunan ICT	147
Penggalakan R&D dalam ICT	148
III. PROSPEK, 2006-2010	148
Mengukuhkan Kedudukan Malaysia Sebagai Hab ICT dan Multimedia Global	149
Peluasan Rangkaian Komunikasi bagi Memastikan Capaian Maklumat dan Perkhidmatan yang Lebih Saksama	150

Merapatkan Jurang Digital	151
MSC Fasa II dan Perluasan Aplikasi Multimedia	152
Sumber Pertumbuhan Baru Dalam ICT	156
Pembangunan Tenaga Kerja ICT	159
Mempercepatkan Pembudayaan e-Pembelajaran	160
Mempertingkatkan Keselamatan Maklumat	160
VI. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	161
V. PENUTUP	162

## BAB 6 – MENJANA KEKAYAAN MELALUI BIOTEKNOLOGI

MUKA  
SURAT

**xvi**

I. PENGENALAN	165
II. KEMAJUAN, 2001-2005	165
Pembangunan Sumber Manusia	166
Penyelidikan dan Pembangunan	166
Infrastruktur dan Kemudahan	166
Rangka Kerja Kawal Selia	167
Penyertaan Sektor Swasta	168
III. PROSPEK, 2006-2010	170
Teras Pembangunan	170
Pembangunan Bioteknologi	171
<i>Bioteknologi Pertanian</i>	171
<i>Bioteknologi Penjagaan Kesihatan</i>	172
<i>Bioteknologi Perindustrian</i>	172
<i>Bioinformatik</i>	173
<i>Pembangunan Jenama Malaysia</i>	173
Pewujudan Persekitaran yang Kondusif	174
<i>Rangka Kerja Kawal Selia</i>	174

	<i>Muka Surat</i>
<i>Infrastruktur Kewangan</i>	175
<i>Pembangunan Modal Insan</i>	175
<i>Pemerolehan R&amp;D dan Teknologi</i>	176
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	177
V. PENUTUP	178

### **BAB 7: MENCERGASKAN PERKHIDMATAN KEWANGAN**

I. PENDAHULUAN	181
II. KEMAJUAN, 2001-2005	181
Sistem Kewangan	182
Sistem Perbankan	183
Sistem Kewangan Islam	186
Institusi Kewangan Pembangunan	187
Industri Insurans	188
Pasaran Modal	188
Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan	190
Koperasi	191
III. PROSPEK, 2006-2010	191
Sistem Perbankan	193
Sistem Kewangan Islam	194
Institusi Kewangan Pembangunan	196
Industri Insurans	196
Pasaran Modal	197
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen	200
Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan	201
Koperasi	201
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	201
V. PENUTUP	202

**BAB 8 – MEREALISASIKAN POTENSI PELANCONGAN**

I.	PENDAHULUAN	203
II.	KEMAJUAN, 2001- 2005	203
	Ketibaan Pelancong	204
	Pendapatan Pelancongan dan Perbelanjaan Pelancong	204
	Pelancongan Domestik	204
	Penginapan Hotel	205
	Pelaburan	206
	Guna Tenaga dan Latihan	206
	Produk dan Perkhidmatan Pelancongan	207
	Strategi Pemasaran dan Promosi	209
	Peningkatan Akses	209
III.	PROSPEK, 2006-2010	210
	Pembangunan Pelancongan Mampan	211
	Produk dan Perkhidmatan Pelancongan	212
	Pelancongan Domestik	214
	Pemasaran dan Promosi	215
	Pelaburan	216
	Pembangunan Sumber Manusia	216
	Pakatan Strategik dan Perkongsian Pintar	217
	Peningkatan Akses	217
	Penyelidikan dan Perancangan	218
	Keselamatan	218
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	218
V.	PENUTUP	219

**BAB 9 – MEMESATKAN PERDAGANGAN PENGEDARAN**

I.	PENDAHULUAN	221
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	222
	Perkembangan dalam Perdagangan Pengedaran	222
	e-Dagang	224
	Penyertaan Bumiputera	225

	<i>Muka Surat</i>
Pengukuhan Rantaian dengan Sektor Lain	225
Penggalakan Persaingan Sihat	225
Pendidikan dan Perlindungan Pengguna	226
III. PROSPEK, 2006-2010	226
Pemantapan Rangka Kerja Kawal Selia	227
Pengukuhan Perdagangan Pengedaran	228
Pencepatan Penggunaan e-Dagang	231
Peningkatan Penyertaan Bumiputera	231
Peningkatan Kesedaran dan Perlindungan Pengguna	232
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	232
V. PENUTUP	233

## **BAB 10 – MEMPERKEMASKAN PENSWASTAAN**

I. PENDAHULUAN	235
II. KEMAJUAN, 2001-2005	235
Manfaat Penswastaan	236
Penyertaan Bumiputera	239
III. PROSPEK, 2006-2010	241
Memperkukuhkan Prosedur Kelulusan	242
Memberi Penekanan ke atas Piawai Prestasi	242
Memperkemaskan Proses Pelaksanaan	242
Meningkatkan Daya Maju Melalui Pengagihan Risiko	243
Memperkukuhkan Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia	243
Meningkatkan Penyertaan Bumiputera	244
IV. INSTITUSI PELAKSANA	244
V. PENUTUP	245



**TERAS KEDUA: MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENGETAHUAN DAN  
INOVASI NEGARA SERTA MEMUPUK  
'MINDA KELAS PERTAMA'**

**BAB 11 – MEMPERKUKUHKAN MODAL INSAN**

I.	PENDAHULUAN	249
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	250
	Kependudukan	250
	Tenaga Buruh	251
	Guna Tenaga	251
	Produktiviti Pekerja	251
	Pembangunan Modal Insan	254
	<i>Program Pendidikan</i>	254
	<i>Program Latihan</i>	259
III.	PROSPEK, 2006-2010	261
	Teras Dasar Pembangunan Modal Insan	261
	Kependudukan	262
	Tenaga Buruh	263
	Guna Tenaga	263
	Program Mempercepatkan Pembelajaran Sepanjang Hayat	265
	Latihan Semula dan Peningkatan Kemahiran	265
	Program Pendidikan	267
	Program Latihan Kemahiran	271
	Pembangunan Modal Insan yang Holistik	272
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	272
V.	PENUTUP	273

**BAB 12 – MEMANFAATKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

I.	PENDAHULUAN	275
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	275
	Perbelanjaan R&D Negara	276
	Program R&D Sektor Awam	277
	Pengkomersilan Penyelidikan dan Teknologi	279
	Pengukuhan Bina Upaya Tempatan dalam Teknologi Utama	279
	Inovasi dan Harta Intelekt	280
	Pengukuhan Keupayaan Teknologi EKS	280
	Inkubator bagi Mewujudkan Syarikat berasaskan Teknologi Baru	281
	Penstandardan dan Jaminan Kualiti	281
	Sumber Manusia S&T	281
III.	PROSPEK, 2006-2010	282
	Teras Pembangunan STI	282
	Pengukuhan NIS	283
	Peningkatan Modal Insan S&T	284
	Penggalakan Keteknousahawanan	286
	Peningkatan Keupayaan dan Kemampuan Teknologi EKS	287
	Penentuan Keutamaan dan Penggabungan Inisiatif R&D dan Pengkomersilan	287
	Penggalakan Teknologi Terpilih sebagai Sumber Pertumbuhan Baru	289
	Penggalakan Penstandardan dan Jaminan Kualiti	291
	Peningkatan Kesedaran STI	292
	Peningkatan Hubungan Antarabangsa dalam Pembangunan STI	292
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	292
V.	PENUTUP	293

**BAB 13: WANITA DAN PEMBANGUNAN**

I.	PENDAHULUAN	295
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	295
	Kependudukan, Tenaga Kerja dan Guna Tenaga	295
	Pencapaian Pendidikan	298
	Latihan	298
	Bantuan Kewangan	298
	Taraf Kesihatan	299
	Kemiskinan di Kalangan Wanita	300
	Perundangan Sokongan	300
	Keganasan Terhadap Wanita	301
	Jentera Nasional untuk Kemajuan Wanita	301
	Penglibatan di Peringkat Antarabangsa	302
III.	PROSPEK, 2006-2010	303
	Peningkatan Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh	304
	Peningkatan Peluang Pendidikan dan Latihan	304
	Peningkatan Penyertaan dalam Aktiviti Perniagaan dan Keusahawanan	305
	Kajian Semula Undang-Undang dan Peraturan bagi Meningkatkan Taraf Wanita	305
	Penambahbaikan Taraf Kesihatan dan Kesejahteraan Wanita	306
	Pengurangan Keganasan Terhadap Wanita	306
	Pengurangan Kadar Kemiskinan dan Peningkatan Kualiti Hidup	307
	Pengukuhan Jentera Nasional dan Keupayaan Institusi	307
	Menyuarakan Isu Berkenaan Wanita di Peringkat Antarabangsa	308
IV.	INSTITUSI PELAKSANA	309
V.	PENUTUP	309

**BAB 14 – MENGUPAYAKAN BELIA UNTUK MASA HADAPAN**

I.	PENDAHULUAN	311
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	311
	Belia dan Guna Tenaga	311
	Program Pembangunan Belia	313
III.	PROSPEK, 2006-2010	317
	Belia dan Guna Tenaga	317
	Program Pembangunan Belia	318
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	322
V.	PENUTUP	323

**BAB 15 – MEMUPUK PEMBANGUNAN KELUARGA DAN MASYARAKAT**

I.	PENDAHULUAN	325
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	325
	Pembangunan Keluarga	326
	Kanak-Kanak	327
	Orang Kurang Upaya	328
	Warga Tua	329
	Badan Bukan Kerajaan	330
	Pembangunan Masyarakat	330
III.	PROSPEK, 2006-2010	332
	Pengukuhan Institusi Kekeluargaan	332
	Pengukuhan Sistem Penyampaian Sokongan Sosial	334
	<i>Kanak-Kanak</i>	334
	<i>Orang Kurang Upaya</i>	335
	<i>Warga Tua</i>	335

<i>Bantuan Kewangan</i>	336
Peningkatan Penglibatan Badan Bukan Kerajaan	336
Peningkatan Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara	337
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	338
V. PENUTUP	339

**TERAS KETIGA: MENANGANI MASALAH KETIDAKSAMAAN  
SOSIOEKONOMI YANG BERTERUSAN SECARA  
MEMBINA DAN PRODUKTIF**

**BAB 16 - MENCAPAI PERTUMBUHAN DENGAN PENGAGIHAN**

I. PENDAHULUAN	343
II. KEMAJUAN, 2001-2005	346
Pembasmian Kemiskinan	346
PENGAGIHAN PENDAPATAN	352
Penyusunan Semula Guna Tenaga	353
Penyusunan Semula Hak Milik dan Penguasaan Sektor Korporat	353
Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)	359
III. PROSPEK, 2006-2010	360
Pembasmian Kemiskinan	361
PENGAGIHAN PENDAPATAN	365
Penyusunan Semula Guna Tenaga	367
Pemilikan Kekayaan	368
Fasa Kedua Pembangunan MPPB	370
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	373
V. PENUTUP	374

**BAB 17 – KE ARAH PEMBANGUNAN WILAYAH YANG SEIMBANG**

I.	PENDAHULUAN	375
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	375
	Pembangunan Mengikut Wilayah	376
	Jurang antara Luar Bandar dengan Bandar	380
	Kerjasama Wilayah Kecil ASEAN	382
III.	PROSPEK, 2006-2010	383
	Pembangunan Mengikut Wilayah	384
	Mengurangkan Jurang antara Luar Bandar dengan Bandar	386
	Meningkatkan Kerjasama Wilayah Kecil ASEAN	388
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	391
V.	PENUTUP	391

**TERAS KEEMPAT: MENINGKATKAN TAHAP DAN KEMAMPANAN  
KUALITI HIDUP**

**BAB 18 : MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR,  
KEMUDAHAN AWAM DAN PENGANGKUTAN BANDAR**

I.	PENDAHULUAN	395
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	395
	Jalan Raya	396
	Pengangkutan Bandar	396
	Pengangkutan Kereta Api	398
	Pelabuhan	399
	Lapangan Terbang	400
	Bekalan Air	401
	Pembetungan	401
	Tebatan banjir	402
	Pengeksportan Kepakaran	402

III. PROSPEK, 2006-2010	402
Jalan Raya	403
Pengangkutan Bandar	404
Pengangkutan Kereta Api	404
Pelabuhan	405
Lapangan Terbang	406
Bekalan Air	407
Pembetulan	411
Tebatan banjir	411
Pengeksportan Kepakaran	411
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	412
V. PENUTUP	413

## **BAB 19 – PEMBANGUNAN TENAGA MAMPAN**

I. PENDAHULUAN	415
II. KEMAJUAN, 2001-2005	415
Permintaan Tenaga	416
Bekalan Tenaga	417
<i>Minyak Mentah</i>	418
<i>Gas Asli</i>	419
<i>Elektrik</i>	420
Tenaga Boleh Diperbaharu	423
Kecekapan Tenaga	423
Harga Tenaga	423
Penyertaan Dalam Industri dan Perkhidmatan Berkaitan Tenaga	423
III. PROSPEK, 2006-2010	424
Permintaan Tenaga	424
Bekalan Tenaga	425
<i>Minyak Mentah</i>	425

	<i>Muka Surat</i>
<i>Gas Asli</i>	426
<i>Arang Batu</i>	427
<i>Elektrik</i>	427
Tenaga Boleh Diperbaharu	430
Kecekapan Tenaga	431
Harga Tenaga	431
Kerjasama Serantau Mengenai Tenaga	432
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	432
V. PENUTUP	433

## **BAB 20 – MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN**

I. PENDAHULUAN	435
II. KEMAJUAN, 2001-2005	435
Perkhidmatan Kesihatan Awam	436
Perkhidmatan Penjagaan Perubatan dan Kesihatan	439
Pembangunan Sumber Manusia	443
Penyelidikan dan Pembangunan	445
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	446
Tadbir Urus	447
III. PROSPEK, 2006-2010	448
Perkhidmatan Kesihatan Awam	449
Perkhidmatan Penjagaan Perubatan dan Kesihatan	451
Pembangunan Sumber Manusia	455
Penyelidikan dan Pembangunan	456
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	456
Tadbir Urus	457
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	458
V. PENUTUP	459



**BAB 21: MENYEDIAKAN PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN  
BANDAR YANG BERKUALITI**

I.	PENDAHULUAN	461
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	461
	Perumahan	462
	<i>Perumahan Kos Rendah</i>	462
	<i>Perumahan Kos Sederhana Rendah</i>	464
	<i>Perumahan Kos Sederhana dan Kos Tinggi</i>	464
	<i>Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar</i>	464
	<i>Perumahan untuk Anggota Sektor Awam</i>	465
	Perkhidmatan Bandar	465
	<i>Perkhidmatan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan</i>	465
	<i>Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat</i>	468
III.	PROSPEK, 2006-2010	468
	Perumahan	469
	Perkhidmatan Bandar	473
	<i>Perkhidmatan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan</i>	473
	<i>Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat</i>	476
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	476
V.	PENUTUP	477

**BAB 22: MENGGALAKKAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR**

I.	PENDAHULUAN	479
II.	KEMAJUAN, 2001 – 2005	480
	Pengurusan Alam Sekitar	480
	Pengurusan Sumber Asli	482
	Inisiatif lain	484

	<i>Muka Surat</i>
III. PROSPEK, 2006 – 2010	485
Pengurusan Alam Sekitar	485
Pengurusan Sumber Asli	487
Inisiatif lain	489
IV. INSTITUSI PELAKSANA	489
V. PENUTUP	490

### **BAB 23 – MEMPERKAYAKAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN**

I. PENDAHULUAN	491
II. KEMAJUAN, 2001-2005	491
Seni dan Budaya	492
<i>Kesedaran dan Penghayatan Terhadap Seni dan Budaya</i>	492
<i>Bina Upaya dan Latihan</i>	492
<i>Seni Persembahan</i>	493
<i>Seni Tampak</i>	493
<i>Perpaduan Negara</i>	493
Warisan	493
III. PROSPEK, 2006-2010	494
Pemupukan Nilai Budaya yang Positif	495
Pengukuhan Penghayatan Budaya, Seni dan Warisan	495
Pemeliharaan dan Pemuliharaan Produk Warisan	496
Pengukuhan Industri Kraf dan Promosi Kraf Untuk Pasaran Dunia	497
Pembangunan Industri Kebudayaan Yang Kreatif	497
Pengukuhan Program Bina Upaya	497
IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	498
V. PENUTUP	499

**BAB 24 – MEMBANGUNKAN BUDAYA KESUKANAN**

I.	PENDAHULUAN	501
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	501
	Persekitaran yang Membolehkan	502
	Program Sukan Massa	502
	Program Sukan Berprestasi Tinggi	502
III.	PROSPEK, 2006-2010	504
	Pengukuhan Jentera Sukan Negara dan Keupayaan Institusi	504
	Program Sukan Massa	505
	Sukan Berprestasi Tinggi	506
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	507
V.	PENUTUP	508

MUKA  
SURAT  
**XXX**

**TERAS KELIMA: MENGUKUHKAN KEUPAYAAN INSTITUSI DAN  
PELAKSANAAN**

**BAB 25: TADBIR URUS BAIK UNTUK PEMBANGUNAN**

I.	PENDAHULUAN	511
II.	KEMAJUAN, 2001 – 2005	511
	Pelan Integriti Nasional	512
	Tadbir Urus Korporat yang Baik	512
	Menangani Rasuah	514
III.	PROSPEK, 2006 -2010	515
	Pelan Integriti Nasional	515
	Warganegara yang Bertanggungjawab	515
	Tadbir Urus Korporat yang Baik	516
	Mempergiat Penguatkuasaan	516
	Menangani Rasuah	517
IV.	INSTITUSI PELAKSANA	517
V.	PENUTUP	517

**BAB 26: SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN  
YANG CEKAP**

I.	PENDAHULUAN	519
II.	KEMAJUAN, 2001 – 2005	520
	Pengurangan Kerenah Birokrasi	520
	Pelesenan dan Permit	521
	Perkhidmatan Kaunter	521
	Pentadbiran Tanah	522
	Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	522
	Pemudahan Pelabur	523
	Pengurusan Kualiti	524
	Pengkukuran Prestasi	525
	Pembangunan Strategik ICT	525
	Pengurusan Aduan Awam	527
	Kerjasama Sektor Awam-Swasta	528
III.	PROSPEK, 2006 – 2010	528
	Pentadbiran Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan	529
	Pelbagai Saluran Perkhidmatan	530
	Kajian Semula Syarat dan Keperluan Kawal Atur	530
	Pengkukuran Prestasi	531
	Sumber Manusia yang Kompeten	531
	Pengurusan Aduan	532
	Penggunaan Infrastruktur dan Aplikasi ICT	533
	Perlindungan Keselamatan Awam	534
	Kerjasama Sektor Awam-Swasta	534
IV.	INSTITUSI PELAKSANA	535
V.	PENUTUP	535

## BAB 27 – PEMBANGUNAN MENERUSI KERJASAMA ANTARABANGSA

I.	PENDAHULUAN	537
II.	KEMAJUAN, 2001-2005	537
	Kerjasama Dua Hala	538
	Kerjasama Serantau	538
	Kerjasama Pelbagai Hala	541
	Program Kerjasama Teknikal Malaysia	543
III.	PROSPEK, 2006-2010	544
	Kerjasama Dua Hala	544
	Kerjasama Serantau	545
	Kerjasama Pelbagai Hala	546
	Program Kerjasama Teknikal Malaysia	549
IV.	INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN	551
V.	PENUTUP	551

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

I.	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN ANGGARAN PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGIKUT SEKTOR, 2001-2010	555
II.	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN ANGGARAN PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN, 2001-2010	556
III.	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGIKUT NEGERI, 2001-2010	557
	GLOSARI AKRONIM	561
	PETUNJUK	575



# SENARAI JADUAL DAN CARTA

## SENARAI JADUAL

		<i>Muka Surat</i>
<i>Jadual 1</i>	Perbandingan KDNK Per Kapita Berdasarkan PPP Malaysia dengan Negara OECD Terpilih	6
<i>Jadual 2</i>	Akses kepada Pendidikan dan Saiz Kelas, 1990-2005	8
<i>Jadual 3</i>	Petunjuk Kesihatan Terpilih, 1990-2005	12
<i>Jadual 2-1</i>	Sumbangan Faktor Pengeluaran, 1996-2010	46
<i>Jadual 2-2</i>	Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Industri Asal, 2000-2010	50
<i>Jadual 2-3</i>	Keluaran Negara Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan 2000-2010	52
<i>Jadual 2-4</i>	Imbangan Sumber, 2000-2010	54
<i>Jadual 2-5</i>	Perkembangan Harga, 2001-2005	55
<i>Jadual 2-6</i>	Akaun Sektor Awam yang Disatukan, 2000-2010	57
<i>Jadual 2-7</i>	Perbelanjaan dan Pembiayaan Kerajaan Persekutuan, 2000-2010	58
<i>Jadual 2-8</i>	Arah Haluan Perdagangan, 2000-2005	59
<i>Jadual 2-9</i>	Dagangan Barangan, 2000-2005	60
<i>Jadual 2-10</i>	Import Kasar Mengikut Penggunaan Akhir dan Kategori Ekonomi Umum, 2000-2005	62
<i>Jadual 2-11</i>	Imbangan Pembayaran, 2000-2010	63
<i>Jadual 2-12</i>	Prospek Ekonomi Dunia, 2001-2010	65
<i>Jadual 2-13</i>	Hasil Kerajaan Persekutuan, 2000-2010	73

<i>Jadual 2-14</i>	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan, 2000-2010	74
<i>Jadual 2-15</i>	Pengeluaran dan Eksport Komoditi, 2000-2010	77
<i>Jadual 3-1</i>	Nilai Ditambah Petanian dan Industri Berasaskan Pertanian, 2000-2010	82
<i>Jadual 3-2</i>	Eksport Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian, 2000-2010	83
<i>Jadual 3-3</i>	Guna Tenaga dan Nilai Ditambah Setiap Pekerja dalam Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian, 2000-2010	84
<i>Jadual 3-4</i>	Pengeluaran Komoditi Pertanian, 2000-2010	92
<i>Jadual 3-5</i>	Eksport dan Import Makanan, 2000-2010	93
<i>Jadual 3-6</i>	Tahap Sara Diri Komoditi Makanan, 2000-2010	94
<i>Jadual 3-7</i>	Penggunaan Tanah Pertanian, 2000-2010	96
<i>Jadual 3-8</i>	Program Tanam Semula, Penyatuan dan Pemulihan Tanah mengikut Agensi, 2000-2010	97
<i>Jadual 3-9</i>	Produktiviti Komoditi Pertanian, 2001-2010	98
<i>Jadual 3-10</i>	Latihan Pertanian mengikut Agensi, 2001-2010	100
<i>Jadual 3-11</i>	Pemprosesan Tempatan dan Penggunaan Komoditi Pertanian untuk Industri, 2000-2010	101
<i>Jadual 3-12</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan Pertanian, 2001-2010	108
<i>Jadual 4-1</i>	Petunjuk Utama Sektor Pembuatan, 2000-2010	112
<i>Jadual 4-2</i>	Nilai Ditambah Sektor Pembuatan, 2000-2010	113
<i>Jadual 4-3</i>	Eksport Barangan Pembuatan, 2000-2010	115
<i>Jadual 4-4</i>	Projek Pembuatan yang Diluluskan mengikut Industri, 2001-2005	117
<i>Jadual 4-5</i>	Guna Tenaga dalam Sektor Pembuatan mengikut Industri, 2000-2010	136
<i>Jadual 4-6</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan Berkaitan, 2001-2010	137
<i>Jadual 5-1</i>	Petunjuk ICT Terpilih, 2000-2010	141

		<i>Muka Surat</i>
<i>Jadual 5-2</i>	Perbelanjaan ICT mengikut Sektor, 2000-2005	142
<i>Jadual 5-3</i>	Petunjuk Terpilih MSC, 2001-2010	153
<i>Jadual 5-4</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Program Berkaitan ICT, 2001-2010	162
<i>Jadual 6-1</i>	Projek R&D Bioteknologi Sektor Awam, 2001-2005	167
<i>Jadual 6-2</i>	Projek Pembuatan Bioteknologi yang Diluluskan, 2001-2005	169
<i>Jadual 6-3</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Bioteknologi, 2001-2010	178
<i>Jadual 7-1</i>	Sumber dan Kegunaan Dana dalam Sistem Kewangan, 2000-2005	182
<i>Jadual 7-2</i>	Jumlah Aset, Deposit dan Pinjaman Sistem Perbankan, 2000-2005	185
<i>Jadual 7-3</i>	Prestasi Sistem Perbankan Islam, 2000-2005	186
<i>Jadual 7-4</i>	Prestasi Koperasi, 2000-2005	191
<i>Jadual 7-5</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Sektor Kewangan, 2001-2010	202
<i>Jadual 8-1</i>	Petunjuk Pelancongan Terpilih, 2000-2010	205
<i>Jadual 8-2</i>	Persidangan, Insentif, Konvensyen dan Pameran, 2001-2005	208
<i>Jadual 8-3</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan Pelancongan, 2001-2010	219
<i>Jadual 9-1</i>	Petunjuk Prestasi Terpilih, 2000-2005	223
<i>Jadual 9-2</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan untuk Perdagangan Pengedaran, 2001-2010	233
<i>Jadual 10-1</i>	Bilangan Projek yang Diswastakan mengikut Sektor dan Kaedah, 2001-2005	236
<i>Jadual 10-2</i>	Pelaksanaan Projek Penswastan Jalan Raya, 2001-2005	237
<i>Jadual 10-3</i>	Perolehan, Penjimatan dan Pengurangan Anggota dalam Sektor Awam, 1983-2005	239
<i>Jadual 10-4</i>	Pemilikan Ekuiti Entiti yang Diswastakan Semasa Penswastan, 2001-2005	240



<i>Jadual 10-5</i>	Pemilikan Ekuiti Entiti yang Diswastakan	241
<i>Jadual 11-1</i>	Saiz Penduduk dan Struktur Umur, 2000-2010	250
<i>Jadual 11-2</i>	Guna Tenaga mengikut Sektor, 2000-2010	252
<i>Jadual 11-3</i>	Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2000-2010	253
<i>Jadual 11-4</i>	Enrolmen di Institusi Pendidikan Awam, 2000-2010	255
<i>Jadual 11-5</i>	Institusi Pendidikan Tertiar, 2000 & 2005	256
<i>Jadual 11-6</i>	Enrolmen di Institusi Pendidikan Tinggi mengikut Peringkat Pengajian, 2000-2010	257
<i>Jadual 11-7</i>	Keluaran Sumber Manusia Mahir dan Separuh Mahir mengikut Kursus, 2000-2010	260
<i>Jadual 11-8</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan untuk Pendidikan dan Latihan, 2001-2010	273
<i>Jadual 12-1</i>	Petunjuk Sains, Teknologi dan Inovasi, 2000-2005	276
<i>Jadual 12-2</i>	Program IRPA mengikut Bidang Penyelidikan yang Diluluskan, 2001-2005	278
<i>Jadual 12-3</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Sains, Teknologi dan Inovasi, 2001-2010	293
<i>Jadual 13-1</i>	Struktur Penduduk mengikut Gender, 2000 dan 2005	296
<i>Jadual 13-2</i>	Guna Tenaga mengikut Gender dan Sektor, 2000 dan 2005	297
<i>Jadual 13-3</i>	Guna Tenaga mengikut Pekerjaan dan Gender, 2000 dan 2005	297
<i>Jadual 14-1</i>	Jumlah Penduduk mengikut Kumpulan Umur, 2000-2010	312
<i>Jadual 14-2</i>	Guna Tenaga Belia mengikut Sektor, 2000 dan 2005	312
<i>Jadual 14-3</i>	Guna Tenaga Belia mengikut Pekerjaan, 2000 dan 2005	313
<i>Jadual 14-4</i>	Perbelanjaan Peruntukan dan Pembangunan untuk Program Pembangunan Belia, 2001-2010	323
<i>Jadual 15-1</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Program Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, 2001-2010	339
<i>Jadual 16-1</i>	Kadar Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar, 1999 dan 2004	350

		<i>Muka Surat</i>
<i>Jadual 16-2</i>	Kadar Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar mengikut Kumpulan Etnik, 1999 dan 2004	350
<i>Jadual 16-3</i>	Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata dan Pekali Gini mengikut Kumpulan Etnik dan Strata, 1999 dan 2004	352
<i>Jadual 16-4</i>	Guna Tenaga mengikut Pekerjaan dan Kumpulan Etnik, 2000 dan 2005	354
<i>Jadual 16-5</i>	Profesional Berdaftar mengikut Kumpulan Etnik, 2000 dan 2005	355
<i>Jadual 16-6</i>	Hak Milik Modal Saham (Pada Nilai Tara) Syarikat Berhad, 2000 dan 2004	356
<i>Jadual 16-7</i>	Hak Milik Modal Saham (Pada Nilai Tara) Syarikat Berhad mengikut Kumpulan Etnik dan Sektor, 2004	357
<i>Jadual 16-8</i>	Pemilikan Bangunan dan Premis Komersil mengikut Kumpulan Etnik, 2005	358
<i>Jadual 16-9</i>	Peruntukan Pembangunan bagi Program Pengagihan, 2006-2010	373
<i>Jadual 17-1</i>	Indeks Komposit Pembangunan mengikut Negeri, 2005	376
<i>Jadual 17-2</i>	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri, 2001-2010	377
<i>Jadual 17-3</i>	Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata dan Kadar Kemiskinan mengikut Negeri, 1999 dan 2004	378
<i>Jadual 17-4</i>	Projek Pembuatan yang Diluluskan mengikut Negeri, 2001-2005	379
<i>Jadual 17-5</i>	Penduduk dan Kadar Pembandaran mengikut Negeri, 2000-2010	381
<i>Jadual 17-6</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Projek Pembangunan Luar Bandar, 2001-2010	391
<i>Jadual 18-1</i>	Petunjuk Pembangunan Jalan Raya, 2000-2005	397
<i>Jadual 18-2</i>	Penumpang Purata Sehari Perkhidmatan Rel Bandar, 2001-2005	398
<i>Jadual 18-3</i>	Keupayaan Pelabuhan, Bilangan Dermaga, Kren, Kapal Singgah dan Jumlah Kargo yang Dikendalikan di Pelabuhan, 2000-2010	400

<i>Jadual 18-4</i>	Trafik di Lapangan Terbang Malaysia, 2000-2010	406
<i>Jadual 18-5</i>	Kapasiti Pengeluaran dan Kuantiti Bekalan Air, 2000-2010 (jln)	408
<i>Jadual 18-6</i>	Liputan Bekalan Air Bandar dan Luar Bandar, 2000-2010 (% daripada penduduk)	409
<i>Jadual 18-7</i>	Kadar Air Tidak Terhasil, 2000-2010	410
<i>Jadual 18-8</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Infrastruktur dan Kemudahan Awam, 2001-2010	412
<i>Jadual 19-1</i>	Permintaan Akhir Tenaga Komersil mengikut Sumber, 2000-2010	416
<i>Jadual 19-2</i>	Permintaan Akhir Tenaga Komersil mengikut Sektor, 2000-2010	417
<i>Jadual 19-3</i>	Bekalan Tenaga Komersil Asas mengikut Sumber, 2000-2010	417
<i>Jadual 19-4</i>	Keupayaan Terpasang, Permintaan Puncak dan Rizab Margin, 2000-2010	420
<i>Jadual 19-5</i>	Campuran Bahan Api dalam Penjanaan Elektrik, 2000-2010	421
<i>Jadual 19-6</i>	Liputan Elektrik Luar Bandar mengikut Wilayah, 2000-2010	422
<i>Jadual 19-7</i>	Petunjuk Prestasi Sistem Bekalan Elektrik, 2000 dan 2005	422
<i>Jadual 19-8</i>	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan/Pelaburan untuk Program Sektor Tenaga, 2000-2010	433
<i>Jadual 20-1</i>	Liputan Pelalian di Klinik Kementerian Kesihatan, 2000 dan 2005	436
<i>Jadual 20-2</i>	Penyakit Tidak Berjangkit Terpilih di Kemudahan Kementerian Kesihatan, 2000 dan 2005	437
<i>Jadual 20-3</i>	Kemudahan yang Disediakan oleh Kementerian Kesihatan, 2000 dan 2005	440
<i>Jadual 20-4</i>	Nisbah Personel Kesihatan kepada Penduduk, 2000 dan 2005	444

		<i>Muka Surat</i>
<i>Jadual 20-5</i>	Bilangan Doktor mengikut Negeri, 2005	444
<i>Jadual 20-6</i>	Petunjuk Terpilih bagi Taraf Kesihatan, 2000 dan 2005	448
Jadual 20-7	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Perkhidmatan Kesihatan, 2001-2010	459
Jadual 21-1	Sasaran dan Pencapaian Perumahan Sektor Awam dan Swasta, 2001-2005	463
Jadual 21-2	Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal, 2001-2005	466
Jadual 21-3	Keperluan Perumahan mengikut Negeri, 2006-2010	470
Jadual 21-4	Sasaran Perumahan Sektor Awam dan Swasta, 2006-2010	470
Jadual 21-5	Perbelanjaan dan Pembangunan untuk Perumahan dan Perkhidmatan Bandar, 2001-2010	477
Jadual 23-1	Peruntukan Pembangunan Budaya dan Warisan, 2001-2010	498
Jadual 24-1	Perbelanjaan dan Pembangunan dan bagi Program Sukan, 2001-2010	507
<i>Jadual 25-1</i>	Kes Rasuah, 2000-2005	514
<i>Jadual 26-1</i>	Entiti Kerajaan yang memperoleh Persijilan MS ISO 9001:2000	524
<i>Jadual 26-2</i>	Aduan Diterima dan Diselesaikan, 2000-2005	527
<i>Jadual 27-1</i>	Bantuan Teknikal Diterima mengikut Sumber, 2001-2005	539
<i>Jadual 27-2</i>	Sumbangan kepada Organisasi Pelbagai Hala, 2001-2005	542

## SENARAI CARTA

		<i>Muka Surat</i>
<i>Carta 1</i>	Pertumbuhan KDNK Sebenar, 1991-2005	5
<i>Carta 2</i>	Komposisi Faktor Pengeluaran, 1991-2005	7
<i>Carta 3</i>	Struktur Ekonomi, 1990-2005	7
<i>Carta 4</i>	Nisbah Pendapatan Antara Etnik, 1990-2004	11
<i>Carta 5</i>	Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 1990-2004	11
<i>Carta 2-1</i>	Indeks Pembangunan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan: Malaysia, 2000 dan 2005	47
<i>Carta 2-2</i>	Indeks Pembangunan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan Mengikut Negara, 2000 Dan 2005	48
<i>Carta 2-3</i>	Ukuran Kandungan Pengetahuan Secara Agregat Mengikut Industri, 2002	48
<i>Carta 2-4</i>	Pelaburan Swasta, 1990-2005	53
<i>Carta 2-5</i>	Eksport Kasar Barangan Pembuatan, 2000 Dan 2005	60
<i>Carta 4-1</i>	Destinasi Eksport Utama Barangan Pembuatan, 2000-2005 (%)	116
<i>Carta 17-1</i>	Hierarki Konurbasi	389
<i>Carta 19-1</i>	Pengeluaran Minyak Mentah Dan Kondensat, Jumlah Dan Nilai Eksport, 2001-2010	418
<i>Carta 22-1</i>	Pengurusan Sisa Berjadual, 2001-2004	482
<i>Carta 27-1</i>	Jumlah Peserta PKTM, 1981-2005	543





# MISI NASIONAL

## I. PENDAHULUAN

1. Malaysia mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha membangunkan negara, memajukan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sejak Merdeka, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada harga sebenar meningkat 6.5 peratus setahun dalam tempoh 1957 hingga 2005, merupakan antara kadar pertumbuhan yang tertinggi pernah dicapai oleh negara berdaulat yang setaraf. Dalam tempoh yang sama, KDNK per kapita pada harga semasa meningkat 7.0 peratus setahun yang telah menghasilkan peningkatan ketara kualiti hidup rakyat. Kemajuan yang meluas telah dicapai dalam pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan perindustrian. Malaysia, negara yang pada awalnya miskin dan bergantung pada pertanian tradisional kini merupakan sebuah negara yang makmur dengan ekonomi yang pelbagai. Sebuah masyarakat yang pada mulanya lemah ikatan perpaduannya dan kurang pengalaman dalam mentadbir negara telah melangkah maju menjadi sebuah negara yang bersatu. Jati diri dan maruah negara dibina melalui ketabahan serta kejayaan dalam mengatasi pelbagai cabaran berlandaskan prinsip Rukunegara.

2. Hala tuju pembangunan negara dibentuk oleh wawasan, pemikiran serta usaha para negarawan dan cendekiawan negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan tiga rangka dasar utama negara iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-1990, Dasar Pembangunan Nasional (DPN), 1991-2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN), 2001-2010. Setiap dasar tersebut digubal berlandaskan pemahaman yang mendalam tentang keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh negara serta tindakan yang perlu dilaksanakan. Dasar tersebut juga berjaya mencerminkan aspirasi negara. Aspirasi ini telah digariskan dalam Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991, bagi mencapai status negara maju menjelang 2020.

3. Malaysia kini berada di peringkat pertengahan dan sedang memasuki fasa 15 tahun kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Secara umumnya, objektif utama DEB, DPN dan DWN, iaitu perpaduan negara, pertumbuhan

ekonomi dan keseimbangan sosial terus dikekalkan. Walau bagaimanapun, keadaan dan persekitaran negara telah berubah dengan ketara sekali. Malaysia kini sebuah ekonomi terbuka yang bersaing dalam pasaran global yang amat pantas dan berdaya saing. Pembukaan pasaran China dan India kepada ekonomi global telah mengubah dengan nyata persekitaran ekonomi negara maju dan negara membangun. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mempercepat dan memperluas urusan niaga. Kaedah pembangunan berintensifkan buruh dan modal telah bertukar kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti dan pengetahuan.

4. Ciri masyarakat Malaysia juga telah berubah. Penduduk negara semakin moden dan berpendidikan manakala golongan berpendapatan pertengahan semakin bertambah. Walau bagaimanapun, masih terdapat ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan antara dan di kalangan etnik, antara penduduk luar bandar dengan bandar dan antara wilayah. Begitu juga, polarisasi kaum masih wujud di sekolah, tempat bekerja, kawasan perumahan dan dalam masyarakat umumnya.

5. Pembentukan masyarakat Malaysia yang benar-benar maju bukan sahaja perlu berasaskan kedudukan ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing tetapi juga kepada pengagihan kekayaan yang lebih saksama dan penyertaan semua kumpulan masyarakat. Walaupun pertumbuhan dan kedinamikan ekonomi perlu dicapai, ketidakseimbangan peluang ekonomi dan sumber pendapatan tidak seharusnya dibiarkan berlarutan sehingga menggugat pembangunan negara.

6. Pada masa yang sama, minda, budaya, nilai dan institusi sosial perlu diperkukuh sejajar dengan pembangunan ekonomi negara. Matlamat negara tidak tercapai jika hanya mempunyai infrastruktur kelas pertama tetapi minda kelas ketiga. Untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan seterusnya rakyat perlu memperkukuh asas moral dan etika, di samping mempertingkatkan minda dan sikap ke arah memperolehi kecemerlangan dan prestasi tinggi.

7. Keazaman untuk menjadi sebuah negara yang teguh, maju dan bersatu kekal utuh walaupun terdapat pelbagai cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi. Sehubungan ini, dasar dan rangka kerja pelaksanaan baru - Misi Nasional - telah disediakan untuk menggaris pendekatan yang akan dilaksana bagi mencapai wawasan dan matlamat negara dalam jangka masa 15 tahun yang akan datang. Misi Nasional ialah rangka kerja yang bertujuan memastikan usaha pembangunan negara menghasilkan impak dan prestasi yang lebih tinggi ke arah pencapaian Wawasan 2020. Rangka kerja ini disediakan atas kesedaran untuk mencapai status negara maju berasaskan acuan dan kemampuan sendiri, Malaysia perlu melaksanakan dasar dan program yang akan meningkatkan keupayaan bersaing di peringkat global; mengukuhkan perpaduan dan mengurangkan polarisasi kaum; serta mewujudkan keseimbangan pendapatan dan kekayaan melalui penyertaan yang bermakna oleh semua pihak dalam proses pertumbuhan yang produktif dan berdaya saing.



## II. KE ARAH 2020: LIMA BELAS TAHUN PERTAMA, 1991-2005


### Ekonomi Malaysia

8. Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar purata 6.2 peratus setahun dalam tempoh 1991-2005, seperti ditunjukkan dalam *Carta 1*. Pertumbuhan yang kukuh ini telah dicapai meskipun terdapat cabaran seperti krisis kewangan Asia 1997-98, peristiwa 11 September pada tahun 2001, peperangan di Afghanistan dan Iraq, wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan selesema burung serta kenaikan harga minyak dunia.

9. Asas ekonomi kekal kukuh. Pertumbuhan dicapai dengan inflasi yang rendah pada kadar purata 2.9 peratus setahun dan pengangguran yang juga rendah pada kadar purata 3.1 peratus dalam tempoh tersebut. Akaun semasa imbangan pembayaran dan akaun sektor awam yang disatukan mencatat lebih berkembar pada akhir tempoh tersebut. Jumlah tabungan dan rizab luar melonjak semula ke tahap yang lebih baik selepas krisis kewangan Asia.

CARTA 1

### PERTUMBUHAN KDNK SEBENAR, 1991-2005



Sumber: Jabatan Perangkaan

10. KDNK per kapita pada harga semasa meningkat pada kadar purata 7.1 peratus setahun kepada RM18,489 atau AS\$4,904 pada tahun 2005. Apabila diselaraskan dengan kos sara hidup Malaysia, KDNK per kapita berdasarkan PPP<sup>1</sup> meningkat dua kali ganda kepada AS\$10,318 pada tahun 2005. Berbanding negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), kedudukan KDNK per kapita Malaysia berdasarkan PPP berada di antara Poland dan Mexico, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1*.

JADUAL 1

**PERBANDINGAN KDNK PER KAPITA BERDASARKAN  
PPP MALAYSIA DENGAN NEGARA OECD TERPILIH**

Negara	AS\$		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata
	1990	2005 <sup>e</sup>	1991-2005
Amerika Syarikat	22,921	41,762	4.1
Jepun	18,789	31,386	3.5
Republik Korea	8,504	21,383	6.3
Hungary	8,949	16,628	4.2
Poland	5,827	13,364	5.7
<b>Malaysia</b>	<b>5,284</b>	<b>10,318</b>	<b>4.6</b>
Mexico	6,098	9,991	3.3
Turki	4,476	8,137	4.1

Sumber: National Accounts OECD, OECD Paris 2005 dan pangkalan data EIU


Nota: <sup>e</sup> Merujuk kepada anggaran.

11. Ekonomi Malaysia berubah daripada pertumbuhan berasaskan modal pada tahun 1991 kepada pertumbuhan yang lebih seimbang antara modal, buruh dan produktiviti faktor keseluruhan (TFP<sup>2</sup>) pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2*. Struktur ekonomi Malaysia terus berkembang daripada sektor pembuatan kepada perkhidmatan, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3*. Pertumbuhan industri perkhidmatan berasaskan pengetahuan telah berkembang dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia pada tahun 1996 diikuti inisiatif lain seperti Dasar Bioteknologi Negara yang dilancarkan pada tahun 2005.

<sup>1</sup> Pariti Kuasa Beli (PPP) adalah satu daripada petunjuk untuk membandingkan taraf kehidupan di antara negara. Ia penting kerana perbandingan keluaran dalam negeri kasar dalam matawang yang sama tidak mencerminkan perbezaan kekayaan. PPP mengambil kira perbezaan di antara pendapatan dan perbezaan kos sara hidup.


<sup>2</sup> Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP) dianggarkan menggunakan fungsi pengeluaran Cobb-Douglas dengan menolak bahagian pertumbuhan berasaskan kenaikan tenaga buruh dan modal daripada pertumbuhan keseluruhan. TFP merujuk kepada keluaran tambahan yang dihasilkan daripada pengenalan teknologi baru; peningkatan teknologi; inovasi; teknik pengurusan yang lebih baik; faedah daripada pengkhususan; peningkatan kecekapan, pengetahuan, pendidikan, kemahiran dan pengalaman kerja serta kemajuan dalam ICT.

CARTA 2  
**KOMPOSISI FAKTOR  
 PENGELUARAN, 1991-2005**



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

CARTA 3  
**STRUKTUR EKONOMI, 1990-2005**  
 (% daripada KDNK)



Sumber: Jabatan Perangkaan

### Modal Insan: Pendidikan, Inovasi dan Nilai

12. Pada keseluruhannya, kadar penyertaan dalam sistem pendidikan kebangsaan telah bertambah baik, dengan peningkatan yang ketara di peringkat prasekolah dan tertiar, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2*. Purata saiz kelas dan nisbah guru kepada pelajar bertambah baik bagi sekolah rendah dan menengah. Di samping itu, pelbagai langkah telah diambil untuk menambah baik kurikulum, meningkatkan pengajaran dan penggunaan ICT di sekolah serta kemahiran mengajar. Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi ruang untuk meningkatkan kualiti sekolah rendah dan menengah, terutamanya sekolah kebangsaan serta mengurangkan jurang antara sekolah luar bandar dan bandar.

13. Bagi memenuhi permintaan sumber manusia mahir yang meningkat, seramai 597,384 pekerja mahir telah dikeluarkan oleh institusi latihan dan 4.8 juta tempat latihan untuk meningkat kemahiran telah disediakan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad dalam tempoh 1991-2005. Peluang meningkatkan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat juga ditambah menerusi penubuhan kolej komuniti dan universiti terbuka. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan mendesak supaya institusi latihan dan tertiar bekerjasama dengan semua industri bagi memenuhi keperluan majikan.

## JADUAL 2

### AKSES KEPADA PENDIDIKAN DAN SAIZ KELAS, 1990-2005

	1990	2005	Purata negara OECD(2003)
<b>Kadar Penyertaan (%)</b>			
Prasekolah (4 - 6 tahun)	33.1	60.0	
Rendah	93.2	96.0	
Menengah	68.0	85.0	
Tertiari <sup>1</sup> (17-23 tahun)	16.9	29.9	
<b>Purata Saiz Kelas (Pelajar)</b>			
Rendah	33.2	31.0	21.6
Menengah	33.6	32.5	23.9 <sup>2</sup>
<b>Nisbah Guru-Murid</b>			
Rendah	1:20.4	1:17.2	1:16.5
Menengah	1:18.9	1:16.3	1:13.6

Sumber: Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada ijazah, diploma, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, matrikulasi, *A-level* dan sijil lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

<sup>2</sup> Merujuk kepada menengah rendah.

MUKA  
SURAT

8

14. Selaras dengan peralihan ke arah pertumbuhan berasaskan pengetahuan dan inovasi, perbelanjaan kasar ke atas penyelidikan dan pembangunan (GERD) telah bertambah pada kadar purata 9.4 peratus setahun daripada RM1.1 bilion pada tahun 1990 kepada RM4.3 bilion pada tahun 2005. Nisbah GERD<sup>3</sup> kepada KDNK meningkat daripada 0.4 peratus pada tahun 1990 kepada 0.9 peratus pada tahun 2005. Bilangan penyelidik bagi setiap 10,000 penduduk bertambah daripada tujuh pada tahun 1990 kepada 25 pada tahun 2005. Bilangan ini adalah satu peningkatan yang baik namun masih jauh berbanding 61 di negara OECD. Kadar pengkomersilan penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah rendah manakala bilangan paten yang diberikan<sup>4</sup> kepada warga Malaysia adalah rendah daripada 20 pada tahun 1990 kepada 37 pada tahun 2005.

15. Penggunaan ICT meningkat dengan kadar penggunaan komputer peribadi daripada 1.2 peratus pada tahun 1990 kepada 21.8 peratus pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, kadar penggunaan Internet melalui dail terus pada 13.9 peratus dan jalur lebar pada 1.9 peratus pada tahun 2005 adalah masih rendah sebahagiannya disebabkan liputan yang terhad.

16. Islam Hadhari yang diperkenalkan pada tahun 2004 merupakan rangka kerja pembangunan yang menyeluruh dan sejagat untuk negara. Rangka kerja ini digubal sebagai satu pendekatan penting kepada rakyat yang menggabungkan

<sup>3</sup> Purata OECD ialah 2.24 peratus daripada KDNK (2003).

<sup>4</sup> Purata OECD ialah 1,575 paten setahun.

pencapaian dan kemajuan, di samping berpegang teguh kepada nilai sejagat dan tuntutan Islam. Islam Hadhari menggariskan 10 prinsip bagi memperkasa rakyat untuk menghadapi cabaran global selain memastikan pendekatan dan pelaksanaannya diterima oleh semua kumpulan dalam negara.

### KOTAK 1 ISLAM HADHARI

Bagi mencapai keseimbangan antara pembangunan fizikal dengan kerohanian, Kerajaan telah melancarkan rangka kerja pembangunan menyeluruh dan sejagat, iaitu Islam Hadhari (*Civilisational Islam*) pada tahun 2004. Rangka kerja ini menekankan pembangunan yang selaras dengan rukun Islam dengan memberikan tumpuan kepada meningkatkan kualiti hidup melalui penguasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan individu dan negara; pelaksanaan sistem ekonomi, perdagangan dan kewangan yang dinamik; mendorong pembangunan yang bersepadu dan seimbang yang melahirkan rakyat berilmu dan bertakwa serta berpegang teguh pada nilai murni dan jujur, amanah dan bersedia menyahut cabaran global.

Islam Hadhari bukan merupakan agama baru. Ia juga bukan ajaran baru atau pun mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk menggalakkan rakyat berpegang kepada prinsip asas seperti yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis yang merupakan asas tamadun Islam.

Islam Hadhari mempunyai sepuluh prinsip seperti berikut:

- Keimanan dan ketakwaan kepada Allah;
- Kerajaan yang adil dan beramanah;
- Rakyat berjiwa merdeka;
- Penguasaan ilmu pengetahuan;
- Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif;
- Kehidupan berkualiti;
- Perlindungan hak kumpulan minoriti dan wanita;
- Keutuhan moral dan budaya;
- Pemeliharaan alam semula jadi; dan
- Kekuatan pertahanan.

Berdasarkan prinsip di atas, dasar dan strategi akan dirangka dan dikaji semula supaya dapat mewakili kepentingan masyarakat. Pematuhan prinsip ini akan meningkatkan tadbir urus dan memastikan komitmen yang tinggi terhadap kebertanggungjawaban awam. Islam Hadhari turut memberikan penekanan terhadap kedaulatan negara melalui keupayaan mempertahankan diri dan pada masa yang sama berpegang teguh pada prinsip yang menentang ancaman dan keganasan.

17. Dari segi nilai sosial, keupayaan masyarakat perlu dipertingkat bagi menghadapi perubahan dan tekanan berikutan kemajuan dan pembangunan yang pesat. Masalah sosial yang berlaku meliputi perpecahan keluarga, penagihan dadah dan keganasan rumah tangga. Kemerosotan nilai sosial dari segi kesedaran sivik, kesopanan, memandu secara berhemah dan sikap terhadap amalan rasuah terus membimbangkan. Walau bagaimanapun, tahap kesedaran politik didapati meningkat seperti ditunjukkan, antara lain, menerusi pertambahan penyertaan semasa pilihan raya. Dalam pilihan raya umum pada tahun 1990, sebanyak 69.3 peratus pengundi berdaftar telah mengundi manakala pada tahun 2004, peratusan mengundi bertambah kepada 74 peratus bagi kawasan Parlimen dan 75 peratus bagi kawasan Dewan Undangan Negeri.

## Kesaksamaan Sosioekonomi

18. Kadar kemiskinan di Malaysia berkurang dengan ketara dalam tempoh 1991-2004. Kadar kemiskinan<sup>5</sup> turun daripada 22.8 peratus pada tahun 1990 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004.

19. Walau bagaimanapun, bahagian pendapatan isi rumah 40 peratus terendah berkurang daripada 14.5 peratus pada tahun 1990 kepada 13.5 peratus pada tahun 2004 manakala bahagian pendapatan isi rumah 20 peratus tertinggi meningkat sedikit daripada 50 peratus kepada 51.2 peratus. Berikutan itu, pekali Gini<sup>6</sup> merosot daripada 0.442 pada tahun 1990 kepada 0.462 pada tahun 2004.

20. Pertumbuhan pendapatan bandar yang lebih tinggi telah meningkatkan nisbah pendapatan antara luar bandar dengan bandar daripada 1:1.70 pada tahun 1990 kepada 1:2.11 pada tahun 2004. Kemiskinan luar bandar kekal tinggi terutamanya di Sabah, Terengganu dan Kelantan.

21. Sebaliknya, jurang pendapatan antara etnik bertambah baik dalam tempoh 1991-2004. Nisbah pendapatan Bumiputera kepada etnik Cina meningkat daripada 1:1.74 pada tahun 1990 kepada 1:1.64 pada tahun 2004. Nisbah pendapatan Bumiputera kepada etnik India berkurang sedikit daripada 1:1.29 pada tahun 1990 kepada 1:1.27 pada tahun 2004, seperti ditunjukkan dalam *Carta 4*. Corak pekerjaan di semua peringkat menunjukkan peningkatan kepelbagaian etnik yang menyumbang kepada pengurangan pengenalan etnik mengikut jenis pekerjaan. Walau bagaimanapun, masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi kategori profesional dan pengurusan. Pemilikan ekuiti sektor korporat mengikut kumpulan etnik pada tahun 2004 ialah 18.9 peratus untuk Bumiputera, 39.0 peratus untuk etnik Cina dan 1.2 peratus untuk etnik India.

## Kualiti Hidup

22. Kualiti hidup Malaysia yang diukur menggunakan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) meningkat sebanyak 10.9 mata sepanjang tempoh 1990-2004, seperti ditunjukkan dalam *Carta 5*. Semua komponen IKHM mencatat kenaikan kecuali komponen keselamatan awam dan alam sekitar. Peningkatan kualiti


---

<sup>5</sup> Kadar kemiskinan adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan yang dikira menggunakan metodologi baru.

<sup>6</sup> Pekali Gini ialah ukuran pemusatan pendapatan. Nilai pekali Gini berada antara 0 dan 1 di mana 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama manakala nilai 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama.

CARTA 4


## NISBAH PENDAPATAN ANTARA ETNIK, 1990-2004



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

CARTA 5

## INDEKS KUALITI HIDUP MALAYSIA, 1990-2004



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

hidup ini juga ditunjukkan menerusi pencapaian lebih awal berbanding dengan tahun sasaran 2015 bagi hampir semua Matlamat Pembangunan Milenium<sup>7</sup> (MDG) kecuali bagi matlamat mengenai HIV/AIDS.

23. Kadar kematian bayi dan kanak-kanak berkurang dengan ketara berikutan sistem penjagaan kesihatan yang lebih baik, peningkatan pendidikan dan penyediaan perkhidmatan kesihatan reproduktif. Jangka hayat bagi lelaki dan wanita meningkat, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3*.

JADUAL 3  
PETUNJUK KESIHATAN TERPILIH, 1990-2005

<i>Petunjuk</i>	1990	2000	2005
Jangka Hayat semasa Lahir (dalam tahun)			
Lelaki	68.9	70.0	70.6
Perempuan	73.5	75.1	76.4
Kadar Kematian Bayi (bagi setiap 1,000 kelahiran)	13.0	6.6	5.8
Kadar Kematian Kanak-kanak (bagi setiap 1,000 populasi kanak-kanak)	0.9	0.6	0.5
Kadar Kematian Ibu Bersalin (bagi setiap 1,000 kelahiran)	0.2	0.3	0.3

Sumber: Kementerian Kesihatan

24. Akses kepada kemudahan perumahan yang mencukupi pada harga yang mampu dibeli atau disewa dan berkualiti telah meningkat, seperti ditunjukkan dalam peningkatan nisbah isi rumah kepada rumah daripada 1:1.14 pada tahun 1991 kepada 1:1.18 pada tahun 2005. Dalam tempoh tersebut, bilangan rumah bertambah daripada 4.1 juta pada tahun 1991 kepada 6.4 juta pada tahun 2005.

25. Liputan bekalan air di seluruh negara meningkat daripada 80 peratus pada tahun 1990 kepada 95 peratus pada tahun 2005. Bagi kawasan bandar liputannya kekal tinggi manakala di kawasan luar bandar bertambah dengan ketara daripada 67 peratus pada tahun 1990 kepada 92 peratus pada tahun 2005. Langkah juga telah diambil untuk mengurangkan peratusan air tidak terhasil daripada 43 peratus dalam tahun 1990 kepada 38 peratus dalam tahun 2005. Walau bagaimanapun, masih banyak usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi kecekapan pembekalan air.

<sup>7</sup> Matlamat MDG seperti yang dipersetujui dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah membasmi kemiskinan tegar dan kelaparan; mencapai pendidikan rendah yang universal; meningkatkan kesaksamaan gender dan memperkasa wanita; mengurangkan kadar kematian kanak-kanak; memperbaiki kesihatan ibu bersalin; mencegah HIV/AIDS, malaria dan penyakit lain; memastikan alam sekitar yang mampan dan mewujudkan perkongsian global menjelang 2015.



26. Liputan elektrik di seluruh negara bertambah daripada 80 peratus pada tahun 1990 kepada 93 peratus pada tahun 2005. Bagi kawasan luar bandar liputannya meningkat daripada 67 peratus pada tahun 1990 kepada 92 peratus pada tahun 2005. Walaupun peningkatan adalah ketara terutama di Sabah dan Sarawak, liputannya perlu terus diperluaskan. Bagi industri telekomunikasi, liberalisasi pasaran sejak tahun 1990an telah mewujudkan harga yang lebih berdaya saing dan lebih banyak pilihan kepada pengguna, seterusnya meningkatkan kadar penggunaan telefon selular daripada 0.7 bagi setiap 100 penduduk pada tahun 1990 kepada 74.1 pada tahun 2005.

27. Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, sistem pengangkutan awam pelbagai mod dilaksanakan di Lembah Klang termasuk pembinaan sistem transit aliran ringan (LRT), perkhidmatan komuter, monorel dan sistem bas pengantara. Rangkaian lebuh raya dan jalan raya yang bertambah daripada 53,985 kilometer pada tahun 1990 kepada 77,673 kilometer pada tahun 2005, telah memudahkan pertumbuhan kawasan baru dan juga telah mengurangkan masa perjalanan dan kos. Bagi menampung pertumbuhan penumpang, lapangan terbang telah dinaik taraf dan lapangan terbang baru dibina dengan projek terbesar iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang merupakan pintu masuk utama ke negara ini. Di samping itu, akses melalui udara ke kawasan pedalaman juga dipertingkatkan.

28. Dasar Alam Sekitar Negara telah mendorong usaha menangani isu alam sekitar secara bersepadu. Antara lain, usaha yang dilakukan telah dapat mengekalkan kualiti udara pada tahap antara baik dan sederhana bagi kebanyakan kawasan di negara dan juga menurunkan bilangan sungai yang tercemar. Di samping itu, sebagai sebuah negara *megadiverse*, Malaysia terus berusaha untuk menjaga kekayaan warisan alam semulajadinya. Lebih separuh daripada keluasan tanah negara kekal sebagai hutan dan wujud jaringan menyeluruh bagi taman negara dan taman laut, rezab dan santuari hidupan liar serta hutan simpan kekal.

29. Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan kadar penyelesaian jenayah yang lebih baik daripada piawai Interpol. Sungguhpun begitu, jenayah berkaitan harta benda meningkat daripada 3.3 kes setiap seribu penduduk pada tahun 1990 kepada 5.3 pada tahun 2004. Di samping itu, jenayah ganas juga meningkat daripada 0.5 kes setiap seribu penduduk pada tahun 1990 kepada 0.9 kes pada tahun 2004. Memandangkan harapan orang awam terhadap keselamatan adalah tinggi, usaha yang lebih perlu dilaksanakan untuk mengurangkan kadar jenayah keseluruhan, seterusnya mewujudkan suasana tenteram dan lebih selamat kepada orang awam. Suruhanjaya Diraja untuk Menambahbaik Operasi dan Pengurusan PDRM ditubuhkan pada tahun 2004 bagi mengenal pasti langkah untuk memperbaiki dan memperkukuh pasukan polis. Sebahagian besar cadangan Suruhanjaya ini sedang dilaksanakan secara berperingkat. Di samping itu, masyarakat harus juga memainkan peranan penting untuk meningkatkan keselamatan awam melalui kerjasama yang berterusan dengan pihak polis.

## **Keteguhan Institusi**

30. Konsep sektor awam yang lebih proaktif dan lebih tertumpu kepada pelanggan telah bermula dalam tempoh tersebut. Teras perubahan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sektor awam dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Pelbagai program telah dijalankan termasuk pengurusan kualiti, pelaksanaan Piagam Pelanggan, perkhidmatan kaunter yang cekap, penilaian produktiviti dan prestasi, penggunaan teknologi maklumat yang lebih meluas, pengurusan pengaduan awam yang cekap dan pemupukan nilai serta etika kerja positif. Peningkatan produktiviti dan kepuasan pelanggan yang dihasilkan daripada langkah tersebut adalah memberangsangkan dan usaha untuk meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan akan diperhebatkan.

31. Tumpuan kepada tadbir urus yang baik dalam sektor awam dan swasta juga telah dipergiat dalam tempoh yang sama untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan menarik kepada para pelabur. Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan pada tahun 2004 untuk menggembeling usaha membina masyarakat Malaysia yang berintegriti tinggi. Undang-undang dan peraturan juga telah dikaji semula untuk meningkatkan kecekapan dan tadbir urus yang baik dalam sektor korporat, termasuk pengkajian semula rangka kerja institusi kewangan dan pengenalan Rukuniaga Malaysia.

32. Penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 menyediakan satu mekanisme institusi bagi meningkatkan perlindungan hak asasi manusia. Di antara tahun 2000 hingga 2005, SUHAKAM telah mengendalikan 2,917 aduan berhubung pelanggaran hak asasi manusia dan penyalahgunaan kuasa<sup>8</sup>.

### **III. FASA SETERUSNYA: MISI NASIONAL, 2006-2020**

33. Usaha ke arah mencapai matlamat menjelang 2020 akan menempuhi pelbagai cabaran dan kesukaran memandangkan persekitaran sosioekonomi tempatan dan antarabangsa sentiasa berubah. Lima belas tahun akan datang memerlukan usaha gigih dan keazaman yang tinggi bagi mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Oleh itu, bagi mencapai prestasi yang tinggi dan impak yang maksimum daripada usaha pembangunan nasional, Misi Nasional mengenal pasti lima teras utama:

---

<sup>8</sup> Daripada 1,342 kes pada tahun 2005, 246 aduan telah diselesaikan. Tiada tindakan diambil ke atas 354 aduan kerana tiada kes jelas melanggar hak asasi sementara 742 aduan sedang disiasat.

***Pertama: Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi***

Untuk berjaya dalam pasaran global yang semakin berdaya saing, Malaysia perlu beranjak daripada tahap 'pembangunan pertengahan' kepada ekonomi yang didorong oleh modal insan dengan:

- meningkatkan produktiviti, daya saing dan nilai ditambah aktiviti pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang sedia ada
- menjana sumber kekayaan baru dalam sektor yang berintensifkan teknologi dan pengetahuan seperti ICT, bioteknologi dan perkhidmatan berasaskan kemahiran
- mewujudkan pekerjaan baru dan meningkatkan peluang pekerjaan terutamanya dalam aktiviti berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan
- menggalakkan sektor swasta sebagai peneraju utama dan meningkatkan pelaburan sektor swasta dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menjalankan perniagaan, meningkatkan pembangunan enterpris kecil dan sederhana, meningkatkan kerjasama antara sektor awam dengan swasta serta menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi
- memupuk budaya kecemerlangan dan prestasi tinggi dalam sektor awam dan swasta termasuk syarikat berkaitan kerajaan
- mengembangkan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia

Ekonomi dijangka berkembang pada kadar purata 6.0 peratus setahun dalam tempoh 2006-2010 dan 6.5 peratus dalam tempoh 2011-2020. TFP dijangka melebihi modal dan buruh untuk menjadi faktor pengeluaran yang utama dengan peningkatan kepada 41 peratus daripada KDNK menjelang 2020. Ekonomi dijangka menjadi lebih kukuh dalam sektor perkhidmatan dengan sekurang-kurangnya 5.0 peratus daripada KDNK disumbangkan oleh subsektor yang berintensifkan teknologi.

***Kedua: Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'***

Pengetahuan, inovasi dan nilai - kualiti modal insan negara - akan menjadi penentu utama kejayaan masa depan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Negara perlu meningkatkan keupayaan penduduk dengan:

- menjadikan Islam Hadhari sebagai rangka kerja pembangunan yang menyeluruh dan sejangat

- melaksanakan penambahbaikan sistem pendidikan yang menyeluruh daripada peringkat prasekolah sehingga tertiar, daripada aspek kurikulum dan pengajaran sehingga kepada kemudahan sekolah dengan tumpuan utama untuk meningkatkan taraf sekolah luar bandar
- meningkatkan prestasi pencapaian sekolah kebangsaan supaya menjadi *sekolah pilihan rakyat*
- mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan institusi tertiar memenuhi kehendak majikan
- mengadakan lebih banyak tempat untuk pembangunan kemahiran, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat kepada tenaga buruh pada setiap peringkat dan umur termasuk penggunaan ICT
- menyediakan persekitaran dan sistem inovasi yang menggalakkan R&D berkualiti tinggi dan boleh dikomersilkan
- menghalusi dan melaksanakan program yang menggalakkan pembangunan moral yang kukuh dan budaya beretika seperti terkandung dalam PIN
- memperkasa belia dan wanita untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam pertumbuhan dan pembangunan negara

Menjelang 2020, negara mensasarkan untuk menjadikan sekolah kebangsaan lebih menarik kepada orang awam. Sejauh mana pencapaian akan dicerminkan dengan bertambahnya penyertaan pelajar Cina dan India dalam sekolah rendah kebangsaan. Bilangan penduduk Cina dalam lingkungan umur 6-11 tahun yang menghadiri sekolah kebangsaan dijangka berkembang daripada 6 peratus pada tahun 2005 kepada 12 peratus menjelang 2010 manakala bagi penduduk India daripada 43.2 peratus kepada 60 peratus. Semua kanak-kanak akan menghadiri tempoh persekolahan minimum 11 tahun. Sekurang-kurangnya dua universiti disasarkan untuk mencapai reputasi dan bertaraf antarabangsa. Bagi R&D, nisbah GERD kepada KDNK dianggarkan meningkat dua kali ganda manakala bilangan ahli penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga buruh dijangka meningkat kepada 65. Bilangan paten dan R&D yang dikomersilkan dijangka meningkat dengan ketara dari asas yang rendah pada tahun 2005. Dari segi akses kepada teknologi, kadar penembusan komputer peribadi dijangka meningkat daripada 21.8 bagi setiap 100 penduduk kepada 60 buah manakala langganan jalur lebar dianggarkan meningkat daripada 1.9 bagi setiap 100 penduduk kepada 20. Berkaitan nilai sosial, sikap terhadap kesedaran sivik dan antirasuah dijangka menjadi lebih baik menjelang 2020, seperti ditunjukkan dalam tinjauan pendapat awam di peringkat nasional.

***Ketiga: Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif***

Bagi menghapuskan punca ketidakseimbangan, usaha perlu ditumpukan kepada kumpulan sasaran sebenar dan menyediakan peluang yang mencukupi untuk kemajuan dan bina upaya. Usaha ini termasuk:

- membasmi kemiskinan tegar menjelang 2010 di samping mengurangkan kemiskinan keseluruhan
- mengurangkan jurang antara penduduk luar bandar dengan bandar, antara negeri dan antara wilayah melalui penjanaaan pendapatan yang mampan dan memperbaiki akses kepada keperluan asas seperti perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan, utiliti dan pengangkutan
- memajukan wilayah kurang membangun menerusi pusat pembangunan wilayah
- merapatkan jurang digital
- menangani jurang antara dan dalam kumpulan etnik terutamanya dengan menambah pendapatan melalui peningkatan kemahiran dan kebolehan
- menggalakkan peluang pekerjaan sama rata bagi mengurangkan ketidaksamaan dalam pekerjaan dan pendapatan di samping meningkatkan integrasi di kalangan kumpulan etnik
- mewujudkan generasi baru usahawan dan enterpris Bumiputera yang berdaya saing
- mengkaji semula dasar dan program penyusunan semula untuk menilai keberkesanan dan impaknya serta memastikan tumpuan dasar dan program masa hadapan berdasarkan merit dan keperluan

Kemiskinan dijangka dapat dibasmi menjelang 2020. Bahagian pendapatan isi rumah berpendapatan pertengahan dijangka meningkat kepada 40 peratus manakala bahagian pendapatan isi rumah 40 peratus terendah disasarkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada pendapatan negara. Sasaran ini akan menyumbang kepada pengurangan ketidakseimbangan pendapatan dan seterusnya mengurangkan pekali Gini kepada 0.35 menjelang 2020. Jurang antara semua kumpulan etnik yang dijangka mengecil akan menyumbang kepada pendapatan pariti secara relatif dalam jangka masa panjang. Struktur dan hierarki pekerjaan dalam ekonomi dijangka mencerminkan penyertaan penuh dan adil di kalangan semua kumpulan penduduk. Nisbah pendapatan purata Bumiputera kepada etnik Cina dijangka bertambah baik daripada 1:1.64 pada tahun 2004 kepada 1:1.35 pada tahun 2020, manakala nisbah pendapatan purata Bumiputera kepada etnik India dijangka mencapai tahap pariti. Selain itu, jurang pendapatan antara luar bandar dengan bandar dijangka berkurang daripada 1:2.11 pada tahun 2004 kepada 1:1.70 menjelang 2020. Peratusan hak milik modal saham Bumiputera dalam sektor korporat dijangka bertambah dan mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2020, manakala peratusan hak milik etnik India dijangka mencapai 3.0 peratus. Di samping itu, langkah akan diambil untuk menambah pemilikan aset Bumiputera dalam harta tanah kediaman dan komersil serta harta intelek.

#### ***Keempat: Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup***

Kualiti hidup rakyat tidak akan dapat dikekalkan tanpa usaha bersepadu untuk mengurus sumber dengan lebih bijak terutamanya dalam keadaan kenaikan harga tenaga. Kualiti hidup juga berkait rapat dengan usaha memenuhi keperluan asas serta mengekalkan keamanan, keselamatan dan keharmonian. Bagi menangani pelbagai isu tersebut, usaha berikut diperlukan:

- memastikan perlindungan alam sekitar yang lebih baik dan penggunaan sumber asli dengan lebih cekap
- meningkatkan kecukupan dan kecekapan tenaga termasuk mempelbagaikan sumber tenaga
- meningkatkan kecekapan perkhidmatan bekalan air
- menyediakan pengangkutan awam yang baik bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan penggunaan bahan api
- meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan dan rumah mampu dibeli atau disewa
- memastikan keselamatan dan ketenteraman awam
- meningkatkan pembangunan dan penggalakan kebudayaan, kesenian dan warisan Malaysia

IKHM dijangka meningkat dengan ketara dalam tempoh 2006-2020 dengan perubahan positif dalam dimensi persekitaran dan keselamatan awam. Penggunaan tenaga dan air per kapita dijangka lebih cekap menjelang 2020.

#### ***Kelima: Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan***

Pencapaian Misi Nasional bergantung pada kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan negara. Jentera pelaksanaan ini perlu dipertingkatkan dengan:

- meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam menerusi memperkukuh tadbir urus, memperkemas proses pentadbiran dan pengukuran prestasi
- memperbaiki penggunaan dan kecekapan kos dana sektor awam dengan mengamalkan kewangan berhemat serta meningkatkan pemantauan pelaksanaan
- menangani rasuah nyata dan tidak nyata dalam sektor awam dan swasta

- meningkatkan tadbir urus korporat dan sistem penyampaian perkhidmatan sektor swasta dengan menambah baik rangka kerja perundangan dan kawal selia
- memperkukuh peranan Parlimen, media dan masyarakat sivil

Menjelang 2020, petunjuk prestasi utama akan diguna pakai dan dipantau di setiap jabatan kerajaan bagi membolehkan penilaian objektif kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam terutamanya bagi agensi yang berurusan secara langsung dengan orang ramai. Jentera pentadbiran kerajaan akan diperkukuh bagi memberi penekanan yang lebih kepada aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan impak. Rasuah nyata dan tidak nyata dalam sektor awam dan swasta akan dikurangkan. Walaupun sukar untuk diukur, peranan Parlimen, media dan masyarakat sivil akan meningkat, seperti ditunjukkan oleh kesungguhan untuk mengadakan perbincangan mengenai pembangunan nasional secara lebih terbuka dan membina.

#### **IV. PENUTUP**

34. Rancangan Malaysia Kesembilan merupakan pelan pembangunan pertama daripada tiga rancangan lima tahun bagi Misi Nasional yang merangkumi dasar dan program bertujuan untuk mencapai falsafah dan teras Misi tersebut. Misi Nasional akan memacu bentuk dan keutamaan program, perancangan dan bajet mulai tahun 2006 dan seterusnya. Menerusi usaha yang tekal dan bersungguh dalam melaksanakan Misi ini, negara akan mencapai hasrat dan aspirasi dan seterusnya menyertai barisan negara maju menjelang 2020.

# RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN: LANGKAH PERTAMA KE ARAH MISI NASIONAL

# 1

## I. PENDAHULUAN

1.01 Negara melangkah ke fasa baru pembangunan bagi merealisasikan aspirasi untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Fasa 15 tahun akan datang berpandukan Misi Nasional, iaitu satu dasar dan rangka kerja pelaksanaan yang bertujuan meningkatkan prestasi dan impak daripada gabungan usaha pembangunan negara. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) merupakan rencana terperinci lima tahun pertama Misi Nasional yang menggariskan dasar dan program utama ke arah mencapai teras dan objektif Misi tersebut dalam tempoh 2006-2010.

1.02 Pertumbuhan, daya saing dan kedinamikan ekonomi akan diteruskan bersama dengan usaha mewujudkan peluang yang saksama, keadilan sosial dan penglibatan semua pihak. Kualiti modal insan akan dipertingkatkan kerana ia merupakan penentu utama bagi mencapai matlamat dan tujuan RMKe-9. Kualiti hidup rakyat Malaysia akan terus dipertingkatkan. Jentera pelaksanaan negara akan diselaras dan diperkukuh. Usaha ini akan memastikan matlamat utama pembangunan, iaitu perpaduan negara dan integrasi nasional terus diperteguh.

1.03 Berdasarkan Misi Nasional dan kesedaran betapa pentingnya usaha bersama dalam memastikan pencapaiannya, tema RMKe-9 adalah *Bersama Ke Arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang*. Setiap rakyat mempunyai peranan dalam pembangunan nusa bangsa dengan sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan, sektor awam sebagai pemudah cara dan pengawal selia manakala masyarakat sivil dan pihak lain sebagai rakan kongsi dalam pembangunan. Hasrat untuk mencapai status negara maju hanya dapat direalisasikan melalui komitmen dan sumbangan berterusan setiap rakyat.

1.04 Tempoh RMKe-9 dijangka penuh dengan cabaran dan memerlukan keazaman untuk menjayakannya. Kejutan luar seperti kenaikan harga minyak yang tinggi, ketidakseimbangan ekonomi dunia, teretusnya penyakit berjangkit



dan bencana alam berskala besar memerlukan negara berwaspada dan berdaya tahan. Pada masa yang sama, perhatian segera dan tumpuan penuh perlu diberi untuk menghadapi cabaran dalam negara termasuk memantapkan pengurusan fiskal; membangunkan sumber pertumbuhan, kekayaan dan pendapatan baru; memperkukuh pendidikan dan latihan; dan merapatkan jurang sosioekonomi. Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) telah mencapai kejayaan walaupun mengharungi pelbagai cabaran, seperti ditunjukkan dalam *Kotak 1-1*.

## **II. RINGKASAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010**

1.05 Usaha mempertingkatkan daya saing dan daya tahan negara akan terus diberi keutamaan berikutan perubahan persekitaran ekonomi negara dan antarabangsa. Pada masa yang sama, usaha merapatkan jurang sosioekonomi antara dan di kalangan kumpulan etnik akan dipergiat dengan mengambil langkah yang menumpukan kepada kumpulan sasaran secara lebih tepat. Semua inisiatif pembangunan dalam tempoh Rancangan akan berpandukan prinsip sejagat Islam Hadhari.

1.06 Dalam tempoh Rancangan, pengurusan ekonomi makro akan ditumpukan kepada pertumbuhan mampan dan pengukuhan keupayaan ekonomi bagi mengurangkan kesan risiko dan kejutan. Kerajaan akan memastikan tekanan harga sentiasa terkawal; mengamalkan dasar kewangan yang sesuai; mengurus perbelanjaan Kerajaan Persekutuan secara berhemat dan berkesan dari segi kos; mengurangkan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan secara beransur-ansur tanpa menjejaskan pertumbuhan keseluruhan; dan sentiasa mengekalkan imbalan pembayaran dan kedudukan rizab yang kukuh.

1.07 RMKe-9 dibentang berdasarkan teras Misi Nasional. Penekanan dan program utama Rancangan terbahagi kepada lima teras seperti yang berikut:

### **TERAS 1: MENINGKATKAN EKONOMI DALAM RANTAIAN NILAI LEBIH TINGGI**

1.08 Tempoh RMKe-9 akan menyaksikan perubahan dalam struktur dan prestasi ekonomi negara yang lebih baik dengan setiap sektor ekonomi mencapai nilai ditambah dan produktiviti faktor keseluruhan yang lebih tinggi. Bidang pertumbuhan baru akan bertambah kukuh. Pelaburan sektor swasta akan mengatasi sektor awam bagi memacu pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi akan diterajui oleh modal insan terutama dalam menghadapi persaingan daripada globalisasi dan liberalisasi pasaran secara progresif.

**KOTAK 1-1****GAMBARAN RINGKAS RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN,  
2001-2005**

Pada awal Rancangan, ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lembap berikutan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat dan kejatuhan permintaan keluaran elektronik dunia, ditambah pula dengan serangan 11 September 2001. Prestasi ekonomi keseluruhan terus lembap sehingga separuh kedua 2003, disebabkan oleh pencerobohan ke atas Iraq dan merebaknya Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk di rantau ini. Pertumbuhan ekonomi dunia selepas itu tetap teguh walaupun harga minyak mentah meningkat sejak separuh kedua 2004.

Ekonomi Malaysia terus mengekalkan pertumbuhannya dalam tempoh Rancangan berikutan pengukuhan asas ekonomi makro dan peningkatan daya tahan hasil daripada pengalaman semasa menghadapi krisis kewangan Asia. Kejayaan yang dicapai meliputi:

- pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada harga sebenar sebanyak 4.5 peratus setahun, melebihi sasaran Kajian Separuh Penggal RMKe-8;
- peningkatan KNK per kapita pada harga semasa sebanyak 5.7 peratus setahun kepada RM17,687 pada tahun 2005;
- pertumbuhan secara meluas, dengan hampir semua sektor menyamai atau mengatasi sasaran Kajian Separuh Penggal RMKe-8;
- pertumbuhan eksport yang kukuh menghasilkan pertambahan lebih dagangan sebanyak 61.4 peratus dan meningkat lebih imbangan pembayaran dan rizab antarabangsa sebanyak dua kali;
- inflasi rendah pada kadar purata 1.8 peratus setahun dalam tempoh RMKe-8;
- kadar pengangguran rendah, iaitu 3.5 peratus pada akhir tahun 2005;
- peningkatan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam sektor ekonomi utama; dan
- penambahbaikan persekitaran perniagaan termasuk peningkatan penawaran pekerja mahir, keupayaan infrastruktur fizikal lebih tinggi dan insentif pelaburan lebih baik.

Pertumbuhan ekonomi yang stabil membolehkan pencapaian beberapa matlamat sosioekonomi:

- kadar kemiskinan keseluruhan berkurang daripada 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004;
- kadar kemiskinan tegar berkurang daripada 1.9 peratus kepada 1.2 peratus;
- pendapatan isi rumah purata meningkat pada kadar purata 5.6 peratus setahun melebihi pertumbuhan KDNK pada harga sebenar;
- jurang pendapatan antara kumpulan etnik mengecil;
- semua Matlamat Pembangunan Milenium dicapai lebih awal daripada tahun 2015 yang disasarkan kecuali dalam pengurangan HIV/AIDS;
- kemajuan ketara dicapai dalam penyediaan kemudahan perumahan, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan asas;
- walau bagaimanapun, jurang pendapatan antara luar bandar dengan bandar semakin meregang.

## **Meningkatkan Nilai Ditambah Sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian**

### *Pembuatan*

1.09 Penggunaan teknologi tinggi dan pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi akan diberi penekanan. Langkah akan diambil bagi membawa industri elektrik dan elektronik (E&E) ke arah aktiviti nilai ditambah dan berteknologi tinggi. Pembangunan subsektor pembuatan yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi seperti industri petrokimia, maritim, aeroangkasa, jentera berat dan pertahanan akan digalakkan. Di samping itu, industri tradisional seperti kraftangan, batik dan songket akan terus dipermoden dan dipertingkatkan setaraf dengan piawai antarabangsa. Kerajaan akan mempermudah pembangunan kelompok perindustrian seperti kelompok E&E di Pulau Pinang dan Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah dan kelompok petrokimia di negeri Terengganu dan Pahang di Koridor Pantai Timur serta taman perindustrian dan EKS di semua negeri.

### *Perkhidmatan*

1.10 Usaha akan diambil untuk membangunkan dan mempromosi semua subsektor perkhidmatan. Pembangunan pelancongan akan ditumpukan kepada peningkatan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi dan ekopelancongan; kebudayaan, hiburan dan kesenian; persidangan, insentif, konvensyen dan pameran (MICE); acara sukan antarabangsa; dan aktiviti membeli-belah serta rekreasi. Bagi subsektor pendidikan, langkah akan dipergiat untuk mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan serantau bagi pendidikan peringkat tertiar. Dalam perkhidmatan kesihatan, usaha akan diambil bagi mempromosi Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan serantau. Bagi perkhidmatan kewangan, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat perbankan dan kewangan Islam antarabangsa. Di samping itu, subsektor perkhidmatan baru seperti menyenggara, membaiki dan membaik pulih (MRO) pesawat; perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar; pengangkutan dan logistik; serta perkhidmatan perniagaan dan profesional akan dipergiatkan. Bagi memperluaskan sektor perkhidmatan yang kini hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang, Wilayah Ekonomi Johor Selatan akan dibangunkan sebagai hab perkhidmatan serantau yang dinamik dengan memanfaatkan lokasi dan kelebihan semula jadi wilayah tersebut.

### *Pertanian*

1.11 Dalam tempoh Rancangan, sektor pertanian akan diberi nafas baru supaya tampil sebagai tunggak ketiga pertumbuhan ekonomi. Program *Pertanian Baru* akan dilaksana termasuk mengorientasi semula sektor tersebut ke arah pengeluaran

lebih moden dan berskala komersil; pengeluaran produk utama dan berasaskan pertanian yang bernilai ditambah tinggi; penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan meluas sebagai pemudah dan bioteknologi untuk menjana kekayaan; pelaksanaan pendekatan pemasaran yang lebih baik dengan memberi penekanan kepada piawai produk dan akreditasi ladang; dan peningkatan profesionalisme. Subsektor sedia ada seperti kelapa sawit dan getah digalakkan untuk mempelbagaikan produk kepada produk hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Industri berpotensi tinggi seperti akuakultur, perikanan laut dalam, rumpai laut, herba, ikan hiasan dan florikultur akan dibangunkan dan dikomersilkan secara berskala besar. Usaha juga akan dipergiat untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat makanan halal serantau.

1.12 Lebih banyak penyertaan sektor swasta akan digalakkan. Di samping itu, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan dipergiat, akses kepada pembiayaan dipertingkat dan zon pengeluaran baru dibangunkan khusus untuk pengeluaran pertanian. Dalam tempoh RMKe-9, Koridor Pembangunan Utara yang meliputi kawasan di negeri Perlis, Kedah, Seberang Perai di Pulau Pinang dan utara Perak; Koridor Pantai Timur yang meliputi kawasan di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang; dan Sabah dan Sarawak akan dibangunkan menjadi wilayah pertanian moden dan berskala komersil serta berasaskan pertanian.

### **Menjana Sumber Kekayaan Baru dalam Sektor Intensif Teknologi dan Pengetahuan**

1.13 Aktiviti ekonomi dalam bidang ICT akan dibangunkan dan diperkukuh berasaskan kekuatan negara. Malaysia akan terus memantapkan kedudukannya sebagai destinasi pilihan dalam perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar. Bagi aktiviti baru, Kerajaan akan membangunkan industri kandungan digital tempatan serta bioinformatik. Bagi menyokong pertumbuhan industri ICT serta meninggikan kecekapan ekonomi, langkah akan diambil bagi meningkatkan akses serta penggunaan perkhidmatan dan kemudahan ICT termasuk memperkukuh e-Kerajaan dan menggalakkan penggunaan e-dagang di kalangan peniaga dan pengguna.

1.14 Tempoh Rancangan akan menyaksikan usaha diperhebat bagi membangunkan industri bioteknologi negara, selaras dengan Dasar Bioteknologi Nasional yang dilancarkan pada tahun 2005. Pembangunan industri ini merangkumi tindakan dalam pelbagai aspek termasuk menambah baik rangka kawal selia pelaburan bioteknologi; meningkatkan akses kepada pembiayaan; meningkatkan kadar pengkomersilan R&D; menambah bilangan tenaga kerja mahir bioteknologi dan penyelidik; serta menarik rakan kongsi asing yang berkualiti untuk aktiviti R&D, pelesenan teknologi dan pembangunan produk. Malaysia akan memberi tumpuan kepada bidang yang mempunyai kelebihan daya saing termasuk mengoptimumkan kekayaan biodiversiti, memanfaatkan kewujudan perubahan

tradisional dan komplementari penduduk pelbagai etnik serta menjadi peneraju dunia dalam industri berasaskan sumber seperti industri biofuel dan biodiesel.

### **Meningkatkan Pewujudan Pekerjaan**

1.15 Penggalakan dan pembangunan subsektor ekonomi baru pembuatan, perkhidmatan dan pertanian akan dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada pewujudan pekerjaan. Program latihan dan latihan semula untuk majikan dan pekerja akan diberikan penekanan bagi meningkatkan mobiliti dan kebolehsesuaian tenaga kerja negara ke arah aktiviti intensif pengetahuan dan nilai ditambah yang lebih tinggi. Majikan akan digalakkan untuk merangka semula dan memperbaiki fungsi pekerjaan terpilih serta persekitaran kerja bagi menarik pekerja tempatan termasuk wanita, pesara dan golongan kurang upaya. Di samping itu, peraturan dan undang-undang berkaitan dengan sumber manusia akan dikaji semula dan diperkemas bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti tenaga buruh.

### **Menggalakkan Sektor Swasta sebagai Peneraju Utama dalam Pembangunan Ekonomi**

#### *Meningkatkan Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana*

1.16 Pembangunan enterpris kecil dan sederhana (EKS) akan diberi keutamaan dalam tempoh Rancangan. Akses kepada pembiayaan dan insentif akan dipertingkatkan termasuk melalui SME Bank yang baru diwujudkan. Langkah turut diambil bagi menambah pembiayaan modal teroka untuk syarikat EKS baru. Jalinan kerjasama rapat antara firma EKS dan juga dengan syarikat besar tempatan dan syarikat multinasional akan digalakkan. Di samping itu, program akan diperluas untuk membantu meningkatkan keupayaan keusahawanan dan teknikal EKS termasuk melalui penggunaan ICT dan e-dagang.

#### *Mengeratkan Kerjasama Sektor Awam-Swasta*

1.17 Dalam tempoh Rancangan, kerjasama sektor awam dan swasta akan diperkukuhkan lagi ke arah membina nusa bangsa. Kerajaan dan sektor swasta akan mempertingkatkan kerjasama terutamanya dalam bidang R&D, pembangunan modal insan dan untuk mencapai objektif sosioekonomi dan pengagihan terutamanya pembasmian kemiskinan dan penstrukturan semula ekuiti dan guna tenaga. Kerajaan dan sektor swasta juga akan membangunkan secara bersama pusat pertumbuhan wilayah (RGC) dan pertumbuhan koridor yang baru bagi meningkatkan pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan dan merangsang pembangunan pesat di kawasan tersebut. Program penswastaaan yang diperkemas

akan juga menyumbang kepada pengukuhan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi. Tumpuan akan diberi kepada projek cadangan Kerajaan berdasarkan keutamaan negara. Pemilihan pemegang konsesi akan dibuat melalui proses pembidaan terbuka. Inisiatif pembiayaan swasta akan diperkenalkan di bawah program penswastaan dalam tempoh Rancangan yang akan memberi peluang tambahan bagi penyertaan sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur dan utiliti.

#### *Menambah Baik Persekitaran Perniagaan*

1.18 Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam adalah penting untuk memperbaiki persekitaran perniagaan. Penambahbaikan kepada sistem ini akan dijalankan melalui pengurangan kerenah birokrasi, pembaharuan pentadbiran daerah dan kerajaan tempatan, kajian semula rangka kawal selia berkaitan dengan pelaburan serta penggunaan ICT secara lebih meluas dalam operasi harian. Langkah ini dilaksana untuk mengurangkan kos pengendalian perniagaan di samping menyediakan perlindungan yang sewajarnya untuk pihak yang terlibat. Lebih banyak langkah kawal selia berasaskan penzahiran dan kawal selia sendiri akan dilaksanakan mengikut keperluan.

#### **Memupuk Budaya Kecemerlangan dan Berprestasi Tinggi**

##### *Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan*

1.19 Program transformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mula dilaksanakan pada Mei 2004 untuk memupuk budaya yang mengutamakan prestasi tinggi dan kecemerlangan di kalangan GLC. Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan program transformasi GLC akan dipergiat bagi meningkatkan lagi nilai pemegang saham termasuk memperluaskan pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) dan memperkenalkan sistem ganjaran berasaskan prestasi, penambahbaikan pengendalian dan inisiatif pengurangan kos. Kesan awal dalam aspek pengurusan dan kewangan berikutan program transformasi GLC dijangka dapat dilihat dalam separuh penggal pertama tempoh Rancangan.

##### *Mempertingkatkan Tadbir Urus Korporat*

1.20 Kerajaan akan terus menggalakkan pengawasan dan tadbir urus korporat yang kukuh dalam sektor swasta. Program pembaharuan perundangan korporat yang dimulakan oleh Kerajaan akan terus dilaksanakan. Persatuan industri sektor swasta disaran melaksanakan program bagi menggalakkan amalan perniagaan yang beretika dan tanggung jawab sosial korporat di kalangan ahlinya. Keutamaan akan diberi kepada usaha penambahbaikan kepimpinan

korporat termasuk dalam GLC bagi memastikan piawai pengurusan yang tinggi, proses membuat keputusan yang berkesan dan pengurusan risiko yang tepat.

## **Memperluas Pasaran Bagi Produk dan Perkhidmatan Malaysia**

### *Menggalakkan Pelaburan Keluar*

1.21 Sektor swasta dan GLC akan digalakkan untuk meneroka pasaran luar negara bagi merebut peluang perniagaan dan pelaburan. Langkah ini akan meningkatkan akses kepada pasaran baru, mewujudkan permintaan terhadap barangan perantaraan dan komponen tempatan, menyediakan alternatif pertumbuhan ketika kelembapan ekonomi domestik dan membantu penubuhan syarikat multinasional Malaysia dalam jangka panjang.

### *Meningkatkan Daya Saing selaras dengan Komitmen Perdagangan Antarabangsa*

1.22 Komitmen Malaysia di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia, Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN dan FTA dua hala yang lain akan meluaskan peluang perdagangan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, persaingan dijangka semakin sengit khususnya dalam sektor yang akses kepada pasaran telah dipersetujui. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk menyediakan sektor swasta tempatan menghadapi liberalisasi secara progresif dan persaingan yang semakin meningkat.

## **TERAS 2: MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENGETAHUAN DAN INOVASI NEGARA SERTA MEMUPUK 'MINDA KELAS PERTAMA'**

1.23 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan dipergiat untuk membangunkan modal insan demi memacu transformasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Program dan projek akan dilaksanakan bagi mencapai keutamaan Misi Nasional, iaitu menambah baik sistem pendidikan, meningkatkan inovasi dan memastikan pembangunan modal insan yang menyeluruh.

### **Meningkatkan Akses dan Kualiti Sistem Pendidikan di Semua Peringkat**

#### *Kurikulum dan Pengajaran*

1.24 Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan akan dipercepatkan untuk memastikan keseragaman dan kualiti. Di peringkat sekolah, aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum akan dikaji semula bagi memastikan asas yang kukuh dalam pembangunan kompetensi teras dan bersesuaian dengan keperluan yang sentiasa berubah. Kurikulum bagi latihan perguruan juga akan

dikaji semula, antaranya untuk menambah baik kandungan mata pelajaran, meningkatkan kemahiran pedagogi dan membolehkan penggunaan ICT yang lebih meluas dalam bidang pendidikan.

1.25 Di peringkat tertiar, kerjasama antara industri dengan institusi pengajian tinggi akan dipertingkatkan untuk lebih responsif kepada keperluan pasaran dan mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran. Kursus baru akan diperkenal selaras dengan keperluan pasaran buruh yang sentiasa berubah. Bagi meningkatkan keupayaan siswazah tempatan mendapat pekerjaan, keperluan bagi program latihan praktikal dan penempatan industri akan diperkukuh. Penambahbaikan kurikulum yang bersesuaian akan juga dilaksana.

1.26 Program latihan akan direka semula selaras dengan keperluan industri yang sentiasa berubah. Sistem Latihan Dual Kebangsaan akan diperbaiki melalui perundingan lebih kerap dengan pihak berkepentingan termasuk persatuan industri, manakala Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Pendidikan dan Latihan akan ditubuh bagi memberi panduan mengenai dasar dan strategi berkaitan pendidikan dan latihan industri.

#### *Infrastruktur dan Kemudahan*

1.27 Akses kepada pendidikan prasekolah akan diperluas dengan penyediaan lebih banyak kelas prasekolah, terutama di kawasan luar bandar. Bagi pendidikan peringkat rendah dan menengah, kemudahan yang lebih baik akan disediakan di kawasan luar bandar serta di Sabah dan Sarawak. Lebih banyak bilik darjah akan dibina untuk memastikan pencapaian pendidikan rendah yang sejagat. Di samping itu, kapasiti pendidikan universiti dan latihan kemahiran lanjutan akan diperluas.

#### **Menjadikan Sekolah Kebangsaan Sebagai *Sekolah Pilihan***

1.28 Bagi menjadikan sekolah kebangsaan sebagai *sekolah pilihan*, kualiti pengajaran di sekolah kebangsaan akan dipertingkatkan dengan 100 peratus guru di sekolah menengah dan 25 peratus guru di sekolah rendah akan mempunyai kelayakan ijazah pertama menjelang tahun 2010. Lebih banyak peluang latihan dalam perkhidmatan juga akan disediakan kepada guru. Bagi melahirkan pekerja berpengetahuan pada masa depan yang mahir menggunakan teknologi dan ICT, usaha akan diambil bagi menjadikan semua sekolah kebangsaan sebagai sekolah 'bestari' melalui Program Pembestarian Sekolah. Peluang pendidikan untuk kanak-kanak istimewa dan yang ketakbolehan belajar di sekolah kebangsaan akan juga dipertingkatkan. Bagi mengurangkan jurang prestasi antara kawasan luar bandar dengan bandar, pelbagai inisiatif akan diambil termasuk menyediakan kemudahan pendidikan dan kemudahan asas yang lebih baik. Kualiti pengajaran



akan dipertingkatkan melalui penempatan lebih ramai guru berpengalaman ke sekolah di luar bandar. Di samping itu, program sokongan pelajaran akan terus disediakan bagi membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

### **Melahirkan Institusi Tertiar Bertaraf Antarabangsa**

1.29 Usaha akan diambil untuk meningkatkan kualiti pendidikan tertiar bagi mencapai taraf antarabangsa. Sehubungan ini, institusi pengajian tinggi tempatan akan ditanda aras mengikut piawai antarabangsa dan satu sistem penarafan akan diperkenal. Institusi pengajian tinggi juga perlu mematuhi piawai prosedur jaminan kualiti yang telah ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Bagi menyokong pelaksanaan MQF dan menubuhkan sistem jaminan kualiti bersepadu, Agensi Kelayakan Malaysia akan ditubuhkan pada tahun 2006. Kualiti ahli akademik akan dipertingkat melalui lebih banyak program pembangunan untuk mereka. Di samping itu, bilangan ahli akademik yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah di universiti awam akan ditambah bagi mencapai sasaran 60 peratus daripada jumlah ahli akademik menjelang tahun 2010. Bagi meningkatkan kualiti dan pandangan global universiti dan ahli akademik, jalinan kerjasama dengan institusi terkemuka antarabangsa akan diusahakan termasuk melalui kerjasama penyelidikan.

### **Memupuk Keupayaan Penyelidikan dan Pembangunan serta Saintifik dan Inovasi yang Berkualiti Tinggi**

#### *Memperkukuh Komitmen Dasar*

1.30 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan memberi penekanan kepada bina upaya sumber manusia dan mengukuhkan Sistem Inovasi Kebangsaan. Majlis Inovasi Kebangsaan akan ditubuh bagi memberi panduan dalam merangka dasar dan strategi utama untuk merangsang budaya berinovasi di negara ini.

#### *Meningkatkan Keupayaan Penyelidikan dan Pembangunan*

1.31 Dalam tempoh RMKe-9, sasaran perbelanjaan R&D negara adalah sebanyak 1.5 peratus daripada keluaran dalam negeri kasar menjelang tahun 2010. Bagi meraih pulangan daripada pelaburan ini, keupayaan penyelidikan dan inovasi negara akan diperkukuh. Untuk membantu melahirkan secukupnya bilangan penyelidik dalam bidang keutamaan, beberapa program akan dilaksanakan. Bilangan penyelidik, saintis dan jurutera (RSE) akan ditambah untuk mencapai sasaran 50 RSE bagi setiap 10,000 tenaga buruh pada tahun 2010. Program *National Brain Gain* akan dilancarkan. Pada peringkat awalnya program ini akan

memberi tumpuan kepada modal insan sains dan teknologi. Pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi baru muncul akan ditubuhkan dan kapasiti R&D universiti dan institusi penyelidikan akan dipertingkatkan. Di samping itu, sektor swasta termasuk GLC akan digalakkan untuk menyediakan lebih banyak biasiswa, geran dan dana endowmen bagi penyelidikan dalam bidang keutamaan dan strategik termasuk membangunkan produk berinovatif untuk pengkomersilan.

### *Menggalakkan Usahawan Teknologi dan Perusahaan Berasaskan Teknologi*

1.32 Program Inkubator Teknologi akan dipertingkatkan untuk membangunkan sebilangan usahawan teknologi tempatan dan syarikat berasaskan teknologi yang mampan. Program ini akan dirangkumkan dalam strategi yang lebih luas untuk mempertingkatkan penggunaan pengetahuan dan teknologi baru yang dihasilkan oleh universiti dan institusi penyelidikan. Memandangkan pembiayaan merupakan satu faktor utama ke arah kejayaan, langkah akan diambil bagi memperbaiki mekanisme dan akses kepada pembiayaan. Bagi menggalakkan lagi inovasi, pemindahan teknologi dan pengkomersilan, rangka kerja harta intelek (IP) yang sedia ada akan diperkukuh untuk meningkatkan kemudahan sokongan IP serta memendekkan proses kelulusan IP. Program pembangunan usahawan teknologi juga akan digunakan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memupuk Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera.

### **Memperkasa Wanita dan Belia**

1.33 Bagi terus memajukan wanita, lebih banyak peluang pendidikan dan latihan akan disediakan bagi meningkatkan peluang untuk mereka mendapat pekerjaan. Di samping itu, bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam perniagaan, akses kepada pembiayaan akan dipertingkatkan. Langkah juga akan diambil untuk menambah penyediaan kemudahan penjagaan kanak-kanak dan menggalakkan waktu bekerja yang fleksibel bagi memudahkan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga buruh. Kerajaan akan mengurangkan kadar kemiskinan terutama di kalangan isi rumah yang diketuai oleh wanita. Dari segi keadilan gender, semua undang-undang dan peraturan yang mempunyai potensi mendiskriminasi wanita akan dikaji semula. Di samping itu, Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) akan terus mengambil langkah yang bersesuaian dalam menangani keganasan terhadap wanita.

1.34 Program belia akan menumpu kepada kumpulan yang mudah terpengaruh termasuk belia yang tercicir daripada sistem pendidikan dan yang menganggur. Akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran akan dipertingkatkan manakala program lain yang membina kepimpinan, keyakinan diri serta memupuk nilai murni seperti program Rakan Muda dan Khidmat Negara akan diteruskan.

## **Menyemai Nilai Murni dalam Masyarakat**

### *Memupuk Prestasi Tinggi*

1.35 Membangunkan budaya berprestasi tinggi memerlukan pengukuran dan penekanan prestasi dalam semua aspek. Sehubungan itu, lebih banyak unsur berasaskan prestasi akan diterap ke dalam pelbagai bidang seperti geran R&D, program pembangunan usahawan dan guna tenaga sektor awam. Pendekatan berasaskan prestasi juga dijadikan aspek utama memantau projek RMKe-9, termasuk pengukuran dan pengesanan KPI.

### *Menerapkan Penampilan Progresif serta Nilai Moral dan Beretika*

1.36 Penampilan yang progresif serta moral, etika dan nilai murni akan menjadi komponen utama dalam membangunkan modal insan. Program di bawah Pelan Integriti Nasional (PIN) akan dilaksanakan secara lebih meluas meliputi semua lapisan masyarakat. Selain itu, usaha untuk menggalakkan Islam Hadhari sebagai asas kepada penampilan pembangunan yang progresif akan dipergiatkan. Dalam sistem persekolahan, program j-QAF bagi pelajar Islam akan diperluas ke semua sekolah rendah. Pendidikan Moral akan diajar kepada semua pelajar. Mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan akan ditambah baik dan diperluas kepada semua murid Tahun 4 hingga Tahun 6 dan semua peringkat pendidikan menengah. Di peringkat komuniti, program yang memupuk semangat kesukarelaan akan ditingkatkan dan NGO serta institusi keagamaan juga digalakkan untuk memainkan peranan lebih penting bagi memupuk nilai positif.

## **TERAS 3: MENANGANI MASALAH KETIDAKSAMAAN SOSIOEKONOMI YANG BERTERUSAN SECARA MEMBINA DAN PRODUKTIF**

1.37 Tempoh RMKe-9 akan memperlihatkan penekanan semula dalam menangani ketidakseimbangan sosioekonomi. Jika dibiarkan, ketidaksamaan yang berterusan akan memberi impak negatif kepada pertumbuhan, menggugat perpaduan nasional dan menjejaskan kestabilan sosial. Walau bagaimanapun, pendekatan ke arah menangani ketidakseimbangan sosioekonomi akan menumpu kepada bina upaya dan meningkatkan daya saing, serta akan diperhalusi semula dengan mengambil kira pengalaman yang dipelajari dalam pelaksanaan yang lepas serta tekanan daripada persaingan global dan liberalisasi.

1.38 Pembasmian kemiskinan tegar dan pengurangan kemiskinan keseluruhan menjadi keutamaan dalam tempoh Rancangan. Pengurangan ketidaksamaan antara etnik dan intraetnik juga penting dan akan ditangani dengan mengurangkan jurang antara luar bandar dengan bandar dan jurang antara wilayah serta jurang dalam guna tenaga, pendapatan dan kekayaan. Kumpulan khusus seperti warga emas, golongan kurang upaya, ibu tunggal dan anak yatim akan terus diberi

sokongan dan perhatian. Di samping itu, dasar dan program terdahulu akan dikaji semula untuk menilai keberkesannya dan menambah baik impaknya pada masa depan.

### **Membasmi Kemiskinan**

1.39 Tempoh RMKe-9 mensasarkan untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh daripada kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 peratus menjelang tahun 2010. Bagi mencapai objektif ini, program yang disasarkan kepada kumpulan miskin tertentu akan diteruskan, termasuk kelompok kecil miskin bandar dan luar bandar dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli. Program sedia ada dan projek di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, Program Pembangunan Bersepadu untuk Komuniti Bandar, Amanah Ikhtiar Malaysia dan pelbagai program bina upaya akan dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanan membawa keluar isi rumah daripada belunggu kemiskinan. Program khusus akan dilaksana untuk menangani kemiskinan di kalangan Bumiputera di Sabah dan Sarawak di samping menangani kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli. Walaupun penekanan menyeluruh dasar dan program membasmi kemiskinan diberi kepada peningkatan keupayaan isi rumah miskin supaya dapat berdikari dan dapat meningkatkan pendapatan mereka, namun kumpulan seperti warga emas serta golongan kurang upaya dan daif yang tidak mampu melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi akan terus menerima bantuan kewangan.

1.40 Penyampaian dan pemantauan program pembasmian kemiskinan akan dipertingkatkan bagi memastikan objektif dicapai dengan lebih berjaya. Penyelarasan antara agensi pelaksana akan dipertingkat. Bagi tujuan ini, satu pangkalan data kemiskinan negara akan diwujudkan untuk menambah baik kualiti data dan maklumat berhubung isi rumah miskin dan miskin tegar. Pangkalan data ini akan merangkumi daftar kemiskinan luar bandar dan bandar dan menggunakan definisi kemiskinan yang sama. Pangkalan data ini, ditambah dengan data yang dipungut daripada pelbagai agensi kerajaan dan NGO, akan digunakan oleh semua agensi pelaksana sebagai sumber data utama mengenai golongan sasar mereka. Selain itu, pemetaan kemiskinan akan disediakan di kawasan bandar dan luar bandar terpilih untuk membantu merangka program pembasmian kemiskinan yang lebih baik.

### **Mengurangkan Jurang Pendapatan**

1.41 Usaha bersepadu akan diambil bagi mengurangkan jurang pendapatan memandangkan jurang pendapatan semakin melebar. Usaha untuk menambah baik agihan pendapatan akan bertumpu kepada mengurangkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik Bumiputera dengan bukan Bumiputera, antara luar bandar dengan bandar dan mempertingkatkan pendapatan isi rumah kumpulan penduduk

40 peratus terendah. RMKe-9 bertujuan untuk merapatkan jurang pendapatan antara Bumiputera dengan etnik Cina daripada 1:1.64 pada tahun 2004 kepada 1:1.50 pada tahun 2010 dan antara Bumiputera dengan etnik India daripada 1:1.27 pada tahun 2004 kepada 1:1.15 pada tahun 2010. Dari segi jurang antara luar bandar dengan bandar, RMKe-9 mensasarkan pengurangan nisbah pendapatan luar bandar dengan bandar daripada 1:2.11 pada tahun 2004 kepada 1:2.0 pada tahun 2010. Program bagi mengurangkan jurang pendapatan akan merangkumi pelbagai spektrum<sup>1</sup>.

### **Mengurangkan Jurang Antara Wilayah**

1.42 Bagi mengurangkan jurang antara kawasan luar bandar dengan bandar dan antara wilayah yang kurang membangun dengan yang lebih membangun, Kerajaan akan menambah peruntukan untuk pembangunan luar bandar serta pembangunan negeri kurang membangun secara komprehensif. Penekanan yang lebih akan diberi kepada pembangunan RGC yang bertumpu kepada pembangunan tersusun koridor utara dan timur serta Sabah dan Sarawak. RGC ini akan menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih baik, dengan ini membantu pertumbuhan lebih banyak aktiviti ekonomi yang mengambil faedah daripada kelebihan semula jadi setiap wilayah tersebut seperti pembuatan berasaskan sumber, industri berasaskan kraf, aktiviti hiliran berasaskan pertanian, dan ekopelancongan. Lembaga kemajuan wilayah baru akan ditubuhkan untuk menyelaras dan melaksanakan usaha ini terutamanya di Sabah dan Sarawak.

### **Mengurangkan Jurang Guna Tenaga**

1.43 Sebagai pendekatan utama dalam mengurangkan jurang pendapatan, RMKe-9 akan berusaha menambah baik penyertaan etnik dalam semua peringkat pekerjaan dan sektor ekonomi supaya lebih mencerminkan komposisi etnik penduduk. Selain langkah untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan mendapat pekerjaan bagi kumpulan sasar, langkah juga akan diambil untuk menggalakkan lebih banyak sokongan daripada majikan untuk menyediakan peluang yang sama rata dan kepelbagaian kaum di tempat kerja. Program akan dilaksanakan untuk menggalak lebih ramai Bumiputera yang berkeelayakan dalam kumpulan pekerjaan profesional, pengurusan dan teknikal serta di sektor berasaskan pengetahuan seperti bioteknologi, ICT dan pembuatan termaju. Pada masa yang sama, langkah akan diambil untuk mempertingkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor awam.

---

<sup>1</sup> Sila rujuk perenggan 1.39 hingga 1.40 dan 1.42 hingga 1.46

## **Mengurangkan Jurang Aset dan Kekayaan**

1.44 Dalam tempoh RMKe-9, langkah akan diambil untuk mengurangkan jurang pemilikan aset dan kekayaan di kalangan pelbagai kumpulan etnik di dalam negara. Pemilikan ekuiti Bumiputera disasarkan mencapai antara 20 hingga 25 peratus menjelang tahun 2010 untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti menjelang tahun 2020. Di samping itu, langkah akan diambil untuk meningkatkan pemilikan aset Bumiputera dalam harta tanah kediaman dan komersil dan juga harta intelek. Yayasan Amanah Harta Tanah Bumiputera dan Perbadanan UDA akan menerajui usaha untuk meningkatkan pemilikan harta tanah Bumiputera di kawasan bandar. Tanah dan harta tanah wakaf di bawah pihak berkuasa agama Islam negeri akan dibangunkan untuk memanfaatkan potensinya serta melahirkan usahawan baru. Langkah juga akan diambil untuk mengembangkan perusahaan komersil Bumiputera yang berdaya saing terutamanya EKS.

1.45 Langkah bersesuaian juga akan diperkenalkan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti etnik India kepada 3.0 peratus menjelang tahun 2020. Langkah juga akan diambil bagi menggalakkan keusahawanan dan latihan kemahiran dalam komuniti India terutamanya golongan belia.

## **Membangunkan Usahawan Bumiputera Berdaya Saing**

1.46 Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan diteruskan sebagai pendekatan utama dalam menyusun semula masyarakat dan memastikan penyertaan Bumiputera yang lebih luas dalam ekonomi. Fasa kedua program MPPB akan dilancarkan bertujuan membangunkan usahawan Bumiputera yang berdikari, mampan dan berdaya saing serta EKS Bumiputera yang mantap. Satu model pembangunan yang baru akan diguna pakai yang bukan sahaja melihat kepada bilangan usahawan Bumiputera yang dilahirkan tetapi lebih penting lagi, menumpu kepada kualiti keseluruhan mereka dari segi produktiviti dan daya saing. Keupayaan agensi amanah, GLC dan koperasi akan dipertingkatkan untuk melaksanakan program MPPB dengan lebih berkesan. Penglibatan usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru akan digalakkan. Program pembangunan francais dan vendor akan diperkukuh. Pembangunan usahawan luar bandar akan dilaksanakan secara lebih sistematik dan berfokus berpandukan Pelan Induk Pembangunan Usahawan Luar Bandar.

## **Mengurangkan Jurang Digital**

1.47 Untuk memastikan semua rakyat Malaysia menikmati faedah daripada ekonomi berasaskan pengetahuan, usaha berterusan bagi merapatkan jurang digital akan lebih dipergiatkan. Tumpuan dalam tempoh Rancangan adalah untuk melaksanakan pelan infrastruktur bagi capaian sejagat ke Internet dan

menyediakan lebih banyak produk dan perkhidmatan ICT yang mampu diperolehi. Rangka Kerja Strategik Kebangsaan bagi Merapatkan Jurang Digital (BDD) akan dilaksanakan termasuk menubuhkan *telecentre* di kawasan yang kurang menerima perkhidmatan, pengurangan tarif bagi langganan telefon dan Internet serta penggalakan pemilikan komputer peribadi. *Telecentre* sedia ada akan dinaik taraf kepada Pusat Pengetahuan Komuniti yang akan menyediakan pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial kepada semua kumpulan. Bagi terus menggalakkan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan ICT, kandungan dan aplikasi dalam talian yang khusus untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat akan dipertingkatkan.

### **Mengkaji Semula Keberkesanan Program Terdahulu**

1.48 Bagi memastikan dasar sosioekonomi memenuhi tujuan, penekanan akan diberi untuk menambah baik keberkesanan program melalui perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang lebih baik. Keberkesanan dan impak program terdahulu akan dinilai manakala program masa depan akan dilaksanakan berdasarkan merit dan keperluan. Sistem pelaksanaan juga akan dikaji semula dan diperkukuh untuk memastikan hanya kumpulan sasaran sahaja akan menerima faedah serta untuk meminimumkan kebocoran. Semua agensi Kerajaan dikehendaki memastikan dasar dan program yang dilaksanakan menyumbang ke arah penyertaan dan agihan yang lebih saksama.

## **TERAS 4: MENINGKATKAN TAHAP DAN KEMAMPANAN KUALITI HIDUP**

### **Memenuhi Keperluan Perumahan dan Menambah Baik Perkhidmatan Perbandaran**

1.49 Perumahan merupakan satu keperluan asas sosial dan penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti serta dimampui oleh semua kumpulan pendapatan merupakan keutamaan negara. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus menyediakan perumahan kos rendah melalui Program Perumahan Rakyat manakala Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan melengkapinya usaha Kerajaan dengan membina lebih daripada 29,000 rumah kos rendah dan sederhana rendah di kawasan bandar dan luar bandar. SPNB juga akan membaik pulih lebih daripada 11,000 rumah. Usaha akan dipertingkatkan untuk menggalakkan penggunaan Sistem Bangunan Industri dan reka bentuk berasaskan konsep koordinasi bermodul dalam pembinaan rumah.

1.50 Undang-undang akan dikaji semula bagi menggalakkan sektor swasta menyediakan rumah kos rendah. Langkah ini termasuk memberi lebih kelonggaran ke atas kuota rumah kos rendah serta mempercepat proses kelulusan dan pembinaan. Sistem pendaftaran dan pengagihan rumah kos rendah akan diperbaiki bagi memastikan pengagihan yang teratur kepada kumpulan sasaran yang sebenar.

1.51 Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam, pembaharuan dalam pihak berkuasa tempatan akan dilaksanakan untuk menyediakan perkhidmatan bandar yang cekap dan berkualiti. Langkah yang diambil termasuk melaksanakan sistem KPI untuk memantau dan memperbaiki prestasi perkhidmatan. Penggunaan ICT juga akan dipertingkatkan untuk menambah baik kecekapan pengendalian. Dasar Pemandaran Nasional akan digubal untuk membantu perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan perbandaran di dalam negara.

### **Menambah Baik Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan**

1.52 Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan dan melaksanakan program untuk menambah baik status kesihatan penduduk, khususnya di peringkat penjagaan primer. Kemudahan sedia ada akan dinaik taraf manakala kemudahan baru akan dibina bagi menyediakan pakej perkhidmatan yang menyeluruh. Perkhidmatan pencegahan, penyaringan dan pengesanan awal akan dipertingkatkan untuk mengurangkan beban penyakit serta kos rawatan dan penjagaan pemulihan. Perkhidmatan penjagaan kesihatan primer, sekunder dan tertiar akan digabung melalui satu sistem rujukan yang cekap dan berkesan, bagi menyediakan sistem yang bersepadu untuk manfaat pesakit. Bagi tujuan ini, sistem maklumat seluruh negara akan diperkenal untuk membolehkan akses kepada maklumat kesihatan pesakit yang menepati masa dan terjamin. Kerajaan akan turut menggalakkan konsep kesejahteraan sepanjang hayat dan mengambil pendekatan proaktif untuk penjagaan kesihatan melalui inisiatif meningkatkan kesedaran seperti penubuhan Pusat Promosi Kesihatan Komuniti di semua klinik kesihatan. Pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit akan diberi penekanan melalui inisiatif seperti penubuhan Pusat Penyakit Berjangkit di Sungai Buloh, Selangor. Di samping itu, Kerajaan mensasarkan untuk membasmi penyakit malaria, demam kepialu dan batuk kering menjelang tahun 2010.

1.53 Pembangunan sumber manusia akan diberi keutamaan tinggi bagi menangani kekurangan meruncing anggota dalam pelbagai kategori perubatan dan kesihatan. Sehubungan ini, latihan bagi anggota perubatan dan kesihatan akan dipertingkatkan dan diperkembang. Inisiatif pembangunan profesional yang berterusan untuk memenuhi keperluan penjagaan di peringkat yang lebih tinggi dan dalam bidang kepakaran baru juga akan dipertingkatkan. Kerajaan akan menambah baik terma dan syarat perkhidmatan bagi terus menarik dan mengekalkan anggota kesihatan.

1.54 Bagi meningkatkan kualiti dan tahap profesionalisme, lebih banyak hospital akan digalakkan untuk memperoleh Sijil Akreditasi Hospital. Di samping itu, undang-undang mengenai kesihatan yang berkaitan akan disemak semula dan undang-undang baru digubal untuk mengawal selia sektor kesihatan dengan lebih baik. Langkah ini termasuklah penggubalan undang-undang untuk kawal



selia amalan perubatan tradisional dan komplementari secara selamat dan teratur.

### **Menambah Baik Sistem Pengangkutan**

1.55 Pembangunan sistem pengangkutan bandar akan menumpu kepada penyediaan sistem pengangkutan awam yang bersepadu dan cekap. Pengangkutan awam di Lembah Klang akan dinaik taraf dan diperluas, dan suruhanjaya pengangkutan awam di Lembah Klang yang khusus akan ditubuhkan untuk menyelia usaha penambahbaikan. Dua buah terminal pengangkutan bersepadu di Gombak dan Bandar Tasik Selatan akan dibina sebagai hab persinggahan ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, dalam usaha mengurangkan kesesakan bandar di kawasan lain, projek utama seperti monorel, jalan lingkar luar dan jambatan kedua di Pulau Pinang, dan Lingkaran Penyuraian Lalu Lintas Johor Timur akan dilaksanakan. Satu suruhanjaya kebangsaan akan ditubuh bagi mengawal selia pembangunan sistem pengangkutan awam di bandar secara teratur dan mampan. Program pembangunan jalan akan menumpu kepada menambah baik akses kepada kawasan kurang membangun terutamanya RGC dan kawasan yang berpotensi bagi pelancongan.

1.56 Infrastruktur rel akan dinaik taraf dan sistem komunikasinya akan dimodenkan bagi meningkatkan kecekapan pengendalian dan daya tarikan pengangkutan rel sebagai satu cara pengangkutan bagi penumpang dan barang. Bagi tujuan ini, langkah yang akan diambil termasuk membina landasan berkembar di laluan utama terpilih, membaik pulih landasan dan stesen serta membaiki dan membeli lokomotif dan gerabak. Landasan baru juga akan dibina bagi menghubungkan kawasan perindustrian baru seperti Tanjung Malim di Perak. Bagi sektor penerbangan, lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan diperbesar dan dinaik taraf untuk menampung jangkaan pertambahan jumlah penumpang dan kargo. Peralatan kawalan trafik udara juga akan dinaik taraf bagi mengendalikan jangkaan peningkatan kekerapan penerbangan.

### **Menambah Baik Bekalan Tenaga yang Mencukupi dan Mampan**

1.57 Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, Kerajaan akan terus memastikan bekalan tenaga yang mencukupi, terjamin, andal, berkualiti dan berkesan dari segi kos. Bagi tujuan ini, penjanaan dan rangkaian penghantaran elektrik akan terus dibangunkan. Projek bekalan elektrik luar bandar akan dipergiat terutama di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, penekanan akan diberi terhadap usaha untuk mempelbagai sumber tenaga dan meningkatkan kecekapan tenaga. Pergantungan yang tinggi kepada produk petroleum akan dikurangkan dengan menggalakkan penggunaan bahan api alternatif. Penggunaan biofuel akan digalakkan manakala usaha R&D dalam pengeluaran biodiesel akan diberi

sokongan penuh. Sumber tenaga boleh diperbaharu yang lain seperti tenaga suria akan terus dibangunkan. Penggunaan tenaga yang cekap akan dipergiat dalam sektor perindustrian, pengangkutan dan komersil serta di bangunan kerajaan.

### **Mempertingkatkan Sistem Pembekalan Air**

1.58 Tumpuan utama dalam sektor utiliti adalah untuk meningkatkan kualiti dan sistem bekalan air yang terjamin. Sehubungan ini, infrastruktur bekalan air seperti muka sauk, loji rawatan dan empangan akan dibina dan dinaik taraf. Di samping itu, projek utama seperti Projek Penyaluran Air Mentah Antara Negeri dari Pahang ke Selangor akan dilaksanakan. Penguatkuasaan yang lebih tegas dan pemuliharaan rangkaian pengagihan akan dilaksanakan untuk mengurangkan kadar air tidak terhasil daripada 38 peratus pada tahun 2005 kepada 30 peratus menjelang tahun 2010. Penekanan juga akan diberi dalam meningkatkan liputan bekalan air ke kawasan luar bandar. Bagi memastikan bekalan air yang berterusan, usaha pemuliharaan bekalan air akan digalakkan melalui program meningkatkan kesedaran. Suruhanjaya Pengurusan Air Negara akan memulakan operasinya dalam tempoh Rancangan bagi mengawal selia sistem bekalan air dan perkhidmatan pembedaan di Semenanjung Malaysia. Sasaran kawal selia bekalan air adalah untuk meningkatkan taraf perkhidmatan dan prestasi industri air dan pembedaan.

### **Menggalakkan Perlindungan Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Secara Mampan**

1.59 Pengawasan alam sekitar akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan untuk memastikan keseimbangan optimum antara keperluan pembangunan dengan pemuliharaan alam sekitar. Fokus yang lebih akan diberi kepada langkah pencegahan di puncanya bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar, mengurangkan aktiviti haram terhadap alam sekitar serta mempergiatkan usaha pemuliharaan untuk mengurus sumber alam secara mampan. Kualiti udara dan air akan dipantau rapi dan langkah akan diambil bagi memastikan pencemaran diminimumkan. Ini termasuk memperkenalkan peraturan dan piawai pelepasan yang lebih ketat, menambah baik sistem pembedaan awam serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih bersih.

1.60 Penggunaan sumber tanah akan dioptimumkan dengan menggunakan pendekatan pembangunan secara spatial. Usaha akan dipergiat bagi melindungi dan mengoptimumkan penggunaan biodiversiti. Aktiviti R&D akan dipergiat bagi mempermudah pengenalpastian potensi biologi dan menggalakkan penjanaan kekayaan daripada sumber biodiversiti negara yang mewah. Di samping itu, hutan bakau dan habitat pesisir pantai yang lain akan dipulihkan untuk mengurangkan kesan hakisan pantai dan *tsunami* serta memastikan bekalan sumber yang berterusan.

## **Mempergiat Peranan Budaya, Seni dan Warisan dalam Masyarakat**

1.61 Peranan budaya, seni dan warisan akan dipergiatkan. Fokus akan diberi ke arah usaha menyemai nilai budaya yang positif dan meningkatkan apresiasi terhadap budaya, seni dan warisan di kalangan semua lapisan masyarakat; membangunkan industri kebudayaan kreatif serta industri kraf; dan membangunkan modal insan dalam bidang berkaitan bagi memastikan pembangunan budaya, seni dan warisan negara yang mampan dan berterusan. Perhatian yang lebih akan diberi kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan produk warisan. Kerajaan akan bekerjasama secara erat dengan sektor swasta dan masyarakat sivil bagi melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan demi kepentingan rakyat.

## **Membina Kecemerlangan Kesukanan dan Gaya Hidup Sihat**

1.62 Bagi mewujudkan budaya bersukan di kalangan rakyat Malaysia, pelbagai program sukan untuk orang ramai akan dilaksanakan, termasuk program pembangunan kecergasan dan aktiviti luar. Sehubungan ini, sejumlah 24,000 tenaga pengajar akan dilantik dan dilatih untuk membantu pelaksanaan program tersebut. Kemudahan sukan sedia ada di peringkat negeri dan daerah akan dinaik taraf atau diperbesar bagi menarik lebih banyak penyertaan dalam acara sukan. Di samping itu, Kompleks Sukan Komuniti akan dibina bagi memudahkan penganjuran sukan dan aktiviti berkaitan komuniti. Sektor swasta juga akan digalakkan untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi untuk kegunaan masyarakat umum. Tumpuan juga akan diberi kepada penyenggaraan kemudahan tersebut.

1.63 Kapasiti dan kecekapan persatuan sukan akan dipertingkatkan. Bagi mencapai kecemerlangan sukan, inisiatif seperti Program Pembangunan Bakat akan dilaksanakan bagi menyediakan latihan kepada 14,570 atlit berpotensi dalam 37 jenis sukan. Inisiatif berkaitan sukan dan infrastruktur di sekolah akan dipertingkatkan bagi mewujudkan asas yang lebih baik untuk memupuk dan membangun atlit dalam bidang sukan berprestasi tinggi.

## **TERAS 5: MENGUKUHKAN KEUPAYAAN INSTITUSI DAN PELAKSANAAN**

### **Menggalakkan Tadbir Urus yang Baik**

1.64 Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan PIN akan dipergiat bagi meningkatkan tahap integriti dalam sektor awam dan swasta. Institut Integriti Malaysia (IIM) akan bekerjasama dengan organisasi sektor swasta dan NGO untuk menganjurkan program berkaitan integriti. Agensi seperti IIM juga akan diwujudkan di peringkat negeri bagi membantu pelaksanaan PIN.

1.65 Tadbir urus yang baik di sektor korporat akan terus digalakkan. Sehubungan ini, institusi kawal selia akan berusaha untuk memupuk dan mempertingkatkan tadbir urus korporat dengan mengkaji semula peraturan, undang-undang dan rangka kerja perundangan yang berkaitan. Penguatkuasaan peraturan dan undang-undang akan juga dipertingkatkan.

### **Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam**

1.66 Kerajaan beriltizam untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam kerana ia merupakan satu prasyarat asas bagi mencapai Misi Nasional. Sehubungan ini, Kerajaan akan terus berusaha mengurangkan kerenah birokrasi terutamanya di peringkat pihak berkuasa tempatan dan daerah. Proses dan prosedur kerja serta undang-undang akan dirombak dan diperkemas, manakala lebih banyak pusat keputusan akan ditubuhkan bagi membolehkan keputusan dibuat dengan lebih berkesan dan cepat. ICT juga akan dimanfaatkan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan Kerajaan dan penyampaian perkhidmatan. Ini termasuk projek e-Tanah yang dijangka mempertingkatkan proses pentadbiran tanah melalui penggunaan teknologi secara bersepadu.

1.67 Sistem KPI akan dilaksanakan bagi memantau dan mengukur prestasi sistem penyampaian perkhidmatan awam dan akan diguna pakai oleh kebanyakan agensi menjelang tahun 2010. Selain daripada laporan yang disusun oleh Jawatankuasa Kira-kira Awam dan Ketua Audit Negara, prestasi penyampaian perkhidmatan awam oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan akan dipantau melalui sistem penarafan, pemeriksaan dan audit yang sistematik. Biro Pengaduan Awam akan turut mengendalikan maklum balas dan aduan daripada orang ramai berkaitan prestasi penyampaian perkhidmatan awam.

1.68 Memandangkan kewujudan pasukan polis yang kuat memainkan peranan penting dalam mengekalkan keselamatan awam, Kerajaan akan memastikan operasi Polis Diraja Malaysia dipertingkat dan disokong dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, langkah akan diambil bagi mempertingkatkan keupayaan dan kesediaan pasukan keselamatan negara.

### **Menggalakkan Pembangunan menerusi Kerjasama Antarabangsa**

1.69 Kerjasama antarabangsa antara Malaysia dengan rakan pembangunannya akan diperkukuh termasuk melalui kerjasama teknikal dengan negara Selatan. Usaha ini adalah selaras dengan 'dasar memakmurkan jiran', di mana Malaysia melalui Program Kerjasama Teknik Malaysia akan menyokong pembangunan perkongsian pintar bagi menggalakkan semangat berdikari yang lebih tinggi di kalangan negara membangun. Malaysia telah menerajui program bina upaya di kalangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menggalak negara

anggota OIC yang lebih membangun membantu negara yang kurang membangun dalam usaha pembangunan mereka. RMKe-9 akan memperluas bidang kerjasama teknikal dan ekonomi sedemikian, termasuk memudahkan penyertaan sektor swasta dan memperhalusi program sedia ada untuk memenuhi keperluan negara peserta yang sentiasa berubah.

1.70 Malaysia akan meneruskan dasar kerjasama pembangunan dan memperkukuh hubungan politik dan ekonomi dengan negara jiran dan negara rakan secara dua hala dan melalui kumpulan serantau seperti ASEAN, Sidang Kemuncak Asia Timur dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, serta melalui pertubuhan pelbagai hala seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, OIC, Pergerakan Negara Berkecuali dan Komanwel. Kerjasama antarabangsa sedemikian akan terus giat digalakkan supaya mewujudkan sistem antarabangsa yang lebih adil dan saksama serta untuk mencapai matlamat negara dan melindungi kepentingan negara sebagai sebuah ekonomi perdagangan yang terbuka.

### **III. PENUTUP**

1.71 RMKe-9 mengkaji semula dasar dan strategi yang telah sedia wujud, mencadangkan perubahan dalam pendekatan pembangunan dan memperkenalkan inisiatif dasar baru. Sebagai langkah permulaan, pencapaian dasar dan strategi dalam tempoh Rancangan adalah penting untuk merealisasikan Misi Nasional. Pelaksanaan RMKe-9 dengan penuh keazaman dan lebih berfokus akan memperkukuh asas negara, membina lagi kejayaan atas pencapaian Malaysia masa lalu, menumpukan usaha negara kepada lima teras utama Misi Nasional, dan seterusnya mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

# KESTABILAN EKONOMI MAKRO UNTUK PERTUMBUHAN

# 2

## I. PENDAHULUAN

2.01 Ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan yang menggalakkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) walaupun berlaku ketidakpastian dalam persekitaran global berikutan peristiwa 11 September pada tahun 2001, peperangan di Afghanistan dan Iraq serta wabak sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS) pada tahun 2003 dan kenaikan harga minyak mentah pada tahun 2004-2005. Perkembangan ekonomi adalah lebih meluas di mana kesemua sektor mencatat pertumbuhan positif. Asas ekonomi kekal kukuh. Kadar inflasi dan pengangguran adalah rendah. Akaun semasa imbalan pembayaran terus kukuh dan tabungan negara kekal di paras yang tinggi. Kemajuan juga telah dicapai dalam membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan.

2.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pengurusan ekonomi makro akan ditumpukan kepada usaha memastikan ekonomi makro yang stabil bagi mengekalkan ekonomi berada di landasan pertumbuhan yang mampan. Permintaan swasta dalam negeri dijangka mencatat pertumbuhan kukuh yang membolehkan Kerajaan meneruskan pengurusan fiskal yang pragmatik. Dasar kewangan yang bersesuaian akan dilaksanakan bagi menggalakkan pertumbuhan dan harga yang stabil. Penekanan juga akan diberi ke arah meningkatkan keupayaan produktiviti dan inovatif.

## II. PENILAIAN PENCAPAIAN EKONOMI MAKRO, 2001-2005

2.03 Dalam tempoh RMKe-8, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebenar berkembang pada kadar purata 4.5 peratus setahun disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport. Keluaran negara kasar (KNK) per kapita pada harga semasa meningkat sebanyak 5.7 peratus setahun kepada RM17,687 pada tahun 2005. Dari segi pariti kuasa beli, KNK per kapita meningkat kepada AS\$10,318 pada tahun 2005 berikutan daripada kadar inflasi yang rendah dan kadar tukaran asing yang stabil.

## Ekonomi Dalam Negeri

### *Produktiviti dan Kecekapan*

2.04 Selaras dengan kemajuan peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, tahap produktiviti dan kecekapan adalah semakin meningkat. Sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (TFP) kepada KDNK meningkat kepada 29.0 peratus berbanding dengan 24.0 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7), seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-1*. Sumbangan buruh kepada KDNK adalah juga lebih tinggi iaitu di tahap 33.2 peratus. Walau bagaimanapun, sumbangan modal kepada KDNK sebanyak 37.8 peratus adalah lebih rendah berbanding dengan 45.2 peratus yang dicapai dalam tempoh RMKe-7, menunjukkan ekonomi beransur kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti. Nisbah tambahan modal kepada pengeluaran (ICOR)<sup>1</sup> yang lebih rendah dalam tempoh RMKe-8 iaitu 6.2 berbanding dengan 8.6 dalam tempoh RMKe-7 menunjukkan peningkatan ke arah penggunaan modal yang cekap.

JADUAL 2-1

### SUMBANGAN FAKTOR PENGELUARAN, 1996-2010

Faktor	Pencapaian				Sasaran RMKe-9	
	RMKe-7		RMKe-8		% Sumbangan kepada KDNK	% daripada KDNK
	% Sumbangan kepada KDNK	% daripada KDNK	% Sumbangan kepada KDNK	% daripada KDNK		
<b>KDNK</b>	<b>4.8</b>	<b>100.0</b>	<b>4.5</b>	<b>100.0</b>	<b>6.0</b>	<b>100.0</b>
Buruh	1.5	30.8	1.5	33.2	1.8	29.9
Modal	2.2	45.2	1.7	37.8	2.0	34.3
TFP <sup>1</sup>	1.1	24.0	1.3	29.0	2.2	35.8

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Produktiviti faktor keseluruhan (TFP) dianggar menggunakan fungsi pengeluaran Cobb-Douglas dengan menolak bahagian pertumbuhan yang disebabkan oleh kenaikan dalam faktor buruh dan modal daripada pertumbuhan keseluruhan.

### *Ekonomi Berasaskan Pengetahuan*

2.05 Indeks pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan (KDI)<sup>2</sup> telah dibangunkan oleh Kerajaan untuk memantau perkembangan ekonomi ke arah menjadikan ianya lebih berasaskan pengetahuan. KDI keseluruhan telah meningkat sebanyak 591 mata daripada 2,413 pada tahun 2000 kepada 3,004 pada tahun

<sup>1</sup> Berasaskan purata pergerakan 3-tahun.


<sup>2</sup> KDI dibentuk bagi menilai kesediaan Malaysia menjadi sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan. Ia juga membandingkan kedudukan Malaysia dengan 21 negara lain, yang kebanyakannya terdiri daripada negara maju. KDI dikira berasaskan beberapa faktor utama terpilih yang diperlukan untuk memacu ekonomi berasaskan pengetahuan iaitu infrastruktur komputer, infostruktur, pendidikan dan latihan serta R&D dan teknologi. Pada masa ini, 21 petunjuk digunakan untuk membentuk KDI.

2005 dengan peningkatan dalam semua bidang, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-1*. Infrastruktur komputer menunjukkan kemajuan yang paling ketara, mencatat peningkatan 196.4 peratus dari segi skor di antara tahun 2000 dan 2005, diikuti oleh penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan teknologi sebanyak 25.9 peratus dan pendidikan dan latihan sebanyak 22.9 peratus. Dari segi KDI mengikut negara, Malaysia kekal di kedudukan ke-17 pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-2*.

2.06 Satu penilaian mengenai kesediaan pengetahuan berdasarkan tahap kandungan pengetahuan<sup>3</sup> juga mengambil kira sepuluh industri pembuatan dan lapan industri perkhidmatan. Didapati bahawa semua industri yang dinilai telah membina suatu tahap kecekapan pengetahuan dan keupayaan serta memulakan aktiviti memperolehi, menjana dan berkongsi pengetahuan. Secara keseluruhannya, perkhidmatan teknologi maklumat, industri kimia, telekomunikasi, pendidikan tertiar dan perkhidmatan kewangan memperlihatkan kesediaan pengetahuan yang lebih baik, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-3*. Dari segi sokongan

CARTA 2-1

### INDEKS PEMBANGUNAN EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN : MALAYSIA, 2000 DAN 2005




Sumber: Unit Perancang Ekonomi

<sup>3</sup> Penilaian adalah berdasarkan kepada kajian ke atas 1,819 firma yang dijalankan pada tahun 2003. Sejumlah 21 pembolehubah paling berpengaruh yang mencerminkan pemudah pengetahuan dan tindakan telah digunakan bagi menilai tahap kandungan pengetahuan bagi industri terpilih. Rumusan diambil daripada Laporan Kandungan Pengetahuan Dalam Sektor Ekonomi Utama, 2004.



CARTA 2-2

**INDEKS PEMBANGUNAN EKONOMI BERASASKAN  
PENGETAHUAN MENGIKUT NEGARA, 2000 DAN 2005**




Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan kedudukan pada tahun 2000.

CARTA 2-3

**UKURAN KANDUNGAN PENGETAHUAN SECARA  
AGREGAT MENGIKUT INDUSTRI, 2002**



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

pengetahuan, semua industri menunjukkan pencapaian lebih baik dari sudut teknologi dan infostruktur, dan menyediakan persekitaran yang menggalakkan pengetahuan berbanding dengan keupayaan sumber manusia serta wujudnya peneraju pengetahuan. Dari segi tindakan pengetahuan, semua industri menunjukkan prestasi yang baik dari segi penggunaan pengetahuan, prestasi sederhana bagi perkongsian dan perolehan pengetahuan tetapi lemah secara amnya dalam penghasilan pengetahuan.

### *Keluaran Sektor*

2.07 Langkah yang diambil bagi merangsang ekonomi di samping persekitaran luaran yang lebih baik dan harga komoditi yang menggalakkan telah menyumbang kepada peningkatan prestasi sektor dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-2*. Sektor *perkhidmatan* merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK, berkembang pada kadar purata 6.1 peratus setahun. Bahagiannya daripada KDNK, meningkat kepada 58.1 peratus pada tahun 2005. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan tertinggi pada kadar purata 8.1 peratus setahun. Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi berkembang pada kadar purata 6.6 peratus setahun selaras dengan peningkatan aktiviti perdagangan dan perjalanan. Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran mencatat pertumbuhan purata tahunan 4.3 peratus dalam tempoh Rancangan, disokong oleh peningkatan pengguna dan aktiviti pelancongan, terutamanya dalam tempoh 2004-2005.

2.08 Sektor *pembuatan* mencapai kadar pertumbuhan purata 4.1 peratus setahun dalam tempoh Rancangan dan sumbangannya kepada KDNK meningkat kepada 31.4 peratus pada tahun 2005. Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor pembuatan kekal tinggi pada kadar purata 80 peratus setahun. Pertumbuhan sektor ini telah diterajui oleh industri berasaskan sumber<sup>4</sup> yang mencatat pertumbuhan pada kadar purata 5.0 peratus setahun. Penyumbang utama kepada pertumbuhan ini adalah subsektor keluaran kimia, pemprosesan makanan, keluaran getah dan keluaran kertas. Industri bukan berasaskan sumber<sup>5</sup> berkembang pada kadar purata 3.5 peratus setahun. Walaupun pertumbuhan subsektor elektronik adalah sederhana pada kadar purata 3.0 peratus setahun, ia kekal sebagai penyumbang utama kepada nilai ditambah sektor pembuatan iaitu sebanyak 28.0 peratus pada tahun 2005.

2.09 Sektor *pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan* mencatat pertumbuhan pada kadar purata 3.0 peratus setahun. Pertumbuhan tersebut

<sup>4</sup> Ini termasuk industri pemprosesan makanan, minuman dan tembakau, keluaran kayu, keluaran kertas, keluaran kimia, keluaran petroleum, keluaran getah dan keluaran mineral bukan logam.

<sup>5</sup> Ini termasuk industri tekstil dan pakaian, logam asas, keluaran logam, jentera, elektronik, jentera elektrik, kelengkapan pengangkutan dan perkilangan lain.

JADUAL 2-2

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT INDUSTRI ASAL, 2000-2010**

Sektor	RM juta (pada harga tahun 1987)			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		Sumbangan kepada Pertumbuhan (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8		Pencapaian RMKe-8	Sasaran RMKe-9
							Sasaran	Pencapaian		
Pertanian, Perhutanan, Ternakan dan Perikanan	18,662	21,585	27,518	8.9	8.2	7.8	2.0	3.0	0.3	0.4
Perlombongan dan Kuari	15,385	17,504	20,675	7.3	6.7	5.9	2.9	2.6	0.2	0.2
Pembuatan	67,250	82,394	113,717	31.9	31.4	32.4	4.0	4.1	1.3	2.1
Pembinaan	6,964	7,133	8,451	3.3	2.7	2.4	2.5	0.5	0.0	0.1
Perkhidmatan	113,408	152,205	208,086	53.9	58.1	59.2	5.2	6.1	3.4	3.8
Perkhidmatan Kerajaan	14,331	19,831	24,759	6.8	7.6	7.0	4.5	6.7	0.5	0.3
Perkhidmatan Perniagaan dan Bukan Kerajaan	99,077	132,374	183,327	47.1	50.5	52.2	5.3	6.0	2.9	3.4
Elektrik, Gas dan Air	8,278	10,860	14,450	3.9	4.1	4.1	5.8	5.6	0.2	0.2
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	16,858	23,163	31,984	8.0	8.8	9.1	5.8	6.6	0.5	0.6
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	31,116	38,437	53,456	14.8	14.7	15.2	3.6	4.3	0.6	1.0
Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	26,755	39,568	55,385	12.7	15.1	15.8	7.0	8.1	1.1	1.1
Perkhidmatan Lain	16,070	20,346	28,052	7.6	7.8	8.0	5.0	4.8	0.4	0.4
(-) Bayaran Perkhidmatan Bank	15,832	23,876	32,707	7.5	9.1	9.3	7.3	8.6	0.7	0.6
(+) Duti Import	4,721	5,083	5,556	2.2	1.9	1.6	6.3	1.5	0.0	0.0
<b>KDNK pada Harga Pembeli</b>	<b>210,557</b>	<b>262,029</b>	<b>351,297</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>4.2</b>	<b>4.5</b>	<b>4.5</b>	<b>6.0</b>
Sektor Pertama	34,047	39,089	48,193	16.2	14.9	13.7	2.4	2.8	0.4	0.6
Sektor Kedua	74,215	89,527	122,168	35.2	34.2	34.8	3.8	3.8	1.3	2.2
Sektor Ketiga	113,408	152,205	208,086	53.9	58.1	59.2	5.2	6.1	3.4	3.8
<i>Mengambil Kira Pelarasan ke atas Duti Import dan Bayaran Perkhidmatan Bank</i>										
Sektor Pertama	32,456	37,912	44,974	15.4	14.5	12.8	2.2	2.5	0.4	0.6
Sektor Kedua	70,747	83,510	114,009	33.6	32.9	32.5	3.7	3.5	1.1	2.0
Sektor Ketiga	107,355	140,607	192,314	51.0	53.7	54.7	5.0	5.7	3.0	3.4

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan

disumbang oleh peningkatan subsektor komoditi pertanian untuk industri sebanyak 3.8 peratus dan subsektor makanan 1.7 peratus setahun. Nilai ditambah minyak sawit meningkat pada kadar purata 6.2 peratus setahun dan kekal sebagai penyumbang utama daripada jumlah nilai ditambah bagi sektor pertanian iaitu sebanyak 36.7 peratus pada tahun 2005. Bagi subsektor makanan, keluaran sayur-sayuran mencatat pertumbuhan purata 13.8 peratus setahun dan keluaran buah-buahan sebanyak 9.8 peratus setahun. Subsektor ternakan berkembang pada kadar purata 6.6 peratus setahun manakala subsektor perikanan menguncup pada kadar purata 0.9 peratus setahun.

2.10 *Sektor perlombongan* berkembang pada kadar purata 2.6 peratus setahun. Pengeluaran minyak mentah dan kondensat meningkat 1.3 peratus setahun daripada 681,000 tong sehari (bpd) pada tahun 2000 kepada 727,000 bpd pada tahun 2005. Harga minyak mentah yang tidak stabil terutamanya pada tahun 2004 dan 2005 di mana harga gred premium dengan kandungan sulfur yang rendah, terutama Tapis (tahap ukuran bagi Malaysia) telah meningkat kepada AS\$55.70 setong pada tahun 2005 berbanding dengan harga purata AS\$24.91 setong pada tahun 2001 manakala *West Texas Intermediate (WTI)* meningkat kepada AS\$56.67 setong pada tahun 2005 berbanding dengan harga purata AS\$25.24 setong pada tahun 2001. Pengeluaran gas asli juga meningkat pada kadar purata 5.8 peratus setahun kepada 5,800 juta kaki padu sehari (jkps) pada tahun 2005.

2.11 *Sektor pembinaan* mencatat pertumbuhan kecil pada kadar purata 0.5 peratus setahun berikutan daripada aktiviti kejuruteraan awam yang berkurangan dalam tempoh separuh kedua Rancangan. Pertumbuhan telah disumbang oleh permintaan yang berterusan ke atas subsektor harta kediaman, hasil daripada pendapatan bolehguna yang lebih tinggi dan pakej pembiayaan yang menarik.

#### *Permintaan Agregat*

2.12 Permintaan agregat pada harga sebenar berkembang pada kadar purata 5.5 peratus setahun. *Pelaburan swasta* menguncup pada kadar purata 1.0 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-3* dan *Carta 2-4*. Ini disebabkan penguncupan besar 19.9 peratus pada tahun 2001 dan 15.1 peratus pada tahun 2002 yang berpunca daripada permintaan luar negara yang lemah dan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang rendah. Namun begitu, pelaburan swasta telah melonjak semula dan berkembang pada kadar purata 18.1 peratus setahun dalam tempoh 2004-2005 berikutan keyakinan peniaga yang meningkat terhadap perkembangan ekonomi yang semakin kukuh. Aliran masuk FDI yang berterusan dalam sektor pembuatan, perlombongan dan perkhidmatan dalam tempoh 2004-2005 turut menyumbang kepada pencapaian lebih baik bagi pelaburan swasta. Pelaburan swasta pada harga semasa adalah sebanyak RM175.9 bilion,

lebih rendah daripada RM288.6 bilion yang dicapai dalam tempoh 1996-2000. Pelaburan dalam sektor pembuatan menyumbang sebanyak 33.9 peratus daripada jumlah pelaburan, diikuti sektor perkhidmatan 21.6 peratus, pembinaan 19.7 peratus, perlombongan 14.5 peratus dan pertanian 10.3 peratus.

JADUAL 2-3


**KELUARAN NEGARA KASAR MENGIKUT KATEGORI  
PERBELANJAAN, 2000-2010**

Kategori	RM juta (pada harga semasa dengan harga 1987 dalam italic)			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)			% daripada KDNK		
	2000	2005	2010	RMKe-8		Sasaran RMKe-9	2000	2005	2010
				Sasaran	Pencapaian				
Penggunaan	181,031	280,468	428,653	7.4	9.2	8.9	52.7	56.7	59.4
	<i>119,238</i>	<i>169,993</i>	<i>233,074</i>	6.1	7.4	6.5	56.6	64.9	66.3
Swasta	145,355	215,876	340,376	6.5	8.2	9.5	42.4	43.7	47.1
	<i>95,370</i>	<i>131,266</i>	<i>182,888</i>	5.2	6.6	6.9	45.3	50.1	52.1
Awam	35,676	64,592	88,277	11.0	12.6	6.4	10.4	13.1	12.2
	<i>23,868</i>	<i>38,727</i>	<i>50,186</i>	9.4	10.2	5.3	11.3	14.8	14.3
Pembentukan Modal Kasar Tetap	87,729	98,930	148,169	0.9	2.4	8.4	25.6	20.0	20.5
	<i>64,840</i>	<i>70,175</i>	<i>102,512</i>	0.9	1.6	7.9	30.8	26.8	29.2
Swasta	44,102	43,769	76,170	-2.4	-0.2	11.7	12.8	8.9	10.5
	<i>32,596</i>	<i>31,047</i>	<i>52,700</i>	-2.3	-1.0	11.2	15.5	11.8	15.0
Awam	43,627	55,161	71,999	3.8	4.8	5.5	12.7	11.2	10.0
	<i>32,244</i>	<i>39,128</i>	<i>49,812</i>	3.8	3.9	5.0	15.3	14.9	14.2
Perubahan Dalam Stok	5,981	-1,059	126	-	-	-	1.7	-0.2	0.0
	<i>3,383</i>	<i>-1,708</i>	<i>104</i>	-	-	-	1.6	-0.7	0.0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	427,004	609,133	923,484	2.7	7.4	8.7	124.4	123.2	127.9
	<i>246,158</i>	<i>316,959</i>	<i>445,625</i>	2.0	5.2	7.1	116.9	121.0	126.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	358,530	492,928	778,213	2.3	6.6	9.6	104.5	99.7	107.8
	<i>223,062</i>	<i>293,391</i>	<i>430,018</i>	1.9	5.6	7.9	105.9	112.0	122.4
<b>KDNK pada Harga Pembeli</b>	<b>343,215</b>	<b>494,544</b>	<b>722,219</b>	<b>5.2</b>	<b>7.6</b>	<b>7.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
	<b><i>210,557</i></b>	<b><i>262,029</i></b>	<b><i>351,297</i></b>	<b><i>4.2</i></b>	<b><i>4.5</i></b>	<b><i>6.0</i></b>	<b><i>100.0</i></b>	<b><i>100.0</i></b>	<b><i>100.0</i></b>
Bayaran Faktor Bersih	-28,909	-21,470	-39,542	-	-	-			
	<i>-19,270</i>	<i>-13,999</i>	<i>-23,484</i>	-	-	-			
<b>KNK pada Harga Pembeli</b>	<b>314,306</b>	<b>473,074</b>	<b>682,677</b>	<b>5.4</b>	<b>8.5</b>	<b>7.6</b>			
	<b><i>191,287</i></b>	<b><i>248,030</i></b>	<b><i>327,812</i></b>	<b><i>4.3</i></b>	<b><i>5.3</i></b>	<b><i>5.7</i></b>			
KNK Per Kapita pada Harga Pembeli (RM)	13,378	17,687	23,573	3.2	5.7	5.9			

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan

CARTA 2-4

PELABURAN SWASTA, 1990-2005



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

2.13 *Pelaburan awam* berkembang pada kadar purata 3.9 peratus setahun berbanding dengan sasaran dipinda<sup>6</sup> 3.8 peratus setahun dan bahagiannya daripada KDNK kekal pada 14.9 peratus pada tahun 2005. Perbelanjaan modal bagi perusahaan awam bukan kewangan (PABK)<sup>7</sup> kekal tinggi dalam tempoh Rancangan iaitu berkembang pada kadar purata 11.3 peratus setahun, terutamanya disebabkan langkah menaik taraf dan meningkatkan keupayaan, khususnya oleh Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM).

2.14 *Penggunaan swasta* mencatat pertumbuhan kukuh pada kadar purata 6.6 peratus setahun berbanding dengan sasaran dipinda sebanyak 5.2 peratus dan bahagiannya daripada KDNK meningkat kepada 50.1 peratus pada tahun 2005. *Penggunaan awam* juga mencapai pertumbuhan lebih tinggi pada kadar

<sup>6</sup> Merujuk kepada sasaran Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

<sup>7</sup> Enterpris dalam senarai PABK adalah berdasarkan kriteria bahawa Kerajaan sekurang-kurangnya mempunyai pegangan ekuiti 51 peratus dan nilai jualan sekurang-kurangnya RM100 juta atau mempunyai kesan yang besar terhadap ekonomi, termasuk keperluan pinjaman dan perbelanjaan modal yang besar. Senarai semasa PABK ialah 30 buah entiti.

purata 10.2 peratus setahun berbanding dengan sasaran dipinda 9.4 peratus. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi ke atas emolumen serta bekalan dan perkhidmatan selaras dengan usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan sistem penyampaian Kerajaan.

### *Imbangan Sumber*

2.15 Dalam tempoh Rancangan, paras tabungan kekal tinggi, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-4*. Purata tabungan negara sebanyak 36.3 peratus kepada KNK telah membolehkan negara membiayai pertumbuhan ekonomi daripada sumber dalam negeri. Bahagian pelaburan daripada KNK yang berkurang daripada 29.8 peratus pada tahun 2000 kepada 20.7 peratus pada tahun 2005 telah menyebabkan lebihan imbangan sumber sebanyak 16.4 peratus kepada KNK pada tahun 2005 berbanding 10.3 peratus pada tahun 2000.

JADUAL 2-4

### **IMBANGAN SUMBER, 2000-2010** (% kepada KNK)

Sektor	2000	2005	2010	Terkumpul	
				RMKe-8	Sasaran RMKe-9
<i>Awam</i>					
Tabungan	17.6	16.5	13.9	15.3	15.2
Pelaburan	13.9	11.7	10.5	14.0	10.9
<b>Imbangan Sumber</b>	<b>3.7</b>	<b>4.8</b>	<b>3.4</b>	<b>1.3</b>	<b>4.3</b>
<i>Swasta</i>					
Tabungan	22.5	20.6	21.2	21.0	21.0
Pelaburan	15.9	9.0	11.2	9.6	10.4
<b>Imbangan Sumber</b>	<b>6.6</b>	<b>11.6</b>	<b>10.0</b>	<b>11.4</b>	<b>10.6</b>
<i>Jumlah</i>					
Tabungan	40.1	37.1	35.1	36.3	36.2
Pelaburan	29.8	20.7	21.7	23.6	21.3
<b>Imbangan Sumber</b>	<b>10.3</b>	<b>16.4</b>	<b>13.4</b>	<b>12.7</b>	<b>14.9</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

### *Perkembangan Harga*

2.16 Inflasi yang diukur menggunakan *indeks harga pengguna* (CPI) mencatat pertumbuhan purata 1.8 peratus setahun dalam tempoh 2001-2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-5*. Inflasi teras, iaitu inflasi yang tidak termasuk barangan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dan Perintah Kawalan Harga (Barang-barang Harga Terkawal) 2000 juga mencatat kadar pertumbuhan purata

1.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. CPI luar bandar pula meningkat pada kadar purata 1.7 peratus setahun dan CPI bandar 1.8 peratus setahun dalam tempoh 2001-2005 disebabkan harga yang lebih tinggi bagi makanan, minuman dan tembakau, pengangkutan dan komunikasi, perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan serta pelbagai barangan dan perkhidmatan. Harga pengeluar yang diukur menggunakan *indeks harga pengeluar* (PPI) meningkat pada kadar purata 4.0 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi keluaran berkaitan komoditi berikutan kenaikan harga minyak mentah yang tinggi dalam tempoh 2004-2005 dan minyak sawit mentah pada tahun 2004.

JADUAL 2-5

## PERKEMBANGAN HARGA, 2001-2005

Perkara	Kadar Pertumbuhan (%)					Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005
	2001	2002	2003	2004	2005	
<b>Indeks Harga Pengguna (2000=100)</b>	<b>1.4</b>	<b>1.8</b>	<b>1.2</b>	<b>1.4</b>	<b>3.0</b>	<b>1.8</b>
di antaranya:						
Makanan	0.7	0.7	1.3	2.2	3.6	1.7
Sewa Kasar, Bahan Api dan Kuasa	1.4	0.7	0.9	1.0	1.2	1.0
Perbelanjaan Rawatan Perubatan dan Kesihatan	2.9	2.4	1.7	1.4	1.6	2.0
Pengangkutan dan Komunikasi	3.6	6.6	1.6	0.8	4.4	3.4
<b>Indeks Harga Pengguna Mengikut Kawasan (2000=100)</b>						
Luar Bandar	1.3	1.5	1.0	1.4	3.2	1.7
Bandar	1.4	2.0	1.2	1.4	3.0	1.8
<b>Indeks Harga Pengguna Teras (2000=100)<sup>1</sup></b>	<b>1.1</b>	<b>1.5</b>	<b>1.0</b>	<b>1.4</b>	<b>2.6</b>	<b>1.5</b>
<b>Indeks Harga Pengguna Bagi Kumpulan Berpendapatan Rendah (2000=100)<sup>2</sup></b>	<b>1.2</b>	<b>1.4</b>	<b>1.2</b>	<b>1.7</b>	<b>3.2</b>	<b>1.7</b>
<b>Indeks Harga Pengeluar (1989=100)</b>						
di antaranya:						
Ekonomi Domestik	-5.0	4.4	5.7	8.9	6.8	4.0
Pengeluaran Tempatan	-6.1	5.7	6.8	10.3	7.9	4.8
Import	-0.4	-0.7	0.8	2.0	1.5	0.6
<b>Pendeflasi KDNK (1987=100)</b>	<b>-2.9</b>	<b>3.7</b>	<b>3.5</b>	<b>6.2</b>	<b>4.5</b>	<b>3.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan

Nota: <sup>1</sup> Indeks tersebut tidak termasuk barangan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dan Perintah Kawalan Harga (Barang-barang Harga Terkawal) 2000.

<sup>2</sup> Merujuk kepada kumpulan berpendapatan rendah kurang daripada RM1,500 sebulan.



## *Akaun Sektor Awam*

2.17 Terdapat peralihan dalam *akaun sektor awam yang disatukan* daripada defisit keseluruhan dalam tempoh 2001-2003 kepada lebih keseluruhan dalam tempoh 2004-2005. Peralihan ini disebabkan lebih semasa PABK yang meningkat daripada RM28.5 bilion pada tahun 2000 kepada RM63.8 bilion pada tahun 2005. Kenaikan ini disumbang oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti telekomunikasi dan utiliti, minyak dan gas serta harga minyak mentah yang tinggi. Akaun sektor awam mencatat lebih keseluruhan sebanyak RM7.0 bilion atau 1.4 peratus kepada KDNK pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-6*.

2.18 *Hasil Kerajaan Persekutuan* mencatat peningkatan purata tahunan 11.4 peratus dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-7*. Peningkatan ini adalah berikutan kutipan hasil yang lebih tinggi daripada cukai petroleum, duti eksport dan eksais serta pulangan daripada pelaburan. *Perbelanjaan mengurus* Kerajaan Persekutuan meningkat pada kadar purata 11.6 peratus setahun daripada RM56.5 bilion pada tahun 2000 kepada RM97.7 bilion pada tahun 2005. Peningkatan ini adalah berikutan daripada perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan serta subsidi. Dengan mengambil kira *perbelanjaan pembangunan* sebanyak RM170.0 bilion, defisit fiskal keseluruhan Kerajaan Persekutuan menurun daripada 5.7 peratus kepada KDNK pada tahun 2000 kepada 3.8 peratus kepada KDNK pada tahun 2005. Jumlah hutang pula meningkat kepada RM228.7 bilion atau 46.2 peratus kepada KDNK pada tahun 2005. Daripada jumlah hutang tersebut, 86.9 peratus terdiri daripada hutang dalam negeri manakala 13.1 peratus adalah hutang luar negara.

## **Sektor Luar Negara**

### *Perdagangan Antarabangsa*

2.19 Dalam tempoh Rancangan, jumlah dagangan berkembang pada kadar purata 7.2 peratus setahun daripada RM684.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM967.8 bilion pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-8*. *Eksport kasar* berkembang pada kadar purata 7.4 peratus setahun kepada RM533.8 bilion pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-9*. Berdasarkan pencapaian ini, Malaysia menduduki tangga ke-18 pengeksport terbesar dengan menyumbang 1.5 peratus kepada eksport dunia.

2.20 Eksport sektor pembuatan berkembang kukuh pada kadar purata 6.2 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Keluaran elektrik dan elektronik terus menjadi penyumbang utama eksport pembuatan, walaupun bahagiannya berkurang kepada 65.8 peratus pada tahun 2005 berbanding 72.5 peratus pada tahun 2000, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-5*. Eksport keluaran pertanian dan perhutanan meningkat pada kadar purata 10.3 peratus setahun dan merupakan

JADUAL 2-6

AKAUN SEKTOR AWAM YANG DISATUKAN, 2000-2010

Perkara	RM juta						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)			
	2000			2005			2010			
	Jumlah Terkumpul		% kepada KDNK	Jumlah Terkumpul		% kepada KDNK	Jumlah Terkumpul		% kepada KDNK	
	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
<b>Sektor Kerajaan<sup>1</sup></b>										
Hasil	76,002	122,621	171,530	533,155	779,468	22.1	24.8	23.8	10.0	6.9
Perbelanjaan Mengurus	64,445	108,414	148,846	442,036	665,321	18.8	21.9	20.6	11.0	6.5
Lebihan Semasa	11,557	14,198	22,684	91,120	124,147	3.4	2.9	3.1	4.2	9.8
Lebihan Semasa PABK	28,462	63,762	77,712	218,734	351,092	8.3	12.9	10.8	17.5	4.0
Lebihan Semasa Sektor Awam	40,019	77,960	100,396	309,854	475,239	11.7	15.8	13.9	14.3	5.2
Perbelanjaan Pembangunan	50,440	70,954	89,747	339,777	396,112	14.7	14.3	12.4	7.1	4.8
Sektor Kerajaan	27,079	30,973	46,547	178,673	218,013	7.9	6.3	6.4	2.7	8.5
PABK	23,361	39,981	43,200	161,104	178,099	6.8	8.1	6.0	11.3	1.6
Lebihan/Defisit Keseluruhan Sektor Kerajaan	-15,522	-16,775	-23,863	-87,554	-93,866	-4.5	-3.4	-3.3		
Lebihan/Defisit Keseluruhan PABK	5,101	23,781	34,512	57,630	172,993	1.5	4.8	4.8		
Lebihan/Defisit Keseluruhan Sektor Awam	-10,420	7,006	10,649	-29,923	79,127	-3.0	1.4	1.5		

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

Nota: <sup>1</sup> Sektor Kerajaan terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun.

JADUAL 2-7

**PERBELANJAAN DAN PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2000-2010**

Perkara	RM juta						% kepada KDNK			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000		2005		2010		2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
	Jumlah Terkumpul						RMKe-8	RMKe-9			
Hasil	61,863	106,304	152,070	461,390	683,137	18.0	21.5	21.1	11.4	7.4	
Perbelanjaan Mengurus <sup>1</sup>	56,547	97,744	135,723	396,722	595,529	16.5	19.8	18.8	11.6	6.8	
Lebihan Semasa	5,316	8,561	16,347	64,668	87,608	1.5	1.7	2.3	10.0	13.8	
Perbelanjaan Pembangunan Kasar	27,941	30,571	41,650	170,000	200,000	8.1	6.2	5.8	1.8	6.4	
Perbelanjaan Langsung	26,304	28,839	40,450	160,432	193,568	7.7	5.8	5.6	1.9	7.0	
Pinjaman Kasar	1,637	1,732	1,200	9,568	6,432	0.5	0.4	0.2	1.1	-7.1	
Bayaran Balik Pinjaman	2,909	3,250	1,000	7,548	4,744	0.8	0.7	0.1	2.2	-21.0	
Perbelanjaan Pembangunan Bersih	25,032	27,321	40,650	162,452	195,256	7.3	5.5	5.6	1.8	8.3	
Lebihan/Defisit Keseluruhan	-19,715	-18,761	-24,303	-97,784	-107,648	-5.7	-3.8	-3.4			
% daripada KDNK	-5.7	-3.8	-3.4	-4.8	-3.4						
<b>Sumber Pembiayaan</b>											
Pinjaman Luar Negara Bersih	864	-3,503	-	7,269	1,344	0.3	-0.7	0.0	-	-	
Pinjaman Dalam Negeri Bersih	12,714	12,700	24,303	81,057	106,304	3.7	2.6	3.4	-	-	
Perubahan Harta <sup>2</sup>	6,137	9,564	-	9,421	-	1.8	1.9	0.0	-	-	
Jumlah Hutang <sup>3</sup>	125,626	228,670	351,318	228,670	351,318	36.6	46.2	48.6	-	-	
Dalam Negeri	106,805	198,670	319,974	198,670	319,974	31.1	40.2	44.3	-	-	
Luar Negara	18,821	30,000	31,344	30,000	31,344	5.5	6.1	4.3	-	-	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

Nota:

<sup>1</sup> Tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

<sup>2</sup> Tanda negatif menunjukkan pengumpulan harta, tanda positif menunjukkan penggunaan harta.

<sup>3</sup> Bagi akhir tempoh.

JADUAL 2-8

ARAH HALUAN PERDAGANGAN, 2000-2005

Arah Haluan	RM Juta						% daripada Jumlah				Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005	
	Eksport		Import		Jumlah Dagangan		Eksport		Import		Jumlah Dagangan	
	2000	2005	2000	2005	2000	2005	2000	2005	2000	2005	2000	2005
ASEAN <sup>1</sup>	99,028	139,208	74,940	110,823	173,968	250,031	26.5	26.1	24.1	25.5	7.0	8.1
Singapura	68,574	83,333	44,696	50,828	113,270	134,161	18.4	15.6	14.4	17.7	4.0	2.6
Indonesia	6,484	12,580	8,623	16,566	15,107	29,145	1.7	2.4	2.8	3.8	14.2	13.9
Thailand	13,485	28,723	11,987	22,889	25,472	51,612	3.6	5.4	3.8	5.3	16.3	13.8
Filipina	6,558	7,476	7,562	12,192	14,120	19,668	1.8	1.4	2.4	2.8	2.7	10.0
Kesatuan Eropah	51,019	62,629	33,527	50,512	84,546	113,142	13.7	11.7	10.8	11.6	4.2	8.5
United Kingdom	11,566	9,470	6,080	6,522	17,646	15,992	3.1	1.8	2.0	1.5	-3.9	1.4
Republik Jerman	9,336	11,259	9,282	19,265	18,618	30,524	2.5	2.1	3.0	4.4	3.8	15.7
Amerika Syarikat	76,579	105,033	51,744	55,918	128,323	160,951	20.5	19.7	16.6	12.9	6.5	1.6
Kanada	3,043	2,847	1,445	2,133	4,488	4,980	0.8	0.5	0.5	0.5	-1.3	8.1
Australia	9,210	18,042	6,052	8,171	15,262	26,213	2.5	3.4	1.9	1.9	14.4	6.2
Negara Timur Laut	103,784	149,105	117,828	169,236	221,612	318,338	27.8	27.9	37.8	39.0	7.5	7.5
Asia terpilih	48,770	49,918	65,513	62,982	114,283	112,899	13.1	9.4	21.0	14.5	0.5	-0.8
Jepun												
Republik Rakyat												
China	11,507	35,221	12,321	49,880	23,828	85,101	3.1	6.6	4.0	11.5	25.1	32.3
Hong Kong China	16,854	31,205	8,557	10,797	25,411	42,002	4.5	5.8	2.7	2.5	13.1	4.8
Republik Korea	12,464	17,945	13,926	21,604	26,390	39,549	3.3	3.4	4.5	5.0	7.6	9.2
Taiwan	14,189	14,813	17,511	23,974	31,700	38,787	3.8	2.8	5.6	5.5	0.9	6.5
Asia Selatan	10,529	21,245	3,030	4,504	13,558	25,749	2.8	4.0	1.0	1.0	15.1	8.3
India	7,312	14,972	2,748	4,164	10,059	19,136	2.0	2.8	0.9	1.0	15.4	8.7
Amerika Tengah dan Selatan	5,633	6,169	2,587	6,786	8,220	12,955	1.5	1.2	0.8	1.6	1.8	21.3
Afrika	2,996	7,649	1,421	2,511	4,417	10,160	0.8	1.4	0.5	0.6	20.6	12.1
Lain-lain	11,449	21,866	18,886	23,415	30,335	45,278	3.1	4.1	6.1	5.4	13.8	4.4
<b>Jumlah</b>	<b>373,270</b>	<b>533,790</b>	<b>311,459</b>	<b>434,010</b>	<b>684,729</b>	<b>967,798</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>7.4</b>	<b>6.9</b>
Negara Selatan <sup>2</sup>	68,156	139,911	55,900	137,907	124,056	277,818	18.3	26.2	17.9	31.8	15.5	19.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

Nota: <sup>1</sup> Termasuk semua ahli negara ASEAN.

<sup>2</sup> Termasuk ASEAN kecuali Singapura; Asia Selatan; Timur Laut Asia tidak termasuk Jepun, Hong Kong China, Republik Korea dan Taiwan; Asia Barat; Amerika Tengah dan Selatan; Afrika dan Oceania tidak termasuk Australia dan New Zealand.

JADUAL 2-9

**DAGANGAN BARANGAN, 2000-2005**


Perkara	RM juta		% daripada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005
	2000	2005	2000	2005	
<b>Eksport Kasar</b>					
Pertanian	22,892	37,421	6.1	7.0	10.3
Perlombongan	26,877	52,321	7.2	9.8	14.3
Pembuatan	317,908	429,873	85.2	80.5	6.2
Lain-lain	5,593	14,175	1.5	2.7	20.4
<b>Jumlah</b>	<b>373,270</b>	<b>533,790</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>7.4</b>
<b>Import Kasar</b>					
Barangan Modal	44,171	60,734	14.2	14.0	6.6
Barangan Pengantara	232,687	308,335	74.7	71.0	5.8
Barangan Penggunaan	17,040	24,600	5.5	5.7	7.6
Lain-lain <sup>1</sup>	11,043	18,479	3.5	4.3	10.8
<b>Import Tertanggung</b>	304,941	412,148	97.9	95.0	6.2
Import untuk Dieksport Semula	6,518	21,862	2.1	5.0	27.4
<b>Jumlah</b>	<b>311,459</b>	<b>434,010</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>6.9</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan

Nota: <sup>1</sup> Barangan dua guna, barangan tidak disebut di tempat lain dan urus niaga bawah RM5,000.

CARTA 2-5

**EKSPORT KASAR BARANGAN PEMBUATAN, 2000 DAN 2005**  
(% daripada Jumlah)



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Bank Negara Malaysia

7.0 peratus daripada jumlah eksport berikutan daripada eksport kelapa sawit dan getah yang lebih tinggi. Eksport sektor perlombongan bertambah pada kadar purata 14.3 peratus setahun disumbang oleh peningkatan permintaan bagi minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) serta harga minyak mentah dunia yang meningkat daripada harga purata AS\$30 setong pada tahun 2000 kepada AS\$55.70 setong pada tahun 2005.

2.21 *Import kasar* meningkat pada kadar purata 6.9 peratus setahun dalam tempoh Rancangan terutamanya berikutan pengembangan modal dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Import barangan pengantara berkembang pada kadar purata 5.8 peratus setahun dan menyumbang sebanyak 71.0 peratus daripada import kasar. Import barangan modal pula berkembang pada kadar purata 6.6 peratus setahun dan menyumbang 14.0 peratus daripada jumlah import pada tahun 2005. Import barangan penggunaan meningkat pada kadar purata 7.6 peratus setahun dan menyumbang 5.7 peratus daripada import kasar pada akhir tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-10*. Intensiti import berkurangan daripada 51.1 peratus pada tahun 2000 kepada 49.9 peratus pada tahun 2005, menunjukkan peningkatan dalam penggunaan komponen keluaran tempatan.

#### *Imbangan Pembayaran*

2.22 *Imbangan pembayaran* keseluruhan terus kukuh di sepanjang tempoh Rancangan. Pada tahun 2005, akaun semasa mencatat lebih tertinggi sebanyak RM77.8 bilion atau 16.4 peratus kepada KNK berikutan lebih besar yang dapat dikekalkan bagi akaun barangan dan defisit akaun perkhidmatan yang lebih kecil, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-11*. Lebih akaun barangan telah meningkat kepada RM126.5 bilion pada tahun 2005, menyumbang lebih daripada 26.7 peratus kepada KNK dalam tempoh Rancangan.

2.23 Defisit akaun perkhidmatan telah mengecil daripada RM10.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM10.2 bilion pada tahun 2005. Dasar untuk menggalakkan eksport perkhidmatan seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan serta perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyumbang kepada pengurangan dalam defisit akaun perkhidmatan. Penerimaan bersih yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan menunjukkan peningkatan dalam bilangan ketibaan pelancong serta pendapatan tukaran asing daripada perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan. Namun begitu, lain-lain komponen dalam akaun perkhidmatan, terutamanya pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan terus mencatat aliran keluar bersih. Defisit akaun pendapatan kekal tinggi dalam tempoh Rancangan iaitu pada purata sebanyak RM23.8 bilion setahun akibat penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh pelabur asing. Aliran keluar bersih bayaran pindahan juga adalah lebih tinggi.

JADUAL 2-10

**IMPORT KASAR MENGIKUT PENGGUNAAN AKHIR  
DAN KATEGORI EKONOMI UMUM, 2000-2005**

Perkara	RM juta		% daripada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005
	2000	2005	2000	2005	
<b>Barangan Modal</b>	<b>44,171</b>	<b>60,734</b>	<b>14.2</b>	<b>14.0</b>	<b>6.6</b>
Barangan Modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	41,899	53,939	13.5	12.4	5.2
Alat Kelengkapan Pengangkutan, Perusahaan	2,272	6,795	0.7	1.6	24.5
<b>Barangan Pengantara</b>	<b>232,687</b>	<b>308,335</b>	<b>74.7</b>	<b>71.0</b>	<b>5.8</b>
Makanan dan Minuman, Utama, terutamanya Untuk Industri	1,868	3,747	0.6	0.9	14.9
Makanan dan Minuman, Diproses, terutamanya Untuk Industri	1,968	4,605	0.6	1.1	18.5
Bekalan Perindustrian, t.s.t.l., Utama	6,269	8,895	2.0	2.0	7.2
Bekalan Perindustrian, t.s.t.l., Diproses	62,134	87,704	19.9	20.2	7.1
Bahan Api dan Pelincir, Utama	5,380	15,229	1.7	3.5	23.1
Bahan Api dan Pelincir Lain, Diproses	6,709	12,263	2.2	2.8	12.8
Alat Ganti dan Aksesori Barangan Modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	144,232	163,660	46.3	37.7	2.6
Alat Ganti dan Aksesori untuk Alat Kelengkapan Pengangkutan	4,127	12,232	1.3	2.8	24.3
<b>Barangan Penggunaan<sup>1</sup></b>	<b>17,040</b>	<b>24,600</b>	<b>5.5</b>	<b>5.7</b>	<b>7.6</b>
Makanan dan Minuman, Utama, khusus untuk Penggunaan Isi Rumah	2,131	3,403	0.7	0.8	9.8
Makanan dan Minuman, Diproses, khusus untuk Penggunaan Isi Rumah	4,329	5,877	1.4	1.4	6.3
Barangan Penggunaan, t.s.t.l.	10,484	15,002	3.4	3.5	7.4
Barangan Tahan Lama	2,022	3,514	0.6	0.8	11.7
Barangan Separa Tahan Lama	4,366	4,671	1.4	1.1	1.4
Barangan Tidak Tahan Lama	4,096	6,817	1.3	1.6	10.7
<b>Barangan Dua Guna</b>	<b>6,393</b>	<b>11,308</b>	<b>2.1</b>	<b>2.6</b>	<b>12.1</b>
Bahan Api dan Pelincir, Diproses, Minyak Motokar	2,469	6,424	0.8	1.5	21.1
Alat Kelengkapan Pengangkutan, Motokar Penumpang	3,924	4,884	1.3	1.1	4.5
<b>Barangan, t.s.t.l.</b>	<b>158</b>	<b>563</b>	<b>0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>29.0</b>
<b>Urus Niaga Bawah RM5,000</b>	<b>4,492</b>	<b>6,608</b>	<b>1.4</b>	<b>1.5</b>	<b>8.0</b>
Import Tertangguh	304,941	412,148	97.9	95.0	6.2
Import untuk Dieksport Semula	6,518	21,862	2.1	5.0	27.4
<b>Jumlah Import Kasar</b>	<b>311,459</b>	<b>434,010</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>6.9</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan

Nota: <sup>1</sup> Termasuk alat kelengkapan pengangkutan bukan industri.  
t.s.t.l. - Tidak disebut di tempat lain.

JADUAL 2-11

## IMBANGAN PEMBAYARAN, 2000-2010

Perkara	RM juta			Jumlah Terkumpul	
				RM bilion	
	2000	2005	2010	RMKe-8	Sasaran RMKe-9
<b>Barangan dan Perkhidmatan</b>	<b>68,474</b>	<b>116,206</b>	<b>145,270</b>	<b>422.0</b>	<b>681.4</b>
<b>Barangan</b>	<b>79,144</b>	<b>126,455</b>	<b>149,809</b>	<b>470.7</b>	<b>713.6</b>
Eksport	374,033	536,931	804,753	2,109.0	3,477.7
Import	294,889	410,476	654,944	1,638.3	2,764.1
<b>Perkhidmatan</b>	<b>-10,670</b>	<b>-10,249</b>	<b>-4,539</b>	<b>-48.7</b>	<b>-32.3</b>
Pengangkutan	-11,736	-15,707	-26,677	-69.9	-113.1
Perjalanan	11,158	18,117	34,443	82.3	145.3
Perkhidmatan Lain	-10,030	-12,311	-11,914	-59.4	-62.5
Urus Niaga Kerajaan	-62	-350	-391	-1.7	-1.9
<b>Pendapatan</b>	<b>-28,909</b>	<b>-21,470</b>	<b>-39,542</b>	<b>-119.2</b>	<b>-160.7</b>
Pampasan Pekerja	-975	-482	-1,267	-4.8	-4.9
Pendapatan Pelaburan	-27,934	-20,988	-38,275	-114.5	-155.8
<b>Pindahan Semasa</b>	<b>-7,313</b>	<b>-16,963</b>	<b>-14,549</b>	<b>-59.6</b>	<b>-80.3</b>
<b>Akaun Semasa</b>	<b>32,252</b>	<b>77,772</b>	<b>91,180</b>	<b>243.1</b>	<b>440.4</b>
(% kepada KNK)	10.3	16.4	13.4	12.7	14.9
<b>Akaun Kewangan</b>	<b>-23,848</b>	<b>-41,819</b>		<b>-65.6</b>	
Pelaburan Langsung	6,694	2,711		22.7	
Di Luar Negara	-7,699	-12,931		-34.2	
Di Malaysia	14,393	15,642		56.9	
Pelaburan Portfolio	-9,395	-11,881		17.1	
Pelaburan Lain	-21,147	-32,649		-105.4	
Sektor Awam	3,936	-10,931		-11.4	
Sektor Swasta	-25,083	-21,718		-94.0	
Kesilapan dan Ketinggalan	-12,107	-23,133		-24.7	
<b>Imbangan Keseluruhan</b>	<b>-3,703</b>	<b>12,820</b>		<b>152.8</b>	
<b>Aset Rizab</b>					
Rizab Bank Negara <sup>1</sup>	113,541	266,334			
Bulan Import Tertangguh <sup>1</sup>	4.5	7.8			

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada akhir tempoh.



### III. RANGKA KERJA EKONOMI MAKRO BAGI RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010

#### Strategi Ekonomi Makro

2.24 Pengurusan ekonomi makro bagi RMKe-9 akan ditumpukan kepada usaha mengekalkan kestabilan ekonomi makro untuk mengukuhkan ekonomi pada tahap pertumbuhan yang mampan bagi mencapai matlamat pengagihan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Tujuannya adalah untuk memperkukuhkan lagi asas ekonomi bagi menangani risiko secara lebih berkesan dan memaksimumkan peluang daripada proses globalisasi dan liberalisasi yang pesat berkembang, menghapuskan ketidakseimbangan serta meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi. Strategi utama ekonomi makro yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-9 adalah seperti berikut:

- ❑ *mencapai kadar pertumbuhan yang menggalakkan di samping mengekalkan asas ekonomi yang kukuh;*
- ❑ *memperkukuhkan daya saing untuk mengekalkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan Malaysia;*
- ❑ *meningkatkan sumbangan yang lebih tinggi daripada sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kepada pertumbuhan dan menarik FDI yang berkualiti untuk mempercepatkan kemajuan ke arah aktiviti berteknologi tinggi dan meluaskan rangkaian pasaran;*
- ❑ *menggalakkan pembangunan sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan serta meluaskan ekonomi berasaskan pengetahuan;*
- ❑ *meninggikan kecekapan modal, produktiviti buruh dan sumbangan TFP; dan*
- ❑ *mengekalkan pengurusan fiskal yang pragmatik dan melaksanakan dasar kewangan yang bersesuaian bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri.*

#### Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

2.25 Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tempoh RMKe-9 adalah bergantung kepada perkembangan positif persekitaran dalam dan luar negara. Di peringkat antarabangsa, ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar purata 4.3 peratus setahun dalam tempoh 2006-2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-12*. Berdasarkan unjuran pertumbuhan tersebut, permintaan bagi eksport Malaysia dari Republik Rakyat China, Amerika Syarikat (AS) dan rakan dagangan tradisional dan baru yang lain dijangka terus kukuh.

2.26 Inflasi dunia dijangka kekal sederhana. CPI di kalangan negara maju diunjur meningkat pada kadar purata 2.0 peratus setahun manakala CPI bagi negara membangun dan ekonomi baru muncul dijangka meningkat lebih tinggi pada kadar 5.3 peratus setahun bagi tempoh 2006-2010. Harga komoditi seperti minyak sayuran, getah, timah dan minyak mentah dijangka kekal stabil tetapi pada paras yang lebih tinggi. Pasaran minyak mentah dijangka terus mengalami kekangan bekalan dalam jangka masa sederhana. Sehubungan itu, harga minyak mentah dianggarkan pada purata AS\$58 setong dalam tempoh RMKe-9.

2.27 Perdagangan dunia dijangka berkembang pada kadar purata 7.1 peratus setahun dalam tempoh Rancangan terutamanya disebabkan peningkatan integrasi perdagangan hasil daripada inisiatif dua hala dan pelbagai hala. Peningkatan jumlah perjanjian perdagangan serantau (RTA) dan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala adalah satu perkembangan penting yang akan meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan.

## JADUAL 2-12

**PROSPEK EKONOMI DUNIA, 2001-2010**  
(kadar pertumbuhan tahunan purata, %)

	2001-2005	2006-2010
<b>KELUARAN DUNIA</b>	<b>3.8</b>	<b>4.3</b>
Negara Maju	2.1	2.8
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	5.8	6.0
<b>JUMLAH PERDAGANGAN DUNIA</b>	<b>5.2</b>	<b>7.1</b>
<b>Import</b>		
Negara Maju	4.0	5.7
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	9.2	10.9
<b>Eksport</b>		
Negara Maju	3.5	6.0
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	9.2	9.8
<b>HARGA DUNIA DALAM AS\$</b>		
Pembuatan	5.8	0.9
Minyak	15.8	0.8
Komoditi Utama Bukan Bahan Api	6.2	-2.5
<b>HARGA PENGGUNA</b>		
Negara Maju	1.9	2.0
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	6.1	5.3

Sumber: World Economic Outlook, September 2005, Tabung Kewangan Antarabangsa

## Ekonomi Malaysia

2.28 Ekonomi Malaysia diunjur berkembang selaras dengan keluaran potensinya<sup>8</sup>. Perbelanjaan swasta akan menjadi pemangkin utama pertumbuhan. Kerajaan akan menggunakan pendekatan pengurusan fiskal yang pragmatik di samping meneruskan usaha menyokong inisiatif sektor swasta. Peningkatan produktiviti dan kecekapan dijangka menyumbang kepada kadar inflasi yang sederhana. Kadar pengangguran dijangka terus rendah berikutan daripada usaha bersepadu dalam mewujudkan peluang pekerjaan di semua sektor ekonomi.

2.29 Ekonomi negara diunjur berkembang pada kadar purata 6.0 peratus setahun dengan paras harga yang stabil. Pertumbuhan ini akan disokong oleh permintaan dalam negeri menerusi pelaburan dan penggunaan swasta yang kukuh. KNK per kapita pada harga semasa dijangka meningkat pada kadar purata 5.9 peratus setahun kepada RM23,573 pada tahun 2010. KNK per kapita dari segi pariti kuasa beli dijangka meningkat kepada AS\$13,878 pada tahun 2010.

### *Produktiviti dan Kecekapan*

2.30 Sumbangan TFP kepada KDNK dijangka meningkat kepada 35.8 peratus berikutan ekonomi yang semakin berasaskan pengetahuan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-1*. Peningkatan ini selaras dengan strategi untuk menggalakkan pertumbuhan berasaskan produktiviti. Peningkatan sumbangan TFP akan dilaksanakan melalui program yang mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan pengurusan, membangunkan tenaga kerja yang lebih kreatif dan berkemahiran, memperbaiki tahap pencapaian pendidikan, mempergiatkan aktiviti R&D dan inovasi serta mempertingkatkan penggunaan teknologi dan ICT dalam semua sektor ekonomi. Sehubungan ini, sektor swasta akan terus digalakkan untuk menerajui aktiviti tersebut.

2.31 Kecekapan modal dijangka terus meningkat dengan peningkatan kecekapan dalam proses pengeluaran dan penggunaan aset yang produktif. ICOR dijangka lebih baik dengan kadar purata 4.6 berbanding 6.2 yang dicatat dalam tempoh RMKe-8. Sehubungan itu, sumbangan modal kepada KDNK dianggarkan sebanyak 34.3 peratus. Sumbangan buruh kepada KDNK dijangka sebanyak 29.9 peratus dengan peningkatan dalam kualiti tenaga buruh melalui pendidikan dan latihan bagi memenuhi permintaan ekonomi berasaskan pengetahuan.

---

<sup>8</sup> Keluaran potensi didefinisikan sebagai paras keluaran yang selaras dengan keupayaan produktif sesebuah ekonomi. Dari segi konsep, paras keluaran potensi ditentukan oleh kadar pertumbuhan modal fizikal dan tenaga buruh yang tidak memberi kesan inflasi serta tahap kemajuan teknologi.

## *Keluaran Sektor*

2.32 Dari segi penawaran, pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian. Dasar dan strategi akan ditumpukan kepada usaha mempertingkatkan daya saing di samping memberi tumpuan kepada produktiviti dan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan yang lebih berasaskan pengetahuan. Dasar dan strategi ini termasuklah usaha mengukuhkan enterpris kecil dan sederhana (EKS) dan meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi.

2.33 Pengembangan *sektor pembuatan* dalam tempoh Rancangan akan berpandu kepada Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020. Sektor ini dijangka menjadi lebih dinamik dan berdaya saing dan dijangka berkembang pada kadar purata 6.7 peratus setahun dengan peningkatan yang diperolehi daripada seluruh rangkaian nilai. Pengukuhan kepada industri sedia ada akan ditekankan di samping memanfaatkan sumber pertumbuhan baru yang tertumpu kepada keluaran terpilih untuk pasaran terpilih. Sektor swasta akan digalakkan untuk membaiki keupayaan R&D, daya saing teknikal dan teras pengurusan serta membangunkan keluaran dan jenama baru yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi eksport. EKS yang berdaya saing, berinovatif dan berteknologi tinggi akan dibangunkan. Bagi industri berasaskan sumber, subsektor pemprosesan makanan akan dikukuhkan untuk memenuhi permintaan yang bertambah bagi keluaran pertanian seperti minyak sawit, sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan untuk pasaran dalam negeri dan eksport. Pembangunan bioteknologi pula akan terus meningkatkan kemajuan dalam sektor pembuatan. Industri berasaskan sumber yang lain seperti kimia dan keluaran kimia lain, pemprosesan getah dan keluaran getah akan terus kekal penting dalam meningkatkan nilai ditambah sektor pembuatan.

2.34 Bagi industri bukan berasaskan sumber, subsektor elektronik dijangka meningkat tinggi dalam tempoh separuh pertama Rancangan berikutan pusingan peningkatan permintaan elektronik dunia, terutamanya bagi litar bersepadu, optoelektronik, *electronic discrettes*, alat pengesan dan produk tanpa wayar. Asia Timur dan AS dijangka menjadi pasaran utama eksport negara bagi keluaran tersebut. Sehubungan ini, subsektor elektronik dianggar berkembang pada kadar purata 7.7 peratus setahun dalam tempoh Rancangan dan menyumbang sebanyak 29.4 peratus daripada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan pada tahun 2010. Liberalisasi industri automotif pula dijangka menggiatkan pengeluaran kenderaan bermotor dan komponen bagi pasaran dalam negeri dan serantau.

2.35 *Sektor perkhidmatan* dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan purata 6.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Pertumbuhan ini diperolehi daripada subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran.

2.36 Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang pada kadar purata 7.0 peratus setahun. Pelaksanaan secara berfasa Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal akan menjadikan Malaysia muncul sebagai sebuah pasaran kewangan yang maju. Industri perbankan akan digalakkan untuk mengukuhkan rasionalisasi kumpulan bagi meningkatkan kecekapan dan memperbaiki pengurusan risiko. Pertumbuhan dalam industri perbankan akan disumbangkan oleh peningkatan pendapatan perkhidmatan perbankan berasaskan yuran dan faedah. Sistem kewangan Islam dan pasaran modal akan terus dibangunkan bagi mengambil peluang daripada potensi yang ada dan bertindak sebagai sumber pertumbuhan baru. Dalam tempoh Rancangan, penggunaan e-perbankan dan e-dagang juga dijangka berkembang meluas. Industri insurans pula dijangka terus meningkat hasil daripada usaha penggabungan pihak yang berkepentingan untuk mempercepatkan fasa pembangunannya.

2.37 Dalam menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, perkhidmatan perniagaan dijangka menjana aktiviti baru, terutamanya perkhidmatan ICT seperti pembangunan perisian dan kandungan serta perkhidmatan berasaskan Internet dan aplikasi e-dagang. Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan terus diambil untuk memanfaatkan ICT sebagai sumber kekayaan baru dan mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai hab multimedia, perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar global yang berdaya saing. Usaha ini termasuk penyediaan insentif yang lebih baik dan kajian semula undang-undang dan peraturan yang berkaitan yang akan menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi pelaburan dalam subsektor ini. Di samping itu, usaha selari yang dilaksanakan dalam memupuk sumber manusia, membangunkan kandungan tempatan, memperkukuhkan perlindungan harta intelek, meningkatkan keselamatan dan menambah aktiviti diupayakan secara elektronik akan menyumbang kepada pertumbuhan dalam subsektor ini.

2.38 Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka berkembang pada kadar purata 6.8 peratus setahun berikutan daripada peningkatan permintaan dalam negeri dan pertambahan kaedah pengedaran baru. Usaha untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan membeli belah antarabangsa serta promosi pelancongan dan industri lawatan dalam negeri juga akan menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini. Dalam tempoh Rancangan, subsektor ini akan terus berubah menjadi lebih berdaya maju untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik. Ini termasuk jualan keluaran dan perkhidmatan melalui e-dagang yang dijangka meningkat dengan pesat dalam tempoh Rancangan.

2.39 Pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dijangka kekal teguh pada kadar 6.7 peratus setahun. Industri komunikasi dan pengangkutan dijangka menjadi sumber utama pertumbuhan subsektor ini. Dalam

industri komunikasi, pertumbuhan dijangka disumbangkan oleh peningkatan penggunaan perkhidmatan selular dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya, perkhidmatan penyiaran serta perkhidmatan Internet terutamanya e-perbankan, e-dagang dan aplikasi multimedia. Sumber pertumbuhan baru seperti telefon selular generasi ketiga (3G), *terrestrial digital television* dan perkhidmatan telefon Internet dijangka menjadi lebih penting.

2.40 Industri pengangkutan dijangka mendapat faedah daripada perkembangan berterusan perdagangan antarabangsa dan industri pelancongan. Perkongsian pintar antara pengendali pelabuhan Malaysia dengan rakan kongsi asing dijangka menghasilkan lebih banyak muatan kargo dan pemunggahan bagi pasaran serantau dan destinasi antarabangsa yang lain. Peningkatan perkhidmatan perkapalan terutamanya oleh MISC dan usaha yang dilaksanakan oleh Penerbangan Malaysia dan AirAsia untuk menambah destinasi dijangka menyumbang kepada prestasi lebih baik yang diunjur bagi subsektor pengangkutan. Untuk membantu akses dan rangkaian yang lebih mudah dan baik, penyediaan lebih banyak jalan raya di kawasan luar bandar dan penstrukturan semula pengangkutan awam di kawasan bandar akan dilaksanakan.

2.41 *Sektor pertanian* dijangka berkembang pada kadar purata 5.0 peratus setahun. Sasaran dasar dan strategi yang khusus akan dilaksanakan untuk mempercepatkan perubahan sektor ini kepada sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing. Penekanan akan diberi kepada *Pertanian Baru* yang melibatkan perladangan komersil berskala besar dan penglibatan aktiviti berkualiti dan nilai ditambah yang tinggi. Langkah akan diambil untuk memperkembangkan penggunaan klon, pembenihan atau biji benih yang lebih baik, penggunaan teknologi baru dan pertanian berasaskan pengetahuan, penggazetan tanah yang bersesuaian untuk zon pertanian, penyatuan tanah serta menggalakkan penyelarasan yang lebih baik dalam perancangan dan pelaksanaan projek, perkhidmatan pengembangan, kawalan kualiti, kewangan dan pemasaran.

2.42 Sumber utama pertumbuhan sektor pertanian adalah subsektor minyak sawit, getah dan makanan. Pengeluaran minyak sawit mentah diunjur meningkat kepada 19.6 juta tan metrik pada tahun 2010. Harga getah dijangka kekal menggalakkan dalam tempoh Rancangan. Sehubungan ini, pengeluaran getah dijangka mencapai 1.3 juta tan metrik pada tahun 2010. Subsektor makanan pula dijangka menyumbang 43.6 peratus kepada nilai ditambah sektor pertanian pada tahun 2010. Penekanan akan diberi kepada pengeluaran ternakan, ikan terutamanya perikanan laut dalam dan akuakultur serta buah-buahan dan sayur-sayuran yang mempunyai nilai yang tinggi. Langkah juga akan diambil bagi menggiatkan semula industri koko melalui pemulihan ladang koko dengan penggunaan klon dan teknik penanaman yang lebih baik.

2.43 *Sektor perlombongan* dijangka berkembang pada kadar purata 3.4 peratus setahun. Perkembangan ini adalah hasil peningkatan pengeluaran kondensat dan gas asli dari loji Gas Asli Cecair Malaysia Ketiga (MLNG 3) di Bintulu, Sarawak dan dari Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand di luar pesisir Teluk Siam serta pembangunan lapangan gas kecil di luar pesisir Semenanjung Malaysia. Pengeluaran minyak mentah dan kondensat diunjur meningkat kepada 882,000 tong sehari. Pembangunan lapangan minyak baru di kawasan laut dalam luar pesisir Sabah juga dijangka menyumbang kepada pengeluaran minyak mentah dan gas yang mampan.

2.44 Dalam tempoh Rancangan, *sektor pembinaan* dijangka mencatat pertumbuhan purata 3.5 peratus setahun. Pelaksanaan projek infrastruktur serta pembangunan harta kediaman dan komersil dijangka menjana pertumbuhan sektor ini. Bagi subsektor perumahan, Syarikat Perumahan Negara Berhad akan meneruskan usaha untuk membangunkan lebih banyak unit rumah mampu milik khususnya untuk golongan berpendapatan rendah. Di antara projek infrastruktur baru yang akan dilaksanakan ialah pembinaan jalan raya, lapangan terbang, pembekalan air dan pengangkutan berasaskan rel.

#### *Permintaan Agregat*

2.45 Dari segi permintaan, pertumbuhan dijangka didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. *Pelaburan swasta* diunjur berkembang pada kadar purata 11.2 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-3*. Bahagian pelaburan swasta kepada jumlah pelaburan dijangka meningkat daripada 44.2 peratus pada tahun 2005 kepada 51.4 peratus pada tahun 2010. Dalam tempoh RMKe-9, jumlah pelaburan swasta pada harga semasa diunjur meningkat kepada RM310.0 bilion atau RM62.0 bilion setahun iaitu lebih tinggi daripada jumlah RM175.9 bilion yang dicapai dalam tempoh RMKe-8. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan swasta, 32.6 peratus dijangka dilabur dalam sektor pembuatan, 29.9 peratus dalam perkhidmatan, 14.3 peratus dalam pembinaan, 12.9 peratus dalam perlombongan dan 10.3 peratus dalam pertanian.

2.46 Untuk mencapai sasaran pelaburan swasta, usaha akan ditumpukan ke arah memperbaiki lagi iklim pelaburan. Langkah akan diambil untuk memperkemas sistem penyampaian sektor awam supaya lebih berkesan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Penekanan akan diberikan terutamanya kepada pembangunan modal insan melalui pendidikan dan latihan berkualiti untuk memastikan terdapat penawaran individu yang berpengetahuan tinggi dan berdaya saing di peringkat global. Usaha juga akan digerakkan ke arah penyediaan khidmat sokongan untuk memudahkan pembangunan keluaran bernilai tinggi dan mempunyai potensi eksport. Untuk meningkatkan lagi penyertaan EKS, akses kepada pembiayaan akan diperluaskan termasuk pembiayaan berasaskan aliran tunai oleh Bank EKS serta peruntukan pakej bantuan yang lebih bersepadu.

2.47 Pengenalan inisiatif pembiayaan swasta bagi membiayai beberapa projek pembangunan Kerajaan dijangka terus meningkatkan lagi pelaburan swasta. Walaupun pelaburan dalam negeri dijangka memainkan peranan lebih besar, FDI akan terus penting terutamanya bagi tujuan pemindahan teknologi di samping laluan masuk ke pasaran global. Usaha akan dipergiatkan untuk menarik FDI terutamanya dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berintensifkan teknologi.

2.48 *Pelaburan awam* diunjur berkembang pada kadar purata 5.0 peratus setahun. Bahagian pelaburan awam kepada KDNK dijangka berkurang kepada 14.2 peratus pada tahun 2010. Bagi meningkatkan kualiti berbelanja, perbelanjaan pembangunan akan ditumpu kepada projek yang akan menjana kesan pengganda yang maksimum serta kesan limpahan geografi yang meluas. Projek ini termasuk pembangunan sumber manusia serta penyediaan infrastruktur sosial dan fizikal, khususnya di kawasan luar bandar bagi meningkatkan akses dan mengurangkan lagi kemiskinan. Di samping itu, Kerajaan juga akan menggalakkan program yang dapat membantu mengembangkan keupayaan produktif ekonomi dan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan menerusi pendalaman teknologi dan peningkatan pelaburan dalam aktiviti R&D serta inovasi.

2.49 *Penggunaan swasta* dijangka berkembang pada kadar purata 6.9 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan yang dicapai dalam tempoh RMKe-8. Pengembangan ini adalah berikutan peningkatan pendapatan bolehguna dan keyakinan pengguna yang terus meningkat yang disokong oleh pertumbuhan guna tenaga yang mampan dan harga komoditi yang menggalakkan. Selaras dengan unjuran ini, penggunaan swasta per kapita dijangka meningkat pada kadar purata 7.8 peratus setahun daripada RM8,071 pada tahun 2005 kepada RM11,753 pada tahun 2010. Bahagian penggunaan swasta kepada KDNK dijangka meningkat kepada 52.1 peratus pada tahun 2010.

2.50 *Penggunaan awam* diunjur berkembang pada kadar purata 5.3 peratus setahun iaitu lebih rendah daripada 10.2 peratus setahun yang dicatat dalam RMKe-8. Ini menunjukkan kecekapan perbelanjaan awam yang menekankan kepada nilai wang.

#### *Imbangan Sumber*

2.51 Kedudukan imbangan sumber dalam tempoh Rancangan merupakan petanda yang baik bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Tabungan negara kasar dijangka mencapai paras purata 36.2 peratus kepada KNK dan pelaburan pada 21.3 peratus, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 2-4*. Pertumbuhan tabungan keseluruhan dijangka diperolehi daripada tabungan swasta berikutan penjanaan pendapatan dan kekayaan yang lebih tinggi. Kadar tabungan yang tinggi akan membolehkan Malaysia membiayai pelaburan dalam negeri tanpa pergantungan yang tinggi kepada pinjaman luar negara. Instrumen pelaburan baru akan diperkenalkan untuk menggalakkan tabungan bagi keperluan pelaburan.



## *Perkembangan Harga*

2.52 Pertumbuhan yang seiring dengan kestabilan harga adalah penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dalam tempoh Rancangan, usaha akan terus diambil bagi mengekalkan kadar inflasi yang rendah dan harga yang stabil. Bagi mengurangkan tekanan harga, Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan bekalan barangan dan perkhidmatan yang mencukupi untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Kerajaan negeri akan digalakkan untuk membantu pengembangan pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan serta aktiviti akuakultur. Di samping itu, GLC serta pertubuhan pertanian dan koperasi akan digalakkan untuk terlibat dalam pengeluaran makanan berskala besar. Lebih banyak pasar tani akan dibuka di seluruh negara bagi menyediakan tempat alternatif untuk mendapatkan barangan pada harga yang berpatutan. Program Buku Hijau akan dipergiatkan semula bagi mempromosikan penglibatan masyarakat dalam penanaman tanaman makanan. Isi rumah digalakkan menanam sayur-sayuran untuk keperluan harian mengikut kesesuaian. Langkah anti inflasi lain termasuk memantau pergerakan harga, mengelak peningkatan harga yang melampau dan mencegah amalan jualan yang tidak sihat. Langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan termasuk memastikan peningkatan upah adalah selaras dengan pertumbuhan produktiviti juga dijangka mengurangkan tekanan ke atas harga. Di samping itu, Kerajaan akan memastikan pertumbuhan penawaran wang adalah selaras dengan kestabilan harga. Pengguna akan digalakkan mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi mengelak pembaziran.

## *Akaun Sektor Awam*

2.53 Dalam tempoh RMKe-9, *akaun sektor awam yang disatukan* dijangka mencatat lebih keseluruhan RM79.1 bilion atau 2.5 peratus kepada KDNK, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-6*. Saiz lebih ini dijangka meningkat daripada RM7.0 bilion atau 1.4 peratus kepada KDNK pada tahun 2005 kepada RM10.6 bilion atau 1.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2010. Perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka meningkat daripada RM70.9 bilion pada tahun 2005 kepada RM89.7 bilion pada tahun 2010.

2.54 Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka sebanyak RM107.6 bilion atau 3.4 peratus kepada KDNK dalam tempoh RMKe-9 iaitu lebih rendah berbanding 4.8 peratus dalam tempoh RMKe-8. Defisit ini dijangka berkurangan secara beransur-ansur daripada 3.8 peratus kepada KDNK pada tahun 2005 kepada 3.4 peratus pada tahun 2010. Pinjaman dalam negeri akan digunakan bagi membiayai defisit. Dalam menguruskan defisit fiskal, tumpuan akan diberikan untuk mempertingkatkan asas hasil serta memperbaiki kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan.

2.55 Jumlah *hasil* Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat pada kadar purata 7.4 peratus setahun dalam tempoh RMKe-9 daripada RM106.3 bilion pada tahun 2005 kepada RM152.1 bilion pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-13*. Langkah akan dilaksanakan untuk meningkatkan sistem pentadbiran cukai melalui peningkatan keupayaan agensi pengutip cukai. Usaha juga akan diambil bagi mengkaji semula struktur dan sistem cukai yang bertujuan untuk meluaskan asas cukai. Hasil cukai dijangka meningkat pada kadar purata 6.7 peratus setahun daripada RM80.6 bilion pada tahun 2005 kepada RM111.7 bilion pada tahun 2010. Peningkatan ini disumbang oleh kutipan hasil yang dijangka baik bagi cukai pendapatan syarikat dan individu, duti import dan eksais. Hasil bukan cukai termasuk dividen daripada PETRONAS dan GLC dijangka meningkat pada kadar purata 9.4 peratus setahun daripada RM25.0 bilion pada tahun 2005 kepada RM39.3 bilion pada tahun 2010.

JADUAL 2-13

## HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2000-2010

Perkara	RM juta					Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
				Jumlah Terkumpul			
	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9	RMKe-8	RMKe-9
Jumlah Hasil	61,863	106,304	152,070	461,390	683,137	11.4	7.4
Cukai Langsung	29,156	53,543	71,541	231,711	315,884	12.9	6.0
Cukai Pendapatan	27,017	50,789	67,845	219,783	299,756	13.5	6.0
Syarikat	13,905	26,381	35,721	120,172	154,751	13.7	6.2
Individu	7,015	8,649	12,277	44,934	52,067	4.3	7.3
Petroleum	6,010	14,566	18,752	52,005	88,044	19.4	5.2
Koperasi dan Pegangan	87	1,193	1,094	2,672	4,894	68.8	-1.7
Duti Setem	1,799	2,460	3,251	10,232	14,221	6.5	5.7
Lain-lain Cukai Langsung	340	295	445	1,697	1,906	-2.8	8.6
Cukai Tidak Langsung	18,017	27,051	40,180	114,176	173,433	8.5	8.2
Duti Eksport	1,032	2,085	2,879	6,511	13,847	15.1	6.7
Duti Import dan Cukai							
Tokok	3,599	3,385	4,137	18,039	18,939	-1.2	4.1
Duti Eksais	3,803	8,641	13,783	28,973	58,284	17.8	9.8
Cukai Jualan dan Perkhidmatan	7,669	10,291	15,626	50,198	66,473	6.1	8.7
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	1,914	2,648	3,755	10,453	15,891	6.7	7.2
Hasil Bukan Cukai	14,092	25,052	39,335	107,757	189,746	12.2	9.4
Lesen dan Permit	5,548	8,332	10,451	33,948	47,615	8.5	4.6
Bayaran Perkhidmatan	576	842	1,153	3,568	5,015	7.9	6.5
Faedah dan Pulangan daripada Pelaburan	7,383	14,849	26,250	66,236	130,750	15.0	12.1
Denda dan Hukuman	419	594	786	2,681	3,469	7.3	5.8
Lain-lain Hasil Bukan Cukai <sup>1</sup>	166	436	695	1,324	2,897	21.3	9.8
Terimaan Bukan hasil <sup>2</sup>	598	657	1,015	7,747	4,074	1.9	9.1

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

Nota: <sup>1</sup> Termasuk perolehan daripada jualan barangan, sewaan dan pendapatan daripada Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA).

<sup>2</sup> Termasuk hasil daripada Wilayah Persekutuan.

2.56 *Perbelanjaan mengurus* Kerajaan Persekutuan dalam RMKe-9 dianggar sebanyak RM595.5 bilion atau 19.1 peratus kepada KDNK, meningkat pada kadar purata 6.8 peratus setahun daripada RM97.7 bilion pada tahun 2005 kepada RM135.7 bilion pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-14*. Penekanan akan diberi kepada perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan, bangunan dan infrastruktur serta peningkatan kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Disiplin fiskal akan terus ditingkatkan bagi memberi keutamaan dan memastikan keberkesanan kos perbelanjaan. Dasar mengenai subsidi dan bayaran pindahan akan dikaji semula sebagai langkah untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan serta menggalakkan produktiviti dan daya saing.

JADUAL 2-14

**PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
2000-2010**

Perkara	RM juta					Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	Jumlah Terkumpul		RMKe-8	RMKe-9
				RMKe-8	RMKe-9		
Perbelanjaan Mengurus	56,547	97,744	135,723	396,722	595,529	11.6	6.8
Emolumen	16,357	25,587	34,677	108,772	154,647	9.4	6.3
Bekalan dan Perkhidmatan	7,360	17,984	28,943	70,557	119,384	19.6	10.0
Bayaran Khidmat Hutang	9,055	11,604	18,877	52,373	79,449	5.1	10.2
Pencen dan Ganjaran	4,187	6,808	9,638	28,583	41,905	10.2	7.2
Pemberian kepada Kerajaan Negeri	2,077	2,616	3,374	12,183	14,136	4.7	5.2
Perolehan Aset	572	1,603	2,440	7,083	10,374	22.9	8.8
Subsidi	4,824	13,009	6,404	29,712	30,941	21.9	-13.2
Lain-lain <sup>1</sup>	12,115	18,533	31,370	87,459	144,694	8.9	11.1

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

Nota: <sup>1</sup> Termasuk pemberian kepada badan berkanun, biasiswa dan bantuan pelajaran, pemberian mengurus kepada sekolah rendah dan menengah serta pulangan balik dan hapus kira.

2.57 *Siling perbelanjaan pembangunan* ialah sebanyak RM200 bilion. Program ekonomi dan sosial akan terus diberi sebahagian besar peruntukan. Peruntukan dalam sektor ekonomi akan disalurkan terutamanya kepada pertanian, perdagangan dan industri, infrastruktur serta kemudahan manakala program sosial akan menumpu kepada pembangunan modal insan dan peningkatan dalam kemudahan asas. Penekanan akan diberikan kepada program peningkatan taraf dan kualiti hidup, terutamanya bagi golongan miskin.

2.58 Kecekapan perbelanjaan akan terus dipertingkatkan termasuk penggunaan analisa kos faedah dan analisa impak output. Keutamaan program dan projek akan berasaskan kepada pencapaian matlamat dasar dengan faedah maksimum, kesan pengganda yang tinggi dan kebocoran minimum. Pendekatan menyeluruh keberkesanan program dan projek akan diguna pakai termasuk dengan perubahan yang minimum daripada skop dan kos yang diluluskan serta mengambil kira perbelanjaan mengurus yang diperlukan. Bagi memastikan faedah yang diperolehi sejajar dengan wang yang dibelanjakan, penekanan akan diberikan kepada pelaksanaan sistem tender terbuka.

2.59 Lebihan semasa PABK dijangka meningkat daripada RM63.8 bilion pada tahun 2005 kepada RM77.7 bilion pada tahun 2010. Jumlah lebihan semasa PABK dalam tempoh RMKe-9 adalah RM351.1 bilion. Perbelanjaan pembangunan PABK dijangka meningkat pada kadar purata 1.6 peratus setahun daripada RM40.0 bilion pada tahun 2005 kepada RM43.2 bilion pada tahun 2010. Jumlah perbelanjaan pembangunan PABK dalam tempoh RMKe-9 adalah RM178.1 bilion.

### **Sektor Luar Negara**

#### *Perdagangan Antarabangsa*

2.60 Dalam tempoh RMKe-9, jumlah dagangan dijangka melepasi RM1 trilion. *Eksport kasar* dijangka berkembang pada kadar purata 8.5 peratus setahun sementara import meningkat 9.8 peratus setahun. Liberalisasi perdagangan barangan dan perkhidmatan secara progresif di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) seperti dijadualkan serta komitmen pengurangan tarif di bawah perjanjian perdagangan dua hala akan membuka pasaran yang lebih luas bagi eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia. Perdagangan antara negara ASEAN akan meningkat dengan ketara selaras dengan jangkauan pelaksanaan AFTA sepenuhnya menjelang tahun 2010 dan AEC yang menawarkan peluang pasaran bersepadu yang lebih luas yang melebihi 530 juta penduduk. Di samping pasaran tradisional, usaha akan terus dilaksanakan untuk meluaskan rangkaian perdagangan dengan pasaran bukan tradisional dan pasaran baru muncul.

2.61 Eksport barangan pembuatan dijangka berkembang pada kadar purata 9.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan dengan perolehan eksport meningkat daripada RM429.9 bilion pada tahun 2005 kepada RM670.8 bilion pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-15*. Eksport utama barangan pembuatan termasuk barangan elektrik dan elektronik, kimia dan keluaran kimia, keluaran petroleum, makanan, tekstil, pakaian dan kasut, keluaran kayu, keluaran logam dan alat kelengkapan pengangkutan. Pertumbuhan eksport barangan

pembuatan menggambarkan pengembangan berterusan permintaan daripada pasaran tradisional, baru dan bukan tradisional seperti China, India dan Eropah Timur. Di samping itu, pendalaman dan perluasan asas sektor pembuatan juga akan membantu meningkatkan eksport pembuatan.

2.62 Dalam tempoh Rancangan, eksport sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar purata 8.0 peratus setahun hasil pertumbuhan positif nilai eksport getah, minyak sawit, koko dan keluaran perhutanan serta keluaran makanan. Eksport sektor perlombongan dijangka meningkat pada kadar purata 2.1 peratus setahun terutamanya disumbang oleh peningkatan jumlah eksport minyak mentah yang tinggi.

#### *Imbangan Pembayaran*

2.63 Akaun semasa *imbangan pembayaran* dijangka mencatat lebih sebanyak RM91.2 bilion pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-11*. Akaun barangan diunjur terus mencatat lebih sebanyak RM149.8 bilion atau 21.9 peratus kepada KNK pada akhir tempoh Rancangan. Lebih ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga komoditi dan nisbah harga eksport-import yang lebih baik.

2.64 Defisit akaun perkhidmatan dijangka terus mengecil kepada RM4.5 bilion menjelang tahun 2010 hasil usaha berterusan menggalakkan pelancongan dan peningkatan dalam eksport perkhidmatan termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan serta perkhidmatan komputer dan maklumat. Sektor swasta akan digalakkan untuk mengambil peluang daripada AFTA untuk mengeksport perkhidmatan mereka dengan melabur dalam aktiviti yang meningkatkan kualiti dan inovasi produk. Di samping itu, pembangunan produk ICT dan perkhidmatan yang berkaitan dijangka dapat memperkukuhkan pertumbuhan eksport perkhidmatan komputer dan maklumat.

2.65 Akaun pendapatan dijangka terus mengalami defisit sebanyak RM39.5 bilion pada tahun 2010 terutamanya kesan daripada keuntungan dan dividen yang tinggi yang diperolehi oleh pelabur asing. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus menggalakkan pelabur asing mengekalkan sebahagian daripada keuntungan mereka bagi tujuan pelaburan semula.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA**

2.66 Perancangan dan pengurusan ekonomi makro dalam tempoh RMKe-9 akan diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia melalui kumpulan perancang antara agensi. Jabatan Perangkaan akan bertanggungjawab dalam pengumpulan dan penyebaran

JADUAL 2-15

**PENGELUARAN DAN EKSPORT KOMODITI,  
2000-2010**

Komoditi	2000	2005	2010	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
				RMKe-8	RMKe-9
<b>Pertanian</b>					
<i>Minyak Sawit</i>					
Pengeluaran ('000 tan metrik)	10,842	14,961	19,561	6.7	5.5
Eksport ('000 tan metrik)	8,863	13,073	15,156	8.1	3.0
Nilai Seunit (RM/tan metrik)	1,122	1,456	1,764	5.3	3.9
Nilai (RM juta)	9,948	19,036	26,735	13.9	7.0
<i>Getah</i>					
Pengeluaran ('000 tan metrik)	928	1,124	1,293	3.9	2.8
Eksport ('000 tan metrik)	978	1,128	1,319	2.9	3.2
Nilai Seunit (RM/tan metrik)	263	513	391	14.3	-5.3
Nilai (RM juta)	2,571	5,787	5,156	17.6	-2.3
<i>Kayu Balak</i>					
Pengeluaran ('000 meter padu)	23,074	21,334	19,475	-1.6	-1.8
Eksport ('000 meter padu)	6,484	5,759	4,727	-2.3	-3.9
Nilai Seunit (RM/meter padu)	384	428	444	2.2	0.7
Nilai (RM juta)	2,489	2,465	2,100	-0.2	-3.2
<i>Kayu yang Digergaji</i>					
Pengeluaran ('000 meter padu)	5,590	4,872	5,024	-2.7	0.6
Eksport ('000 meter padu)	2,876	3,686	2,837	5.1	-5.1
Nilai Seunit (RM/meter padu)	1,050	1,099	1,056	0.9	-0.8
Nilai (RM juta)	3,020	4,051	2,995	6.0	-5.9
<i>Koko</i>					
Pengeluaran ('000 tan metrik)	70	28	57	-16.8	15.3
Eksport ('000 tan metrik)	11	50	17	34.5	-19.5
Nilai Seunit (RM/tan metrik)	2,878	5,422	6,024	13.5	2.1
Nilai (RM juta)	33	50	128	8.9	20.5
<b>Perlombongan</b>					
<i>Minyak Mentah dan Kondensat</i>					
Pengeluaran ('000 tong sehari)	681	727	882	1.3	3.9
Eksport ('000 tong sehari)	346	369	489	1.3	5.8
Nilai Seunit (RM/tan metrik)	854	1,609	1,338	13.5	-3.6
Harga (AS\$ setong)	30	56	55	13.3	-0.4
Nilai (RM juta)	14,241	28,508	31,447	14.9	2.0
<i>Gas Asli Cecair</i>					
Pengeluaran ('000 tan metrik)	15,430	21,948	26,470	7.3	3.8
Eksport ('000 tan metrik)	15,430	21,948	26,470	7.3	3.8
Nilai Seunit (RM/tan metrik)	740	947	890	5.1	-1.2
Nilai (RM juta)	11,422	20,790	23,558	12.7	2.5
<i>Timah</i>					
Pengeluaran ('000 tan metrik)	6.3	2.8	3.1	-15.0	2.2
Eksport ('000 tan metrik)	21	34	29	10.3	-3.1
Nilai Seunit (RM/tan metrik)	21,089	27,828	28,641	5.7	0.6
Nilai (RM juta)	435	935	824	16.6	-2.5
<b>Eksport Barangan Pembuatan (RM juta)</b>	<b>317,908</b>	<b>429,873</b>	<b>670,767</b>	<b>6.2</b>	<b>9.3</b>
<b>Eksport Lain (RM juta)</b>	<b>5,593</b>	<b>14,175</b>	<b>20,127</b>	<b>20.4</b>	<b>7.3</b>
<b>Eksport Kasar (RM juta)</b>	<b>373,270</b>	<b>533,790</b>	<b>803,949</b>	<b>7.4</b>	<b>8.5</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan PETRONAS

perangkaan bagi tujuan perancangan serta pemantauan pencapaian ekonomi. Unit Penyelarasan Pelaksanaan bersama-sama UPE dan kementerian serta agensi yang berkenaan akan melaksanakan pemantauan dan analisa impak output secara berterusan. Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos di bawah Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara akan diperkukuhkan bagi memastikan keberkesanan kos serta pematuhan piawai dan kualiti yang ditetapkan.

2.67 Jawatankuasa Pelaksana peringkat tinggi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri akan ditubuhkan untuk memantau keseluruhan prestasi dan keberkesanan program dan projek mengikut sektor bagi mencapai dasar dan strategi yang digariskan dalam RMKe-9. Rangkakerja penilaian akan dibangunkan oleh UPE bagi memudahkan analisa impak output program dan projek.

## **V. PENUTUP**

2.68 Walaupun persekitaran luaran tidak menentu pada separuh pertama RMKe-8, ekonomi mencatat pertumbuhan yang menggalakkan dengan asas ekonomi yang kukuh. Cabaran utama RMKe-9 adalah untuk mengekalkan sumbangan sektor swasta yang tinggi kepada pertumbuhan khususnya pelaburan swasta. Memandangkan Malaysia adalah sebuah ekonomi terbuka, inisiatif untuk meningkatkan daya saing akan terus diberi keutamaan. Di samping itu, langkah untuk membendung inflasi akan diperkukuhkan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi disertai dengan kestabilan harga. Oleh itu, usaha akan diambil untuk mengukuhkan lagi asas ekonomi serta menyediakan persekitaran yang menyokong pelaburan swasta. Usaha ini amat penting bagi memastikan kestabilan jangka panjang dan daya tahan ekonomi sejajar dengan teras pertama Misi Nasional menggerakkan ekonomi ke rantaian nilai yang lebih tinggi.



# MEMPERKASAKAN PERTANIAN DAN INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN

# 3

## I. PENDAHULUAN

3.01 Sektor pertanian mencapai pertumbuhan yang positif dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Perolehan eksport sektor ini telah meningkat berikutan peningkatan jumlah eksport dan harga yang lebih baik bagi komoditi pertanian untuk industri. Sektor ini terus membekalkan bahan mentah kepada industri berasaskan pertanian tempatan dan sebahagian daripada makanan untuk keperluan negara.

3.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sektor pertanian akan dipergiat semula untuk menjadi jentera pertumbuhan ketiga. Penekanan akan diberikan kepada *Pertanian Baru* yang melibatkan pertanian komersil berskala besar, penggunaan teknologi moden yang lebih meluas, pengeluaran yang berkualiti dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi, memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam bioteknologi, penggabungan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan penglibatan usahawan tani dan tenaga kerja mahir. Fungsi agensi pertanian akan diselaras bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan kecekapan.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

3.03 Dalam tempoh RMKe-8, sektor pertanian mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi dari segi pengeluaran, nilai ditambah dan eksport, dipacu oleh penggunaan teknologi baru, peralihan kepada pengeluaran komersil berskala besar, pelaksanaan sistem pertanian berkelompok yang lebih meluas serta akses kepada pasaran dan harga komoditi yang lebih baik. Penekanan diberikan kepada pembangunan semula tanah pertanian yang telah diberi milik terutamanya untuk mempercepat pemodenan dan menambah baik produktiviti. Peningkatan output sektor pertanian telah menyumbang kepada pendapatan dan kehidupan yang lebih baik, terutamanya bagi petani di kawasan luar bandar.



## Prestasi Pertumbuhan

3.04 Nilai ditambah sektor pertanian berkembang pada kadar purata 3.0 peratus setahun dalam tempoh Rancangan, iaitu lebih tinggi daripada sasaran 2.0 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-1*. Kadar pertumbuhan yang lebih tinggi ini dicapai hasil daripada prestasi yang lebih baik dalam sektor kecil komoditi pertanian untuk industri terutamanya kelapa sawit dan getah. Sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkurangan

JADUAL 3-1

### NILAI DITAMBAH PERTANIAN DAN INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN, 2000-2010

Komoditi	RM juta (dalam harga 1987)			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8		Sasaran RMKe-9
							Sasaran	Pencapaian	
<b>Pertanian</b>	<b>18,662</b>	<b>21,585</b>	<b>27,517</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>2.0</b>	<b>3.0</b>	<b>5.0</b>
<b>Komoditi Pertanian untuk Industri</b>	<b>11,033</b>	<b>13,278</b>	<b>15,521</b>	<b>59.1</b>	<b>60.6</b>	<b>56.4</b>	<b>0.7</b>	<b>3.8</b>	<b>3.2</b>
Kelapa Sawit	5,860	7,915	10,068	31.4	36.7	36.6	3.4	6.2	4.9
Perhutanan dan Pembalakan	3,055	3,016	2,761	16.4	13.0	10.0	-5.6	-0.3	-1.7
Getah	1,868	2,264	2,554	10.0	10.5	9.3	1.1	3.9	2.4
Koko	250	83	138	1.3	0.4	0.5	0.1	-19.8	10.8
<b>Komoditi Makanan</b>	<b>7,629</b>	<b>8,308</b>	<b>11,996</b>	<b>40.9</b>	<b>39.4</b>	<b>43.6</b>	<b>4.0</b>	<b>1.7</b>	<b>7.6</b>
Perikanan	2,493	2,839	3,875	13.4	12.6	14.1	4.1	-0.9	10.2
Ternakan	1,520	2,089	2,483	8.1	8.1	9.0	6.0	6.6	3.5
Padi	590	632	988	3.2	3.4	3.6	2.7	1.4	9.4
Lain-lain <sup>1</sup>	3,026	3,198	4,650	16.2	15.2	16.9	3.2	1.1	7.8
<b>Industri Berasaskan Pertanian</b>	<b>13,584</b>	<b>16,928</b>	<b>22,221</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>4.0</b>	<b>4.5</b>	<b>5.6</b>
Minyak & Lelemak Sayuran & Haiwan	2,526	3,639	5,614	18.6	21.5	25.3	6.3	7.6	9.1
Pemprosesan Makanan Lain, Minuman & Tembakau	4,010	4,790	6,333	29.5	28.3	28.5	2.0	3.6	5.7
Keluaran Kayu termasuk Perabot	2,934	2,972	3,761	21.6	17.6	16.9	0.6	0.3	4.8
Kertas & Keluaran Kertas, Percetakan & Penerbitan	2,293	2,640	3,275	16.9	15.6	14.7	3.4	2.9	4.4
Pemprosesan Getah & Keluaran Getah	1,821	2,887	3,238	13.4	17.1	14.6	4.7	9.7	2.3
<b>Jumlah Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian</b>	<b>32,246</b>	<b>38,513</b>	<b>49,738</b>				<b>2.7</b>	<b>3.6</b>	<b>5.2</b>
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar pada Harga Pembeli</b>	<b>210,558</b>	<b>262,029</b>	<b>351,297</b>					<b>4.5</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Termasuk kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan, tembakau dan lada hitam.

sedikit daripada 8.9 peratus pada tahun 2000 kepada 8.2 peratus pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, jumlah nilai ditambah sektor pertanian meningkat daripada RM18.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM21.6 bilion pada tahun 2005. Nilai ditambah bagi industri berasaskan pertanian berkembang pada kadar purata 4.5 peratus setahun, mencapai RM16.9 bilion pada tahun 2005. Jumlah nilai ditambah bagi sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian adalah sebanyak RM38.5 bilion atau 14.7 peratus daripada KDNK pada tahun 2005. Jumlah eksport pertanian dan industri berasaskan pertanian juga meningkat pada kadar purata 9.5 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-2*.

JADUAL 3-2  
EKSPORT PERTANIAN DAN INDUSTRI BERASASKAN  
PERTANIAN, 2000-2010

Komoditi	RM juta			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	Pencapaian RMKe-8	Sasaran RMKe-9
<b>Eksport Pertanian</b>	<b>22,892</b>	<b>37,421</b>	<b>54,992</b>	<b>48.1</b>	<b>50.0</b>	<b>47.5</b>	<b>10.3</b>	<b>8.0</b>
<i>% daripada Jumlah Eksport</i>	6.1	7.0	6.8					
Komoditi Pertanian untuk Industri	18,428	31,509	37,244	38.7	42.1	32.2	11.3	3.4
Minyak Sawit	9,948	19,036	26,735	20.9	25.4	23.1	13.9	7.0
Getah	2,571	5,787	5,156	5.4	7.7	4.5	17.6	-2.3
Kayu Balak	2,489	2,465	2,100	5.2	3.3	1.8	-0.2	-3.2
Kayu Digergaji	3,020	4,051	2,995	6.3	5.4	2.6	6.0	-5.9
Koko	33	50	128	0.1	0.1	0.1	8.8	20.5
Lada Hitam	367	120	130	0.8	0.2	0.1	-20.0	1.6
Komoditi Makanan	4,464	5,913	17,748	9.4	7.9	15.3	5.8	24.6
<b>Eksport Industri Berasaskan Pertanian</b>	<b>24,686</b>	<b>37,442</b>	<b>60,660</b>	<b>51.9</b>	<b>50.0</b>	<b>52.5</b>	<b>8.7</b>	<b>10.1</b>
<i>% daripada Jumlah Eksport</i>	6.6	7.0	7.6					
Makanan	4,509	8,627	15,803	9.5	11.5	13.7	13.9	12.9
Minuman dan Tembakau	1,207	1,755	2,446	2.5	2.3	2.1	7.8	6.9
Keluaran Kayu	6,801	9,665	13,909	14.3	12.9	12.0	7.3	7.6
Perabot dan Komponen Perabot	6,077	8,454	14,335	12.8	11.3	12.4	6.8	11.1
Kertas dan Keluaran Kertas	1,397	2,018	2,799	2.9	2.7	2.4	7.6	6.8
Keluaran Getah	4,695	6,923	11,368	9.9	9.3	9.8	8.1	10.4
<b>Jumlah Eksport Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian</b>	<b>47,578</b>	<b>74,863</b>	<b>115,652</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>9.5</b>	<b>9.1</b>
<i>% daripada Jumlah Eksport</i>	12.7	14.0	14.4					
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>373,270</b>	<b>533,790</b>	<b>803,163</b>				<b>7.4</b>	<b>8.5</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi

3.05 Guna tenaga dalam sektor pertanian terus mengalami penguncupan pada kadar purata 0.2 peratus setahun kepada 1.4 juta pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-3*. Walau bagaimanapun, produktiviti tenaga buruh meningkat dari segi nilai di tambah bagi setiap tenaga kerja pada kadar purata 3.7 peratus setahun daripada RM13,120 pada tahun 2000 kepada RM15,750 pada tahun 2005. Banci Pertanian 2005<sup>1</sup> telah mengenal pasti seramai 816,813 individu atau 7.2 peratus daripada jumlah tenaga buruh terlibat dalam sektor pertanian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52.8 peratus adalah pengusaha pertanian, 37.2 peratus pekerja dan 10.0 peratus adalah pekerja keluarga tidak bergaji. Dari segi profil umur, 43.8 peratus adalah dalam kumpulan umur 55 tahun dan ke atas manakala hanya 25.3 peratus dalam kumpulan umur 15 hingga 40 tahun.

JADUAL 3-3

**GUNA TENAGA DAN NILAI DITAMBAH  
SETIAP TENAGA KERJA DALAM PERTANIAN DAN  
INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN, 2000-2010**

				Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
	2000	2005	2010	RMKe-8		Sasaran RMKe-9
				Sasaran	Pencapaian	
<b>Guna Tenaga Pertanian</b>						
Bilangan ('000)	1,423.0	1,405.7	1,323.8	-1.4	-0.2	-1.2
<i>% daripada Jumlah Guna Tenaga</i>	15.3	13.3	10.9			
Nilai Ditambah Setiap Tenaga Kerja (RM pada harga 1987)	13,115	15,752	21,299	4.5	3.7	6.2
<b>Guna Tenaga Industri Berasaskan Pertanian</b>						
Bilangan ('000)	844.0	981.9	1,110.2		3.1	2.5
<i>% daripada Jumlah Guna Tenaga</i>	9.1	9.3	9.1			
Nilai Ditambah Setiap Tenaga Kerja (RM pada harga 1987)	16,107	17,002	19,688		1.1	3.0
<b>Jumlah Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian</b>	<b>2,267.0</b>	<b>2,387.6</b>	<b>2,434.0</b>		<b>1.0</b>	<b>0.4</b>
<i>% daripada Jumlah Guna Tenaga</i>	24.4	21.9	20.3			

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi

<sup>1</sup> Banci Pertanian 2005 meliputi:

- (i) pekerjaan melibatkan aktiviti pertanian peringkat primer termasuk perkhidmatan berkaitan pertanian;
- (ii) bekerja sekurang-kurangnya tiga bulan dalam sektor pertanian; dan
- (iii) kebun kecil.

## Penggunaan Tanah

3.06 Penggunaan tanah pertanian meningkat daripada 5.9 juta hektar pada tahun 2000 kepada 6.4 juta hektar pada tahun 2005, sebahagian besarnya berikutan daripada peluasan kawasan kelapa sawit, kelapa, sayur-sayuran dan buah-buahan. Daripada jumlah keluasan tanah tersebut, kelapa sawit meliputi 4.0 juta hektar dan getah 1.3 juta hektar. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 163,000 hektar tanah pertanian terus terbiar. Usaha untuk mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar terhalang oleh beberapa kekangan terutamanya tuan tanah yang tidak dapat dikesan, tuan tanah dan petani yang berusia lanjut serta kesukaran dalam menyatukan tanah pribumi dan tanah adat.

## Pengeluaran Pertanian

3.07 Dalam tempoh Rancangan, pengeluaran komoditi pertanian kecuali kayu balak, koko dan lada hitam, terus mencatat pertumbuhan positif. Peningkatan pengeluaran adalah berikutan harga yang tinggi dan peluasan pasaran serta pelaksanaan program dan projek secara berkesan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti output.

### *Komoditi Pertanian untuk Industri*

3.08 Pengeluaran *minyak sawit* mentah (CPO) meningkat pada kadar purata 6.7 peratus setahun berikutan peningkatan hasil, kadar perahan minyak (OER) yang lebih tinggi, peluasan kawasan matang serta harga minyak sawit yang lebih tinggi. Industri minyak sawit mendapat manfaat daripada kekurangan bekalan minyak dan lelemak sayuran di pasaran dunia yang menyebabkan harga minyak sawit mencapai paras tertinggi RM1,610 satu tan metrik dalam tempoh Rancangan.

3.09 Pengeluaran *getah* meningkat pada kadar purata 3.9 peratus setahun, terutamanya hasil kenaikan permintaan untuk getah asli, khususnya dari Republik Rakyat China yang menyebabkan harga getah meningkat ke paras yang lebih tinggi. Pengeluaran yang lebih tinggi juga berikutan peningkatan aktiviti penorehan dan penggunaan Sistem Torehan Intensiti Rendah (LITS) yang meluas di kalangan pekebun kecil. Keadaan ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan bulanan purata pekebun kecil daripada RM500 kepada RM2,000.

3.10 Pengeluaran biji *koko* merosot kepada 28,000 tan metrik pada tahun 2005 selaras dengan pengurangan kawasan tanaman disebabkan oleh kejatuhan harga biji koko yang berterusan. Pengeluaran *lada hitam* berkurangan kepada 19,100 tan metrik pada tahun 2005 terutamanya disebabkan harga yang rendah

dan kos pengeluaran yang tinggi. Pelaksanaan sistem penanam-pengawet, naik taraf kemudahan pengairan dan saliran serta khidmat sokongan yang lebih baik telah menyumbang kepada peningkatan pengeluaran tembakau kepada 14,000 tan metrik pada tahun 2005.

3.11 Selaras dengan komitmen yang berterusan untuk memulihara hutan semula jadi dan pelaksanaan pengurusan hutan secara mampan, kadar catuan tebangan tahunan (ACR) telah dikurangkan kepada 272,800 hektar setahun dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, penebangan secara terpilih turut menyumbang kepada pengurangan kawasan yang boleh dibalak. Sehubungan itu, pengeluaran *kayu balak* berkurang pada kadar purata 1.6 peratus setahun.

#### *Komoditi Makanan*

3.12 Dalam tempoh Rancangan, pengeluaran komoditi makanan mencatat pertumbuhan positif hasil daripada pelaksanaan program dan projek secara agresif untuk meningkatkan pengeluaran dan eksport makanan. Sehubungan itu, tahap sara diri bagi hampir semua jenis makanan meningkat. Di samping itu, eksport makanan meningkat pada kadar purata 8.7 peratus setahun, iaitu lebih tinggi daripada kadar import 7.9 peratus.

3.13 Penyatuan sawah *padi* yang bersaiz kecil diteruskan melalui konsep pertanian secara berkelompok di lapan kawasan jelapang padi serta pelaksanaan Projek Sepuluh Tan Sehektar telah membolehkan penggunaan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang lebih meluas dan pengurusan ladang yang lebih baik. Sehubungan ini, pengeluaran padi telah meningkat pada kadar purata 2.3 peratus setahun.

3.14 Peluasan kawasan tanaman buah-buahan mendorong peningkatan pengeluaran pada kadar purata 9.8 peratus setahun. Pengeluaran bertumpu kepada 15 jenis buah-buahan yang berpotensi untuk dikomersilkan. Pengeluaran *kelapa* meningkat pada kadar tahunan purata tahunan 4.8 peratus terutamanya berikutan penggunaan lebih banyak klon berhasil tinggi iaitu kelapa *matag* dan kelapa pandan serta peluasan kawasan tanaman dan peningkatan permintaan.

3.15 Pengeluaran *sayur-sayuran* meningkat pada kadar purata 13.8 peratus setahun. Peningkatan ini adalah hasil daripada peluasan kawasan tanaman, pelaksanaan aktiviti berasaskan estet secara intensif, produktiviti yang tinggi hasil daripada amalan pertanian yang baik serta peningkatan dalam kaedah pengendalian lepas tuai. Pengeluaran sayur-sayuran secara organik digalakkan lagi dengan pengenalan Skim Organik Malaysia yang membolehkan penanam menjual keluaran mereka pada harga premium. Pada akhir tempoh Rancangan, sebanyak 132 hektar kebun sayur-sayuran organik telah diberi pengesahan di bawah skim ini.

3.16 Pengeluaran *ikan* meningkat pada kadar purata 1.6 peratus setahun mencapai 1.6 juta tan metrik pada tahun 2005. Pencapaian ini adalah berikutan peningkatan tangkapan hasil laut serta peluasan aktiviti akuakultur, terutamanya oleh sektor swasta.

3.17 Pengeluaran ternakan mencatat pertumbuhan positif dalam tempoh Rancangan. *Daging kambing* mencatat pertumbuhan yang tertinggi pada kadar purata 10.8 peratus setahun diikuti oleh *daging lembu* pada kadar 10.2 peratus setahun. Peningkatan ini sebahagian besarnya adalah disumbangkan oleh penternakan lembu dan kambing di kawasan ladang kelapa sawit dan getah serta pemeliharaan lembu secara fidlot oleh sektor swasta. Industri *ayam itik* termasuk pengeluaran *telur* terus bertahan walaupun diancam wabak selesema burung pada tahun 2003. Keadaan ini adalah hasil penggunaan sistem reban tertutup secara meluas. Pengeluaran *daging babi* meningkat pada kadar purata 5.5 peratus setahun setelah pulih daripada wabak virus Nipah.

#### *Sumber Pertumbuhan Baru*

3.18 Pembangunan sumber pertumbuhan baru terutamanya *ikan hiasan, rumpai laut, tuna* dan *florikultur* diteruskan dalam tempoh Rancangan. Pengeluaran ikan hiasan meningkat daripada 306 juta ekor pada tahun 2000 kepada 438 juta ekor pada tahun 2005 dengan nilai pasaran sebanyak RM103 juta. Bagi rumpai laut, pengeluaran meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 73.7 peratus kepada 65,000 tan metrik pada tahun 2005 hasil daripada pengusahaan secara intensif berdasarkan konsep estet di kawasan pesisir pantai Sabah. Pelabuhan perikanan tuna bersepadu yang pertama telah dibina di Batu Maung, Pulau Pinang di bawah konsep penswastaan untuk menggalakkan pembangunan industri tuna. Prestasi industri florikultur terus berkembang dengan pengeluaran bunga-bunga meningkat kepada 126 juta tangkai pada tahun 2005. Industri nurseri dan landskap telah dimajukan lagi untuk memperolehi manfaat daripada peningkatan permintaan terhadap produk nurseri dan perkhidmatan landskap.

#### **Industri Berasaskan Pertanian**

3.19 Industri berasaskan pertanian berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun. Jumlah pendapatan eksport bagi industri berasaskan pertanian meningkat dengan ketara sebanyak 8.7 peratus, iaitu mencapai RM37.4 bilion pada tahun 2005. Pemprosesan keluaran akhir daripada komoditi pertanian untuk industri seperti minyak sawit, getah dan koko telah meningkat dalam tempoh Rancangan.

3.20 Untuk menggalakkan pemprosesan komoditi makanan dan menyokong pengeluar kecil, produk makanan dipasarkan terutamanya di bawah jenama *Agromas dan Olemas*. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menyediakan khidmat pengembangan kepada

14,883 usahawan. Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menghasilkan 44 produk makanan dan 200 teknologi pemrosesan terutamanya bagi membantu aktiviti enterpris kecil dan sederhana (EKS).

### **Program Pertanian**

3.21 Dalam tempoh Rancangan, program pertanian ditumpukan kepada menukar amalan pertanian tradisional kepada perladangan moden dan komersil bagi meningkatkan pendapatan, produktiviti dan daya saing petani. Dalam hubungan ini, usaha dipergiat bagi menggalakkan usahawan tani, petani dan pekebun kecil, terutamanya di kalangan Bumiputera, untuk mengguna pakai amalan agronomi yang baru dan pengurusan ladang secara moden, meningkatkan pejenteraan dan membiasakan mereka dengan GAP.

3.22 *Tanam Semula.* Program tanam semula di bawah pelbagai agensi yang meliputi tanam semula getah kepada getah dan getah kepada kelapa sawit telah mencapai 77.6 peratus daripada sasaran. Daripada jumlah ini, 74 peratus telah ditanam semula dengan getah dan selebihnya dengan kelapa sawit. Prestasi program ini telah terjejas berikutan harga getah yang tinggi yang menyebabkan pekebun kecil menangguh aktiviti tanam semula.

3.23 *Penyatuan dan Pemulihan Tanah.* Sejumlah 31,332 hektar tanah telah disatukan dan dipulihkan dengan FELCRA Berhad telah menyatukan seluas 10,200 hektar. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pula memulihkan 4,433 hektar tanah termasuk tanah terbiar untuk melaksana perladangan komersil bagi komoditi makanan yang telah memberi manfaat kepada 3,159 petani.

3.24 *Taman Kekal Pengeluaran Makanan.* Dalam tempoh Rancangan, pengeluaran makanan secara komersil yang berskala besar telah dilaksanakan melalui penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di beberapa negeri termasuk Pahang, Selangor dan Johor. Objektif TKPM ini adalah untuk melahirkan usahawan tani dengan pendapatan minimum RM3,000 sebulan. Sehubungan ini, sebanyak 28 TKPM telah ditubuhkan, yang melibatkan 2,007 hektar tanah dan 319 usahawan tani.

3.25 *Pembangunan Hutan.* Bagi menyediakan bekalan kayu dan kayu getah yang mencukupi dan mampan kepada industri perabot tempatan, langkah telah diambil bagi menukarkan hutan terosot dan tanah terbiar kepada ladang hutan termasuk ladang hutan getah. Kira-kira 3,400 hektar ladang hutan getah telah dibangunkan di Semenanjung Malaysia.

3.26 *Perkhidmatan Pemasaran.* Perkhidmatan pemasaran, khususnya dalam sektor kecil makanan telah dipertingkatkan lagi dengan penubuhan *FAMAXchange* pada tahun 2004 dan peluasan portal *Agribazaar*. Di samping itu, portal lain juga dibangunkan termasuk *Ikan Online*, *SIRIP* dan *Padi Net*.

3.27 Pejabat wilayah bagi Unit Khidmat Nasihat Teknikal Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus berusaha bagi meningkatkan penerimaan pasaran dan penggunaan minyak sawit. Lembaga Getah Malaysia (LGM) terus berusaha untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan pelaburan langsung asing dalam pengeluaran produk getah serta mempromosi keluaran getah kepada pengguna tempatan dan luar negeri.

3.28 Usaha untuk menembusi pasaraya besar dipergiat dengan mewujudkan lebih banyak kontrak pembekalan produk pertanian oleh agensi kerajaan. Pemasaran ikan laut diperkukuh melalui peningkatan penyertaan persatuan nelayan sebagai pemborong daripada 15 persatuan pada tahun 2002 kepada 43 persatuan pada tahun 2005. Di samping itu, jualan hasil pertanian di bawah jenama *Malaysia's Best*, *Agromas* dan *Olemas* terus digalakkan. Pengenalan skim akreditasi ladang dan pembangunan piawai keselamatan makanan membolehkan produk pertanian tempatan memperoleh akses yang lebih meluas ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

3.29 *Penyelidikan dan Pembangunan.* Penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian terus diberi penekanan bagi mempertingkatkan lagi daya saing sektor ini. Dalam tempoh Rancangan, daripada 535 projek R&D yang dilaksanakan oleh agensi penyelidikan pertanian, sebanyak 90 telah dikomersilkan manakala 30 lagi sedia untuk dikomersilkan.

3.30 *Latihan dan Khidmat Pengembangan.* Tumpuan telah diberikan kepada pengkomersilan aktiviti pertanian, amalan pertanian moden, pengendalian lepas tuai, pemprosesan dan pemasaran. Pada akhir tempoh Rancangan, sejumlah 260,930 usahawan dan petani telah dilatih. Di samping itu, empat institusi latihan pertanian melaksanakan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan berdasarkan Piawaian Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) mulai tahun 2004. Semenjak pengenalannya, sejumlah 564 pelatih telah mendaftar dalam kursus berkaitan perikanan, sayur-sayuran, ternakan, pemprosesan makanan dan pemasaran.

3.31 *Kredit Pertanian.* Pengeluaran kredit untuk projek pertanian oleh sektor perbankan dalam tempoh Rancangan adalah berjumlah RM56.3 bilion. Jumlah ini hanya merupakan 2.5 peratus daripada keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan oleh sektor ini. Bank Pertanian Malaysia (BPM) mengeluarkan sejumlah RM3.4 bilion bagi meningkatkan pejenteraan ladang, menggalakkan penyertaan Bumiputera dan penyertaan siswazah dalam pertanian komersil serta menyediakan kredit mikro untuk pengeluaran makanan dan bantuan kewangan kepada EKS



berasaskan pertanian. Dana khas juga telah diwujudkan untuk memberi bantuan kewangan kepada petani, pekebun kecil dan nelayan. Untuk tujuan ini, Dana Nelayan berjumlah RM63 juta telah memberi manfaat kepada 3,074 nelayan manakala Kumpulan Wang Pinjaman Pertubuhan Peladang menyediakan pinjaman bernilai RM79.6 juta kepada pertubuhan peladang. Sejumlah RM88.6 juta juga telah dikeluarkan kepada 642 petani dan usahawan di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED). Tabung ini digunakan untuk membantu usahawan yang terlibat dalam aktiviti pertanian, pembuatan, perkhidmatan dan pelancongan desa untuk memulakan dan memperkembang perniagaan.

3.32 *Pengairan dan Saliran.* Sejumlah RM453 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai projek pengairan dan saliran pertanian serta sumber air bagi meningkatkan kawalan banjir dan bekalan air. Projek ini termasuk pembinaan kemudahan baru pengairan dan saliran, lintasan dan jalan ladang yang meliputi seluas 70,000 hektar kawasan pertanian serta Empangan Beris di Sik, Kedah.

### III. PROSPEK, 2006-2010

3.33 Pembangunan sektor pertanian dalam RMKe-9 akan ditumpukan kepada pembangunan *Pertanian Baru*. Pendekatan ini melibatkan perkembangan pertanian komersil berskala besar yang meluas dan penerokaan aktiviti pengeluaran dan pemprosesan berkualiti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam bioteknologi. Produktiviti, kecekapan serta potensi dalam penjanaan pendapatan dan kekayaan akan dipertingkatkan melalui penggunaan kaedah pertanian moden dan ICT, pengukuhan R&D dan inovasi, peningkatan keupayaan pemasaran dan penggalakan penyertaan meluas sektor swasta termasuk usahawan tani dan tenaga kerja mahir. Penggunaan tanah secara optimum serta penyatuan dan pemulihan tanah akan diberi keutamaan. Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar tahunan purata yang lebih tinggi sebanyak 5.0 peratus. Dengan mengambilkira industri berasaskan pertanian, kadar pertumbuhan dijangka meningkat kepada 5.2 peratus. Isu berkaitan kewujudan kelompok kemiskinan di kalangan petani kecil, proses penukaran daripada kebun kecil kepada ladang moden yang perlahan dan kekangan tanah pertanian akan juga ditangani.

#### **Teras Dasar**

3.34 Dalam tempoh Rancangan, teras dasar sektor pertanian secara keseluruhannya akan ditumpukan kepada usaha mengorientasikan semula sektor ini ke arah pengkomersilan yang lebih meluas dan melahirkan petani

berpendapatan tinggi serta menggalakkan pelaburan sektor swasta yang lebih besar termasuk pelaburan asing. Sehubungan ini, teras dasar adalah seperti yang berikut:

- ❑ *meningkatkan pengeluaran pertanian termasuk penerokaan sumber pertumbuhan baru dengan penyertaan sektor swasta yang lebih besar;*
- ❑ *mengembangkan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk;*
- ❑ *memperkukuhkan pemasaran dan rangkaian global;*
- ❑ *meningkatkan pendapatan pekebun kecil, petani dan nelayan; dan*
- ❑ *menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan.*

### **Meningkatkan Pengeluaran Pertanian**

3.35 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan dilaksana untuk meningkatkan pengeluaran pertanian melalui pembangunan tanah baru, tanam semula, penyatuan dan pemulihan tanah serta penggunaan lebih meluas klon dan baka berhasil tinggi, pejenteraan ladang dan amalan agronomi yang baik ke arah peningkatan produktiviti. Sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan terus digalakkan untuk meningkatkan pelaburan pertanian melalui insentif dan sokongan yang lebih baik.

3.36 Pengeluaran *minyak sawit* dijangka meningkat pada kadar purata 5.5 peratus setahun dengan peluasan kawasan tanaman dan OER yang lebih tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 3-4*. Pembangunan sektor kecil *getah* akan ditumpukan kepada mempergiat usaha menyatu dan memulih kebun kecil getah untuk meningkatkan produktiviti. Sehubungan ini, kawasan optimum seluas 800,000 hektar akan dikekalkan sebagai zon pengeluaran getah menjelang tahun 2020 untuk memenuhi keperluan industri pemprosesan getah tempatan. Pengeluaran *koko* akan dipertingkat untuk membekalkan bahan mentah kepada industri pemprosesan hiliran tempatan. Pengeluaran *lada hitam* dijangka meningkat menerusi peningkatan produktiviti dan galakan GAP di kalangan petani. Industri penanaman *tembakau* akan terus distruktur semula selaras dengan komitmen kepada Konvensyen Rangka Kerja Mengenai Kawalan Tembakau. Pengeluaran *kayu balak* akan terus berdasarkan kepada pengurusan hutan secara mampan. Sehubungan ini, ACR akan ditetapkan pada 266,940 hektar setahun.

JADUAL 3-4

**PENGELUARAN KOMODITI PERTANIAN, 2000-2010**

Komoditi	Tan Metrik ('000)			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
				RMKe-8		Sasaran RMKe-9
	2000	2005	2010	Sasaran	Pencapaian	
<b>Komoditi Pertanian untuk Industri</b>						
Getah	928	1,124	1,293	4.0	3.9	2.8
Minyak Sawit Mentah	10,842	14,961	19,561	6.1	6.7	5.5
Minyak Isirong Sawit	1,384	1,868	2,570	5.0	6.2	6.6
Kayu Balak <sup>1</sup>	23,074	21,334	19,475	-5.3	-1.6	-1.8
Koko	70	28	57	-5.7	-16.7	15.5
<b>Komoditi Makanan</b>						
Padi	2,141	2,400	3,202	0.2	2.3	5.9
Perikanan Laut	1,454	1,575	2,071	7.2	1.6	5.6
Akuakultur	1,286	1,325	1,409	5.9	0.6	1.2
Ternakan	168	250	662	18.3	8.3	21.5
Daging Lembu	17.5	28.5	45.0	18.0	10.2	9.6
Daging Kambing	0.9	1.5	2.3	11.0	10.8	8.9
Daging Babi	159.8	209.0	241.0	6.6	5.5	2.9
Daging Ayam Itik	714.3	980.1	1,295.0	4.7	6.5	5.7
Telur	399.0	443.0	600.0	4.0	2.1	6.3
Susu <sup>2</sup>	29.5	41.1	68.4	8.9	6.9	10.7
<b>Pelbagai</b>						
Lada Hitam	24.0	19.1	30.0	5.9	-4.5	9.5
Nanas	265.7	407.6	1,106.0	2.0	8.9	22.1
Tembakau	7.4	14.0	12.0	13.6	13.6	-3.0
Bunga-bunga <sup>3</sup>	120.4	126.4	147.3	3.3	1.0	3.1
Buah-buahan	993.0	1,586.9	2,555.7	3.1	9.8	10.0
Sayur-sayuran	404.0	771.3	1,133.3	0.6	13.8	8.0
Kelapa	475.7	602.0	660.0	0.6	4.8	1.9

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Nota: <sup>1</sup> Diukur dalam ribu meter padu.

<sup>2</sup> Diukur dalam juta liter.

<sup>3</sup> Diukur dalam juta tangkai.

3.37 Sektor kecil komoditi makanan dijangka berkembang pada kadar purata 7.6 peratus setahun melalui penambahbaikan kecekapan dan produktiviti serta penambahan keluasan. Eksport komoditi makanan akan ditingkatkan untuk mencapai imbalan dagangan makanan yang positif, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-5*. Pengeluaran *padi* akan ditingkatkan untuk mencapai sasaran tahap sara diri 90 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-6*. Pengeluaran *buah-buahan* akan dilaksanakan secara berskala besar di zon pengeluaran buah-buahan menggunakan pendekatan pembangunan secara berkelompok dan akan

ditumpukan kepada sembilan jenis buah-buahan yang mempunyai potensi eksport. Pengeluaran *sayur-sayuran* pula akan ditumpukan kepada jenis yang bernilai tinggi untuk penggunaan tempatan dan pasaran eksport terpilih. Program Buku Hijau untuk menggalakkan pengeluaran makanan oleh masyarakat setempat akan diaktifkan semula.

3.38 Pengeluaran *ikan* akan ditumpukan kepada peluasan akuakultur dan aktiviti penangkapan ikan laut dalam. Akuakultur termasuk penternakan ikan laut akan memberi tumpuan kepada jenis yang bernilai tinggi seperti siakap, kerapu dan udang harimau. Pembangunan industri *ternakan* akan ditumpukan

JADUAL 3-5  
EKSPORT DAN IMPORT MAKANAN, 2000-2010

Komoditi	RM juta			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	Pencapaian RMKe-8	Sasaran RMKe-9
<b>Eksport</b>	<b>5,268.6</b>	<b>7,986.8</b>	<b>15,501.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>8.7</b>	<b>14.2</b>
Haiwan Hidup	357.4	425.1	467.0	6.8	5.3	3.0	3.5	1.9
Daging dan Penyediaan Daging	64.6	85.9	2,895.0	1.2	1.1	18.7	5.9	102.1
Keluaran Tenusu	410.2	413.2	520.0	7.8	5.2	3.4	0.1	4.7
Sayur-sayuran	278.4	491.6	614.0	5.3	6.2	4.0	12.0	4.5
Buah-buahan	512.4	471.9	2,153.2	9.7	5.9	13.9	-1.6	35.5
Gula, Penyediaan Gula dan Madu	353.7	479.2	474.6	6.7	6.0	3.1	6.3	-0.2
Bijirin dan Penyediaan Bijirin	610.8	916.6	576.5	11.6	11.5	3.7	8.5	-8.9
Ikan, Kerang, Kepah & Penyediaan selepas itu	1,263.3	2,265.9	4,624.7	24.0	28.4	29.8	12.4	15.3
Bahan Makanan Haiwan	375.3	547.1	531.0	7.1	6.9	3.4	7.8	-0.6
Lain-lain	1,042.5	1,890.3	2,645.0	19.8	23.7	17.1	12.6	6.9
<b>Import</b>	<b>10,543.5</b>	<b>15,435.0</b>	<b>14,276.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>7.9</b>	<b>-1.5</b>
Haiwan Hidup	154.6	177.4	127.0	1.5	1.1	0.9	2.8	-6.5
Daging dan Penyediaan Daging	771.4	1,054.6	1,262.0	7.3	6.8	993.7	6.5	3.7
Keluaran Tenusu	1,176.5	1,745.1	1,533.0	11.2	11.3	121.5	8.2	-2.6
Sayur-sayuran	1,023.6	1,620.2	670.0	9.7	10.5	43.7	9.6	-16.2
Buah-buahan	561.6	694.9	812.1	5.3	4.5	121.2	4.4	3.2
Gula, Penyediaan Gula dan Madu	1,085.2	1,406.0	1,216.0	10.3	9.1	149.7	5.3	-2.9
Bijirin dan Penyediaan Bijirin	1,839.1	2,267.1	1,464.8	17.4	14.7	10.3	4.3	-8.4
Ikan, Kerang, Kepah & Penyediaan selepas itu	1,085.8	1,851.9	841.0	10.3	12.0	5.9	11.3	-14.6
Bahan Makanan Haiwan	1,928.4	2,838.2	4,303.0	18.3	18.4	30.1	8.0	8.7
Lain-lain	917.3	1,779.6	2,048.0	8.7	11.5	14.3	14.2	2.8

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

JADUAL 3-6

**TAHAP SARA DIRI KOMODITI MAKANAN, 2000-2010**  
(%)

<i>Komoditi</i>	2000	2005	2010
Beras	70	72	90
Buah-buahan	94	117	138
Sayur-sayuran	95	74	108
Keluaran Perikanan	86	91	104
Daging Lembu	15	23	28
Daging Kambing	6	8	10
Daging Ayam Itik	113	121	122
Telur	116	113	115
Daging Babi	100	107	132
Susu	3	5	5

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

kepada pelbagai aktiviti di sepanjang rantai nilai termasuk pengeluaran baka dan makanan haiwan. Bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap makanan haiwan dan mengurangkan import, usaha akan diambil bagi meningkatkan penggunaan bahan berasaskan beras dan makanan ternakan tempatan lain termasuk *kenaf* serta pelepah dan bahan sampingan kelapa sawit. Keluaran ternakan terutamanya daging ayam itik dan telur akan terus ditingkatkan melalui penggunaan sistem pengeluaran moden untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar negara.

3.39 *Sumber Pertumbuhan Baru.* Pembangunan sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian akan dipergiat dalam tempoh Rancangan. Sehubungan ini, pengeluaran berskala besar bagi tuna, ikan dan tumbuh-tumbuhan hiasan, florikultur, herba dan rumpai laut akan digalakkan melalui penyediaan khidmat pengembangan, insentif, infrastruktur asas, kemudahan pemasaran dan penggalakan aktiviti pemprosesan hiliran. Pembinaan Pelabuhan Tuna Antarabangsa Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang yang dijangka siap dalam tempoh Rancangan akan membolehkan pendaratan tuna yang lebih banyak dan mempercepat aktiviti pemprosesan tuna. Di samping itu, R&D bagi amalan agronomi dan pembangunan produk serta pengkomersilan produk daripada biojisim dan produk baru daripada bioteknologi akan terus dipergiat. Langkah juga akan diambil untuk menggalakkan lagi industri nurseri dan landskap.

3.40 Sanitari and Fitosanitari (SPS) serta langkah biokeselamatan akan dipertingkatkan lagi untuk mengurangkan risiko dan kerugian pengeluaran pertanian serta mempertingkatkan potensi negara dalam memperkembangkan eksport produk makanan. Program pembasmian khusus akan diperkukuh untuk mengawal dan membendung penyakit yang menjejaskan kepentingan ekonomi dan penternakan, seperti penyakit kuku dan mulut (FMD), *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI), *citrus greening* dan virus *white spot* akan diperkukuhkan dan zon bebas penyakit akan diwujudkan dalam tempoh Rancangan. Kemunculan dan kemasukan penyakit baru ke dalam negara akan diminimumkan melalui pengurusan risiko dan bina upaya yang lebih berkesan.

3.41 Pengeluaran produk makanan halal akan terus digalakkan untuk merebut peluang daripada potensi pasaran eksport halal yang luas. Langkah ini termasuk pemprosesan dan pembungkusan keluaran daging, ikan dan keluaran berasaskan makanan yang lain. Di samping itu, Malaysia akan dibangunkan sebagai pusat pensijilan produk halal dan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan dipromosi ke seluruh dunia.

3.42 *Pembiayaan*. Institusi kewangan akan digalakkan untuk menyediakan dana yang mencukupi bagi pelaburan dalam pengeluaran pertanian, pemprosesan, aktiviti berasaskan pertanian dan aktiviti lain yang berkaitan. Langkah akan diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk memastikan akses yang lebih mudah mendapatkan kredit. BPM akan disusun semula untuk memperkukuhkan keupayaan dan kemampuannya dalam menyediakan pinjaman. Tabung Untuk Makanan akan diteruskan terutamanya untuk membiayai projek pengeluaran makanan berskala sederhana dan besar termasuk penangkapan ikan laut dalam. Untuk memudahkan penyertaan petani dan nelayan kecil dalam pelbagai projek, kemudahan kredit mikro akan disediakan.

#### *Pembangunan Tanah Baru*

3.43 Pembangunan tanah baru akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan kawasan tanaman kelapa sawit oleh sektor swasta. Di samping itu, pengeluaran berskala besar dan sistem perkebunan kepersisan akan dilaksanakan di zon pengeluaran baru bagi buah-buahan, sayur-sayuran, akuakultur dan ternakan. Pembangunan yang lebih teratur bagi zon ini akan dilaksanakan melalui empat pendekatan utama iaitu Ladang Moden dan TKPM untuk pengeluaran berskala besar oleh sektor swasta serta Kawasan Pembangunan Pertanian Tertumpu (ACDA) dan Projek Pembangunan Kawasan Khas (ASDP) untuk usahawan dan petani kecil. Pembangunan Ladang Moden akan melibatkan perolehan tanah negeri yang luas oleh Kerajaan Persekutuan untuk dipajak kepada sektor swasta bagi melaksanakan projek pertanian moden. TKPM pula melibatkan pewartaan tanah oleh kerajaan negeri untuk tujuan yang sama. Pembangunan

TKPM dijangka meliputi kawasan tambahan seluas 2,380 hektar melibatkan 600 usahawan di pelbagai negeri. ACDA dan ASDP pula melibatkan pembangunan semula tanah petani sedia ada yang tidak produktif dan berselerak dan akan dilaksanakan pada skala yang lebih kecil. Sejumlah 13 buah ACDA dan 8 buah ASDP akan ditubuhkan dalam tempoh Rancangan. Penggunaan tanah pertanian dijangka meningkat pada kadar purata 1.5 peratus dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-7*.

JADUAL 3-7  
**PENGUNAAN TANAH PERTANIAN, 2000-2010**

Tanaman	Hektar ('000)			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
	2000	2005	2010	RMKe-8		Sasaran RMKe-9
				Sasaran	Pencapaian	
Kelapa Sawit	3,377	4,049	4,555	3.2	3.7	2.4
Getah	1,431	1,250	1,179	-2.7	-2.7	-1.2
Padi <sup>1</sup>	478	452	450	-0.5	-1.1	-0.1
Buah-buahan	304	330	375	5.1	1.7	2.6
Kelapa	159	180	180	-0.6	2.5	0.0
Koko	76	33	45	-2.4	-15.2	6.2
Sayur-sayuran	40	64	86	4.2	9.9	6.1
Tembakau	15	11	7	2.5	-6.0	-7.4
Lada Hitam	13	13	14	2.1	0.0	0.6
<b>Jumlah<sup>2</sup></b>	<b>5,893</b>	<b>6,383</b>	<b>6,891</b>	<b>1.5</b>	<b>1.6</b>	<b>1.5</b>

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Nota: <sup>1</sup> Berdasarkan kepada pasel padi.

<sup>2</sup> Tidak termasuk tanaman pelbagai seperti teh, kopi dan herba serta akuakultur.

### *Program Tanam Semula*

3.44 Program tanam semula getah dan kelapa sawit yang melibatkan 383,010 hektar akan dilaksanakan terutamanya oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-8*. Sehubungan ini, penggunaan klon yang berhasil tinggi akan digalakkan. Tanam semula getah yang menggunakan klon balak lateks untuk kayu getah akan dipergiat. Untuk mengurangkan penebangan balak daripada hutan semula jadi, pelaksanaan ladang hutan termasuk ladang hutan getah akan dipercepat. Usaha akan diambil untuk mencapai sasaran tahunan sebanyak 25,000 hektar bagi ladang hutan yang ditanam dengan spesies balak yang cepat membesar dan bernilai tinggi.

JADUAL 3-8

**PROGRAM TANAM SEMULA, PENYATUAN DAN  
PEMULIHAN TANAH MENGIKUT AGENSI, 2001-2010**

Program/Agensi	RMKe-8			RMKe-9	
	Sasaran (hektar)	Pencapaian (hektar)	% Pencapaian Sasaran	Sasaran (hektar)	% daripada Jumlah
<b>Tanam Semula</b>	<b>306,019</b>	<b>237,603</b>	<b>77.6</b>	<b>383,010</b>	<b>78.9</b>
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	148,747	126,618	85.1	116,484	30.4
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	138,742	101,350	73.0	225,000	58.7
FELCRA Berhad	15,000	6,052	40.3	35,526	9.3
Lembaga Industri Getah Sabah	3,530	3,583	101.5	6,000	1.6
<b>Penyatuan dan Pemulihan Tanah</b>	<b>50,649</b>	<b>31,332</b>	<b>61.9</b>	<b>102,663</b>	<b>21.1</b>
FELCRA Berhad	25,000	10,203	40.8	50,000	48.7
Jabatan Perhutanan Sarawak	7,500	4,228	56.4	-	-
Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia	6,500	5,837	89.8	12,000	11.7
Lembaga Pertubuhan Peladang	4,377	4,433	101.3	6,597	6.4
Lembaga Industri Getah Sabah	3,750	4,053	108.1	20,000	19.5
Lembaga Tembakau Negara	2,000	1,838	91.9	3,000	2.9
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	1,523	740	48.6	11,065	10.8
<b>Jumlah</b>	<b>356,668</b>	<b>268,935</b>	<b>75.4</b>	<b>485,673</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan FELDA

### *Penyatuan dan Pemulihan Tanah*

3.45 Program penyatuan dan pemulihan tanah akan diteruskan pada skala yang lebih besar untuk mempercepat pemodenan kebun kecil serta meningkatkan produktiviti khususnya getah, padi, buah-buahan, sayur-sayuran, koko, lada hitam dan sagu. Pesawah padi di luar kawasan jelapang akan digalakkan untuk mengusahakan jenis padi yang berkualiti tinggi serta menukar kegunaan tanah mereka kepada kegunaan lain yang dapat menghasilkan pendapatan lebih baik.

3.46 *Infrastruktur Pertanian.* Dalam tempoh Rancangan, infrastruktur pertanian terutamanya kemudahan pengairan dan saliran, jalan ladang dan lintasan akan dinaik taraf dan dipertingkatkan bagi menyokong penggunaan teknologi dan pejenteraan moden secara meluas. Kepadatan purata pengairan dan saliran sebanyak 20 meter sehektar akan dipertingkatkan kepada 50 meter sehektar bagi mencapai hasil padi yang lebih tinggi. Di samping itu, amalan pengurusan



sumber air yang baik akan diguna pakai termasuk penggunaan Sistem Sokongan Keputusan dan kawalan pintu air secara automatik bagi memastikan pengagihan air yang serata dan menyokong pelaksanaan konsep 'pembekalan air ikut permintaan'.

### *Peningkatan Produktiviti*

3.47 Usaha untuk mempertingkatkan produktiviti akan dilaksanakan melalui penggunaan klon berhasil tinggi dan penambahbaikan dalam amalan agronomi di kalangan pekebun kecil dan perladangan serta peningkatan pejenteraan. Di samping itu, penyediaan khidmat sokongan dan infrastruktur yang mencukupi di kawasan pengeluaran pertanian dijangka dapat meningkatkan lagi produktiviti dalam sektor ini, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-9*.

JADUAL 3-9

### PRODUKTIVITI KOMODITI PERTANIAN, 2000-2010 (%)

<i>Komoditi</i>	2000	2005	2010
<b>Komoditi Pertanian untuk Industri</b>			
Kelapa Sawit BTS (tan metrik/hektar/tahun)	19.1	22.5	25.0
Getah (tan metrik/hektar/tahun)	1.2	1.3	1.7
Lada Hitam (tan metrik/hektar/tahun)	2.1	1.5	1.8
Koko (tan metrik/hektar/tahun)	0.9	1.2	1.6
Sistem Penanam-Pengawet Tembakau (tan metrik/hektar/tahun)	1.1	1.4	1.5
<b>Komoditi Makanan</b>			
Padi (tan metrik/hektar/musim)			
Jelapang	3.8	4.5	6.5
Bukan Jelapang	2.2	5.0	5.0
Akuakultur (tan metrik/hektar/pusingan)			
Ikan Air Tawar	0.4	0.4	0.5
Ikan Air Payau	1.0	1.1	1.1
<b>Pelbagai</b>			
Nanas (tan metrik/hektar/pusingan)	16.9	21.1	22.1
Bunga-bunga (ribu tangkai/hektar/musim)	155.6	162.9	190.4
Buah-buahan (tan metrik/hektar/musim)	3.3	4.8	6.8
Sayur-sayuran (tan metrik/hektar/pusingan)	10.1	12.1	13.2
Kelapa (tan metrik/hektar/tahun)	3.0	3.3	3.7

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

3.48 Produktiviti akan juga ditingkatkan melalui penggunaan teknologi terkini dan sistem pengeluaran berasaskan pengetahuan yang lebih meluas. Bagi memastikan kawalan kualiti dan piawai tinggi dalam perladangan kelapa sawit serta meningkatkan produktiviti, usaha akan ditumpukan untuk menggalakkan ladang mengguna pakai piawai antarabangsa. Di samping itu, untuk mencapai Wawasan 35:25, iaitu sasaran 35 tan metrik buah tandan segar (BTS) sehektar dan 25 peratus OER, pihak ladang akan digalakkan untuk menggunakan benih kelapa sawit yang berkualiti. Kemudahan kredit yang mencukupi akan disediakan untuk menggalakkan pekebun kecil menanam semula kelapa sawit yang berumur lebih 25 tahun dengan klon berhasil tinggi.

3.49 Usaha akan dipergiatkan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan pengeluaran padi di lapan kawasan jelapang padi untuk mencapai sasaran hasil 10 tan metrik sehektar. Usaha ini adalah sebagai langkah persediaan awal untuk meningkatkan daya saing pengeluar tempatan untuk mengekalkan kedudukan mereka apabila terlaksananya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

3.50 Pembinaan tukun tiruan dan lindungan ikan untuk memperkaya sumber pesisir pantai dan pembangunan penternakan ikan laut secara berskel besar berasaskan komuniti akan dilaksana untuk melonjakkan pengeluaran ikan pesisir pantai. Produktiviti perikanan laut akan dipertingkatkan lagi dengan menaik taraf keupayaan kapal dan peralatan menangkap ikan. Pelaburan dalam bidang akuakultur termasuk aktiviti akuakultur pesisir pantai secara intensif menggunakan teknologi dan sistem pengurusan baru akan digalakkan lagi. Untuk meningkatkan pendaratan ikan laut dalam termasuk tuna serta menyokong perkembangan aktiviti huluan dan hiliran berasaskan perikanan, sebuah konsortium perikanan di peringkat nasional iaitu Konsortium Perikanan Nasional Berhad (KPNB) yang diterajui oleh sektor swasta akan ditubuhkan.

3.51 *Penyelidikan dan Pembangunan.* Aktiviti R&D akan diperkukuh lagi untuk menambah baik produktiviti. Sehubungan ini, aktiviti R&D akan berorientasikan pasaran dan memberi tumpuan kepada penghasilan benih dan baka yang berhasil tinggi, kawalan penyakit dan perosak, pengendalian lepas tuai serta pejenteraan. Usaha yang lebih giat akan dilaksanakan dalam pembangunan teknologi penanaman yang lebih baik manakala penyebaran maklumat mengenai teknologi baru kepada kumpulan sasar akan dipercepatkan.

3.52 *Pembangunan Modal Insan.* Dalam tempoh Rancangan, produktiviti buruh dijangka meningkat pada kadar purata 6.2 peratus setahun. Tumpuan akan diberikan kepada penyediaan latihan untuk mengubah minda dan sikap petani dan nelayan serta generasi muda termasuk yang berpendidikan tinggi

untuk terlibat secara lebih berkesan dalam aktiviti pertanian moden dan berasaskan komersil. Usaha ini akan mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya di kalangan siswazah menganggur. Sejumlah 657,720 usahawan dan petani dijangka dilatih dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-10*. Sehubungan ini, beberapa institusi latihan pertanian akan dinaik taraf untuk melaksanakan program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan selaras dengan NOSS. Di samping itu, institusi pengajian tinggi akan mengkaji semula pengajian sedia ada dan membangunkan kurikulum baru bagi memenuhi keperluan pasaran. Kemahiran akan dibangunkan dalam bidang seperti perikanan laut dalam, akuakultur, pembiakan ikan hiasan, penanaman rumpai laut dan pemprosesan berasaskan pertanian. Pekerja pengembangan juga akan dilatih semula untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada kumpulan sasar.

3.53 Selaras dengan dasar untuk menjadikan pertanian sebagai perniagaan yang berdaya maju, usaha yang lebih gigih akan diambil untuk membangunkan usahawan tani baru, memperkasa usahawan kecil dan sederhana yang sedia ada serta menggalakkan pengeksport pertanian. Langkah ini termasuk program pembangunan keusahawanan untuk membangunkan lebih ramai usahawan tani

JADUAL 3-10  
**LATIHAN PERTANIAN MENGIKUT AGENSI,  
2001-2010**

<i>Agensi</i>	<i>Bilangan Peserta</i>	
	<i>RMKe-8</i>	<i>RMKe-9</i>
Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia	102,500	376,900
LKIM	28,900	35,400
Jabatan Perikanan	17,900	76,715
FAMA	16,900	18,600
Jabatan Pertanian Sarawak	12,200	13,800
MARDI	10,700	11,500
Bank Pertanian Malaysia	10,500	16,100
LPP	38,828	50,000
RISDA	8,800	18,300
Jabatan Perkhidmatan Haiwan	6,000	20,100
FELCRA Berhad	4,800	14,600
MPOB	2,100	3,700
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia	800	2,000
<b>Jumlah</b>	<b>260,928</b>	<b>657,715</b>

*Sumber:* Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Bumiputera yang berkebolehan. Sehubungan ini, latihan khas, kemudahan kredit dan bantuan teknikal akan disediakan. Usaha juga akan diambil untuk membangunkan usahawan di kalangan generasi baru peneroka FELDA dan peserta di kawasan projek pembangunan tanah yang lain.

### Mengembangkan Pemprosesan Berasaskan Pertanian dan Kepelbagaian Produk

3.54 Dalam tempoh Rancangan, pembangunan berasaskan pertanian akan bertumpu kepada meningkatkan penggunaan keluaran pertanian dalam pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta aktiviti pemprosesan. Usaha akan ditingkatkan untuk menambah pelaburan sektor swasta dalam aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian termasuk daripada GLC berkaitan pertanian, anak syarikat agensi pertanian serta persatuan dan koperasi petani dan nelayan. Tumpuan juga akan diberikan untuk meningkatkan penyertaan individu petani dan nelayan dalam aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian. Pemprosesan keluaran akhir daripada komoditi pertanian untuk industri dijangka terus meningkat, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-11*.

JADUAL 3-11

#### PEMROSESAN TEMPATAN DAN PENGGUNAAN KOMODITI PERTANIAN UNTUK INDUSTRI, 2000-2010

Komoditi	Tan Metrik ('000)			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	Pencapaian RMKe-8	Sasaran RMKe-9
Pengeluaran Kayu Balak ('000 meter padu)	23,074	21,334	19,475	-1.6	-1.8
Kayu Balak digunakan untuk Keluaran Akhir	16,590	15,450	14,748	-1.4	-0.9
% Kayu Balak digunakan untuk Keluaran Akhir	71.9	72.4	75.7	0.1	0.9
Pengeluaran Minyak Sawit	10,842	14,961	19,561	6.7	5.5
Minyak Sawit digunakan untuk Keluaran Akhir	1,018	1,189	2,061	3.1	11.6
% Minyak Sawit digunakan untuk Keluaran Akhir	9.4	7.9	10.5	-3.3	5.8
Pengeluaran Getah	928	1,124	1,293	3.9	2.8
Getah digunakan untuk Keluaran Akhir	364	401	500	2.0	4.5
% Getah digunakan untuk Keluaran Akhir	39.2	35.7	38.7	-1.9	1.6
Pengeluaran Koko	70	28	57	-16.7	15.3
Koko digunakan untuk Keluaran Akhir	8	3	7	-19.1	20.1
% Koko digunakan untuk Keluaran Akhir	11.5	10.0	12.3	-2.8	4.2
Pengeluaran Lada Hitam	24	19	30	-4.5	9.5
Lada Hitam digunakan untuk Keluaran Akhir	2	4	6	11.8	11.4
% Lada Hitam digunakan untuk Keluaran Akhir	8.3	18.3	20.0	17.1	1.8

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Unit Perancang Ekonomi

3.55 *Industri Pemprosesan Getah dan Keluaran Getah.* Dalam industri pemprosesan getah dan keluaran getah, usaha akan dilaksana untuk menggalakkan lagi pembangunan industri hiliran memandangkan kepada potensinya untuk mengeluarkan pelbagai produk nilai ditambah bagi pasaran tempatan dan eksport. Pelaburan yang lebih tinggi dalam pengeluaran barangan getah kegunaan industri (IRG) untuk memenuhi keperluan pelbagai industri akan digalakkan.

3.56 Inisiatif akan diambil untuk membangunkan tanda kualiti dan pensijilan untuk beberapa jenis keluaran getah terpilih di bawah kategori produk am getah (GRG) dan IRG. Di samping itu, usaha R&D dalam membangunkan bahan termaju serta teknologi pemprosesan dan pembuatan untuk menghasilkan produk baru dalam sektor kecil keluaran berasaskan getah akan dipergiat. Aktiviti R&D juga akan memberi tumpuan kepada membangunkan produk getah yang baru melalui penggunaan bioteknologi.

3.57 *Industri Minyak Sawit.* Dalam tempoh Rancangan, industri minyak sawit dijangka mendapat manfaat daripada lebih banyak kepelbagaian produk hiliran. Bagi mempercepatkan pembangunan industri hiliran minyak sawit, kelompok industri berasaskan minyak sawit (POIC) akan ditubuhkan di kawasan merentasi sempada Timur Johor-Selatan Pahang dan Selatan Kelantan-Utara Terengganu serta Sabah dan Sarawak. POIC akan berperanan sebagai pemangkin dalam mewujudkan rantai nilai industri minyak sawit serta membantu pembangunan industri sokongan lain. Usaha juga akan dipergiat untuk membangunkan produk minyak sawit berjenama Malaysia terutama dalam industri derivatif oleokimia serta membina rangkaian di peringkat antarabangsa untuk menembusi pasaran baru.

3.58 Industri berasaskan minyak sawit akan digalakkan untuk mengembangkan aktiviti ke luar negara terutama di negara yang mempunyai permintaan tinggi bagi minyak sawit dan derivatif. Kerjasama antara industri minyak sawit dengan institusi penyelidikan akan terus dipergiat untuk mempercepat pengkomersilan penemuan R&D untuk memperluas asas pembangunan produk baru dan menambah baik proses pembuatan. Pengkomersilan produk biojisim kelapa sawit dan biofuel akan dipercepat melalui penyertaan lebih meluas sektor swasta. Penyelidikan ke atas minyak sawit akan ditumpukan kepada penggunaan teknologi oleokimia termaju dan bioteknologi termasuk untuk produk nutraseutikal dan farmaseutikal.

3.59 *Industri Kayu dan Produk Kayu.* Pengilang perabot dan komponen perabot akan digalakkan untuk memberi tumpuan kepada kualiti dan reka bentuk keluaran yang berinovatif dan mempelbagai jenis keluaran untuk merangkumi keluaran

khusus yang lebih berkualiti di samping meningkatkan aktiviti sedia ada. Langkah akan diambil secara agresif untuk menggalakkan eksport keluaran yang berkualiti tinggi sejajar dengan keperluan ekolabel berasaskan ekologi bagi mengekalkan bahagian pasaran serta menembusi pasaran baru.

3.60 *Industri Bioteknologi.* Selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara, penggunaan bioteknologi dalam pertanian akan terus digalakkan dan dipergiat untuk menggembeng potensi sektor pertanian dalam mewujudkan kekayaan baru, terutamanya melalui pengeluaran klon berhasil tinggi, baka haiwan dan benih ikan yang lebih baik serta produk baru yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Untuk mempercepat aktiviti R&D dalam bioteknologi, institusi penyelidikan termasuk institusi pengajian tinggi akan dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan yang bersesuaian. Di samping itu, penyelidik di sektor awam akan dilatih dalam bidang bioteknologi termaju termasuk biodiversiti melalui program penempatan dan kerjasama yang lebih meluas dengan sektor swasta.

3.61 *Industri Pemprosesan Makanan.* Industri pemprosesan makanan akan digalakkan untuk mengambil peluang daripada kedudukan Malaysia yang kukuh dari segi pensijilan halal bagi meneroka pasaran halal global yang semakin berkembang. Sehubungan ini, usaha akan dipergiat untuk membangunkan Malaysia sebagai hab serantau untuk makanan halal. Di samping menaik taraf infrastruktur dan kemudahan yang sedia ada untuk pengeluaran makanan halal, beberapa taman makanan halal yang baru akan ditubuhkan. Penekanan yang lebih juga akan diberikan untuk meningkatkan imej negara sebagai sumber makanan halal yang berkualiti dan selamat serta menonjolkan piawai pensijilan halal negara MS1500:2004, Garis Panduan Am dalam Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan Makanan Halal sebagai piawai premium untuk makanan halal.

3.62 Pasaran untuk makanan mudah dan makanan fungsian dijangka berkembang pesat sejajar dengan perubahan corak penggunaan dan peningkatan kesedaran terhadap gaya hidup sihat. Sehubungan ini, pengeluaran dan bekalan makanan segera bagi makanan laut, produk ternakan dan makanan berasaskan sayur-sayuran yang sedia untuk dimakan akan digalakkan sebagai satu bidang pelaburan baru. Di samping itu, program "*Malaysia the Truly Asian Kitchen*" akan dilaksanakan. Pengeluaran makanan berasaskan buah-buahan dan sayur-sayuran termasuk produk berserat tinggi, lepa dan jus buah serta bahan tambahan dan ramuan makanan juga antara bidang yang berpotensi untuk pelaburan baru. Makanan berasaskan ramuan minyak sawit dan koko akan terus dibangunkan dari segi kualiti dan jenis produk. Program sedia ada akan diperkukuh untuk membantu industri dalam penggunaan teknologi pemprosesan moden,

pembungkusan yang berinovatif dan penjenamaan bagi memenuhi kehendak pengguna yang berbeza-beza serta permintaan pasaran tempatan dan luar negara. Penekanan akan juga diberi untuk mempermudah EKS bagi menjalin kerjasama dengan syarikat multinasional untuk menembusi pasaran eksport yang baru.

3.63 *Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan.* R&D dalam industri berasaskan pertanian dan pengkomersilan penemuan R&D akan diperkukuhkan menerusi penyertaan yang lebih meluas oleh institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Pengkomersilan penemuan R&D yang berkaitan dengan pembangunan produk akan dipercepat melalui penyediaan insentif dan penglibatan GLC berkaitan pertanian. Penglibatan sektor swasta dalam R&D pertanian dan pengkomersilan penemuan juga akan ditingkatkan melalui modal teroka.

3.64 Program seperti penyediaan inkubator akan dilaksanakan untuk mempercepat pengkomersilan penemuan penyelidikan dan membangunkan usahawan baru. Agropolis akan ditubuhkan di Serdang, Selangor yang berfungsi sebagai hab lembah makanan serta pusat kecemerlangan bagi pengeluaran dan pemrosesan makanan berasaskan bioteknologi. Agropolis juga akan melaksanakan R&D pertanian melalui kerjasama lebih erat antara institusi R&D awam, institusi pengajian tinggi tempatan dan sektor swasta.

### **Memperkukuhkan Pemasaran dan Rangkaian Global**

3.65 Dalam tempoh Rancangan, tumpuan akan diberikan bagi mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pemasaran dan memperkukuh rangkaian global melalui pakatan strategik. Bagi tujuan ini, usaha akan diambil untuk memperkukuh pasaran tradisional dan menembusi pasaran baru. Program promosi akan dipergiat untuk meningkatkan penggunaan makanan yang mempunyai nilai pemakanan yang tinggi dan meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia mengenai aspek keselamatan keluaran makanan.

3.66 Bagi memperkukuh lagi pemasaran komoditi makanan dan produk berasaskan makanan, usaha akan diambil untuk memastikan pematuhan keperluan antarabangsa. Usaha akan ditingkatkan bagi memperluas pelaksanaan skim akreditasi ladang dan piawai keluaran. Sehubungan ini, pusat setempat akan ditubuhkan untuk memudahkan akreditasi ladang dan pensijilan piawai bagi keluaran makanan. Fungsi Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA), LPP dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan dikaji semula bagi mempertingkatkan penyelarasan dalam bidang pemasaran. Di samping itu, Khidmat Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan diwujudkan bagi memastikan makanan yang diimport mematuhi piawai keselamatan makanan negara dan antarabangsa.

3.67 Langkah juga akan diambil untuk meningkatkan pengumpulan, pengedaran dan pemasaran hasil pertanian tempatan dan keluaran industri berasaskan makanan melalui penubuhan Terminal Makanan Negara (TEMAN) serta pusat pengumpulan dan pengedaran yang baru di kawasan terpilih termasuk di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, FAMA akan mengurus penambahan kontrak pembekalan keluaran pertanian, terutamanya dengan pemborong, pasar raya besar, pasar raya, hotel dan tempat peranginan.

3.68 Mekanisme untuk mendapatkan maklumat pasaran dan menjalankan perniagaan keluaran makanan menggunakan ICT akan dinaik taraf melalui peluasan sistem maklumat maya bagi penawaran dan permintaan (SDVI), perdagangan elektronik melalui portal *FAMAXchange* dan Agribazaar. Di samping itu, penyediaan 170 kemudahan tambahan Medan InfoDesa di kawasan luar bandar dijangka meningkatkan akses penduduk luar bandar kepada portal Agribazaar. LKIM akan memperkukuh lagi program pemasaran ikan melalui penglibatan lebih luas persatuan nelayan.

3.69 Pemasaran komoditi pertanian untuk industri, terutamanya minyak sawit akan bertumpu ke arah mewujudkan dan memperkukuh pasaran khusus melalui penubuhan rantaian proses pengeluaran di lokasi strategik di sekitar rantau tertentu dan menempatkan semula sebahagian daripada proses pembuatan di negara pengguna sebagai salah satu usaha untuk menembusi pasaran. Kriteria dan Petunjuk Bagi Pensijilan Pengurusan Hutan Malaysia (MC&I) yang diiktiraf sebagai kaedah pengurusan hutan secara mampan, akan diperluas untuk memenuhi keperluan negara pengimport, terutamanya Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun.

3.70 Konsul pertanian akan ditempatkan di negara terpilih yang mempunyai potensi pasaran eksport yang tinggi bagi keluaran makanan. Di samping itu, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia akan mempertingkatkan usaha untuk mempromosi keluaran pertanian dan keluaran berasaskan pertanian negara.

### **Meningkatkan Pendapatan**

3.71 Langkah yang lebih efektif akan diambil untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil, petani dan nelayan melalui peningkatan produktiviti dalam setiap sektor kecil pertanian. Pekebun kecil dan petani yang berusia lanjut akan digalakkan untuk menyertai skim keluar melalui penyatuan dan pemuliharaan tanah serta program tanam semula berkelompok. Pendapatan pekebun kecil getah dan kelapa sawit akan ditingkatkan melalui program tanam semula menggunakan klon berhasil tinggi berdasarkan konsep mini estet dan berkelompok serta pertanian campuran termasuk integrasi ternakan di ladang, akuakultur dan



aktiviti ekonomi luar kebun. Pekebun kecil koko, lada hitam dan sagu, terutamanya di Sabah dan Sarawak akan disediakan bantuan kewangan untuk memulihkan kebun mereka melalui konsep estet serta menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian. Di samping itu, aktiviti yang dapat memberi pendapatan berterusan akan digalakkan dan latihan disediakan untuk meningkatkan kualiti hidup petani sara diri dan komuniti yang bergantung kepada hasil hutan.

3.72 Pesawah padi akan digalakkan untuk menyertai program mini estet dan tanaman berkelompok yang akan dilaksanakan oleh LPP dan Jabatan Pertanian serta Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP). Dianggarkan seramai 25,000 pesawah padi akan mendapat manfaat daripada program ini dengan purata pendapatan bertambah daripada RM3,900 hingga RM7,800 sehektar setahun. Penekanan juga akan diberikan untuk menambah penyertaan mereka dalam Projek Sepuluh Tan Sehektar. Di samping itu, pesawah padi digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemprosesan makanan termasuk keluaran berasaskan beras.

3.73 Usaha akan diambil untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup peneroka dan generasi baru FELDA. Sehubungan ini, kawasan terpilih di skim pembangunan tanah FELDA akan dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan baru yang mengandungi aktiviti industri hiliran serta dilengkapi infrastruktur dan kemudahan sosial yang lebih baik. Di samping itu, penglibatan peneroka dan generasi baru dalam aktiviti bukan kebun termasuk aktiviti industri berasaskan pertanian dan kraftangan akan ditingkatkan lagi. Seramai 9,390 usahawan baru dijangka diwujudkan dengan memperolehi pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.

3.74 Kualiti hidup nelayan pantai akan ditingkatkan melalui program sosioekonomi. Keupayaan nelayan pantai akan dipertingkatkan dengan menaik taraf bot, enjin dan alat penangkapan. Mereka juga akan digalakkan untuk melaksanakan aktiviti penternakan ikan dan pemprosesan berasaskan ikan untuk menstabilkan pendapatan mereka. Pendapatan penternak kecil akan dipertingkatkan melalui penglibatan dalam kontrak pembekalan keluaran ternakan. Penanam tembakau yang tidak cekap akan digalakkan menukar tanaman mereka secara beransur-ansur kepada tanaman alternatif yang dapat memastikan pendapatan berterusan melalui pelaksanaan kontrak pembekalan.

3.75 Untuk mempertingkatkan pendapatan isi rumah miskin dalam sektor pertanian, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) serta program khusus untuk mempelbagai sumber pendapatan di kalangan petani, penternak dan nelayan akan diperluas lagi untuk memberi manfaat kepada lebih ramai isi rumah. Sejumlah 70,000 keluarga miskin dijangka mendapat manfaat daripada program ini yang merangkumi program bina upaya dan penyediaan bantuan rumah secara percuma kepada keluarga miskin tegar serta aktiviti menambah

pendapatan, iaitu peserta akan memperoleh pendapatan tambahan minimum sebanyak RM500 sebulan. Satu mekanisme akan diwujudkan untuk memantau dengan rapi keberkesanan program ini ke atas kumpulan sasar.

### **Menambah Baik Sistem Penyampaian Perkhidmatan**

3.76 Penyusunan semula agensi pertanian terutamanya yang terlibat dalam pembangunan komoditi makanan akan dilaksana untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan membantu pencapaian sasaran pertumbuhan sektor pertanian. Pelbagai aktiviti pertanian akan diurus dan dipantau secara bersepadu untuk mengelakkan pertindihan fungsi dan kumpulan sasar serta mengoptimumkan penggunaan sumber. Pendekatan bersepadu ini akan membantu pembangunan aktiviti nilai ditambah di sepanjang rantai nilai termasuk pemrosesan berasaskan pertanian.

3.77 Penempatan pegawai dan kakitangan pelbagai agensi pertanian akan dilaksana berasaskan kepada pengezonan kawasan pengeluaran. Usaha ini termasuk menyusun semula dan menggabungkan cawangan di kawasan yang bukan lagi menjadi tumpuan pertanian. Anak syarikat agensi pertanian akan dikaji semula untuk memperkukuh keberkesanannya dalam pembangunan pertanian. Di samping itu, aktiviti pemasaran FAMA akan diselaraskan dengan Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional (NAFC). Sehubungan ini, FAMA akan memberi tumpuan dalam membantu pemasaran keluaran pertanian oleh petani dan usahawan kecil serta melaksanakan fungsi kawal selia. Pemasaran dan pengedaran keluaran pertanian dan produk berasaskan pertanian berskala besar termasuk untuk eksport akan dilaksanakan oleh NAFC. Peranan LPP akan diperkukuh untuk menggalakkan penglibatan pertubuhan peladang dalam pelbagai aktiviti berkaitan pertanian di sepanjang rantai nilai, pengkomersilan kebun kecil serta kontrak pembekalan keluaran pertanian dan estet nukleus.

3.78 Pembangunan industri lada hitam akan diperkukuh melalui penyusunan semula Jemaah Pemasaran Lada Hitam untuk mengambil alih tanggungjawab Jabatan Pertanian Sarawak berhubung dengan pengeluaran dan R&D lada hitam. Bagi mempercepat pembangunan industri *kenaf* dan herba, MOA akan dipertanggungjawabkan untuk menyelia pembangunan industri tersebut. Profesional daripada sektor swasta akan dilantik sebagai perintis untuk mengurus projek pertanian di kawasan terpilih.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

3.79 Peralihan sektor pertanian kepada sektor yang moden, berdaya maju dan dinamik akan diterajui oleh MOA, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). MOA akan bertanggungjawab untuk memodenkan sektor kecil makanan

dengan tumpuan kepada program seperti latihan, pemasaran, kredit, pembangunan kemahiran dan penyebaran pengetahuan berkenaan pertanian moden kepada petani, nelayan dan penternak serta program membangunkan usahawan tani dalam industri berasaskan pertanian. KPPK akan menyelaras pembangunan komoditi pertanian untuk industri melalui pemindahan teknologi baru kepada pekebun kecil dan R&D bagi mempelbagai produk. Usaha ke arah membangunkan pekebun kecil dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar akan dilaksanakan oleh KKLW, terutamanya melalui program bina upaya serta program pembasmian kemiskinan.

3.80 Selaras dengan penekanan baru ke atas pertanian dan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi, peruntukan berjumlah RM11.4 bilion akan disediakan untuk melaksanakan pelbagai program dan projek pertanian, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 3-12*. Jumlah ini merupakan tambahan sebanyak

JADUAL 3-12

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN PERTANIAN,  
2001-2010  
(RM juta)**

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Pemodenan Pertanian	2,689.6	4,368.6
IADP	497.4	605.3
Skim Tanam Semula	650.2	1,150.8
Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah	482.1	857.6
Projek di bawah LKW <sup>1</sup>	1,059.9	1,754.9
Perhutanan	199.6	251.5
Perikanan	663.8	798.8
Ternakan	202.8	519.8
Khidmat Sokongan	1,305.8	2,558.0
R&D	529.7	614.0
Pemasaran	172.1	392.7
Latihan	480.9	551.3
Kredit	123.1	1,000.0
Pengairan Pertanian	780.0	1,458.1
Pembangunan Usahawan <sup>2</sup>		511.9
Pembangunan Industri Berasaskan Pertanian		361.8
Lain-lain <sup>3</sup>	366.3	606.5
<b>Jumlah</b>	<b>6,207.9</b>	<b>11,435.0</b>

*Sumber:* Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi

*Nota:* <sup>1</sup> Projek berkaitan pertanian dalam kawasan lembaga kemajuan wilayah (LKW).

<sup>2</sup> Pembangunan usahawan dalam RMKe-8 dilaksanakan di bawah pelbagai program.

<sup>3</sup> Termasuk infrastruktur fizikal, bangunan, kemudahan dan komponen ICT serta program pembasmian kemiskinan.

RM4.7 bilion atau 70.0 peratus lebih tinggi daripada peruntukan yang disediakan dalam RMKe-8. Sejumlah RM4.4 bilion akan diperuntukkan untuk memodenkan sektor pertanian, terutamanya bagi projek di dalam kawasan pembangunan wilayah, tanam semula serta program penyatuan dan pemulihan tanah, manakala sejumlah RM2.6 bilion lagi untuk khidmat sokongan dan RM1.5 bilion untuk program pengairan pertanian.

## V. PENUTUP

3.81 Dalam tempoh RMKe-8, sektor pertanian telah mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding dengan sasaran dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan perolehan eksport. Penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran makanan komersil dan industri berasaskan pertanian berskala besar telah meningkat. Dalam RMKe-9, pembangunan sektor pertanian akan dipergiat untuk menjadikan sektor ini sebagai jentera pertumbuhan ketiga. Penekanan akan diberikan kepada *Pertanian Baru* yang merangkumi pertanian komersil berskala besar dan penglibatan dalam aktiviti penambahan nilai dan berkualiti tinggi ke arah meningkatkan produktiviti dan pendapatan yang lebih tinggi. Dasar dan strategi yang mempunyai sasaran khusus akan dilaksanakan bagi mempercepat lagi peralihan sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing termasuk aktiviti berkaitan pemprosesan berasaskan pertanian dan pembangunan usahawan tani.



# MEMPERGIATKAN SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN

# 4

## I. PENDAHULUAN

4.01 Transformasi sektor pembuatan dan pengekalan daya saingnya terus menjadi antara faktor utama yang menentukan kepesatan aktiviti ekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), sektor pembuatan terus memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan pengeluaran, eksport dan pewujudan pekerjaan sungguhpun ekonomi dunia mengalami kelembapan pada awal tempoh Rancangan dan meningkatnya persaingan di peringkat antarabangsa. Penambahbaikan dasar dan inisiatif yang berterusan telah memperkukuh lagi sektor tersebut bagi menghadapi persaingan dan integrasi yang lebih hebat dalam ekonomi dunia. Inisiatif tersebut telah menyumbang ke arah penyediaan persekitaran pelaburan yang lebih kondusif kepada pelaburan asing dan tempatan termasuk enterpris kecil dan sederhana (EKS).

4.02 Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), matlamat utama adalah untuk mempertingkatkan sektor pembuatan ke arah aktiviti yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi dan meningkatkan keupayaan dalam penyediaan perkhidmatan berkaitan pembuatan untuk menghadapi persekitaran global yang lebih mencabar dan berdaya saing. Tumpuan akan diberikan terhadap pembentukan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan sokongan terutamanya EKS menjadi entiti yang berintensif pengetahuan dan boleh mencipta nilai yang kukuh. Usaha mempromosi strategi yang didorong oleh teknologi dan inovasi akan diberi lebih keutamaan. Penekanan yang lebih akan diberi untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru serta meningkatkan keupayaan dan kemampuan inovasi untuk memperkukuh produktiviti dan daya saing. Tidak kurang penting juga ialah usaha menggalakkan integrasi perindustrian dan kerjasama yang lebih tinggi di peringkat antarabangsa yang akan digalakkan untuk menikmati manfaat daripada pengagihan pengeluaran dan rangkaian perkhidmatan dunia yang semakin meningkat.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

### Prestasi Mengikuti Industri

4.03 Sektor pembuatan mencatat pertumbuhan pada kadar purata 4.1 peratus setahun dalam tempoh RMKe-8. Prestasi tersebut dicapai walaupun sektor pembuatan mengalami penguncupan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2001 dan kemerosotan industri elektrik dan elektronik (E&E). Sektor pembuatan menyumbang sebanyak 31.4 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), 80.5 peratus kepada jumlah eksport dan 28.7 peratus kepada jumlah guna tenaga pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-1*.

JADUAL 4-1

#### PETUNJUK UTAMA SEKTOR PEMBUATAN, 2000-2010

Petunjuk	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
Nilai Ditambah Sektor Pembuatan (RM juta pada harga 1987)	67,250	82,394	113,717	361,816*	497,716*
Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	18.3	4.9	7.5	4.1	6.7
Bahagian kepada KDNK (%)	31.9	31.4	32.4	30.8	31.8
Bahagian kepada Jumlah Eksport (%)	85.2	80.5	83.4	82.4	82.5
Bahagian kepada Jumlah Guna Tenaga (%)	27.7	28.7	30.0	27.6	29.4

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: \* Jumlah Terkumpul.

4.04 Industri berasaskan sumber mencatat pertumbuhan pada kadar purata 5.0 peratus setahun berbanding industri bukan berasaskan sumber pada kadar 3.3 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-2*. Penyumbang kepada pertumbuhan industri berasaskan sumber adalah daripada pemprosesan getah dan keluaran getah iaitu pada kadar purata 9.7 peratus setahun, diikuti oleh industri kimia termasuk baja dan keluaran plastik pada kadar 8.3 peratus dan minyak dan lemak sayuran dan haiwan pada kadar 7.6 peratus. Penyumbang utama kepada pertumbuhan industri bukan berasaskan sumber pula adalah sektor kecil kelengkapan pengangkutan yang berkembang pada kadar 7.5 peratus setahun diikuti oleh keluaran logam pada kadar 7.1 peratus.

4.05 Dari segi sumbangan kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan, industri bukan berasaskan sumber mengekalkan bahagian yang lebih besar sebanyak 54.2 peratus, dengan *industri elektronik* menyumbang sebanyak 28.0 peratus. Walaupun mengalami pertumbuhan negatif pada kadar 24.8 peratus

JADUAL 4-2

## NILAI DITAMBAH SEKTOR PEMBUATAN, 2000-2010

Industri	RM juta pada harga 1987			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
<b>Berasaskan Sumber</b>	<b>28,210</b>	<b>35,990</b>	<b>48,152</b>	<b>41.9</b>	<b>43.7</b>	<b>42.3</b>	<b>5.0</b>	<b>6.0</b>
Minyak & Lemak Sayuran & Haiwan	2,526	3,639	5,614	3.8	4.4	4.9	7.6	9.1
Pemprosesan Makanan Lain, Minuman & Tembakau	4,010	4,790	6,333	6.0	5.8	5.6	3.6	5.7
Keluaran Kayu termasuk Perabot	2,934	2,972	3,761	4.4	3.6	3.3	0.3	4.8
Kertas & Keluaran Kertas, Percetakan & Penerbitan	2,293	2,640	3,275	3.4	3.2	2.9	2.9	4.4
Industri Kimia termasuk Baja & Keluaran Plastik	6,763	10,082	14,304	10.1	12.2	12.6	8.3	7.2
Keluaran Petroleum termasuk Penapisan Minyak Mentah & Arang Batu	4,521	5,254	7,501	6.7	6.4	6.6	3.1	7.4
Pemprosesan Getah & Keluaran Getah	1,821	2,887	3,238	2.7	3.5	2.8	9.7	2.3
Keluaran Galian Bukan Logam	3,342	3,726	4,126	5.0	4.5	3.6	2.2	2.1
<b>Bukan Berasaskan Sumber</b>	<b>37,878</b>	<b>44,662</b>	<b>63,035</b>	<b>56.3</b>	<b>54.2</b>	<b>55.4</b>	<b>3.3</b>	<b>7.1</b>
Tekstil, Pakaian & Keluaran Kulit	2,324	1,818	2,010	3.5	2.2	1.8	-4.8	2.0
Industri Logam Asas	594	675	852	0.9	0.8	0.7	2.6	4.8
Keluaran Logam	2,879	4,060	6,589	4.3	4.9	5.8	7.1	10.2
Perusahaan Mesin kecuali Mesin Elektrik	3,063	3,447	3,480	4.6	4.2	3.1	2.4	0.2
Elektronik	19,863	23,043	33,399	29.5	28.0	29.4	3.0	7.7
Mesin Elektrik	1,738	952	1,161	2.6	1.2	1.0	-11.3	4.1
Kelengkapan Pengangkutan	7,417	10,667	15,544	11.0	12.9	13.7	7.5	7.8
<b>Lain-lain</b>	<b>1,162</b>	<b>1,742</b>	<b>2,530</b>	<b>1.7</b>	<b>2.1</b>	<b>2.2</b>	<b>8.4</b>	<b>7.7</b>
<b>Jumlah</b>	<b>67,250</b>	<b>82,394</b>	<b>113,717</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>4.1</b>	<b>6.7</b>
<i>% daripada KDNK</i>				31.9	31.4	32.4		

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

pada tahun 2001, namun industri elektronik mencatat pertumbuhan pada kadar purata 3.0 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Pencapaian tersebut terutamanya adalah berikutan permintaan yang berterusan terhadap barangan semikonduktor dan komponen elektrik yang lain khususnya daripada Amerika Syarikat (AS) dan negara Asia Pasifik.

4.06 Perubahan struktur dalam industri E&E menunjukkan aliran memberangsangkan ke arah projek yang mempunyai nilai ditambah dan berteknologi tinggi serta menggunakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja meningkat daripada RM235,989 pada tahun 2001 kepada RM291,519 pada tahun 2005, manakala nisbah pengurusan, teknikal dan penyeliaan meningkat daripada 20.2 peratus kepada 25.3 peratus dalam tempoh yang sama.

4.07 *Subsektor kecil kelengkapan pengangkutan*, dengan sebahagian besar pertumbuhan dijana daripada industri automotif meningkatkan sumbangannya kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan daripada 11.0 peratus pada tahun 2000 kepada 12.9 peratus pada tahun 2005. Jumlah kapasiti pengeluaran bagi pemasangan kenderaan bermotor meningkat pada kadar 55.0 peratus daripada 572,000 unit pada tahun 2000 kepada 891,000 unit pada tahun 2005. Kemajuan yang sama turut dicapai dalam industri komponen dan alat ganti automotif dengan peningkatan bilangan syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dalam rantai bekalan tempatan dan global. *Industri keluaran logam* berkembang pada kadar purata 7.1 peratus setahun dalam tempoh Rancangan dan mengekalkan sumbangannya kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan sebanyak 4.9 peratus.

### **Eksport Barangan Pembuatan**

4.08 Eksport barangan pembuatan berkembang pada kadar purata 6.2 peratus setahun walaupun berlaku kemerosotan dalam industri elektronik. Bahagiannya kepada jumlah eksport kasar masih kekal melebihi 80.0 peratus. Dari segi pertumbuhan, eksport keluaran berasaskan sumber berkembang pada kadar yang jauh lebih tinggi iaitu 11.8 peratus setahun berbanding dengan eksport bukan berasaskan sumber, yang berkembang pada kadar purata 4.7 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-3*. Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam eksport keluaran berasaskan sumber menunjukkan kepelbagaian dan pengembangan yang berterusan dalam asas eksport negara serta permintaan luaran yang meningkat. Dari segi sumbangan, keluaran E&E mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah eksport sektor pembuatan.

4.09 Pasaran utama bagi eksport barangan pembuatan adalah daripada Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), diikuti oleh AS, Kesatuan Eropah (EU), Jepun, Hong Kong dan Republik Rakyat China (China),



JADUAL 4-3  
EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN, 2000-2010

Industri	RM juta			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
<b>Berasaskan Sumber</b>	<b>44,321</b>	<b>77,280</b>	<b>122,625</b>	<b>13.9</b>	<b>18.0</b>	<b>18.3</b>	<b>11.8</b>	<b>9.7</b>
Makanan	4,509	8,488	14,627	1.4	2.0	2.2	13.5	11.5
Minuman & Tembakau	1,207	1,701	2,406	0.4	0.4	0.4	7.1	7.2
Keluaran Kayu	6,801	8,860	12,503	2.1	2.1	1.9	5.4	7.1
Kertas & Keluaran Kertas	1,397	2,073	2,913	0.4	0.5	0.4	8.2	7.0
Keluaran Petroleum	8,131	16,729	26,342	2.6	3.9	3.9	15.5	9.5
Kimia & Keluaran Kimia	15,011	29,718	48,678	4.7	6.9	7.3	14.6	10.4
Keluaran Getah	4,695	6,777	11,261	1.5	1.6	1.7	7.6	10.7
Keluaran Galian Bukan Logam	2,571	2,934	3,895	0.8	0.7	0.6	2.7	5.8
<b>Bukan Berasaskan Sumber</b>	<b>252,383</b>	<b>317,449</b>	<b>491,515</b>	<b>79.4</b>	<b>73.8</b>	<b>73.3</b>	<b>4.7</b>	<b>9.1</b>
Tekstil, Pakaian & Kasut	10,433	10,520	13,715	3.3	2.4	2.0	0.1	5.4
Pembuatan Logam	8,618	17,157	27,678	2.7	4.0	4.1	14.8	10.0
Keluaran Elektrik & Elektronik	230,429	282,779	439,626	72.5	65.8	65.5	4.2	9.2
Kelengkapan Pengangkutan	2,903	6,993	10,496	0.9	1.6	1.6	19.2	8.5
<b>Lain-lain</b>	<b>21,205</b>	<b>35,144</b>	<b>56,627</b>	<b>6.7</b>	<b>8.2</b>	<b>8.4</b>	<b>10.6</b>	<b>10.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>317,908</b>	<b>429,873</b>	<b>670,767</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>6.2</b>	<b>9.3</b>
Jumlah (USD) <sup>1</sup>	83,660	113,124	176,518					
% daripada Jumlah Eksport Kasar	85.2	80.5	83.4					


Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Berasaskan kadar pertukaran USD1=RM3.80

seperti ditunjukkan dalam Carta 4-1. Eksport utama termasuk keluaran E&E, kimia dan keluaran kimia serta mesin, perkakasan dan alat ganti. Kepelbagaian yang bertambah dalam pasaran eksport Malaysia ditunjukkan oleh pengembangan eksport ke negara China, Asia Barat, Asia Selatan serta ke pasaran baru di Amerika Tengah, Amerika Latin dan Eropah Timur.

CARTA 4-1

**DESTINASI EKSPORT UTAMA BARANGAN PEMBUATAN, 2000-2005 (%)**



Sumber: Jabatan Perangkaan

4.10 Menyedari kepentingan penjenamaan dalam pemasaran serta penerimaan barangan oleh pengguna di pasaran eksport utama, bantuan telah disediakan bagi membangun dan mempromosi jenama Malaysia. Bantuan ini termasuk pemberian geran bagi pembangunan jenama serta potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan yang melibatkan promosi jenama Malaysia di luar negara. Dana berjumlah RM200 juta telah ditubuhkan di bawah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menyediakan geran setara bagi tujuan pembangunan dan peningkatan jenama tempatan bagi pasaran luar negara.

**Pelaburan Dalam Sektor Pembuatan**

4.11 Sejumlah 4,812 projek pembuatan bernilai RM132.6 bilion telah diluluskan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-4*. Projek baru bernilai RM82.4 bilion atau 62.0 peratus daripada jumlah pelaburan, dan selebihnya untuk pembesaran dan pelbagaian projek sedia ada. Industri bukan berasaskan sumber, terutamanya E&E terus menarik pelaburan yang tinggi, diikuti oleh pembuatan logam asas dan kelengkapan pengangkutan. Kira-kira 72.0 peratus projek yang diluluskan telah memulakan pengeluaran, manakala 25.0 peratus lagi berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Sumber utama pelaburan asing adalah dari negara AS, Jerman dan Jepun.

JADUAL 4-4

PROJEK PEMBUATAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI, 2001-2005

Industri	Bilangan Projek	Pelaburan Modal							
		RM juta		% daripada Jumlah Mengikut Pemilikan		% daripada Jumlah Mengikut Industri			
		Dalam Negeri	Asing	Dalam Negeri	Asing	Dalam Negeri	Asing		
<b>Berasaskan Sumber</b>	<b>1,948</b>	<b>25,612</b>	<b>23,903</b>	<b>49,516</b>	<b>51.7</b>	<b>48.3</b>	<b>46.2</b>	<b>31.0</b>	<b>37.3</b>
Pembuatan Makanan	369	3,469	2,303	5,772	60.1	39.9	6.3	3.0	4.4
Minuman & Tembaku	26	142	470	612	23.2	76.8	0.3	0.6	0.5
Kayu & Keluaran Kayu	193	2,267	943	3,210	70.6	29.4	4.1	1.2	2.4
Perabot & Kelengkapan	233	1,363	297	1,659	82.1	17.9	2.5	0.4	1.3
Kertas, Percetakan & Penerbitan	123	6,418	4,850	11,268	57.0	43.0	11.6	6.3	8.5
Kimia & Keluaran Kimia	288	5,004	3,025	8,029	62.3	37.7	9.0	3.9	6.1
Keluaran Petroleum	61	1,787	6,289	8,076	22.1	77.9	3.2	8.2	6.1
Gas Asli	2	50	0	50	100.0	0.0	0.1	0.0	0.0
Keluaran Getah	144	1,442	963	2,405	60.0	40.0	2.6	1.2	1.8
Keluaran Plastik	358	2,050	1,760	3,810	53.8	46.2	3.7	2.3	2.9
Keluaran Galian Bukan Logam	151	1,620	3,005	4,625	35.0	65.0	2.9	3.9	3.5
<b>Bukan Berasaskan Sumber</b>	<b>2,771</b>	<b>29,303</b>	<b>53,068</b>	<b>82,371</b>	<b>35.6</b>	<b>64.4</b>	<b>52.8</b>	<b>68.8</b>	<b>62.1</b>
Tekstil & Keluaran Tekstil	178	1,171	947	2,117	55.3	44.7	2.1	1.2	1.6
Kulit & Keluaran Kulit	12	57	17	74	76.8	23.2	0.1	0.0	0.1
Keluaran Logam Asas	163	9,308	5,502	14,810	62.8	37.2	16.8	7.1	11.2
Keluaran Logam Dibentuk	487	2,059	2,177	4,236	48.6	51.4	3.7	2.8	3.2
Pembuatan Mesin	443	1,961	1,535	3,496	56.1	43.9	3.5	2.0	2.6
Keluaran Elektrik & Elektronik	1,051	8,084	35,290	43,374	18.6	81.4	14.6	45.7	32.7
Kelengkapan Pengangkutan	353	6,157	5,388	11,545	53.3	46.7	11.1	7.0	8.7
Peralatan Sains & Pengukuran	84	506	2,212	2,718	18.6	81.4	0.9	2.9	2.0
<b>Lain-lain</b>	<b>93</b>	<b>559</b>	<b>181</b>	<b>740</b>	<b>75.5</b>	<b>24.5</b>	<b>1.0</b>	<b>0.2</b>	<b>0.6</b>
<b>Jumlah</b>	<b>4,812</b>	<b>55,474</b>	<b>77,152</b>	<b>132,626</b>	<b>41.8</b>	<b>58.2</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

4.12 Dalam tempoh Rancangan, beberapa langkah dasar dan insentif telah diperkenalkan untuk meningkatkan iklim perniagaan dan pelaburan. Langkah ini termasuk kelonggaran syarat ekuiti dalam sektor pembuatan dengan syarikat asing dibenarkan memegang 100 peratus ekuiti dalam projek baru serta untuk pembesaran dan pelbagaian projek. Kerajaan juga meliberalisasi dasar ke atas pengambilan pegawai dagang dan memperkenalkan insentif prapakej yang khusus untuk menarik projek berkualiti dalam bidang yang strategik.

4.13 Perkhidmatan berkaitan pembuatan (MRS) telah digalakkan untuk memudahkan perkembangan aktiviti sokongan yang penting dalam sektor pembuatan. Berdasarkan infostruktur dan infrastruktur negara yang teguh serta guna tenaga yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan menguasai pelbagai bahasa, banyak syarikat asing besar dan multinasional (MNC) mendapati Malaysia adalah lokasi yang menarik untuk menempatkan pusat serantau bagi menjalankan aktiviti perkhidmatan dan sokongan perniagaan mereka. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 1,052 permohonan penubuhan pusat serantau telah diluluskan merangkumi 67 Ibu Pejabat Operasi (OHQ), 182 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC), 29 Pusat Pengedaran Serantau (RDC), 579 Pejabat Perwakilan dan 195 Pejabat Serantau (RO).

4.14 Sektor perbankan kekal sebagai sumber dana penting kepada sektor pembuatan dengan mencatat 10.3 peratus jumlah pinjaman yang diluluskan daripada institusi perbankan dan kewangan dalam tempoh Rancangan. Pinjaman disalurkan terutamanya kepada industri kayu dan keluaran kayu, keluaran besi dan keluli, perkakasan mesin elektrik serta pemprosesan makanan, minuman dan tembakau.

### **Guna Tenaga Dalam Sektor Pembuatan**

4.15 Sektor pembuatan menyumbang kira-kira satu pertiga daripada jumlah guna tenaga dan 27.6 peratus daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh Rancangan. Jumlah guna tenaga dalam sektor pembuatan berkembang pada kadar purata 4.1 peratus setahun, meningkat daripada 2.6 juta pada tahun 2000 kepada 3.1 juta pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-5*. Guna tenaga dalam industri bukan berasaskan sumber berkembang pada kadar 4.3 peratus setahun, mewujudkan 308,900 pekerjaan baru berbanding industri berasaskan sumber yang berkembang pada kadar 3.7 peratus, mewujudkan 237,100 pekerjaan baru. Pewujudan guna tenaga dalam industri bukan berasaskan sumber terutamanya disumbang oleh perkembangan industri E&E, kelengkapan pengangkutan serta industri logam asas dan keluaran logam.

4.16 Perubahan yang sedang berlaku dalam sektor pembuatan ke arah industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berintensif pengetahuan telah meningkatkan permintaan terhadap guna tenaga yang mempunyai kelayakan

tertiari serta latihan vokasional dan teknikal. Dari segi penawaran, pelbagai institusi latihan, vokasional dan pendidikan telah meningkatkan keupayaan mereka. Pusat pembangunan kemahiran (PPK) negeri dan pusat latihan kemahiran belia serta institusi kemahiran tinggi telah menyediakan kursus peningkatan kemahiran teknikal di peringkat asas, pertengahan dan lanjutan. PPK telah mengadakan kerjasama yang rapat dengan politeknik serta sektor swasta bagi memastikan kesesuaian dan kebolehpasaran set kemahiran yang diperlukan.

### **Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana**

4.17 RMKe-8 memberi penekanan terhadap kepentingan EKS untuk meningkatkan kedinamikan dan daya saing sektor pembuatan. Berdasarkan Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005, jumlah EKS yang berdaftar adalah sebanyak 33,113 yang menyumbang 29.0 peratus kepada jumlah keluaran sektor pembuatan, 31.0 peratus kepada nilai ditambah dan 44.0 peratus kepada jumlah guna tenaga. Sungguhpun prestasi keseluruhannya meningkat, namun masih terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti akses kepada pasaran eksport, kekurangan keupayaan teknologi dan tahap rendah guna pakai teknologi boleh upaya.

4.18 Perhatian yang sewajarnya telah diberi kepada penyediaan kemudahan dan infrastruktur industri bagi memudahkan pengembangan aktiviti EKS. Sejumlah RM652.2 juta telah disediakan untuk penubuhan dan pembesaran taman perindustrian EKS merangkumi unit kilang dan kemudahan inkubator di lokasi utama seluruh negara.

4.19 Pelbagai program telah dilaksanakan bagi membangunkan usahawan Bumiputera sebagai sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya maju dan berdaya saing. Agensi Kerajaan dan beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melalui program vendor mereka telah membantu dalam pembangunan industri sokongan dan sampingan yang menyumbang kepada pembangunan PKS Bumiputera yang berkebolehan dan berdaya saing. Dalam tempoh Rancangan, syarikat peneraju termasuk Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON), Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan beberapa MNC telah mewujudkan lebih daripada 200 syarikat vendor lapisan pertama yang terlibat dalam sektor pembuatan dan aktiviti berkaitan.

4.20 Beberapa program latihan kepada EKS telah dilaksanakan untuk menambah baik perancangan sumber, keupayaan pengurusan, pengurusan kewangan, pembangunan sumber manusia serta meningkatkan kemahiran pemasaran dan teknikal. Pelbagai geran dan skim pinjaman disediakan untuk perancangan perniagaan, peningkatan keluaran dan kualiti, pemasaran dan promosi serta mengguna pakai proses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

4.21 Bagi memastikan dana yang mencukupi disediakan kepada EKS, Kerajaan telah memperbesar tabung yang meliputi pinjaman mudah dan geran bagi membantu penubuhan perniagaan baru dan peningkatan perniagaan sedia ada. Di samping itu, Bank SME telah ditubuhkan pada tahun 2005 untuk menyediakan pakej pembiayaan yang komprehensif bagi memenuhi pelbagai keperluan kewangan EKS. Dari segi modal teroka, Pengurusan Modal Teroka Malaysia Bhd. (MAVCAP) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) terus menyediakan skim pembiayaan awal kepada syarikat dalam peringkat permulaan yang berpotensi dan terlibat dengan aktiviti berteknologi tinggi.

### **Teknologi Perindustrian dan R&D**

4.22 Penyelidikan dan pembangunan (R&D) terus menjadi penyumbang penting ke arah perindustrian yang berinovasi dan berdaya saing. Pelbagai skim pembiayaan untuk inisiatif R&D telah disediakan oleh sektor awam dan swasta dalam bidang seperti pembuatan termaju, bahan termaju, bioteknologi, teknologi alam sekitar, elektronik, ICT dan fotonik. Lebih daripada RM830 juta telah dibelanjakan di bawah Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Keutamaan (IRPA) bagi penglibatan sektor awam secara langsung dalam R&D manakala sejumlah RM430 juta telah disediakan untuk meningkatkan usaha R&D sektor swasta melalui Skim Geran R&D Industri (IGS), Skim Geran R&D Koridor Raya Multimedia (MGS) dan Skim Geran Aplikasi Demonstrator (DAGS). Sebagai tambahan kepada Tabung Pengkomersilan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF), potongan cukai dua kali untuk R&D serta insentif khas kepada penyelidik dan syarikat untuk mengkomersilkan penemuan R&D juga diperkenalkan.

## **III. PROSPEK, 2006-2010**

4.23 Tempoh RMKe-9 akan lebih mencabar kepada proses pembangunan perindustrian dalam menghadapi persekitaran ekonomi dunia yang semakin global dan berdaya saing. Selaras dengan ini, trend di kalangan syarikat utama dunia adalah lebih bertumpu untuk bergabung dalam industri yang mempunyai daya pertumbuhan dan berteknologi tinggi, khususnya industri automotif, bioteknologi dan E&E. Penggabungan industri yang kian meningkat dan persekitaran global yang lebih dinamik akan terus mencetuskan persaingan yang lebih sengit bagi peluang pelaburan di seluruh dunia. Oleh itu, syarikat Malaysia juga perlu mengenal pasti serta membangunkan keluaran dan perkhidmatan terpilih untuk pasaran khusus. Antara lain, industri Malaysia perlu menjalin dan memperkukuh persepaduan strategik dengan rakan kongsi asing termasuk menerusi usaha sama, penggabungan dan perolehan aktiviti perindustrian dan perkhidmatan berkaitan yang dikenal pasti mempunyai nilai

ditambah dan berteknologi tinggi. Usaha ini akan menyediakan landasan yang lebih luas bagi industri Malaysia untuk menjana rangkaian dalaman dan antara sektor yang lebih luas serta menyertai rangkaian pengeluaran, pelaburan dan perkhidmatan serantau dan global.

### **Prospek Pertumbuhan Sektor Pembuatan**

4.24 Dalam tempoh RMKe-9, tumpuan utama adalah untuk memastikan sektor pembuatan berkembang pesat dan mampan serta berdaya saing. Sektor pembuatan disasarkan berkembang pada kadar purata 6.7 peratus setahun. Pemangkin pertumbuhan dan pelaburan sektor tersebut sebahagian besarnya dijangka disumbangkan oleh industri yang didorong oleh teknologi dan inovasi yang akan menghasilkan peluang peningkatan eksport, pendapatan dan pekerjaan yang lebih besar.

4.25 Dengan kadar pertumbuhan yang secara relatifnya lebih tinggi, bahagian sektor pembuatan dalam KDNK diunjurkan meningkat daripada 30.8 peratus dalam RMKe-8 kepada 31.8 peratus dalam RMKe-9. Peningkatan ini memerlukan pelaburan yang besar dalam aktiviti sektor pembuatan yang baru dan baru muncul serta MRS. Selain usaha menarik pelaburan asing, pertumbuhan pelaburan swasta tempatan perlu juga dipercepat. Sektor swasta dan GLC khususnya akan digalakkan untuk mengambil peluang pelaburan baru, membina keupayaan tempatan dalam menggunakan teknologi termaju serta membangunkan keluaran dan perkhidmatan terpilih yang akan menjana permintaan baru dan mengembangkan pasaran.

4.26 Memandangkan meningkatnya peluang daripada perdagangan dan pelaburan antara wilayah serantau berikutan daripada liberalisasi serantau dan global, galakan pelaburan asing akan terus diberi keutamaan. Sehubungan ini, usaha penggalakan akan dipergiat bagi memanfaatkan prestasi baik yang telah dicapai oleh Malaysia dalam pengurusan makroekonomi, infrastruktur termaju dan persekitaran pelaburan asing yang menggalakkan bagi menarik pelaburan yang lebih berkualiti terutamanya dalam industri berasaskan pengetahuan dan berintensif teknologi.

4.27 Teras dasar RMKe-9 adalah untuk menggiatkan pembangunan industri berasaskan sumber bertujuan mengoptimum dan menambah nilai kepada penggunaan sumber asli negara. Pengembangan aktiviti hiliran seterusnya yang merangkumi keluaran petrokimia, pulpa dan kertas, getah, kayu dan minyak sawit serta industri makanan, akan menyumbang ke arah pembuatan keluaran yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi serta menggalakkan rangkaian yang lebih luas antara industri dan antara sektor.

4.28 Pertumbuhan sektor pembuatan akan terus diterajui oleh eksport dengan eksport barangan pembuatan dijangka berkembang pada kadar 9.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Bahagian eksport barangan pembuatan

kepada jumlah eksport dijangka berkembang daripada 80.5 peratus pada tahun 2005 kepada 83.4 peratus pada tahun 2010. Bahagian eksport keluaran berasaskan sumber dijangka terus meningkat terutamanya dengan pembaharuan tumpuan kepada pembangunan industri berasaskan pertanian berikutan penggunaan teknologi baru dalam bioteknologi serta pembangunan keluaran baru daripada pengeluaran produk dan perkhidmatan halal. Keluaran bukan berasaskan sumber akan terus menerajui eksport keseluruhan barangan pembuatan, khususnya keluaran E&E.

4.29 Selaras dengan perubahan dalam pembangunan global dan serantau serta penyusunan semula industri tempatan yang sedang dilaksana, Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) akan menyediakan rangka kerja pembangunan sektor pembuatan yang menyeluruh dan rancangan terperinci bagi subsektor untuk tempoh 2006-2020. Sehubungan ini, teras dasar RMKe-9 bagi mempercepatkan pembangunan perindustrian dan mengekalkan daya saing akan meliputi:

- ❑ *memperkukuh integrasi strategik dengan ekonomi global terutamanya melalui kerjasama antarabangsa dalam industri yang mempunyai nilai ditambah dan berteknologi tinggi;*
- ❑ *menggalak sumber baru bagi pertumbuhan perindustrian dan pewujudan kekayaan;*
- ❑ *membangunkan industri perkhidmatan berkaitan yang cekap dan berdaya saing bagi meningkatkan prestasi sektor pembuatan;*
- ❑ *menyediakan insentif yang lebih bertumpu kepada industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi;*
- ❑ *meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan;*
- ❑ *membangunkan EKS yang didorong oleh inovasi untuk bersaing dalam pasaran global;*
- ❑ *menggalakkan pelaburan sebarang sempadan bagi mendapat manfaat daripada peningkatan pengagihan aktiviti pengeluaran dan pemasaran di peringkat global; dan*
- ❑ *meningkatkan penawaran dan kualiti sumber manusia mahir yang diperlukan untuk peningkatan teknologi dan perindustrian.*



## Memperkukuh Integrasi Strategik dengan Ekonomi Global

4.30 Dalam tempoh RMKe-9, Malaysia akan mengambil langkah memperkukuh kedudukannya sebagai negara perdagangan di peringkat global serta meningkatkan tahap daya saing sektor pembuatannya. Sehubungan ini, usaha akan diambil untuk memperluaskan skop dan liputan hubungan serantau seperti perjanjian perdagangan bebas (FTA) dan perjanjian perkongsian ekonomi (EPA) bagi memastikan akses kepada peluang pasaran, perdagangan dan pelaburan yang lebih luas. Aktiviti pelaburan seberang sempadan dan antara rantau semakin rancak terutamanya berikutan meningkatnya persaingan dan integrasi jaringan pengeluaran dan pemasaran global. Sehubungan ini, syarikat Malaysia juga perlu sentiasa proaktif dan mencari peluang pelaburan baru di dalam dan di luar negara. Tumpuan perlu diberikan kepada pembangunan *soft infrastructure* termasuk meningkatkan kualiti modal insan, keupayaan R&D serta sistem pengurusan.

4.31 Dalam persekitaran global yang pesat berubah dan meningkatnya arah aliran pakatan dan jaringan strategik di kalangan sebilangan syarikat antarabangsa, pelabur Malaysia perlu membentuk usaha sama yang lebih luas dengan rakan kongsi asing serta meneroka sendiri bidang pertumbuhan yang disasarkan sama ada di dalam atau pun di luar negara. Usaha ini akan membolehkan syarikat Malaysia menjadi sebahagian penting daripada rangkaian ekonomi antarabangsa dan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang mewujudkan peluang permintaan dan pasaran baru. Sehubungan ini, inisiatif untuk memudahkan industri menghadapi cabaran tersebut termasuk:

- memudahkan pelaburan dalam sumber pertumbuhan dan pewujudan kekayaan baru industri yang memerlukan perkongsian global yang besar bagi memanfaatkan ekonomi ikut bidangan, mengembangkan eksport dan meningkatkan akses kepada pasaran;
- menggalakkan pengembangan pelaburan langsung asing (FDI) di dalam negara serta memudahkan usaha sama dan pakatan strategik antara firma Malaysia dengan MNC;
- membantu industri tempatan meningkatkan kompetensi teras khususnya kemahiran reka bentuk dan kejuruteraan ICT serta kepakaran pengurusan dan teknikal bagi mendapat manfaat daripada jaringan pengeluaran serantau dan antarabangsa;
- membangun dan melaksana piawai yang tinggi bagi kualiti produk dan prestasi perkhidmatan untuk mengekalkan bahagian pasaran dan mewujudkan peluang pasaran baru; dan
- membina infrastruktur dan kemudahan perlu termasuk taman perindustrian khusus di kawasan tertentu yang berpotensi untuk menarik pelaburan.

4.32 Usaha tersebut akan dapat mengembangkan pelaburan tempatan dan mewujudkan syarikat Malaysia bertaraf global yang teguh dalam industri tertentu untuk mengukuhkan kedudukan negara dalam rantaian nilai antarabangsa. Dalam masa yang sama, integrasi dengan syarikat global akan meningkatkan kemampuan dan bina upaya serta memberikan kesan pengganda dan limpahan yang lebih besar kepada ekonomi dalam negeri.

### **Menggalakkan Sumber Pertumbuhan Baru Industri**

4.33 Di samping membangunkan kelompok industri sedia ada bagi mengeluarkan produk generasi akan datang, usaha akan diambil untuk mempertingkatkan pembangunan sumber pertumbuhan baru yang sebahagian besarnya merupakan aktiviti berasaskan sains dan inovasi, khususnya industri bioteknologi dan ICT untuk mempelbagai dan memperluas asas pembuatan. Dengan wujudnya tekanan daripada persaingan, penggunaan teknologi dan inovasi adalah penting bagi menambah baik dan membangunkan keluaran baru serta perkhidmatan berkaitan bagi memenuhi keperluan pasaran sedia ada dan yang berpotensi. Antara faktor penting ialah meningkatkan mekanisme kerjasama sedia ada antara sektor awam dengan swasta dan mengadakan mekanisme baru dalam mewujudkan lebih banyak syarikat yang berinovasi. Usaha ini, antara lain, memerlukan peningkatan keupayaan dalam pembangunan teknologi dan pengurusan, penggunaan aplikasi berintensif pengetahuan, jaringan dan mempercepat peningkatan kemahiran industri.

4.34 Dalam tempoh RMKe-9, komponen penting dalam dasar perindustrian negara adalah untuk mempertingkatkan usaha ke arah pembuatan produk berasaskan sumber dan nilai ditambah yang lebih tinggi. Kelompok industri yang telah berkembang maju, terutamanya subsektor petrokimia dan berasaskan pertanian dijangka dapat mengenal pasti dan membangunkan kompetensi baru dan khusus. Strategi pembangunan bagi sektor kecil tersebut termasuk menggalak pengeluaran mengeluarkan produk terpilih yang berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif dan memperluas pasaran ke peringkat serantau dan global.

4.35 Teknologi pembuatan termaju akan terus meningkatkan produktiviti dan daya saing industri keseluruhannya serta membantu pembangunan strategik industri berteknologi tinggi. Sumber pertumbuhan baru dalam bidang pembuatan termaju termasuk robotik, alat pengesan pintar, perisian pintar, pembungkusan berteknologi tinggi, automasi dan nanopemprosesan. Sehubungan ini, R&D akan dipergiat dan aplikasi dalam bidang utama akan dilaksanakan.

4.36 Anjakan ke arah aktiviti perindustrian berteknologi tinggi akan meningkatkan permintaan terhadap bahan baru dan termaju daripada keluaran petrokimia. Sehubungan ini, langkah akan diambil untuk membangunkan lagi *industri petrokimia* dengan mengembangkan keupayaan bahan sua dan pelbagai produk hiliran bagi memenuhi permintaan tempatan dan global yang semakin meningkat.

Dalam usaha untuk bergerak ke atas dan di sepanjang rantai nilai, rangkaian yang mampu meningkatkan prospek pertumbuhan sumber petroleum dan gas akan diperkukuh lagi. Keluaran di sepanjang rantai nilai yang mempunyai prospek pertumbuhan adalah termasuk keluaran berasaskan petrokimia yang merupakan input kepada industri alat ganti dan komponen dalam subsektor E&E dan automotif.

4.37 Peluasan aktiviti industri petrokimia yang sedia ada dan yang baru di koridor Kertih-Gebeng dan Pasir Gudang-Tanjung Langsat akan meningkatkan lagi aktiviti mewujudkan pertumbuhan ke atas dan di sepanjang rantai nilai. Dalam konteks ini, satu cabang penting adalah penubuhan kemudahan lanjutan termasuk aktiviti sokongan sampingan serta perkhidmatan berkaitan yang terletak di dalam kawasan Kertih-Gebeng untuk memenuhi keperluan aktiviti hilir.

4.38 Bagi mempercepatkan pembangunan industri bioteknologi negara yang masih muda, usaha akan dipertingkatkan bagi menjana peluang pelaburan baru untuk usahawan tempatan serta menarik syarikat bioteknologi bertaraf dunia ke Malaysia. Insentif fiskal dan bukan fiskal khusus mengikut keperluan industri akan disediakan bagi meningkatkan kerjasama R&D, membangunkan kemahiran tertentu serta perkongsian global. Satu strategi pemasaran global akan dirangka untuk mewujudkan jenama yang diiktiraf bagi produk dan penggunaan bioteknologi Malaysia serta menjana perniagaan baru melalui perkongsian strategik dan usaha sama.

4.39 *Industri keluaran elektronik* akan terus menjadi subsektor utama bagi pertumbuhan perindustrian dan inovasi dalam tempoh RMKe-9. Nilai ditambah subsektor tersebut dijangka berkembang pada kadar purata 7.7 peratus setahun. Anjakan global ke arah penggunaan elektronik secara meluas dijangka terus meningkat dalam semua industri dan perkhidmatan terutamanya dengan perkembangan baru dalam industri ICT. Perkembangan ini ketara khususnya dalam bidang automasi, pengecilan saiz, pendigitalan dan pelbagai aplikasi multimedia. Walaupun sumbangan MNC dalam industri E&E akan tetap penting, namun pelaburan tempatan serta keupayaan teknologi dalam aktiviti E&E sedia ada dan baru akan terus dipertingkatkan. Ini akan memanfaatkan pembangunan bandar siber di Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah.

4.40 MNC dalam industri E&E dijangka terus menggunakan alat ganti dan komponen daripada sumber tempatan serta mendapatkan khidmat luar bagi beberapa aktiviti bukan teras mereka dan seterusnya menyumbang kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Pengeluar tempatan akan digalakkan untuk menumpu kepada peningkatan tahap kecanggihan keluaran mereka dari segi kualiti, fungsi dan reka bentuk. Dengan meningkatnya kerjasama di kalangan firma tempatan, institusi penyelidikan dan MNC yang mengambil bahagian, Kerajaan akan terus membantu membangunkan set kemahiran dan kepakaran yang berkaitan, pengetahuan teknologi dan R&D bagi meningkatkan industri E&E tempatan ke tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai.

4.41 Dalam tempoh Rancangan, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) akan dijadikan sebagai sumber pertumbuhan baru yang utama. Pasaran SSO di seluruh dunia pada tahun 2008 dianggarkan bernilai US\$600 bilion dengan lebih separuh daripadanya akan dilaksana menerusi kerjasama penyumberan luar pihak ketiga atau usaha sama. Memandangkan Malaysia mempunyai kelebihan dalam SSO di peringkat global, penekanan yang lebih akan diberikan untuk menarik lebih banyak syarikat antarabangsa serta menggalakkan penglibatan industri tempatan dalam pasaran yang berpotensi. Bagi tujuan ini, usaha promosi dan pemasaran di peringkat antarabangsa akan dipergiat dengan tumpuan untuk menggalakkan pusat berskel besar daripada sektor tenaga, kewangan, logistik, pembuatan dan penjagaan kesihatan.

4.42 Strategi utama termasuk menarik syarikat tempatan menggunakan perkhidmatan berkaitan SSO bernilai tinggi seperti pemasaran, pengurusan projek, pembangunan produk dan pengurusan rantai bekalan. Pada masa yang sama, permintaan SSO tempatan akan dirangsang bagi membantu pembentukan kumpulan industri penyumberan luar tempatan yang lebih banyak. Bagi memperkukuh lagi kelompok SSO, bantuan seperti akses kepada dana untuk projek usaha sama serta penggabungan dan pemerolehan akan disediakan. Bantuan ini seterusnya akan membolehkan firma penyumberan luar tempatan memperoleh kompetensi bertaraf dunia, menembusi pasaran pesisir pantai yang lebih luas dan mengembangkan saiz operasi mereka. Selanjutnya, rangka kerja perundangan bagi perlindungan hak harta intelek akan diperkukuh bagi memberikan keyakinan yang lebih tinggi terhadap penyumberan luar.

4.43 Bagi mengembangkan pelbagai keluaran dan perkakasan baru dalam industri, penekanan yang lebih akan diberikan kepada penggunaan dan aplikasi bahan baru dan termaju. Penyelidikan tempatan serta keupayaan dan kemampuan reka bentuk akan terus diperluas dengan tujuan untuk membangun komponen baru dan menambah baik komponen dalam nanoelektronik dan nanobahan untuk peranti mikroelektronik dan pelbagai aplikasi industri lain.

4.44 Satu bidang yang mempunyai prospek pertumbuhan yang memberangsangkan ialah industri pembuatan dan perkhidmatan berkaitan ICT yang bertumpu kepada kreativiti dan pembangunan kandungan digital. Bidang tersebut termasuk animasi komputer, permainan digital, aplikasi dan perkhidmatan mudah alih, televisyen interaktif dan pengarkiban digital. Sehubungan ini, pelbagai insentif akan dipertimbang bagi merangsang dan mempelbagai reka bentuk, kegunaan serta pengeluaran penyelesaian dan aplikasi talian tetap dan mudah alih yang berkesan dari segi kos untuk pasaran tempatan dan global.

4.45 Dalam usaha menggalak industri automotif sebagai subsektor yang berdaya saing, Kerajaan akan melancarkan Dasar Automotif Nasional pada tahun 2006. Dasar ini akan menyediakan hala tuju yang jelas dan strategik bagi membangun

industri automotif dan komponen yang cergas dan berdaya tahan. Dasar akan menjurus kepada usaha membolehkan industri mencapai ekonomi ikut bidangan, meningkatkan keberkesanan kos keseluruhan, rangkaian perindustrian dan eksport. Kerajaan akan menyediakan insentif fiskal dan kewangan yang bersesuaian bagi menyokong dasar tersebut yang akan membolehkan industri automotif bergerak ke atas rantai nilai dan berkembang ke arah produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi. Antara langkah tersebut termasuk membangunkan kelompok automotif sedia ada dan baru, keupayaan teknikal, kejuruteraan dan R&D serta menubuhkan Dana Pembangunan Automotif khusus bernilai RM500 juta.

4.46 Dalam tempoh RMKe-9, usaha yang lebih giat akan diambil untuk *industri mesin dan kelengkapan* (M&K) bagi meningkatkan keupayaan tempatan dalam mereka dan membentuk mesin serta peralatan untuk keperluan mekanisasi dan automasi dalam ekonomi melalui penyediaan skim insentif dan pembiayaan. Usaha mempromosi akan dipergiat untuk menarik pengeluar asing bagi M&K yang khusus dan berteknologi tinggi untuk menubuhkan pusat operasi di Malaysia. Insentif sedia ada untuk syarikat serantau akan ditambah baik, manakala pakej insentif yang baru akan dipertimbang termasuk penubuhan taman mesin di dalam zon kemudahan bebas bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat aktiviti M&K serantau.

4.47 Kejayaan penubuhan industri M&K akan bergantung terutamanya kepada kemampuan industri kejuruteraan tempatan untuk membekalkan alat ganti, komponen dan modul serta terdapatnya sumber tenaga teknikal yang berkelayakan tinggi. Pengeluar M&K seluruh dunia kini beralih kepada penyumberan global bagi komponen dan modul mesin. Dengan demikian, usaha akan dipergiat bagi menggalakkan syarikat tempatan dalam industri sokongan kejuruteraan untuk mempertingkatkan keupayaan teknologi dan pengeluaran mereka terutamanya dengan menyertai aktiviti penyumberan luar secara meluas.

4.48 Sebagai sebahagian daripada strategi menggalakkan industri berasaskan pengetahuan dan berteknologi tinggi, *industri aeroangkasa* akan terus dibangunkan. Dengan mengambil peluang daripada pasaran terpilih yang sedia ada dalam pengeluaran kapal terbang kecil, pembuatan komponen dan alat ganti serta penyenggaraan, pembaikan dan membaik pulih (MRO), peningkatan kerjasama teknikal antara pengeluar tempatan dengan global akan diteruskan bagi memenuhi piawai dan kualiti bertaraf dunia dalam industri tersebut. Selain itu, pelaksanaan Program Satelit Kebangsaan akan dipergiat lagi sebagai sebahagian daripada proses membangunkan keupayaan dan teknologi pengeluaran tempatan serta menambah baik R&D dan kerja reka bentuk. Dasar Angkasa Negara akan digubal bagi menyediakan hala tuju strategik untuk mempertingkatkan pembangunan industri aeroangkasa tempatan dan mengenal pasti peluang pembangunan pelaburan yang berpotensi.

4.49 Perkembangan baru dalam *industri pertahanan* dijangka merangsang pertumbuhan industri lain termasuk aeroangkasa, automotif dan ICT yang melibatkan reka bentuk, kejuruteraan dan pembuatan pelbagai keluaran dan komponen. Bagi mempertingkatkan keupayaan pengeluaran tempatan, lebih banyak usaha sama dan kerjasama dengan rakan kongsi asing akan digalakkan. Inisiatif akan diambil untuk menggunakan kemudahan sedia ada seperti Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, Selangor untuk aktiviti MRO bagi kapal terbang tentera dan komersil, khususnya untuk rantau Asia Pasifik.

4.50 Banyak peluang pelaburan diwujudkan daripada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berintensif teknologi dalam industri marin yang masih belum dimanfaatkan. Aktiviti ini termasuk pembinaan kapal, bot, kapal pengangkut, feri dan kapal pukut tunda; penyenggaraan, pembaikan dan membaik pulih; memasang siap kapal rekreasi, perahu layar dan pelampung; serta kerja kejuruteraan berat seperti pembinaan dan memasang siap kelengkapan luar pesisir pantai. Kerajaan akan terus menyediakan pelbagai insentif fiskal dan kewangan untuk melonjakkan pembangunan industri perkapalan.

4.51 *Industri kraftangan* termasuk batik dan songket serta keluaran tradisional dan perhiasan pakaian akan terus dibangunkan. Sektor swasta dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam memoden industri kraftangan, menambah baik reka bentuk dan kualiti produk serta mempergiat pemasaran dan promosi. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Institut Kraftangan Negara serta agensi lain yang berkaitan akan terus menyediakan khidmat sokongan teknikal, perniagaan dan khidmat sokongan lain yang diperlukan kepada firma dan individu yang berdaya usaha. Aktiviti R&D akan dipergiat dalam pengeluaran gentian khusus sebagai bahan mentah alternatif dalam pembuatan batik dan songket yang mempunyai nilai ditambah tinggi. Usaha juga akan diambil untuk menggalak penggunaan batik dan songket dalam industri fesyen dan reka bentuk pakaian mewah bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

### **Sokongan Perkhidmatan untuk Sektor Pembuatan**

4.52 Dalam usaha negara untuk terus memaksimum peluang pertumbuhan daripada sektor pembuatan, tumpuan akan diberi kepada perkembangan industri perniagaan dan perkhidmatan sampingan. Ketersediaan, kualiti dan fungsi sokongan perkhidmatan yang perlu akan menyediakan landasan bagi pelbagai rangkaian ke hadapan dan ke belakang yang seterusnya menyumbang kepada aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah. Kepelbagaian aktiviti perlu selari dengan peningkatan dan pelbagai permintaan daripada pengeluaran, pemprosesan serta pengedaran, pemasaran dan operasi R&D yang semakin rumit dalam sektor pembuatan. Antara lain, penyediaan infrastruktur, infostruktur dan kompetensi teras yang perlu adalah penting dalam bidang utama seperti

pengangkutan dan logistik yang bersepadu, pemasaran dan pengedaran, R&D dan inovasi serta kejuruteraan dan reka bentuk keluaran khusus. Sehubungan ini, inisiatif strategik adalah termasuk:

- menarik lebih banyak OHQ, RDC, IPC dan RO supaya aktiviti yang mempunyai nilai ditambah tinggi dalam rantai bekalan seperti R&D, reka bentuk dan pembangunan produk serta pengurusan, pengedaran dan sokongan logistik dapat dijalankan di Malaysia;
- menggalak pelaburan dalam pengangkutan global, rangkaian logistik dan pusat pengedaran yang bersepadu bagi membina keupayaan dan penyertaan dalam keseluruhan spektrum perniagaan yang menyokong dan melengkap aktiviti pembuatan dan perkhidmatan ke atas dan di sepanjang rantai nilai;
- membantu pengilang kontrak menjadi pengeluar reka bentuk sendiri (ODM) dan pengeluar jenama sendiri (OBM) yang mensasar operasi tempatan dan global;
- memperkukuh pembangunan perkakasan maklumat, mempromosi dokumentasi elektronik, menggalak e-dagang dan menambah baik persekitaran Internet;
- mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pengumpulan dan penyebaran pengetahuan baru serta menguatkuasa perlindungan hak harta intelek;
- memperkukuh keupayaan R&D, teknikal dan kejuruteraan tempatan bagi meraih manfaat daripada aplikasi inovasi dan pengetahuan, dan jika perlu, bekerjasama dengan syarikat besar dan pusat penyelidikan bertaraf dunia;
- mempergiat bina upaya dengan melahirkan lebih ramai kepakaran teknikal dalam menaik taraf teknologi di institusi penyelidikan dan institusi latihan perindustrian serta menggalak MNC memindahkan institusi latihan atau pusat pembangunan keluaran mereka ke Malaysia;
- membantu dalam penyediaan infrastruktur yang perlu di lokasi strategik yang menarik pelaburan berkualiti dalam industri MRS; dan
- memastikan keupayaan yang mencukupi untuk membangunkan piawai dan akreditasi, aktiviti ujian dan kawalan kualiti produk yang ditanda aras mengikut keperluan antarabangsa.

4.53 Peningkatan arah aliran penyumberan luar aktiviti teras dan bukan teras oleh syarikat besar terutamanya MNC akan membuka peluang pelaburan yang lebih luas dalam penyediaan khidmat sokongan. Syarikat Malaysia terutamanya EKS akan digalakkan mencari peluang pelaburan yang baru dan lebih baik terutamanya dalam pengurusan rantai bekalan serta aktiviti dan perkhidmatan logistik bersepadu. Bagi tujuan ini, Dana Pembangunan Sektor Perkhidmatan untuk EKS akan ditubuhkan bagi membantu usahawan berpotensi meningkatkan kemahiran teknikal dan profesional mereka. Di samping itu, agensi berkaitan terutamanya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) akan dapat menyediakan khidmat sokongan institusi sepenuhnya kepada industri perkhidmatan berkaitan pembuatan apabila program Pertukaran Maklumat Perdagangan dan Industri antara MITI dengan Agensi (MATRIIX) beroperasi sepenuhnya sebagai satu pusat khidmat setempat untuk mempromosi perkhidmatan bantuan perdagangan dan membantu menyelesaikan masalah operasi.

#### *Penjenamaan*

4.54 Bagi mengekalkan permintaan terhadap jenama Malaysia, usaha akan dipergiat bagi memastikan kualiti, pengkhususan dan konsistensi selaras dengan perubahan gaya hidup pengguna yang arif. Pelbagai usaha termasuk penyediaan insentif dan geran bagi pembangunan jenama serta pemasaran dan promosi yang disasarkan akan diteruskan. Tumpuan yang lebih akan juga diberi kepada usaha meningkatkan kesedaran pengusaha industri, khususnya EKS, terhadap aspek baru dan sedang muncul seperti inovasi, pembudayaan, pengiklanan dan media komunikasi yang pesat berubah bagi memperkukuh jenama tempatan dan meningkat bahagian pasaran. Kewujudan pasaraya besar tempatan dan asing serta rangkaian peruncitan besar menyediakan saluran tambahan kepada syarikat tempatan, terutamanya EKS, untuk memasarkan produk dan jenama mereka ke luar negara.

#### **Meningkatkan Penyertaan Bumiputera**

4.55 Dalam RMKe-9, Kerajaan akan terus memberi keutamaan yang tinggi untuk mewujudkan MPPB yang kukuh dan berdaya maju. Agensi perusahaan awam dan agensi amanah serta GLC akan melipat ganda usaha membantu lebih banyak pelaburan Bumiputera dalam bidang sedia ada dan lebih penting lagi, dalam bidang baru untuk menjana kekayaan, pemindahan teknologi dan pembangunan kemahiran. GLC, khususnya, akan digalakkan untuk memanfaatkan pengalaman dan kepakaran mereka bagi membentuk kumpulan usahawan Bumiputera yang lebih besar dan mampu bersaing di peringkat global.

4.56 Berdasarkan peningkatan peranan dan kedinamikan sektor perindustrian dalam tempoh RMKe-9 dan seterusnya, prospek bagi penglibatan lebih ramai Bumiputera adalah semakin cerah. Usaha akan ditumpukan ke arah menggalakkan



usahawan Bumiputera melabur dalam pelbagai aktiviti pembuatan bagi memperluas dan mempelbagai lagi asas perniagaan mereka. Penekanan yang lebih akan diberi untuk membantu pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru seperti bioteknologi, ICT, industri kreatif termasuk kandungan digital, elektronik termaju, alat ganti dan komponen automotif yang khusus serta industri berasaskan sumber yang bernilai tinggi serta penyediaan perkhidmatan profesional.

4.57 Usaha akan dipergiat untuk mewujudkan teknousahawan Bumiputera melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan dan syarikat besar berasaskan teknologi. Usaha ini bertujuan memupuk dan membentuk masyarakat usahawan Bumiputera berinovasi untuk melibatkan diri dalam pembangunan teknologi yang berpotensi untuk dikomersilkan serta menambah kekayaan. Keutamaan juga akan diberi kepada usaha memupuk perusahaan Bumiputera sebagai rakan kongsi bagi meneroka peluang baru dan pelbagai, hasil daripada penyumberan luar oleh MNC dan GLC. Program untuk menambah baik pembangunan produk dan penjenamaan, peningkatan kualiti serta R&D dan keupayaan pemasaran akan diperluas.

4.58 Tumpuan yang lebih akan terus diberikan kepada pembangunan EKS Bumiputera memandangkan kemajuan mereka merupakan teras penting dalam strategi yang lebih luas untuk membangun MPPB. Selain memastikan penyelarasan usaha dalam menggembelng dan mengguna sumber dan kepakaran untuk membangun EKS Bumiputera, penekanan akan diberikan terhadap usaha menggalak perusahaan Bumiputera yang cekap dan berdaya saing serta mampu menghadapi ketidaktentuan pasaran. Bagi tujuan tersebut, keupayaan dan kemampuan EKS Bumiputera akan terus dibangunkan. Antara lain, peranan Institut Keusahawanan Negara sebagai pusat yang menyelaras program latihan keusahawanan dan profesional akan dipertingkatkan. Di samping itu, akses kepada teknologi, kewangan dan pasaran serta lokasi yang strategik dan perniagaan yang berdaya usaha akan ditingkatkan.

### **Penyediaan Insentif yang Lebih Bertumpu kepada Industri yang Mempunyai Nilai Ditambah Tinggi**

4.59 Kerajaan akan meningkatkan usaha menggalak pelaburan dalam industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berintensif pengetahuan. Dalam hubungan ini, insentif prapakej atau yang khusus mengikut industri tertentu terutamanya dalam bidang pertumbuhan baru akan ditambah baik. Manfaat daripada insentif tersebut akan merangkumi bidang seperti R&D dan pemindahan teknologi, pewujudan pekerjaan, pengembangan perniagaan dan rangkaian baru serta pewujudan harta intelek khususnya dalam industri E&E, kandungan digital dan bioteknologi. Di samping itu, syarikat sedia ada akan juga digalag untuk mengembang dan mempelbagai aktiviti ke arah industri berkeupayaan tinggi serta beralih ke bidang perkhidmatan berkaitan.

4.60 Sebagai usaha utama untuk menggalak pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru, Dana Pelaburan Strategik berjumlah RM600 juta akan ditubuhkan di bawah skim insentif prapakej sedia ada. Tabung tersebut akan digunakan untuk menarik pelaburan berkualiti dalam projek berintensif pengetahuan, penjimatan tenaga kerja dan mempunyai kandungan teknologi tinggi melibatkan R&D, pembangunan harta intelek (IP) serta meningkatkan modal insan.

4.61 Mengambil kira peningkatan kandungan teknologi dan pengetahuan dalam industri pembuatan, keutamaan akan diberi kepada insentif untuk meningkatkan kemahiran yang akan menggalak penggunaan pengetahuan secara intensif dalam proses pengeluaran dan perkhidmatan yang berkaitan terutamanya di kalangan EKS. Dalam hubungan ini, peningkatan kemahiran industri akan bertumpu antara lain, kepada integrasi ICT dan penggunaan bioinformatik yang menyalurkan kandungan pengetahuan kepada industri serta e-pengurusan dan perkhidmatan kejuruteraan maya bagi aktiviti reka bentuk berkeupayaan tinggi. Bagi tujuan tersebut, peruntukan berjumlah RM463 juta akan disediakan.

4.62 Industri MRS akan terus menjadi bidang penting dalam menyediakan peluang pelaburan terutamanya kepada EKS. Dalam sektor pembuatan, MRS akan menjadi tulang belakang yang baru kepada sistem pengeluaran bersepadu yang pesat berubah merentasi jarak tempat dan ruang. Sumber tambahan termasuk insentif akan disediakan bagi menggalak pembangunan infrastruktur sokongan seperti perkhidmatan perniagaan, pengangkutan, komunikasi dan logistik serta dana latihan untuk mempertingkatkan kemahiran teknikal yang diperlukan. Bagi EKS, khususnya, pinjaman mudah berjumlah RM220 juta akan diperuntukkan, antara lain, bagi pembelian mesin dan kelengkapan baru yang diperlukan untuk menyertai sektor MRS yang semakin berkembang.

4.63 Sebagai sebahagian daripada usaha memastikan struktur industri yang kukuh dan cekap, langkah akan juga termasuk menubuhkan Dana Automasi serta mewujudkan semula Dana Penyelarasan Perindustrian (IAF). Dana Automasi akan dikhususkan untuk memoden dan mengautomasi proses pembuatan untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan penggunaan teknologi penjimatan tenaga kerja. IAF akan membantu industri yang menghadapi persaingan sengit daripada langkah liberalisasi di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan FTA untuk menyusun semula dan memperkemas operasi mereka.

4.64 Langkah akan terus diambil untuk menambah baik persekitaran perniagaan bertujuan menarik pelaburan baru dan menggalak syarikat sedia ada untuk berkembang. Inisiatif lain termasuk langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui penambahbaikan proses dan mekanisme, menyediakan program perancangan dan pembiayaan perniagaan bersepadu bagi merangsang pelaburan industri serta mengkaji semula perundangan dan peraturan berkaitan

pelaburan yang menghalang pembangunan industri. Dialog dan perbincangan di antara sektor awam dengan sektor swasta akan digalakkan bagi memastikan masalah dan isu diselesaikan dengan segera.

### **EKS yang Didorong oleh Inovasi**

4.65 Tumpuan strategi adalah untuk mewujudkan EKS yang berprestasi tinggi dan berdaya tahan serta dilengkapi keupayaan teknikal dan inovasi yang kukuh di samping mempunyai kemahiran pengurusan dan perniagaan bagi mengambil peluang daripada pewujudan pekerjaan baru dan peningkatan akses kepada pasaran. Strategi ini bertujuan untuk memperkukuh kemampuan dan keupayaan EKS tempatan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berinovasi dan berkualiti pada kos yang berdaya saing dan disepadukan ke dalam rantaian bekalan antarabangsa.

4.66 Rangkaian di kalangan dan antara firma dengan EKS serta dengan syarikat besar tempatan termasuk GLC dan syarikat asing akan diperkukuh lagi bagi membolehkan EKS lebih berdaya saing, berinovasi dan menjadi pembekal secara berterusan dalam jaringan penyumberan luar global dan seterusnya membantu mereka menceburi pasaran eksport yang baru. Sehubungan ini, program sedia ada akan dipergiat dan program baru akan dimulakan bagi membangunkan lagi kemahiran profesional dan pengurusan tertinggi di kalangan EKS. Langkah tersebut bertujuan mengantarabangsakan operasi dan perniagaan yang seterusnya akan menambah nilai produk dan perkhidmatan serta menjana peluang pasaran baru kepada EKS.

4.67 Satu lagi strategi adalah menyediakan landasan bagi perusahaan baru mula dan inkubator yang akan mewujudkan sekumpulan usahawan baru didorong oleh inovasi yang berupaya mencambah perniagaan dan perkhidmatan baru. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan akan menggalakkan penubuhan inkubator teknologi bertujuan memupuk firma dan usahawan baru serta meningkatkan keupayaan inovasi dan perkhidmatan berkaitan.

4.68 Usaha akan diambil untuk membantu EKS membangunkan lagi kemahiran teknikal terutamanya dalam menjana inovasi dan melahirkan nilai ekonomi daripada aplikasi pengetahuan. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) bersama-sama agensi lain dan sektor swasta akan mengkaji semula program latihan dan perantisan yang sedang dilaksanakan dan merangka program baru untuk merangkumi rancangan dan strategi pengurusan pengetahuan serta aplikasi dan amalan berasaskan pengetahuan di kalangan EKS.

4.69 Program keusahawanan yang sedang dilaksanakan termasuk khidmat nasihat dan bimbingan akan diperluas bagi melengkapkan EKS dengan kaedah dan amalan pengurusan dan perniagaan baru dan yang ditambah baik dalam

aspek pengeluaran, peningkatan kualiti, pemasaran dan pengedaran bagi meningkatkan tahap produktiviti, kecekapan dan keuntungan. Skim baru termasuk peningkatan automasi, bimbingan perniagaan serta penyediaan kemahiran teknikal untuk membantu EKS membangun, mengkomersil dan memasarkan idea inovatif juga akan dilaksanakan.

4.70 Inisiatif pembiayaan akan ditambah bagi menyokong pembangunan EKS. Bagi melengkapkan usaha bank perdagangan serta institusi kewangan pembangunan, Bank SME akan merangka pendekatan baru dan menyediakan pakej bantuan yang lebih bersepadu kepada EKS meliputi bantuan kewangan, termasuk pembiayaan berasaskan aliran tunai dan perkhidmatan sokongan perniagaan yang berkaitan. Di samping itu, modal teroka yang ditambah akan disediakan bagi membiayai syarikat teknologi yang baru mula terutamanya bagi menggalakkan pengkomersilan penemuan penyelidikan yang berpotensi dan percambahan produk dan perkhidmatan berinovasi.

4.71 Dari segi penyelarasan institusi, Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan menyediakan rangka kerja strategik bagi usaha pembangunan EKS yang lebih bertumpu dan selaras di kalangan pelbagai agensi. Penekanan akan diselarikan ke arah memperkukuh infrastruktur kewangan dan bukan kewangan yang diperlukan termasuk peningkatan kemahiran serta akses kepada pembiayaan.

4.72 Kerajaan akan terus menyediakan tapak perindustrian pada kadar yang lebih berdaya saing kepada EKS. Dalam tempoh RMKe-9, sejumlah RM927.5 juta akan disediakan sebagai pinjaman mudah kepada perbadanan kemajuan ekonomi negeri dan lembaga kemajuan wilayah untuk membangunkan tapak perindustrian dan taman EKS khas termasuk pusat pertanian dan pusat halal. Di samping itu, peruntukan sejumlah RM833 juta akan disediakan bagi membina premis perniagaan dan penyediaan ruang pejabat di lokasi yang strategik.

4.73 Pembangunan *industri luar bandar* akan terus menjadi wahana penting ke arah meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Tumpuan akan diberi untuk menyediakan program yang mempunyai asas yang lebih luas dengan penekanan kepada penambahan peluang pekerjaan serta peningkatan penggunaan infrastruktur sedia ada dan baru. Usaha akan diambil bagi meningkatkan lagi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas. Langkah juga akan ditujukan ke arah penyediaan program pembangunan yang lebih bersepadu bagi usahawan yang berpotensi termasuk pemasaran dan pengedaran serta peningkatan keupayaan pengurusan perniagaan.

### **Penggalakan Pelaburan Seberang Sempadan**

4.74 Dengan meningkatnya globalisasi dan hubungan serantau, lebih ramai usahawan Malaysia melabur di seberang laut seperti di China, India, Timur Tengah dan beberapa negara Afrika serta negara ASEAN. Aliran bersih pelaburan

langsung Malaysia di luar negara meningkat daripada RM7.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM11.4 bilion pada tahun 2005 terutama dalam sektor perladangan, minyak dan gas, telekomunikasi, pembinaan dan MRS. Antara faktor yang mendorong pelaburan ke luar negara termasuk peningkatan persaingan domestik, kematangan pasaran tempatan dan peluang pertumbuhan yang lebih tinggi di luar negara.

4.75 Dalam tempoh RMKe-9, lebih banyak syarikat Malaysia dijangka memanfaatkan peluang pelaburan yang wujud hasil daripada perjanjian serantau dan pelbagai perjanjian perdagangan dua hala FTA serta arah aliran global penyumberan luar. Kerajaan akan terus menggalak dan menyokong pelaburan Malaysia ke luar negara yang akan memanfaatkan ekonomi negara. Usaha ini termasuk mendapat akses kepada pasaran baru dan yang lebih besar, mengekalkan bahagian pasaran, memperoleh input bahan mentah dan komponen untuk pertumbuhan industri tempatan serta mempelbagai aktiviti ke dalam perniagaan bukan tradisional. Berdasarkan peningkatan trend pelaburan seberang sempadan oleh rakyat Malaysia, sokongan institusi yang kuat amat penting untuk menyokong aliran keluar pelaburan negara yang akan memarakkan lagi pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, Bahagian Pelaburan Seberang Sempadan di MIDA akan diperluas untuk meneraju penggalakan dan penyelarasan pelaburan seberang sempadan dalam sektor pembuatan dan MRS.

### **Pembangunan Sumber Manusia Mahir**

4.76 Dalam tempoh Rancangan, guna tenaga dalam sektor pembuatan disasar berkembang pada kadar purata 2.8 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-5*. Produktiviti tenaga kerja yang diukur berdasarkan nilai ditambah setiap pekerja dijangka meningkat pada kadar purata 3.8 peratus setahun yang sebahagian besarnya hasil daripada penggunaan meluas teknologi yang berintensif pengetahuan dan penjimatan buruh serta program penambahbaikan kualiti. Guna tenaga dalam industri berasaskan sumber dijangka berkembang pada kadar purata 3.7 peratus setahun dan mewujudkan 279,700 pekerjaan baru. Pertumbuhan ini termasuk peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam industri kimia, pemprosesan makanan serta keluaran getah. Sebahagian besar daripada guna tenaga yang diwujudkan dalam industri pemprosesan makanan adalah berikutan penekanan baru terhadap sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian serta syarikat sampingan yang dijangka dicetuskan oleh bioteknologi pertanian. Industri pemprosesan getah dan keluaran getah dijangka mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama pasaran global untuk keluaran lateks berserta peningkatan bahagiannya dalam pasaran barangan getah untuk kegunaan industri dijangka mencatat guna tenaga pada kadar 3.3 peratus setahun.

JADUAL 4-5

**GUNA TENAGA DALAM SEKTOR PEMBUATAN  
MENGIKUT INDUSTRI, 2000-2010**

Industri	Bilangan ('000 orang)			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
<b>Berasaskan Sumber</b>	<b>1,186.6</b>	<b>1,423.7</b>	<b>1,703.4</b>	<b>46.2</b>	<b>45.4</b>	<b>47.3</b>	<b>3.7</b>	<b>3.7</b>
Pemprosesan Makanan, Minuman & Tembakau	237.7	298.9	346.5	9.3	9.5	9.6	4.7	3.0
Keluaran Kayu termasuk Perabot	352.7	373.8	405.8	13.7	11.9	11.3	1.2	1.7
Kertas & Keluaran Kertas, Percetakan & Penerbitan	121.6	137.7	156.3	4.7	4.4	4.3	2.5	2.6
Kimia, Baja, Keluaran Plastik & Petroleum	238.1	327.0	477.6	9.3	10.4	13.3	6.5	7.9
Pemprosesan Getah & Keluaran Getah	132.0	171.5	201.6	5.1	5.5	5.6	5.4	3.3
Keluaran Galian Bukan Logam	104.5	114.9	115.6	4.1	3.7	3.2	1.9	0.1
<b>Bukan Berasaskan Sumber</b>	<b>1,319.4</b>	<b>1,628.3</b>	<b>1,798.3</b>	<b>51.4</b>	<b>52.0</b>	<b>50.1</b>	<b>4.3</b>	<b>2.0</b>
Tekstil & Keluaran Tekstil	215.8	214.8	192.3	8.4	6.9	5.3	-0.1	-2.2
Logam Asas & Keluaran Logam	193.8	282.8	340.0	7.6	9.0	9.5	7.9	3.8
Mesin & Kelengkapan	161.4	162.6	178.1	6.3	5.2	5.0	0.1	1.8
Keluaran Elektrik & Elektronik	647.1	840.8	943.6	25.2	26.8	26.3	5.4	2.3
Kelengkapan Pengangkutan	101.3	127.4	144.3	3.9	4.1	4.0	4.7	2.5
<b>Lain-lain</b>	<b>61.6</b>	<b>80.0</b>	<b>93.0</b>	<b>2.4</b>	<b>2.6</b>	<b>2.6</b>	<b>5.4</b>	<b>3.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>2,565.8</b>	<b>3,132.1</b>	<b>3,594.7</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>4.1</b>	<b>2.8</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

4.77 Guna tenaga dalam industri bukan berasaskan sumber diunjur berkembang pada kadar purata 2.0 peratus setahun dan mewujudkan 170,000 pekerjaan baru. Industri bukan berasaskan sumber yang diramal mencatat pewujudan guna tenaga bersih adalah industri logam asas dan keluaran logam, peralatan pengangkutan, keluaran E&E dan M&K. Permintaan terhadap jurutera pengeluaran, jurutera acuan dan bingkai, ahli kaji logam serta sumber manusia teknikal yang mahir dalam teknologi robotik dan alat pengesan, bahan termaju, nanoteknologi dan mekatronik dijangka meningkat.

4.78 Kemasukan ke dalam bidang perindustrian baru dan baru muncul memerlukan peningkatan dalam set kemahiran dan kepakaran teknikal yang sedia ada. Latihan berkualiti akan diberi penekanan di pelbagai institusi pengajian dan pusat pembangunan kemahiran bagi memastikan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran kekal relevan untuk memenuhi keperluan pasaran bagi menghadapi persekitaran persaingan yang semakin sengit. Antara lain, program pembangunan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi akan disasar ke arah membangunkan kumpulan teras ahli sains penyelidik dan jurutera penyelidik bagi memenuhi keperluan pembangunan perindustrian, khususnya dalam bidang teknologi utama.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

4.79 Dari segi institusi pelaksana untuk pembangunan sektor perindustrian, MITI akan terus menjadi agensi peneraju utama memacu pengembangan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan berkaitan. Usaha ini akan disokong oleh kementerian dan agensi utama yang lain, termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MIDA, MATRADE dan SMIDEC. Semua agensi tersebut akan menerajui program khusus seperti mempergiat penyertaan Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian, mempercepat pembangunan industri baru dalam bidang bioteknologi dan ICT, menyelaraskan dan mempromosi aktiviti pelaburan dan pemasaran serta membangunkan EKS yang didorong oleh inovasi.

4.80 Peruntukan pembangunan untuk menyokong sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan dalam tempoh RMKe-9 adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-6*. Tumpuan adalah untuk mempercepat pembangunan teknologi

JADUAL 4-6

#### PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN, 2001-2010 (RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Pembangunan Infrastruktur Perindustrian*	476.2	2,705.8
Pembangunan EKS	1,561.6	2,160.2
Dana Pelaburan	85.6	1,590.0
Latihan & Perkhidmatan Perundingan	534.3	1,332.0
<b>Jumlah</b>	<b>2,657.7</b>	<b>7,788.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota : \*Termasuk kawasan perindustrian, taman EKS dan penyenggaraan dan menaik taraf infrastruktur.

perindustrian, menaik taraf infrastruktur perindustrian dan menggalak pembangunan kemahiran lanjutan. Program sokongan bagi memperkukuh EKS khususnya, termasuk latihan teknikal dan perantisan, pemasaran dan promosi serta penyediaan khidmat bimbingan seperti pembangunan perniagaan dan perundingan.

## V. PENUTUP

4.81 RMKe-8 telah menyediakan asas yang kukuh bagi sektor pembuatan untuk terus menyumbang kepada industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berasaskan pengetahuan serta menggalak pertumbuhan ekonomi. Bagi merangsang transformasi yang sedang berlaku dalam sektor pembuatan dengan lebih rancak serta mengekalkan daya saingnya, RMKe-9 akan menyediakan satu persekitaran yang bertenaga dan membantu FDI dan pelaburan tempatan untuk menggerakkan sektor pembuatan ke atas dan di sepanjang rantaian nilai. Cabaran seterusnya adalah untuk mengukuh dan membangunkan kelompok industri baru dan yang baru muncul serta menjana lebih banyak peluang pelaburan, pendapatan dan pekerjaan. Bagi memperluas dan mendalamkan sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pada masa akan datang, Kerajaan akan terus membantu sektor swasta dengan menyediakan pelbagai khidmat sokongan termasuk penyediaan pembiayaan dan insentif khusus. Usaha ini bertujuan meningkatkan kapasiti R&D, kompetensi teras teknikal dan pengurusan serta pembangunan IP untuk pengembangan produk bernilai tinggi dan jenama yang mempunyai potensi eksport. Teras penting dalam program perindustrian adalah pembangunan sektor EKS yang berdaya saing, inovatif dan kukuh dari segi teknologi. Turut penting adalah bagi firma tempatan untuk beroperasi dalam struktur global dan serantau untuk membangunkan integrasi ekonomi dan perkongsian strategik dengan perniagaan antarabangsa serta mengekalkan pertumbuhan dan daya saing sektor perindustrian.



# MENGARUSPERDANAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

# 5

## I. PENDAHULUAN

5.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), usaha gigih diambil untuk menyediakan landasan yang lebih kukuh bagi membolehkan negara beralih ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Menjurus kepada matlamat ini, tumpuan diberikan kepada usaha menggalakkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai pemacu strategik bagi menyokong dan menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kualiti hidup penduduk. Pelaburan yang besar telah dibuat untuk menyediakan infrastruktur komunikasi bagi meningkatkan kebolehcapaian serta menambah baik institusi dan persekitaran kawal selia yang berkaitan. Penekanan yang lebih diberikan kepada usaha meningkatkan tahap penggunaan ICT dalam pelbagai sektor ekonomi, antara kawasan bandar dengan luar bandar serta di kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

5.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), perkembangan persekitaran digital global dijangka memberikan kesan besar kepada usaha membangunkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan yang berdaya saing. Memandangkan ICT merupakan suatu penentu utama dalam proses pembangunan bagi meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai, usaha akan dipergiat untuk mengurusperdanakan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan ICT secara meluas serta menggalakkan penerimaan dan penggunaan ICT yang lebih menyeluruh dalam semua aspek kehidupan seharian. Persekitaran ini membolehkan rakyat Malaysia mendapatkan akses dan menyertai peluang baru yang diwujudkan oleh ekonomi berasaskan pengetahuan secara adil dan saksama. Langkah akan diambil untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi ICT serta peluasan infostruktur bagi meningkatkan sambungan jalur lebar untuk aplikasi multimedia termaju, pembangunan kandungan tempatan, penggunaan meluas e-dagang dan meningkatkan keselamatan maklumat.

## **II. KEMAJUAN, 2001-2005**

5.03 Dalam tempoh RMKe-8, pelaburan oleh sektor awam dan swasta tertumpu kepada pembinaan infrastruktur ICT utama. Usaha ini merupakan sebahagian daripada langkah mewujudkan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan yang cekap dan pantas bagi menggalakkan penyebaran ICT dalam ekonomi secara lebih meluas. Koridor Raya Multimedia (MSC) terus menyediakan landasan dan persekitaran yang diperlukan untuk meningkatkan lagi pembangunan industri ICT. Penggunaan ICT terus dipertingkat menerusi penerimaan meluas ICT dalam perdagangan, industri, pendidikan, kesihatan serta dalam semua aspek kehidupan.

### **Penaikan Taraf dan Peluasan Infrastruktur ICT**

5.04 Dalam tempoh Rancangan, keutamaan diberikan kepada usaha peluasan infrastruktur di kawasan luar bandar dan terpencil bagi meluaskan kebolehcapaian infrastruktur komunikasi. Pelaburan tambahan disediakan menerusi peruntukan Kerajaan dan Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) yang disumbangkan oleh pihak industri untuk meningkatkan akses kepada infrastruktur ICT dari segi perkhidmatan telefoni asas, telefon awam berbayar dan Internet terutamanya di kawasan luar liputan. Program USP ini membolehkan sebahagian besar daerah serta sekolah, klinik dan perpustakaan di luar bandar dilengkapi dengan akses kepada talian tetap, telefon awam berbayar dan Internet.

5.05 Dalam usaha mempercepatkan peluasan infrastruktur dan meningkatkan kadar penembusan ICT kepada masyarakat awam termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan luar liputan, pihak industri memanfaatkan penggunaan teknologi wayar dan wayarles bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar ke seluruh negara. Usaha ini sebahagian daripada pelaksanaan keseluruhan rangka kerja yang terkandung dalam Pelan Jalur Lebar Kebangsaan (NBP) bagi menyokong pelaksanaan usaha peluasan jalur lebar yang telah dirancang.

5.06 Peningkatan liberalisasi pasaran dalam industri telekomunikasi menyebabkan penentuan harga perkhidmatan komunikasi lebih berdaya saing. Peningkatan ini membawa kepada pertambahan langganan telefon selular daripada 21.8 setiap 100 penduduk pada tahun 2000 kepada 74.1 pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 5-1*. Kadar penembusan yang meningkat secara sederhana bagi komputer dan Internet *dial-up* telah didorong oleh pelbagai langkah galakan pemilikan komputer.

5.07 Bagi mewujudkan dasar dan persekitaran kawal selia yang kondusif dan mampu memberikan respons kepada keseluruhan industri ICT, beberapa undang-undang dan peraturan serta struktur tarif talian tetap dan jalur lebar

## JADUAL 5-1

### PETUNJUK ICT TERPILIH, 2000-2010

<i>Petunjuk</i>	2000	2005	2010 <sup>a</sup>
Talian Telefon Tetap yang Beroperasi			
Bilangan Talian yang Beroperasi (juta)	4.6	4.4	–
Kadar Penembusan (%) <sup>2</sup>	19.7	16.6	–
Langganan Telefon Selular			
Bilangan Langganan (juta)	5.0	19.5	24.4
Kadar Penembusan (%) <sup>2</sup>	21.8	74.1	85.0
Komputer Peribadi Dipasang			
Bilangan Komputer dipasang (juta)	2.2	5.7	11.5
Kadar Penembusan (%) <sup>2</sup>	9.4	21.8 <sup>1</sup>	40.0 <sup>3</sup>
Langganan Internet <i>dial-up</i>			
Bilangan Langganan (juta)	1.7	3.7	10.0
Kadar Penembusan (%) <sup>2</sup>	7.1	13.9	35.0
Langganan Internet Jalur Lebar			
Bilangan Langganan	–	490,630	3,733,000
Kadar Penembusan (%) <sup>2</sup>	–	1.9	13.0

*Sumber:* Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

*Nota:* <sup>1</sup> Setakat Oktober 2005.

<sup>2</sup> Merujuk kepada bilangan setiap 100 penduduk.

<sup>3</sup> Termasuk *Personal Digital Assistant* (PDA) selain komputer meja dan komputer riba.

<sup>a</sup> Anggaran

dikaji semula dan dikemas kini bagi memudahkan pelaksanaan program USP. Liberalisasi regim pelesenan bagi pembekal perkhidmatan aplikasi (ASP) pada tahun 2000 telah menggalakkan persekitaran suar kawal dan membatalkan had bilangan lesen ASP untuk perkhidmatan akses kepada Internet dan *Voice over Internet Protocol* (VoIP).

5.08 Rangka Tindakan Terperinci Perkhidmatan Maklumat, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MyICMS) yang disiapkan pada tahun 2005 menyediakan garis panduan bagi pembangunan bersepadu dan tersusun untuk tiga sektor utama industri ICT iaitu perkhidmatan telefoni selular, Internet dan penyiaran. Penyediaan rangka tersebut bagi mengembangkan lagi pembangunan perkhidmatan ICT yang inovatif, infrastruktur telekomunikasi dan pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru termasuk pembangunan kandungan, alat penerima multimedia digital, telefon VoIP serta komponen bercip dan peranti elektronik.

## Penggunaan ICT

5.09 Menyedari kepentingan peranan ICT dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing, pelaburan dalam ICT meningkat pada kadar pertumbuhan purata 4.7 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 5-2*. Perbelanjaan ICT dalam pelbagai sektor ekonomi menyumbang kepada pengembangan bagi penambahbaikan sistem dan pemprosesan ICT secara menyeluruh serta pembangunan lebih banyak aplikasi berasaskan *web* telah meningkatkan produktiviti dan tahap kecekapan. Perkembangan ICT dalam sektor Kerajaan sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan pengkomputeran dan pemasangan infrastruktur ICT di kalangan agensi. Pelan Strategik ICT Sektor Awam dilancarkan pada tahun 2003 merangkumi beberapa inisiatif strategik dan program perkongsian pintar bagi meningkatkan hubungan antara agensi kerajaan, perniagaan dengan orang awam serta pembangunan perisian sumber terbuka (OSS). Dari segi penggunaan ICT, kadar penembusan komputer peribadi meningkat sekali ganda daripada 9.4 setiap 100 penduduk kepada 21.8 pada tahun 2005 manakala kadar penembusan langganan Internet *dial-up* meningkat daripada 7.1 setiap 100 penduduk pada tahun 2000 kepada 13.9 pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 5-1*.

JADUAL 5-2

### PERBELANJAAN ICT MENGIKUT SEKTOR, 2000-2005

Sektor	RM juta			% daripada Jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005
	2000	2004	2005 <sup>a</sup>	2000	2004	2005	
Pertanian	200	128	138	0.8	0.4	0.4	-7.2
Perlombongan	222	224	234	0.9	0.7	0.7	1.1
Pembuatan	12,188	13,652	14,367	47.5	45.6	44.6	3.3
Utiliti	378	430	470	1.5	1.4	1.5	4.5
Pembinaan	112	126	135	0.4	0.4	0.4	3.8
Perdagangan Runcit & Borong	1,585	1,735	1,870	6.2	5.8	5.8	3.4
Pengangkutan & Komunikasi <sup>1</sup>	1,221	1,581	1,770	4.8	5.3	5.5	7.7
Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan	1,894	2,563	2,845	7.4	8.6	8.8	8.5
Perkhidmatan Lain <sup>2</sup>	140	62	70	0.5	0.2	0.2	-12.9
Kerajaan	1,389	1,981	2,245	5.4	6.6	7.0	10.1
Pengguna	6,314	7,440	8,104	24.6	24.9	25.1	5.1
<b>Jumlah</b>	<b>25,643</b>	<b>29,922</b>	<b>32,248</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>4.7</b>

Sumber: World Information Technology and Services Alliance (WITSA)

Nota: <sup>1</sup> Termasuk perkhidmatan telekomunikasi.

<sup>2</sup> Termasuk perkhidmatan peribadi, baik-pulih, kebudayaan, rekreasi dan hiburan, kesihatan, guaman, pendidikan, sosial dan profesional.

<sup>a</sup> Anggaran

## **Pembangunan Koridor Raya Multimedia**

5.10 Penubuhan MSC pada tahun 1996 menyediakan landasan untuk membangunkan kelompok syarikat ICT tempatan yang berdaya saing dan industri ICT yang mampan. Pada akhir tahun 2005, sejumlah 1,421 syarikat telah dianugerah status MSC dengan lebih daripada 50 peratus tertumpu kepada pembangunan perisian untuk kegunaan umum syarikat dan penyimpanan data serta pembangunan aplikasi khusus berteknologi tinggi dan e-dagang. Dalam tempoh Rancangan, MSC memasuki fasa kedua pelaksanaannya merangkumi, antara lain, penganugerahan status bandar siber MSC kepada Bayan Lepas di Pulau Pinang dan Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah.

5.11 Sungguhpun MSC melepasi sasaran fasa pertama sebanyak 500 syarikat berstatus MSC bagi tempoh 1996-2003, namun pembangunan kandungan serta produk dan perkhidmatan terkini masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Sehubungan ini, selaras dengan peningkatan permintaan bagi aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar pesisir (SSO) di seluruh dunia, usaha memasarkan dan mempromosi diambil bagi meningkatkan daya saing MSC sebagai destinasi global SSO. Pada akhir tahun 2005, lebih daripada 50 syarikat SSO ditubuhkan dan menyediakan sebanyak 12,000 pekerjaan kemahiran tinggi.

## **Peluasan Aplikasi MSC**

5.12 Komponen utama pembangunan MSC ialah pelaksanaan, penyepaduan dan peningkatan beberapa aplikasi multimedia termasuk pembangunan aplikasi Kerajaan Elektronik, Sekolah Bestari, Kad Pelbagai Guna Kerajaan dan Telekesihatan serta Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), e-Niaga dan Program Keteknousahawan bagi membentuk persekitaran multimedia. Aplikasi MSC tersebut yang menggunakan sistem berasaskan komputer yang komprehensif menyediakan persekitaran multimedia untuk mewujudkan peluang perniagaan yang inovatif bagi penglibatan sektor swasta. Lebih daripada 300 syarikat terlibat dalam pembangunan dan perluasan aplikasi multimedia tersebut.

5.13 Aplikasi MSC menarik minat ramai pelabur di peringkat domestik dan antarabangsa. Penubuhan pejabat wakil niaga MSC di Jeddah, Arab Saudi dan Dalian, Republik Rakyat China (China) menggalakkan perkongsian yang bertujuan mewujudkan sejumlah aplikasi pendua MSC di luar negara. Bagi membawa produk tersebut ke pasaran antarabangsa, penekanan diberikan kepada pematuhan standard bagi memastikan aplikasi MSC saling boleh kendali, mudah ubah suai dan boleh diperluaskan.

## **Penggalakan e-Dagang**

5.14 Memandangkan e-dagang menyediakan peluang kepada perniagaan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing, pembangunannya dipergiat lagi menerusi penubuhan infrastruktur asas termasuk penyediaan dan penggalakan pelbagai mekanisme transaksi elektronik. Penyertaan sektor swasta terutamanya institusi kewangan dan persatuan industri penting dalam penyediaan pertukaran kewangan bagi transaksi dalam talian untuk peniaga dengan peniaga (B2B) dan peniaga dengan pengguna (B2C).

5.15 Beberapa pelan tindakan di bawah perkhidmatan perbankan Internet dan Program e-Niaga MSC dilaksanakan secara perintis bagi menggalakkan lagi komunikasi dan transaksi elektronik melalui transaksi perniagaan secara dalam talian yang selamat bagi B2B dan B2C terutamanya di kalangan enterpris kecil dan sederhana (EKS). Di samping itu, bagi menggalakkan penggunaan e-dagang serta menangani masalah berkaitan dengan perlindungan pengguna dan keselamatan maklumat, beberapa langkah diambil untuk menggubal undang-undang baru seperti Rang Undang-undang Transaksi Elektronik, Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik dan Rang Undang-undang Perlindungan Maklumat Peribadi yang masih di peringkat awal penyediaan.

## **Pengurangan Jurang Digital**

5.16 Bagi memastikan setiap warga Malaysia berkongsi manfaat daripada ekonomi berasaskan pengetahuan, beberapa usaha mengurangkan jurang digital yang sedang dilaksanakan telah dipergiat lagi. Strategi tersebut termasuk pelaksanaan pelan infrastruktur untuk akses menyeluruh serta menyediakan perkhidmatan dan produk ICT yang mampu beli. Bagi tujuan tersebut, beberapa inisiatif diambil termasuk menubuhkan *telecentre* di kawasan luar liputan, semakan semula tarif langganan telefon dan Internet serta menggalakkan pemilikan komputer peribadi (PC). Di samping itu, bagi menggalakkan lagi penggunaan perkhidmatan dan kemudahan ICT, usaha juga diambil untuk membangunkan kandungan dan aplikasi dalam talian yang khusus.

5.17 Antara langkah yang diambil untuk merapatkan jurang digital di kalangan komuniti luar bandar ialah penubuhan 217 *telecentre* di bawah program USP dan program yang dibiayai oleh Kerajaan. *Telecentre* tersebut terdiri daripada 42 Pusat Internet Desa, 39 Medan InfoDesa, 58 Pusat Akses Komuniti dan 78 Kelas Literasi Komputer yang ditubuhkan bagi meningkatkan pendidikan komputer dan mengupayakan komuniti luar bandar mendapat akses dan menggunakan maklumat bagi meningkatkan taraf sosial dan ekonomi mereka. Program khusus juga dilaksanakan bagi melengkapkan orang kurang upaya, warga emas, pengusaha perusahaan mikro, ibu tunggal, belia dan golongan miskin di bandar dengan penggunaan perkhidmatan ICT. Dalam usaha

meningkatkan lagi celik ICT di kalangan isi rumah, projek Satu Rumah Satu PC dilancarkan pada tahun 2003.

5.18 Kajian Rangka Kerja Strategik Kebangsaan bagi merapatkan jurang digital (BDD) dijalankan bagi menyediakan pelan tindakan yang lebih menyeluruh dan mantap. Rangka kerja tersebut menggunakan sistem maklumat geografi (GIS) untuk memetakan taburan ICT di seluruh negara bersama pelbagai parameter demografi dan geografi seperti kepadatan penduduk, gender dan umur serta mengikut negeri, daerah dan mukim. Hasil penemuan awal menunjukkan taburan Internet dan PC yang tidak sekata menandakan bahawa kurang daripada satu peratus mukim mempunyai nilai purata indeks yang tinggi dan keseluruhannya tertumpu di sekitar bandar utama. Ini menunjukkan bahawa walaupun akses kepada perkhidmatan telefoni asas secara relatifnya tinggi namun lebih daripada 90 peratus daripada 927 mukim masih berada di peringkat awal penggunaan Internet dan PC.

### **Kemahiran ICT**

5.19 Dalam usaha mewujudkan sebuah negara yang mengamalkan budaya kerja berasaskan pengetahuan, pembangunan sumber manusia terus menjadi aspek kritikal dalam strategi dan inisiatif ICT Malaysia. Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk pekerja ICT berkemahiran tinggi seperti pereka dan juruanalisis sistem komputer, pengatur cara komputer dan juruteknik sokongan komputer, sebanyak 48 institusi pendidikan tinggi (IPT) berstatus MSC mengeluarkan sejumlah 31,000 siswazah ICT dalam tempoh Rancangan. Pelbagai program dilaksanakan bagi menggalakkan IPT serta institusi latihan lain bekerjasama dengan industri bagi memastikan kesesuaian kemahiran yang diperolehi relevan dan boleh dipasarkan.

5.20 Sungguhpun usaha gigih telah dijalankan, Penyiasatan Impak MSC 2005 menunjukkan masih terdapat kekurangan personel berkaitan ICT dalam bidang khusus dan keadaan ini menunjukkan ketidaksepadanan antara penawaran dengan permintaan bagi set kemahiran praktikal yang diperlukan oleh industri. Antara lain, dua skim perintis, iaitu Program Kemahiran Siswazah dan Program *Internship* MSC menyediakan latihan kemahiran di peringkat tinggi dan latihan semula kepada lebih daripada 2,000 siswazah ICT yang baru.

5.21 Selain latihan khusus di institusi, industri juga menyediakan latihan peningkatan kemahiran dalam perkhidmatan dan latihan di peringkat tinggi dalam perkhidmatan secara berterusan yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan ICT serta tahap kemahiran tenaga kerja. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak RM176 juta dibelanjakan untuk latihan berkaitan ICT di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) melibatkan pembiayaan sebanyak 241,359 tempat latihan di 227 pusat latihan di seluruh negara.

## **Pemupukan Keupayaan Tempatan dalam Pembangunan Kandungan**

5.22 Penggunaan teknologi digital bagi mencipta kandungan tempatan yang pelbagai dan asli untuk pendidikan, hiburan, aktiviti perdagangan dan perindustrian membolehkan pembangunan industri kandungan multimedia diperluas di pasaran tempatan dan antarabangsa. Dalam usaha mengurangkan jurang kemahiran dalam bidang pembangunan kandungan kreatif, sektor awam dan swasta telah meningkatkan keupayaan latihan ICT dalam bidang khusus seperti multimedia, animasi dan komputer grafik serta pembangunan perisian interaktif. Insentif yang ditambah baik seperti skim rebat yuran pelesenan diperkenalkan bagi menggalakkan pembekal perkhidmatan aplikasi kandungan membangunkan dan memasarkan kandungan tempatan serta meningkatkan kerjasama dengan pembekal kandungan bertaraf dunia.

5.23 Agenda untuk membangunkan kelompok multimedia kreatif sebagai bidang pertumbuhan baru masa depan diperkukuhkan dengan pelancaran Pusat Pembangunan dan Aplikasi Kreatif (CADC) MSC. Selain bekerjasama dengan syarikat tempatan, CADC juga menumpukan usaha kepada kerjasama strategik dengan IPT bagi mengembangkan aktiviti R&D dalam pembangunan kandungan yang nilai ditambah yang tinggi seperti visualisasi, pengimejan grafik komputer dan reka bentuk pengeluaran.

### **e-Pembelajaran**

5.24 Dalam tempoh Rancangan, peningkatan penggunaan Internet membawa kepada pertumbuhan e-pembelajaran sebagai satu sumber yang berpotensi untuk latihan dan pendidikan dalam talian. Selain inisiatif sekolah bestari, banyak peluang untuk pendidikan maya disediakan oleh sebilangan IPT. Selaras dengan peningkatan budaya perkongsian maklumat dalam talian, MIMOS telah membangunkan Grid Malaysia untuk Pendidikan (MyGfL) sebagai repositori dan direktori bagi perkongsian kandungan digital. Di samping itu, beberapa projek komuniti e-pembelajaran dan sekolah bestari juga telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC). Projek tersebut merupakan inisiatif yang diterajui oleh sektor swasta bagi menyediakan kemudahan infrastruktur asas ICT yang perlu, infostruktur serta penajaan kemudahan dan latihan ICT di sekolah terpilih. E-Pembelajaran di sekolah seterusnya juga dibantu menerusi penggunaan perisian mata pelajaran sekolah bestari dan akses kepada Internet menerusi *SchoolNet*.

5.25 Bagi memastikan inisiatif e-pembelajaran dibangunkan lebih selaras dan mantap di sektor awam, Jawatankuasa Perundingan e-Pembelajaran Kebangsaan (NeLCC) ditubuhkan bagi menyediakan hala tuju dan memantau



inisiatif penggubalan dan pelaksanaan strategi dan program. NeLCC menyelia penyediaan rangka tindakan terperinci e-pembelajaran bagi sektor awam untuk memastikan pembangunan dan penggunaan e-pembelajaran yang teratur.

### **Keselamatan Maklumat**

5.26 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai langkah diambil untuk menangani penyelewengan dan penyalahgunaan komputer berikutan aktiviti ekonomi yang semakin bergantung kepada rangkaian aplikasi dan infrastruktur komunikasi. Kerajaan mengambil inisiatif menyediakan Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Kebangsaan bagi menangani aspek perundangan, kawal selia dan teknikal yang perlu serta kerjasama antara institusi dalam memelihara e-Kedaulatan ke arah meningkatkan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan rangkaian komunikasi. Pusat Tindak Balas Kecemasan dan Keselamatan ICT Kebangsaan (NISER) menyediakan perkhidmatan dalam bidang terpilih forensik komputer, program pembudayaan, penyelidikan dasar, khidmat nasihat keselamatan dan penilaian perisian keselamatan. Perkhidmatan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) menyediakan landasan bebas untuk pengguna Internet melapor dan mendapatkan bantuan dalam menangani pencerobohan keselamatan, penyalahgunaan dan penyelewengan Internet.

### **Dana Pembangunan ICT**

5.27 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan telah menyediakan beberapa sumber dana bagi membantu syarikat untuk menggunakan ICT dalam proses perniagaan mereka serta meneroka aktiviti pelaburan baru berkaitan ICT. *Malaysia Debt Ventures Berhad* (MDV) menyediakan kemudahan kewangan yang inovatif untuk sektor ICT dan sektor yang mempunyai pertumbuhan tinggi. Pada akhir tahun 2005, sejumlah RM1.1 bilion telah dikeluarkan kepada 76 syarikat. *Malaysia Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP) pula mengeluarkan sejumlah RM82.6 juta untuk pembiayaan kewangan peringkat awal dan pembiayaan terus dalam bidang teknologi maklumat, elektronik, telekomunikasi dan rangkaian. Tabung Pengkomersilan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) serta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) melancarkan beberapa skim kewangan berkaitan ICT untuk mempercepatkan penggunaan ICT terutamanya oleh EKS. Skim Geran Aplikasi Penunjuk Cara (DAGS) menyediakan dana projek jangka pendek yang disasarkan kepada penciptaan, pembangunan dan promosi aplikasi baru ICT di kalangan pengguna tertentu terutamanya di peringkat komuniti. Program DAGS menyalurkan sebanyak RM79.7 juta melalui 51 projek sepanjang tempoh Rancangan.

## Penggalakan R&D dalam ICT

5.28 Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 192 projek R&D berkaitan ICT bernilai RM46 juta diluluskan di bawah Program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (IRPA). Projek berkenaan termasuk pemantauan rangkaian, komunikasi wayarles, infrastruktur pengkomputeran grid, GIS dan satelit, sensor serta aplikasi untuk bidang kesihatan, perniagaan, pertanian dan pendidikan yang dijalankan oleh beberapa IPT dan institusi penyelidikan. Sebanyak 27 projek berkaitan ICT berjumlah RM28 juta diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS). Dalam bidang keselamatan maklumat, pengkomputeran dan semikonduktor dan mikroelektronik, MIMOS menjalankan 34 projek R&D berkaitan ICT dan 30 daripadanya mempunyai nilai komersil yang berpotensi.

### III. PROSPEK, 2006-2010

5.29 Dalam usaha memperkukuhkan asas bagi mencapai ekonomi berasaskan pengetahuan, penggunaan ICT secara strategik akan menjadi semakin penting. Sehubungan ini, Malaysia perlu memanfaatkan lagi penggunaan ICT bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing serta memajukan aktiviti ekonomi intensif pengetahuan dan mengandungi nilai ditambah tinggi. Kerajaan akan meningkatkan keupayaan ICT bagi membolehkan akses yang menyeluruh, membangunkan kompetensi teras, mengurangkan jurang digital dan memperluas kegunaan transaksi elektronik sebagai sebahagian daripada usaha memperkasa keupayaan rakyat untuk menyertai perkembangan ekonomi digital. Pada masa yang sama, usaha ini akan membantu memperkembangkan perkhidmatan dan industri berkaitan ICT. Sehubungan ini, tumpuan pembangunan ICT dalam RMKe-9 akan merangkumi:

- mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab ICT dan multimedia global;*
- meluaskan rangkaian komunikasi bagi memastikan akses kepada perkhidmatan dan maklumat yang lebih setara;*
- menggiatkan usaha merapatkan jurang digital;*
- membangunkan bandar siber sedia ada serta mempromosikan pusat siber yang baru dan aplikasi multimedia MSC;*
- merangsang sumber pertumbuhan baru dalam sektor ICT termasuk bioinformatik, gabungan bioteknologi dan ICT;*

- ❑ *membangunkan tenaga kerja mahir dalam bidang ICT;*
- ❑ *mempercepatkan pembudayaan e-pembelajaran; dan*
- ❑ *mempertingkat keselamatan maklumat.*

### **Mengukuhkan Kedudukan Malaysia Sebagai Hab ICT Dan Multimedia Global**

5.30 Dalam tempoh RMKe-9, Malaysia akan memanfaatkan daripada kemajuan yang dicapai bagi merangsangkan pembangunan industri multimedia dan ICT. Menyedari bertambahnya persaingan daripada hab ICT lain di seluruh dunia, usaha akan dipergiat bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai lokasi pilihan antarabangsa dalam pelaburan ICT dan peneraju dalam pasaran produk ICT. Memandangkan persekitaran yang kondusif seperti keandalan infrastruktur serta ketersediaan, kemampuan dan produktiviti perkhidmatan adalah keperluan kritikal dalam menarik pelaburan daripada syarikat utama, Malaysia perlu sentiasa memperbaharu tanda aras dalam menilai daya saing dan tarikan pelaburan di peringkat antarabangsa. Bagi tujuan ini, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) akan terus menjadi forum utama untuk membangunkan dasar dan strategi ICT negara, menyelaras inisiatif dan memantau perlaksanaannya.

5.31 Pelan Arah Tuju Strategik ICT Kebangsaan akan menyediakan rangka kerja bagi membina keupayaan dan teknologi baru untuk meningkatkan capaian dan menggalakkan pelaburan dalam industri berasaskan ICT dan intensif pengetahuan. Kerajaan akan sentiasa mengkaji semula Bil Jaminan MSC bagi memastikan kandungan dan keperluannya kekal berdaya saing dan sesuai untuk pelaburan asing dan tempatan yang berkaitan ICT. Kajian semula tersebut akan mempertimbangkan kaedah untuk meningkatkan pemasaran dan penjenamaan MSC terutamanya dalam pasaran asing yang tertentu termasuk Timur Tengah, China dan Eropah.

5.32 Pelaksanaan Pelan Strategik ICT untuk Sektor Awam akan mengambil kira keperluan meningkatkan tahap saling boleh kendali, garis panduan dan standard yang seragam, perkongsian infrastruktur, serta peningkatan kemahiran ICT di kalangan tenaga kerja Kerajaan secara berterusan. Pelan tersebut merangkumi gerbang capaian sehenti untuk pelbagai aplikasi termasuk aplikasi komuniti untuk perniagaan dan masyarakat, perkhidmatan di peringkat dalaman dan antara agensi serta pangkalan pengetahuan dan aplikasi perusahaan yang menyeluruh bagi menyepadukan sistem sokongan pejabat.

5.33 Usaha akan dipergiat bagi menggalakkan institusi R&D tempatan dan peserta industri mewujudkan perkongsian dengan institusi antarabangsa dalam pembangunan teknologi rangkaian. Fasa kedua Rangkaian Penyelidikan dan Pendidikan Malaysia (MyREN) akan menghubungkan institusi pendidikan tinggi

swasta, institusi penyelidikan Kerajaan dan makmal industri swasta bagi meningkatkan lagi jaringan dan kerjasama dalam R&D di peringkat global. Bagi memudahkan komuniti penyelidik tempatan mewujudkan hubungan dengan institusi penyelidikan bertaraf dunia, MyREN akan dihubungkan dengan Rangkaian Penyelidikan Antarabangsa melalui *Trans-Eurasia Information Network 2 (TIEN2)*.

### **Peluasan Rangkaian Komunikasi Bagi Memastikan Capaian Maklumat Dan Perkhidmatan Yang Lebih Saksama**

5.34 Infrastruktur ICT yang mencukupi dan andal serta berkeupayaan tinggi bagi menyokong capaian dan penyampaian maklumat terus menjadi faktor utama dalam menyokong ekonomi berasaskan pengetahuan. Ketersediaan rangkaian jalur lebar merupakan komponen kritikal yang diperlukan untuk mencapai tahap penggunaan aplikasi multimedia dalam talian dan berasaskan Internet yang lebih meluas. Pelaksanaan NBP akan dipercepatkan sebagai sebahagian daripada usaha memastikan perkembangan pesat dan penggunaan perkhidmatan jalur lebar mencapai sasaran 13.0 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2010, berbanding dengan 1.9 peratus pada masa ini.

5.35 Selain peningkatan akses kepada infrastruktur komunikasi, penggunaan perkhidmatan jalur lebar yang lebih meluas akan digalakkan menerusi penyediaan pakej yang inovatif dan tarif yang berdaya saing. Teknologi *last-mile* inovatif yang dapat menyediakan sambungan alternatif untuk kediaman dan perniagaan seperti jalur lebar wayarles dan jalur lebar atas talian elektrik ke kawasan yang kekurangan talian telefon akan dipertimbangkan. Di samping itu, langkah akan diambil bagi membolehkan pembekal perkhidmatan mendapat akses kepada keupayaan infrastruktur di stesen satelit dan pendaratan kabel serta menyediakan perkhidmatan transit dan pemindahan antarabangsa kepada syarikat atau pihak ketiga. Di samping itu, pembukaan ibu sawat pertukaran Internet di Malaysia akan diperluas.

5.36 Langganan telefon selular dalam negara dijangka meningkat daripada 74.1 setiap 100 penduduk pada tahun 2005 kepada 85.0 pada tahun 2010 di mana sebahagian besar disumbangkan oleh faktor kemampuan dan perubahan gaya hidup. Bagi memperluas liputan komunikasi mudah alih dan saling boleh kendali di peringkat nasional, rangkaian infrastruktur Generasi Ketiga (3G) akan diperluas secara berperingkat dari segi ketersediaan perkhidmatan, liputan dan aplikasi yang inovatif serta berkualiti. Di samping itu, kerjasama di kalangan pembekal perkhidmatan mudah alih dengan pembekal kandungan tempatan akan diperkukuhkan bagi memastikan pengguna mendapat bekalan perkhidmatan Internet mudah alih yang lebih meluas dan seterusnya meningkatkan lagi akses kepada perkhidmatan berasaskan Internet seperti e-dagang.

5.37 Pelaksanaan MyICMS secara berperingkat akan meningkatkan lagi pertumbuhan infrastruktur, produk dan perkhidmatan ICT merangkumi perkhidmatan Internet, telefoni mudah alih dan penyiaran yang lebih bersepadu. Bagi memastikan pelaburan infrastruktur komunikasi yang optimum, pembekal perkhidmatan akan digalakkan untuk bergabung dan berkongsi kemudahan komunikasi serta menyelaraskan pembangunan kemudahan dan sistem saling boleh kendali yang seragam bagi menyediakan perkhidmatan penyampaian yang lebih cekap serta akses kepada jalur lebar yang mampu dilanggani. Bagi tujuan ini, sektor swasta akan digalakkan untuk menyediakan infrastruktur bersepadu, di mana perlu, bagi memastikan akses dan sambungan yang secukupnya.

5.38 Memandangkan bertambahnya permintaan untuk ruang alamat Internet, Kerajaan akan mempertimbangkan keperluan untuk menukar rangkaian Internet Malaysia daripada teknologi *Internet Protocol version 4* (IPv4) kepada *Internet Protocol version 6* (IPv6). Majlis Perundingan Kebangsaan bagi IPv6 ditubuhkan untuk mengkaji implikasi penubuhan rangkaian IPv6 dari segi dasar, persekitaran kawal selia, pelaburan, tempoh masa, keperluan sumber manusia dan penyediaan infrastruktur. Teknologi pengenalpastian frekuensi radio (RFID) juga akan digunakan untuk mewujudkan rangkaian yang menyeluruh. Dalam persekitaran ini, RFID menerusi fungsi pengesanan, pelabelan dan penjejakan akan diguna bagi meningkatkan penggunaan maklumat dan seterusnya menjana aktiviti dan perkhidmatan nilai ditambah baru dalam industri ICT.

### **Merapatkan Jurang Digital**

5.39 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempersiapkan masyarakat umum menghadapi cabaran dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, penekanan yang lebih diberikan bagi memastikan akses yang lebih menyeluruh kepada perkhidmatan dalam talian dan kemampuan memiliki PC. Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang digital dengan menyediakan, melaksana dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan dalam talian ke seluruh negara bagi membolehkan rakyat mendapatkan capaian dan menggunakan pengetahuan berasaskan Internet dan sumber maklumat sebagai sebahagian daripada kehidupan.

5.40 Selaras dengan jangkaan peningkatan permintaan bagi kegunaan aplikasi rangkaian, bilangan PC yang dipasang dianggarkan meningkat daripada 21.8 setiap 100 penduduk kepada 40.0 menjelang akhir tempoh Rancangan. Inisiatif Satu Rumah Satu PC akan dipergiat dengan memperluas skim sedia ada seperti PC Gemilang 2 dan PC Mesti Beli yang disasarkan kepada kumpulan pembeli kali pertama dan kumpulan berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini, faktor seperti kemampuan dan kemudahan sokongan teknikal selepas jualan akan diambil kira bagi memastikan penggunaan yang berterusan.

5.41 Rangka Kerja BDD Kebangsaan telah mengenal pasti lokasi serta kumpulan sasaran dan strategi bagi program BDD pada masa depan. Penemuan berasaskan GIS akan memudahkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan program dan projek masa hadapan bagi menggalakkan akses menyeluruh serta penggunaan ICT yang lebih intensif dan meluas untuk mewujudkan nilai ekonomi serta meningkatkan kualiti hidup. Bagi merealisasikan sepenuhnya potensi ICT, tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan celik komputer dan melengkapkan pengguna dengan pengetahuan asas dan kemahiran telekerja, pendidikan jarak jauh serta pengkomputeran dan komunikasi umum. Usaha tersebut bukan sahaja memanfaatkan isirumah, keluarga dan peniaga tetapi juga orang kurang upaya, orang miskin, wanita dan warga emas.

5.42 Merujuk kepada pembangunan *telecentre*, beberapa kaedah yang ditambah baik akan dipertimbangkan bagi memastikan *telecentre* kekal mampan dan mewujudkan nilai. *Telecentre* sedia ada akan dinaik taraf kepada Pusat K-Komuniti yang menyediakan pelbagai maklumat sosial dan ekonomi kepada komuniti. *Telecentre* akan dijadikan pusat sehenti yang merangkumi capaian kepada aplikasi Kerajaan Elektronik, e-Pembelajaran dan sebagai tempat pertukaran sumber maklumat. Bagi memenuhi keperluan daerah dan mukim yang terpencil dan mempunyai penduduk yang sedikit, *telecentre* bersaiz kecil akan diperkenalkan melalui program USP sumbangan industri. Bagi memastikan bekalan elektrik yang andal dan mencukupi, pelaksanaan program bekalan elektrik luar bandar, iaitu Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik akan menasaskan kawasan luar liputan yang sama.

5.43 Penekanan akan diberikan bagi mengubah cara berfikir serta penglibatan dan komitmen komuniti luar bandar terhadap penggunaan ICT menerusi pemupukan kesedaran dan program memperkasa komuniti tersebut. Inisiatif juga akan diambil bagi memastikan kandungan ICT terkini mencukupi dalam Bahasa Melayu dan bahasa tempatan lain bagi membolehkan penggunaan aplikasi ICT yang lebih meluas termasuk perkhidmatan e-dagang. Entiti perniagaan, organisasi berasaskan komuniti termasuk organisasi yang bukan bermotifkan keuntungan dan badan bukan kerajaan (NGO) akan digalakkan untuk bekerjasama dan membantu komuniti serta golongan sasaran memanfaatkan ICT bagi menjana nilai ekonomi dan meningkatkan taraf hidup.

### **MSC Fasa II dan Perluasan Aplikasi Multimedia**

5.44 MSC Fasa II akan dibangunkan berdasarkan keberkesanan pelaksanaan semasa Fasa I. Dalam tempoh Rancangan, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan rangkaian koridor merangkumi bandar siber sedia ada serta pusat siber baru yang akan dikenal pasti sesuai di Perak, Melaka, Johor dan Sarawak. Pembangunan bandar siber yang dicadangkan dijangka membawa masuk tambahan 250 syarikat multinasional (MNC) global. Bilangan syarikat

berstatus MSC dijangka meningkat daripada 1,421 pada tahun 2005 kepada 4,000 menjelang tahun 2010 mewujudkan 100,000 peluang pekerjaan dan 1,400 harta intelek, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 5-3*. Beberapa strategi baru akan dilaksanakan termasuk mengkaji semula dan menambah baik Bil Jaminan MSC, menggalakkan R&D secara usahasama antara entiti ICT tempatan dengan asing, meluaskan manfaat MSC menerusi peluasan MSC ke seluruh negara serta menggalakkan pengeluaran dan penggunaan perkhidmatan dan produk ICT yang direka bentuk dan dikeluarkan oleh pengusaha tempatan. Usaha yang lebih giat akan diambil bagi memastikan penyediaan perkhidmatan asas yang mencukupi termasuk jalur lebar dan akses kepada Internet yang lebih meluas serta kemudahan pengangkutan dan ameniti yang lebih baik.

JADUAL 5-3

## PETUNJUK TERPILIH MSC, 2001-2010

<i>Kategori</i>	<i>2001</i>	<i>2005</i>	<i>2010<sup>a</sup></i>
Syarikat Berstatus MSC (bilangan) <sup>1</sup>	621	1,421	4,000
- Milikan Tempatan	410	1,033	-
- Milikan Asing	198	349	-
- Usaha sama (50-50)	13	39	-
Perkerjaan (bilangan) <sup>1</sup>	14,438	27,288 <sup>2</sup>	100,000
- Pekerja Berpengetahuan	12,169	24,252 <sup>2</sup>	-
- Lain-lain	2,269	3,036 <sup>2</sup>	-
Pelaburan (RM bilion)	3.16	5.11 <sup>2</sup>	12
Hasil (RM bilion)	-	7.21 <sup>2</sup>	69
Exports (RM bilion)	-	1.57 <sup>2</sup>	2.5
Perbelanjaan R&D (RM juta)	-	670 <sup>2</sup>	1,000
IP Berdaftar (bilangan)	-	119 <sup>2</sup>	1,400

*Sumber:* Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Unit Perancang Ekonomi

*Nota :* <sup>1</sup> Angka terkumpul.

<sup>2</sup> Setakat Disember 2004.

<sup>a</sup> Anggaran

5.45 Cyberjaya akan terus dibangunkan sebagai Hab ICT Nasional dengan persekitaran properniagaan yang menggalakkan persaingan dan paduan tenaga di kalangan industri dan perkhidmatan yang berkaitan. Pelbagai perkhidmatan seperti pengangkutan dan kemudahan infrastruktur akan terus dipertingkatkan untuk menjadikan Cyberjaya lebih selesa dan sesuai untuk bekerja dan bersantai. Sehubungan ini, Cyberjaya akan menjadi bandar raya jalur lebar wayarles bagi menyediakan landasan yang lebih luas untuk tapak ujian aplikasi inovatif di kalangan pengguna dan tenaga kerja ICT yang semakin bertambah.

5.46 Keupayaan dan kemampuan MDC akan dipertingkatkan untuk berfungsi sebagai agensi penggalak pelaburan ICT setempat bagi menarik pelaburan baru serta mengekalkan pelaburan tempatan dan asing yang sedia ada terutamanya di bandar dan pusat siber. Sehubungan ini, program promosi dan pemasaran strategik dengan kerjasama sektor swasta akan dilaksanakan dengan gigih bagi mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan ICT serantau yang dinamik dan berdaya saing. Dalam usaha menembusi pasaran global, MDC antara lain akan berusaha mewujudkan hubungan strategik dan usaha sama di kalangan syarikat peneraju berstatus MSC antarabangsa dengan syarikat tempatan untuk terlibat dalam SSO serta mewujudkan aktiviti baru yang menjana pertumbuhan.

5.47 Berasaskan pencapaian yang lalu, aplikasi MSC seterusnya akan diperluas untuk merangsangkan lagi rancangan Kerajaan ke arah penggunaan ICT sebagai landasan untuk mempromosi capaian kepada maklumat dan perkhidmatan yang berkesan, mesra pengguna, dan bertepatan masa di samping menyediakan peluang untuk aktiviti ekonomi bernilai ditambah tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Sehubungan ini, agensi peneraju akan menggiatkan usaha untuk mengembangkan aplikasi multimedia dengan mengambil kira perubahan persekitaran perniagaan dan pekerjaan serta meningkatkan pemantauan dan penilaian impak ke atas program dan projek.

5.48 MDC juga akan digerakkan untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan konsultansi dan teknikal untuk memandu agensi peneraju mempercepatkan pelaksanaan aplikasi multimedia MSC. Sehubungan ini, pusat aplikasi baru akan ditubuhkan untuk menghasilkan teknologi baru dan sebagai tapak ujian, mengikuti perkembangan teknologi dan membina kompetensi teras. Bagi tujuan tersebut, MDC akan mengoptimumkan sumber yang ada dan memanfaatkan kemudahan infrastruktur dan kepakaran sedia ada untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan baru daripada peluasan aplikasi MSC di pasaran tempatan dan luar negara.

5.49 Bagi memastikan capaian lebih mudah dan pantas oleh komuniti luar bandar khususnya kepada perkhidmatan Kerajaan, sistem penyampaian awam akan ditingkatkan menerusi *Program Kerajaan Elektronik* yang menyediakan aplikasi ICT yang bersepadu dan berkesan. Di bawah projek e-Perkhidmatan, lebih banyak perkhidmatan Kerajaan akan diperkenalkan yang boleh dicapai menerusi satu gerbang. Memandangkan peningkatan permintaan terhadap perisian Kerajaan Elektronik di luar negara, usaha akan ditumpukan kepada penyepaduan pelbagai aplikasi Kerajaan bagi memastikan pematuhan kepada standard global berdasarkan penanda aras antarabangsa.



5.50 *Kad Pelbagai Guna Kerajaan* (GMPC) akan terus dibangunkan sebagai landasan umum yang mengandungi ciri-ciri tambahan untuk penggunaan lebih selesa dan keselamatan maklumat lebih terjamin. Aplikasi baru untuk GMPC akan dibangunkan bagi meningkatkan penggunaan *MyKad* dengan tumpuan kepada penyepaduan dan penyeragaman aplikasi.

5.51 Dalam tempoh Rancangan, aplikasi *Sekolah Bestari* akan diperkukuhkan bagi menyediakan liputan yang lebih komprehensif. Sehubungan ini, pengagihan aplikasi sekolah bestari yang boleh dicapai melalui *web* akan dipercepatkan. Usaha ini adalah untuk memastikan capaian kandungan dan aplikasi terkini e-pembelajaran dalam talian oleh guru dan pelajar secara berterusan. *SchoolNet* akan menyediakan kaedah pengagihan yang meluas bagi perisian sekolah bestari yang mempunyai keberkesanan kos.

5.52 *Telekesihatan* akan terus memanfaatkan rangkaian komunikasi berkelajuan tinggi dan wayarles yang menghubungkan pelbagai institusi perubatan merentasi sempadan geografi dan *spatial*. Usaha ini adalah bagi meningkatkan perkongsian maklumat kesihatan, mengoptimumkan sumber kepakaran dan memudahkan pengurusan data. Institusi perubatan swasta akan digalakkan untuk menyertai dan bekerjasama dengan hospital kerajaan dalam pelaksanaan perkhidmatan Pelan Kesihatan Hayat (LHP) yang akan menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan kesihatan kebangsaan yang lebih baik.

5.53 Di bawah Program Pembangunan Teknousahawan lebih banyak inkubator akan dibina bagi membangunkan EKS ICT yang berdaya saing. Program tersebut akan dilaksanakan dengan kerjasama MNC terpilih, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), ahli akademik dan institusi R&D. Bentuk bantuan yang akan disediakan bukan sahaja merangkumi pepadanan dana, tetapi termasuk juga penyediaan perkhidmatan mentor yang pelbagai dan penilaian risiko teknologi. Bagi tujuan ini, pembiayaan pada peringkat praawal, awal dan permulaan akan disediakan.

5.54 Dalam tempoh Rancangan, inisiatif Kelompok R&D akan memberi penekanan kepada pembentukan komuniti penyelidikan inovatif dalam MSC. MDC akan memainkan peranan utama dalam mengenal pasti dan menggalakkan syarikat peneraju teknologi tempatan dan antarabangsa untuk menubuhkan pusat penyelidikan bertaraf dunia dalam MSC dan bandar siber sedia ada dan pusat siber yang akan ditentukan. Penekanan diberikan kepada usaha menggalakkan kerjasama antara syarikat asing dengan tempatan, institusi penyelidikan dan universiti bagi meningkatkan pengkomersilan hasil R&D dan penubuhan syarikat baru.

## Sumber Pertumbuhan Baru Dalam ICT

5.55 Penekanan ke atas pembangunan infrastruktur ICT serta penggunaan aplikasi akan menyediakan peluang pekerjaan dan pelaburan yang luas dalam sektor swasta. Di antara sumber pertumbuhan baru dalam segmen utama sektor ICT ialah pembangunan kandungan digital, e-dagang, SSO dan bioinformatik. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan syarikat baru serta kepakaran yang mampu menghasilkan produk teknologi khusus dalam bidang tertentu. Penekanan khusus akan diberikan kepada promosi dan penggunaan produk dan perkhidmatan tempatan.

### *Pembangunan Kandungan Digital*

5.56 Industri kandungan digital yang merangkumi animasi komputer kreatif, permainan digital, *edutainment*, aplikasi dan perkhidmatan mudah alih, televisyen interaktif, arkib digital, penerbitan digital dan pelbagai industri serta aplikasi multimedia akan terus digalakkan dan dibangunkan sebagai sumber pertumbuhan baru. Bagi merangsangkan lagi industri kandungan digital, aktiviti berkaitan ICT yang menumpukan kepada inovasi teknologi dan kreativiti akan digalakkan menerusi pengenalan insentif baru dan ditambah baik. Usaha ini bertujuan untuk menarik pembangun kandungan antarabangsa bertaraf dunia, syarikat penyiaran serta syarikat reka bentuk dan pengeluar global untuk beroperasi di bandar siber sedia ada dan pusat siber baru yang berpotensi.

5.57 Memandangkan industri kandungan ICT merangkumi pelbagai disiplin termasuk senibina, reka bentuk, muzik, pembuatan filem, penerbitan, pengiklanan dan grafik, tumpuan akan diberikan ke arah memupuk kreativiti sebagai sumber ekonomi serta penghubung antara usahawan, teknologi dan inovasi. Sehubungan ini, tabung kandungan khas berjumlah RM150 juta akan diwujudkan untuk membantu pembangunan kandungan digital tempatan dalam meningkatkan komunikasi, maklumat, *edutainment* dan perdagangan.

5.58 Kerajaan akan bekerjasama rapat dengan pihak industri berkaitan ICT yang terlibat dalam mempromosi dan memupuk pembangun kandungan kreatif bagi meningkatkan lagi keberkesanan program inkubator sedia ada. Mekanisme sokongan yang ditambah baik akan diperkenalkan bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan bagi perkhidmatan dan produk multimedia inovatif serta teknologi aplikasi pengetahuan di pasaran tempatan dan luar negara. Tumpuan juga akan diberikan untuk membina kompetensi utama menerusi program akreditasi bersama pertumbuhan industri kandungan tempatan dan antarabangsa. Penetapan Zon Media Digital di Cyberjaya sebagai sebuah hab pembangunan kandungan digital dan Zon Kreatif di pusat siber baru dijangka akan menambah bilangan

pembekal kandungan digital secara berterusan. Zon tersebut akan memanfaatkan infrastruktur sedia ada dan menghasilkan teknologi khusus yang diperlukan untuk pembangunan kandungan.

5.59 Gabungan penyiaran televisyen dan Internet akan menyediakan rangkaian alternatif bagi penyampaian maklumat digital dan kandungan. Kehadiran perkhidmatan televisyen digital (DTV) akan menjadi saluran alternatif bagi mengembangkan penghasilan dan penyebaran nilai kandungan. Perkhidmatan tersebut akan ditawarkan menerusi penghantaran *terrestrial* yang dimulakan di Lembah Klang sebelum diperluaskan ke kawasan lain. Penggunaan gabungan teknologi tersebut akan membolehkan perolehan dan penyebaran maklumat interaktif yang lebih luas.

5.60 Dalam tempoh Rancangan, permintaan ke atas penggunaan pengkomputeran mudah alih oleh warga kerja dijangka akan meningkat. Keadaan ini akan meningkatkan permintaan aplikasi kandungan yang baru dan ditambah baik oleh pengguna dan perniagaan, dan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang kepada pereka bentuk, jurutera dan pembangun kandungan.

5.61 Dalam usaha merangsang pertumbuhan industri kandungan tempatan, peraturan yang berkaitan perlu mengambilkira keperluan kepada kandungan tempatan secara berkesan, terutamanya dalam bidang penyiaran. Pelesenan dan peraturan berkaitan penghasilan kandungan akan dikaji semula bagi meningkatkan penyelarasan permohonan dan prosedur kelulusan di kalangan agensi terlibat dan mengurangkan halangan bagi membangunkan kandungan tempatan yang baru dan ditambah baik. Bantuan Kerajaan dalam bentuk geran, rebat cukai dan kewangan akan dikenal pasti bagi membantu pertumbuhan bakat tempatan dan perkembangan industri kreatif.

5.62 Pada masa yang sama, rangka kerja perundangan bagi hak harta intelek (IPR) terutamanya paten, cap dagangan dan hak cipta produk dan perkhidmatan berkaitan ICT akan disemak semula dengan bertujuan memerangi cetak rompak dan menggalakkan inovasi di kalangan pencipta kandungan yang berpotensi. Usaha juga akan diambil bagi memperkemas pelbagai peraturan kandungan yang melibatkan pembangunan, promosi dan kawal selia industri kandungan di kalangan kementerian dengan agensi.

### *E-Dagang*

5.63 Tumpuan khusus akan terus diberikan kepada penyediaan dan penggalakan penggunaan meluas e-dagang sebagai kaedah alternatif untuk menjalankan perniagaan. Sementara pihak Kerajaan terus memainkan peranan

sebagai pemangkin dalam menggalakkan e-dagang, sektor swasta dan pertubuhan industri khususnya digalakkan meneraju inisiatif tersebut. Usaha ini akan memanfaatkan persekitaran rangkaian bagi mencapai maklumat mengenai produk dan perkhidmatan dalam talian serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi di sepanjang rantaian bekalan termasuk harga nyata semasa. Inisiatif tersebut dijangka akan memudahkan e-dagang menjadi mod transaksi ekonomi utama dan pada masa yang sama menjana peluang perniagaan baru dan inovatif.

5.64 Seperti yang dicadangkan dalam Fasa II Kajian Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan, tumpuan akan diberikan kepada penubuhan aplikasi rangkaian dan e-dagang dikalangan B2B dan B2C yang lebih meluas. Aplikasi tersebut akan menyokong pengurusan rantaian bekalan industri dan rangkaian logistik di kalangan beberapa sektor terutamanya sektor pertanian, pelancongan, pembinaan, perkhidmatan berkaitan pembuatan (MRS), pembuatan dan peruncitan. Pelbagai program baru dan sedia ada akan digalakkan untuk memanfaatkan persekitaran rangkaian bagi membantu penyampaian terus serta akses kepada pasaran tempatan dan antarabangsa.

*Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar Pesisir*

5.65 Dalam usaha mengekalkan pertumbuhan aktiviti SSO, pendekatan yang lebih menyeluruh akan diambil bagi menggalakkan persekitaran properniagaan. Usaha akan diambil berdasarkan kelebihan berbanding yang sedia ada dengan meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur serta membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk menarik perniagaan SSO ke Malaysia. Pada masa yang sama, insentif pelaburan akan sentiasa dikaji dengan objektif memastikan insentif fiskal sedia ada kekal relevan dan berkesan. Penyediaan insentif khusus serta pembiayaan modal teroka terutamanya untuk galakan R&D dan inovasi produk akan diberi penekanan.

*Bioinformatik*

5.66 Dengan mengambil kira asas ICT negara yang kukuh, bioinformatik merupakan satu bidang pertumbuhan baru berpotensi untuk dibangunkan. Dasar Bioteknologi Kebangsaan memberikan penekanan terhadap pembangunan bioinformatik yang merupakan gabungan bioteknologi dan ICT bagi menyokong industri bioteknologi negara yang baru bermula. Pasaran bioinformatik global dianggarkan bernilai US\$1.4 bilion dan dijangka berkembang pada kadar purata 15.8 peratus setahun dan mencapai US\$3 bilion menjelang tahun 2010. Jangkaan ini menggambarkan potensi besar untuk bioinformatik.

5.67 Inisiatif yang dicadangkan untuk kemajuan bioinformatik dan pengkomputeran grid akan dilaksana dengan tujuan untuk menjalankan penyelidikan bagi menyokong pembangunan proses dan produk bagi sektor

pertanian, kesihatan dan perindustrian. Di samping itu, pusat penanda aras bioinformatik akan ditubuhkan bagi memudahkan penandaarasan aplikasi bioinformatik selaras dengan amalan dan standard yang diterima di peringkat antarabangsa. Usaha tersebut akan memanfaatkan kemudahan R&D sedia ada termasuk rangkaian MyREN.

### **Pembangunan Tenaga kerja ICT**

5.68 Memandangkan ICT semakin berkembang, permintaan terhadap pekerja ICT berkualiti tinggi, berkemahiran dan kreatif akan meningkat tinggi bagi mengupayakan penggunaan teknologi sedia ada dan membangunkan teknologi baru serta mengekalkan daya saing produk dan perkhidmatan ICT Malaysia di pasaran dunia. Jumlah tenaga kerja ICT dijangka meningkat pada kadar 10.4 peratus setahun daripada 183,204 orang pada tahun 2005 kepada 300,000 menjelang tahun 2010. Bagi memenuhi permintaan sumber tenaga ICT berkemahiran tinggi, program pembangunan berkaitan pendidikan, latihan dan kemahiran akan dipergiat. Usaha tersebut memerlukan latihan profesional dan teknikal secara formal di pelbagai peringkat serta latihan sambil bekerja bagi kemahiran tertentu terutamanya dalam industri dan perkhidmatan berkaitan ICT.

5.69 Program latihan dan pendidikan ICT akan dipergiat dan diperluaskan ke sekolah, prauniversiti dan IPT. Antara lain, pembangunan kemahiran teras dalam pelbagai bidang seperti pembangunan perisian dalam sains hayat dan aplikasi pengetahuan akan digalakkan. IPT tempatan akan diberi kelonggaran prakelulusan kurikulum sebanyak 10 peratus bagi membolehkan mereka membangunkan tajuk tertentu dalam kursus yang dijalankan dengan kerjasama industri dari masa ke semasa. Pakar daripada industri akan digalakkan untuk mengajar kursus tersebut dan insentif akan diberikan kepada industri yang menyokong inisiatif tersebut. Pengajian lepasan ijazah dan pengkhususan dalam bidang teras ICT seperti pembangunan perisian, semikonduktor dan reka bentuk cip, pembangunan kandungan digital, keselamatan maklumat dan bioinformatik akan digalakkan.

5.70 Dalam tempoh Rancangan, langkah meningkatkan keupayaan siswazah ICT mendapatkan pekerjaan akan terus dilaksanakan menerusi kerjasama Kerajaan dan industri. Selain daripada program yang sedang dijalankan, Program Pembangunan Profesional MSC merupakan satu lagi inisiatif. Program tersebut akan dijalankan dengan kerjasama syarikat MSC bagi membangunkan pakar ICT berkemahiran tinggi dan tenaga kerja pengurusan berkaitan ICT yang sangat diperlukan termasuk mereka dalam bidang baru dan teknologi terkini. Institut Pembangunan ICT akan ditubuhkan bagi memadankan kemampuan institusi latihan dengan keperluan industri untuk membantu kebolehpasaran kemahiran yang diperolehi, terutamanya di kalangan siswazah ICT.

## **Mempercepatkan Pembudayaan e-Pembelajaran**

5.71 Dengan meningkatnya pendigitalan ekonomi, pendidikan dan latihan berasaskan komputer dan *web* dijangka akan menjadi semakin meluas. Dalam hubungan ini, untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, program e-pembelajaran di dalam industri dan agensi kerajaan akan dipertingkat dalam tempoh Rancangan. Galakan inisiatif e-pembelajaran dalam proses pendidikan formal termasuk di sekolah, universiti dan institusi latihan lain akan terus diberi keutamaan bagi memenuhi pertambahan permintaan terhadap kandungan dan aplikasi e-pembelajaran. Inisiatif yang serupa dalam proses pendidikan tidak formal akan digalakkan bagi melengkapkan masyarakat luar bandar, warga emas dan orang kurang upaya dengan peralatan asas bagi meningkatkan penggunaan ICT dan memperbaiki taraf sosio ekonomi mereka.

5.72 Sektor swasta juga akan digalakkan untuk menyediakan persekitaran kondusif bagi e-pembelajaran memandangkan perubahan budaya kerja yang mendorong permintaan bagi aplikasi dan perkongsian pengetahuan di tempat kerja. Insentif baru dan ditambah baik akan diambil kira dalam usaha meningkatkan kemampuan dan keupayaan e-pembelajaran. Impak pembudayaan digital terhadap prestasi dan keupayaan tenaga kerja untuk berinovasi dan menyumbang kepada reka bentuk serta penggunaan aplikasi pengetahuan akan terus meningkatkan produktiviti dan daya saing. Bagi melaksanakan program e-latihan, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan akan menyediakan pelan terperinci yang merangkumi kandungan, standard, sistem dan proses akreditasi.

5.73 Rangka Tindakan Terperinci e-Pembelajaran Sektor Awam yang hampir siap akan menyediakan garis panduan, kaedah, standard dan sumber yang diperlukan secara terperinci bagi menggalakkan budaya e-pembelajaran di kalangan tenaga kerja kerajaan. Pelaksanaan rangka tindakan terperinci tersebut merupakan keperluan penting bagi menyokong penggunaan ICT pada masa hadapan serta pengurusan pengetahuan di sektor awam.

## **Mempertingkat Keselamatan Maklumat**

5.74 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan keselamatan maklumat bagi menjamin kerahsiaan, integriti dan ketersediaan sistem maklumat dalam talian. Sehubungan ini, Kajian Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Kebangsaan yang dijalankan oleh Kerajaan akan menyediakan garis panduan yang menyeluruh mengenai pengurusan keselamatan maklumat, mekanisme untuk penyelarasan dan jaringan institusi serta strategi pembangunan modal intelek yang khusus. Garispanduan tersebut bertujuan meningkatkan

integriti sistem dalam rangkaian, meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dalam mekanisme dalam talian dan meningkatkan kualiti perkhidmatan menerusi pematuhan standard pengurusan keselamatan maklumat dan amalan terbaik. Aspek tersebut penting terutamanya kepada agensi yang menguruskan infrastruktur maklumat negara yang kritikal.

5.75 Menyedari kepentingan jaminan keselamatan aplikasi dan produk ICT, langkah akan diambil untuk menyediakan penilaian keselamatan berdasarkan standard dan pensijilan antarabangsa. Sehubungan ini, beberapa kemudahan makmal penilaian akan ditubuhkan untuk menjalankan penilaian risiko dan keselamatan produk tempatan bagi membantu menembusi pasaran dan mendapat penerimaan pengguna. Bagi mengurangkan lagi penyelewengan dan pelanggaran peraturan keselamatan dalam talian, struktur sokongan dan langkah peningkatan keupayaan di kalangan agensi yang berkaitan akan dipertingkat bagi memastikan undang-undang siber dan peraturan berkaitan yang sedia ada kekal sesuai dan boleh dikuatkuasakan.

5.76 Dalam tempoh RMKe-9, di samping menumpukan kepada peluasan pengkomputeran dalam talian di kalangan masyarakat umum, keutamaan akan terus diberikan kepada penggunaan ICT yang beretika. Kerajaan akan terus memperketatkan garis panduan mengenai tanggung jawab penggunaan Internet terutamanya di kalangan pengguna di rumah dan sekolah. NISER akan mempromosi program kesedaran bagi meningkatkan tahap kompetensi dalam pengkomputeran selamat, terutamanya mengenai langkah yang diperlukan bagi tindakan pembaikan segera. Usaha tersebut akan terus diperkukuhkan menerusi inisiatif oleh pembekal perkhidmatan Internet untuk menyediakan pilihan kemudahan menyaring maklumat kepada pelanggan Internet.

#### **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

5.77 Dalam tempoh RMKe-9, pelbagai program pengkomputeran akan diterajui oleh kementerian dan jabatan yang berkenaan. Bagi program pembangunan infrastruktur BDD, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan terus menerajui pembangunan infrastruktur komunikasi serta menyokong dan menaik taraf *telecentre* dan *SchoolNet* dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pelajaran. Aplikasi Multimedia MSC akan diperluaskan oleh agensi pelaksana utama iaitu Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, bersama dengan MDC akan menerajui pembangunan dan promosi MSC, manakala MIMOS akan menerajui R&D dalam ICT.

5.78 Sejumlah RM12.9 bilion akan diperuntukkan kepada program dan projek berkaitan ICT, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 5-4*. Sebahagian besar daripada peruntukan tersebut adalah untuk pengkomputeran kementerian dan agensi kerajaan serta inisiatif BDD terutamanya bagi membekal dan menyelenggara komputer dan akses kepada Internet. Dana khusus akan disediakan untuk menggalakkan pembangunan kandungan dan keusahawanan ICT.

JADUAL 5-4

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI  
PROGRAM BERKAITAN ICT, 2001-2010**  
(RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
<b>Pengkomputeran Agensi Kerajaan</b>	<b>2,125.0</b>	<b>5,734.2</b>
<b>Merapatkan Jurang Digital</b>	<b>2,433.1</b>	<b>3,710.2</b>
Sekolah	2,145.1	3,279.2
Program Penyediaan Kemudahan Infrastruktur Komunikasi	254.0	150.0 <sup>1</sup>
Telecentre	18.1	101.0
Latihan/Perkhidmatan ICT	15.9	180.0
<b>Tabung ICT</b>	<b>1,125.6</b>	<b>1,493.0</b>
<b>Aplikasi Multimedia MSC</b>	<b>1,153.1</b>	<b>1,100.5</b>
Kerajaan Elektronik	537.7	572.7
Sekolah Bistari	363.9	169.8
Telekesihatan	91.8	60.0
Kad Pelbagai Guna Kerajaan	159.7	298.0
<b>Pembangunan MSC</b>	<b>320.8</b>	<b>377.0</b>
<b>Penyelidikan dan Pembangunan ICT</b>	<b>727.5</b>	<b>474.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>7,885.1</b>	<b>12,888.9</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Sebahagian besar akan disediakan melalui USP yang disumbangkan oleh industri.

## V. PENUTUP

5.79 Dalam tempoh RMKe-8, Malaysia telah berjaya mencapai kemajuan dalam meningkatkan kandungan maklumat dan pengetahuan dalam semua sektor ekonomi serta memastikan semua kumpulan masyarakat termasuk komuniti luar bandar mendapat manfaat daripada ICT. Dalam menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, Malaysia akan mengambil faedah daripada persekitaran rangkaian seiring dengan peluasan MSC yang seterusnya termasuk pembangunan bandar siber dan pusat siber yang dikenal pasti sesuai. Usaha tersebut bertujuan mengukuhkan lagi ICT sebagai sumber pertumbuhan baru dan penjaan



kekayaan dan mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai hab destinasi multimedia global yang berdaya saing khususnya SSO. Inisiatif seterusnya akan diambil untuk menarik pelaburan dalam bidang sedia ada dan baru termasuk penyediaan insentif yang ditambah baik, kajian semula undang-undang dan peraturan berkaitan pelaburan, dengan tujuan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan serta menyediakan sumber kewangan secukupnya.

5.80 Inisiatif strategic tersebut akan dilengkapi dengan usaha pembangunan sumber manusia, pembinaan kandungan tempatan, pengukuhan perlindungan IPR, meningkatkan keselamatan maklumat dan mengiatkan aktiviti yang diupayakan secara elektronik di kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, penyediaan infrastruktur, infostruktur dan persekitaran properniagaan yang diperlukan akan diperkukuhkan bagi menyediakan akses meluas kepada kemajuan ICT serta memberi lebih banyak peluang untuk menyertai ekonomi digital di peringkat global.

# MENJANA KEKAYAAN MELALUI BIOTEKNOLOGI

# 6

## I. PENGENALAN

6.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), usaha ditumpukan kepada penyediaan asas ke arah membangunkan industri bioteknologi yang berdaya saing. Penekanan sewajarnya diberikan kepada pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan pekerja mahir dalam bidang berkaitan bioteknologi. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bioteknologi menjadi semakin penting dan dilaksanakan selaras dengan bidang keutamaan. Usaha turut ditumpukan kepada peningkatan infrastruktur dan kemudahan teknologi bagi menggalakkan inovasi dan pembangunan industri. Kejayaan penting dicapai menerusi pelancaran Dasar Bioteknologi Negara (DBN) pada tahun 2005 menyediakan rangka kerja menyeluruh bagi memberikan panduan kepada usaha pembangunan bioteknologi negara.

6.02 Bioteknologi bersedia menjadi penggerak gelombang industri berasaskan pengetahuan yang berikutnya serta menyumbang kepada pertumbuhan dan penjanaan kekayaan, pelaburan baru dan peluang pekerjaan di samping memberikan manfaat dari segi sosial dan alam sekitar. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), usaha gigih akan ditumpukan kepada pelaksanaan DBN dengan penyertaan aktif sektor swasta. Rangka kerja institusi, kawal selia dan kewangan yang sesuai akan dibangunkan untuk menggalakkan bioteknologi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pembangunan modal insan akan dipergiat untuk memenuhi keperluan industri dan memupuk keusahawanan. Infrastruktur bioteknologi akan diperkukuh dengan penubuhan pusat kecemerlangan. Pendekatan baru iaitu *BioNexus* akan diguna pakai untuk memanfaatkan kekuatan institusi sedia ada selari dengan pembangunan industri.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

6.03 Bioteknologi dikenal pasti sebagai teknologi utama yang berupaya memacu dan menyokong matlamat negara dalam proses perubahan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Dalam tempoh Rancangan, penekanan diberikan

kepada usaha membangunkan keupayaan dan kemampuan sumber manusia serta institusi penyelidikan. DBN yang dilancarkan pada tahun 2005 menyediakan rangka kerja pembangunan industri yang lebih bersepadu dan menggariskan matlamat, keutamaan dan strategi secara komprehensif. Dasar ini memberikan penekanan kepada keperluan pembangunan sumber manusia, perubahan kawal selia dan institusi serta insentif fiskal dan kewangan. DBN turut menggariskan rangka hala tuju strategik industri bioteknologi bagi tempoh pelaksanaan selama 15 tahun. Perbadanan Bioteknologi Malaysia (MBC) telah ditubuhkan pada tahun 2005 sebagai agensi utama dalam membantu dan memudahkan pembangunan industri bioteknologi Malaysia.

### **Pembangunan Sumber Manusia**

6.04 Kualiti dan kemahiran sumber manusia penting kepada kejayaan dalam bioteknologi. Sehubungan ini, pelbagai program dilaksanakan untuk mewujudkan sekumpulan pakar bioteknologi dan pakar bidang berkaitan bioteknologi. Dalam tempoh Rancangan, institusi pendidikan tinggi (IPT) telah mengeluarkan lebih daripada 4,000 siswazah di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran dalam pelbagai bidang pengkhususan bioteknologi seperti biologi molekul, bioteknologi tumbuh-tumbuhan, kejuruteraan bioproses, bioinformatik dan bioteknologi marin. Skim Biasiswa Penyelidikan Sains Kebangsaan (NSF) menyediakan biasiswa kepada 156 pelajar ijazah sarjana dan kedoktoran dalam bidang berkaitan bioteknologi. Program latihan dalam perkhidmatan untuk membangunkan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi menyediakan biasiswa kepada pegawai yang sedang berkhidmat di institusi penyelidikan dan universiti untuk melanjutkan pengajian di peringkat lepasan ijazah dalam bidang bioteknologi. Walaupun pelbagai usaha pembangunan sumber manusia dilaksanakan, jurang terus wujud antara permintaan dengan penawaran kemahiran bioteknologi berikutan peluang guna tenaga baru yang diwujudkan dalam bidang ini masih kurang.

### **Penyelidikan dan Pembangunan**

6.05 Skim Geran R&D Bioteknologi yang diperkenalkan pada tahun 2001 di bawah Direktorat Bioteknologi Kebangsaan telah meluluskan sejumlah RM95.3 juta untuk 47 projek penyelidikan bioteknologi, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 6-1*. Daripada jumlah tersebut, 11 projek dikelaskan sebagai sedia untuk dikomersilkan. Dari segi modal intelek, projek R&D ini menghasilkan 27 paten yang didaftarkan di Malaysia dan satu di peringkat antarabangsa.

### **Infrastruktur dan Kemudahan**

6.06 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai langkah diambil untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan teknologi yang perlu bagi menyokong aktiviti berkaitan bioteknologi. Antara lain, tiga makmal khusus dibina, iaitu makmal bioteknologi

JADUAL 6-1

**PROJEK R&D BIOTEKNOLOGI SEKTOR AWAM, 2001-2005**

<i>Bidang Tumpuan</i>	<i>Bilangan Projek</i>	<i>Geran Diluluskan (RM juta)</i>
Genomik dan Proteomik	8	17.9
Tumbuh-tumbuhan	4	8.6
Haiwan	12	17.3
Perubatan	8	18.9
Biofarmasi	5	3.2
Alam Sekitar	2	3.8
Makanan	4	6.4
Produk Asli	4	19.2
<b>Jumlah</b>	<b>47</b>	<b>95.3</b>

Sumber: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

pertanian di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), makmal genomik dan biologi molekul di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta makmal farmaseutikal dan nutraseutikal di Universiti Putra Malaysia (UPM). Makmal ini menyediakan kemudahan khusus bagi memajukan R&D negara dalam bioteknologi dan aplikasinya serta sebagai tempat latihan personel R&D.

6.07 Pusat Standard dan Kawalan Kualiti Bioteknologi (BIOSTAQ) bagi produk herba di Taman Teknologi Tinggi Kulim mula beroperasi pada bulan Ogos 2004. Pusat ini menyediakan perkhidmatan berkaitan standard dan kawalan kualiti produk asli. Perkhidmatan ini menggunakan teknologi terkini termasuk analisis mikrob dan logam berat, ujian gravimetrik, analisis nilai ekstrak serta ujian ketoksikan dan ketulenanan.

6.08 Sebahagian daripada usaha membangunkan komuniti bioteknologi Malaysia, Rangkaian Bioteknologi dan Bioinformatik Kebangsaan (NBBNet) diwujudkan pada tahun 2001. Pewujudan rangkaian ini bertujuan menggalakkan kerjasama dan rangkaian antara institusi penyelidikan, universiti dan industri. NBBNet juga menyediakan pangkalan data dan maklumat mengenai sumber genetik tempatan dan aktiviti utama R&D.

### **Rangka Kerja Kawal Selia**

6.09 Kerajaan memainkan peranan proaktif dalam menentukan agenda kawal selia selaras dengan keperluan untuk menyediakan persekitaran kawal selia yang kondusif bagi membangunkan industri bioteknologi dan memastikan kesejahteraan awam. Sehubungan ini, Malaysia mengesahkan dan menerima beberapa konvensyen dan protokol antarabangsa berkaitan pembangunan industri bioteknologi. Malaysia merupakan ahli kepada Konvensyen berkaitan Kepelbagaian

Biologi yang mengesahkan Protokol Cartagena berkaitan Biokeselamatan pada tahun 2003 untuk melindungi negara daripada kemungkinan risiko daripada organisma hidup terubah suai (LMO). Protokol ini mengandungi beberapa prosedur yang berasingan, iaitu prosedur untuk LMO yang diperkenalkan kepada alam sekitar bagi tujuan tertentu dan LMO yang secara langsung digunakan sebagai makanan atau makanan haiwan atau untuk memproses produk makanan lain. Protokol ini merupakan tambahan kepada prosedur perjanjian maklumat terkini dan penubuhan mekanisme *Biosafety Clearing House*.

6.10 Pengisytiharan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik pada tahun 1984 menyediakan asas kepada pembangunan sistem kawal selia farmaseutikal bersistem. Pelbagai langkah diambil oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPCB) bagi mengekalkan standard dan melindungi keselamatan awam dengan melaksanakan skim pelesenan dan pendaftaran ubat dan kosmetik yang meliputi pengeluar, pengimport dan pemborong farmaseutikal serta menjalankan ujian klinikal. NPCB juga menyediakan bantuan teknikal kepada pengeluar farmaseutikal tempatan untuk menaik taraf standard pengeluaran supaya setara dengan tahap yang dikehendaki oleh Amalan Pengeluaran Baik (GMP) seperti dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan organisasi lain yang berkaitan.

6.11 Usaha dilaksanakan bagi memastikan industri farmaseutikal berdaya saing melalui penambahbaikan yang berterusan berdasarkan kehendak standard dan jaminan kualiti untuk menghadapi globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Pada tahun 2002, Malaysia menjadi ahli ke-26 Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PICS) yang merupakan persetujuan kerjasama antara pihak berkuasa pemeriksaan farmaseutikal antarabangsa dalam bidang GMP. Penerimaan Malaysia dalam PICS memberi laluan kepada produk farmaseutikal tempatan untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa.

### **Penyertaan Sektor Swasta**

6.12 Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005 menunjukkan bahawa sehingga akhir tahun 2003, sebanyak 117 syarikat berkaitan bioteknologi telah ditubuhkan dan menjana nilai ditambah berjumlah RM1.4 bilion serta mewujudkan 10,200 pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, 68.4 peratus merupakan syarikat sektor perkhidmatan diikuti sektor pembuatan 23.9 peratus dan pertanian 7.7 peratus. Syarikat perkhidmatan berkaitan bioteknologi menjanakan 65.7 peratus daripada keseluruhan nilai ditambah dalam bioteknologi dan terlibat dalam aktiviti seperti pembungkusan semula, pengedaran dan pemasaran produk berkaitan bioteknologi serta khidmat perundingan bagi mematuhi peraturan dan standard. Sebahagian besar daripada syarikat bioteknologi pertanian terlibat dalam aplikasi kultur tisu

dan teknik pembiakan termaju bagi penghasilan tanaman dan ternakan yang lebih baik.

6.13 Selaras dengan dasar pertumbuhan dorongan sektor swasta, pelbagai usaha dilaksanakan bagi menarik pelaburan dalam bioteknologi. Dalam tempoh Rancangan, 30 projek pembuatan dalam bidang bioteknologi pertanian, bioteknologi penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri dengan pelaburan sebanyak RM715.5 juta diluluskan dengan 1,441 peluang pekerjaan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 6-2*. Daripada jumlah projek yang diluluskan, sebanyak 10 syarikat telah beroperasi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM110 juta dan mewujudkan 364 pekerjaan. Projek ini termasuk pengeluaran makanan tambahan imunologi berkhasiat berasaskan bahan tumbuh-tumbuhan, antibodi monoklon, polipeptida dan formulasi serta peralatan diagnostik. Baki projek yang diluluskan adalah di peringkat proses pembinaan kilang pengeluaran.

JADUAL 6-2

**PROJEK PEMBUATAN BIOTEKNOLOGI YANG DILULUSKAN, 2001-2005**

<i>Tahun</i>	<i>2001</i>	<i>2002</i>	<i>2003</i>	<i>2004</i>	<i>2005</i>	<i>RMKe-8</i>
Bilangan Syarikat	2	6	4	11	7	30
Guna Tenaga	56	199	129	519	538	1,441
Pelaburan yang Dicadangkan (RM juta)	6.1	79.8	215.7	237.8	176.1	715.5

*Sumber:* Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

6.14 Sebagai usaha menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam industri bioteknologi, kemudahan inkubator disediakan oleh SIRIM Berhad, Taman Teknologi Malaysia (TPM) serta Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dengan kerjasama UPM, UKM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membimbing syarikat baru. Syarikat berstatus inkubator diberi akses untuk menggunakan kemudahan guna sama serta bantuan teknikal dalam pembangunan reka bentuk, prototaip dan produk.

6.15 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai langkah telah diambil bagi menggalakkan kerjasama antarabangsa yang lebih erat dalam bidang bioteknologi. Beberapa inisiatif telah menyumbang kepada pembangunan keupayaan tempatan dalam teknologi pelantar yang utama bagi menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan menjanakan harta intelek (IP). Inisiatif ini termasuk kerjasama penyelidikan dan pengkomersilan produk asli terpilih serta inisiatif dalam bidang vaksinologi, diagnostik dan biobahan.

### III. PROSPEK, 2006-2010

6.16 Sektor bioteknologi menghadapi masa depan yang mencabar kesan daripada persaingan global yang semakin meningkat. Syarikat bioteknologi Malaysia perlu mengenal pasti dan membangunkan produk dan perkhidmatan terpilih bagi komponen daripada rantai nilai tertentu dalam bioteknologi global untuk terus berdaya saing. Dalam tempoh RMKe-9, Malaysia akan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan DBN untuk membangunkan bidang bioteknologi terpilih dalam bidang pertanian, penjagaan kesihatan, industri dan bioinformatik. Sehubungan ini, usaha akan dipergiat untuk menggalakkan pelaburan asing dan tempatan serta kerjasama rapat dengan entiti asing bagi memperoleh akses kepada teknologi, kepakaran dan pasaran baru. Konsep *BioNexus* akan diguna pakai dengan sasaran penubuhan syarikat dan projek bioteknologi berdekatan dengan institusi penyelidikan dan kawasan industri yang berkaitan bagi membentuk rangkaian bersinergi di kalangan entiti berkenaan seterusnya mempercepat pertumbuhan kelompok dalam bidang bioteknologi terpilih. Kejayaan pelaksanaan DBN amat bergantung kepada tindakan susulan ke atas perancangan, keberkesanan pelaksanaan program serta penilaian dan pemantauan hasil dan impak secara berterusan.

#### Teras Pembangunan

6.17 Dalam tempoh RMKe-9, objektif pembangunan bioteknologi adalah untuk menggunakan potensi bioteknologi sebagai sumber penjana kekayaan yang semakin berkembang dan meningkatkan aplikasi bioteknologi dalam pelbagai sektor ekonomi. Sasaran pembangunan bioteknologi adalah untuk menggandakan bilangan syarikat bioteknologi dan yang berkaitan kepada 400 menjelang tahun 2010. Penekanan akan diberikan kepada usaha membangunkan syarikat yang berkualiti, mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan intensif pengetahuan serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Bagi tujuan ini, teras strategik adalah seperti berikut:

- ❑ *mengubah dan meningkatkan pewujudan nilai dalam sektor pertanian melalui bioteknologi;*
- ❑ *memanfaatkan kelebihan biokepelbagaian untuk mengkomersilkan penemuan produk berkaitan kesihatan dan menjadikan Malaysia dalam pasaran biogenerik yang berkembang;*
- ❑ *menyediakan peluang pertumbuhan dalam industri biopemprosesan dan biopembuatan;*
- ❑ *mengambil faedah daripada pemusatan teknologi bagi membangunkan industri bioinformatik baru yang berkembang;*
- ❑ *mempromosikan BioNexus sebagai jenama unik untuk menarik pelaburan asing dan tempatan dalam bidang bioteknologi;*

- ❑ mewujudkan persekitaran yang sesuai dengan rangka kerja institusi sokongan, kawal selia dan kewangan bagi membantu pembangunan industri bioteknologi yang kukuh dan pelbagai;
- ❑ meningkatkan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan negara; dan
- ❑ menubuhkan pusat kecemerlangan R&D dan mempercepat pembangunan, penyebaran dan pengkomersilan teknologi.

## Pembangunan Bioteknologi

6.18 Sebagai usaha untuk menggerakkan ekonomi ke atas di sepanjang rantaian nilai, penekanan akan diberikan kepada pembangunan industri bioteknologi. Bagi mewujudkan sumber kekayaan baru, langkah akan diambil untuk memperkukuh asas industri serta menarik penyertaan sektor swasta yang lebih besar melalui pelaburan dan pewujudan perniagaan dalam komponen strategik rantaian nilai bioteknologi.

### *Bioteknologi Pertanian*

6.19 Dalam usaha meningkatkan pewujudan nilai dalam sektor pertanian, usaha yang lebih akan dilaksanakan untuk membangunkan kemampuan negara dalam bioteknologi pertanian. Pengetahuan dan kepakaran terkumpul yang dibangunkan oleh pelbagai institusi seperti MARDI, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia akan dimanfaatkan dan diperhalus untuk membangunkan bidang terpilih. Penerokaan teknologi baru untuk aplikasi bukan sahaja dalam bioteknologi pertanian tetapi juga dalam bidang bioteknologi penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri termasuk bioinformatik, kejuruteraan genetik serta genomik dan proteomik fungsian akan diterajui oleh institusi berkenaan serta Institut Genom Malaysia, iaitu institut khusus yang baru ditubuhkan.

6.20 Aplikasi teknologi pelantar bioteknologi seperti kejuruteraan genetik, genomik dan proteomik fungsian akan digalakkan untuk mengeluarkan produk bioteknologi pertanian bagi meningkatkan produktiviti serta menambah baik ciri agronomi tanaman dan ternakan. Aktiviti bioteknologi pertanian lain yang akan digalakkan termasuk *biopharming*, iaitu penggunaan tumbuh-tumbuhan atau ternakan transgenik bagi mengeluarkan protein bernilai tinggi.

6.21 Institut Bioteknologi Pertanian Kebangsaan di MARDI akan berperanan sebagai pusat kecemerlangan negara bagi R&D, pengkomersilan dan penyebaran bioteknologi pertanian. Institut ini juga akan membangunkan perkongsian bersinergi dengan Agropolis yang akan dijadikan sebagai pusat kecemerlangan bagi pemprosesan dan pengeluaran makanan. Agropolis akan menganjurkan pameran bertaraf antarabangsa seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pertanian



berasaskan Pelancongan Malaysia (MAHA) untuk mempamerkan produk dan perniagaan pertanian negara bagi membantu penyebaran teknologi dan amalan pertanian moden.

### *Bioteknologi Penjagaan Kesihatan*

6.22 Bioteknologi membolehkan penemuan dan pembangunan produk dan rawatan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu membangunkan bidang pengkhususan yang strategik dalam rantaian nilai bioteknologi memandangkan pelaburan yang besar diperlukan untuk melaksanakan keseluruhan proses penemuan sehingga pengkomersilan. Sehubungan ini, usaha akan ditumpukan kepada pemanfaatan biokepelbagaian negara yang luas dan pengetahuan tempatan mengenai ubat tradisional dan pelengkap (T/CM) untuk menerajui pembangunan industri farmaseutikal dan nutraseutikal. Bidang terpilih lain yang dibangunkan termasuk kontrak R&D biogenerik, diagnostik dan vaksin terutamanya bagi penyakit yang sering berlaku.

6.23 Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Kebangsaan (NIPN) dan Institut Kebangsaan Produk Asli, Vaksin dan Biologi (NINPVB) akan diwujudkan sebagai pusat kecemerlangan R&D dalam bidang bioteknologi berkaitan penjagaan kesihatan. NIPN akan memberikan tumpuan kepada penggunaan secara optimum sumber biologi semula jadi daripada tumbuh-tumbuhan, marin dan mikrob untuk digunakan dalam nutraseutikal, kosmoseutikal dan fitofarmaseutikal. NINPVB akan melaksanakan pelbagai program untuk menggalakkan perubatan herba dengan memanfaatkan pengetahuan tempatan dalam T/CM serta meningkatkan pengeluaran vaksin. Di samping itu, Pusat Pengesahan Produk Biologi akan dibina di Johor untuk menentusahkan kandungan produk herba, nutraseutikal dan fitofarmaseutikal bagi mematuhi peraturan pendaftaran dan jaminan kualiti.

### *Bioteknologi Perindustrian*

6.24 Keupayaan negara dalam industri pembuatan dan pemprosesan menyediakan pelbagai peluang bagi pembangunan industri bioteknologi. Bidang pertumbuhan bioteknologi yang dikenal pasti termasuk pembangunan pemangkin biologi seperti enzim dalam penyediaan makanan dan makanan haiwan, produk bahan pencucian, pemprosesan tekstil dan proses perindustrian lain. Biopemprosesan merupakan antara bidang pertumbuhan yang boleh diguna pakai dalam pengeluaran biobahan seperti bioplastik, *biofuel* dan bahan kimia yang khusus seperti kandungan kosmetik serta bahan kimia bagi kegunaan sektor elektronik. Bidang pertumbuhan yang ketiga ialah kontrak biopembuatan.

6.25 Kemudahan Amalan Pengeluaran Baik Terkini (cGMP) yang direka bentuk selaras dengan standard dan garis panduan antarabangsa akan siap dibina dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2006 merupakan sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan biopembuatan. Kemudahan tersebut akan menyediakan

lalu bagi Malaysia menjadi pengeluar pembuatan kontrak ramuan farmaseutikal aktif. Kemudahan pelbagai produk ini akan digunakan untuk pengeluaran pelbagai produk biofarmaseutikal berasaskan kultur sel mamalia dan manusia.

6.26 Harga minyak mentah yang tinggi beserta dengan keperluan mendapatkan tenaga boleh diperbaharu bagi menggantikan bahan api fosil yang semakin berkurangan menjadikan *biofuel* sebagai bidang pertumbuhan yang berdaya maju. Permintaan terhadap bahan api terbiodegradasi termasuk diesel sawit oleh negara maju dijangka mencapai 10.5 juta tan metrik menjelang tahun 2007. Malaysia mempunyai 3.9 juta hektar ladang kelapa sawit dan lebih daripada 360 kilang minyak kelapa sawit. Sehubungan ini, Malaysia berkeupayaan dan berkemampuan untuk memenuhi permintaan *biofuel* global yang semakin meningkat. Selaras dengan Dasar Biofuel Negara yang diumumkan pada bulan Ogos 2005, pelbagai strategi akan dilaksanakan untuk meningkatkan penggunaan *biofuel* sebagai alternatif kepada diesel berasaskan petroleum.

#### *Bioinformatik*

6.27 Pertambahan data dan maklumat yang dijanakan berikutan kemajuan teknologi telah mewujudkan keperluan untuk menyusun dan mengatur serta menguruskan maklumat. Pemusatan ICT dan bioteknologi atau lebih dikenali sebagai bioinformatik, menyediakan fungsi sokongan yang penting untuk mengumpul, menyimpan, mengklasifikasi, menganalisis dan mengedarkan maklumat biologi yang diperolehi daripada penjujukan gen serta analisis fungsian bagi projek penyelidikan. Selain merupakan sumber pertumbuhan baru, bioinformatik juga menyumbang kepada penemuan dan pembangunan produk secara lebih ketara. Inisiatif strategik akan diperluas kepada bioinformatik dan pengkomputeran grid bagi menyokong pembangunan bioteknologi negara.

6.28 Keupayaan dan kepelbagaian asas ICT sedia ada dalam institusi penyelidikan termasuk MIMOS, universiti dan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan digunakan secara optimum untuk mempercepat pembangunan subsektor bioinformatik. Pengkomputeran grid akan diguna pakai sebagai kaedah untuk mengurangkan kos pelaburan dalam R&D melalui perkongsian kemudahan. Sehubungan ini, fasa kedua Rangkaian Penyelidikan dan Pendidikan Malaysia (MyREN) akan dilaksanakan untuk meningkatkan jaringan antara pelbagai universiti dan institusi penyelidikan serta industri dan rantaian antarabangsa bagi meningkatkan usaha kerjasama penyelidikan.

#### *Pembangunan Jenama Malaysia*

6.29 Usaha gigih akan diambil ke arah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan dalam bioteknologi. Sehubungan ini, MBC akan memberikan tumpuan kepada usaha untuk menarik pelaburan, meneroka peluang perkongsian dan menyokong usahawan bioteknologi tempatan mewujudkan perniagaan. Bagi

tujuan ini, jenama “*BioNexus*” akan dipromosi untuk memasarkan inisiatif bioteknologi Malaysia kepada pelabur dan rakan kongsi yang berpotensi. Bagi memperkukuh jenama ini, pakej insentif yang menarik akan ditawarkan kepada syarikat tempatan dan asing yang berstatus *BioNexus*.

### **Pewujudan Persekitaran yang Kondusif**

6.30 Pelaksanaan rangka kerja dasar bioteknologi akan membolehkan tumpuan diberikan ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi penyediaan asas yang diperlukan bagi membangunkan industri bioteknologi. Usaha ini memerlukan pelbagai pendekatan dalam menentukan faktor penting kejayaan seperti rangka kerja kawal selia yang kondusif, infrastruktur pembiayaan yang mencukupi, pembangunan modal insan dan kemampuan R&D.

#### *Rangka Kerja Kawal Selia*

6.31 Kerajaan sedang merangka dan menggubal beberapa perundangan memandangkan pentingnya rangka kerja kawal selia yang kondusif dalam pembangunan industri bioteknologi. Langkah ini termasuk penggubalan rang undang-undang seperti Rang Undang-undang Biokeselamatan serta Rang Undang-undang Akses dan Perkongsian Faedah (*ABS*). Rang Undang-undang *ABS* bertujuan memastikan perkongsian faedah yang adil dan saksama dalam penggunaan sumber biologi Malaysia dan perlindungan daripada *biopiracy*. Rang undang-undang tersebut memperuntukkan pihak yang merancang menjalankan penyelidikan, mengeksport atau menjual sumber biokepelbagaian tempatan memohon permit khas.

6.32 Usaha akan dipergiat untuk menambah baik dasar dan rangka kerja pengurusan harta intelek (IP) untuk menggalakkan inovasi dan melindungi pelaburan. Satu kajian perbandingan ke atas amalan terbaik dasar dan pengurusan IP akan diadakan untuk mengenal pasti bidang bagi memperkukuh peraturan dan proses IP. Garis panduan berkaitan perkongsian IP untuk penyelidik di institusi penyelidikan awam dan kerjasama perniagaan serta untuk usaha sama tempatan dan asing akan diperkenalkan. Standard yang berkaitan seperti amalan makmal baik (GLP) dan cGMP akan dipertingkatkan untuk menarik penyumberan luar ujian klinikal dan kontrak pembuatan.

6.33 Bagi meningkatkan stok modal intelek, insentif yang sesuai untuk pendaftaran IP bagi rekaan dan penemuan akan diwujudkan. Pusat sumber dan rujukan akan diwujudkan untuk menyediakan nasihat teknikal bagi isu yang berkaitan seperti IP dan pematuhan peraturan. Program bina upaya dan kesedaran akan diadakan untuk menggalakkan penyelidik mempatenkan penemuan dan produk. Sehubungan ini, panduan dan manual pengurusan IP yang komprehensif akan dibangunkan. Usaha juga akan ditumpukan kepada pembangunan sejumlah

sumber manusia berkaitan IP yang mencukupi termasuk pakar, penilai teknologi, peguam dan pemeriksa paten.

### *Infrastruktur Kewangan*

6.34 Projek bioteknologi berhadapan dengan pelbagai isu seperti risiko yang tinggi, tempoh matang yang panjang, pelaburan awal yang besar dan pematuhan peraturan yang ketat. Dalam usaha mengubah industri bioteknologi yang masih baru kepada industri yang berkembang pesat, akses kepada pembiayaan di sepanjang rantai nilai merupakan faktor utama kepada kejayaan industri ini. Bagi tujuan ini, satu struktur pembiayaan dan insentif kewangan yang menyeluruh akan diwujudkan bagi mengurangkan jurang pembiayaan. Penekanan yang lebih besar akan diberikan kepada R&D dan pengkomersilan, pemerolehan teknologi strategik, pembangunan perniagaan dan keusahawanan serta pembinaan infrastruktur yang diperlukan. Sehubungan ini, sektor awam akan melengkapkan usaha pembiayaan dan pelaburan sektor swasta melalui penyediaan peruntukan sebanyak RM2.0 bilion termasuk beberapa program bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan sektor swasta.

6.35 Pembiayaan R&D untuk bioteknologi akan disediakan melalui sumber sedia ada serta dana baru seperti *ScienceFund* dan *TechnoFund*. Bagi menyokong pengkomersilan penemuan penyelidikan, permohonan untuk mendapatkan geran setara boleh dibuat melalui Tabung Pengkomersilan R&D (CRDF) di bawah Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Sebagai pelengkap kepada sumber ini, Dana Pengkomersilan Bioteknologi dengan peruntukan sebanyak RM100 juta akan diwujudkan untuk menyediakan geran setara kepada syarikat yang menjalankan R&D atau memperkukuh keupayaan penyelidikan dalaman.

6.36 Pembiayaan peringkat awal dapat diperolehi melalui Tabung Sains Hayat Malaysia yang baru diwujudkan di bawah MTDC. Pinjaman mudah akan disediakan untuk pembangunan perniagaan antarabangsa terutamanya kepada pihak yang memerlukan penilaian teknologi dan produk yang intensif, penaksiran nilai serta proses pendaftaran dan kelulusan yang rumit sebelum dapat menembusi pasaran antarabangsa. Di samping itu, pembiayaan akan disalurkan menerusi bank komersil, institusi kewangan dan entiti modal teroka untuk menyediakan sumber yang mencukupi kepada syarikat perniagaan, konsortium atau individu yang merancang menceburi sektor bioteknologi.

### *Pembangunan Modal Insan*

6.37 Memandangkan kebergantungan bioteknologi yang tinggi kepada modal intelek dan aplikasi berintensif pengetahuan, langkah akan dipergiat untuk mempertingkatkan pembangunan modal insan. Program pembangunan sumber

manusia akan dihalusi dan diperkemas serta program baru akan diperkenalkan bagi memenuhi keperluan kemahiran setiap aktiviti di sepanjang rantai nilai bioteknologi. Institusi pendidikan tinggi akan memberikan penekanan kepada kursus ijazah dan lepasan ijazah bertujuan memperluas kemahiran saintifik dan khusus terutamanya dalam bidang genomik, mikrobiologi, biopemprosesan serta bidang kejuruteraan dan perniagaan yang berkaitan. Kolej dan institusi latihan kemahiran akan memberikan tumpuan kepada usaha memenuhi permintaan sumber manusia dalam bidang teknikal seperti pembantu penyelidik bioteknologi dan personel GMP serta juruteknik dalam biopembuatan, metrologi dan kawalan kualiti.

6.38 Pelbagai langkah akan diambil untuk melahirkan personel R&D yang dinamik dan bermotivasi tinggi bagi mewujudkan sinergi dan kerjasama antara institusi penyelidikan, universiti dan industri. Satu mekanisme akan diwujudkan untuk membantu pemilikan IP dan perkongsian IP di kalangan pelbagai pihak berkepentingan. Saluran tertentu akan diperkenalkan untuk membolehkan penglibatan ahli sains dan penyelidik sektor awam dalam projek bioteknologi dan ujian klinikal oleh sektor swasta. Program *Brain Gain* Kebangsaan akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan keupayaan dan kemampuan teknologi tempatan serta mengurangkan jurang kemahiran dan kepakaran. Bagi menangani isu pengaliran keluar pakar dan menarik penglibatan pakar luar negara dalam projek di Malaysia, sistem saraan dan ganjaran akan dikaji semula supaya lebih menarik dan berpandukan prestasi.

6.39 Pelbagai usaha akan dilaksanakan untuk mewujudkan lebih ramai usahawan bioteknologi dalam usaha untuk mengkomersilkan R&D dan menubuhkan syarikat baru. Satu program pembangunan usahawan bioteknologi dengan peruntukan awal sebanyak RM50 juta akan dilaksanakan untuk membangunkan kompetensi teras dalam rundingan perniagaan, kerja penaksiran nilai teknologi dan kewangan serta penyediaan pelan dan pengurusan perniagaan yang berdaya maju. Usaha juga ditumpukan kepada menyebarkan maklumat mengenai peluang perniagaan, sumber pembiayaan dan insentif bagi industri bioteknologi.

#### *Pemerolehan R&D dan Teknologi*

6.40 Bioteknologi yang bersifat intensif teknologi dan intensif pengetahuan memerlukan tindakan segera dilaksanakan untuk melabur dalam program R&D dan yang lebih penting dalam program pengkomersilan seterusnya bagi menjana faedah ekonomi. Dalam tempoh RMKe-9, program R&D akan melibatkan pelbagai bidang penyelidikan termasuk peningkatan produktiviti pertanian dan pemeliharaan ternakan, diagnostik perubatan dan farmaseutikal. Sumber yang lebih besar akan disediakan untuk membangunkan keupayaan dan kemampuan tempatan di beberapa institusi penyelidikan dan universiti. Dalam usaha mengkomersilkan

dan memasarkan produk yang berpotensi, kerjasama dengan industri akan dipertingkatkan melalui beberapa model seperti usaha sama, perkongsian kemudahan teknologi tinggi dan pakar serta penyertaan ekuiti. Ahli sains dan jurutera penyelidik dari institusi penyelidikan dan universiti akan berpeluang untuk menyertai dan memulakan usaha sama baru serta menguruskan dan memasarkan IP.

6.41 Penekanan akan diberikan kepada pemerolehan teknologi pelantar untuk meningkatkan produktiviti penyelidikan dan memendekkan tempoh yang diperlukan untuk memasarkan produk. Sehubungan ini, pemerolehan secara strategik IP dan teknologi berkaitan bioteknologi dalam bidang utama akan diguna pakai untuk pembangunan bioteknologi secara *fast-track*. Bagi tujuan ini, dana khas berjumlah RM100 juta untuk pemerolehan bioteknologi akan diwujudkan. Pemerolehan yang berpotensi akan melalui proses penaksiran nilai yang ketat dan dilesenkan kepada beberapa syarikat atau institusi penyelidikan terpilih. Kerjasama antarabangsa akan dipertingkatkan untuk membantu pemindahan teknologi dan kepakaran serta meningkatkan akses kepada bidang pengetahuan yang lebih luas.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

6.42 Majlis Pelaksanaan Bioteknologi akan menentukan hala tuju keseluruhan dasar, mengawasi pelaksanaan inisiatif bioteknologi negara dan menyediakan forum bagi memastikan penyelarasan antara kementerian. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama kementerian yang berkaitan akan merangka strategi dan melaksanakan program untuk memanfaatkan bioteknologi sebagai sumber pertumbuhan dan menjana kekayaan baru. Kementerian utama termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi akan membantu pembangunan bidang terpilih dalam bioteknologi pertanian, bioteknologi industri dan bioteknologi penjagaan kesihatan. MBC akan bekerjasama rapat dengan kementerian dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menarik pelaburan dan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam industri bioteknologi. Kementerian Pengajian Tinggi akan bertanggungjawab bagi memastikan bekalan sumber manusia yang berkelayakan dan mencukupi dalam bioteknologi dan bidang berkaitan bioteknologi.

6.43 Bagi tempoh RMKe-9, peruntukan sebanyak RM2.0 bilion akan disediakan untuk pembangunan bioteknologi, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 6-3*. Daripada jumlah ini, 45.9 peratus akan disediakan untuk pembangunan infrastruktur fizikal, manakala baki sebanyak 54.1 peratus akan diperuntukkan kepada pembangunan *soft infrastructure* termasuk R&D dan pengkomersilan serta program pembangunan perniagaan.

JADUAL 6-3

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI  
BIOTEKNOLOGI,  
2001-2010  
(RM juta)**

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
<b>Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D)</b>	<b>190.0</b>	<b>463.0</b>
Inisiatif R&D Bioteknologi	190.0	363.0
Tabung Pengkomersilan Bioteknologi	-	100.0
<b>Program Pemerolehan Bioteknologi</b>	<b>-</b>	<b>100.0</b>
<b>Pembangunan Perniagaan Bioteknologi</b>	<b>216.8</b>	<b>529.8</b>
Pengurusan Teknologi & Harta Intelek (IP)	69.9	100.0
Pembangunan Keusahawanan	-	50.0
Projek Bioteknologi Pertanian	46.9	79.8
Sokongan Institusi dan Ekuiti	100.0	300.0
<b>Infrastruktur Bioteknologi</b>	<b>167.6</b>	<b>928.5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>574.4</b>	<b>2,021.3</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

6.44 Dalam tempoh RMKe-8, pelbagai langkah diambil untuk menyediakan keperluan infrastruktur teknologi serta membina kemampuan dan keupayaan bioteknologi tempatan. DBN dilancarkan untuk menyediakan rangka kerja komprehensif bagi pembangunan industri bioteknologi yang mampan. Dalam tempoh RMKe-9, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk melaksanakan teras strategik DBN bagi menjana sumber pertumbuhan baru dalam bioteknologi pertanian, bioteknologi penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri serta bioinformatik. Bagi menarik pelaburan sektor swasta dalam bioteknologi, antara lain, pakej insentif khusus termasuk geran setara untuk R&D akan disediakan kepada syarikat berstatus *BioNexus*. Pusat kecemerlangan dalam bioteknologi akan diwujudkan untuk menyediakan kemudahan guna sama dan kepakaran teknikal yang diperlukan serta sokongan R&D bagi industri baru muncul.

6.45 Pelbagai program akan dilaksanakan untuk memanfaatkan biokepelbagaian negara dan membina kemampuan dan keupayaan sedia ada untuk menjana nilai ekonomi, terutamanya melalui teknologi tinggi dan aktiviti berintensif

pengetahuan. Usaha akan diambil untuk mempercepat pembangunan industri bioteknologi melalui pelaksanaan program R&D, pemerolehan teknologi dan pengkomersilan dengan kerjasama sektor swasta. Penekanan turut diberikan kepada pembangunan sumber manusia dan penyediaan pembiayaan yang mencukupi. Pelbagai langkah akan dilaksanakan untuk menyediakan sokongan institusi dan persekitaran kawal selia termasuk mempertingkatkan sistem IP bagi menarik pelaburan dan menggalakkan inovasi. Objektif utama adalah untuk membangunkan industri bioteknologi yang kompetitif dan unggul bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana kekayaan serta menambah baik kesejahteraan sosial rakyat dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi dalam rantaian nilai ke tahap yang lebih tinggi seperti dinyatakan dalam teras pertama Misi Nasional.



# MENCERGASKAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

# 7

## I. PENDAHULUAN

7.01 Menyusul tidak lama selepas krisis kewangan Asia, Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) mencatat pencapaian membanggakan dari segi penyusunan semula dan pengukuhan sistem kewangan tempatan. Penggabungan institusi perbankan tempatan menyumbang kepada perkembangan kumpulan perbankan tempatan yang kukuh, penyediaan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang berdaya saing, inovatif dan sesuai dengan keperluan. Pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP) dan Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) untuk tempoh 10 tahun secara berfasa telah memperkukuh daya tahan serta daya saing sistem perbankan dan pasaran modal.

7.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sektor perkhidmatan kewangan akan terus memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi sebagai satu sektor strategik dan penggembeng dana bagi pelaburan. Sementara FSMP dan CMP akan menyediakan rangka kerja bagi liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan secara berperingkat, usaha akan ditumpukan ke arah mengekal kestabilan sektor kewangan serta meningkatkan keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi persaingan yang semakin meningkat dalam persekitaran operasi yang lebih global.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

7.03 Sektor perkhidmatan kewangan berkembang pada kadar purata 8.1 peratus setahun dengan bahagian sektor ini kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat daripada 12.7 peratus pada tahun 2000 kepada 15.1 peratus pada tahun 2005. Guna tenaga dalam sektor ini meningkat pada kadar tahunan purata 7.9 peratus, iaitu 6.8 peratus daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2005. Sejumlah 232,100 pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor ini bersamaan dengan 14.3 peratus daripada jumlah pekerjaan bersih yang diwujudkan dalam tempoh Rancangan.

## Sistem Kewangan

7.04 Jumlah dana yang ada dalam sistem kewangan merangkumi kedua-dua institusi bank dan bukan bank berjumlah RM1,908.5 bilion pada tahun 2005 dengan sumbangan terbesar adalah daripada sektor swasta, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 7-1*. Dari segi kegunaan, pinjaman dan pendahuluan merupakan komponen terbesar diikuti oleh pegangan sekuriti. Dalam tempoh Rancangan, usaha diambil bagi membangunkan pelbagai infrastruktur kewangan dan mewujudkan instrumen kewangan baru yang boleh memenuhi keperluan pembiayaan pelbagai jenis perniagaan.

7.05 Pada tahun 2001, FSMP dan CMP dilancarkan untuk mengariskan pembangunan yang teratur bagi sektor kewangan dan pasaran modal untuk tempoh sepuluh tahun. Pelan ini bertujuan mengekalkan momentum pertumbuhan dan kecekapan pengantara kewangan bagi memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang pesat. Fasa pertama FSMP bagi tempoh 2001-2003 menumpukan

JADUAL 7-1

### SUMBER DAN KEGUNAAN DANA DALAM SISTEM KEWANGAN, 2000-2005

Perkara	RM Juta		% daripada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005
	2000	2005	2000	2005	
<b>Sumber Dana</b>					
Modal, rizab dan untung	120,990.7	176,332.3	9.6	9.2	7.8
Permintaan deposit	83,205.3	135,944.1	6.6	7.1	10.3
Deposit lain:	503,079.1	786,255.2	39.8	41.2	9.3
<i>Sektor swasta</i>	339,770.3	508,958.5	26.9	26.7	8.4
Insurans, kumpulan wang simpanan dan pencen	236,640.1	374,114.0	18.7	19.6	9.6
Lain-lain <sup>1</sup>	319,271.1	435,843.2	25.3	22.9	6.4
<b>Jumlah</b>	<b>1,263,186.3</b>	<b>1,908,488.8</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>8.6</b>
<b>Kegunaan Dana</b>					
Deposit dengan institusi kewangan lain	183,470.2	255,983.0	14.5	13.4	6.9
Pinjaman dan pendahuluan	512,543.9	721,655.2	40.6	37.8	7.1
Sekuriti	298,033.1	468,040.8	23.6	24.5	9.4
Lain-lain <sup>2</sup>	269,139.1	462,809.8	21.3	24.3	11.5
<b>Jumlah</b>	<b>1,263,186.3</b>	<b>1,908,488.8</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>8.6</b>

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Termasuk matawang, pinjaman dana dari institusi kewangan tempatan lain dan institusi kewangan antarabangsa dan lain-lain liabiliti.

<sup>2</sup> Termasuk matawang, rizab emas dan pertukaran asing dan lain-lain aset.

kepada usaha memperkukuh kebolehan dan keupayaan insituti kewangan tempatan. Fasa kedua yang bermula pada tahun 2004 menekankan kepada usaha menggalakkan lebih persaingan ke arah meningkatkan lagi kecekapan sistem kewangan.

*7.06 Meningkatkan Tadbir Urus Korporat.* Inisiatif diambil bagi mempertingkatkan lagi tadbir urus korporat sektor perkhidmatan kewangan. Inisiatif ini termasuk semakan semula dan pengeluaran garis panduan yang menerangkan prinsip umum, standard minimum dan keperluan khas bagi tadbir urus korporat khususnya berkaitan dengan penambahbaikan penzahiran kewangan, standard perakaunan dan kawalan dalaman yang turut membolehkan penandaarasan dengan amalan terbaik antarabangsa. Bagi pasaran modal, syarat penyenaaraian telah dirombak semula, peruntukan berhubung dengan pemberian maklumat diperkenal dan pelbagai sekatan atas pelanggaran syarat dipertingkatkan.

*7.07 Memperkukuh Rangka Kerja Kawal Selia.* Rangka kerja kawal selia dan pengawasan telah diperkukuh bagi memastikan kestabilan yang berterusan. Dalam sektor perbankan dan insurans, amalan pengurusan risiko telah dipertingkatkan dan peraturan berhemat dikaji semula bagi memastikan ianya kekal berkesan di samping menggalakkan persaingan dan inovasi. Aktiviti penyeliaan juga diperkukuh dengan memperkenalkan Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tak Formal bagi bank serta penerbitan rangka kerja penyeliaan baru berasaskan risiko bagi bank-bank Islam. Akta Penggubalan Pencegahan Wang Haram, 2001 menyediakan rangka kerja komprehensif bagi mencegah, mengesan dan mendakwa pihak yang terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram. Dalam pasaran modal, peralihan daripada peraturan berasaskan merit kepada peraturan yang berasaskan penzahiran serta pelaksanaan langkah preemtif pengawasan kewangan syarikat awam tersenarai telah menyumbang kepada penambahbaikan perlindungan pelabur dan kecekapan dalam perolehan dana.

*7.08 Pendidikan dan Perlindungan Pengguna.* Dalam tempoh Rancangan, usaha diambil untuk memperkukuh perlindungan pengguna termasuk meningkatkan keperluan penzahiran fi dan caj oleh institusi kewangan serta perubahan terma dan syarat produk kewangan. Bagi sektor perbankan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ditubuhkan bagi menyediakan perlindungan deposit nyata kepada penyimpan. Dalam industri insurans, garis panduan mengenai peruntukan amalan nasihat yang teratur oleh perniagaan insurans telah diperkenal.

## **Sistem Perbankan**

*7.09* Susunan institusi pada tahun 1998 bagi menyelesaikan kemunculan perkara yang boleh menjejaskan sistem perbankan semasa krisis kewangan Asia didapati berkesan mengekalkan kestabilan sistem perbankan. Institusi utama, iaitu Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), Danamodal Nasional Berhad

(Danamodal) dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) pada dasarnya mencapai objektif untuk meletakkan sektor perbankan pada asas yang lebih kukuh. Dalam tempoh RMKe-8, sistem perbankan kekal berdaya tahan dengan mencatatkan peningkatan dalam kualiti aset dan mengekalkan tahap permodalan yang tinggi. Berikutan penggabungan dan penyeragaman, bilangan institusi perbankan tempatan berkurang daripada 54 kepada 10 kumpulan perbankan. Dengan terlaksana sepenuhnya proses penggabungan, kumpulan perbankan tempatan berupaya menumpu semula ke arah menambah baik lagi produktiviti dan daya saing serta memperoleh manfaat daripada ekonomi ikut bidang.

7.10 *Aset dan Liabiliti.* Jumlah aset sistem perbankan berkembang pada kadar tahunan purata 7.8 peratus kepada RM959.4 bilion pada akhir tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 7-2*. Pinjaman dan pendahuluan meningkat pada kadar tahunan purata 7.1 peratus. Dari segi liabiliti, deposit bertambah pada kadar 8.1 peratus setahun dengan institusi perniagaan dan perbadanan adalah penyumbang terbesar kepada deposit baru. Nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih yang berasaskan klasifikasi 6 bulan bertambah baik daripada 6.5 peratus pada akhir tahun 2000 kepada 4.6 peratus pada akhir tahun 2005. Bagi klasifikasi 3 bulan, NPL juga bertambah baik daripada 9.9 peratus kepada 5.8 peratus. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) meningkat daripada 12.5 peratus kepada 13.1 peratus dalam tempoh yang sama.

7.11 *Pinjaman oleh Bank.* Sistem perbankan terus menjadi sumber pembiayaan utama untuk ekonomi. Aktiviti pinjaman oleh bank adalah kukuh meliputi pelbagai sektor ekonomi dan segmen pengguna. Pada akhir tahun 2005, 26.7 peratus daripada jumlah pinjaman disalurkan kepada pembelian harta kediaman dan 6.6 peratus kepada kredit penggunaan. Pinjaman kepada perniagaan berkembang secara sederhana kerana syarikat besar mendapatkan sumber pembiayaan daripada pasaran bon. Enterpris kecil dan sederhana (EKS) mendapat manfaat daripada perubahan strategi pinjaman sektor perbankan. Berikutan itu, pinjaman terkumpul kepada EKS berkembang pada kadar tahunan purata 6.4 peratus antara 2001 hingga 2005, iaitu 42.6 peratus daripada jumlah pinjaman kepada perniagaan. Pinjaman kepada EKS meliputi pelbagai sektor dengan hampir dua pertiga disalurkan kepada sektor perdagangan pengedaran, pembuatan dan pembinaan.

7.12 *Meningkatkan Kebolehan.* Dalam tempoh Rancangan, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi membina keupayaan dan kebolehan institusi perbankan tempatan. Inisiatif ini termasuk usaha menanda aras institusi perbankan seluruh negara yang membolehkan jualan silang produk dan perkhidmatan serta membangunkan saluran penyampaian alternatif seperti perbankan Internet. Usaha ini dilengkapi inisiatif untuk menggalakkan kecekapan, inovasi dan kedinamikan sektor kewangan. Di samping itu, sektor perbankan memula langkah persediaan bagi menerima pakai Persetujuan Modal Basel Baru (Basel II) yang disasar

JADUAL 7-2  
**JUMLAH ASET, DEPOSIT DAN PINJAMAN SISTEM PERBANKAN, 2000-2005**  
 (RM juta)

Institusi	Jumlah Aset			Jumlah Deposit			Jumlah Pinjaman dan Pendahuluan <sup>1</sup>			
	2000	% 2005	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2001-2005	2000	% 2005	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2001-2005	2000	% 2005	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2001-2005	
Bank Perdagangan <sup>2</sup>	512,715	77.8	885,909 92.3	362,991	77.1	645,699 93.1	303,367	76.5	526,771 94.4	11.7
Syarikat Kewangan	109,410	16.6	26,879 2.8	82,649	17.6	16,030 2.3	75,950	19.1	22,547 4.0	-21.6
Bank Saudagar	36,876	5.6	46,612 4.9	24,764	5.3	31,696 4.6	17,359	4.4	8,748 1.6	-12.8
<b>Jumlah</b>	<b>659,001</b>	<b>100.0</b>	<b>959,400 100.0</b>	<b>470,404</b>	<b>100.0</b>	<b>693,425 100.0</b>	<b>396,676</b>	<b>100.0</b>	<b>558,066 100.0</b>	<b>7.1</b>

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.

<sup>2</sup> Termasuk bank-bank Islam.

untuk dilaksanakan pada tahun 2008 bagi institusi yang menggunakan Kaedah Terpiawai dan tahun 2010 bagi yang mengguna pakai Kaedah Berdasarkan Penarafan Dalaman (IRB).

## Sistem Kewangan Islam

7.13 *Perbankan Islam*. Aset industri perbankan Islam berkembang pada kadar tahunan purata 18.9 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 7-3*. Jumlah aset sektor perbankan Islam merupakan 11.3 peratus daripada jumlah aset dalam sistem perbankan pada akhir tahun 2005 berbanding 6.9 peratus pada tahun 2000. Jumlah deposit daripada institusi perbankan Islam meningkat lebih dua kali dalam tempoh yang sama, iaitu 11.7 peratus daripada jumlah deposit sektor perbankan. Memandangkan pembangunan pesat serta prestasi stabil sektor perbankan Islam, liberalisasi sektor ini dipercepat dari tahun 2007 kepada tahun

JADUAL 7-3

### PRESTASI SISTEM PERBANKAN ISLAM, 2000-2005

Petunjuk	RM Juta		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005
	2000	2005	
<b>Aset</b>			
Bank Islam	14,029	43,433	25.4
Bank Perdagangan	20,094	59,698	24.3
Syarikat Kewangan	7,150	1,254	-29.4
Bank Saudagar	1,507	1,466	-0.6
Syarikat Diskaun	4,288	5,973	6.9
<b>Jumlah</b>	<b>47,068</b>	<b>111,824</b>	<b>18.9</b>
<b>Deposit</b>			
Bank Islam	11,304	35,625	25.8
Bank Perdagangan	16,091	42,775	21.6
Syarikat Kewangan	5,393	684	-33.8
Bank Saudagar	867	797	-1.7
Syarikat Diskaun	2,268	3,993	12.0
<b>Jumlah</b>	<b>35,923</b>	<b>83,874</b>	<b>18.5</b>
<b>Pembiayaan</b>			
Bank Islam	6,426	20,627	26.3
Bank Perdagangan	8,606	45,398	39.5
Syarikat Kewangan	5,090	1,071	-26.8
Bank Saudagar	769	268	-19.0
<b>Jumlah</b>	<b>20,891</b>	<b>67,364</b>	<b>26.4</b>

Sumber: Bank Negara Malaysia

2004 dengan pemberian lesen perbankan Islam baru kepada tiga institusi kewangan Islam luar negara yang terkemuka. Pada akhir tahun 2005, tujuh kumpulan perbankan tempatan diberi kelulusan untuk menubuhkan anak syarikat perbankan Islam di bawah aktiviti perbankan perdagangan mereka. Bilangan bank yang diisytihar sebagai bank Islam sepenuhnya bertambah daripada dua pada tahun 2000 kepada enam pada tahun 2005. Berikutan penggabungan sistem perbankan, jumlah institusi perbankan konvensional yang terlibat dalam Skim Perbankan Islam (IBS) turut berkurang. Bilangan syarikat kewangan yang terlibat dalam IBS telah berkurangan daripada 14 pada tahun 2000 kepada satu pada akhir tahun 2005. Dalam tempoh yang sama, bank saudagar dalam IBS menumpukan semula operasi perniagaan mereka daripada portfolio kewangan kepada aktiviti berasaskan fi. Langkah tersebut tidak memerlukan lagi mereka menjalankan aktiviti perbankan Islam secara khusus.

7.14 *Takaful*. Jumlah aset dalam dana takaful berkembang pada kadar tahunan purata 25.0 peratus antara tahun 2001-2005. Sekuriti hutang swasta Islam, akaun pelaburan dan pasaran wang Islam adalah penyumbang utama aset dana takaful. Bahagian pasaran aset industri takaful meningkat daripada 3.7 peratus pada akhir tahun 2000 kepada 6.7 peratus pada akhir tahun 2005. Jumlah gabungan caruman pendapatan bersih industri takaful berkembang pada kadar tahunan purata 20.6 peratus dalam tempoh yang sama dan meningkatkan bahagian pasarnya daripada 2.5 peratus pada tahun 2000 kepada 6.2 peratus pada tahun 2005. Untuk menambah baik daya tahan kewangan dan meningkatkan keupayaan penajajaminan pengendali takaful, keperluan modal berbayar minimum yang lebih tinggi, iaitu RM100 juta telah ditetapkan kepada pengendali takaful mulai akhir bulan Disember 2004.

### **Institusi Kewangan Pembangunan**

7.15 Institusi kewangan pembangunan (IKP) terus menyediakan pembiayaan dalam aktiviti strategik yang telah dikenal pasti termasuk pertanian, pembangunan infrastruktur, industri berorientasikan eksport dan berteknologi tinggi serta kepada EKS dan untuk pembangunan usahawan Bumiputera. Pembiayaan oleh IKP meningkat daripada RM22.0 bilion pada akhir tahun 2000 kepada RM47.5 bilion pada tahun 2005. Langkah diumumkan pada tahun 2005 bagi menyusun semula IKP ke arah memberi tumpuan lebih kepada pembiayaan EKS, industri strategik dan syarikat Malaysia yang menjalankan operasi di luar negara. Sehubungan ini, Bank SME ditubuhkan bagi memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan pembiayaan serta khidmat nasihat kepada EKS ke arah meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Bank Pembangunan Malaysia Berhad pula menumpukan kepada pembiayaan industri berintensifkan modal dan berteknologi tinggi, maritim dan infrastruktur. Di samping itu, Bank Eksport-Import Malaysia Berhad dan Insurans Kredit Eksport Malaysia Berhad telah digabungkan.

## **Industri Insurans**

7.16 Industri insurans mengekalkan momentum pertumbuhan dalam tempoh Rancangan. Jumlah pendapatan premium meningkat pada kadar 11.1 peratus setahun kepada RM23.6 bilion dalam tempoh 2001-2005. Sebahagian besar peningkatan ini adalah disebabkan oleh permintaan kukuh untuk produk insurans berkaitan pelaburan dan produk insurans endowmen serta kejayaan syarikat insurans tempatan menembusi bankasurans sebagai saluran pengagihan alternatif. Dalam tempoh yang sama, jumlah aset industri insurans berkembang pada kadar tahunan purata 13.8 peratus kepada RM96.7 bilion pada akhir tahun 2005. Peruntukan aset dana insurans kepada sekuriti korporat dan sekuriti hutang meningkat daripada 41.2 peratus pada tahun 2001 kepada 49.9 peratus pada tahun 2005. Peningkatan ini menggalakkan kepelbagaian asas pelabur institusi untuk pasaran modal. Kedudukan kewangan penanggung insurans diperkukuh berikutan peningkatan dalam keperluan modal berkanun minimum daripada RM50 juta kepada RM100 juta bermula pada tahun 2001. Keperluan modal yang lebih tinggi juga menggalakkan penggabungan dalam industri insurans dengan pelaksanaan 16 penggabungan yang melibatkan 29 penanggung insurans.

## **Pasaran Modal**

7.17 Pelancaran CMP pada bulan Februari 2001 bertujuan mewujudkan sebuah pasaran modal yang berdaya saing di peringkat antarabangsa dan menyediakan saluran berkesan bagi penggembangan dan pengagihan dana yang disokong oleh rangka kerja kawal selia yang dipermudah dan kukuh. Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan CMP bertujuan memperkukuh keupayaan tempatan, membangunkan sektor strategik dan baru tumbuh dalam pasaran modal serta menggalakkan liberalisasi secara berperingkat. Pada akhir tahun 2005, 65 peratus daripada perakuan CMP telah dilaksanakan. Rangka kerja kawal selia yang mesra pasaran beserta infrastruktur pasaran yang kukuh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pesat pasaran bon denominasi Ringgit. Langkah ini menyumbang kepada sistem kewangan yang lebih berdaya tahan dengan mengurangkan kebergantungan kepada sistem perbankan sebagai penggembeng dana sebagaimana yang berlaku sebelum krisis kewangan.

7.18 *Aktiviti Perolehan Dana.* Antara tahun 2001 dan 2005, dana yang diperolehi di pasaran modal berjumlah RM416.1 bilion, meningkat 89.0 peratus berbanding dengan tempoh 1996-2000. Sehingga akhir tahun 2005, pasaran bon adalah 90.0 peratus daripada jumlah perolehan dana yang dibantu oleh inisiatif untuk meningkatkan kecekapan dalam penerbitan dan inovasi produk. Dana dagangan bursa yang pertama, iaitu Indeks Dana Bon ASEAN telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada bulan Julai 2005.



7.19 *Meningkatkan Kecekapan Institusi Pasaran.* Bagi mempertingkatkan kedudukan strategik dan kecairan pasaran modal serta memperluas akses kepada pelaburan dan produk melalui pasaran tunggal, Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur Berhad (KLOFFE) dan Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMDEX) telah digabung pada bulan Jun 2001. Langkah ini disusuli dengan penggabungan Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia Berhad (MESDAQ) dengan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada bulan Mac 2002. Di samping itu, Bursa Malaysia yang sebelum ini adalah BSKL demutualisasi pada tahun 2004 dan seterusnya disenaraikan pada bulan Mac 2005. Sehubungan ini, Dana Pembangunan Pasaran Modal telah diwujudkan bagi menggalakkan pertumbuhan dan inovasi dalam pasaran modal.

7.20 *Meningkatkan Kecairan dan Kecekapan Pasaran Saham.* Kerajaan melaksana beberapa inisiatif bagi meningkatkan kecairan pasaran saham. Pada tahun 2003, lot dagangan dikurangkan kepada 100 unit dan apungan bebas ditingkatkan dengan mengurangkan moratorium terhadap pegangan saham oleh penganjur. Kerajaan juga melancarkan program transformasi 10 tahun untuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pada tahun 2005 bagi menjadikan GLC menarik kepada pelabur, manakala Bajet 2006 memperkenalkan cukai dan kawal selia yang dipermudah bagi menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan.

7.21 *Membina Pengantara yang Berdaya Saing.* Berikutan daripada penggabungan, bilangan syarikat broker saham (SBC) milik tempatan berkurang daripada 60 kepada 32 pada akhir tahun 2005. Enam SBC muncul sebagai Broker Universal. Pelonggaran peraturan dilaksanakan dengan membenarkan pembukaan cawangan dan pengembangan skop aktiviti. Rangka kerja bagi mempermudah pewujudan bank pelaburan juga telah diperkenal. Di samping itu, lima broker saham global beroperasi di Malaysia.

7.22 *Pasaran Modal Islam.* Pasaran modal Islam Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang kukuh. Sehingga bulan Oktober 2005, sejumlah 857 atau 85 peratus daripada jumlah penyenaian di Bursa Malaysia adalah diluluskan mengikut prinsip Syariah. Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengeluarkan Garis Panduan Tawaran Sekuriti Berasaskan Prinsip Islam dan memperluas proses kajian semula pematuhan Syariah terhadap sekuriti peringkat pra-tawaran awam permulaan (IPO). Bagi meningkatkan profil antarabangsa pasaran modal Islam Malaysia, Kerajaan melancarkan bon Islam berdaulat yang pertama di dunia pada bulan Jun 2002.

7.23 *Modal Teroka.* Industri modal teroka terus berkembang dengan stabil pada kadar tahunan 10.6 peratus dengan bilangan dana meningkat daripada 31 pada tahun 2001 kepada 48 pada tahun 2005, manakala syarikat pelabur meningkat daripada 159 kepada 380 dalam tempoh yang sama. Kerajaan adalah

sumber terbesar dana modal teroka, diikuti oleh syarikat swasta. Sebahagian besar pelaburan adalah dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan diikuti oleh sektor pembuatan dan bioteknologi.

*7.24 Industri Pengurusan Pelaburan.* Industri unit amanah berkembang pesat dengan bilangan dana yang dilancarkan meningkat daripada 127 pada tahun 2000 kepada 340 pada akhir tahun 2005 dengan nilai aset bersih berjumlah RM98.5 bilion. Dalam tempoh yang sama, bilangan dana unit amanah berasaskan Syariah meningkat daripada 17 kepada 83 dengan nilai aset bersih meningkat lima kali kepada RM8.5 bilion. Dana indeks Syariah pertama diperkenalkan pada bulan Januari 2002. Dana Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) dilancarkan pada tahun 2004. Dana dagangan bursa dan dana pelaburan terbuka pula diperkenalkan pada bulan Jun 2005.

*7.25 Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen.* Peranan kumpulan wang simpanan dan pencen dalam penggemblengan simpanan jangka panjang meningkat dengan ketara. Jumlah aset kumpulan wang ini berkembang pada kadar 34.3 peratus kepada RM291.3 bilion pada tahun 2004. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah 82.5 peratus daripada jumlah aset kumpulan wang tersebut. Kepelbagaian peruntukan aset kumpulan wang simpanan ini juga meningkat untuk memanfaatkan peningkatan peluang dalam pasaran modal dengan 16.3 peratus pelaburan adalah berbentuk pinjaman dan 13.6 peratus dalam bentuk sekuriti hutang swasta.

*7.26 Pasaran Derivatif.* Pasaran derivatif menyediakan lebih banyak instrumen lindung nilai bagi memenuhi keperluan pelabur yang semakin meningkat dalam mengurus dan mempelbagai risiko kewangan. Selaras dengan perkembangan pesat pasaran bon tempatan, Kontrak Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) untuk tempoh 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun diperkenalkan pada tahun 2002 dan 2003. Kontrak Niaga Hadapan Minyak Isi Rong Kelapa Sawit (FPKO) dilancarkan pada tahun 2004. Pemilikan ekuiti firma broker niaga hadapan diliberalisasi manakala broker niaga hadapan dan pengurus dana niaga hadapan dibenarkan melabur dalam pelbagai kontrak niaga hadapan dalam pasaran luar negara.

### **Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan**

*7.27 Usaha yang lebih diambil bagi mempromosi Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC).* Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 2,431 syarikat luar pesisir baru telah ditubuhkan di Labuan menjadikan jumlah syarikat sebanyak 5,152 sejak Labuan diisytihar sebagai IOFC pada bulan Oktober 1990. Syarikat luar pesisir yang didaftarkan di Labuan berasal daripada 93 buah negara dengan 53 peratus dari rantau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Pasifik, 16 peratus Timur Jauh, 15 peratus rantau

Amerika, 14 peratus Eropah dan 2 peratus Timur Tengah. Perbankan dan kewangan Islam terus dibangunkan sebagai segmen pasaran strategik terpilih bagi Labuan. Pada akhir tahun 2005, enam buah bank Islam termasuk dua bank Islam asing telah ditubuhkan di Labuan. Bagi pasaran modal Islam, enam instrumen Islam disenarai di Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) dengan permodalan pasaran sejumlah US\$2.1 bilion. Dalam bidang takaful, Labuan menawarkan takaful am dan keluarga, takaful semula, pengurusan takaful dan perkhidmatan penajajaminan.

## Koperasi

7.28 Lebih daripada 60 peratus koperasi menumpu kepada penyediaan kredit pengguna dan selebihnya adalah pinjaman kecil untuk aktiviti pengangkutan, pembinaan dan perumahan. Saiz, keahlian dan aset koperasi adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 7-4*. Dasar Koperasi Negara (NCP), 2002-2010, dilancarkan pada tahun 2002 bertujuan untuk pembangunan semula koperasi secara teratur. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (MCC) diluluskan untuk menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi mengawal selia dan mengawasi sektor koperasi dengan berkesan serta merealisasikan potensi sektor ini.

JADUAL 7-4

### PRESTASI KOPERASI<sup>1</sup>, 2000-2005

<i>Petunjuk</i>	2000	2005	<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%), 2001-2005</i>
Bilangan Koperasi	4,154	4,771	2.8
Ahli (juta)	4.5	5.5	4.1
Jumlah Saham (RM bilion)	4.2	6.3	8.3
Jumlah Aset (RM bilion)	15.8	26.2	10.6

*Sumber:* Jabatan Pembangunan Koperasi

*Nota:* <sup>1</sup> Koperasi yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Koperasi.

## III. PROSPEK, 2006-2010

7.29 Dalam tempoh RMKe-9, sektor perkhidmatan kewangan dijangka berkembang pada kadar tahunan purata 7.0 peratus dengan bahagian kepada KDNK meningkat kepada 15.8 peratus pada tahun 2010. Guna tenaga sektor ini dijangka berkembang pada kadar tahunan purata 2.5 peratus. FSMP dan CMP akan terus menyediakan rangka kerja bagi pembangunan sektor perkhidmatan kewangan.

7.30 Usaha juga akan diambil bagi melengkapkan modal insan sektor ini dengan kemahiran dan kepakaran yang berkaitan serta menggalakkan budaya pembelajaran berterusan. Dasar yang jelas tentang garis panduan dan amalan berkaitan dengan pengurusan bakat akan diperkenal bagi melahirkan pekerja profesional dan terlatih. Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap pakar kewangan Islam peringkat global, Malaysia akan menubuhkan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) yang akan menjadi badan pensijilan profesional dan institusi latihan bagi siswazah peringkat lepasan ijazah. Bagi memenuhi permintaan kepada kepakaran khusus bidang pasaran modal, usaha yang lebih akan ditumpu kepada menambah lebih ramai pakar dalam bidang ini, mewujudkan pusat kecemerlangan intelektual dan mempercepat bina upaya. Perhatian khusus akan diberi bagi meningkatkan penawaran peserta Bumiputera mahir dalam pasaran modal.

7.31 Inisiatif bagi memperkasa pengguna melalui peruntukan tentang penyediaan maklumat yang sesuai akan terus dipergiat supaya pengguna bertanggungjawab terhadap keputusan kewangan mereka. Usaha untuk meningkatkan kesedaran pengguna dan aktiviti kepenggunaan akan terus dipertingkatkan melalui program pendidikan pengguna khusus serta memperkukuh keseluruhan infrastruktur perlindungan pengguna. Di samping itu, rangka kerja kawal selia akan terus diperkukuh bagi menyediakan perlindungan pengguna yang lebih baik serta meningkatkan penyeliaan dan pengawasan. Bagi industri takaful khususnya, pelindungan pengguna akan diperkukuh dengan menubuhkan tabung skim jaminan takaful yang akan menjadi perlindungan terakhir kepada pengguna sekiranya pengendali takaful gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

7.32 Dalam RMKe-9, teras keseluruhan pembangunan sektor perkhidmatan kewangan adalah untuk membangunkannya menjadi satu sektor yang lebih kukuh untuk menyokong pembangunan sosio ekonomi dan mengambil peluang daripada pertumbuhan dan kekayaan baru. Strategi utama adalah seperti berikut:

- ❑ *membangunkan sektor perkhidmatan kewangan berdaya saing bertaraf antarabangsa melalui liberalisasi progresif;*
- ❑ *menggalakkan institusi kewangan tempatan yang berdaya saing dan memupuk pengembangannya ke pasaran serantau;*
- ❑ *menambah baik sistem penyampaian rangka kerja kawal selia dan meningkatkan penguatkuasaan;*
- ❑ *membangunkan Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi perbankan dan kewangan Islam serta memulakan pengkhususan terpilih pasaran modal peringkat serantau dan global;*

- ❑ *menumpukan IKP ke arah pembangunan EKS yang berdaya saing dan berorientasi global;*
- ❑ *mempromosi Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang unik terutama bagi produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif; dan*
- ❑ *menggembeng sumber dan menambah baik kebolehan koperasi sebagai sumber pembiayaan alternatif.*

### **Sistem Perbankan**

7.33 RMKe-9 adalah seiring dengan pelaksanaan bahagian kedua fasa kedua dan sepenuhnya fasa ketiga FSMP. Fasa ketiga bertujuan untuk meningkatkan lagi integrasi sistem kewangan dalam negeri dengan persekitaran global. Perakuan FSMP akan dilaksanakan secara sistematik, digerakkan oleh keperluan untuk terus kekal praktikal dan dipandu oleh proses perundingan. Rangka kerja kawal selia sedia ada akan dikaji semula dengan objektif untuk mencapai keseimbangan antara menggalakkan inovasi dengan pembangunan pasaran dan memastikan kestabilan kewangan melalui keperluan berhemat. Bebanan kawal selia akan dikurangkan bagi mewujudkan persaingan adil dalam sektor kewangan. Langkah liberalisasi berperingkat, termasuk kemungkinan memperkenalkan persaingan baru dari luar yang akan dilaksana secara teratur bagi memastikan pemanfaatan yang maksimum di samping memelihara keseluruhan kestabilan kewangan.

7.34 *Menambah Baik Kecekapan.* Kumpulan perbankan tempatan akan digalakkan menyediakan kaedah penyelesaian kewangan yang lengkap dan bersepadu kepada pengguna dan mencapai kecekapan dari segi kos melalui penyeragaman kumpulan. Penekanan akan diberi bagi meningkatkan peranan syarikat kewangan induk melaksanakan strategi kumpulan yang menggalakkan diversifikasi risiko dan pendapatan, mewujudkan sinergi dan meningkatkan penjenamaan. Penggunaan ICT secara meluas juga akan digalakkan bagi meningkatkan kebolehan pengurusan risiko, memperbaiki sistem penyampaian dan menyediakan perkhidmatan tanpa gangguan dan mengikut keperluan. Tekanan kompetitif akan mempercepat pemakaian amalan terbaik dan standard antarabangsa ke arah memperkukuh tahap profesionalisme serta menggalakkan institusi perbankan terus membezakan mereka melalui penawaran produk dan perkhidmatan.

7.35 *Memperluas ke Pasaran Serantau.* Berikutan munculnya lebih banyak peluang hasil daripada integrasi dan kerjasama ekonomi serantau, institusi kewangan akan digalakkan untuk meningkatkan peranan mereka dengan lebih berkesan di pasaran serantau yang baru dan kompetitif. Peranan ini perlu bagi

menyokong perdagangan dan pelaburan antara serantau serta menyokong usahawan tempatan di luar negara. Bagi tujuan ini, institusi perbankan perlu diperengkap dengan sumber dan kepakaran yang bersesuaian bagi membolehkan mereka bersaing dengan berkesan.

*7.36 Menambah Baik Akses EKS kepada Pembiayaan.* Institusi perbankan akan terus menjadi salah satu pembiaya utama kepada EKS dan dilengkapi oleh Kerajaan dalam bentuk dana khas dan pakej pembiayaan. Skim pembiayaan Kerajaan termasuk pembiayaan kepada enterpris mikro dan EKS yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian terutama dalam bidang pertumbuhan yang sedang berkembang seperti bioteknologi dan ICT. Peranan Bank SME yang baru ditubuhkan akan terus ditingkatkan sebagai penggembler dan penyedia sumber pembiayaan alternatif serta mempermudah akses kepada perkhidmatan bukan kewangan yang berkaitan. Antara lain, Bank SME akan menyediakan jaminan ke atas pinjaman EKS yang diperolehi dari institusi perbankan lain serta melicinkan penssekuritan pinjaman EKS bagi membolehkan mereka memanfaatkan pasaran modal. Bagi menggalakkan penyertaan yang lebih daripada EKS dalam pasaran eksport, peraturan pembiayaan perdagangan baru akan diperkenalkan meliputi pembiayaan pra dan pasca penghantaran barangan. Langkah juga akan diambil untuk menambah baik penyampaian maklumat mengenai pelbagai skim pembiayaan serta perkhidmatan perundingan dan sokongan nasihat.

*7.37 Dana Modal Teroka bagi Pertanian.* Dua dana modal teroka sektor pertanian berjumlah RM150 juta setiap satu diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menyokong objektif Kerajaan merealisasikan potensi sektor pertanian sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi yang ketiga. Tumpuan dana modal teroka ini adalah untuk mewujudkan dan membangunkan secara bersepadu perniagaan berasaskan pertanian. Pelaburan disasarkan kepada sektor perladangan bersepadu dan perikanan serta usaha sama dalam bidang yang berkaitan dengan bioteknologi.

### **Sistem Kewangan Islam**

*7.38* Industri perbankan Islam akan terus berkembang seiring dengan perbankan konvensional. Pada tahun 2010, industri perbankan Islam dijangka menyumbang 20 peratus daripada keseluruhan sektor perbankan dan insurans. Bagi meningkatkan sistem kewangan Islam tempatan serta mengintegrasikan lagi dengan infrastruktur kewangan antarabangsa, inisiatif strategik akan terus diambil untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global. Langkah ini dijangka memperkukuh hubungan kewangan, perdagangan dan pelaburan serta rangkaian antara Malaysia dengan negara lain.

*7.39* *Membangunkan Hab Kewangan Islam Global.* Memanfaatkan kekuatan dan pengalaman Malaysia sejak dahulu, hab kewangan Islam global ini akan

menjadi platform bagi permulaan, penerbitan dan dagangan pasaran modal Islam dan instrumen perbendaharaan, pengurusan dana dan harta, pasaran perkhidmatan kewangan Islam luar pesisir serta perniagaan takaful dan takaful semula. Hab ini akan dilengkapi dengan penubuhan pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, perundingan dan penyelidikan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Malaysia juga akan mempunyai institusi kewangan Islam yang kukuh dan pelbagai yang mampu menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif dan menyeluruh. Inisiatif lain yang akan diambil termasuk memupuk institusi kewangan Islam tempatan supaya menerokai pasaran luar negara, mempromosi jenama Malaysia di peringkat global, mewujudkan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan, mengadakan pakatan strategik dengan pusat kewangan lain serta mewujudkan dasar kewangan bagi sistem kewangan Islam. Usaha gigih akan diarah kepada menyediakan peraturan dan kawal selia berhemat yang perlu bagi melicinkan pembangunan sistem kewangan Islam yang kukuh dan cekap.

7.40 *Takaful*. Industri takaful akan dibangunkan sebagai salah satu komponen penting dalam sistem kewangan menjelang tahun 2010. Dalam tempoh Rancangan, objektif utama ialah untuk membangun sebilangan pengendali takaful yang kukuh dan bermodal tinggi serta menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan takaful yang lengkap. Langkah akan diambil untuk meningkatkan keupayaan pengendali takaful memanfaatkan ciri-ciri unik takaful. Usaha ini termasuk memastikan terdapatnya individu dan kumpulan pengurusan yang terlatih dan berkualiti tinggi dengan kepakaran yang diperlukan dari segi pematuhan Syariah dan pembangunan produk. Lesen takaful tambahan akan dikeluarkan kepada pihak yang layak untuk meningkatkan lebih persaingan serta memperluas lagi perniagaan takaful bagi membolehkan industri ini mencapai sasaran 20 peratus daripada keseluruhan industri insurans.

7.41 Pengendali takaful Malaysia akan juga digalakkan untuk meningkatkan penglibatan mereka di peringkat global melalui penyertaan ekuiti atau kepakaran pengurusan dengan rakan asing dalam bidang ini. Dengan penubuhan Persatuan Takaful Malaysia, usaha bagi meningkatkan pengurusan pasaran industri takaful dan memperkukuh perlindungan pengguna akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan cekap. Saluran penyampaian alternatif seperti banktakaful, penasihat kewangan dan Internet akan terus dibangunkan. Profesionalisme agensi pelaksana akan dipertingkatkan bagi memastikan perkhidmatan pengguna yang lebih baik.

7.42 Bagi melindungi kepentingan dan meningkatkan keyakinan orang awam terhadap industri takaful, inisiatif berkaitan kawal selia dan pengawasan akan bertumpu ke arah memperkukuh keteguhan kewangan dan kemampuan industri ini. Kawal selia mengenai keperluan mampu bayar dan kecukupan modal

yang merupakan aspek penting kepada penyeliaan berhemat akan diperkemas. Usaha kawal selia dan penyeliaan masa depan akan juga di tumpukan ke arah memperkukuh amalan tadbir urus dan memupuk lebih budaya pengurusan risiko dalam industri takaful. Peningkatan rangka kerja perundangan khususnya yang berkaitan dengan perlindungan pengguna akan dilaksanakan. Menyedari potensi takaful semula dalam memenuhi keperluan pengendali takaful, penekanan akan diberikan ke arah meningkatkan lagi industri ini. Usaha ini termasuk memperkukuh *ASEAN Re-takaful International Ltd. (ARIL)* bagi meningkat keupayaan dan kebolehan serta memperkemas kedudukannya sebagai pengendali takaful semula yang penting di rantau ini.

### **Institusi Kewangan Pembangunan**

7.43 IKP akan terus melengkapinya institusi perbankan dalam penyediaan pembiayaan khususnya dalam sektor yang diberi keutamaan dan bidang pertumbuhan baru. Bagi memastikan IKP mampu melaksanakan secara berterusan mandat dengan lebih berkesan dan cekap, penyusunan semula dan penyeragaman empat IKP yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-8 akan disusuli dengan usaha meningkatkan modal asas, keupayaan pengurusan dan tadbir urus korporat. IKP juga dijangka akan memainkan peranan yang lebih besar dalam menyediakan perkhidmatan bukan kewangan termasuk sebagai pusat rujukan dan data bagi maklumat tentang kredit serta pembangunan sistem pemarkahan kredit bagi sektor sasaran. Di samping itu, susunan institusi beberapa IKP terpilih akan diperkukuh bagi membolehkan penyediaan skim pembiayaan mikro secara berterusan berlandaskan amalan terbaik antarabangsa.

### **Industri Insurans**

7.44 Industri insurans dijangka mempunyai peluang yang besar untuk berkembang terutama hasil daripada perubahan demografi dari segi pertambahan golongan meningkat usia beserta dengan peningkatan kekayaan dan kesedaran yang semakin tinggi terhadap keperluan dan faedah insurans. Oleh itu, industri ini perlu memperkemas kedudukan kewangan dan reputasi bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap perkhidmatan insurans. Usaha juga akan diteruskan untuk meningkatkan bina upaya industri ini. Langkah ini meliputi pemantauan dan menggerakkan inisiatif bagi pembangunan keupayaan modal insan untuk memastikan standard industri terus dipertingkatkan selaras dengan peningkatan harapan pengguna dan pasaran kewangan yang semakin canggih. Tumpuan yang lebih juga akan diberikan bagi memperkukuh peranan disiplin pasaran bagi mewujudkan suasana perkhidmatan pengguna yang ditambah baik serta standard integriti dan profesionalisme yang tinggi. Keadaan ini akan dapat dicapai melalui peningkatan dalam pendidikan dan kesedaran pengguna, menggalakkan lebih lagi ketelusan dalam pengendalian perniagaan insurans dan peningkatan tahap profesionalisme yang berterusan.



7.45 *Menambah Baik Pengurusan Risiko.* Tumpuan yang berterusan akan diberikan ke arah memperkukuh keupayaan pengurusan risiko kewangan di kalangan penanggung insurans bagi menyokong pelaksanaan rangka kerja modal berasaskan risiko. Usaha ini akan dilengkapi dengan pembangunan pasaran modal secara berterusan yang akan memperkembang saluran pelaburan penanggung insurans untuk menambah baik pengurusan aset liabiliti.

7.46 *Liberalisasi.* Langkah melonggarkan lagi kawal selia dan liberalisasi akan terus diperkenalkan dalam tempoh Rancangan. Usaha ini termasuk membenarkan penanggung insurans asing membuka pejabat cawangan, pelonggaran kawal selia secara progresif berkaitan harga produk insurans berkadar tarif, pengurusan pelaburan yang lebih anjal dan permansuhan had perbelanjaan pengurusan. Selain itu, usaha ini juga termasuk penambahbaikan berterusan standard penzahiran bagi menggalakkan lagi disiplin pasaran dalam persekitaran yang lebih longgar. Sejajar dengan usaha pelonggaran ini, rangka kerja berhemat akan terus disesuaikan bagi mewujudkan amalan kewangan dan perniagaan yang kukuh. Di samping itu, bagi menggalakkan lagi integrasi antarabangsa, lesen baru akan dikeluarkan dan peluang yang lebih besar akan disediakan kepada penanggung insurans yang mempunyai reputasi antarabangsa untuk memiliki ekuiti atau mengadakan pakatan strategik dengan penanggung insurans tempatan dalam sektor insurans dan insurans semula.

### **Pasaran Modal**

7.47 Dalam tempoh Rancangan, fasa ketiga CMP akan dilaksana dengan menumpukan ke arah meningkatkan daya saing antarabangsa dan mengambil faedah ke atas asas yang telah dibina semasa fasa pertama dan kedua CMP. Inisiatif akan ditumpukan ke arah memperluas dan mendalamkan lagi pasaran modal, mempromosikan profil pasaran modal Malaysia ke peringkat serantau dan antarabangsa serta mengenal pasti peluang pertumbuhan baru. Teras strategik umum bagi mencapai objektif ini ialah meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran utama, memastikan sumber pembiayaan yang mencukupi bagi membangunkan sumber pertumbuhan baru, meningkatkan kecairan dan ketelusan dalam pasaran bon sekunder dan menjadikan Malaysia sebagai suatu hab dunia untuk pasaran modal Islam. Pada masa yang sama, tumpuan adalah juga ke arah meningkatkan peranan industri pengurusan pelaburan dalam pengemblengan simpanan dan mempercepat pembangunan pasaran derivatif serta meningkatkan penggunaan teknologi dan jalinan antara segmen pasaran, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kawal selia dan membangunkan modal insan bagi membina sebuah pasaran bertaraf dunia.

7.48 *Membangunkan Malaysia sebagai Pasaran Modal Utama.* Bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah pasaran utama, inisiatif akan diambil bagi meningkatkan lagi daya tarikan Malaysia sebagai satu destinasi bagi penyenaaraan, hab untuk pengantaraan serta hos kepada syarikat yang berkualiti tinggi dan inovatif yang

mempunyai tadbir urus korporat yang baik. Sehubungan ini, langkah akan diperkenal untuk meningkatkan kualiti rangka kerja pasaran bagi memastikan pasaran modal Malaysia menarik kepada penerbit, pengantara dan pelabur. Usaha akan ditumpukan ke arah membina syarikat Malaysia tersenarai yang berkualiti tinggi dan berdaya saing yang mampu menarik lebih banyak pelabur tempatan dan antarabangsa serta modal. Langkah ini akan diperlengkap dengan usaha membawa GLC tersenarai ke tahap baru dari segi prestasi dan daya tahan.

*7.49 Membiayai Sumber Pertumbuhan Baru.* Usaha berterusan akan diambil untuk mengukuhkan peranan pasaran modal dalam menyediakan akses pembiayaan yang berpatutan dari segi kos termasuk kepada EKS. Sehubungan ini, pasaran modal akan menjadi pelengkap berkesan kepada sumber pembiayaan tradisional kepada EKS dengan memudahkan pengenalan instrumen pembiayaan inovatif kepada enterpris dalam peringkat permulaan yang berintensifkan pengetahuan dan inovasi. Dalam hal ini, cagaran tidak nyata seperti idea, pengetahuan dan kepakaran dijadikan aset prinsipal untuk mendapatkan dana daripada pasaran modal.

*7.50 Meningkatkan Kecairan dan Ketelusan dalam Pasaran Bon Sekunder.* Inisiatif akan ditumpukan ke arah mendalam dan meluaskan lagi pasaran bon sekunder dengan mengembangkan pilihan dan struktur produk terutama bagi tujuan memanjangkan tempoh pegangan dan meluaskan spektrum risiko. Di samping itu, inisiatif akan diambil untuk menambah baik kecairan pasaran sekunder dengan meningkatkan infrastruktur dagangan, memperluas akses pasaran dan meningkatkan bilangan dan perwakilan peserta dalam pasaran bon. Selaras dengan ini, rangka kerja kawal selia termasuk keperluan penzahiran maklumat akan dikaji semula. Usaha juga akan diambil ke arah meliberalisasikan lagi rangka kerja kawal selia sedia ada bagi mempertingkatkan inovasi produk. Seajar dengan ini, inisiatif akan dikenal pasti bagi mewujudkan spektrum yang lebih luas bagi aset dan instrumen inovatif berstrukturkan prinsip Syariah dan konvensional. Kerajaan juga akan menggalakkan integrasi pasaran bon Asia.

*7.51 Menjadikan Malaysia sebagai Hab Global bagi Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal Islam.* Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai penyedia utama produk dan perkhidmatan pasaran modal Islam dengan memperkukuhkan peranan institusi Islam dalam proses pengantaraan tempatan terutama dari segi menggembelng simpanan dan memupuk persekitaran yang menggalakkan inovasi. Penekanan yang lebih akan diberikan bagi mempertingkatkan rantai antara institusi tempatan dengan pusat pasaran modal Islam lain ke arah membina jaringan pasaran modal Islam global melalui perkongsian pengetahuan mengenai produk, saluran pengagihan dan sumber lain. Promosi hubungan perdagangan yang merentasi sempadan dan rantai pelaburan dijangka akan memberikan sumbangan yang ketara kepada perkembangan pasaran modal Islam Malaysia.

7.52 *Meningkatkan Peranan Industri Pengurusan Pelaburan.* Lebih inisiatif akan dilaksanakan untuk mempercepat pertumbuhan dan pembangunan industri pengurusan pelaburan serta untuk mengembangkan pilihan produk yang berkesan dari segi kos bagi meningkatkan peranan industri dalam menggembelng simpanan serta memenuhi pelbagai permintaan dari penyimpan. Usaha ini akan diperlengkap dengan inisiatif bagi memastikan kawal selia yang komprehensif untuk mengekalkan standard profesionalisme serta tahap perlindungan pelabur dan tadbir urus korporat yang tinggi. Langkah juga akan diambil untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan pelabur mengenai perancangan kewangan dan pengurusan kekayaan serta kewujudan produk kewangan. Langkah juga akan diambil untuk memperbaiki penzahiran maklumat dan pengukuran prestasi untuk membantu pelabur memahami risiko dan pulangan terhadap pelaburan mereka.

7.53 *Mempercepat Pembangunan Pasaran Derivatif.* Pasaran derivatif akan terus menjadi saluran pelaburan alternatif serta menyediakan kemudahan lindung nilai yang berkesan dari segi kos dan pengurusan risiko. Sehubungan ini, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan inovasi produk bagi menggalakkan pertumbuhan pasaran derivatif serta memperhalus dan meluaskan liputan pasaran modal. Keutamaan akan diberikan ke arah membina keupayaan institusi bagi melaksanakan inovasi produk dan rangka kerja kawal selia akan diperkukuh untuk menyokong pembangunan instrumen kewangan yang inovatif. Garis panduan akan disediakan untuk membenarkan pengurus dana menggunakan derivatif dalam pengurusan portfolio. Pelaksanaan pengantara dagangan tunggal yang baru untuk pasaran derivatif juga akan membantu memperkenalkan produk baru, algoritma dagangan dan mekanisme lelongan. Platform baru ini akan meningkatkan dari segi kebolehan mengintegrasikan berbagai pelaksanaan pesanan di kalangan segmen pasaran yang berbeza di satu platform sahaja. Usaha ini akan meningkatkan dagangan pasaran melalui peningkatan penyertaan pengantara dan pelabur. Langkah ini beserta dengan peningkatan penglibatan pihak asing dalam pasaran modal Malaysia akan memberi impak yang besar kepada kecairan dan kecergasan pasaran derivatif.

7.54 *Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Kawal Selia.* Rangka kerja dan proses kawal selia akan diselaras melalui penggabungan keperluan perlesenan, manakala masa bagi proses kelulusan korporat dan kelulusan lain akan dipendekkan. Usaha akan juga ditumpukan ke arah menyelaraskan lagi kawal selia dengan tujuan meningkatkan kecekapan perniagaan dan keberkesanan dari segi kos di samping memastikan satu rangka kerja yang kukuh untuk penguatkuasaan tadbir urus korporat yang baik. Sehubungan ini, pihak pengawal selia akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pihak awam dalam bentuk yang luas dan cekap. Inisiatif akan diambil bagi memastikan penguatkuasaan adalah bertepatan masa dan berkesan. Usaha akan ditumpukan ke arah memastikan liputan kawal selia adalah cekap dan saksama dalam menangani isu perlindungan pelabur dan integriti pasaran.

7.55 Berikutan peningkatan kecanggihan pasaran modal Malaysia, mekanisme dan keupayaan swadisiplin di kalangan syarikat tersenarai perlu diperkukuhkan serta meningkatkan pergantungan kepada peraturan pasaran bagi membolehkan pasaran lebih jitu, fleksibel dan bertepatan masa dalam menjaga kepentingan pelabur dan orang awam. Untuk tujuan swadisiplin, organisasi swakawal selia digalakkan memantau gelagat dan etika perniagaan di kalangan peserta pasaran.

7.56 Peranan SC sebagai sebuah agensi pengawasan dan penguatkuasaan akan dipertingkat. Usaha ini termasuk mengukuhkan keupayaan dan kebolehan pengurusan risiko serta meningkatkan lagi pendekatan proaktif dan preemtif bagi pengawasan dan penguatkuasaan. Langkah ini akan terus membolehkan pengambilan faedah daripada kerjasama dengan pengawal selia pasaran modal antarabangsa khususnya dalam mengenal pasti dan mendakwa kesalahan sekuriti dan korporat yang merentasi sempadan.

7.57 *Meningkatkan Penggunaan ICT antara Segmen Pasaran.* Kebanyakan aspek pembangunan pasaran modal akan terus didorong oleh kemajuan dalam bidang maklumat dan teknologi, inisiatif teknologi yang diambil oleh Bursa Malaysia dalam memperkenalkan platform dagangan bersepadu serta sistem penjelasan dan penyelesaian akan diteruskan. Usaha ini akan dilengkapi dengan mewujudkan pemprosesan terus bertahap tinggi yang menghubungkan sistem pembayaran tempatan dengan global. Pada peringkat perniagaan, langkah melonggar kawal selia akan dilaksanakan untuk mewujudkan persekitaran bagi memudahkan pengambilan faedah dari teknologi untuk tujuan pelaksanaan pesanan, penyampaian perkhidmatan dan maklumat kepada pelanggan.

### **Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen**

7.58 Berikutan perubahan sosial dan demografi seperti peningkatan jangka hayat, penduduk meningkat usia dan perubahan keutamaan, strategi baru akan dipertimbang untuk menyediakan penggantian pendapatan yang mencukupi, memastikan kemampanan jangka panjang kumpulan wang ini, memaksimumkan pulangan dan mengembangkan liputan serta melindungi kepentingan pencarum. Sehubungan ini, pendekatan menyeluruh akan diambil bagi meningkatkan keupayaan kumpulan wang ini membantu pesara dalam memastikan mereka mempunyai jaminan kewangan yang mencukupi. Kumpulan wang ini juga akan turut menjadi pengantara bagi menggembelng simpanan dalam negeri dengan lebih berkesan untuk menggerakkan pembangunan pasaran kewangan bagi menyokong pembangunan ekonomi. Selaras dengan keseluruhan usaha untuk membangunkan sistem pencen nasional dan menyediakan lebih persaingan dan kepelbagaian dalam pengurusan institusi dana swasta, langkah akan diambil untuk mempercepat pembangunan industri pencen swasta.

## Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

7.59 Bagi meningkatkan daya saing Labuan sebagai sebuah IOFC, aktiviti promosi akan dipertingkat. Selaras dengan peningkatan permintaan global terhadap perkhidmatan kewangan, penekanan akan diberikan untuk menarik pelabur dan institusi dari Asia Pasifik, Timur Tengah dan Kesatuan Eropah untuk menubuhkan cawangan di Labuan. Insentif yang lebih baik akan dipertimbang untuk menggalakkan institusi antarabangsa menerbitkan kertas kewangan serta melakukan penyenaiaan dan perdagangan di LFX.

7.60 Kerajaan akan terus mengenal pasti pelbagai inisiatif strategik untuk membangunkan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang unik. Sehubungan dengan ini, bidang utama yang akan ditumpukan termasuk membangunkan lagi perkhidmatan kewangan Islam dan konvensional yang berkaitan dengan pasaran modal, pengurusan dana, pembiayaan perdagangan serta takaful dan takaful semula dan wakaf tunai. Penekanan yang lebih akan diberikan bagi mengukuhkan perundangan dan garis panduan sedia ada, khusus yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan Islam. Untuk melicinkan lagi perkembangan IOFC Labuan, rangka kerja perundangan akan terus dipertingkat bagi memastikan kerelevanannya, sejajar dengan keperluan global semasa dan mengukuhkan kuasa penyeliaan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dan mengekalkan reputasi dan daya saing Labuan sebagai sebuah IOFC.

### Koperasi

7.61 Bagi meningkatkan akses pembiayaan melalui koperasi, industri ini akan diperkukuh dengan memberi keutamaan dalam meningkatkan keupayaan kewangan dan kebolehan beroperasi. Bagi tujuan ini, MCC dijangka dapat memainkan peranan penting dalam meneraju pelaksanaan NCP yang menumpukan kepada pendekatan yang lebih menyeluruh dalam pembangunan koperasi. Tumpuan adalah untuk memastikan kestabilan dan keteguhan kewangan dan pengurusan koperasi. Usaha ini meliputi pendaftaran mandatori, kawal selia dan penyeliaan semua koperasi termasuk koperasi di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

## IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

7.62 Kementerian Kewangan, BNM dan SC akan terus menerajui perkembangan baru dalam sektor perkhidmatan kewangan. Perbelanjaan dan peruntukan pembangunan bagi menyokong sektor perkhidmatan kewangan dalam RMKe-9, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 7-5*. Tumpuan adalah untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pembangunan segmen utama dalam ekonomi termasuk EKS dan bidang pertumbuhan baru seperti ICT dan bioteknologi.

JADUAL 7-5

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI SEKTOR KEWANGAN, 2001-2010**  
(RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Modal Teroka	690.0	1,600.0
Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana	1,412.2	1,100.0
Ekuiti Kerajaan	4,520.2	1,200.0
Dana Hartanah	–	2,000.0
Lain-lain	468.0	480.0
<b>Jumlah</b>	<b>7,090.4</b>	<b>6,380.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

7.63 RMKe-8 mencatatkan penggabungan dan pengukuhan sektor perkhidmatan kewangan selepas krisis kewangan Asia berikutan daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh Danaharta, Danamodal dan CDRC. Berikutan penyeragaman, sistem perbankan menumpukan semula ke arah meningkatkan lagi produktiviti dan daya saing serta mendapatkan faedah daripada ekonomi ikut bidangan. Pasaran modal juga mencatat pembangunan pesat dan meningkatkan peranannya sebagai sumber pembiayaan alternatif. Teras pembangunan sektor perkhidmatan kewangan dalam RMKe-9 akan digerakkan ke arah mewujudkan sektor yang berdaya saing peringkat antarabangsa dan cekap di samping menggalakkan institusi kewangan tempatan mengembangkan aktiviti ke luar negara. Inisiatif utama termasuk menambah baik akses kepada pembiayaan bagi semua sektor terutama EKS, membangunkan modal insan yang perlu, menggalakkan lebih inovasi bagi produk dan perkhidmatan kewangan serta menyediakan rangka kerja kawal selia mesra pasaran dengan penguatkuasaan yang kukuh. Sistem kewangan Islam akan terus dibangunkan untuk memanfaatkan potensinya dan menjadi satu bidang pertumbuhan baru dengan mengambil faedah daripada kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang moden dan pesat membangun. Liberalisasi progresif akan terus diambil untuk memperoleh faedah maksimum kepada sektor dan ekonomi di samping memastikan kestabilan kewangan secara keseluruhan. Pelaksanaan sepenuhnya FSMP dan CMP pada akhir tempoh RMKe-9 akan menjadikan Malaysia sebagai satu pasaran kewangan maju yang baru muncul.



# MERELISASIKAN POTENSI PELANCONGAN

# 8

## I. PENDAHULUAN

8.01 Industri pelancongan kekal kukuh walaupun mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembap dalam tempoh separuh pertama Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Industri ini terus menjadi sumber utama tukaran asing yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan guna tenaga serta mengukuhkan akaun perkhidmatan dalamimbangan pembayaran. Daya tahan industri ini adalah hasil daripada penglibatan aktif sektor awam dan swasta dalam menggiatkan promosi dan pemasaran, mempelbagaikan pasaran yang disasarkan serta meningkatkan daya saing produk dan perkhidmatan pelancongan bagi menarik pelancong melawat Malaysia.

8.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), usaha bersepadu akan dipacu ke arah merealisasikan potensi industri pelancongan bagi meningkatkan sumbangannya kepada sektor perkhidmatan secara khusus dan ekonomi secara keseluruhan. Tumpuan utama akan diberi bagi mempertingkatkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancongan global utama serta mempromosi pelancongan domestik. Memandangkan industri ini menjana kesan penggandaan yang tinggi dalam pelbagai sektor, aktiviti pelancongan akan menyediakan landasan yang lebih luas bagi rangkaian antara dan dalam sektor. Lebih banyak usaha bersepadu akan diambil untuk menggembeng dan menyalur sumber bagi menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan serta membangunkan lebih banyak produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif. Keutamaan akan terus diberi bagi mencapai pembangunan pelancongan yang mampan.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

8.03 Dalam tempoh RMKe-8, industri pelancongan mencapai prestasi yang baik seperti ditunjukkan dalam kadar pertumbuhan ketibaan pelancong dan pendapatan pelancongan. Peratusan pendapatan pelancongan daripada

pendapatan akaun perkhidmatan dalam imbangan pembayaran meningkat daripada 32.7 peratus pada tahun 2000 kepada 43.0 peratus pada tahun 2005. Dengan mengambil kira jumlah kemasukan pelancong asing dan rakyat tempatan yang melancong ke luar negeri, sumbangan bersih pelancongan meningkat daripada RM11.2 bilion kepada RM18.1 bilion dalam tempoh yang sama. Pembangunan pelancongan juga menyumbang secara positif kepada perkembangan aktiviti dalam subsektor terutamanya industri hotel, kembara dan siar, peruncitan dan restoran serta pengangkutan.

### **Ketibaan Pelancong**

8.04 Dalam tempoh Rancangan, ketibaan pelancong meningkat pada kadar purata 10.0 peratus setahun, lebih tinggi daripada sasaran 6.9 peratus. Pertumbuhan positif ini kekal sepanjang tempoh tersebut kecuali pada tahun 2003 apabila bilangan ketibaan pelancong terjejas akibat daripada wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) serta keadaan politik dunia yang tidak menentu. Ketibaan pelancong meningkat semula dalam tempoh separuh akhir Rancangan setelah keyakinan untuk melancong pulih dan mencecah 16.4 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini terutamanya adalah hasil daripada pelancongan serantau, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 8-1*. Pelancong dari Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) menyumbang lebih 70.0 peratus kepada jumlah ketibaan pelancong dalam tempoh Rancangan.

### **Pendapatan Pelancongan dan Perbelanjaan Pelancong**

8.05 Selaras dengan peningkatan ketibaan pelancong, pendapatan tukaran asing meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata 12.4 peratus daripada RM17.3 bilion pada tahun 2000 kepada RM31.0 bilion pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 8-1*. Negara-negara ASEAN kekal sebagai penyumbang utama pendapatan pelancongan sebanyak 68.7 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China (China) 5.1 peratus, United Kingdom (UK) 2.5 peratus dan Australia 2.3 peratus. Dari segi corak perbelanjaan pelancong, penginapan kekal sebagai komponen terbesar merangkumi 33.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan pelancong, diikuti oleh membeli-belah pada 24.0 peratus dan makanan dan minuman pada 17.4 peratus pada tahun 2005.

### **Pelancongan Domestik**

8.06 Pelancongan domestik merupakan komponen penting bagi industri ini dalam tempoh Rancangan. Bilangan perjalanan pelancongan domestik meningkat 30.1 peratus daripada 12.3 juta pada tahun 2000 kepada 16.0 juta pada tahun 2005. Bilangan pelancong tempatan yang menginap di hotel meningkat lebih sekali ganda daripada 13.6 juta pada tahun 2000 kepada 29.0 juta pada tahun 2005. Pertambahan ini selaras dengan peningkatan pendapatan isi rumah dan



JADUAL 8-1  
**PETUNJUK PELANCONGAN TERPILIH, 2000-2010**

<i>Petunjuk</i>	<i>2000</i>	<i>2005</i>	<i>2010</i>
Bilangan Ketibaan Pelancong (juta)	10.2	16.4	24.6
Mengikut Negara Asal (%)			
ASEAN	70.4	76.8	65.0
China	4.2	3.8	6.1
Jepun	4.5	1.9	2.2
Australia	2.3	1.5	2.7
United Kingdom	2.3	1.5	2.8
Taiwan	2.1	1.3	2.7
India	1.3	1.2	1.8
Asia Barat	0.5	1.0	2.7
Lain-lain	12.4	11.0	14.0
Jumlah Pendapatan Pelancongan <sup>1</sup> (RM bilion)	17.3	31.0	59.4
Perbelanjaan Per Kapita (RM)	1,696	1,890	2,417
Tempoh Tinggal Purata (malam)	5.8	7.2	8.7
Bilangan Hotel	1,492	2,256	3,218
Bilangan Bilik Hotel	124,413	170,873	247,008
Kadar Purata Penginapan Hotel (%)	59.2	63.5	66.4
Guna Tenaga	390,600	451,000	520,700

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Pelancongan

Nota: <sup>1</sup> Pendapatan pelancongan tidak termasuk pendapatan daripada pelawat harian.

kualiti hidup serta gaya hidup rakyat Malaysia yang semakin kerap melancong. Faktor lain yang turut menyumbang kepada pelancongan domestik adalah peningkatan bilangan *retreat* korporat, rekreasi keluarga dan kem belia yang diadakan di pelbagai destinasi pelancongan di seluruh negara.

8.07 Pengenalan penerbangan kos rendah (LCC) yang menawarkan perjalanan udara yang lebih murah khususnya ke Sabah dan Sarawak terus menyumbang kepada pertumbuhan kembara dan siar di kalangan pelancong. Pelaksanaan lima hari bekerja dalam sektor awam mulai Julai 2005 turut meningkatkan pelancongan domestik.

### **Penginapan Hotel**

8.08 Pertambahan ketibaan pelancong antarabangsa dan pertumbuhan pelancongan domestik yang kukuh menyumbang kepada peningkatan kadar penginapan hotel purata daripada 59.2 peratus pada tahun 2000 kepada 63.5 peratus pada tahun 2005. Pada waktu puncak, kadar penginapan purata di destinasi utama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Melaka melebihi 80 peratus. Kadar penginapan sepanjang tahun bagi hotel di tempat peranginan Genting Highlands, Pahang melebihi 80 peratus manakala

di Pulau Langkawi 60 peratus. Dalam tempoh Rancangan, destinasi popular lain termasuk Johor Bahru di Johor dan Kuching di Sarawak mempunyai kadar penginapan purata di antara 50 hingga 60 peratus.

## **Pelaburan**

8.09 Potensi pertumbuhan industri pelancongan terus menarik sebahagian besar pelaburan sektor swasta. Bilangan hotel bertambah sebanyak 51.2 peratus dalam tempoh Rancangan daripada 1,492 pada tahun 2000 kepada 2,256 pada tahun 2005 manakala penawaran bilik meningkat 37.3 peratus daripada 124,413 pada tahun 2000 kepada 170,873 pada tahun 2005. Agensi kembara dan siar meningkat daripada 1,021 pada tahun 2000 kepada 2,383 pada tahun 2005 yang sebahagian besarnya terletak di pintu masuk utama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Langkawi dan Pulau Pinang. Jumlah lesen yang dikeluarkan kepada pemandu pelancong dan pengusaha kereta sewa meningkat daripada 18,460 pada tahun 2000 kepada 20,610 pada tahun 2005.

8.10 Bagi mempercepat pelaburan sektor swasta dalam industri pelancongan, dua tabung khas dilancarkan pada tahun 2001, iaitu Dana Infrastruktur Pelancongan (TIF) dengan peruntukan sebanyak RM700 juta serta Tabung Khas Pelancongan dan Infrastruktur (Tabung Khas) dengan peruntukan awal sebanyak RM400 juta. Memandangkan permintaan dana yang tinggi, jumlah setiap dana tersebut ditambah kepada RM1.2 bilion pada Julai 2005. Projek utama di bawah tabung berkenaan termasuk pembangunan tempat peranginan, pengubahsuaian dan baik pulih hotel serta penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan yang berkaitan. Pelaburan sektor awam terutamanya dalam menyediakan kemudahan infrastruktur asas serta promosi dan pemasaran. Penambahbaikan kemudahan awam telah dilaksanakan termasuk menaik taraf dan mengindahkan kawasan pelancongan terpilih serta memulihara bangunan dan kawasan bersejarah.

## **Guna Tenaga dan Latihan**

8.11 Dalam tempoh Rancangan, guna tenaga dalam industri pelancongan meningkat pada kadar purata 2.9 peratus setahun daripada 390,600 pada tahun 2000 kepada 451,000 pada tahun 2005. Guna tenaga langsung dalam industri hotel meningkat sebanyak 1.6 peratus daripada 84,171 pada tahun 2000 kepada 91,156 pada tahun 2005. Guna tenaga dalam agensi kembara dan siar dianggarkan sebanyak 13,028 pada tahun 2005.

8.12 Inisiatif meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan termasuk penyediaan latihan secara meluas melalui penyeliaan dan penyelarasan Majlis Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia Dalam Bidang Pelancongan (NTHRDC) dan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Dalam tempoh Rancangan, MLVK membangunkan enam Standard Kebangsaan Kemahiran Pekerjaan (NOSS) baru menjadikan jumlah keseluruhan 77 NOSS merangkumi

bidang perhotelan, kembara dan siar serta taman tema dan rekreasi. Lebih daripada 2,500 program latihan berkaitan pelancongan dijalankan dengan pembiayaan dari Tabung Pembangunan Tenaga Manusia (HRDF) berjumlah RM29.2 juta dan menyediakan 113,139 tempat latihan.

### **Produk dan Perkhidmatan Pelancongan**

8.13 Bagi meningkatkan keunikan tarikan terhadap produk dan perkhidmatan pelancongan di Malaysia, Kerajaan terus mempromosi kelebihan tradisional negara iaitu kebudayaan dan warisan semula jadi. Penekanan bagi mempromosi budaya dan warisan sejarah serta ekopelancongan dan agropelancongan telah mempopularkan destinasi seperti Melaka, Pulau Pinang, pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Produk pelancongan lain termasuk membeli-belah, liburan, aktiviti sukan serta acara berkaitan perniagaan khususnya segmen persidangan, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).

8.14 *Ekopelancongan, Agropelancongan dan Program Inap Desa.* Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan terus menggalakkan dan membangunkan ekopelancongan seperti yang digariskan dalam Pelan Ekopelancongan Kebangsaan yang mengenal pasti 48 kawasan utama. Malaysia mendapat faedah dalam penyenaian Gua Mulu dan Taman Kinabalu dalam Senarai Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) serta kawasan alam semula jadi lain seperti taman marin di Pulau Tioman dan Pulau Redang yang kaya dengan pelbagai sumber semula jadi dipromosi sebagai daya tarikan pelancong. Program Inap Desa telah meningkatkan penyertaan penduduk luar bandar dalam aktiviti berkaitan pelancongan serta memberi peluang kepada isi rumah luar bandar untuk memperoleh pendapatan sampingan. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 463 pengusaha inap desa telah dilatih dan diberikan lesen menjadikan jumlah keseluruhan pengusaha 1,089 orang dari 79 buah kampung.

8.15 *Pelancongan Kebudayaan dan Warisan.* Sebilangan projek telah dilaksanakan sebagai usaha untuk memelihara tempat kebudayaan dan warisan serta memenuhi minat khusus pelancong yang akan melawat. Lebih daripada 60 monumen dan 25 tempat bersejarah telah dinaik taraf sebagai tarikan pelancong. Pusat kebudayaan sedia ada dan baru menyediakan saluran untuk mempamerkan seni dan kraf tradisional Malaysia termasuk batik, pua kumbu dan songket.

8.16 *Acara Bertema.* Usaha yang lebih giat diambil untuk mempromosi negara sebagai destinasi yang menganjurkan sambutan dan pesta secara berterusan sepanjang tahun. Acara yang dijalankan termasuk Citrawarna, Pesta Makanan dan Buah-buahan, Pesta Air Kebangsaan serta Persembahan Tahunan Fesyen KL yang memperagakan tekstil Malaysia termasuk batik dan songket. Memandangkan membeli-belah merupakan satu produk pelancongan yang menarik

dan berpotensi besar, Karnival Jualan Mega dipromosi dengan lebih giat dan dilengkapi dengan pelbagai acara untuk menarik pelawat antarabangsa dan domestik.

8.17 *Pasaran Persidangan, Insentif, Konvensyen dan Pameran* adalah satu sumber pertumbuhan penting bagi sektor pelancongan kerana berupaya menarik ahli perniagaan yang mampu berbelanja besar. Dari segi bilangan acara dan hasil, sumbangan ketara diperoleh daripada peserta tempatan dan luar negara dalam segmen MICE adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 8-2*.

JADUAL 8-2

**PERSIDANGAN, INSENTIF, KONVENSYEN DAN PAMERAN, 2001-2005**

<i>Petunjuk</i>	2001	2002	2003	2004	2005
Bilangan Acara					
Antarabangsa	925	2,956	2,294	2,875	3,230
Kebangsaan	2,775	8,868	6,882	8,625	9,321
<b>Jumlah</b>	<b>3,700</b>	<b>11,824</b>	<b>9,176</b>	<b>11,500</b>	<b>12,551</b>
Bilangan Peserta					
Luar Negara	473,486	699,924	550,741	675,699	775,286
Tempatan	3,189,360	3,288,000	3,390,000	3,494,000	3,602,000
<b>Jumlah</b>	<b>3,662,846</b>	<b>3,987,924</b>	<b>3,940,741</b>	<b>4,169,699</b>	<b>4,377,286</b>
Pendapatan (RM bilion)					
Luar Negara	1.23	2.03	1.73	2.14	2.95
Tempatan	1.98	2.04	2.10	2.17	2.24
<b>Jumlah</b>	<b>3.21</b>	<b>4.07</b>	<b>3.83</b>	<b>4.31</b>	<b>5.19</b>

*Sumber:* Kementerian Pelancongan

8.18 *Pelancongan Sukan dan Rekreasi*. Malaysia akan terus menjadi tuan rumah bagi acara dunia tahunan seperti *Petronas F1 Grand Prix*, *Raja Muda International Regatta*, *Le Tour de Langkawi* dan *World Amateur Inter-Team Golf Championship* serta *Putrajaya Boat Championship*. Bagi membangunkan potensi industri pelayaran dan pelayaran persiaran, 10 marina baru dibina di lokasi strategik seperti Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Pinang dan Pulau Tioman.

8.19 Menyedari potensi *pelancongan pendidikan* sebagai satu segmen pasaran baru untuk meningkatkan pendapatan tukaran asing, langkah telah diambil untuk mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Sehubungan ini, pendapatan tukaran asing dari pasaran baru muncul meningkat daripada RM220 juta pada tahun 2000 kepada RM450 juta pada tahun 2005. Sebagai usaha untuk menggalakkan pelancongan pendidikan, lima Pusat Penggalakan Pendidikan Malaysia didirikan di Beijing, Dubai, Ho Chi Minh City, Jakarta dan Jeddah untuk mempromosi peluang pendidikan yang terdapat di

Malaysia. Bagi *pelancongan kesihatan*, aktiviti promosi dan pemasaran secara intensif diteruskan untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi penting untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti. Pendapatan tukaran asing daripada pelancongan kesihatan dianggarkan mencapai RM925 juta pada tahun 2005.

8.20 *Program Malaysia Rumah Keduaku* yang diperkenalkan untuk menggalakkan rakyat asing, pasangan dan tanggungan mereka memilih Malaysia sebagai rumah kedua telah menarik seramai 7,308 peserta dalam tempoh Rancangan. Program ini paling popular di kalangan warganegara China yang merangkumi 24 peratus daripada jumlah peserta, diikuti oleh Bangladesh 15 peratus, Britain 8 peratus dan Singapura 6 peratus. Satu pusat setempat ditubuhkan pada tahun 2005 untuk memudahkan dan mempercepat kelulusan.

### Strategi Pemasaran dan Promosi

8.21 Dalam usaha menjadikan Malaysia destinasi pelancong yang penting di rantau ini, Kerajaan bekerjasama dengan sektor swasta dalam mempergiat aktiviti promosi dan pemasaran. Malaysia menggunakan sepenuhnya tema *Malaysia Truly Asia* yang diperkenalkan pada tahun 1999 yang kini dikenali sebagai jenama Malaysia yang unik di arena antarabangsa. Penekanan yang lebih besar diberi untuk menarik pelancong jarak dekat dan pasaran serantau di ASEAN, China, India, Jepun dan Asia Barat. Aktiviti mempromosi Malaysia turut dipergiat dalam usaha menarik pelancong dari pasaran tradisional jarak jauh seperti Eropah dan Amerika Syarikat.

8.22 Pembangunan e-pelancongan membolehkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan pelancongan diperoleh dengan lebih cepat dan tepat. Bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja barisan hadapan dalam industri pelancongan dan yang berkaitan mengenai kepentingan industri pelancongan, beberapa kempen seperti *Think Tourism*, *Mesra Malaysia* dan *Malaysia Welcomes the World* dilancarkan. Usaha bersepadu turut diambil untuk menguruskan maklumat berkenaan peristiwa yang boleh menjejaskan pelancongan dan menyediakan maklumat terkini kepada individu yang berpotensi menjadi pengembara bagi membolehkan mereka membuat keputusan dalam merancang perjalanan.

### Peningkatan Akses

8.23 Dalam tempoh Rancangan, usaha bersepadu dilaksanakan untuk meningkatkan akses ke negara ini dan ke destinasi pelancongan dalam negara. Sehubungan ini, Kerajaan terus memperluas dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan komunikasi yang antara lain telah membantu pertumbuhan sektor pelancongan. Pengangkutan darat, rel dan laut yang lebih baik turut menyumbang kepada peningkatan pelancongan domestik serta pelancong merentasi sempadan dari Singapura, Thailand, Brunei Darussalam dan Kalimantan, Indonesia.

8.24 Dasar ruang udara terbuka dan liberal terus menggalakkan syarikat penerbangan asing menambah perkhidmatan ke Malaysia dan seterusnya menambahkan lagi pelancong ke negara ini. Peluang untuk mendapatkan hak pendaratan baru dan tambahan telah diteroka bagi membolehkan Penerbangan Malaysia (MAS) beroperasi lebih kerap dan meningkatkan kapasiti penerbangan dari dan ke destinasi luar negara. Strategi lain termasuk mempromosi lebih banyak penerbangan sewa khas dari luar negara, mewujudkan kerjasama operasi dengan penerbangan lain, memperkenalkan tambang istimewa dan meningkatkan kerjasama dengan organisasi pelancongan ASEAN untuk menggalakkan lagi pelancongan antara negara ASEAN.

8.25 Pakej penerbangan pelancongan mudah dan ringkas yang ditawarkan oleh AirAsia bermula pada tahun 2002 memainkan peranan penting dalam mempercepat pertumbuhan pelancongan tempatan di samping menembusi pasaran serantau yang baru. Jumlah penumpang yang diterbangkan oleh AirAsia telah meningkat daripada 277,000 pada tahun 2000 kepada 5.0 juta orang pada tahun 2005. Penerbangan AirAsia meluaskan pasaran dalam rantau ini melalui usaha sama dengan rakan kongsi luar negara yang membawa pelancong asing dari rantau berhampiran.

### **III. PROSPEK, 2006-2010**

8.26 Pertubuhan Pelancongan Sedunia menganggarkan ketibaan pelancong di seluruh dunia mencecah 1.0 bilion menjelang 2010. Daripada jumlah tersebut, 791 juta atau 80 peratus merupakan pelancong serantau manakala bakinya pelancong jarak jauh. Rantau Asia Timur dan Pasifik dijangka menerima 200 juta pelancong. Walaupun persaingan semakin meningkat di kalangan negara untuk menarik pelancong, sektor pelancongan di Malaysia dijangka menerima manfaat daripada pertumbuhan pelancongan antarabangsa dalam tempoh RMKe-9. Ketibaan pelancong ke Malaysia dijangka meningkat pada kadar purata 8.4 peratus setahun dan mencapai 24.6 juta menjelang tahun 2010. Sehubungan ini, pendapatan pelancongan dijangka meningkat pada kadar tahunan purata 13.9 peratus kepada RM59.4 bilion pada tahun 2010 dan dijangka memberi sumbangan besar kepada jumlah pendapatan dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran.

8.27 Negara-negara ASEAN yang berdekatan terutamanya Singapura dan Thailand akan terus menjadi penyumbang terbesar ketibaan pelancong ke negara ini. Malaysia akan menerima manfaat daripada perdagangan pelancongan yang lebih giat antara negara ASEAN melalui usaha menggalakkan kerjasama serantau dalam pertukaran budaya dan maklumat, pembangunan pakej pelancongan bersama dengan harga yang menarik dan penyediaan aturan perjalanan khas untuk pelancong dari ASEAN. Peningkatan usaha pembangunan bersama di

bawah Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand dijangka meningkatkan aktiviti pelancongan merentasi sempadan. Di samping itu, peningkatan kerjasama di bawah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) akan diteruskan bagi menggalakkan aktiviti kembara dan siar di kalangan negara berkenaan.

8.28 Di luar ASEAN, China termasuk Taiwan dan Hong Kong SAR, diambil kira sebagai satu kumpulan dijangka menjadi sebuah pasaran pelancong terbesar diikuti oleh India dan Asia Barat. Penekanan akan diberi bagi menarik minat pelancong yang berpotensi dari pasaran tradisional seperti Eropah, UK, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat yang ingin melancong ke Malaysia. Dengan pemilihan Kuala Lumpur sebagai Pusat Pelancongan Komanwel bagi jangka masa tiga tahun, Malaysia akan mengukuhkan kerjasama pelancongan dengan negara Komanwel dan Eropah.

8.29 Dalam RMKe-9, strategi akan ditumpukan untuk merealisasikan potensi pelancongan sebagai sumber pertumbuhan penting dari segi pendapatan tukaran wang asing, pembangunan keusahawanan dan pewujudan pekerjaan. Usaha akan dipergiat bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong global. Sehubungan ini, teras strategik adalah seperti berikut:

- ❑ *memastikan pembangunan pelancongan mampan;*
- ❑ *meningkatkan pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif;*
- ❑ *menggalakkan dan memudahkan pelancongan domestik;*
- ❑ *menggiatkan aktiviti pemasaran dan promosi;*
- ❑ *meningkatkan pembangunan sumber manusia; dan*
- ❑ *menjamin keselesaan, keselamatan dan kebajikan pelancong.*

### **Pembangunan Pelancongan Mampan**

8.30 Pendekatan yang lebih bersepadu dalam perancangan dan pelaksanaan pelancongan akan dilaksana bagi memastikan pembangunan mampan industri tersebut. Penekanan akan diberi bagi mengekalkan dan meningkatkan aset semula jadi dan budaya sedia ada yang rentan kepada pencemaran alam sekitar. Pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat digalakkan supaya lebih aktif dalam penyediaan, pelaksanaan dan penyenggaraan projek bagi memastikan kesan yang mempengaruhi persekitaran diminimumkan.

8.31 Peranan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri akan diperkukuh bagi meliputi pemantauan, pengawasan dan penilaian yang kerap terhadap hasil projek. Pengukuhan ini adalah bagi memastikan, antara lain, penilaian impak alam sekitar dan garis panduan berkaitan terus menjadi pertimbangan yang penting apabila merangka dan melaksana projek dan infrastruktur berkaitan. Di samping itu, pembekal produk dan perkhidmatan pelancongan perlu memenuhi kriteria khusus dan garis panduan ke atas had tampung kawasan pelancongan yang sensitif seperti pulau, tanah tinggi dan kawasan persisiran pantai. Pelan pelaksanaan, pengurusan dan penyenggaraan dalam program dan projek pelancongan terutamanya pembinaan hotel dan rumah peranginan perlu mengambil kira, antara lain, aspek penjimatan air dan elektrik serta pembuangan sisa kumbahan.

### **Produk dan Perkhidmatan Pelancongan**

8.32 Pembangunan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif akan digalakkan bagi memenuhi minat dan cita rasa yang berlainan di kalangan pelancong bagi meningkatkan ketibaan pelancong, memanjangkan tempoh penginapan dan meningkatkan perbelanjaan pelancong tempatan dan luar negara. Di samping itu, agensi kembara dan siar digalakkan untuk meningkatkan reka bentuk, daya tarikan dan pemasaran pakej pelancongan dengan memberikan perhatian terhadap minat tertentu, kualiti dan harga bagi memenuhi kehendak pelancong yang pelbagai.

8.33 *Ekopelancongan*. Penekanan yang lebih besar akan diberikan kepada ekopelancongan melalui pemuliharaan tarikan semula jadi seperti pusat perlindungan haiwan liar, taman negara, tanah tinggi dan pulau. Pelbagai acara pengembaraan dan lawatan serta ekspedisi khas akan disediakan supaya pelancong boleh menyertai pelbagai aktiviti berkaitan alam semula jadi terutamanya di Taman Negara di Semenanjung Malaysia, Taman Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Bako di Sarawak. Bagi menarik lebih ramai pelancong, aktiviti sukan lasak ekopelancongan akan dianjurkan di tempat seperti di Pulau Papan, Wilayah Persekutuan Labuan; Sungai Tembeling, Pahang; dan Pulau Pinang. Di samping itu, kemudahan pelancongan seperti pusat maklumat dan penerangan serta kemudahan awam akan disediakan dan dinaik taraf.

8.34 *Agropelancongan dan Program Inap Desa*. Lebih banyak aktiviti nilai ditambah akan disediakan di bawah agropelancongan dan Program Inap Desa seperti tinggal di dusun dan melawat taman pertanian serta pusat penyelidikan. Tetamu akan digalakkan melawat tempat kraf tangan dan menyertai aktiviti seperti membuat pasu, melukis batik, menganyam bakul dan menenun songket.

8.35 *Pelancongan Warisan*. Pemuliharaan tempat bersejarah, bangunan dan bahan artifak akan terus menjadi salah satu langkah bagi memelihara peninggalan sejarah negara serta menambah bilangan tarikan pelancong. Bagi melaksanakan strategi ini, beberapa tempat dan bangunan bersejarah dikenal pasti untuk



dipulihara dalam tempoh Rancangan. Tempat tersebut termasuk Kota Kuala Muda di Kedah, Fort Alice di Sarawak dan kawasan neolitik Bukit Tengkorak di Sabah. Laluan bersejarah turut dibangunkan berdasarkan tema tertentu seperti warisan Baba Nyonya, era Portugis dan Belanda di Melaka, kawasan tinggalan perang di Kota Bharu serta Bunga Mas di Kedah dan Kelantan.

8.36 Bagi *kebudayaan, hiburan dan seni*, usaha promosi akan diberi tumpuan kepada bidang seperti persembahan seni komersil dan bukan komersil, muzium, galeri seni, pusat kraf tangan dan hiburan serta taman tema. Tarikan kebudayaan akan terus dipromosi bagi mempamerkan kepelbagaian etnik dan pesta budaya. Malaysia juga akan dipromosi sebagai pusat tumpuan sajian memandangkan wujudnya kepelbagaian makanan daripada penduduk negara ini yang berbilang etnik. Sehubungan ini, pakej sajian yang inovatif berdasarkan keistimewaan masakan sesebuah negeri, daerah dan komuniti akan disediakan bagi menarik minat pelancong supaya menikmati hidangan tempatan.

8.37 *Lokasi Pilihan Penggambaran*. Usaha yang lebih giat akan diambil bagi menjadikan Malaysia lokasi penggambaran yang digemari oleh penerbit filem dan syarikat media asing untuk menjalankan penggambaran filem, iklan televisyen dan dokumentari. Langkah ini akan menyediakan saluran tambahan untuk Malaysia mendapatkan publisiti di peringkat antarabangsa dan pendedahan mengenai tempat percutian dan tarikan pelancong di Malaysia.

8.38 Dalam tempoh Rancangan, pasaran *MICE* dijangka terus menjadi suatu sumber pendapatan tukaran asing yang utama. MICE merupakan pasaran berlabar tinggi yang berpotensi menarik ramai ahli perniagaan berkualiti ke Malaysia. Langkah promosi akan dipertingkatkan untuk memasarkan Malaysia sebagai sebuah lokasi yang ideal bagi aktiviti MICE antarabangsa yang mempunyai ciri penting seperti kestabilan politik, pakej yang berdaya saing, kebolehan pengurusan yang kukuh dan perkhidmatan yang cemerlang. Dalam industri MICE yang kompetitif, Kerajaan akan bekerja rapat dengan sektor swasta dalam proses bida untuk menganjurkan persidangan utama, seminar dan pameran serta acara sukan. Penekanan akan diberi kepada menambah dan menaik taraf kemudahan berkaitan MICE yang perlu bagi menjadi tuan rumah persidangan dan pameran di peringkat antarabangsa dan tempatan.

8.39 *Acara Bertema*. Dalam tempoh Rancangan, usaha akan dipergiat bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah antarabangsa. Bagi menggalakkan lagi aktiviti membeli-belah, usahawan akan digalakkan supaya mendapatkan hak agensi dan pengedaran produk jenama tempatan dan luar negara. Kraf tangan dan hasil seni Malaysia seperti batik, wau dan labu sayong akan turut dipromosi sebagai produk pelancongan yang unik. Di samping itu, persembahan muzik tempatan dan teater serta hiburan kosmopolitan akan dianjurkan lebih kerap di Istana Budaya, Dewan Filharmonik Petronas dan pusat budaya yang lain di seluruh negara.

8.40 *Pelancongan Berasaskan Sukan dan Rekreasi.* Dalam usaha mempromosi Malaysia sebagai pusat pelancongan yang berasaskan sukan dan rekreasi antarabangsa, acara sukan bertaraf antarabangsa seperti *Islamic Solidarity Games*, *Royal Langkawi International Regatta* dan *Amazing Race* serta pertandingan golf antarabangsa akan terus dianjurkan. Usaha turut diambil bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat sukan yang menarik yang mampu menganjurkan pelbagai jenis sukan ekstrim seperti luncur angin, berakit mengharungi jeram dan payung terjun serta program televisyen berbentuk realiti. Sebagai usaha menyediakan pelbagai produk pelancongan, industri pelayaran dan pelayaran persiaran akan terus digalakkan. Putrajaya akan terus dipopularkan sebagai pusat sukan yang menganjurkan acara kayak, bot dan basikal air.

8.41 Promosi *pelancongan pendidikan* akan terus dipertingkatkan bagi membangunkan Malaysia sebagai destinasi pilihan oleh pelajar antarabangsa. Pendapatan tukaran asing dari sumber pertumbuhan yang berpotensi ini dianggar sebanyak RM900 juta menjelang tahun 2010. Sehubungan ini, jumlah Pusat Penggalakan Pendidikan Malaysia di bandar terpilih di seluruh dunia akan ditingkatkan. Usaha mempromosi *pelancongan kesihatan* akan dipergiat bagi menempatkan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan yang baru di dunia. Sehubungan ini, sektor swasta akan digalakkan menyertai pelbagai pameran perdagangan dan ekspo bagi mempamerkan perkhidmatan kesihatan Malaysia dalam rawatan perubatan tradisional dan moden. Menjelang tahun 2010, pelancongan kesihatan dijangka menghasilkan pendapatan berjumlah RM2.0 bilion.

8.42 *Program Malaysia Rumah Keduaku* akan dipromosi secara intensif bagi memupuk minat di kalangan peserta yang berpotensi. Sehubungan ini, kerjasama antara agensi akan dipertingkatkan bagi menjamin kelancaran pelaksanaan program.

### **Pelancongan Domestik**

8.43 Pelancongan domestik akan terus diutamakan dan dimajukan supaya menyumbang kepada perkembangan industri pelancongan. Program untuk mempromosi kembara dan siar domestik akan menumpukan kepada usaha memupuk budaya merancang percutian di kalangan masyarakat Malaysia dan menggalakkan rakyat tempatan menjelajah ke pelbagai tempat pelancongan yang menarik dalam negara. Sehubungan ini, pelbagai pameran, pesta dan acara khusus akan dianjurkan bagi mempromosi pakej pelancongan dengan harga berpatutan dan meningkatkan kesedaran jenama pelancongan domestik sepanjang tahun. Pakej pelancongan Cuti-cuti Malaysia, program pelancongan pelajar dan bas rombongan bagi kumpulan pelancong yang khusus akan terus dipromosi secara giat bagi meningkatkan kembara dan siar domestik.

8.44 Bagi meningkatkan kembara dan siar domestik, sektor swasta akan digalakkan menyediakan kemudahan rekreasi yang lebih baik serta pelbagai penginapan daripada yang termahal kepada kadar mampu sewa bagi memenuhi keperluan kumpulan sasar yang berbeza. Di samping itu, penambahan kapasiti terminal LCC dan laluan yang berdaya saing dijangka memudahkan lagi perjalanan domestik. Agensi pelancongan Kerajaan Persekutuan dan negeri akan bekerjasama dengan sektor swasta dalam menganjurkan kempen pemasaran melalui pameran di setiap negeri bagi mempromosi pelancongan domestik di negeri berkenaan.

### **Pemasaran dan Promosi**

8.45 Tujuan utama pemasaran dan promosi adalah untuk menaikkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai destinasi pelancongan. Usaha pemasaran dan promosi akan dipertingkatkan bagi mengekalkan daya saing dan tarikan produk dan perkhidmatan pelancongan. Tema *Malaysia Truly Asia* akan terus dimanfaatkan bagi mengukuhkan tema tersebut sebagai imej yang unik dan dikenali oleh pelancong antarabangsa. Sehubungan ini, aktiviti pemasaran dan promosi berbilang serampang terutamanya bagi Tahun Melawat Malaysia 2007 (VMY 2007) akan dilaksanakan secara agresif melalui penglibatan aktif dalam ekspo perdagangan, pameran dan misi jualan. Aktiviti tersebut bertujuan mengekalkan kehadiran pelancong dari pasaran jarak dekat, meningkatkan pelancong dari pasaran jarak sederhana yang berkembang pesat dan menggiatkan semula pasaran tradisional jarak jauh. VMY 2007 juga turut dijadikan faktor bagi menambahkan jumlah kehadiran pelancong dan kedatangan semula pelancong serta menarik minat pelancong agar berbelanja besar dan tinggal lebih lama di Malaysia. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti promosi VMY2007 akan dilaksanakan sempena Sambutan Jubli Emas Kemerdekaan Malaysia ke-50.

8.46 Sebagai usaha promosi dan pemasaran VMY 2007, aktiviti promosi dan publisiti yang lebih giat akan dianjurkan di peringkat domestik dan antarabangsa. Pelbagai langkah akan diambil bagi memudahkan prosedur imigresen di pintu masuk ke Malaysia. Usaha juga akan dilaksanakan bagi membentuk dan memasarkan pakej pelancongan istimewa bagi memenuhi keperluan pelancong dari pelbagai destinasi. Laman web sedia ada akan dinaik taraf menjadi portal pelancongan di bawah Kementerian Pelancongan untuk mempercepatkan transaksi dalam talian bagi perniagaan ke perniagaan serta perniagaan ke pengguna. Pembekal perkhidmatan digalakkan menggunakan portal tersebut bagi pengiklanan produk dan perkhidmatan serta menguruskan aktiviti jualan. Portal ini akan membekalkan maklumat mengenai, antara lain, penginapan, pengangkutan, tempat menarik dan acara kebudayaan. Di samping itu, urusan pakej kembara dan siar yang lengkap serta pembayaran dalam talian boleh dilakukan. Portal ini juga akan memudahkan pengumpulan data dan kajian terhadap minat dan pilihan pelanggan bagi meningkatkan perancangan dan mereka bentuk semula produk dan memperkemas perkhidmatan.

## **Pelaburan**

8.47 Pembangunan yang dijangka dalam industri pelancongan memerlukan penambahan kemudahan dan infrastruktur berkaitan pelancongan. Sektor awam akan melengkapkan usaha sektor swasta dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM1.0 bilion bagi tujuan menaik taraf dan menyenggara kemudahan sedia ada seperti taman awam, laluan pejalan kaki dan basikal, kawasan rehat dan rawat serta kemudahan asas yang lain. Infrastruktur yang lebih baik akan dibina termasuk pembangunan pusat maklumat pelancongan serta akses yang lebih baik melalui jalan raya, rel, jeti dan jambatan ke destinasi pelancongan yang popular.

8.48 Dalam usaha meneruskan promosi Malaysia sebagai destinasi pilihan di rantau ini, sektor swasta digalakkan membangunkan produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif untuk memenuhi permintaan pasaran yang berbeza serta membangunkan pasaran terpilih yang berpotensi. Bagi tujuan ini, peruntukan insentif akan dipertimbangkan untuk pembangunan produk khusus seperti ekopelancongan, produk kebudayaan dan MICE. Penekanan diberikan dalam mepakej semula tarikan sedia ada serta membangunkan produk kembara dan siar yang baru. Aktiviti pemasaran dan promosi akan diselaraskan dengan segmen pasaran utama bagi meningkatkan pelancongan dari luar negara serta pelancongan domestik.

8.49 Industri pelancongan menawarkan skop yang luas bagi daya cipta dan inovasi serta pembangunan usahawan dengan pelbagai peluang pelaburan termasuk pembinaan hotel dan rumah peranginan serta penyediaan pelbagai perkhidmatan dan tarikan pelancong. Peluang tersebut dijangka menarik minat penyertaan Bumiputera dalam aktiviti komersil dan perniagaan berkaitan pelancongan. Enterpris kecil dan sederhana (EKS) digalakkan menyertai pembangunan perniagaan sedia ada dan baru seperti penyediaan makanan, perkhidmatan rekreasi dan pembangunan produk kraf tangan. Dari segi pembiayaan, dana TIF dan Tabung Khas akan ditambah bagi menyediakan sumber pembiayaan alternatif kepada pelabur yang berpotensi. Pakej pelaburan khusus akan dibangunkan bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pasaran pelancongan yang sedang berkembang dan menubuhkan operasi pelancongan di pasaran baru dan baru muncul seperti di Asia Barat, China dan India.

## **Pembangunan Sumber Manusia**

8.50 Bagi memenuhi permintaan sumber manusia yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang pengurusan, penyeliaan dan teknikal terutamanya bagi subsektor hotel dan pelancongan, penyediaan program latihan yang berkaitan akan diutamakan. NTHRDC bersama MLVK dan Kementerian Pengajian Tinggi

serta Lembaga Akreditasi Pelancongan akan menyelaraskan latihan teknikal dan vokasional serta pengurusan dan penyeliaan. Sehubungan ini, kerjasama sektor awam dan sektor swasta akan digalakkan bagi memastikan output selaras dengan keperluan industri pelancongan yang semakin canggih. NOSS sedia ada akan dikaji semula dari semasa ke semasa oleh MLVK bagi memastikan kesesuaian standard kemahiran bagi memenuhi permintaan industri pelancongan. Pelajar sekolah akan diberikan pendedahan mengenai peluang kerjaya dalam industri pelancongan manakala institusi pendidikan tinggi digalakkan menawarkan pelbagai jenis kursus berkaitan pelancongan. Pemandu pelancong akan terus dilatih manakala yang baru akan menjalani latihan secara intensif bagi memastikan perkhidmatan berkualiti diberikan. Pemandu pelancong juga digalakkan mempelajari bahasa asing terutamanya bahasa Arab, Jepun, Jerman dan Sepanyol.

### **Pakatan Strategik dan Perkongsian Pintar**

8.51 Bagi meningkatkan lagi promosi sektor pelancongan, Kerajaan akan terus membantu memupuk pakatan strategik global dan serantau dan perkongsian pintar antara Kerajaan, organisasi pelancongan dan sektor swasta. Perkongsian ini akan mewujudkan nama baik bagi Malaysia dan meningkatkan lagi kerjasama di kalangan negara lain dan seterusnya menggalakkan pelancongan antara negara melalui aktiviti mesyuarat dan persidangan. Pembekal perkhidmatan kembara dan siar, pembekal perkhidmatan pengangkutan, organisasi MICE, pengusaha hotel dan operator di destinasi pelancongan digalakkan bekerjasama antara mereka supaya dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pelancong. Di samping itu, dengan peningkatan liberalisasi dalam perkhidmatan pelancongan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan, usaha giat akan dijalankan untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi utama dan destinasi persinggahan di kalangan negara ASEAN serta rantau Asia Pasifik.

### **Peningkatan Akses**

8.52 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai usaha akan dilaksanakan bagi meningkatkan akses ke negara ini dan dalam negara. Sehubungan ini, perkhidmatan di pintu masuk, rangkaian pengangkutan antara bandar dan tempat peranginan serta akses kepada perkhidmatan komunikasi terutamanya kemudahan Internet akan dipertingkatkan. Infrastruktur dan kemudahan pengangkutan udara, darat dan laut akan dinaik taraf bagi membantu pertumbuhan industri pelancongan. Penambahbaikan termasuk memperkenalkan permohonan visa dalam talian dan penyediaan permit masuk berbilang akan terus dilaksanakan bagi membantu kelancaran perjalanan.

8.53 Kekerapan dan kapasiti penerbangan antara Malaysia dengan pasaran tertentu akan ditambah bagi memudahkan pelancong dari luar negara melawat Malaysia. Langkah lain termasuk berkongsi kod operasi dengan syarikat

penerbangan lain serta menggalakkan lagi syarikat penerbangan asing beroperasi di negara ini. Liberalisasi perkhidmatan penerbangan di rantau ASEAN pada tahun 2008 akan mempertingkatkan akses ke bandar negara ASEAN dan seterusnya mempromosi pelancongan serantau. Lapangan Terbang Kota Kinabalu akan diperbesar bagi pembangunan hab LCC yang kedua di Malaysia selepas KLIA.

### **Penyelidikan dan Perancangan**

8.54 Usaha bagi memastikan pembangunan pelancongan yang mampan termasuk menggunakan pendekatan yang lebih bersepadu dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Usaha ini memerlukan penyelidikan dan penilaian impak yang berterusan ke atas program dan projek berkaitan pelancongan. Penyelidikan dan risikan pemasaran dengan kerjasama pihak swasta akan terus dijalankan untuk menganalisis profil pelancong dan trend pelancongan global dan domestik. Di samping itu, Akaun Satelit Pelancongan (TSA) akan dibangunkan sepenuhnya. Mekanisme TSA boleh, antara lain, mengira sumbangan sektor pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan pendapatan negara bagi membantu penggubalan dasar serta pengubahsuaian strategi dan program bagi industri pelancongan.

### **Keselamatan**

8.55 Memandangkan keselesaan dan keselamatan merupakan faktor penting dalam industri kembara dan siar, usaha yang lebih giat akan diambil bagi memastikan Malaysia sebuah negara yang menyenangkan dan selamat untuk dilawati. Pasukan polis pelancong akan diperkukuh untuk meningkatkan keselamatan pelancong. Pada masa yang sama, negara akan menggunakan sepenuhnya kestabilan politik dan suasana harmoni antara etnik untuk meningkatkan imej negara sebagai destinasi mesra pelancong.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

8.56 Kementerian Pelancongan akan terus menerajui pembangunan industri pelancongan melalui pemasaran dan promosi pelbagai produk dan perkhidmatan pelancongan yang terdapat di negara ini. Usaha ini akan disokong oleh agensi pelaksana yang lain termasuk Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia), kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Dari segi peningkatan akses, Kementerian Pengangkutan akan membantu pertumbuhan industri pelancongan dengan memastikan sistem pengangkutan dan infrastruktur yang lebih cekap. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen akan membantu perjalanan ke dan dari pintu masuk di seluruh negara.

8.57 Peruntukan pembangunan bagi industri pelancongan di bawah RMKe-9 berjumlah RM1.8 bilion, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 8-3*. Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada penyediaan infrastruktur yang mencukupi. Sebahagian besar daripada peruntukan ini bertujuan menaik taraf dan menyenggara kemudahan berkaitan pelancongan.

JADUAL 8-3

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN,  
2001-2010  
(RM juta)**

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Perlindungan Alam Sekitar dan Pengindahan	243.1	652.1
Kemudahan, Infrastruktur dan Penyenggaraan	459.4	1,034.8
Penginapan	31.7	115.0
Lain-lain	49.4	46.0
<b>Jumlah</b>	<b>783.6</b>	<b>1,847.9</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

8.58 Dalam tempoh RMKe-8, industri pelancongan telah mengalami pembangunan yang menggalakkan dan menyumbang kepada pendapatan tukaran asing yang tinggi serta menjana perniagaan baru dan peluang pekerjaan. Dalam tempoh RMKe-9, industri pelancongan akan terus menjadi sumber pertumbuhan baru yang utama dan pemacu kepada pembangunan sektor perkhidmatan. Bagi mempercepat momentum industri pelancongan mencapai potensi maksimum, Malaysia akan meningkatkan kedudukannya sebagai destinasi pelancongan antarabangsa serta mempromosi industri kembara dan siar domestik. Keutamaan akan diberikan bagi meningkatkan akses melalui pengangkutan udara dan darat yang lebih cekap termasuk perjalanan yang lancar menerusi permohonan visa dalam talian dan permit masuk berbilang. Penyertaan sektor swasta dalam pembangunan produk dan perkhidmatan yang inovatif akan dipertingkatkan melalui insentif yang lebih baik dan dana yang mencukupi. Inisiatif khas Tahun Melawat Malaysia 2007 akan menyediakan peluang yang banyak untuk pelaburan, keusahawanan dan pekerjaan.

8.59 Pembangunan pelancongan mampan akan diberikan keutamaan memandangkan pemuliharaan dan perlindungan habitat semula jadi dan alam sekitar menjadi semakin penting terutamanya dalam konteks pelancongan berhemah. Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri serta sektor awam dengan sektor swasta akan terus diperkukuh dalam penggubalan dan pelaksanaan strategi dan program pelancongan.



# MEMESATKAN PERDAGANGAN PENGEDARAN

# 9

## I. PENDAHULUAN

9.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), sektor perdagangan pengedaran di Malaysia mengalami penuh cabaran. Walaupun berlaku kelembapan ekonomi pada awal tempoh Rancangan, sektor ini masih mencapai pertumbuhan positif hasil daripada peningkatan dalam penggunaan swasta disebabkan pendapatan bolehguna yang lebih tinggi dan pertumbuhan perbelanjaan secara kredit. Peningkatan pemandaran, perubahan pola demografi dan peningkatan kemewahan penduduk turut menyumbang kepada peluasan dan kemunculan perkembangan baru dalam kaedah pengedaran. Lebih banyak usaha diambil bagi mengukuhkan dasar dan rangka kerja perundangan yang bersesuaian bagi mewujudkan sektor perdagangan domestik yang cekap dan dinamik.

9.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), perkembangan ekonomi secara mampan, pendapatan yang lebih tinggi serta peluang keusahawanan baru akan menyumbang kepada perkembangan sektor perdagangan pengedaran yang lebih pesat. Saiz penduduk, proses pemandaran, perubahan gaya hidup dan corak penggunaan dijangka memberi kesan terhadap peningkatan arus perubahan struktur dalam aktiviti borong dan runcit domestik. Di samping dapat menjana peluang pelaburan dan guna tenaga yang banyak dalam pelbagai sektor, perdagangan pengedaran akan menyediakan rangkaian dalaman dan antara sektor yang lebih luas. Sejalan dengan perkembangan baru, perniagaan tradisional dan kecil akan digalakkan menaik taraf dan menerima pakai amalan perniagaan moden bagi mempercepatkan integrasi perniagaan dengan sistem perdagangan pengedaran yang berubah. Langkah akan terus diambil bagi memastikan sektor perdagangan pengedaran berkembang secara cekap dan berdaya saing sejajar dengan prinsip persaingan dan perdagangan adil.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

9.03 Sektor perdagangan pengedaran yang merangkumi perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan pada kadar tahunan purata 4.3 peratus walaupun ekonomi mengalami kelembapan dan kedudukan luaran yang lemah dalam tempoh separuh pertama Rancangan. Sumbangan sektor perdagangan pengedaran kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat daripada RM26.8 bilion pada tahun 2000 kepada RM33.1 bilion menjelang akhir tahun 2005. Guna tenaga dalam sektor perdagangan pengedaran berkembang pada kadar purata 3.7 peratus setahun daripada 1.1 juta pekerjaan pada tahun 2000 kepada 1.3 juta pada tahun 2005. Perkembangan sektor perdagangan pengedaran antara lain disumbang oleh dasar fiskal dan kewangan Kerajaan yang menyokong pertumbuhan sektor ini.

### Perkembangan dalam Perdagangan Pengedaran

9.04 Sektor perdagangan pengedaran mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata dalam jumlah jualan sebanyak 5.2 peratus daripada RM159.6 bilion pada tahun 2000 kepada RM205.6 bilion pada tahun 2005. Perniagaan borong menyumbang sebahagian besar daripada jumlah jualan, iaitu 70.2 peratus pada tahun 2005. Peningkatan dalam ketibaan pelancong turut menggalakkan perdagangan pengedaran hasil peningkatan dalam jumlah perbelanjaan membeli-belah pelancong pada kadar purata 13.3 peratus setahun daripada RM4.0 bilion pada tahun 2000 kepada RM7.4 bilion pada tahun 2005.

9.05 Perdagangan pengedaran yang cergas, antara lain, digambarkan oleh perubahan dalam struktur sektor ini seperti yang terbukti dalam peningkatan bilangan kompleks membeli-belah, *hypermarket*, kedai serbaneka, pasaraya dan kedai khusus serta pengenalan konsep baru peruncitan. Sejajar dengan perubahan dalam konsep peruncitan dan pemasaran hasil daripada perubahan demografi, gaya hidup dan persekitaran yang berdaya saing, aktiviti membeli-belah, liburan, hiburan dan kebudayaan semakin kerap diadakan secara bersepadu di bawah bumbung yang sama atau di lokasi yang strategik. Peningkatan ketara pembeli tempatan serta pelancong turut meningkatkan permintaan bagi ruang runcit. Jumlah kompleks membeli-belah meningkat daripada 392 pada tahun 2000 kepada 550 pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 9-1*. Bilangan unit kedai yang merupakan ciri penting di kebanyakan kawasan perumahan serta bandar baru dan sedia ada, meningkat pada kadar purata 4.2 peratus setahun.

9.06 Bilangan *hypermarket* yang semakin bertambah terutamanya di bandaraya dan bandar besar mencerminkan perubahan gaya hidup dan citarasa pembeli untuk menikmati kemudahan, keselesaan, kepelbagaian produk dan masa operasi yang panjang yang disediakan oleh pusat membeli-belah setempat. Kemunculan

JADUAL 9-1

## PETUNJUK PRESTASI TERPILIH, 2000-2005

<i>Petunjuk</i>	2000	2005	<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2001-2005</i>
Kompleks Membeli-belah	392	550	7.0
Unit Kedai ('000)	242	297	4.2
<i>Hypermarket</i>	22	81	29.8
Asing	16	68	33.6
Tempatan	6	13	16.7
Francaisor	90	204	17.8
Francaisi	2,159	2,584	3.7
Lesen Jualan Langsung	712	569	-4.4
e-Dagang (RM bilion)	11.1*	36.7	81.8**
Perniagaan ke Perniagaan	7.7*	29.3	95.1**
Perniagaan ke Pengguna	3.4*	7.4	47.5**

*Sumber:* Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan *International Data Corporation*

*Nota:* \* Tahun 2003

\*\* Pertumbuhan 2004-2005

*hypermarket* yang mempunyai fungsi perniagaan borong dan runcit telah mewujudkan aktiviti dan perkhidmatan baru. *Hypermarket* menyumbang kepada peningkatan rangkaian perniagaan antara dan dalam sektor serta memperkenalkan pengurusan rangkaian pembekalan yang lebih komprehensif dan inovatif yang mencantumkan aspek rangkaian antarabangsa, penyumberan luar dan penjenamaan. Hasilnya, lebih banyak saluran diwujudkan bagi peruncit tempatan membangun dan memodenkan perniagaan mereka.

9.07 Bagi memanfaatkan rangkaian luas *hypermarket* asing, langkah telah diambil bagi mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan kepada pengeluar dan pembekal kecil tempatan. Sehubungan ini, program khusus telah dilaksanakan oleh agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) serta usaha sama koperasi dengan *hypermarket* untuk memasarkan hasil pertanian, kraf tangan dan produk enterpris kecil dan sederhana (EKS). Inisiatif lain termasuk promosi dan pemasaran produk tempatan ke luar negara melalui *hypermarket* yang mempunyai rangkaian global bagi meningkatkan bahagian pasaran dan meluaskan eksport.

9.08 Kaedah lain yang popular bagi perniagaan runcit terutamanya untuk produk pertanian adalah pasar basah, pasar malam dan pasar tani. Pasar tradisional ini terus menjadi tumpuan penduduk setempat dan memberi peluang bekerja sendiri dan menjana pendapatan kepada peniaga dan pengusaha kecil.

## *Francais*

9.09 Penekanan yang lebih diberi kepada usaha mempromosi industri francais memandangkan industri ini memberi peluang kepada usahawan untuk melibatkan diri dalam perniagaan yang tersusun dan berdaya maju dengan risiko yang rendah dan kemungkinan yang lebih besar untuk berjaya. Jenama, prosedur pengoperasian standard, latihan sistematik dan sokongan daripada francaisor adalah antara faktor kritikal yang menyumbang kepada peluasan perniagaan francais terutamanya dalam industri makanan, kosmetik dan segmen barangan pengguna. Walaupun industri francais telah mewujudkan banyak perniagaan baru dan yang sedia ada bagi produk dan perkhidmatan tempatan namun masih terdapat banyak peluang yang masih belum diceburi. Dalam tempoh Rancangan, bilangan francaisor meningkat daripada 90 pada tahun 2000 kepada 204 pada tahun 2005 dan 49 daripadanya merupakan francaisor Bumiputera.

9.10 Bagi mengukuhkan penyelarasan dalam pengurusan pembangunan francais serta meningkatkan penyertaan, khususnya usahawan Bumiputera, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) diberi mandat menjadi agensi tunggal untuk melaksanakan Program Pembangunan Francais (FDP) pada bulan Jun 2004. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh FDP adalah pembangunan produk, skim pelaburan dan pembiayaan francais, pendidikan dan latihan, promosi dan pemasaran serta penyelidikan dan pembangunan bagi membangunkan sistem francais tempatan.

## *Jualan Langsung*

9.11 Aktiviti jualan langsung terus mencatat peningkatan nilai jualan daripada RM4.5 bilion pada tahun 2000 kepada RM5.3 bilion pada tahun 2005. Jumlah lesen jualan langsung berkurang dengan ketara daripada 712 pada tahun 2000 kepada 385 pada tahun 2001 akibat daripada amalan pengesahan status yang ketat serta tindakan terhadap pengendali skim cepat kaya. Bermula pada tahun 2002, perkembangan industri ini adalah hasil daripada langkah yang diambil bagi menggalakkan jualan langsung yang teratur serta peningkatan keyakinan terhadap Peraturan Jualan Langsung (Skim dan Kawalan) 2001 bagi mencegah amalan perdagangan tidak beretika. Bagi meningkatkan lagi peluang perniagaan, syarikat jualan langsung tempatan juga memasuki pasaran luar negara seperti Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand dan Timur Tengah dengan mengeksport produk herba, kraf tangan, kosmetik, makanan dan kasut.

## **e-Dagang**

9.12 Penjualan barangan dan perkhidmatan melalui Internet atau e-dagang berkembang pada kadar tahunan purata 81.8 peratus daripada RM11.1 bilion pada tahun 2003 kepada RM36.7 bilion pada tahun 2005. Perkembangan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan transaksi elektronik dalam pasaran

perniagaan ke perniagaan (B2B) daripada RM7.7 bilion kepada RM29.3 bilion selaras dengan pertambahan keyakinan terhadap perdagangan melalui Internet. Dalam tempoh yang sama, perbelanjaan e-dagang bagi transaksi perniagaan ke pengguna (B2C) meningkat daripada RM3.4 bilion kepada RM7.4 bilion kerana lebih banyak syarikat dan perniagaan telah menawarkan perkhidmatan mereka melalui transaksi dalam talian.

### **Penyertaan Bumiputera**

9.13 Dalam tempoh Rancangan, langkah yang diambil bagi meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam perdagangan pengedaran ditumpukan kepada beberapa aspek, iaitu pembangunan perniagaan, pembiayaan, latihan keusahawanan, pemasaran dan promosi serta pemberian bantuan untuk memiliki premis perniagaan di lokasi yang strategik. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) telah memperluaskan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER) bagi membangunkan sekumpulan EKS Bumiputera yang berdaya maju dalam sektor peruncitan.

### **Pengukuhan Rantaian dengan Sektor Lain**

9.14 Dalam tempoh Rancangan, pembangunan dalam sektor pengangkutan dan komunikasi, pertanian, pembuatan dan pelancongan mengukuhkan rantaian dengan sektor perdagangan pengedaran. Pengukuhan ini menyumbang kepada peningkatan aktiviti di sepanjang rantaian bekalan serta pertambahan saiz dan peluasan skop jualan dan pengedaran. Peningkatan dalam perolehan secara langsung produk tempatan melalui pembuatan dan perladangan secara kontrak menyumbang kepada pengurangan ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan serta menjana pengeluaran dan pengedaran barangan dan perkhidmatan pada tahap yang lebih tinggi. Promosi pelancongan meningkatkan lagi pembangunan dalam aktiviti peruncitan khususnya dalam penyediaan pelbagai jenis produk yang mengutamakan kualiti, fesyen dan penjenamaan. Rantaian dengan sektor pertanian diperkukuhkan, antara lain, menerusi pelaksanaan sebahagian daripada Projek Terminal Makanan Nasional (TEMAN) yang merangkumi kemudahan rantaian daripada pengeluaran kepada pengedaran dan pemasaran.

### **Penggalakan Persaingan Sihat**

9.15 Bagi memastikan pembangunan sektor perdagangan pengedaran teratur dan cekap terutamanya dalam konteks persekitaran globalisasi dan liberalisasi yang semakin meningkat, Dasar Amalan Perdagangan Adil dilaksanakan dalam tempoh Rancangan. Rangka kerja kawal selia dan institusi yang masih di peringkat awal pembentukan akan memberi persekitaran yang lebih kondusif bagi persaingan sihat dan menyumbang kepada pencegahan tingkah laku dan amalan anti persaingan serta penyalahgunaan kuasa pasaran.

9.16 Peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan hak harta intelek (IPR) dikaji semula supaya selaras dengan Perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPs) bagi melindungi kepentingan pengeluar serta menggalakkan inovasi dan pemindahan teknologi. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) ditubuhkan pada tahun 2003 bagi memperkukuhkan sistem pendaftaran, pengurusan dan perlindungan IPR serta meningkatkan kesedaran orang awam mengenai pemilikan dan kepentingan komersil harta intelek. MyIPO memberi tumpuan kepada pembangunan bina upaya memandangkan terdapat kekurangan kakitangan mahir seperti pemeriksa paten, peguam harta intelek dan penilai teknologi bagi memudahkan pembangunan IPR dan pembentukan pangkalan data bagi rujukan dan semakan orang awam.

9.17 Berhubung dengan hak cipta, pelbagai langkah telah diambil, termasuk pembentukan Pasukan Petugas Khas Membanteras Cetak Rompak bagi memerangi cetak rompak dan pindaan terhadap Akta Hakcipta 1987 bagi penguatkuasaan secara lebih berkesan. Pasukan Petugas Khas Membanteras Barang-barang Tiruan juga ditubuh bagi memastikan perlindungan yang sewajarnya terhadap pemilik hak cipta. Suruhanjaya Syarikat Malaysia ditubuh bagi menyatukan tugas dan tanggungjawab Pendaftar Perniagaan dan Pendaftar Syarikat serta memastikan pembangunan sektor korporat dan perniagaan yang teratur.

### **Pendidikan dan Perlindungan Pengguna**

9.18 Memandangkan peningkatan tahap kecanggihan penyelewengan dan pelanggaran peraturan perdagangan serta pengaliran masuk produk yang tidak selamat, tumpuan yang lebih diberi kepada pendidikan dan perlindungan pengguna. Dasar Pengguna Nasional dilancarkan pada tahun 2002 bagi mengupayakan pengguna supaya lebih sedar mengenai hak dan kepentingan mereka serta mempromosi kepenggunaan di kalangan masyarakat. Beberapa program berstruktur bagi pendidikan dan kesedaran pengguna dilaksanakan di peringkat sekolah dan komuniti. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia menyediakan saluran alternatif kepada pengguna untuk memperjuangkan hak mereka dan membuat tuntutan terhadap pembekal yang mengedar barangan yang rosak dan perkhidmatan yang tidak memuaskan.

## **III. PROSPEK, 2006-2010**

9.19 Dalam tempoh RMKe-9, sektor perdagangan pengedaran dijangka berkembang pada kadar purata 6.8 peratus setahun berdasarkan prospek pertumbuhan ekonomi, guna tenaga dan pendapatan bolehguna serta saling melengkapi dengan sektor lain. Ekoran daripada perubahan sosial, pambandaran dan gaya hidup penduduk, sektor perdagangan pengedaran akan terus mengalami

perubahan struktur yang memberi impak kepada pembangunan sektor ini pada masa hadapan terutamanya perniagaan tradisional. Perubahan struktur sektor ini dijangka berlaku dalam pelbagai bentuk daripada integrasi dan pengukuhan perniagaan bagi meraih ekonomi bidangan, memperluas rangkaian di sepanjang rantaian nilai yang lebih tinggi kepada mempromosi konsep baru dalam aktiviti borong dan runcit.

9.20 Menyedari perlunya pembangunan dan pemantauan yang teratur dalam sektor perdagangan pengedaran domestik, usaha akan diambil untuk memperkemas garis panduan dan rangka kerja kawal selia. Perkongsian dan kerjasama strategik serta jaringan perniagaan akan digalakkan bagi meningkatkan usaha ke arah menembusi pasaran global. Selaras dengan perubahan pola penggunaan dan gelagat pengguna, sektor perdagangan pengedaran perlu segera mengubah serta mengguna pakai strategi dan konsep peruncitan baru dan yang dibuat penambahbaikan bagi memenuhi perubahan keperluan pengguna. Walaupun akan berlaku perubahan, usaha akan dipertingkatkan bagi menentukan pembangunan yang lebih seimbang antara pemborong dan peruncit berskala besar dengan perniagaan tradisional yang kecil. Peraturan dan keperluan zon bagi perniagaan berskala besar akan terus dikuatkuasakan.

9.21 Dengan jangkakan penstrukturan semula, persaingan dan pemodenan sektor perdagangan pengedaran, teras strategik bagi RMKe-9 adalah seperti berikut:

- ❑ *memantapkan rangka kerja kawal selia untuk menggalakkan pembangunan perdagangan pengedaran;*
- ❑ *memperkukuhkan kaedah pengedaran bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saing;*
- ❑ *mempercepatkan pertumbuhan e-dagang bagi menyokong pemodenan dan pengembangan sektor;*
- ❑ *memperluaskan skop dan meningkatkan skala penyertaan Bumiputera bagi menikmati faedah daripada pertumbuhan sektor; dan*
- ❑ *meningkatkan kesedaran dan pendidikan pengguna.*

### **Pemantapan Rangka Kerja Kawal Selia**

9.22 Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan dipergiat bagi meningkatkan daya saing untuk mencapai pembangunan mampan dalam perdagangan pengedaran. Langkah akan diperkukuh untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi persaingan sihat dan amalan perdagangan adil, khususnya dalam konteks peningkatan persaingan dan globalisasi. Antara langkah tersebut, Akta Amalan Perdagangan Adil (FTPL) yang berasaskan Dasar Amalan Perdagangan Adil akan digubal dan dilaksanakan secara berperingkat. Dari segi sokongan institusi,

penubuhan Pejabat Amalan Perdagangan Adil, Suruhanjaya Amalan Perdagangan Adil serta Tribunal Rayuan Amalan Perdagangan Adil akan ditubuhkan secara berperingkat. Jaringan Persaingan Malaysia akan ditubuhkan bagi menyediakan saluran perbincangan antara agensi awam dan sektor swasta dalam penggubalan strategi di bawah FTPL.

### **Pengukuhan Perdagangan Pengedaran**

9.23 Sektor perdagangan pengedaran menawarkan banyak peluang yang belum diceburi dalam pelbagai pelaburan baru terutamanya bagi memenuhi permintaan penduduk yang semakin bertambah dengan taraf hidup dan tahap kemewahan yang meningkat. Dalam tempoh RMKe-9, lebih banyak pengedar tempatan dan asing dijangka akan memperkenalkan pelbagai konsep borong dan runcit. Perubahan struktur ini akan berlaku melalui penempatan kedai runcit di lokasi yang lebih terancang yang diintegrasikan secara strategik dengan pelbagai jenis aktiviti berkaitan seperti hiburan, rekreasi dan membeli-belah. Perubahan ini membuka peluang dan sumber pertumbuhan baru dalam sektor perdagangan pengedaran.

9.24 Usaha akan diambil bagi mengukuhkan kapasiti dan keupayaan peruncit dan pemborong tempatan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan kehendak dan citarasa pengguna. Usaha yang lebih gigih akan diambil bagi membangunkan jenama dan rangkaian peruncit tempatan. Antara lain, pangkalan data yang lebih komprehensif akan diwujudkan bagi memantau dan menilai trend dan perubahan struktur yang akan berlaku dalam sektor perdagangan pengedaran serta menilai keberkesanan program dan projek yang dilaksanakan. Pangkalan data tersebut juga menyediakan maklumat yang lebih tepat bagi penggubalan dasar serta mengenal pasti dan mengkaji pendekatan baru yang lebih kondusif dalam konteks tempatan sebelum diguna pakai.

9.25 Sebagai usaha meningkatkan kedinamikan sektor perdagangan pengedaran, penekanan akan diberi kepada usaha mengenal pasti dan membangunkan kaedah pengedaran yang inovatif serta memperkukuhkan kecekapan, khususnya dalam rangkaian bekalan. Langkah akan diambil bagi meningkatkan penyertaan dalam rangkaian bekalan domestik dan global dengan penekanan terhadap pembangunan jenama, penandaaran dengan produk yang sama, peningkatan kualiti, pembungkusan dan penetapan harga yang berdaya saing serta promosi dalam pelbagai pasaran. Dengan persaingan yang semakin meningkat, penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha menggalakkan pakatan strategik antara pembekal dengan pembeli termasuk *hypermarket* asing bagi mengembangkan kerjasama di peringkat antarabangsa dan penglibatan dalam pasaran global. Program latihan mengenai pengurusan perniagaan moden terutamanya bagi EKS akan dipergiatkan lagi bagi membolehkan mereka menjalan dan melaksanakan pendekatan baru dalam aktiviti borong dan runcit.



9.26 Penggunaan sistem pelekat pengenalpastian frekuensi radio (RFID) secara berperingkat merupakan satu inovasi teknologi penting yang dijangka menyumbang kepada pengurusan keseluruhan rantai bekalan yang lebih baik bagi memudahkan pengesanan terperinci kitar hayat dan pengesanan ketulenan produk. Penggunaan RFID boleh meliputi pelbagai akitiviti dalam keseluruhan proses pembuatan dan pengedaran yang mampu menyediakan maklumat terperinci bagi meningkatkan kualiti, ketepatan masa dan kecekapan, mempercepatkan penghantaran dan mengurangkan kos keseluruhan.

9.27 *Jualan Langsung*. Akta Jualan Langsung 1993 akan dikaji semula bagi menangani perubahan keperluan industri dan meningkatkan mekanisme kawal selia. Syarikat jualan langsung akan digalakkan untuk membangun dan mempromosikan produk melalui peningkatan kualiti secara berterusan, pembungkusan yang inovatif, penjenamaan dan peningkatan eksport. Bagi tujuan ini, program latihan untuk ahli jualan langsung akan diperkukuh bagi meningkatkan kemahiran dalam pemasaran, komunikasi dan pengurusan serta menerapkan etika perniagaan yang baik. Dalam RMKe-9, sebanyak 100 syarikat jualan langsung Bumiputera disasar untuk dibangunkan. Di samping itu, syarikat jualan langsung tempatan akan digalakkan supaya mengembangkan operasi ke luar negara terutamanya di rantau Asia Pasifik.

9.28 *Francais*. Dalam tempoh Rancangan, program pembangunan francais akan diperkukuh bagi pepadanan francaisor dengan francais, pembangunan produk dan latihan yang lebih berkesan. Bagi membolehkan penyertaan lebih ramai usahawan, penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha mengenal pasti dan mempromosi francais yang memerlukan modal asas yang rendah. Pendekatan baru akan dibentuk oleh PNS bagi mempromosi pembangunan produk francais tempatan. Selain itu, skim pembiayaan sedia ada akan dikaji semula dan prosedur dipermudah bagi mempertingkatkan akses kepada dana. Di samping itu, koperasi akan digalakkan supaya memanfaatkan jaringan luas dan bilangan ahli yang ramai bagi membangunkan francais. Pangkalan data bersepadu bagi francais akan dibangunkan bagi melaksanakan perancangan, pemantauan dan kerjasama yang lebih baik di kalangan usahawan francais tempatan dan asing. Francaisor tempatan yang lebih berjaya akan digalakkan supaya mengembangkan operasi ke luar negara dan memperoleh peluang yang wujud daripada peraturan serantau dan pelbagai hala seperti Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

9.29 *Pengukuhan EKS dalam Perdagangan Pengedaran*. Memandangkan lebih 85 peratus daripada EKS dalam negara terlibat dalam aktiviti perdagangan pengedaran, usaha yang lebih gigih akan diambil bagi menggalakkan pembangunan infrastruktur sokongan seperti kemudahan premis perniagaan dan perkhidmatan berkaitan serta memperkukuhkan latihan pengurusan dan teknikal. Kerajaan akan meneruskan kerjasama dengan pihak industri bagi merangka langkah

berkesan untuk mempertingkatkan rantai antara firma dan akses kepada pasaran termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan di sepanjang rantai bekalan yang lebih tinggi. Memandangkan perdagangan borong dan runcit berskala besar akan berkembang pesat, tumpuan yang lebih akan diberi kepada pembangunan perniagaan kecil. EKS akan dibantu bagi mengedarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang inovatif serta meningkatkan keupayaan supaya dapat beroperasi di kompleks membeli-belah bertaraf tinggi yang strategik dan destinasi pelancongan yang popular. EKS juga digalakkan untuk meningkatkan bahagian pasaran domestik serta meneroka ke pasaran eksport. Perniagaan tradisional akan digalakkan supaya menggunakan pengetahuan mengenai pasaran khusus bagi memberi perkhidmatan kepada pasaran terpilih dan menawarkan perkhidmatan mengikut kehendak pelanggan. Akses kepada maklumat dan risikan pasaran akan dipertingkat bagi membantu kepelbagaian barangan yang ditawarkan selaras dengan trend pengguna yang sentiasa berubah.

9.30 Bagi enterpris kecil tradisional, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk menubuhkan lebih banyak lagi arked membeli-belah, pusat peniaga kecil, medan selera serta pasar tani dan pasar malam di lokasi yang strategik. Penekanan juga akan diberi bagi meningkatkan akses peniaga kecil kepada kemudahan sokongan supaya dapat membantu membangunkan perniagaan mereka dan menggalakkan bekerja sendiri.

9.31 *Hak Harta Intelek.* Langkah akan terus diambil dalam tempoh Rancangan bagi memastikan pengurusan IPR dan sistem perlindungan yang cekap dan berkesan untuk menyokong pembangunan perdagangan pengedaran dalam aspek inovasi produk dan penjenamaan. MyIPO akan mempercepat proses pendaftaran cap dagangan dan paten bagi melindungi kepentingan syarikat tempatan dan asing supaya potensi faedah diperolehi sepenuhnya. Sehubungan ini, keupayaan dan kepakaran MyIPO akan terus diperkembang dan diperkukuhkan. Penekanan yang lebih akan diberi kepada meningkatkan kesedaran mengenai IPR, kepentingan IPR sebagai sumber kekayaan dan modal intelek serta faedah komersil daripada perlindungan IPR.

9.32 Bagi menerap amalan perniagaan beretika, menghapuskan amalan perdagangan tidak sihat dan melindungi kepentingan pengguna, agensi penguatkuasa akan diperkukuh dengan menambah pejabat cawangan, kakitangan serta meningkatkan kemahiran operasi. Tumpuan yang lebih akan diberi terhadap pencegahan ke atas kesalahan pemalsuan dan pelanggaran hak cipta. Bagi mengatasi cabaran yang semakin meningkat dalam aktiviti penguatkuasaan, keupayaan pengumpulan maklumat risikan dan pengawasan, serta penyiasatan dan pendakwaan akan diperkukuhkan.

## Pencepatan Penggunaan e-Dagang

9.33 Dalam tempoh RMKe-9, nilai transaksi e-dagang dijangka berkembang pada kadar purata 27 peratus setahun bagi mencapai RM155 bilion pada tahun 2010. Bagi mengukuhkan rangka kerja perundangan dan meningkatkan keyakinan awam terhadap transaksi e-dagang serta mengurangkan penyelewengan dalam talian, Rang Undang-undang Transaksi Elektronik, Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik dan Rang Undang-undang Perlindungan Maklumat Peribadi akan digubal. Sektor swasta perlu memainkan peranan utama dalam mempercepatkan pertumbuhan e-dagang. Selaras dengan objektif tersebut, inisiatif yang akan diterajui oleh pemborong dan peruncit termasuk mendefinisi semula rantai nilai dan menstruktur semula fungsi dan proses dalaman bagi menyertai secara berkesan dan menikmati faedah daripada e-dagang. Bagi mempertingkatkan proses pemindahan maklumat dan transaksi maya di kalangan peniaga, usaha akan diambil untuk menerima pakai standard global dalam mengenal pasti item, kaedah pengumpulan data serta penghantaran dan penerimaan mesej.

## Peningkatan Penyertaan Bumiputera

9.34 Program POSPER akan dikembangkan untuk melahirkan sebanyak 1,250 usahawan baru. Sehubungan ini, PUNB akan bekerjasama dengan usahawan utama di peringkat domestik dan global bagi meluaskan operasi sedia ada serta membangunkan rantai peruncitan baru termasuk kedai konsep, pasar mini, pasaraya dan kedai khusus. Skop dan liputan PROSPER akan diperluas bagi merangkumi perniagaan borong. Program ini menyediakan saluran tambahan bagi membantu peniaga kecil dan kontraktor Bumiputera mendapat bekalan secara lebih cekap. Tumpuan yang lebih akan diberi kepada usaha untuk memperluaskan rangkaian sedia ada di sepanjang rantai bekalan bagi meraih faedah ekonomi bidangan, meningkatkan keberkesanan, risikan pasaran dan kualiti serta profesionalisme, kemahiran penyeliaan dan pengurusan kewangan.

9.35 Profesional Bumiputera juga akan digalakkan untuk melibatkan diri dalam perniagaan runcit yang berasaskan profesion seperti klinik, farmasi dan kedai optikal. PNS yang merupakan agensi utama bagi francais dijangka membangunkan lebih daripada 50 produk dan perkhidmatan francais baru tempatan serta memperoleh francais terpilih dari luar negara khusus untuk disertai dan dimiliki oleh Bumiputera. Di samping itu, usaha akan diambil untuk meningkatkan peranan koperasi dalam pembangunan sektor perdagangan pengedaran. Sehubungan ini, koperasi akan digalakkan untuk meluaskan skop operasi dan mempromosikan produk tempatan melalui kerjasama strategik dengan pengedar yang terkemuka.

9.36 Dalam tempoh Rancangan, program latihan yang lebih khusus terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan borong dan runcit yang moden akan dilaksana bagi membolehkan usahawan Bumiputera menghadapi cabaran dalam sektor perdagangan pengedaran akibat persaingan yang kian meningkat. Kursus sedia ada akan dipertingkatkan dan kursus baru diperkenalkan di beberapa institusi pendidikan dan agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Usaha akan dipergiatkan bagi membantu usahawan Bumiputera bergerak ke atas di rantai nilai dan memasarkan produk runcit bernilai tinggi yang memerlukan daya inovasi, kreativiti dan bakat. Antara lain, industri seni dan kraf tangan perlu dipermoden dan dipertingkatkan supaya meliputi penyelidikan dan aktiviti mereka bentuk bagi mewujudkan permintaan baru dan memperluaskan pasaran di peringkat domestik dan luar negara.

### **Peningkatan Kesedaran dan Perlindungan Pengguna**

9.37 Bagi meningkatkan kesedaran dan perlindungan pengguna, program pendidikan pengguna akan diperkembangkan kepada segmen pengguna yang lebih luas termasuk pelajar sekolah melalui kempen dan bengkel. Pendidikan etika perniagaan juga akan dipertingkatkan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi bagi menyemai etika dan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan. Program Perkongsian Pintar akan dimantapkan lagi bagi meningkatkan peranan badan bukan kerajaan dan kumpulan sukarelawan untuk mendidik orang awam mengenai isu berkaitan pengguna. Pemberian anugerah seperti Organisasi Pengguna Terbaik, Kelab Pengguna Terbaik dan Tokoh Pengguna akan diteruskan bagi mengiktiraf rakan kongsi dalam pendidikan dan perlindungan pengguna. Akta Perlindungan Pengguna 1999 akan dikaji semula untuk meningkatkan kebajikan pengguna. Skop Akta ini akan diperluaskan bagi merangkumi bidang baru seperti e-dagang, kesihatan dan penilaian risiko produk dan perkhidmatan termasuk organisma yang diubahsuai secara genetik. Undang-undang yang dikaji semula akan memastikan pengguna mempunyai saluran yang mencukupi untuk membuat aduan dan membuat penyelesaian yang lebih cepat pada kos yang berpatutan.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

9.38 Pembangunan menyeluruh sektor perdagangan pengedaran akan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan menjadi agensi utama bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ini serta bekerjasama dengan PNS untuk meningkatkan pembangunan industri francais. INSKEN akan menyediakan pelbagai kursus mengenai pembangunan dan pengurusan perniagaan borong dan runcit yang moden kepada usahawan, khususnya Bumiputera.

9.39 Peruntukan RMKe-9 bagi sektor perdagangan pengedaran adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 9-2*. Peruntukan ini bertujuan menyokong usaha sektor swasta dalam penyediaan premis perniagaan, pembiayaan pembangunan perniagaan runcit yang baru dan sedia ada serta latihan dan khidmat perundingan.

JADUAL 9-2

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK  
PERDAGANGAN PENGEDARAN, 2001-2010**  
(RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Dana untuk Perdagangan Pengedaran	300.0	450.0
Premis Perniagaan	408.0	1,372.4
Pemodenan Perkhidmatan Perdagangan	44.1	27.0
Latihan dan Khidmat Perundingan	46.4	116.0
<b>Jumlah</b>	<b>798.5</b>	<b>1,965.4</b>

*Sumber* : Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

9.40 Dalam tempoh RMKe-8, usaha merangsang permintaan domestik dan peluasan kaedah pengedaran yang baru telah menyokong pertumbuhan sektor perdagangan pengedaran. Strategi dalam RMKe-9 adalah untuk membangunkan sektor perdagangan pengedaran yang pesat dengan memberi tumpuan kepada pemodenan yang progresif, pelaksanaan pendekatan yang inovatif serta peningkatan kecekapan dan produktiviti keseluruhan terutamanya dalam konteks persekitaran yang lebih kompetitif dan global. Di samping memperkukuhkan peraturan sedia ada, dasar perdagangan adil dan rangka kerja perundangan yang komprehensif akan digubal untuk menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi persaingan dalam pasaran, menggalakkan kemasukan dan penyertaan enterpris kecil serta mendorong amalan perniagaan yang baik dan meningkatkan kebajikan pengguna.

# MEMPERKEMASKAN PENSWASTAAN

# 10

## I. PENDAHULUAN

10.01 Kerajaan terus memperhalus dan menambah baik pelaksanaan program penswastaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Prosedur sedia ada telah diperkemaskan dan langkah baru diperkenalkan untuk meningkatkan lagi keberkesannya. Di samping itu, dengan persetujuan bersama, beberapa perjanjian konsesi telah dikaji semula bertujuan mengagihkan kos dan manfaat secara lebih saksama kepada pelbagai pihak berkepentingan. Bagi mengekalkan keberkesanan program ini dalam menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera, syarat yang lebih ketat tetapi adil dikenakan ke atas pemilikan dan perubahan struktur ekuiti dalam entiti yang diswastakan. Pada masa yang sama, pendekatan bina-pajak-selenggara-pindah telah diperkenalkan bagi pelaksanaan beberapa projek utama.

10.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), proses pelaksanaan akan diperkemaskan lagi, termasuk mengguna pakai pendekatan dan mekanisme baru untuk meningkatkan keberkesanan program penswastaan. Program ini akan terus menyokong strategi pertumbuhan yang diterajui sektor swasta serta meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam ekonomi. Bagi memupuk semangat profesionalisme di pihak syarikat konsesi dalam pelaksanaan projek penswastaan, piawai akan diadakan, petunjuk prestasi diwujudkan serta sistem ganjaran dan denda untuk semakan semula tarif diperkenalkan. Sehubungan ini, rangka kerja kawal selia akan diperkukuhkan lagi. Penggunaan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) akan menggalakkan penyertaan lebih luas sektor swasta dalam bidang pengurusan, operasi dan penyenggaraan bagi menambah baik penyampaian kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan awam.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

10.03 Dalam tempoh Rancangan, 35 projek telah diluluskan untuk pelaksanaan, yang mana 10 daripadanya merupakan entiti dan perkhidmatan sedia ada serta 25 projek baru. Daripada jumlah tersebut, 15 projek adalah dalam sektor pembinaan dan lapan

projek dalam sektor elektrik, gas dan air, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 10-1*. Projek-projek yang telah siap termasuk Lebuhraya Baru Pantai (NPE), Jalan Lingkaran Luar Kajang (SILK), Lebuhraya Shah Alam-Kuang (*Guthrie Corridor*) dan Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT) Pakej C. Antara projek yang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan termasuklah Jalan Lingkaran Luar Butterworth, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya, Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) dan Lebuhraya Senai-Desaru-Pasir Gudang.

JADUAL 10-1

**BILANGAN PROJEK YANG DISWASTAKAN  
MENGIKUT SEKTOR DAN KAEDAH, 2001-2005**

Sektor	Kaedah Penswastaan (Bilangan Projek)									Jumlah	% daripada Jumlah
	PEK	BKP	BPP	PEA	BKM	PET	P	PA	KP		
Pertanian & Perhutanan	1	1	0	0	0	0	0	0	0	2	5.7
Pembinaan	0	3	2	0	0	10	0	0	0	15	42.9
Elektrik, Gas & Air	0	1	0	0	5	0	2	0	0	8	22.9
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	0	0	0	0	0	0	1	1	0	2	5.7
Perkhidmatan Kerajaan	0	0	0	1	0	0	0	0	1	2	5.7
Perkhidmatan Lain	0	1	0	0	0	0	0	0	5	6	17.1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>10</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>35</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: PEK = Penjualan Ekuiti  
 BKP = Bina-Kendali-Pindah  
 BPP = Bina-Pajak-Pindah  
 PEA = Penjualan Aset  
 BKM = Bina-Kendali-Milik  
 PET = Pembangunan Tanah  
 P = Penyenaaran  
 PA = Pajakan Aset  
 KP = Kontrak Pengurusan

**Manfaat Penswastaan**

10.04 *Kecekapan dan Produktiviti*. Petunjuk prestasi bagi entiti yang diswastakan terus mencatat peningkatan dalam tempoh Rancangan. Peningkatan ini adalah hasil daripada penggunaan sumber yang lebih baik, perhatian yang lebih mendalam kepada permintaan pengguna, perubahan teknologi dan kos pengeluaran yang lebih rendah. Penswastaan juga dapat mempercepatkan penyediaan kemudahan, seperti pembangunan pejabat Kerajaan Persekutuan di Putrajaya melalui kaedah bina-pajak-pindah.

10.05 *Manfaat kepada Orang Awam*. Pembinaan lebuhraya bertol menyumbang kepada keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 16 projek penswastaan lebuhraya telah dilaksanakan untuk membina

tambahan 604.5 kilometer rangkaian jalan raya negara. Projek-projek ini melibatkan perbelanjaan modal sebanyak RM18.0 bilion, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 10-2*. Empat projek dengan jarak keseluruhan sepanjang 87.8 kilometer telah disiapkan manakala projek-projek lain masih dalam peringkat pembinaan atau rundingan. Penyiapan NPE telah menyediakan jalan alternatif ke Jalan Klang Lama sementara SILK menawarkan rangkaian jalan yang lebih baik di antara bahagian selatan dan bahagian barat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di samping itu, pembinaan terowong jalan yang merupakan sebahagian daripada projek Pengurusan Tebatan Banjir dan Terowong Jalan serta Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan aliran trafik di bahagian selatan daripada Jalan Tun Razak ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban.

JADUAL 10-2

**PELAKSANAAN PROJEK PENSWASTAAN JALAN RAYA,  
2001-2005**

<i>Projek</i>	<i>Jarak (km)</i>	<i>Kos (RM juta)</i>
<b>Teloh Siap</b>		
Lebuhraya Baru Pantai	19.7	1,099.3
Lingkarau Luar Kajang (SILK)	37.1	1,189.0
Lebuhraya Shah Alam-Kuang ( <i>Guthrie Corridor</i> )	25.0	785.0
Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT) Pakej C	6.0	420.6
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>87.8</b>	<b>3,493.9</b>
<b>Dalam Pembinaan</b>		
Pengurusan Tebatan Banjir dan Terowong Jalan (SMART)	6.0	588.0
Lingkarau Luar Butterworth	19.0	327.0
Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya	26.0	1,697.3
Lebuhraya Duta-Ulu Klang	18.0	1,166.3
Lebuhraya Senai-Desaru-Pasir Gudang	77.2	1,675.2
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>146.2</b>	<b>5,453.8</b>
<b>Dalam Rundingan</b>		
Lingkarau Luar Pulau Pinang	17.0	1,057.0
Lebuhraya Kajang-Seremban	40.0	1,280.0
Lebuhraya Pantai Barat	215.2	3,015.0
Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor	33.1	750.7
Lebuhraya Kemuning-Shah Alam	14.7	553.1
Lebuhraya Lembah Klang Selatan	42.0	1,470.7
Hubungan Penyuraian Timur (EDL)	8.5	888.0
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>370.5</b>	<b>9,014.5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>604.5</b>	<b>17,962.2</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi



10.06 Kebanyakan projek jalan raya ini telah dilaksanakan melalui kaedah bina-kendali-pindah yang mana pihak swasta akan membina, mengendali dan menyenggara kemudahan tersebut dengan pembiayaan sendiri dan sebagai balasan, mengutip tol daripada pengguna jalan raya sepanjang tempoh konsesi. Pada akhir tempoh konsesi, kemudahan tersebut akan dipindahkan kepada Kerajaan tanpa sebarang kos. Dalam tempoh Rancangan, jalan bertol iaitu Jalan Kuching, Jalan Pahang dan Jalan Cheras telah diserahkan kepada Kerajaan dan pengenaan tol telah dimansuhkan.

10.07 Penswastaan perkhidmatan bekalan air di Selangor telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan modal yang tinggi dalam pembinaan empangan baru, kawasan tadahan air dan loji rawatan air serta menggantikan paip lama untuk memenuhi peningkatan permintaan bagi air dirawat. Sehubungan ini, sejumlah RM3.4 bilion perbelanjaan modal telah diperuntukkan untuk modal kerja. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kecekapan pengagihan air kepada pengguna dan mengurangkan kehilangan air dirawat, Kerajaan telah menyediakan sejumlah RM500 juta untuk menggantikan paip lama dan memasang meter baru di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

10.08 Pengurusan dan operasi stesen KL Sentral telah diswastakan bagi menambah baik perkhidmatan dan kemudahan pertukaran penumpang. Stesen tersebut telah dikhaskan sebagai sebuah terminal bandar dan gerbang antarabangsa bagi menyediakan perkhidmatan kepada beberapa pengendali rel seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad, Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. (PUTRA) dan Hubungan Kereta Api Express (ERL) dan akhirnya menghubungkannya dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

10.09 *Manfaat kepada Kerajaan.* Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan terus mendapat manfaat daripada program penswastaan dalam bentuk penjimatan perbelanjaan modal berjumlah RM28.6 bilion, yang mana 81.5 peratus adalah daripada sektor elektrik, gas dan air, diikuti oleh sektor pembinaan sebanyak RM3.7 bilion atau 12.8 peratus. Selain daripada penyediaan kemudahan dengan lebih awal, penjimatan dana awam membolehkan Kerajaan mengagihkan semula sumber yang terhad kepada sektor ekonomi lain.

10.10 Kerajaan juga mendapat manfaat dari segi perolehan daripada syarikat konsesi melalui penjualan aset sebanyak RM21.7 juta dan penjualan ekuiti sebanyak RM40.5 juta, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 10-3*. Pemindahan sejumlah 6,249 pekerja ke sektor swasta telah mengurangkan beban pentadbiran Kerajaan serta menjimatkan perbelanjaan mengurus. Dalam tempoh Rancangan, beberapa perjanjian konsesi bagi perkhidmatan sokongan telah dilanjutkan berdasarkan prestasi syarikat dan manfaat yang dihasilkan.

10.11 Pelaksanaan program penswastaan telah diperkukuhkan lagi dengan memperkenalkan format perjanjian penswastaan yang seragam dan rundingan semula

JADUAL 10-3

**PEROLEHAN, PENJIMATAN DAN PENGURANGAN  
ANGGOTA DALAM SEKTOR AWAM, 1983-2005**

<i>Perkara</i>	2001-2005	1983-2005
<b>Perolehan (RM juta)</b>		
Penjualan Aset	21.7	1,536.5
Penjualan Ekuiti	40.5	4,940.2
<b>Penjimatan (RM juta)</b>		
Perbelanjaan Modal <sup>1</sup>	28,603.9	153,960.8
Perbelanjaan Mengurus	126.9	7,747.1
<b>Bilangan Anggota Sektor Awam Yang Dipindahkan</b>	6,249	113,220

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Berdasarkan kepada anggaran kos projek.

beberapa perjanjian konsesi secara persetujuan bersama untuk memperbaiki terma dan syarat perjanjian. Antara perkara baru yang diperkenalkan adalah perkongsian hasil antara Kerajaan dan syarikat konsesi setelah mencapai ambang pendapatan yang telah dipersetujui, menggantikan penyelarasan tarif secara automatik kepada yang berasaskan prestasi, memansuhkan hak eksklusif penyediaan perkhidmatan yang ditawarkan dan memperketatkan piawai kualiti dan perkhidmatan.

10.12 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan telah mengambil alih projek penswastaan tertentu yang strategik tetapi telah terjejas akibat kelembapan ekonomi. Pengambilalihan ini termasuk operasi dan pengurusan perkhidmatan rel transit ringan yang dikendalikan oleh Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR) dan PUTRA. Langkah ini membolehkan orang awam terus menikmati perkhidmatan pengangkutan yang tidak terganggu.

10.13 Bagi memelihara dan melindungi kepentingan Kerajaan serta pihak berkepentingan lain, peruntukan jaminan Kerajaan dan had keberhutangan telah dimansuhkan selain memperkenalkan peruntukan hak mengambil alih sementara dan ekspropriasi bagi membenarkan campur tangan Kerajaan dalam keadaan tertentu. Projek pembangunan tanah di Lembah Klang, Ipoh, Johor Bahru dan Pulau Pinang menggunakan kaedah pertukaran tanah tidak digalakkan dan hanya dilaksanakan secara terpilih sebagai langkah mengekalkan bank tanah Kerajaan bagi kegunaan masa hadapan.

### **Penyertaan Bumiputera**

10.14 Penswastaan terus digunakan sebagai kaedah untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat, terutamanya melalui penyertaan ekuiti. Langkah

telah diambil untuk memastikan hanya usahawan yang berkeelayakan sahaja dipilih untuk menjalankan kerja pembinaan dan menyertai program pembangunan vendor. Sehubungan ini, syarat untuk mempertingkatkan penyertaan usahawan Bumiputera secara lebih meluas telah dimasukkan ke dalam perjanjian penswastaan dan langkah telah diambil untuk memastikan supaya syarat ini dipatuhi oleh syarikat konsesi.

10.15 *Kerja Kontrak.* Peluang terus diberikan kepada usahawan Bumiputera untuk menyertai aktiviti perdagangan dan perindustrian melalui kerja kontrak. Bagi memastikan pengagihan manfaat ekonomi yang lebih meluas, syarat pemberian kerja kontrak kepada usahawan Bumiputera telah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya 60 peratus. Daripada sembilan projek jalan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan, 27 kontraktor Bumiputera telah dianugerahkan kontrak bernilai RM4,398.4 juta, atau 66.7 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai kontrak.

10.16 *Pembangunan Vendor.* Program pembangunan vendor yang merupakan komponen penting penswastaan telah memainkan peranan utama dalam menggalakkan hubungan yang lebih luas antara enterpris kecil dan sederhana (EKS), khususnya usahawan Bumiputera, dan syarikat besar. Program ini menyediakan akses dan peluang yang lebih baik kepada EKS bagi membekalkan produk, alat ganti dan komponen serta operasi dan penyenggaraan.

10.17 *Pemilikan dan Penguasaan Ekuiti.* Dasar yang mensyaratkan penyertaan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti usahawan Bumiputera dalam projek penswastaan terus dilaksanakan dengan lebih ketat. Berdasarkan keseluruhan pemilikan ekuiti bagi 35 syarikat yang telah dilulus untuk melaksanakan projek penswastaan dalam tempoh Rancangan, Bumiputera telah menguasai kepentingan dalam 24 syarikat. Walau bagaimanapun, dari segi nilai tara saham, Bumiputera memiliki hanya 17.2 peratus ekuiti, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 10-4*. Kedudukan ini adalah sebahagian besar disebabkan tahap modal berbayar yang lebih tinggi dipegang oleh Kerajaan dalam sebilangan syarikat tersebut.

JADUAL 10-4

**PEMILIKAN EKUITI ENTITI YANG DISWASTAKAN  
SEMASA PENSWASTAAN, 2001-2005<sup>1</sup>**

<i>Pemilikan Ekuiti</i>	<i>Nilai Tara</i>	
	<i>RM juta</i>	<i>% daripada Jumlah</i>
Kerajaan	309.3	74.7
Bumiputera	71.3	17.2
Bukan Bumiputera	21.4	5.2
Asing	12.1	2.9
<b>Jumlah</b>	<b>414.1</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

*Nota:* <sup>1</sup> Berdasarkan 35 projek yang diluluskan dalam tempoh ini.

10.18 Pemilikan ekuiti Bumiputera menunjukkan peningkatan daripada 32.7 peratus semasa penswastaaan kepada 51.7 peratus pada akhir tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 10-5*. Dari segi nilai mutlak, pemilikan Bumiputera bagi modal saham pada nilai tara telah meningkat daripada RM5.5 bilion semasa penswastaaan kepada RM14.9 bilion pada tahun 2005.

JADUAL 10-5  
**PEMILIKAN EKUITI ENTITI  
YANG DISWASTAKAN<sup>1</sup>**

Pemilikan Ekuiti	Semasa Penswastaaan		Disember 2005	
	Nilai Tara		Nilai Tara	
	RM juta	% daripada Jumlah	RM juta	% daripada Jumlah
Kerajaan	8,584.4	50.7	9,013.8	31.2
Bumiputera	5,535.6	32.7	14,901.5	51.7
Bukan Bumiputera	1,510.5	8.9	2,573.0	8.9
Asing	1,303.4	7.7	2,368.5	8.2
<b>Jumlah</b>	<b>16,933.9</b>	<b>100.0</b>	<b>28,856.8</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Projek yang diswastakan diproses oleh Unit Perancang Ekonomi.

### III. PROSPEK, 2006-2010

10.19 Dalam tempoh RMKe-9, pelaksanaan program penswastaaan akan diperkemas lagi. Penyenggaraan kemudahan akan dimasukkan dalam perjanjian konsesi projek penswastaaan infrastruktur yang diluluskan dalam tempoh Rancangan. Kaedah PFI akan diperkenalkan dalam pelaksanaan projek penswastaaan, dengan spesifikasi output dan petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan dengan jelas. Prestasi entiti yang diswastakan akan dinilai dan diaudit secara berkala untuk memastikan projek tersebut mencapai piawai yang ditetapkan dan mematuhi KPI. Strategi penswastaaan dalam tempoh Rancangan adalah seperti berikut:

- memperkukuhkan prosedur kelulusan;*
- memberi penekanan ke atas piawai prestasi;*
- memperkemas proses pelaksanaan;*
- meningkatkan daya maju melalui pengagihan risiko;*
- memperkukuhkan rangka kerja institusi dan kawal selia; dan*
- meningkatkan penyertaan Bumiputera.*

## **Memperkukuhkan Prosedur Kelulusan**

10.20 Usaha akan terus dilaksana bagi memperkukuhkan prosedur kelulusan, termasuk mengkaji semula amalan dan keperluan semasa, memperkukuhkan rangka kerja perundangan dan prosedur pentadbiran serta menambah baik format yang seragam bagi terma dan syarat perjanjian penswastaan untuk melindungi kepentingan awam dan negara. Pemilihan syarikat konsesi akan melalui proses pembidaan dan projek yang dilaksanakan akan didayausahakan oleh Kerajaan, berdasarkan keutamaan dan strategi negara untuk memastikan kesan pengganda yang lebih besar serta meningkatkan kualiti perkhidmatan. Di samping itu, syarikat konsesi yang berpotensi akan dinilai dari segi kemampuan untuk melaksanakan projek dan menyediakan perkhidmatan berdasarkan kecekapan, kualiti serta kemampuan.

## **Memberi Penekanan Ke atas Piawai Prestasi**

10.21 Langkah untuk menambah baik program penswastaan bagi meningkatkan kecekapan serta manfaat operasi dan kewangan akan merangkumi perincian spesifikasi output yang jelas untuk perkhidmatan yang akan disediakan. Suatu sistem penyampaian berdasarkan prestasi akan dibangunkan untuk memastikan perkhidmatan disediakan mengikut piawai prestasi yang ditetapkan oleh Kerajaan. KPI akan diwajibkan dalam semua projek penswastaan bagi memastikan syarikat konsesi melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Sehubungan ini, caj dan semakan tarif akan tertakluk kepada sistem ganjaran dan denda, di mana bayaran untuk perkhidmatan akan dikaitkan kepada prestasi dengan mengenakan potongan sekiranya tahap perkhidmatan tidak dicapai. Oleh itu, sistem ini akan menjadi insentif kepada syarikat konsesi untuk menyediakan perkhidmatan yang memenuhi piawai yang ditetapkan sepanjang tempoh projek bagi memastikan syarikat konsesi mendapat balik sepenuhnya perbelanjaan modal.

## **Memperkemaskan Proses Pelaksanaan**

10.22 Dalam tempoh Rancangan, PFI akan diperkenal dalam melaksanakan projek penswastaan. PFI melibatkan pemindahan kepada sektor swasta tanggungjawab membiayai dan mengurus satu pakej pelaburan modal dan perkhidmatan termasuk pembinaan, pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam seperti bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan lain yang mewujudkan satu *stand alone business*. Sektor swasta akan membangunkan aset dan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan di sektor awam. Sebagai pulangan, sektor swasta akan menerima bayaran dalam bentuk sewa pajakan yang selaras dengan tahap, kualiti dan ketepatan masa perkhidmatan yang diberikan sepanjang tempoh konsesi. Struktur bayaran sewa pajakan bagi projek PFI akan menjamin pulangan sepenuhnya ke atas perbelanjaan pelaburan modal syarikat konsesi, termasuk kos bayaran balik pinjaman dan keuntungan ke atas pelaburan. Aset dan kemudahan tersebut akan dipindahkan kepada sektor awam di akhir tempoh konsesi.

10.23 Memandangkan proses penilaian dan perolehan yang terlibat dalam pelaksanaan PFI akan lebih diperincikan, terutamanya keperluan untuk menjelaskan spesifikasi output, penyenggaraan, petunjuk prestasi dan pengagihan risiko, satu rangka kerja berkesan untuk pelaksanaan akan dibangunkan. Sehubungan ini, langkah akan diambil untuk mewujudkan pembeding sektor awam dalam menilai cadangan dan menentukan *value-for-money* berbanding pendekatan konvensional.

10.24 Satu mekanisme yang berkesan akan dibangunkan untuk mempercepatkan proses perolehan dan memenuhi kehendak perincian kontrak seperti yang diperlukan dalam pendekatan PFI. Untuk membantu pembiayaan projek PFI yang kebiasaannya mempunyai tempoh tunggu hasil yang panjang, langkah juga akan diambil untuk mewujudkan skim pembiayaan jangka panjang melalui institusi kewangan tempatan, termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Memandangkan projek PFI adalah kompleks yang memerlukan kemahiran serta khidmat sokongan yang baru, latihan intensif akan disediakan untuk meningkatkan keupayaan dan kepakaran anggota sektor awam yang terlibat dalam rundingan dan pemantauan projek.

10.25 Bagi memperkemas lagi proses pelaksanaan, syarat baru akan dikenakan untuk memastikan calon syarikat mendapat akses kepada modal, termasuk memiliki modal berbayar minimum sebanyak RM250,000 semasa mengemukakan cadangan projek dan bukti dokumentar sokongan kewangan dikemukakan dalam tempoh dua belas bulan selepas menandatangani perjanjian. Di samping itu, syarikat juga perlu mengemukakan bukti kepakaran teknikal dan pengurusan.

### **Meningkatkan Daya Maju Melalui Pengagihan Risiko**

10.26 Untuk meningkatkan daya maju dan kemampuan projek, penekanan akan diberikan ke atas pengagihan risiko secara optimum antara sektor awam dan swasta. Kerajaan akan terus membantu pelaksanaan projek, terutamanya melalui perundangan dan bantuan kos tanah, manakala keupayaan sektor swasta akan digunakan dalam mengurus risiko berkaitan dengan reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyenggaraan.

### **Memperkukuhkan Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia**

10.27 Rangka kerja institusi dan kawal selia akan diperkukuhkan lagi untuk melindungi kepentingan pengguna dan menjamin kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan oleh entiti yang diswastakan. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan menjadi badan kawal selia yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan bekalan air dan pembeding. Antara lain, SPAN akan memastikan produktiviti perkhidmatan bekalan air dan pembeding serta memantau pematuhan pengendali terhadap piawai perkhidmatan dan obligasi kontrak yang ditetapkan ke arah penyediaan perkhidmatan yang berkesan dan cekap kepada pengguna. Sehubungan ini, semua entiti bekalan air akan dikorporatkan dan dilesenkan oleh SPAN. Di bawah rejim pelesenan baru,

kadar caj yang dikenakan bagi perkhidmatan bekalan air akan ditentukan oleh Kerajaan berdasarkan syor oleh SPAN. Bagi memastikan badan kawal selia yang baru ditubuhkan ini berfungsi dengan berkesan, usaha akan diambil bagi menyediakan perundangan dan sumber yang diperlukan serta anggota yang mencukupi dengan kemahiran dan kepakaran yang bersesuaian.

10.28 Mekanisme pemantauan dan penilaian bagi agensi pelaksana akan diperkukuh bagi memastikan syarikat yang diswastakan mematuhi peruntukan dalam perjanjian penswastaan. Program latihan akan disediakan untuk meningkatkan pengetahuan teknikal dalam penilaian dan pengauditan prestasi projek.

### **Meningkatkan Penyertaan Bumiputera**

10.29 Penswastaan akan terus diguna sebagai kaedah untuk memenuhi objektif meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat. Bagi tujuan ini, keperluan untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti usahawan Bumiputera dalam entiti yang diswastakan akan terus dikuatkuasakan. Selain daripada sekatan ke atas penjualan saham selama tiga tahun bagi perubahan struktur pegangan saham dan pemegang saham, prosedur yang ketat akan terus diguna pakai dalam pemilihan usahawan Bumiputera untuk mengelak penyusutan kepentingan Bumiputera dalam syarikat yang diswastakan.

10.30 Peluang akan terus ditawarkan kepada usahawan Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian bagi entiti yang diswastakan melalui penetapan syarat sekurang-kurangnya 60 peratus daripada kontrak kerja diberi kepada usahawan Bumiputera. Pemberian kerja kontrak akan diperketat supaya anak syarikat pemegang konsesi utama dikecualikan. Pemegang konsesi akan terus disyarat untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada individu Bumiputera, terutamanya di peringkat profesional dan pengurusan. Program pembangunan vendor dan usahawan akan terus kekal sebagai ciri bersepadu program penswastaan. Bagi memastikan keperluan penyertaan Bumiputera dilaksana dan dipantau secara berkesan, satu pendekatan bersepadu akan diguna pakai bagi memperkemas usaha mekanisme pemantauan sedia ada, termasuk badan kawal selia berasaskan sektor.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA**

10.31 Unit Perancang Ekonomi (UPE) akan menjadi agensi peneraju dalam merundingkan perjanjian penswastaan. UPE akan disokong oleh agensi pusat lain seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan agensi pelaksana yang berkaitan.

## V. PENUTUP

10.32 Dalam tempoh RMKe-8, langkah baru telah diperkenalkan dan syarat yang lebih ketat dikenakan dalam pelaksanaan program penswastaan bagi memelihara kepentingan pengguna serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Dalam tempoh RMKe-9, program tersebut akan diperkemas lagi dengan pemilihan projek akan dikenal pasti oleh Kerajaan dan pemilihan syarikat konsesi akan dilaksana melalui proses pembidaan. PFI akan diperkenalkan dalam pelaksanaan projek penswastaan. Sehubungan ini, penggunaan KPI, pengagihan risiko dan penyenggaraan akan meningkatkan penyampaian kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan awam. Suatu sistem penyampaian berasaskan prestasi akan dilaksana di mana caj dan semakan tarif akan tertakluk kepada satu sistem ganjaran dan denda. Skim pembiayaan jangka panjang akan diwujudkan melalui institusi kewangan tempatan, termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Program penswastaan akan terus digunakan untuk menyokong dan meningkatkan lagi penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi.





# MEMPERKUKUHKAN MODAL INSAN

# 11

## I. PENDAHULUAN

11.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), tahap guna tenaga penuh telah dapat dikekalkan dan produktiviti pekerja meningkat. Guna tenaga berkembang selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang disumbangkan terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Kualiti tenaga buruh meningkat berikutan peningkatan penawaran sumber manusia mahir dan berpendidikan. Pelbagai inisiatif diambil termasuk melaksanakan beberapa program latihan dan latihan semula bagi mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran dan meningkatkan keupayaan sumber manusia mendapatkan pekerjaan terutamanya siswazah.

11.02 Modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional. Oleh itu, pembangunan modal insan akan menjadi teras utama pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pembangunan modal insan akan dilaksanakan secara holistik merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi (S&T) serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

11.03 Bina upaya akan diperkukuh untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan inovatif bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan. Penekanan juga akan diberikan kepada pembangunan modal insan yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif serta memiliki etika dan nilai universal yang kukuh seperti digariskan dalam Islam Hadhari. Pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat akan terus dipergiat untuk menggalakkan peningkatan kemahiran di kalangan semua lapisan masyarakat. Sistem penyampaian pendidikan dan latihan akan diperluas dan dipertingkatkan terutamanya dalam bidang teknikal dan vokasional. Sekolah kebangsaan akan diperkasa supaya menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia. Usaha akan diambil untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan supaya setanding dengan

amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Program akan dilaksanakan bagi membangunkan modal insan yang inovatif dan mempunyai keupayaan dalam bidang S&T serta kemahiran keusahawanan yang tinggi.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

### Kependudukan

11.04 Penduduk Malaysia meningkat kepada 26.75 juta pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-1*. Kadar pertumbuhan penduduk terus berkurangan berikutan pengurangan kadar kesuburan jumlah kepada 2.76 pada tahun 2005. Jangka hayat ketika lahir bagi penduduk lelaki meningkat daripada 70.0 tahun pada tahun 2000 kepada 70.6 tahun pada tahun 2005 dan jangka hayat ketika lahir wanita daripada 75.1 tahun kepada 76.4 tahun.

JADUAL 11-1

### SAIZ PENDUDUK DAN STRUKTUR UMUR, 2000-2010 (juta orang)

							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	%	2005	%	2010	%	RMKe-8	RMKe-9
<b>Jumlah Penduduk</b>	<b>23.49</b>		<b>26.75</b>		<b>28.96</b>		<b>2.6</b>	<b>1.6</b>
Warganegara	22.08	100.0	24.36	100.0	26.79	100.0	2.0	1.9
Bumiputera	14.35	65.0	16.06	65.9	17.95	67.0	2.3	2.2
Cina	5.76	26.1	6.15	25.3	6.52	24.3	1.3	1.2
India	1.70	7.7	1.83	7.5	1.97	7.4	1.6	1.4
Lain-lain	0.27	1.2	0.32	1.3	0.35	1.3	2.6	2.2
Bukan Warganegara <sup>1</sup>	1.41		2.39		2.17		11.0	-1.8
<b>Struktur Umur</b>								
0-14	8.00	34.0	8.72	32.6	9.18	31.7	1.7	1.0
15-64	14.56	62.0	16.88	63.1	18.42	63.6	3.0	1.8
65 dan ke atas	0.93	4.0	1.15	4.3	1.36	4.7	4.3	3.4
Nisbah Tanggungan (%)	61.4		58.5		57.2			
Umur Penengah (tahun)	22.4		23.3		24.2			
<b>Kadar Kesuburan</b>								
<b>Jumlah</b>	<b>2.88</b>		<b>2.76</b>		<b>2.48</b>			
Bumiputera	3.38		3.18		2.80			
Cina	2.25		2.19		2.04			
India	2.46		2.34		2.15			
<b>Bandar (%)</b>	<b>62.0</b>		<b>63.0</b>		<b>63.8</b>			
<b>Luar Bandar (%)</b>	<b>38.0</b>		<b>37.0</b>		<b>36.2</b>			

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Termasuk penduduk tetap, pekerja asing dengan permit kerja, pegawai dagang dan pelajar asing.

## Tenaga Buruh

11.05 Tenaga buruh meningkat kepada 11.3 juta pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-2*. Kualiti tenaga buruh meningkat dengan peratusan mereka yang mempunyai kelayakan di peringkat tertiar<sup>1</sup> bertambah daripada 13.9 peratus pada tahun 2000 kepada 20.0 peratus pada tahun 2005. Ekonomi negara mencatatkan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran 3.5 peratus pada tahun 2005. Kekurangan tenaga buruh terutamanya pekerja kurang mahir mengakibatkan peningkatan pengambilan pekerja asing. Pekerja asing dengan permit kerja meningkat kepada 1.7 juta pada tahun 2005. Sektor pembuatan merupakan majikan terbesar menggaji 31.0 peratus daripada pekerja asing. Jumlah pegawai dagang meningkat kepada 35,480 dan 52.6 peratus bekerja dalam sektor perkhidmatan.

## Guna Tenaga

11.06 Guna tenaga meningkat pada kadar purata 3.3 peratus setahun dengan 1.6 juta pekerjaan baru diwujudkan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-2*. Sebanyak 1,062,800 pekerjaan disediakan oleh sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan pula 566,300 pekerjaan. Guna tenaga dalam sektor pertanian menguncup sebanyak 17,300 pekerjaan pada tahun 2005 hasil daripada peningkatan penggunaan teknologi penjimatan buruh dan pengurusan ladang yang lebih baik. Struktur guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan utama menunjukkan pertambahan permintaan terhadap sumber manusia berkemahiran tinggi, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-3*.

## Produktiviti Pekerja

11.07 Dalam tempoh Rancangan, produktiviti pekerja telah meningkat dalam semua sektor ekonomi. Produktiviti pekerja dalam sektor pertanian meningkat berikutan amalan pertanian yang baik, penggunaan teknologi baru dan peralihan kepada aktiviti pertanian bersepadu dan pengeluaran komersil berskala besar. Dalam sektor pembuatan, pertumbuhan produktiviti pekerja disebabkan oleh peningkatan kualiti tenaga kerja dan pengurusan organisasi yang lebih baik serta peningkatan kecekapan pekerja. Dalam sektor perkhidmatan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lebih meluas seperti e-perbankan dan e-dagang serta pelaksanaan proses kerja yang inovatif, proses penggabungan dan pengambilalihan terutamanya dalam sektor kecil perbankan dan telekomunikasi menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti.

---

<sup>1</sup> Merujuk kepada mereka yang mempunyai ijazah, diploma, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, matrikulasi, A-Level dan sijil lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

JADUAL 11-2  
**GUNA TENAGA MENGIKUT SEKTOR, 2000-2010**  
(‘000 orang)

Sektor	2000		2005		2010		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
		%		%		%	RMKe-8	RMKe-9
Pertanian, Perhutanan, Ternakan & Perikanan	1,423.0	15.3	1,405.7	12.9	1,323.8	11.1	-0.2	-1.2
Perlombongan & Kuari	41.7	0.4	42.7	0.4	44.7	0.4	0.5	0.9
Pembinaan	2,565.8	27.7	3,132.1	28.7	3,594.7	30.0	4.1	2.8
Pembinaan	752.2	8.1	759.6	7.0	764.7	6.4	0.2	0.1
Elektrik, Gas & Air	75.0	0.8	93.0	0.8	103.5	0.9	4.4	2.2
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	461.6	5.0	631.2	5.8	701.5	5.9	6.5	2.1
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoran	1,582.9	17.1	1,927.2	17.7	2,171.0	18.0	4.0	2.4
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perniagaan	500.2	5.4	732.3	6.7	826.8	6.9	7.9	2.5
Perkhidmatan Kerajaan	981.0	10.6	1,052.8	9.7	1,109.8	9.3	1.4	1.1
Perkhidmatan Lain	891.2	9.6	1,118.2	10.3	1,335.5	11.1	4.6	3.6
<b>Jumlah</b>	<b>9,274.6</b>	<b>100.0</b>	<b>10,894.8</b>	<b>100.0</b>	<b>11,976.0</b>	<b>100.0</b>	<b>3.3</b>	<b>1.9</b>
Tenaga Buruh	9,571.6		11,290.5		12,406.8		3.4	1.9
Tempatan	8,820.6		9,512.9		10,864.3		1.5	2.7
Asing	751.0		1,777.6		1,542.5		18.8	-2.8
Pekerja Asing dengan Permit Kerja	732.6		1,742.1		1,500.0		18.9	-2.9
Pegawai Dagang	18.4		35.5		42.5		14.0	3.7
Pengangguran	297.0		395.7		430.8			
Kadar pengangguran (%)	3.1		3.5		3.5			
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	65.7		66.7		67.3			
Lelaki	85.7		86.6		87.4			
Wanita	44.7		45.7		46.3			

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

JADUAL 11-3

**GUNA TENAGA MENGIKUT KUMPULAN PEKERJAAN UTAMA<sup>1</sup>, 2000-2010**  
(‘000 orang)

Kumpulan Pekerjaan	‘000 orang		% daripada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2000	2005	RMKe-8	RMKe-9
Pegawai Kanan & Pengurus <sup>2</sup>	639.9	871.6	6.9	8.0	6.4	3.2
Profesional <sup>3</sup>	537.9	680.9	5.8	6.2	4.8	2.7
Juruteknik & Profesional Bersekutu <sup>4</sup>	1,112.9	1,430.5	12.0	13.1	5.1	2.0
Pekerja Perkeranian <sup>5</sup>	890.4	991.4	9.6	9.1	2.2	0.5
Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai & Jurujual <sup>6</sup>	1,205.6	1,558.0	13.0	14.3	5.3	4.0
Pekerja Mahir Pertanian & Perikanan <sup>7</sup>	1,391.2	1,376.0	15.0	12.6	-0.2	-0.5
Pekerja Pertukangan dan Yang Berkaitan <sup>8</sup>	844.0	1,263.8	9.1	11.6	8.4	4.9
Operator Loji & Mesin dan Pemasang <sup>9</sup>	1,493.2	1,568.9	16.1	14.5	1.0	0.8
Pekerjaan Asas <sup>10</sup>	1,159.5	1,153.7	12.5	10.6	-0.1	-0.8
<b>Jumlah</b>	<b>9,274.6</b>	<b>10,894.8</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>3.3</b>	<b>1.9</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: 1 Klasifikasi berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 1998.

2 Termasuk pengurus besar, pengurus bahagian dan pegawai kanan Kerajaan.

3 Termasuk profesional peruruan, akauntan dan juruaudit dan peraka bentuk dan juruanalisis sistem komputer.

4 Termasuk guru bukan siswazah, penyelia serta juruteknik sokongan komputer dan kejuruteraan.

5 Termasuk kerani pentadbiran, kewangan dan perakaunan serta operator telefon.

6 Termasuk tukang masak, pemandu perjalanan dan pelayan.

7 Termasuk pekerja kebun, ladang dan perhutanan.

8 Termasuk mekanik dan jurugegas, tukang kayu dan tukang jahit.

9 Termasuk pemasangan peralatan, pemandu dan operator mesin.

10 Termasuk penjual tepi jalan, pencuci dan buruh pembinaan dan penyenggaraan.

## Pembangunan Modal Insan

### Program Pendidikan

11.08 *Pendidikan Prasekolah dan Rendah.* Enrolmen kanak-kanak prasekolah berumur empat hingga enam tahun meningkat kepada 702,897 pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-4*. Sebanyak 51.3 peratus daripada jumlah enrolmen tersebut di prasekolah awam. Penggunaan Kurikulum Kebangsaan Pendidikan Prasekolah bagi kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun telah diwajibkan di semua prasekolah mulai tahun 2003 untuk menjamin kualitinya. Enrolmen di sekolah rendah meningkat kepada 3.0 juta pada tahun 2005. Pembinaan 9,930 bilik darjah baru telah menyumbang kepada peningkatan nisbah kelas kepada bilik darjah daripada 1:0.90 pada tahun 2000 kepada 1:0.92 pada tahun 2005.

11.09 Bagi menggalakkan penyertaan yang lebih besar dan meningkatkan prestasi pelajar di sekolah rendah, pelbagai program sokongan pendidikan seperti Skim Pinjaman Buku Teks, kemudahan asrama, Skim Baucer Tuisyen dan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin disediakan terutamanya kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, kawasan pedalaman dan Orang Asli. Enrolmen pelajar Orang Asli di peringkat pendidikan rendah meningkat daripada 21,704 pada tahun 2000 kepada 26,210 pada tahun 2005 manakala peringkat pendidikan menengah daripada 5,971 kepada 8,490. Di samping itu, Program Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Sabah dan Sarawak menyediakan infrastruktur dan kemudahan secara bersepadu di sekolah luar bandar dan pedalaman.

11.10 Pelbagai program dilaksanakan bagi memupuk nilai moral dan etika serta melahirkan warganegara yang bertanggungjawab. Pada tahun 2005, program j-QAF<sup>2</sup> diperkenalkan kepada pelajar beragama Islam di sekolah rendah yang melibatkan pelajar Tahun 1. Mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan juga diperkenalkan pada tahun 2005 kepada pelajar Tahun 4 sekolah rendah dan Tingkatan 1 sekolah menengah bagi mewujudkan kesedaran mengenai peranan, hak dan tanggungjawab ke arah melahirkan masyarakat yang patriotik.

11.11 *Pendidikan Menengah.* Enrolmen di sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan meningkat kepada 2.1 juta pelajar pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-4*. Enrolmen pelajar di sekolah teknik dan vokasional meningkat kepada 72,827 pada tahun 2005. Pembinaan sebanyak 9,936 bilik darjah meningkatkan nisbah kelas kepada bilik darjah daripada 1:0.83 pada tahun 2000 kepada 1:0.85 pada tahun 2005. Peratusan pelajar aliran sains meningkat daripada 32.2 peratus pada tahun 2000 kepada 45.6 peratus pada tahun 2005.

---

<sup>2</sup> Merujuk kepada objektif memahami pembacaan dan penulisan Jawi, pembacaan dan penghafalan Al-Quran, mendapatkan kemahiran asas dalam bahasa Arab dan memperkukuh serta menerapkan amalan fardhu ain.

JADUAL 11-4

**ENROLMEN<sup>1</sup> DI INSTITUSI PENDIDIKAN AWAM, 2000-2010**

Peringkat Pendidikan	Bilangan Pelajar			% daripada Jumlah			Pertambahan (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
<b>Prasekolah<sup>2</sup> (4-6)</b>	<b>539,469</b>	<b>702,897</b>	<b>784,200</b>	9.8	11.6	11.9	30.3	11.6
<b>Rendah</b>	<b>2,907,123</b>	<b>3,044,977</b>	<b>3,195,977</b>	52.6	50.0	48.3	4.7	5.0
<b>Menengah Rendah</b>	<b>1,256,772</b>	<b>1,330,229</b>	<b>1,425,231</b>	22.7	21.9	21.6	5.8	7.1
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan	1,251,466	1,322,212	1,412,235					
Maktab Rendah Sains MARA	5,306	8,017	12,996					
<b>Menengah Atas</b>	<b>707,835</b>	<b>763,618</b>	<b>881,247</b>	12.8	12.6	13.3	7.9	15.4
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan (Akademik)	637,292	678,646	774,550					
Maktab Rendah Sains MARA	10,118	12,145	21,470					
Sekolah Kerajaan Bantuan Kerajaan (Teknik & Vokasional)	60,425	72,827	85,227					
<b>Menengah Tinggi</b>	<b>94,544</b>	<b>199,636</b>	<b>277,904</b>	1.7	3.3	4.2	111.2	39.2
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan	48,035	144,194	202,904					
Kursus Pradiploma & Prauniversiti	46,509	55,442	75,000					
<b>Pendidikan Guru</b>	<b>23,740</b>	<b>34,672</b>	<b>45,899</b>	0.4	0.6	0.7	46.0	32.4
<b>Jumlah</b>	<b>5,529,483</b>	<b>6,076,029</b>	<b>6,610,458</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>9.9</b>	<b>8.8</b>

Sumber: Kementerian Pelajaran

Nota: <sup>1</sup> Enrolmen merujuk kepada jumlah pelajar pada tahun tertentu di peringkat yang berkaitan.

<sup>2</sup> Termasuk prasekolah swasta.

11.12 *Pendidikan Khas.* Program Integrasi Pendidikan Khas diperluas untuk menyepadukan kanak-kanak istimewa dalam persekitaran sekolah biasa. Di bawah program ini, kurikulum kebangsaan diguna pakai untuk kanak-kanak kurang upaya penglihatan dan pendengaran di sekolah rendah dan menengah. Kurikulum kebangsaan yang disesuaikan diguna pakai untuk pembelajaran kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran.

11.13 *Peningkatan Kualiti.* Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dikaji semula bagi memperkukuh penggunaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. Pada tahun 2005, pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang diperkenalkan pada tahun 2003 diperluas kepada pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3, peringkat menengah rendah dan Tingkatan 6 serta kolej matrikulasi.

11.14 *Pembangunan Guru.* Kurikulum dan kokurikulum latihan perguruan diperkukuh untuk menjadikan guru sebagai pengurus yang cekap dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta berupaya menggunakan ICT bagi mencipta teknik pengajaran yang inovatif. Pelaksanaan Program Pensiswazahan Guru diteruskan bagi meningkatkan bilangan guru berijazah.

11.15 *Pendidikan Tertiari.* Kapasiti universiti sedia ada telah dipertingkat bagi menyediakan lebih banyak peluang kepada pendidikan tinggi. Di samping itu, universiti, kolej universiti, kampus cawangan, politeknik serta kolej komuniti baru ditubuhkan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-5*.

JADUAL 11-5

**INSTITUSI PENDIDIKAN TERTIARI<sup>1</sup>, 2000 & 2005**

<i>Institusi</i>	<i>2000</i>	<i>2005</i>
<b>Awam:</b>		
Universiti	11	11
Kolej Universiti	0	6
Politeknik	11	20
Kolej Komuniti	0	34
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>	<b>71</b>
<b>Swasta:</b>		
Universiti	5	11
Kolej Universiti	0	11
Kampus Cawangan	3	5
Kolej	632	532
<b>Jumlah</b>	<b>640</b>	<b>559</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>662</b>	<b>630</b>

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada universiti, kolej universiti, kampus cawangan, kolej, politeknik dan kolej komuniti.

11.16 Enrolmen pelajar di semua peringkat pengajian di institusi pendidikan tertiari awam dan swasta meningkat kepada 731,698 pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-6*. Di peringkat lepasan ijazah, enrolmen bagi program sarjana dan kedoktoran falsafah (Ph.D) adalah sebanyak 16.2 peratus daripada jumlah enrolmen di semua peringkat ijazah di institusi pendidikan tinggi awam<sup>3</sup> dan 3.8 peratus di institusi pendidikan tinggi swasta. Jumlah keluaran dari institusi pendidikan tertiari awam dan swasta di semua peringkat pendidikan meningkat daripada 130,161 pada tahun 2000 kepada 252,730 pada tahun 2005. Sebanyak 58.5 peratus daripada jumlah ini merupakan lepasan institusi pendidikan tertiari swasta. Pada tahun 2005, dianggarkan 11,900 pelajar tajaan kerajaan melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi di luar negara.

<sup>3</sup> Merujuk kepada universiti, kolej universiti, kampus cawangan dan kolej.



JADUAL 11-6

ENROLMEN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TERTIARI MENGIKUT  
PERINGKAT PENGAJIAN, 2000 - 2010

Peringkat Pengajian	Bilangan Pelajar						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)						
	2000			2005			2010		2001-2005		2006-2010		
	Awam	Swasta	Jumlah	Awam	Swasta	Jumlah	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Awam	Swasta	
Sijil	23,816	81,754	105,570	37,931	94,949	132,880	141,290	143,480	284,770	9.8	3.0	30.1	8.6
Diploma	91,398	117,056	208,454	98,953	131,428	230,381	285,690	188,680	474,370	1.6	2.3	23.6	7.5
Ijazah Pertama	170,794	59,932	230,726	212,326	110,591	322,917	293,650	134,550	428,200	4.4	13.0	6.7	4.0
Sarjana	24,007	2,174	26,181	34,436	4,202	38,638	111,550	5,770	117,320	7.5	14.1	26.5	6.5
Ph.D	3,359	131	3,490	6,742	140	6,882	21,410	270	21,630	15.0	1.4	26.0	14.0
<b>Jumlah</b>	<b>313,374</b>	<b>261,047</b>	<b>574,421</b>	<b>390,388</b>	<b>341,310</b>	<b>731,698</b>	<b>853,590</b>	<b>472,750</b>	<b>1,326,340</b>	<b>4.5</b>	<b>5.5</b>	<b>16.9</b>	<b>6.7</b>

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

11.17 Bagi meningkatkan peluang pendidikan tinggi, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) telah mengeluarkan sejumlah RM7.9 bilion dalam tempoh Rancangan. Jumlah pembiayaan ini memanfaatkan 678,467 pelajar. Di samping itu, agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan, kerajaan negeri serta organisasi swasta seperti syarikat dan bank juga menyediakan bantuan kewangan untuk pendidikan di peringkat tinggi.

11.18 *Peningkatan Penawaran Sumber Manusia S&T.* Enrolmen pelajar yang mengikuti program sains dan teknikal serta yang berkaitan di peringkat ijazah pertama dan diploma di institusi pendidikan tertiar awam dan swasta meningkat daripada 229,014 pada tahun 2000 kepada 291,546 pada tahun 2005. Di peringkat lepasan ijazah, enrolmen pelajar yang mengikuti program sains dan teknikal serta yang berkaitan meningkat daripada 12,602 kepada 18,910.

11.19 Peningkatan enrolmen di peringkat lepasan ijazah terutamanya dalam bidang sains dan teknikal serta bidang yang berkaitan dan pertambahan bilangan lepasan ijazah kedoktoran menyumbang kepada peningkatan aktiviti penyelidikan dan perancangan (R&D) di universiti dan kolej universiti awam. Geran R&D berjumlah RM676.1 juta diperuntukkan bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan. Sejumlah 1,631 projek R&D dilaksanakan di bawah pembiayaan Program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (IRPA). Program ini membolehkan seramai 92 pelajar Ph.D dan 338 sarjana memperoleh ijazah mereka melalui penyelidikan. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 27 institut ditubuhkan seperti Institut Gerontologi, Institut Sains Angkasa dan Institut Makanan Halal untuk menjadi pusat kecemerlangan.

11.20 *Peningkatan Kualiti.* Usaha telah diambil bagi meningkatkan kualiti pendidikan di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dibangunkan bagi menjamin keseragaman kelayakan dan kualiti penyampaian. Program baru dibangunkan menerusi perundingan dengan pihak industri. Di samping itu, keputusan telah dibuat supaya institusi pendidikan tinggi mengkaji semula kurikulum setiap tiga hingga lima tahun. Program akademik disusun semula bagi membolehkan pelajar mengikuti pengajian dwi-pengkhususan, *major-minor*, dwi-ijazah dan ijazah anugerah bersama.

11.21 *Pembelajaran Sepanjang Hayat.* Program pembelajaran sepanjang hayat dengan syarat kemasukan yang fleksibel ditawarkan oleh kolej komuniti serta institusi pendidikan tinggi awam dan swasta seperti Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR). Kolej komuniti menawarkan kursus jangka pendek manakala institusi pendidikan tinggi menawarkan program pendidikan lanjutan.

11.22 *Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau.* Langkah diambil bagi mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau serta pusat

kecemerlangan pendidikan. Langkah ini termasuk pelaksanaan sistem jaminan kualiti, aktiviti promosi dan penubuhan pejabat promosi pendidikan di Beijing, Dubai, Ho Chi Minh City dan Jakarta. Menerusi usaha ini, enrolmen pelajar asing di institusi pendidikan meningkat kepada 50,380 pada tahun 2005. Daripada jumlah ini, 82 peratus mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi terutamanya dari Asia Timur dan Pasifik, diikuti oleh negara ASEAN.

## Program Latihan

11.23 *Latihan Kemahiran.* Kapasiti institusi latihan awam bagi latihan sebelum bekerja meningkat menerusi penubuhan 20 institusi latihan kemahiran dan menaik taraf 10 institusi latihan sedia ada. Hasilnya, keluaran daripada institusi latihan awam meningkat kepada 38,765 pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-7*.

11.24 Pengambilan bagi kursus di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 4 dan diploma di institusi latihan tinggi awam meningkat kepada 7,110 pada tahun 2005. Di samping itu, pusat pembangunan kemahiran negeri (PPK) menambahkan kapasiti untuk melatih lebih ramai pekerja mahir dengan meningkatkan pengambilan bagi kursus sebelum bekerja kepada 11,060 pada tahun 2005. Seramai 2,735 perantis dilatih di bawah Skim Perantisan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Dalam tempoh Rancangan, seramai 286,669 sumber manusia mahir telah dilatih.

11.25 Kerajaan telah melaksanakan program latihan secara dua syif pada tahun 2005 bagi menambahkan peluang latihan untuk lepasan sekolah serta menambahkan penawaran sumber manusia mahir. Sebanyak 49 institusi latihan termasuk institusi latihan awam dan PPK melaksanakan program tersebut. Dalam tempoh Rancangan, Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM644.6 juta kepada 135,496 pelatih.

11.26 *Peningkatan Kualiti.* Bagi meningkatkan dan menyelaras kualiti latihan untuk tenaga pengajar, Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) untuk tenaga pengajar telah dibangunkan dan program latihan semula di bawah Program Pembangunan Kemahiran untuk Tenaga Pengajar dan Pegawai Latihan Vokasional serta Dasar Pandang Ke Timur terus dilaksanakan. Bagi meningkatkan kualiti latihan, NOSS disediakan berdasarkan format baru mulai tahun 2005. Di samping itu, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dilancarkan pada bulan Julai 2005 untuk memperkukuh sistem penyampaian latihan dan memastikan penyediaan latihan selaras dengan keperluan industri.

11.27 *Latihan Semula dan Peningkatan Kemahiran.* PSMB telah mempergiat usaha bagi menggalakkan lebih ramai majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka. Sehubungan ini, liputan Tabung Pembangunan Sumber

JADUAL 11-7

**KELUARAN SUMBER MANUSIA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR  
MENGIKUT KURSUS, 2000-2010**

Kursus	Bilangan Pelatih						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)					
	2000		2005		2010		2001-2005		2006-2010			
	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Awam	Swasta		
Kejuruteraan	16,428	9,730	31,633	17,337	48,970	56,330	44,627	100,957	14.0	12.2	12.2	20.8
Mekanikal	9,606	2,232	17,380	4,866	22,246	30,966	10,608	41,574	12.6	16.9	12.2	16.9
Elektrikal	5,234	7,378	11,677	12,221	23,898	19,828	33,498	53,326	17.4	10.6	11.2	22.3
Sivil	1,588	120	2,576	250	2,826	5,536	521	6,057	10.2	15.8	16.5	15.8
Ketukangan Bangunan	1,417	547	2,566	1,200	3,766	4,232	2,633	6,865	12.6	17.0	10.5	17.0
Teknologi Maklumat & Komunikasi	903	7,520	1,016	11,844	12,860	1,853	12,886	14,739	2.4	9.5	12.8	1.7
Lain-lain	2,133	928	3,550	2,730	6,280	9,379	1,630	11,009	10.7	24.1	21.4	-9.8
<b>Jumlah</b>	<b>20,881</b>	<b>18,725</b>	<b>38,765</b>	<b>33,111</b>	<b>71,876</b>	<b>71,794</b>	<b>61,776</b>	<b>133,570</b>	<b>13.2</b>	<b>12.1</b>	<b>13.1</b>	<b>13.3</b>

Sumber: Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Majlis Amanah Rakyat dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Manusia (HRDF) diperluas untuk merangkumi firma dalam industri perkhidmatan berkaitan pembuatan seperti logistik dan sokongan pasaran. Kerajaan terus menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran setara kepada enterpris kecil dan sederhana (EKS). Bantuan kewangan juga disediakan di bawah Program Peningkatan Kemahiran Perbadanan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

### III. PROSPEK, 2006-2010

11.28 Dengan peningkatan persaingan di pasaran global, ekonomi akan terus diperkukuh dengan meningkatkan daya saing dan menerokai sumber pertumbuhan baru. Peningkatan daya saing ini memerlukan modal insan bertaraf dunia yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran, serba boleh dan kreatif serta memiliki etika kerja positif dan nilai kerohanian. Oleh itu, dalam tempoh RMKe-9, bina upaya akan diberi keutamaan yang tinggi. Bagi tujuan ini, penambahbaikan secara komprehensif sistem penyampaian pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan dilaksanakan. Penekanan juga akan diberikan kepada pembangunan kemahiran keusahawanan bagi semua peringkat pendidikan dan latihan untuk membantu mewujudkan masyarakat usahawan. Program pembelajaran sepanjang hayat akan diperluas bagi menyediakan lebih banyak peluang kepada individu untuk meningkatkan dan menambah baik kualiti diri melalui pemerolehan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan.

#### Teras Dasar Pembangunan Modal Insan

11.29 Pelaburan dalam modal insan akan diberikan penekanan yang lebih besar dalam tempoh Rancangan bagi meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi, memacu ekonomi berasaskan pengetahuan serta membentuk masyarakat dengan sistem nilai yang boleh diteladani. Matlamat ini akan dicapai melalui peningkatan kerjasama antara Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat. Sehubungan ini, teras dasar pembangunan modal insan adalah seperti yang berikut:

- ❑ *melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan dan latihan;*
- ❑ *memperkasa sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia bagi meningkatkan perpaduan negara;*
- ❑ *melaksanakan langkah bagi merapatkan jurang prestasi antara sekolah di luar bandar dengan di bandar;*
- ❑ *mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan pendidikan dan latihan di peringkat tertiar memenuhi keperluan majikan;*

- ❑ *menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti di semua peringkat;*
- ❑ *membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan S&T yang kukuh dan memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan;*
- ❑ *memperkuh perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif, sistem nilai yang boleh diteladani dan budaya mengutamakan prestasi tinggi serta menghargai tradisi dan warisan; dan*
- ❑ *memperluas dan memperkemas forum perbincangan dan perundingan antara Kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modal insan.*

### **Kependudukan**

11.30 Dalam tempoh Rancangan, penduduk dianggarkan akan bertambah kepada seramai 28.96 juta pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan purata 1.6 peratus setahun, iaitu lebih rendah berbanding dengan pertumbuhan dalam tempoh RMKe-8, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-1*. Kadar pertumbuhan yang rendah ini berpunca daripada pengurangan kadar kesuburan jumlah kepada 2.48 pada tahun 2010 berikutan pertambahan rakyat Malaysia yang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan memberikan keutamaan kepada kemajuan kerjaya yang menyebabkan perkahwinan lewat serta kecenderungan mempunyai saiz keluarga lebih kecil.

11.31 Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun dijangka sebanyak 63.6 peratus daripada jumlah penduduk manakala penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas meningkat kepada 4.7 peratus pada tahun 2010. Pertambahan penduduk dalam kumpulan umur warga emas memerlukan peningkatan program sokongan dan kemudahan kepada kumpulan ini. Dengan jangkaan peratusan penduduk yang tinggal di kawasan bandar meningkat kepada 63.8 peratus pada tahun 2010, permintaan terhadap kemudahan infrastruktur dan perumahan serta peluang pendidikan dan pekerjaan akan bertambah.

11.32 Jangka hayat ketika lahir bagi lelaki dijangka meningkat kepada 71.0 tahun pada tahun 2010 dan 77.1 tahun untuk wanita. Peningkatan ini hasil daripada akses yang lebih baik kepada perkhidmatan kesihatan dan perubatan serta penekanan yang lebih besar terhadap perkhidmatan pencegahan.

### **Tenaga Buruh**

11.33 Kualiti tenaga buruh akan dipertingkatkan dengan menambahkan peratusan tenaga buruh yang mempunyai pencapaian pendidikan di peringkat tertiar bagi

memenuhi permintaan ekonomi berasaskan pengetahuan. Menyedari potensi wanita dalam meningkatkan penawaran tenaga buruh tempatan, penyertaan wanita yang lebih besar dalam pasaran tenaga buruh akan digalakkan. KPTB keseluruhan dijangka mencapai kadar 67.3 peratus pada tahun 2010 dengan KPTB lelaki 87.4 peratus dan KPTB wanita 46.3 peratus. Tenaga buruh dijangka meningkat kepada 12.4 juta pada tahun 2010.

11.34 Selaras dengan dasar untuk beralih kepada aktiviti intensif teknologi dan nilai ditambah yang lebih tinggi, pengambilan pekerja asing akan dilaksanakan secara bijaksana. Bilangan pekerja asing akan dikurangkan secara beransur-ansur bagi menyediakan peluang pekerjaan yang lebih besar kepada tenaga kerja tempatan dan mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing serta kos pentadbiran. Tenaga buruh tempatan terutamanya siswazah perlu mengubah pemikiran dan tidak terlalu memilih pekerjaan.

11.35 Kajian semula ke atas undang-undang buruh akan dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada peningkatan produktiviti dan daya saing. Kajian semula ini akan memastikan amalan perhubungan perindustrian dapat memenuhi keperluan persekitaran perniagaan yang baru serta menyumbang kepada kestabilan sosial dan membantu mobiliti dan fleksibiliti tenaga buruh dalam perubahan kaedah dan persekitaran kerja.

11.36 Usaha yang strategik akan diambil untuk menarik dan mengekalkan pekerja berpengetahuan serta mempunyai mobiliti yang tinggi bagi meningkatkan penawaran modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Antara langkah yang diambil bagi mendapatkan mereka yang berkepakaran di peringkat global termasuk menggalakkan warganegara kembali ke Malaysia serta bekerjasama dengan ahli sains luar negara bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti R&D tempatan.

11.37 Usaha akan dipergiat bagi membolehkan orang kurang upaya berdikari dan menyertai aktiviti ekonomi yang produktif. Langkah ini termasuk menyediakan lebih banyak program latihan vokasional terutamanya kemahiran yang diperlukan oleh industri.

## **Guna Tenaga**

11.38 Guna tenaga dijangka bertambah pada kadar purata 1.9 peratus setahun dan menyumbang kepada pewujudan 1.1 juta pekerjaan dalam tempoh Rancangan terutamanya pekerjaan yang memerlukan kelayakan di peringkat tertiar. Ekonomi dijangka terus mengekalkan tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran 3.5 peratus pada tahun 2010.

11.39 Sektor perkhidmatan dijangka mewujudkan 693,400 peluang pekerjaan manakala sektor pembuatan 462,600. Dalam sektor perkhidmatan, sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka menjadi penyumbang terbesar kepada guna tenaga, iaitu 18.0 peratus dengan kadar pertumbuhan purata 2.4 peratus setahun. Dalam sektor pembuatan, jangkauan peningkatan dalam permintaan di pasaran global terutamanya untuk produk elektrik dan elektronik serta produk kayu akan menyumbang kepada pertumbuhan guna tenaga dalam sektor tersebut. Permintaan buruh dalam sektor pertanian dijangka menguncup pada kadar 1.2 peratus setahun kesan daripada penggunaan teknologi moden yang semakin meluas, sistem pertanian tepat dan penggunaan jentera.

11.40 Permintaan terhadap pekerja yang berpengetahuan yang meliputi kategori pegawai kanan dan pengurus, profesional serta juruteknik dan profesional bersekutu dijangka meningkat pada kadar purata 2.5 peratus setahun. Permintaan pekerja bagi kategori profesional dijangka seramai 97,500, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-3*.

11.41 Menyedari kepentingan bekerja sendiri dalam pewujudan guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi, usaha akan dipergiat bagi mewujudkan lebih banyak peluang bekerja sendiri. Peluang perniagaan untuk bekerja sendiri dan keusahawanan seperti dalam EKS, pertanian dan perkhidmatan serta penjaja akan digalakkan. Penerapan nilai keusahawanan dan perubahan minda supaya melihat bekerja sendiri sebagai alternatif kepada guna tenaga bergaji akan dipergiat termasuk di institusi pendidikan tinggi. Di samping itu, program latihan keusahawanan yang khusus akan dilaksanakan bagi siswazah yang menganggur.

11.42 *Maklumat Pasaran Buruh*. Pelaksanaan Sistem *Electronic Labour Exchange* (ELX) akan diperkukuh bagi membolehkan penempatan pekerjaan dengan lebih berkesan di kalangan pencari kerja serta penyebaran maklumat pasaran buruh bagi memastikan pasaran buruh berfungsi dengan lebih efektif. Sehubungan ini, institusi pendidikan dan latihan akan menyediakan maklumat kepada ELX berkaitan siswazah mereka termasuk status pekerjaan bagi memudahkan penempatan pekerjaan. Langkah yang lebih berkesan akan diambil bagi menyebarkan maklumat mengenai ELX kepada pihak yang berkepentingan termasuk majikan, pelajar dan pencari kerja. Majikan akan digalakkan untuk menggunakan ELX secara kerap bagi mendaftarkan kekosongan pekerjaan dan menyediakan maklum balas penempatan pekerja. Satu mekanisme akan diwujudkan bagi memantau dan memastikan penggunaan ELX secara optimum. Di samping itu, usaha akan ditingkatkan bagi membantu siswazah mendapatkan pekerjaan terutamanya di kalangan mereka yang telah menyertai program pendidikan dan latihan yang dibiayai oleh Kerajaan.



## **Program Mempercepatkan Pembelajaran Sepanjang Hayat**

11.43 Pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat akan dipercepat bagi memberikan peluang kepada semua golongan masyarakat belajar dan memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara berterusan. Infrastruktur pembelajaran sepanjang hayat seperti kolej komuniti akan ditambahkan dan dinaik taraf. Penggunaan sekolah dan pusat komuniti untuk pembelajaran sepanjang hayat akan digalakkan. Di samping itu, untuk meningkatkan peluang mendapat pendidikan, e-pembelajaran dan pendidikan jarak jauh akan digalakkan lagi. Bagi mengubah sikap dan pemikiran individu ke arah pembelajaran secara berterusan, langkah bagi memupuk budaya pembelajaran akan dilaksanakan di semua peringkat masyarakat.

11.44 Institusi pendidikan tinggi awam akan menubuhkan pusat pendidikan lanjutan dan terus menawarkan lebih banyak tempat, iaitu sehingga 10 peratus daripada pengambilan pelajar di peringkat diploma dan ijazah dengan syarat kemasukan yang fleksibel. OUM dan UNITAR digalakkan untuk menawarkan lebih banyak program di peringkat sarjana dan Ph.D untuk memenuhi keperluan golongan yang bekerja. Majlis Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan ditubuhkan bagi menyediakan hala tuju dasar dan menyelaraskan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat. Penyedia pendidikan dan latihan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) juga akan digalakkan untuk menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat. Di samping itu, majlis digalakkan untuk meningkatkan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pekerja mereka.

### **Latihan Semula dan Peningkatan Kemahiran**

11.45 Bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi, produktiviti pekerja perlu ditingkatkan menerusi penggunaan tenaga kerja secara cekap, peningkatan kemahiran dan keupayaan pengurusan, mempergiatkan aktiviti R&D dan inovasi serta meningkatkan penggunaan teknologi dan ICT dalam semua sektor ekonomi. Firma juga digalakkan melaksanakan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti. Sehubungan ini, PSMB akan meluaskan liputan HRDF untuk merangkumi industri seperti perkhidmatan pelabuhan, multimedia, automotif, perakaunan dan firma audit. Di samping itu, PSMB akan membangunkan program latihan secara modular yang boleh dilaksanakan di tempat kerja. Majlis terutamanya EKS juga perlu mengambil langkah bagi mempercepat penyediaan latihan dan latihan semula pekerja mereka berikutan perubahan teknologi yang pesat dan pertambahan permintaan terhadap pekerja mahir.

11.46 Kapasiti dan keupayaan institusi latihan awam akan diperkukuh bagi memenuhi keperluan latihan pekerja di sektor awam. Program latihan sedia ada akan diteruskan dan program latihan baru akan ditawarkan dengan penekanan khusus kepada nilai dan etika. Bagi tujuan ini, Institut Tadbiran Awam Negara

(INTAN) akan memperluas program latihan meliputi kursus pembangunan pekerja yang berprestasi tinggi, khidmat pelanggan dan kewangan Islam. Bagi membantu pembangunan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan anggota sektor awam, INTAN akan menerajui pelaksanaan inisiatif e-pembelajaran berdasarkan Rangka Tindakan Terperinci e-Pembelajaran Sektor Awam. Bagi meningkatkan lagi kemahiran pengurusan dan profesionalisme anggota pendidikan, Institut Aminuddin Baki akan mempergiat penyediaan latihan berkaitan.

11.47 Latihan dalam bidang khusus seperti kastam, keselamatan, kesihatan, penilaian harta, hubungan diplomatik, bidang profesional dan teknikal akan terus disediakan oleh institusi latihan berkaitan. Institusi ini termasuk Akademi Kastam DiRaja Malaysia, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Akademi Imigresen Malaysia, Institut Kesihatan Umum, Institut Penilaian Negara, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri dan Institut Latihan dan Pembangunan Infrastruktur IKRAM.

11.48 Institusi latihan swasta akan terus menyediakan latihan pengurusan dan latihan dalam bidang khusus yang lain bagi memenuhi permintaan terhadap pengurus yang mempunyai tahap kecekapan tinggi bagi membolehkan industri lebih berdaya tahan dan berdaya saing di pasaran global. Sehubungan ini, institusi seperti Institut Pengurusan Malaysia, Institut Bank-Bank Malaysia, *FMM Institute of Manufacturing* dan *Malaysia Institute of Human Resource Management* digalakkan untuk meningkatkan dan memperkukuh program latihan mereka. Perbadanan Produktiviti Negara akan juga meningkatkan kapasiti latihannya.

11.49 Dalam tempoh Rancangan, program latihan keusahawanan akan dipergiat bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing terutamanya di kalangan usahawan Bumiputera. Latihan keusahawanan akan diperluas, antara lain, menerusi penambahan kapasiti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Sebagai agensi penyelaras latihan keusahawanan, INSKEN akan meningkatkan kualiti dan menyeragamkan program latihan keusahawanan. Program latihan juga akan memberikan penekanan kepada etika dan nilai positif. Di samping itu, program akan dilaksanakan bagi mengubah persepsi masyarakat terutamanya lepasan sekolah dan siswazah mengenai bekerja sendiri. Bagi menggalakkan dan membantu lepasan sekolah dan siswazah bekerja sendiri dan memupuk ciri keusahawanan, maklumat bersepadu mengenai bekerja sendiri akan disediakan.

11.50 Selaras dengan tumpuan yang lebih besar kepada pembangunan pertanian dalam tempoh Rancangan, agensi pertanian akan memperluas program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk petani dan usahawan serta pekerja. Program latihan sedia ada yang ditawarkan oleh pelbagai agensi pertanian akan dikaji semula, antara lain, untuk meningkatkan kemahiran pengurusan dan pengkomersilan serta pengurusan alam sekitar dan memberikan lebih penekanan kepada etika dan nilai positif. Bagi mempergiat dan memperkukuh penyediaan

latihan dalam bidang berkaitan pertanian, institut latihan pertanian akan menawarkan program latihan secara separuh masa dan melaksanakan kursus jangka pendek. Sehubungan ini, analisis keperluan latihan akan dijalankan bagi mengukur jurang kemahiran dan mengenal pasti jenis dan tahap kemahiran yang diperlukan dalam sektor pertanian.

### Program Pendidikan

11.51 *Pendidikan Prasekolah.* Program pendidikan prasekolah akan diperluas untuk menyediakan peluang pendidikan kepada semua kanak-kanak dalam kumpulan umur lima hingga enam tahun. Tumpuan yang lebih akan diberikan kepada program latihan guru prasekolah termasuk guru di prasekolah agensi lain untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memenuhi peningkatan permintaan guru terlatih. Bagi memastikan penyediaan pendidikan prasekolah yang berkualiti, usaha akan diambil untuk menyediakan pembantu guru prasekolah di semua prasekolah bantuan Kerajaan. Di samping itu, program pembangunan awal kanak-kanak yang berumur empat tahun dan ke bawah akan diperkenalkan.

11.52 *Pendidikan Rendah dan Menengah.* Tumpuan utama pendidikan rendah dan menengah adalah untuk meningkatkan lagi peluang pendidikan yang berkualiti terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kawasan luar bandar. Di samping itu, penekanan akan diberikan bagi menyediakan asas yang kukuh dalam Matematik, Sains dan bahasa Inggeris serta memupuk etika dan disiplin yang baik di kalangan pelajar. Selaras dengan dasar pendidikan wajib di peringkat rendah, enrolmen dijangka bertambah kepada 3.2 juta pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-4*. Enrolmen di peringkat pendidikan menengah akan meningkat kepada 2.3 juta. Langkah juga akan diambil bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan keciciran pelajar bagi memastikan semua pelajar memperoleh sekurang-kurangnya 11 tahun pendidikan.

11.53 *Pendidikan Khas.* Peluang pendidikan bagi kanak-kanak istimewa akan ditambah melalui penyediaan kelas khas di sekolah biasa. Penyediaan kelas khas ini juga akan membolehkan kanak-kanak istimewa menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah biasa. Bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, lebih ramai guru akan dilatih dan kurikulum pendidikan khas akan terus diperkemas.

11.54 *Peningkatan Kualiti.* Sekolah kebangsaan akan diperkasa bagi menjadikannya sekolah pilihan semua etnik untuk memperkukuh lagi perpaduan negara. Bagi tujuan ini, mata pelajaran bahasa seperti Mandarin dan Tamil akan diperkenalkan. Program j-QAF akan diperluas kepada pelajar beragama Islam di sekolah rendah dan pendidikan moral diajarkan kepada pelajar beragama Islam dan bukan Islam bagi melahirkan pelajar yang berpengetahuan agama

dan bermoral tinggi. Mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan juga akan diperluas kepada pelajar Tahun 5 dan Tahun 6 di sekolah rendah dan sekolah menengah.

11.55 Pelaksanaan sistem penilaian berasaskan sekolah akan dipercepat bagi membolehkan penilaian dibuat secara berterusan dan menyokong pembangunan kreativiti serta kemahiran menganalisis dan menyelesaikan masalah. Kurikulum KBSR dan KBSM dan aktiviti kokurikulum akan diperkemas melalui perundingan dengan ahli pendidikan, masyarakat, ibu bapa dan wakil industri supaya relevan dengan keperluan yang sentiasa berubah. Kurikulum KBSM dan kokurikulum akan menyediakan program dan aktiviti yang dapat memberikan pendedahan awal kepada suasana sebenar pekerjaan dan pilihan kerjaya serta penglibatan dalam khidmat masyarakat dan kerja amal bagi melahirkan pelajar yang lebih berwibawa.

11.56 Dalam tempoh Rancangan, Program Pembestarian Sekolah merujuk kepada proses memanfaatkan semua inisiatif ICT sedia ada seperti projek sekolah bestari, projek pengkomputeran, penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, *SchoolNet* dan portal *MySchoolNet* bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Program Pembestarian Sekolah akan dilaksanakan di semua sekolah rendah dan menengah bagi membolehkan guru menyepadukan ICT dalam pengajaran, pembelajaran dan pengurusan.

11.57 Usaha akan diambil bagi merapatkan jurang prestasi antara pelajar di sekolah luar bandar dengan sekolah di bandar terutamanya dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan bahasa Inggeris. Semua sekolah daif akan digantikan bagi menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif. Di samping itu, guru berpengalaman akan ditempatkan di sekolah di luar bandar dan guru lantikan baru akan diwajibkan berkhidmat di sekolah luar bandar bagi suatu tempoh tertentu. Peruntukan sebanyak RM690 juta akan disediakan bagi pembinaan rumah guru. Daripada jumlah ini, RM143 juta untuk pembinaan rumah guru di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti akan disediakan termasuk menaik taraf dan memaksimumkan sumber perpustakaan sekolah bagi memperkaya dan menghidupkan pembelajaran dalam bilik darjah. Kemudahan dan infrastruktur perpustakaan awam akan dinaik taraf dan diperluas ke semua daerah, mukim dan kampung bagi membolehkan pelajar dan orang awam memperoleh bahan bacaan dengan lebih mudah.

11.58 *Pembangunan Guru*. Pelaksanaan Program Khas Pensiswazahan Guru akan dipercepat bagi meningkatkan kualiti dan profesionalisme guru bagi mencapai sasaran semua guru di sekolah menengah dan 25 peratus guru di sekolah rendah berijazah pada tahun 2010. Kurikulum latihan perguruan akan dikaji

semula bagi menambah baik kandungan mata pelajaran, meningkatkan kemahiran pedagogi dan membolehkan penggunaan ICT secara meluas dalam pendidikan. Konsep sekolah pengajar (*teaching school*) akan diperkenalkan bagi memberikan lebih peluang kepada pensyarah dan pelatih menguji inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam suasana sebenar bilik darjah serta menjalankan penyelidikan secara bersama. Di samping itu, program latihan peringkat tinggi dalam pelbagai aspek pendidikan akan dilaksanakan bagi menggalakkan guru mempertingkatkan tahap profesionalisme mereka secara berterusan.

11.59 *Pendidikan Tertiari*. Lebih banyak peluang pendidikan tertiar akan disediakan untuk mencapai sasaran 40 peratus kadar penyertaan bagi kumpulan umur 17-23 tahun dalam pendidikan tertiar pada tahun 2010. Enrolmen di peringkat lepasan ijazah akan ditambah untuk mencapai sasaran 25 peratus daripada jumlah enrolmen di peringkat ijazah pada tahun 2010. Program khusus akan dilaksanakan bagi meningkatkan enrolmen pelajar peringkat lepasan ijazah terutamanya dalam program berkaitan S&T. Dalam tempoh Rancangan, enrolmen di institusi pendidikan tertiar di semua peringkat pengajian dijangka meningkat kepada 1,326,340 pada tahun 2010. Daripada jumlah ini, 32.3 peratus di peringkat ijazah pertama dan 35.8 peratus di peringkat diploma. Lebih banyak kursus terutamanya di peringkat diploma akan ditawarkan bagi memenuhi permintaan terhadap kategori pekerjaan juruteknik dan profesional bersekutu yang dijangka meningkat.

11.60 *Pembiayaan Pendidikan*. PTPTN akan terus menyediakan bantuan kewangan bagi membantu pelajar mendapatkan pendidikan di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta terutamanya dalam bidang kritikal. Memandangkan penyediaan pendidikan bukan hanya menjadi tanggungjawab Kerajaan serta kos pendidikan tinggi yang semakin meningkat, ibu bapa digalakkan lagi untuk menabung bagi membiayai pendidikan anak mereka.

11.61 *Peningkatan Kualiti*. Langkah akan diambil untuk meningkatkan kualiti institusi pendidikan tinggi awam dan swasta supaya setaraf dengan universiti terkemuka dunia. Bagi tujuan ini, kualiti institusi pendidikan tinggi akan ditanda aras dengan standard antarabangsa supaya lebih berdaya saing di peringkat global. Institusi pendidikan tinggi awam akan mengaudit secara berterusan ke atas kualiti melalui sistem penarafan yang berkesan bagi memupuk persaingan dalam mencapai kecemerlangan. Agensi Kelayakan Malaysia akan ditubuhkan bagi menyokong pelaksanaan MQF dan membangunkan sistem jaminan kualiti yang bersepadu.

11.62 Institusi pendidikan tinggi akan merangka program akademik dan membangunkan kurikulum berdasarkan keperluan pasaran bagi memastikan siswazah berupaya mendapatkan pekerjaan. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama yang lebih kukuh dan sokongan aktif daripada pihak industri

dan persatuan majikan. Di samping itu, pelajar akan diberikan pendedahan awal kepada persekitaran tempat kerja melalui program *internship* dan sangkutan berstruktur bagi tempoh minimum empat bulan. Kualiti anggota akademik akan ditingkatkan melalui pertambahan program pembangunan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka termasuk kemahiran pedagogi dan penilaian. Bilangan anggota akademik berkelayakan Ph.D di universiti awam akan ditambah bagi mencapai sasaran 60 peratus daripada jumlah anggota akademik pada tahun 2010. Institusi pendidikan swasta juga akan digalakkan mengambil lebih ramai anggota akademik dengan kelayakan Ph.D dan meningkatkan kelayakan tenaga pengajar institusi berkenaan.

11.63 Institusi pendidikan tinggi akan mengambil langkah bagi mempertingkatkan kefasihan pelajar menggunakan bahasa Inggeris dan menambah keupayaan mereka mendapat pengetahuan serta menjalankan penyelidikan. Beberapa bahasa seperti Mandarin, Tamil dan Arab serta bahasa asing lain akan ditawarkan kepada pelajar peringkat ijazah pertama untuk menggalakkan penguasaan pelbagai bahasa supaya dapat bersaing dalam pasaran global.

11.64 Institusi pendidikan tinggi awam serta anggota akademik dan bukan akademik akan meningkatkan perspektif global dan penglibatan dengan institusi terkemuka antarabangsa supaya dapat membuat tanda aras dengan amalan terbaik antarabangsa. Tadbir urus universiti awam akan dikaji semula untuk mewujudkan persekitaran yang dapat menggalakkan, antara lain, *institutional diversity*, kreativiti dan inovasi dalam mencapai kecemerlangan. Penggunaan ICT dan pendekatan berbantuan teknologi akan dipergiat bagi memudahkan *intellectual engagement* serta penemuan dan penggunaan pengetahuan.

11.65 *Meningkatkan Keupayaan S&T.* Keupayaan penyelidikan dan inovasi di institusi pendidikan tinggi tempatan akan diperkukuh bagi membangunkan bina upaya tempatan terutamanya dalam bidang teknologi utama dan membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan S&T yang kukuh. Bagi tujuan ini, enrolmen pelajar bagi program S&T di semua peringkat pengajian akan ditingkatkan bagi membantu melahirkan lebih ramai ahli sains dan jurutera penyelidik. Pertambahan ini akan menyediakan sumber yang berpotensi untuk aktiviti R&D dan mencapai sasaran nisbah 50 ahli sains dan jurutera penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga buruh pada tahun 2010.

11.66 Kerjasama yang lebih rapat dalam bidang penyelidikan akan dijalankan antara institusi pendidikan tinggi awam, industri dan institut penyelidikan tempatan serta institusi penyelidikan, universiti dan firma asing yang ternama. Institusi pendidikan tinggi swasta akan digalakkan untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan tinggi awam dalam menjalankan aktiviti penyelidikan. Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia akan dipilih untuk menjadi universiti penyelidikan. Universiti ini seterusnya akan dibangunkan supaya setaraf dengan universiti terkemuka di dunia.

11.67 *Pembangunan Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Serantau.* Usaha akan dipergiat bagi membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan latihan serantau melalui perkongsian pintar antara sektor awam dengan swasta. Sebuah agensi khusus akan ditubuhkan bagi mempromosikan dan mengeksport pendidikan tinggi melalui pemasaran yang lebih strategik dan penjenamaan produk pendidikan bagi mencapai sasaran 100,000 pelajar asing di semua peringkat pengajian termasuk di peringkat sekolah pada tahun 2010. Penyedia pendidikan dan latihan swasta perlu meningkatkan kualiti serta mengkhusus dan menawarkan lebih banyak kursus dalam bidang sains dan teknikal selaras dengan keperluan pasaran dengan struktur yuran yang kompetitif untuk menarik pelajar asing.

### **Program Latihan Kemahiran**

11.68 Tenaga kerja yang berupaya menyesuaikan diri, mudah dilatih dan mempunyai pelbagai kemahiran diperlukan memandangkan industri terus menggunakan kelebihan kemajuan teknologi, sistem pengurusan dan kaedah pengeluaran baru bagi meningkatkan daya saing di pasaran global. Tenaga kerja yang terlatih juga merupakan syarat penting bagi meningkatkan daya saing Malaysia dalam menarik pelaburan langsung asing dan menggalakkan pelaburan semula. Dalam tempoh Rancangan, keupayaan dan kecekapan sistem penyampaian latihan akan diperkukuh menerusi peningkatan kapasiti institusi latihan awam, penambahan penawaran kursus di peringkat tinggi, pengukuhan jaminan kualiti dan penyertaan lebih besar sektor swasta.

11.69 *Peningkatan Peluang.* Peluang latihan kemahiran perindustrian akan ditingkatkan bagi menambahkan penawaran sumber manusia berkemahiran tinggi terutamanya di peringkat diploma dan diploma lanjutan. Kapasiti institusi latihan tinggi akan diperluas dan dipertingkat serta program latihan direka bentuk semula untuk memenuhi pertambahan permintaan bagi pekerja mahir yang mempunyai kemahiran keusahawanan. Penyedia latihan swasta akan terus memainkan peranan dalam melengkapkan usaha Kerajaan melalui penyediaan latihan yang berkualiti.

11.70 Pelaksanaan SLDN akan dipergiat bagi menggandakan pengambilan pelatih setiap tahun menerusi peningkatan penyertaan industri terutamanya EKS. Liputan SLDN juga akan diperluas bagi merangkumi kursus baru.

11.71 *Peningkatan Kualiti.* Kualiti latihan kemahiran perindustrian akan dipertingkat dengan mempercepat pembangunan kurikulum yang berorientasikan pasaran dan berdasarkan NOSS baru, memperkukuh kerjasama dengan industri, meningkatkan kualiti tenaga pengajar, mengkaji semula prosedur akreditasi penyedia latihan dan kaedah penilaian pelatih serta memperluas penggunaan e-pembelajaran. Di samping itu, bagi memperkemas perancangan, pembangunan

dan pelaksanaan program latihan, sistem pengurusan maklumat di agensi latihan akan diperkukuh dan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Pendidikan dan Latihan akan ditubuhkan.

### **Pembangunan Modal Insan yang Holistik**

11.72 *Budaya Mengutamakan Prestasi Tinggi.* Bagi mencapai status negara maju seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020, usaha perlu dipergiat bagi membangunkan pekerja berpengetahuan, iaitu berdaya saing, fleksibel, dinamik dan berorientasikan prestasi dan kecemerlangan. Mewujudkan persekitaran yang menyokong pembangunan pekerja berpengetahuan ini juga penting. Oleh yang demikian, pembangunan budaya yang mengutamakan prestasi tinggi di semua peringkat daripada sekolah hingga tempat kerja akan diberi penekanan dalam tempoh Rancangan. Lebih banyak elemen berasaskan prestasi akan disepadukan dalam pelbagai bidang seperti guna tenaga sektor awam, program pembangunan keusahawanan dan geran R&D.

11.73 *Perspektif Progresif, Etika dan Moral yang Kukuh.* Program pembangunan modal insan yang memberikan penekanan kepada etika, nilai moral dan kerohanian akan dilaksanakan. Islam Hadhari akan disebarikan secara meluas bagi menerapkan perspektif pembangunan yang progresif dalam masyarakat. Program bagi membangunkan masyarakat yang bermoral dan beretika akan dijadikan asas penting di semua peringkat perancangan pembangunan bagi melengkapkan program pembangunan fizikal serta mengukuhkan perpaduan negara. Sehubungan ini, nilai toleransi dan kesederhanaan serta rasa kekitaan dan bangga kepada negara yang merupakan elemen penting dalam masyarakat berbilang etnik akan diberi penekanan yang lebih besar.

11.74 Program penerapan nilai moral dan etika akan diberikan liputan meluas di semua peringkat dan kumpulan umur masyarakat. Pelaksanaan program ini akan juga melibatkan penyertaan secara menyeluruh meliputi institusi kekeluargaan dan keagamaan, institusi pendidikan dan latihan, tempat kerja dan komuniti serta media. Majikan akan digalakkan untuk membangunkan kod etika korporat dan merangka mekanisme pelaksanaan yang sesuai supaya kod tersebut memberikan kesan yang ketara. Di samping itu, penekanan yang lebih besar akan diberikan kepada usaha mewujudkan masyarakat yang lebih menghargai tradisi dan warisan.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

11.75 Pembangunan modal insan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) serta



Kementerian Belia dan Sukan (KBS). KPM bertanggungjawab untuk menyediakan lebih banyak peluang pendidikan prasekolah, rendah dan menengah serta pendidikan guru yang berkualiti manakala KPT bertanggungjawab untuk meningkatkan peluang pendidikan tertiar yang berkualiti. Program latihan untuk meningkatkan kemahiran tenaga buruh akan dilaksanakan oleh MECD, KSM dan KBS.

11.76 Selaras dengan tumpuan yang lebih kepada pembangunan modal insan, sejumlah RM45.1 bilion akan diperuntukkan dalam tempoh RMKe-9 untuk melaksanakan pelbagai program pendidikan dan latihan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 11-8*.

JADUAL 11-8

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK  
PENDIDIKAN DAN LATIHAN, 2001-2010**  
(RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
<b>Pendidikan</b>	<b>37,922.0</b>	<b>40,356.5</b>
Prasekolah	215.7	807.3
Pendidikan Rendah	5,369.3	4,837.3
Pendidikan Menengah	8,748.1	6,792.8
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan (Akademik)	7,931.2	5,549.1
Maktab Rendah Sains MARA	433.1	614.5
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan (Teknik & Vokasional)	383.8	629.2
Pendidikan Tinggi	13,403.9	16,069.0
Pendidikan Guru	1,368.1	577.7
Program Sokongan Pendidikan Lain	8,816.9	11,272.4
<b>Latihan</b>	<b>4,450.9</b>	<b>4,792.6</b>
Latihan Industri	3,930.6	4,103.6
Latihan Perniagaan	158.6	179.5
Latihan Pengurusan	361.7	509.5
<b>Jumlah</b>	<b>42,372.9</b>	<b>45,149.1</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

11.77 Dalam tempoh RMKe-8, kualiti tenaga buruh meningkat berikutan pertambahan penawaran sumber manusia yang berpendidikan dan berkemahiran. Pertambahan penawaran ini berikutan peningkatan kapasiti institusi pendidikan dan latihan. Dalam tempoh RMKe-9, pembangunan modal insan merupakan satu daripada teras utama pembangunan seperti termaktub dalam Misi Nasional. Tumpuan yang lebih besar akan diberikan kepada usaha membangunkan modal

insan yang holistik yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh. Program pembelajaran sepanjang hayat akan diperluas. Penerapan nilai keusahawanan akan dipergiat untuk menggalakkan individu bekerja sendiri. Langkah akan diambil untuk meningkatkan keupayaan S&T bagi memacu inovasi. Perkongsian pintar dan kerjasama di kalangan semua pihak berkepentingan dalam pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan dipergiat. Penyertaan sektor swasta yang lebih besar dalam penyediaan pendidikan dan latihan yang berkualiti akan digalakkan. Sistem penyampaian pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan diperkukuh bagi meningkatkan kualiti modal insan dan melahirkan individu unggul yang diperlukan bagi menghadapi cabaran pembangunan dan memacu ekonomi berasaskan pengetahuan.



# MEMANFAATKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

# 12

## I. PENDAHULUAN

12.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), usaha ditumpukan untuk memperkukuh kemampuan dan keupayaan sains dan teknologi (S&T) bagi menyokong pertumbuhan dorongan produktiviti serta mempertingkatkan daya saing. Sehubungan ini, pelbagai langkah dilaksanakan untuk mempergiat penyebaran dan aplikasi teknologi, menggalakkan pengkomersilan penyelidikan dan menambah sumber manusia S&T. Sektor swasta terus menyumbang dalam memperluas aktiviti penyelidikan dan inovasi terutama dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Berikutan usaha secara kolektif antara sektor awam dan swasta, beberapa petunjuk S&T seperti intensiti penyelidikan dan sumber manusia S&T mencatatkan peningkatan.

12.02 Teras pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) akan memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) sebagai pemacu utama dalam mempertingkatkan keupayaan negara untuk memperoleh dan menggunakan pengetahuan serta menggalakkan inovasi. Bagi tujuan ini, satu pendekatan holistik akan diterima pakai bagi memperkukuh Sistem Inovasi Kebangsaan (NIS) untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Kemajuan, penyebaran dan penggunaan pengetahuan dan teknologi akan dipertingkatkan bagi menambah nilai kepada kepelbagaian aktiviti ekonomi negara. Keutamaan yang lebih tinggi akan diberikan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berorientasikan pasaran dan meningkatkan kadar pengkomersilan R&D. Usaha gigih akan digerakkan ke arah mempertingkatkan modal insan bagi memperkukuh kemampuan dan keupayaan teknologi untuk menyokong pertumbuhan dorongan inovasi.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

12.03 Dasar S&T terus menyokong strategi pembangunan negara mengenai pertumbuhan dorongan produktiviti dan menyediakan asas ke arah mewujudkan

sebuah masyarakat maju dalam bidang S&T. Sehubungan ini, beberapa petunjuk input STI seperti perbelanjaan R&D dan bilangan penyelidik serta petunjuk output STI dari segi bilangan paten yang diluluskan dan penerbitan mencatatkan peningkatan.

## Perbelanjaan R&D Negara

12.04 Dalam tempoh Rancangan, R&D diberikan keutamaan sewajarnya berdasarkan peningkatan perbelanjaan kasar negara ke atas R&D (GERD) daripada RM1.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM4.3 bilion pada tahun 2005, iaitu pada kadar tahunan purata 20.8 peratus<sup>1</sup>, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 12-1*. Kadar pertumbuhan GERD ini melebihi kadar pertumbuhan tahunan

JADUAL 12-1

### PETUNJUK SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI, 2000-2005

<i>Petunjuk</i>	<i>2000</i>	<i>2002</i>	<i>2005<sup>e</sup></i>
Perbelanjaan Kasar R&D Negara (RM juta)	1,671.5	2,500.6	4,300
Awam	703.6	867.5	1,500
Swasta	967.9	1,633.1	2,800
Perbelanjaan Kasar R&D Negeri berbanding KDNK (%)	0.5	0.7	0.9
Bilangan Penyelidik	15,022	17,790	27,500
Bilangan Penyelidik bagi setiap 10,000 Tenaga Buruh	15.6	18.0	25.0
Peratusan Masa yang Digunakan ke atas R&D (FTE) <sup>1</sup>	43	43	55
Jumlah Paten Didaftarkan	6,227	4,937	6,286
Pemastautin	206	322	522
Bukan Pemastautin	6,021	4,615	5,764
Jumlah Paten Diluluskan	405	1,492	2,508
Pemastautin	24	32	37
Bukan Pemastautin	381	1,460	2,471
Penerbitan dalam Jurnal Antarabangsa	1,930	2,016	2,293
Royalti (RM juta)			
Terimaan	70.4	74.1	98.0
Bayaran	2,268.1	2,399.0	5,851.0
Bersih	-2,197.7	-2,324.9	-5,753.0

Sumber: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan

Nota: <sup>e</sup> Unjuran

<sup>1</sup> Sepenuh Masa Setara (FTE) berdasarkan peratus sebenar masa digunakan untuk R&D.

<sup>1</sup> Laporan Kajian Penyelidikan dan Pembangunan Kebangsaan 2002 dan 2004 serta unjuran.

purata 20.4 peratus yang diperlukan untuk mencapai nisbah GERD kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) 1.5 peratus menjelang tahun 2010. Nisbah GERD kepada KDNK yang merupakan satu ukuran kepada intensiti penyelidikan meningkat daripada 0.5 peratus pada tahun 2000 kepada 0.9 peratus pada tahun 2005.

### *Aliran Masuk Teknologi*

12.05 Akaun imbangan pembayaran menunjukkan terdapat peningkatan defisit dari segi teknologi, royalti dan yuran. Walaupun pemerolehan teknologi asing merupakan salah satu pendekatan untuk mempercepat kemajuan teknologi, usaha ke arah meningkatkan keupayaan teknologi tempatan perlu dipergiat bagi mengimbangi peningkatan defisit dalam royalti dan yuran.

### **Program R&D Sektor Awam**

12.06 Selaras dengan keutamaan yang diberikan kepada R&D, peruntukan skim geran R&D dalam tempoh RMKe-8 bertambah 59.9 peratus kepada RM1.4 bilion berbanding dengan peruntukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7). Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.0 bilion disediakan kepada sektor awam untuk terlibat secara langsung dalam R&D manakala baki RM430 juta untuk mempertingkatkan R&D sektor swasta melalui Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS), Skim Geran Koridor Raya Multimedia (MGS) dan Skim Geran Aplikasi Penunjuk Cara (DAGS).

12.07 Mekanisme pembiayaan Program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (IRPA) diperkemas bagi memastikan pelaksanaan projek penyelidikan dengan lebih cekap dan berkesan. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 2,139 projek bernilai RM836.9 juta diluluskan di bawah program IRPA, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 12-2*. Penilaian ke atas 1,233 projek IRPA yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan, antara lain, menunjukkan sebanyak 544 hak harta intelek (IPR) seperti paten, reka bentuk industri dan hak cipta telah didaftarkan serta 4,872 penerbitan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Projek ini turut menyediakan peluang bina upaya dan berperanan melahirkan 92 siswazah ijazah doktor falsafah (Ph.D) dan 338 ijazah sarjana serta mempertingkatkan keupayaan 765 staf penyelidikan dalam teknologi terkini dan baru muncul.

12.08 Skim Geran R&D Bioteknologi yang diperkenalkan pada tahun 2001 di bawah Direktorat Bioteknologi Kebangsaan meluluskan sejumlah RM95.3 juta untuk 47 projek penyelidikan bioteknologi dalam bidang yang diberikan keutamaan seperti biologi molekul, bioteknologi pertanian dan bioteknologi perubatan. Dana Kecemerlangan Sains Asas (SAGA) membolehkan penyelidik yang berwibawa dari institusi pendidikan tinggi menjalankan penyelidikan asas untuk meningkatkan

JADUAL 12-2

**PROGRAM IRPA MENGIKUT BIDANG PENYELIDIKAN  
YANG DILULUSKAN, 2001-2005**

<i>Bidang</i>	<i>Projek Diluluskan</i>		<i>Nilai</i>	
	<i>Bilangan</i>	<i>%</i>	<i>RM juta</i>	<i>%</i>
Sains dan Kejuruteraan	576	26.9	137.1	16.4
Industri Berasaskan Pertanian	420	19.7	95.8	11.4
Pembuatan dan Pembinaan	311	14.5	358.9	42.9
Kesihatan	219	10.2	115.4	13.8
Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat	204	9.5	47.1	5.6
Sosial	151	7.1	21.4	2.6
Alam Sekitar	119	5.6	21.7	2.6
Tenaga, Galian dan Geosains	74	3.5	32.7	3.9
Ekonomi	65	3.0	6.8	0.8
<b>Jumlah</b>	<b>2,139</b>	<b>100.0</b>	<b>836.9</b>	<b>100.0</b>

*Sumber:* Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

bina upaya dan pengetahuan dalam bidang sains asas. Usaha ini merupakan sebahagian daripada cabaran untuk merealisasikan objektif jangka panjang bagi membolehkan warga Malaysia meraih Hadiah Nobel dalam bidang sains.

12.09 Bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam aktiviti R&D, peruntukan sebanyak RM127.1 juta diluluskan untuk IGS. Penilaian ke atas 65 projek IGS yang telah siap menunjukkan sebanyak 26 projek atau 40 peratus dikomersilkan dengan jumlah jualan RM149.6 juta manakala bakinya masih dalam proses pengkomersilan. Di samping itu, sebanyak 24 IPR dalam bentuk paten, hak cipta dan cap dagangan didaftarkan.

12.10 Dalam tempoh Rancangan, MGS terus menyediakan bantuan kepada syarikat tempatan yang inovatif untuk membangunkan teknologi multimedia dan aplikasi. Manfaat yang diperolehi daripada MGS termasuk pengkomersilan 27 projek dengan jumlah jualan sebanyak RM198.5 juta dan penyenaraian 12 syarikat MGS dalam Bursa Dagang Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ). Bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara meluas di kalangan masyarakat dan mendorong inovasi, peruntukan berjumlah RM79.3 juta diluluskan untuk 51 projek di bawah DAGS. Sebilangan daripada projek berkenaan menyumbang ke arah merapatkan jurang digital seperti projek *e-barrio* telah menggalakkan penggunaan ICT di kalangan masyarakat luar bandar di Sarawak dan *e-pekok* meningkatkan literasi ICT di kalangan komuniti pekok.

## Pengkomersilan Penyelidikan dan Teknologi

12.11 Berdasarkan penilaian ke atas projek R&D biayaan Program IRPA dalam tempoh RMKe-7, hanya 3.4 peratus daripada projek tersebut dikomersilkan dalam tempoh RMKe-8. Penilaian ini membuktikan keperluan untuk menyediakan bantuan yang lebih meluas kepada inisiatif pembangunan hiliran R&D. Satu pakej program telah diwujudkan bagi mempercepat kadar pengkomersilan penemuan R&D. Tabung Pengkomersilan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) telah mempermudah pembangunan beberapa produk dan proses pengeluaran baru serta membantu syarikat yang terlibat untuk memulakan keupayaan pengeluaran. Di samping itu, Tabung Pemerolehan Teknologi (TAF) menyediakan bantuan kepada syarikat untuk mendapatkan teknologi luar negara yang strategik bagi meningkatkan keupayaan menjana pendapatan.

12.12 Sebahagian daripada usaha untuk mempercepat pengkomersilan penemuan R&D, insentif fiskal yang baru seperti taraf perintis untuk tempoh 10 tahun dan pengurangan cukai yang setara dengan pelaburan sebenar ditawarkan. Dana berjumlah RM300 juta diwujudkan pada tahun 2005 untuk meningkatkan pengkomersilan R&D dalam sektor pertanian oleh pihak swasta. Di samping itu, unit pengurusan penyelidikan dan pengkomersilan di universiti dan institusi penyelidikan diperkukuh bagi meningkatkan kadar pengkomersilan penemuan R&D oleh sektor awam.

## Pengukuhan Bina Upaya Tempatan dalam Teknologi Utama

12.13 Selaras dengan Dasar Sains dan Teknologi Kedua (STP2) dan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2), usaha dipergiat untuk memperkukuh keupayaan dan kemampuan tempatan dalam bidang teknologi utama. Penekanan diberikan dalam mempertingkatkan lagi keupayaan dalam teknologi utama khususnya bioteknologi, ICT, pembuatan termaju, bahan termaju, teknologi berkaitan aeroangkasa dan nanoteknologi.

12.14 *Bioteknologi*. Tiga makmal ditubuhkan untuk menyokong pembangunan industri bioteknologi dan meningkatkan sinergi di kalangan pihak berkepentingan. Makmal tersebut adalah makmal bioteknologi pertanian di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), makmal genomik dan biologi molekul di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta makmal farmaseutikal dan nutraseutikal di Universiti Putra Malaysia (UPM). Inisiatif ini dipertingkat dengan pelancaran Dasar Bioteknologi Negara pada bulan April 2005.

12.15 *Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan keupayaan tempatan dalam penggunaan dan pembangunan ICT, tumpuan aktiviti R&D diberikan kepada bidang seperti pengkomputeran pervasif, keselamatan alam siber serta semikonduktor dan

mikroelektronik. Dalam bidang semikonduktor dan mikroelektronik, aktiviti R&D merangkumi proses semikonduktor seperti fabrikasi, pengujian dan analisis kegagalan, reka bentuk litar bersepadu (IC) digital dan analog serta mikroelektronik termaju.

12.16 *Pembuatan dan Bahan Termaju.* Dalam tempoh Rancangan, penekanan diberikan kepada teknologi pembuatan termaju untuk meningkatkan daya saing sektor pembuatan. Perkhidmatan teknologi yang ditawarkan termasuk membangunkan prototaip dan sistem dengan cepat melalui kontrak penyelidikan, perundingan dan program latihan. Memandangkan pentingnya bahan termaju kepada daya saing industri, Pusat Penyelidikan Bahan Termaju (AMREC) dan beberapa institusi penyelidikan lain dan universiti telah menjalankan R&D dalam pelbagai bidang bahan termaju bagi kegunaan industri.

12.17 *Teknologi berkaitan aeroangkasa* terus diberikan keutamaan untuk memperkukuh kemampuan pembangunan teknologi dan menjana sumber pertumbuhan baru. Program Satelit Mikro Kebangsaan dan TIUNGSAT-1 menyediakan asas bagi membangunkan keupayaan dan potensi dalam bidang berkaitan teknologi aeroangkasa. Di samping itu, kemudahan operasi dibina pada tahun 2005 bagi tujuan mengendali dan mengawal satelit nasional.

12.18 *Nanoteknologi.* Berikutan potensi impak nanoteknologi ke atas pelbagai bidang industri, usaha ditumpukan kepada bina upaya dalam penyelidikan nanosains dan nanoteknologi. R&D nanoteknologi yang dilaksanakan adalah dalam bidang berkaitan nanopartikel, mikropemesinan dan fabrikasi serta alat pengesanan untuk industri elektronik, komunikasi, automatif dan kimia.

### **Inovasi dan Harta Intelekt**

12.19 Selaras dengan kepentingan paten dalam menggalakkan inovasi dan sebagai sumber bagi pembangunan produk baru, penekanan yang lebih diberikan dalam menghasilkan harta intelek (IP). Sehubungan ini, bilangan paten didaftarkan oleh pemastautin meningkat daripada 206 pada tahun 2000 kepada 522 pada tahun 2005. Bilangan paten diluluskan kepada pemastautin meningkat daripada 24 pada tahun 2000 kepada 37 pada tahun 2005. Bagi memenuhi keperluan memperkukuh sistem pengurusan dan pendaftaran, Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) ditubuhkan pada tahun 2003.

### **Pengukuhan Keupayaan Teknologi EKS**

12.20 Pelbagai langkah dilaksanakan bagi memperkukuh keupayaan teknologi dalam enterpris kecil dan sederhana (EKS). Sehubungan ini, beberapa agensi yang berasaskan penyelidikan dan teknologi menyediakan perkhidmatan sokongan termasuk latihan kemahiran teknikal dan perniagaan serta khidmat runding teknikal bagi membantu EKS baru dan sedia ada. Beberapa kemudahan dan



pembiayaan untuk memperkukuh kemampuan R&D, keupayaan reka bentuk, aktiviti penyediaan prototaip untuk produk serta proses yang berpotensi untuk dikomersilkan bagi menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi disediakan. Aktiviti ini menyumbang kepada peningkatan keupayaan teknologi EKS yang menyertai aktiviti tersebut terutama dalam menghasilkan alat ganti dan komponen yang berkualiti tinggi untuk sebilangan industri.

### **Inkubator bagi Mewujudkan Syarikat berasaskan Teknologi Baru**

12.21 Dalam tempoh Rancangan, penekanan diberikan kepada inkubator teknologi yang berperanan sebagai pemangkin dalam mewujudkan dan membimbing usahawan berasaskan teknologi baru. Sehubungan ini, program inkubator teknologi dilaksanakan oleh SIRIM Berhad, Taman Teknologi Malaysia (TPM), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Taman Teknologi Tinggi Kulim. Beberapa institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga mewujudkan program inkubator untuk mengkomersilkan output R&D. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 400 syarikat mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan seperti penggunaan kemudahan guna sama, bantuan teknikal dan pembangunan usahawan.

### **Penstandardan dan Jaminan Kualiti**

12.22 Dalam tempoh Rancangan, penekanan yang lebih besar diberikan untuk memenuhi standard antarabangsa melalui pengujian, pengukuran dan jaminan kualiti. Kejayaan telah dicapai dalam usaha penstandardan dengan pelaksanaan Pelan Tindakan dan Strategi Standard Kebangsaan pada tahun 2004. Pelan ini bertujuan meningkatkan lagi produktiviti dan daya saing serta melindungi kepentingan pengguna dan alam sekitar.

12.23 Jabatan Standard Malaysia (JSM) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan ke atas peraturan pengiktirafan bersama bagi akreditasi, standard dan pengukuran di bawah beberapa program kerjasama serantau dan antarabangsa. Peraturan pengiktirafan tersebut membolehkan laporan analisis pengujian dan penentuan serta sijil kualiti yang dikeluarkan oleh organisasi penilaian pematuhan yang diakreditasi oleh JSM diiktiraf dan diterima pakai.

### **Sumber Manusia S&T**

12.24 Dalam tempoh Rancangan, bilangan siswazah S&T di semua peringkat ijazah meningkat pada kadar tahunan purata 25.3 peratus selaras dengan usaha untuk meningkatkan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang S&T. Peratus siswazah S&T kepada jumlah keluaran siswazah meningkat daripada 40.1 peratus pada tahun 2000 kepada 52.4 peratus dalam tahun 2005. Pertambahan ini meningkatkan potensi bekalan ahli sains dan jurutera penyelidik (RSE).

12.25 Program pembangunan sumber manusia S&T dilaksanakan selaras dengan keperluan untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan S&T. Bagi tujuan ini, sejumlah RM116 juta diperuntukkan untuk membiayai Skim Biasiswa Penyelidikan Sains Kebangsaan (NSF), Fellow Penyelidikan Lulusan Ijazah Kedoktoran, Skim Geran Penyelidikan Lulusan Ijazah Bagi Pegawai Dalam Perkhidmatan, Skim Geran Untuk Pakar Latihan dan Pakar Runding serta Program Penempatan Penyelidik. Di samping itu, sebanyak RM61 juta diperuntukkan kepada institusi pendidikan tinggi awam bagi membiayai pelajar lepasan ijazah dalam bidang teknologi utama.

### **III. PROSPEK, 2006-2010**

12.26 Dalam ekonomi global yang semakin kompetitif, keupayaan untuk memanfaatkan STI akan menjadi strategi yang lebih penting dalam pembangunan negara. Kemajuan pesat STI dan peranannya yang mencakupi semua aspek dalam ekonomi global memerlukan negara membangunkan dan meningkatkan kemampuan dan keupayaan STI bagi meneroka peluang yang berpotensi dalam menjana kekayaan. Sehubungan ini, Kerajaan akan memberi penekanan yang lebih kepada bina upaya dan memperkukuh NIS dengan menggunakan pengetahuan dan teknologi peneraju terkini. Bagi tujuan ini, sasaran ditetapkan untuk meningkatkan perbelanjaan R&D negara kepada 1.5 peratus daripada KDNK menjelang tahun 2010 dengan perbelanjaan sektor swasta melebihi 70.0 peratus. Di samping itu, langkah akan diambil untuk mencapai sasaran 50 RSE bagi setiap 10,000 tenaga buruh menjelang tahun 2010. Pendekatan khusus mengikut bidang terpilih akan diguna pakai bagi melahirkan lebih ramai teknousahawan untuk meningkatkan kadar pengkomersilan R&D dan mewujudkan lebih banyak syarikat berasaskan S&T.

#### **Teras Pembangunan STI**

12.27 Teras pembangunan STI dalam tempoh RMKe-9 adalah untuk menyumbang ke arah pertumbuhan dorongan inovasi serta meningkatkan produktiviti dan daya saing untuk menjana kekayaan dan mengekalkan kesejahteraan sosial. Usaha akan dipergiat ke arah menguasai dan memanfaatkan S&T bagi penggunaan secara meluas dalam menjana pengetahuan, inovasi dan pertumbuhan. Sehubungan ini, usaha gigih akan diambil bagi melaksanakan strategi yang berikut:

- ❑ *memperkukuh NIS untuk memberikan sumbangan lebih berkesan ke arah pembangunan dan penyebaran teknologi baru bagi meningkatkan produktiviti, daya saing dan pertumbuhan;*

- ❑ *mempertingkatkan modal insan S&T sebagai sumber utama inovasi dan kelebihan daya saing;*
- ❑ *menggalakkan keteknousahawanan bagi meningkatkan keupayaan inovasi negara dan menambah bilangan syarikat berasaskan S&T;*
- ❑ *meningkatkan kemampuan dan keupayaan teknologi EKS bagi menghadapi cabaran globalisasi dan persaingan yang semakin sengit;*
- ❑ *menentukan keutamaan dan penggabungan inisiatif R&D dan pengkomersilan bagi memastikan pengagihan sumber secara lebih berkesan serta meningkatkan kadar pengkomersilan R&D dan pulangan pelaburan;*
- ❑ *menumpukan kepada aktiviti R&D terpilih bagi menjana sumber pertumbuhan baru;*
- ❑ *menggalakkan penstandardan dan jaminan kualiti untuk meningkatkan daya saing dan kesejahteraan pengguna;*
- ❑ *meningkatkan kesedaran STI bagi menyumbang ke arah memupuk budaya kreatif dan inovasi; dan*
- ❑ *mempertingkatkan rantaian antarabangsa dalam pembangunan STI untuk memperoleh pengetahuan global.*

## **Pengukuhan NIS**

12.28 Pendekatan holistik akan diguna pakai untuk memperkukuh NIS memandangkan potensi pertumbuhan negara yang semakin bergantung kepada keberkesanan keupayaan inovasi dan kemampuan untuk mencipta, menyebarkan dan menggunakan pengetahuan. Bagi tujuan ini, Majlis Inovasi Kebangsaan akan ditubuhkan untuk meneraju usaha menggubal dasar dan strategi utama bagi menggalakkan inovasi di peringkat kebangsaan dan syarikat serta menyumbang ke arah pembangunan kelompok inovatif yang dinamik. Rangka kerja NIS akan mengambil kira model inovasi yang berjaya dan amalan terbaik dari negara yang maju dari segi teknologi dan menyesuaikan bagi memperkukuh NIS.

12.29 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan ditumpukan ke arah meningkatkan keupayaan institusi penyelidikan dan universiti untuk menghasilkan teknologi yang diperlukan untuk inovasi produk dan proses serta memperkemas mekanisme pemindahan teknologi yang berkesan. Sehubungan ini, kerjasama antara institusi penyelidikan dan universiti dengan industri dalam R&D akan dipergiat bagi meningkatkan produktiviti dan pembangunan teknologi syarikat serta menambah hasil universiti dan institusi penyelidikan. Walau bagaimanapun, universiti akan terus menjalankan penyelidikan asas bagi kemajuan pengetahuan sains dan

aplikasi teknologi. Penggabungan infrastruktur STI akan dilaksanakan bagi memastikan kemudahan dan peralatan sedia ada digunakan secara optimum. Sehubungan ini, penilaian akan dibuat ke atas taman teknologi, pusat inkubator serta kemudahan penyelidikan di universiti dan institusi penyelidikan bagi meningkatkan keberkesanan dalam mengkomersilkan R&D dan mewujudkan syarikat baru berasaskan S&T.

12.30 Memandangkan pembiayaan merupakan faktor utama yang menggalakkan inovasi, langkah akan diambil untuk meningkatkan akses dan menambah baik mekanisme pembiayaan. Sehubungan ini, skim geran R&D dan pengkomersilan akan diperluas dengan mengambil kira aktiviti dalam rantai nilai dari penyelidikan ke pasaran. Skim ini akan melengkapkan usaha membangunkan model perniagaan dan kewangan yang berdaya maju untuk pengkomersilan penemuan R&D. Di samping itu, lebih banyak modal teroka akan dimobilisasikan bagi mewujudkan syarikat berteknologi tinggi.

12.31 Untuk menggalakkan lagi inovasi, pemindahan teknologi dan pengkomersilan, rangka kerja IP sedia ada akan dipertingkatkan. Langkah akan diambil bagi meningkatkan kemudahan sokongan IP dan memendekkan proses kelulusan IP. Di samping itu, pejabat pelesenan teknologi di institusi penyelidikan dan universiti akan diperkukuh. Sebagai usaha meningkatkan kadar pengkomersilan penemuan R&D oleh institusi penyelidikan awam, mekanisme pemberian IP dan perkongsian royalti akan dikaji semula. Kajian semula ini, antara lain, bertujuan meningkatkan pengkomersilan R&D oleh industri serta menyediakan ganjaran untuk inovasi dan keusahawanan.

### **Peningkatan Modal Insan S&T**

12.32 Memandangkan sumber manusia S&T merupakan teras kepada penemuan dalam bidang sains dan inovasi, usaha akan dipergiat untuk menambah pelaburan modal insan dan penguasaan pengetahuan selaras dengan prinsip keempat Islam Hadhari. Pelbagai langkah akan diambil bagi meningkatkan bilangan RSE dengan kadar tahunan purata 17.7 peratus bagi mencapai sasaran 50 RSE bagi setiap 10,000 tenaga buruh menjelang tahun 2010. Bagi mewujudkan permintaan untuk RSE, pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi terkini akan ditubuhkan serta keupayaan R&D di universiti dan institusi penyelidikan akan dinaik taraf. Di samping itu, lebih banyak syarikat berasaskan teknologi akan diwujudkan dan kerjasama dalam R&D antara universiti, institusi penyelidikan dan sektor swasta terutamanya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat multinasional (MNC) akan dipertingkatkan.

12.33 Sebagai usaha untuk menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi meningkatkan minat dalam kerja penyelidikan serta menggalakkan inovasi dan pengkomersilan, penyelidik akan dibenarkan memegang jawatan penting dan/atau memiliki ekuiti dalam syarikat baru. Satu mekanisme fleksibel bagi

menyediakan pilihan kepada penyelidik untuk kembali memegang jawatan asal di institusi yang berkaitan akan dipertimbangkan. Di samping itu, pertimbangan yang sewajarnya akan diberi untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan penyelidik yang mencapai umur persaraan bagi memastikan projek R&D utama disiapkan serta membolehkan penyelidik dengan rekod cemerlang terus menyumbang kepada aktiviti R&D dan inovasi dalam negara.

12.34 Langkah akan diambil untuk mengoptimumkan kepakaran dan kompetensi teras RSE bagi meningkatkan kadar FTE setiap RSE kepada 70 peratus terutamanya di institusi penyelidikan dan universiti awam. Langkah ini, antara lain, melibatkan penstrukturan semula organisasi untuk mengurangkan beban kerja pentadbiran RSE dan menambah baik skim perkhidmatan bagi membolehkan mereka dinaikkan pangkat dan kekal sebagai penyelidik. Di samping itu, usaha mengenal pasti universiti awam terpilih sebagai universiti penyelidikan akan melengkapkan inisiatif tersebut serta menyumbang kepada peningkatan FTE dan permintaan terhadap penyelidik.

12.35 Program pembangunan sumber manusia S&T akan diperkemas bagi memastikan pembangunan kompetensi utama dalam bidang penyelidikan strategik untuk memenuhi keperluan negara dan industri. Sehubungan ini, kajian mengenai keperluan sumber manusia S&T akan dijalankan dan direktori RSE akan diwujudkan bagi membantu perancangan strategik serta memastikan pembangunan kelompok RSE dalam bidang teknologi utama. Bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan kelompok R&D yang berbakat, pusat kecemerlangan khusus dalam bidang penyelidikan terpilih akan ditubuhkan. Langkah ini akan dilaksanakan dengan memperkukuh makmal dan institusi sedia ada yang berpotensi tinggi dan berprestasi cemerlang. Pusat kecemerlangan ini akan memanfaatkan pelajar institusi pendidikan tinggi untuk membantu aktiviti penyelidikan dan menyediakan peluang pekerjaan untuk siswazah S&T.

12.36 Program lepasan ijazah akan diberikan penekanan yang lebih untuk menyediakan sokongan sewajarnya kepada projek R&D serta meningkatkan pemindahan dan pembangunan teknologi. Kurikulum institusi pendidikan tinggi akan dikaji dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kualiti program sains, kejuruteraan dan pengurusan. Di samping itu, kursus yang menggabungkan *hard subjects* dalam bidang teknikal, sains dan kejuruteraan dengan pembangunan *soft skills* termasuk pengurusan teknologi dan program inovasi akan digalakkan.

12.37 Sekolah dan pendidikan adalah penting dalam membentuk asas kepada sumber manusia S&T. Oleh yang demikian, kurikulum S&T di peringkat pendidikan rendah dan menengah akan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan negara dan industri serta memupuk budaya inovasi dan kreativiti. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk menyediakan latihan kepada guru bagi melengkapkan mereka dengan perkembangan terkini mengenai pembangunan S&T.

12.38 Program akan dilaksanakan untuk membangunkan teknousahawan, pegawai pelesenan teknologi dan pengurus perniagaan yang mencukupi bagi menyokong keperluan sumber manusia di sepanjang rantai nilai inovasi. Program berkenaan akan ditumpukan ke arah menangani kekurangan sumber manusia yang mempunyai kompetensi dan kemahiran dalam penilaian risiko dan teknologi serta pengurusan perniagaan. Di samping itu, kemahiran penyelia, juruteknik dan pekerja pengeluaran akan dipertingkatkan terutamanya bagi mengendalikan peralatan dan kemudahan makmal berteknologi tinggi.

12.39 Bagi melengkapkan inisiatif bina upaya, pelaksanaan Program *Brain Gain* Kebangsaan akan diterajui oleh unit khas di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang berperanan sebagai perantara langsung dengan RSE di luar negara dan menyelaraskan keperluan industri, institusi penyelidikan dan universiti. Sehubungan ini, satu mekanisme dan kaedah pembiayaan akan diwujudkan bagi memudahkan penempatan RSE terbaik luar negara bagi jawatan, projek penyelidikan dan institusi yang bersesuaian dengan kepakaran serta menyediakan sokongan untuk penempatan semula RSE. Bagi mempercepat pemindahan dan peningkatan keupayaan teknologi, RSE boleh bertindak sebagai mentor atau pakar rujuk dalam projek R&D terpilih.

### **Penggalakan Keteknousahawan**

12.40 Teknousahawan dan syarikat berasaskan teknologi baru merupakan ejen utama dalam NIS. Sehubungan ini, program inkubator teknologi akan dipertingkatkan untuk membangunkan secara berterusan kumpulan teknousahawan dan syarikat berasaskan teknologi tempatan. Penggabungan usaha ini dengan strategi yang lebih menyeluruh akan meningkatkan penggunaan pengetahuan dan teknologi baru yang dihasilkan oleh institusi penyelidikan dan universiti bagi pembangunan produk dan perkhidmatan baru. Program inkubator akan memberikan penekanan yang lebih bagi menyediakan perkhidmatan bimbingan seperti pengurusan kewangan dan risiko serta pengurusan IP. Di samping itu, perkhidmatan jaringan dan teknikal juga akan disediakan.

12.41 Kerjasama erat antara Kerajaan dengan persatuan industri berkaitan yang terlibat dalam membangunkan dan membimbing usahawan bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan program inkubator sebagai penggerak utama dalam menggalakkan keteknousahawan. Sehubungan ini, usaha akan dilaksanakan untuk membangunkan keupayaan dan kemampuan dalam pengurusan inkubator dan menggalakkan amalan terbaik dalam pengendalian inkubator.

12.42 Sebagai usaha untuk memupuk masyarakat S&T Bumiputera dalam penjanaan kekayaan, program pembangunan teknousahawan akan dipertingkatkan. Dalam konteks ini, perkhidmatan bimbingan seperti penilaian teknologi dan penyediaan pelan perniagaan akan disediakan kepada RSE Bumiputera. Di

samping itu, inkubasi teknologi dan inisiatif pepadanan perniagaan akan dipergiat untuk mengkomersilkan penemuan R&D oleh RSE Bumiputera melalui penubuhan syarikat baru atau pelesenan teknologi.

### **Peningkatan Keupayaan dan Kemampuan Teknologi EKS**

12.43 Dalam tempoh Rancangan, keutamaan yang tinggi akan diberikan untuk memperkukuh keupayaan dan kemampuan teknologi EKS bagi menghadapi cabaran globalisasi dan persaingan yang semakin sengit. Bagi tujuan ini, strategi akan ditumpukan kepada pemerolehan teknologi yang mendorong EKS ke tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan. Penekanan yang lebih besar akan diberikan kepada pembangunan keupayaan teknologi untuk mewujudkan kepimpinan teknologi, menghasilkan pembezaan produk dan perkhidmatan serta mewujudkan lebih banyak syarikat berasaskan teknologi tempatan.

12.44 Program khusus akan dilaksanakan untuk membimbing EKS tempatan sebagai rakan R&D bagi pembangunan keupayaan teknologi tempatan di kalangan EKS secara *fast-track* dengan mengambil peluang daripada aktiviti penyumberan luar R&D oleh MNC dan GLC. Langkah akan diambil untuk menggalakkan kerjasama perniagaan antara EKS dengan MNC dan GLC bagi memudahkan pemindahan teknologi dan pembangunan kemahiran serta pemasaran. Sehubungan ini, universiti dan institusi penyelidikan akan melaksanakan lebih banyak projek R&D terpilih dengan kerjasama EKS.

12.45 Dalam tempoh Rancangan, pembangunan teknousahawan akan diperluas untuk membantu EKS berasaskan S&T terutamanya di kalangan Bumiputera bagi memanfaatkan pembangunan teknologi tempatan. Langkah ini akan dicapai, antara lain, melalui penyediaan infrastruktur yang sesuai, pemindahan teknologi dan akses yang lebih baik kepada pembiayaan. Mekanisme sokongan baru akan diperkenalkan untuk mempertingkatkan program jangkauan luar untuk EKS termasuk perkhidmatan teknikal, reka bentuk, pemasaran dan khidmat nasihat perniagaan.

### **Penentuan Keutamaan dan Penggabungan Inisiatif R&D dan Pengkomersilan**

12.46 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan dipergiat untuk mengkomersilkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada projek R&D di bawah pembiayaan sektor awam. Bagi tujuan ini, langkah akan diambil untuk memperkukuh dan mengatasi perbezaan di sepanjang rantai nilai untuk mengetengahkan idea inovatif ke pasaran. Mekanisme pembiayaan R&D dan pengkomersilan akan disusun semula bagi menyediakan pembiayaan daripada peringkat permulaan

sehingga projek selesai dan sumber akan disalurkan semula kepada R&D yang lebih berorientasikan permintaan bagi meningkatkan kadar pengkomersilan. Mekanisme ini termasuk penubuhan *ScienceFund* dan *TechnoFund* serta penambahbaikan CRDF.

12.47 *ScienceFund* merupakan skim geran R&D yang menyediakan pembiayaan untuk penyelidikan asas sehingga pembangunan prototaip berskala makmal. *TechnoFund* pula merupakan skim geran untuk membangunkan teknologi bagi tujuan pengkomersilan. Skop *TechnoFund* merangkumi pembangunan prototaip yang sedia dikomersilkan, loji perintis dan aktiviti inkubasi bagi menangani jurang pembiayaan dalam aktiviti prapengkomersilan.

12.48 CRDF akan terus menyediakan geran setara untuk meningkatkan kadar pengkomersilan penemuan R&D. Satu daripada langkah penambahbaikan CRDF ialah menyediakan perkhidmatan bimbingan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi kepada penerima geran. CRDF akan mengambil kira komponen daya saing melalui pembidaan bagi permohonan daripada universiti dan institusi penyelidikan untuk melaksanakan kajian prakemungkinan ke atas penemuan R&D. Langkah ini akan meningkatkan kebolehpasaran penemuan R&D oleh sektor awam dan seterusnya meningkatkan potensi pengkomersilan.

12.49 Bagi memperoleh manfaat yang maksimum, satu mekanisme yang teratur akan diwujudkan bagi pengurusan R&D, penajaan modal intelek dan pengkomersilan yang berkesan. Penekanan yang lebih besar akan diberi untuk melaksanakan pencarian teknologi, risikan pasaran dan kajian kemungkinan sebagai panduan untuk menentukan keutamaan penyelidikan dan peruntukan bagi meningkatkan pulangan daripada pelaburan R&D. Di samping itu, penyertaan industri dan syarikat modal teroka akan dipertingkatkan dalam menentukan keutamaan penyelidikan. Kelulusan projek R&D dan pengkomersilan akan mengambil kira faktor kejayaan yang kritikal seperti kesesuaian teknikal dan kemungkinan pasaran, pengurusan risiko, kecukupan sumber manusia dan kewangan, sokongan institusi serta model perniagaan dan pengkomersilan yang berdaya maju.

12.50 Langkah akan diambil bagi mempertingkatkan penyelarasan, pemantauan dan penilaian projek R&D dan pengkomersilan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dan kejayaan penyediaan projek. Di samping itu, sasaran dan fasa pelaksanaan yang sesuai untuk projek R&D dan pengkomersilan akan diwujudkan bagi membolehkan penilaian projek secara objektif dan sistematik. Pengeluaran dana mengikut fasa pelaksanaan yang utama akan berasaskan pencapaian sasaran seperti yang ditetapkan.



## Penggalakan Teknologi Terpilih sebagai Sumber Pertumbuhan Baru

12.51 Dalam tempoh Rancangan, penekanan yang lebih besar akan diberikan kepada R&D yang terpilih untuk membangunkan kemahiran dan pengkhususan dalam teknologi baru muncul bagi menjana sumber pertumbuhan baru. Keutamaan akan diberi kepada usaha membangunkan bidang terpilih untuk mengelakkan pengagihan sumber yang terhad secara meluas kepada pelbagai bidang. Sehubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada bidang bioteknologi, bahan termaju, pembuatan termaju, ICT dan nanoteknologi untuk mewujudkan 300 syarikat berasaskan S&T melalui dana R&D sektor awam dan 50 syarikat yang mempunyai perkongsian di peringkat global. Faedah yang diperoleh daripada pembangunan, penyebaran dan pemanfaatan teknologi dalam bidang pertumbuhan terpilih akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan menggunakan pendekatan berasaskan kelompok dan mempertingkatkan kerjasama antara komuniti penyelidik dengan penggiat industri melalui mekanisme dan proses yang telah ditambah baik.

### *Bioteknologi*

12.52 Dalam usaha untuk mencapai kemajuan, bioteknologi akan dijadikan bidang pertumbuhan baru untuk meningkatkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial. Bagi tujuan ini, usaha gigih akan ditumpukan kepada usaha mempercepat pembangunan industri bioteknologi berdasarkan teras strategik dan hala tuju Dasar Bioteknologi Negara. Bidang yang dikenal pasti, iaitu bioteknologi pertanian, bioteknologi penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri akan dibangunkan dengan memanfaatkan kekuatan dan kelebihan daya saing negara.

### *Teknologi Maklumat dan Komunikasi*

12.53 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan dipergiat untuk memanfaatkan ICT yang mengupayakan usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing serta sebagai pemacu kepada pemanfaatan sumber pertumbuhan baru. Bagi tujuan ini, bidang teknologi yang akan diberikan tumpuan meliputi semikonduktor dan mikroelektronik; *Internet Protocol* versi 6 (IPv6), pengkomputeran grid dan kejuruteraan bahasa serta keselamatan maklumat.

12.54 *Semikonduktor dan Mikroelektronik*. Sebagai usaha untuk beralih kepada aktiviti nilai ditambah yang tinggi, R&D akan ditumpukan kepada pembangunan reka bentuk IC dan pembungkusan cip termaju. Sehubungan ini, reka bentuk sistem mikroelektromekanikal (MEMS) akan dibangunkan untuk menghasilkan dan menggunakan pelbagai peranti seperti suis frekuensi radio (RF), resonator,

meter pemecut dan alat pegas. R&D dalam komunikasi mudah alih akan dilaksanakan untuk menambah komponen tempatan dan kegunaan kepada pengguna selular. Penggunaan jalur lebar wayarles seperti generasi ketiga (3G) dan *general packet radio service* (GPRS) akan membolehkan pembangunan aplikasi interaktif dan meningkatkan pertumbuhan perkhidmatan komunikasi.

12.55 *IPv6, Pengkomputeran Grid dan Kejuruteraan Bahasa.* Jangkaan peralihan daripada IPv4 kepada IPv6 akan merangsang aktiviti R&D dalam keserasian aplikasi, kualiti dan keselamatan yang merupakan ciri baru dalam IPv6. Pengkomputeran grid akan diberikan penekanan dalam membantu penyelidikan maklumat termaju termasuk pengenalanpastian bahasa, teknik statistik dalam pengelasan data serta penyelidikan dalam pelbagai bidang perubatan dan bioteknologi.

12.56 *Keselamatan Maklumat.* Bagi merealisasikan sepenuhnya potensi ICT, usaha akan dipergiat untuk mengurangkan kesan ancaman dan pencerobohan keselamatan maklumat. Sehubungan ini, penyelidikan dalam bidang keselamatan ICT akan disasar kepada pemeliharaan e-kedaulatan dan meningkatkan kepercayaan dalam e-dagang. Usaha akan diambil untuk membangunkan enjin penentusahan yang berkesan dan mampu dibeli, komunikasi dan aplikasi yang selamat, sistem capaian yang cekap serta identiti dan sistem yang boleh dipercayai bagi memastikan kerahsiaan, integriti dan kebolehdapatan maklumat.

#### *Bahan dan Pembuatan Termaju*

12.57 Usaha akan terus dipergiat untuk membangunkan bahan termaju yang baru dan ditambah baik untuk digunakan dalam pelbagai industri. Penggunaan *bahan termaju* dijangka memberikan faedah kepada industri, antara lain, memanjangkan jangka hayat peralatan, mengurangkan kos penyenggaraan serta meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan keandalan produk. Bidang tumpuan bagi R&D bahan termaju termasuk bahan fotonik dalam industri telekomunikasi serta bahan logam dan komposit polimer untuk industri pertahanan, aeroangkasa, pertanian dan automotif. Penekanan juga diberikan kepada pembangunan bahan baru untuk peranti penyimpanan tenaga. Usaha akan terus dipergiat untuk menggalakkan penggunaan teknologi, kejuruteraan dan proses termaju bagi meningkatkan daya saing dan mencipta produk dengan nilai ditambah yang lebih tinggi. Dalam usaha menyokong *pembuatan termaju* sebagai sumber pertumbuhan, R&D dalam bidang seperti teknologi kawalan, sistem pembuatan fleksibel (FMS), pengeluaran sepadu komputer (CIM) dan kejuruteraan proses termaju akan dilaksanakan.

## *Nanoteknologi*

12.58 Dalam tempoh Rancangan, R&D dalam nanoteknologi akan ditumpukan kepada bidang yang berpotensi tinggi untuk kegunaan industri tempatan. Usaha ini termasuk pemangkin bernanostruktur untuk bahan api hidrokarbon yang mesra alam, membran bernanostruktur untuk rawatan air kumbahan dan MEMS untuk peranti diagnostik perubatan. Di samping itu, keupayaan R&D dalam nanoteknologi akan dipertingkatkan untuk membangunkan asas pengetahuan yang kukuh di kalangan penyelidik bagi membolehkan mereka melibatkan diri dalam jaringan antarabangsa dan memanfaatkan pengetahuan global.

### **Penggalakan Penstandardan dan Jaminan Kualiti**

12.59 Standard dan pematuhan standard merupakan kaedah penting bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti industri serta daya saing eksport dan penerimaan pengguna. Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan Strategi dan Pelan Tindakan Standard Kebangsaan akan dipercepat terutamanya dalam pembangunan standard Malaysia yang berkaitan. Di samping itu, standard Malaysia akan disetarakan dengan standard antarabangsa bagi memastikan penerimaan produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran luar negara.

12.60 Bagi memenuhi keperluan industri, skim akreditasi akan diperkukuh dan diperluas untuk merangkumi lebih banyak bidang seperti keserasian elektromagnetik (EMC), sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISMS) serta Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP). Skim ini akan membolehkan badan penilaian pematuhan meluaskan skop pensijilan dan pengujian serta mendapatkan akreditasi, seterusnya memastikan perkhidmatan yang ditawarkan kepada industri berwibawa dan kompeten. Bagi menyediakan sokongan yang lebih luas kepada industri untuk menjadi syarikat perdagangan bertaraf global, Kerajaan akan terus berusaha untuk mendapatkan sokongan agar diterima oleh badan akreditasi antarabangsa yang berkaitan. Usaha ini akan membolehkan negara mendapatkan persetujuan saling iktiraf dari organisasi di peringkat serantau dan antarabangsa dalam bidang tersebut.

12.61 Malaysia akan terus memantau pengenalan instrumen baru dalam perdagangan dan perniagaan antarabangsa yang boleh memberikan impak ke atas daya saing eksport ke pasaran dunia. Penggunaan label ekologi dan standard keselamatan dijangka diwajibkan dengan meningkatnya kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dan kesihatan awam. Bagi memenuhi keperluan tersebut, rangka kerja kawal selia dan institusi akan diperkukuh untuk melaksanakan skim label ekologi yang dapat mengenal pasti produk yang meminimumkan pencemaran alam sekitar.

## **Peningkatan Kesedaran STI**

12.62 Satu daripada usaha mewujudkan budaya kreatif dan inovasi, tumpuan akan diberikan bagi meningkatkan kesedaran, minat dan kefahaman tentang STI di semua peringkat masyarakat terutamanya di peringkat sekolah. Pelbagai kempen akan dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran berkaitan sumbangan STI ke arah menjana kekayaan dan meningkatkan kualiti hidup serta menggalakkan bidang S&T sebagai kerjaya pilihan. Pendekatan baru akan diperkenalkan untuk menyelaraskan aktiviti promosi yang dijalankan oleh pelbagai agensi kerajaan dengan kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi mewujudkan impak yang lebih besar ke atas kumpulan sasaran seperti pelajar sekolah dan penduduk luar bandar.

12.63 Galeri pameran Pusat Sains Negara di Kuala Lumpur akan dinaik taraf dengan bahan pameran baru untuk menarik lebih ramai pelawat. Sebuah pusat sains wilayah juga akan dibina di Kedah. Di samping itu, program yang dikhususkan untuk sekolah dan kanak-kanak di luar bandar melawat pusat sains akan diperluas.

## **Peningkatan Hubungan Antarabangsa dalam Pembangunan STI**

12.64 Dengan meningkatnya saling pergantungan dalam ekonomi dunia, jaringan dan kerjasama antarabangsa kekal sebagai strategi penting untuk meningkatkan keupayaan STI. Sehubungan ini, perkongsian strategik antarabangsa akan terus dijalin bagi menggalakkan perkongsian pengetahuan dan sumber. Program kerjasama dua hala sedia ada yang merangkumi rantau ASEAN dan rantau lain dan program kerjasama pelbagai hala dalam S&T akan diperkukuh. Di samping itu, beberapa memorandum persefahaman dan perjanjian kerjasama dua hala akan diterjemahkan kepada output yang lebih bermanfaat untuk kepentingan pembangunan STI di Malaysia.

12.65 Antara usaha untuk memanfaatkan pengetahuan global, langkah yang lebih terselaraskan akan diambil bagi mengadakan hubungan dengan institusi terkemuka dunia yang cemerlang dan berwibawa dalam bidang terpilih. Bagi tujuan ini, penekanan khusus akan diberikan untuk membantu program kerjasama penyelidikan, penempatan penyelidik, latihan lepasan ijazah kedoktoran dan menjadi tuan rumah persidangan antarabangsa dalam bidang strategik. Penyelidik Malaysia akan digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam program penyelidikan global yang utama anjuran pertubuhan S&T serantau dan antarabangsa.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

12.66 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi merupakan agensi peneraju dalam melaksanakan program R&D dan pengkomersilan dengan kerjasama

kementerian dan agensi utama lain. Kementerian Pengajian Tinggi serta universiti dan institusi latihan yang berkaitan akan melaksanakan pelbagai program untuk memastikan bekalan sumber manusia S&T yang mencukupi.

12.67 Dalam tempoh RMKe-9, peruntukan sebanyak RM5.3 bilion akan disediakan untuk inisiatif STI bagi memperkukuh NIS, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 12-3*. Selaras dengan tumpuan kepada aktiviti hiliran R&D dan pengkomersilan, 67.9 peratus akan diperuntukkan untuk R&D, pemerolehan teknologi dan pengkomersilan penyelidikan. Keutamaan akan diberikan untuk membangunkan sumber manusia S&T, meningkatkan kesedaran terhadap S&T dan menyediakan infrastruktur dan kemudahan S&T.

JADUAL 12-3

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI, 2001-2010**  
(RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
<b>Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D)</b>	<b>926.6</b>	<b>1,581.6</b>
Geran R&D <sup>1</sup>	926.6	-
ScienceFund/Penyelidikan Fundamental	-	1,581.6
<b>Tabung Pemerolehan Teknologi (TAF)</b>	<b>70.7</b>	<b>142.5</b>
<b>Pengkomersilan Teknologi</b>	<b>267.5</b>	<b>1,843.3</b>
Skim Geran R&D Industri (IGS)	197.0	-
Tabung Pengkomersilan R&D (CRDF)	30.5	115.0
Program Pembangunan Teknologi dan Inkubator <sup>2</sup>	40.0	228.3
TechnoFund	-	1,500.0
<b>Pembangunan Sumber Manusia dan Kesedaran S&amp;T</b>	<b>123.1</b>	<b>650.6</b>
<b>Infrastruktur S&amp;T</b>	<b>1,950.0</b>	<b>1,035.1</b>
<b>Jumlah</b>	<b>3,337.9</b>	<b>5,253.1</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

*Nota :* <sup>1</sup> Termasuk IRPA, SAGA, R&D Bioteknologi, Program Kerjasama Malaysia-MIT dan R&D Oseanografi.

<sup>2</sup> Termasuk program MTDC dan MDC.

## V. PENUTUP

12.68 Dalam tempoh RMKe-8, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk memperkukuh rangka kerja dasar dan infrastruktur S&T bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing. Dalam tempoh RMKe-9, pendekatan yang lebih holistik akan diguna pakai untuk memperkukuh NIS dan mempertingkatkan

rantaian nilai ekonomi. Usaha gigih akan ditumpukan untuk meningkatkan kandungan teknologi, pengetahuan dan inovasi meliputi semua sektor ekonomi. Penekanan akan diberikan untuk menangani jurang di sepanjang rantai nilai dalam mengetengahkan idea penyelidikan ke pasaran. Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam inovasi serta aktiviti pembangunan produk dan pasaran, geran setara, modal teroka dan penambahbaikan insentif R&D dan pemerolehan teknologi akan turut disediakan. Program pembangunan sumber manusia S&T akan dilaksanakan bagi memastikan pembangunan kompetensi teras dalam bidang teknologi utama untuk pelbagai aktiviti penjana pendapatan dan memenuhi keperluan industri. Usaha akan ditumpukan ke arah menggalakkan keteknousahawanan dan mempertingkatkan program inkubator teknologi untuk menyokong penubuhan perniagaan berasaskan teknologi. Kejayaan pelaksanaan program ini memerlukan penggembengan usaha kerjasama antara Kerajaan dengan industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan secara sinergi untuk memaksimumkan potensi STI sebagai pemacu utama bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara seperti dinyatakan dalam teras kedua Misi Nasional.

# WANITA DAN PEMBANGUNAN

# 13

## I. PENDAHULUAN

13.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), wanita telah memberikan sumbangan yang ketara kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Pencapaian pendidikan yang lebih tinggi mendorong peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan pelbagai aktiviti perniagaan.

13.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), usaha akan diambil untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan negara. Wanita akan dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai bagi menjadikan mereka lebih berdaya saing dan serba boleh untuk menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

13.03 Melalui penyertaan yang lebih baik dalam pasaran kerja serta peningkatan akses dalam pendidikan, wanita telah melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam pelbagai bidang kepada pembangunan negara. Penyertaan dan sumbangan ini dicapai, antara lain, berikutan perubahan rangka kerja perundangan dan institusi termasuk pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan, peningkatan keupayaan mendapatkan pekerjaan melalui pencapaian pendidikan yang lebih tinggi serta pelaksanaan dasar dan program gender sensitif.

### **Kependudukan, Tenaga Kerja dan Guna Tenaga**

13.04 Penduduk wanita bertambah pada kadar purata 2.5 peratus setahun, iaitu 48.7 peratus daripada jumlah penduduk negara pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 13-1*. Peratusan penduduk wanita dalam kumpulan umur 65 tahun dan ke atas bertambah daripada 2.1 peratus pada tahun 2000 kepada 2.3 peratus pada tahun 2005. Pertambahan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan jangka hayat wanita.

JADUAL 13-1

## STRUKTUR PENDUDUK MENGIKUT GENDER, 2000 DAN 2005

	2000		2005	
	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%
<b>Penduduk</b>	<b>23,495</b>	<b>100.0</b>	<b>26,748</b>	<b>100.0</b>
Lelaki	11,981	51.0	13,728	51.3
0 -14 tahun	4,116	17.5	4,498	16.8
15 - 64 tahun	7,429	31.6	8,690	32.5
65 dan ke atas	436	1.9	540	2.0
Wanita	11,514	49.0	13,020	48.7
0 -14 tahun	3,887	16.5	4,222	15.8
15 - 64 tahun	7,131	30.4	8,188	30.6
65 dan ke atas	496	2.1	610	2.3
<b>Jangka Hayat (tahun)</b>				
Lelaki		70.0		70.6
Wanita		75.1		76.4

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

13.05 Wanita merupakan 48 peratus daripada penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun. Dalam tempoh Rancangan, kadar penyertaan tenaga buruh wanita bertambah daripada 44.7 peratus pada tahun 2000 kepada 45.7 peratus pada tahun 2005. Bilangan wanita yang bekerja dalam tempoh Rancangan bertambah daripada 3.3 juta pada tahun 2000 kepada 3.9 juta pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 13-2*. Peratusan guna tenaga wanita daripada jumlah guna tenaga bertambah daripada 35.6 peratus kepada 36.7 peratus dalam tempoh yang sama. Penglibatan wanita tertumpu pada sektor pembuatan, perdagangan borong dan runcit serta pertanian.

13.06 Dari segi struktur pekerjaan, peratusan wanita yang bekerja dalam kumpulan pekerjaan bergaji tinggi adalah tinggi disebabkan oleh pencapaian yang lebih baik dalam pendidikan. Peratusan wanita dalam kategori pegawai kanan dan pengurus meningkat daripada 4.8 peratus pada tahun 2000 kepada 5.4 peratus pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 13-3*. Dalam kategori profesional, wanita terutamanya bekerja sebagai doktor, doktor pergigian, peguam dan arkitek. Peningkatan yang ketara juga berlaku dalam kategori perkhidmatan dan jualan, iaitu daripada 13.3 peratus pada tahun 2000 kepada 17.7 peratus pada tahun 2005 manakala jumlah wanita yang bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah berkurang, khususnya dalam kategori operator kilang dan mesin dan pemasang.



JADUAL 13-2

**GUNA TENAGA MENGIKUT GENDER DAN SEKTOR,  
2000 DAN 2005**

Sektor	Bilangan ('000)				%			
	2000		2005		2000		2005	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Pertanian, Perhutanan, Ternakan dan Perikanan	1,030.3	392.7	1,046.9	358.8	17.3	11.9	15.2	9.0
Perlombongan dan Kuari	36.5	5.3	39.9	2.8	0.6	0.2	0.6	0.1
Pembuatan	1,460.0	1,105.8	1,865.8	1,266.3	24.5	33.5	27.0	31.7
Pembinaan	704.3	47.9	703.5	56.1	11.8	1.5	10.2	1.4
Elektrik, Gas dan Air	66.8	8.2	81.5	11.5	1.1	0.2	1.2	0.3
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	402.8	58.8	536.3	94.9	6.7	1.8	7.8	2.4
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	954.7	628.2	1,176.6	750.6	16.0	19.0	17.0	18.7
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	296.4	203.8	421.4	310.9	5.0	6.1	6.1	7.8
Perkhidmatan Lain	1,019.0	853.1	1,026.6	1,144.4	17.0	25.8	14.9	28.6
<b>Jumlah</b>	<b>5,970.8</b>	<b>3,303.8</b>	<b>6,898.5</b>	<b>3,996.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

JADUAL 13-3

**GUNA TENAGA MENGIKUT PEKERJAAN DAN GENDER,  
2000 DAN 2005**  
(%)

Kategori Pekerjaan	2000		2005	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Pegawai Kanan dan Pengurus	8.0	4.8	9.4	5.4
Profesional	5.1	7.2	5.5	7.5
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	10.9	14.1	12.6	14.0
Pekerja Perkeranian	5.2	18.3	4.6	17.2
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	12.9	13.3	12.3	17.7
Pekerja Pertanian dan Perikanan	17.5	10.0	14.7	9.9
Pekerja Kraf dan Perdagangan Berkaitan	11.5	4.4	15.2	5.0
Operator Kilang dan Mesin dan Pemasang	16.2	15.8	15.9	11.5
Pekerjaan Asas	12.7	12.1	9.8	11.8
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## **Pencapaian Pendidikan**

13.07 Kemajuan yang dicapai oleh wanita dalam bidang sosial dan ekonomi sebahagian besarnya disebabkan wujudnya peluang pendidikan yang sama antara lelaki dengan wanita. Enrolmen wanita di sekolah rendah dan menengah menunjukkan nisbah penduduk mengikut gender, iaitu lebih kurang separuh daripada jumlah enrolmen pada tahun 2005. Pada peringkat matrikulasi dan tingkatan enam, enrolmen wanita adalah 67 peratus manakala di universiti awam meningkat dengan ketara daripada 61 peratus pada tahun 2000 kepada 63.4 peratus pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, di peringkat lepasan ijazah hanya 48.8 peratus pelajar wanita yang melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan 35.7 peratus peringkat kedoktoran. Penyediaan peluang pendidikan yang sama dan mampu dibayar membolehkan *Millennium Development Goal* dari segi mencapai kesaksamaan gender dan penghapusan ketidaksamaan gender dalam pendidikan rendah dan menengah dicapai pada tahun 2005.

## **Latihan**

13.08 Pelbagai program latihan kemahiran dan keusahawanan dilaksanakan bagi membolehkan wanita memajukan diri dan mengambil peluang dalam pasaran pekerjaan. Seramai 3,000 usahawan wanita mendapat manfaat daripada program ini terutamanya penerima pinjaman Yayasan Tekun Nasional (YTN). Program yang sama juga dilaksanakan di bawah Program Keusahawanan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menyediakan latihan kepada 8,000 wanita. Di samping itu, program latihan dilaksanakan bagi membantu usahawan wanita menaik taraf perniagaan mereka ke peringkat enterpris kecil dan sederhana (EKS). Di bawah Program Pembangunan Keusahawanan Pertanian pula, sebanyak 154 bengkel latihan dikendalikan yang memanfaatkan 6,328 wanita. Hasil daripada program ini, wanita telah menyertai industri makanan berasaskan pertanian yang menghasilkan jumlah jualan sebanyak RM94.1 juta. Pelbagai usaha dilakukan bagi melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Program seperti Internet Desa dan e-Industri Desa juga dilaksanakan.

## **Bantuan Kewangan**

13.09 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai skim bantuan kewangan disediakan bagi memudahkan lebih ramai wanita menjadi usahawan. Di bawah skim YTN, sebanyak RM200 juta dikeluarkan sebagai pinjaman kepada 46,000 wanita untuk membantu mereka dalam aktiviti keusahawanan. Skim Mikro Kredit Bank Simpanan Nasional memberikan pinjaman sebanyak RM446 juta kepada 49,000 usahawan wanita. Melalui Skim Mikro Kredit di bawah Bank Pertanian Malaysia, sebanyak RM55.9 juta pinjaman diluluskan kepada 5,600 wanita. Di bawah Skim Bantuan Khas Usahawan Wanita, sebanyak RM18.5 juta diluluskan kepada

185 usahawan wanita. Pinjaman ini membantu mereka melibatkan diri dalam perkhidmatan berasaskan teknologi maklumat, perekabentukan dan pembungkusan produk, penyelidikan dan pembangunan serta pemasaran. Di samping itu, bagi menggalakkan lebih ramai wanita menceburi aktiviti berkaitan teknologi seperti reka bentuk, paten dan lakaran rencana terperinci, Tabung Perolehan Teknologi untuk Wanita (TAF-W) telah ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM25 juta.

### Taraf Kesihatan

13.10 Wanita memperoleh faedah daripada peningkatan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Dalam tempoh Rancangan, jangka hayat wanita meningkat daripada 75.1 tahun pada tahun 2000 kepada 76.4 tahun pada tahun 2005 berbanding dengan lelaki daripada 70 tahun kepada 70.6 tahun. Kematian ibu mengandung yang merupakan petunjuk taraf kesihatan wanita kekal rendah pada 0.3 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

13.11 Program kesihatan ibu dan kanak-kanak yang bertujuan mengurangkan mortaliti dan morbiditi di kalangan ibu dan kanak-kanak, meningkatkan penjagaan kesihatan ibu sebelum dan selepas bersalin serta memberikan pendidikan kesihatan dan pemakanan telah dilaksanakan. Di samping itu, penekanan diberikan untuk mendapatkan perkhidmatan kelahiran yang selamat. Hasilnya, kelahiran yang dirawat oleh kakitangan terlatih meningkat daripada 99 peratus pada tahun 2000 kepada 99.5 peratus pada tahun 2005. Usaha bersepadu yang diambil untuk meluaskan liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan sebelum bersalin membolehkan 77 peratus wanita mengandung mendapatkan akses bagi perkhidmatan ini. Usaha tersebut menyumbang kepada pengurangan kadar kematian ibu mengandung setaraf dengan negara maju.

13.12 Menyedari wanita khususnya wanita muda berada dalam kategori berisiko tinggi dari segi pendedahan kepada *human immunodeficiency virus/acquired immunodeficiency syndrome* (HIV/AIDS), penekanan yang lebih diberikan bagi meningkatkan kesedaran serta menyediakan maklumat dan pendidikan mengenai bahaya HIV/AIDS. Sungguhpun usaha telah dilakukan, peratusan wanita yang dijangkiti HIV meningkat daripada 7.9 peratus atau 466 kes daripada jumlah 5,938 kes pada tahun 2001 kepada 11.6 peratus atau 358 kes daripada jumlah 3,089 kes hingga bulan Jun 2005.

13.13 Peningkatan insiden kanser di kalangan wanita khususnya kanser payu dara dan servik memberikan implikasi yang serius kepada pesakit serta keluarga. Data daripada Daftar Kanser Kebangsaan menunjukkan bahawa insiden kanser payu dara telah meningkat daripada 52.8 peratus bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2002 kepada 56.8 peratus pada tahun 2005. Memandangkan kanser boleh dirawat jika dikesan pada peringkat awal, usaha telah diambil bagi

menyediakan maklumat dan pengetahuan kepada wanita mengenai kanser dan rawatannya serta menggalakkan pemeriksaan kesihatan yang lebih kerap.

13.14 Memandangkan penggalakan dan pencegahan kesihatan penting bagi memastikan wanita sihat dan kekal sihat, penekanan yang lebih diberi kepada pelaksanaan pendidikan kesihatan dan program kesedaran. Sehubungan ini, program Nur Sejahtera diperkenalkan pada tahun 2004 bagi mendidik wanita mengenai kepentingan pemeriksaan kesihatan yang kerap serta mengamalkan gaya hidup sihat. Di samping itu, *Health Line* diperkenalkan pada tahun 2005 bagi menyediakan maklumat yang menyeluruh dan bersepadu melalui talian mengenai penyakit tidak berjangkit seperti kanser, kencing manis dan penyakit yang berkaitan dengan jantung. Langkah ini memperkasa masyarakat khususnya wanita mengenai pentingnya kesihatan dan pengesanan awal penyakit.

### **Kemiskinan di Kalangan Wanita**

13.15 Pelbagai program ekonomi, sosial dan latihan dilaksanakan oleh Kerajaan dan NGO bagi mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan wanita termasuk ibu tunggal dan ketua isi rumah wanita. Melalui program berkenaan, insiden kemiskinan di kalangan ketua isi rumah wanita berkurang daripada 12.5 peratus pada tahun 2002 kepada 11.5 peratus pada tahun 2004. Di bawah Skim Pinjaman Ikhtiar yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), seramai 67,000 wanita daripada kumpulan berpendapatan rendah terlibat dalam perusahaan mikro kredit. Wanita di kawasan luar bandar juga diberi peluang menubuhkan bengkel dan premis gerai perniagaan bagi memudahkan mereka melibatkan diri dalam perniagaan kecil. Di samping itu, latihan ICT dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan mereka. Skim Khas Ibu Tunggal ditubuhkan oleh AIM pada tahun 2001 membolehkan ibu tunggal menjalankan aktiviti yang menjanakan pendapatan dengan menyediakan akses mudah kepada mereka untuk memperoleh bantuan kewangan. Seramai 2,800 ibu tunggal mendapat manfaat daripada skim ini.

### **Perundangan Sokongan**

13.16 Dalam tempoh Rancangan, perundangan sedia ada dikaji semula dan perundangan baru telah diluluskan bagi melindungi hak dan maruah wanita. Pada tahun 2001, Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi memasukkan perkataan 'gender' sebagai satu daripada asas untuk mencegah diskriminasi dan seterusnya beberapa undang-undang telah dipinda. Mulai tahun 2002, balu kakitangan Kerajaan telah dibenarkan terus menerima pencen selepas berkahwin semula manakala pindaan yang sama dibuat ke atas Akta Keselamatan Sosial 1969 pada tahun 2003. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 telah dipinda pada tahun 2002 bagi membenarkan isteri peneroka mendapat pemilikan bersama ke atas tanah yang diberikan kepada suami mereka di

bawah skim pembangunan tanah. Peraturan Imigresen juga dipinda bagi membolehkan lelaki warga asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia memperbaharu pas lawatan mereka setiap tahun berbanding dengan tempoh pembaharuan sebelumnya, iaitu antara satu hingga enam bulan bergantung pada negara asal pemohon. Peruntukan yang sama juga diberikan kepada wanita warga asing yang berkahwin dengan lelaki rakyat Malaysia yang telah berpisah atau bercerai.

13.17 Sebagai suri rumah, wanita memainkan peranan terpenting dalam masyarakat. Menyedari peranan ini dan bagi menjamin kestabilan kewangan wanita pada hari tua, suami boleh membuat sumbangan pendapatan mereka kepada akaun isteri melalui skim sumbangan pekerja persendirian di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

13.18 Pelbagai usaha dilaksanakan bagi memastikan penyeragaman dalam penghakiman kes berhubung Undang-Undang Keluarga Islam di semua negeri. Dalam tempoh Rancangan, 11 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah menerima model yang seragam. Di samping itu, pelaksanaan dan pemantauan yang cekap dan berkesan juga dilaksanakan bagi undang-undang dan penghakiman berkaitan isu keluarga seperti perceraian dan nafkah kepada bekas isteri. Sehubungan ini, bahagian khas bagi penyelarasan dan penguatkuasaan undang-undang telah ditubuhkan di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

### **Keganasan Terhadap Wanita**

13.19 Dalam tempoh Rancangan, usaha diambil bagi membendung peningkatan bilangan kes keganasan terhadap wanita. Di samping mengkaji semula perundangan sedia ada dan memperkenalkan perundangan baru, program pencegahan dan pemulihan juga dilaksanakan. Sejumlah 43 program yang dilaksanakan telah memberi manfaat kepada 45,000 peserta. Kempen Wanita Menentang Keganasan (WAVE) peringkat kebangsaan dilancarkan pada tahun 2002 bagi meningkatkan kesedaran terhadap keganasan rumah tangga. Di samping itu, persatuan sukarela WAVE ditubuhkan di semua negeri. Latihan diberikan dan maklumat disampaikan kepada ahli persatuan untuk mengenal pasti penderaan dan rawatan kepada mangsa. Seramai 300 sukarelawan dilatih dan ditempatkan di pusat khidmat masyarakat, hospital dan rumah perlindungan.

### **Jentera Nasional untuk Kemajuan Wanita**

13.20 Kerajaan, sektor swasta dan NGO telah bekerjasama untuk meningkatkan taraf wanita serta memastikan kerjasama dan penyelarasan yang lebih berkesan dalam melaksanakan aktiviti bagi kaum wanita dan keluarga mereka. Dalam tempoh Rancangan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

ditubuhkan bagi menangani isu berkaitan wanita secara bersepadu. Sehubungan ini, Majlis Penasihat Wanita Negara disusun semula dan keahliannya ditambah bagi membolehkan pertukaran pandangan, percambahan idea dan maklumat mengenai isu wanita yang lebih baik. Di samping itu, majlis pembangunan wanita dan keluarga telah ditubuhkan di peringkat negeri serta di setiap kawasan parlimen bagi mewujudkan jalinan dengan wanita di peringkat akar umbi.

13.21 Bagi memperkukuh lagi jentera nasional dan meningkatkan keberkesannya, Jawatankuasa Kabinet bagi Kesaksamaan Gender ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyediakan hala tuju dasar dan memantau aktiviti berkaitan dengan pembangunan wanita dan keluarga. Pegawai tumpuan untuk urusan gender telah dilantik di semua kementerian dan agensi bagi memastikan perspektif gender disepadukan dalam usaha penggubalan dasar dan pelaksanaan program serta penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Di samping itu, projek perintis bagi memasukkan perspektif gender dalam proses belanjawan negara dilaksanakan di lima kementerian. Bagi memastikan pengumpulan dan penyusunan data mengikut gender secara bersistem, sistem maklumat mengikut gender juga telah dibangunkan untuk memudahkan analisis. Menyedari pentingnya peranan wanita dalam pembangunan negara, Kerajaan bersetuju menetapkan kuota sekurang-kurangnya 30 peratus wanita memegang jawatan di peringkat pembuat dasar dalam sektor awam. Sehubungan ini, sektor swasta dan NGO juga digalakkan untuk meningkatkan bilangan wanita di peringkat pengurusan dan jawatan utama.

13.22 Memandangkan peranan NGO penting dalam melengkapkan usaha Kerajaan membantu wanita dan keluarga, kursus bina upaya dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran kepemimpinan, pentadbiran, perancangan dan pengurusan kewangan di kalangan ahli. Di samping itu, sejumlah RM56.7 juta diagihkan kepada 550 NGO dan majlis pembangunan wanita dan keluarga di peringkat negeri bagi melaksanakan aktiviti dan program untuk wanita dan keluarga.

### **Penglibatan di Peringkat Antarabangsa**

13.23 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan menunjukkan komitmen bagi mempertahankan hak dan maruah wanita di peringkat antarabangsa. Malaysia terlibat secara aktif dalam pelbagai mesyuarat dan inisiatif di peringkat serantau dan antarabangsa. Komitmen ini termasuk Mesyuarat Menteri-Menteri Wanita APEC, Jawatankuasa ASEAN Mengenai Wanita dan Suruhanjaya Mengenai Taraf Wanita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Melalui rancangan dua hala, Malaysia terus membangkitkan isu gender dan berkongsi pengalaman dalam meningkatkan taraf wanita.

13.24 Selaku pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Malaysia mengambil inisiatif memasukkan isu berkaitan wanita sebagai sebahagian daripada agenda NAM. Sehubungan ini, Malaysia telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Peringkat Menteri NAM Mengenai Pembangunan Wanita yang pertama pada tahun 2005. Mesyuarat tersebut mengesahkan Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita dalam Negara Anggota NAM. Hasil Mesyuarat ini antaranya ialah penubuhan Pusat Pembangunan Gender NAM di Kuala Lumpur.

### III. PROSPEK, 2006-2010

13.25 Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan terus diambil bagi menangani isu berkaitan wanita bagi membolehkan wanita menggunakan potensi mereka sepenuhnya dan melibatkan diri dengan lebih berkesan sebagai rakan dalam pembangunan selaras dengan prinsip Islam Hadhari. Sehubungan ini, kekangan perundangan dan institusi yang menghalang penyertaan wanita yang lebih besar dalam bidang ekonomi akan dikaji semula untuk menggalakkan penglibatan yang aktif serta menyumbang kepada kemajuan yang lebih baik. Penekanan akan diberikan bagi memperkasa wanita dengan menyediakan akses yang lebih baik kepada pendidikan dan program meningkatkan kemahiran serta melibatkan mereka dalam proses membuat dasar. Inisiatif yang diambil akan berpandukan komitmen Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing pada tahun 1995 dan Mesyuarat Peringkat Menteri NAM Mengenai Pembangunan Wanita di Putrajaya pada tahun 2005. Teras strategik bagi meningkatkan lagi kemajuan wanita dalam tempoh Rancangan adalah seperti berikut:

- ❑ *menggalakkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh;*
- ❑ *meningkatkan peluang pendidikan dan latihan;*
- ❑ *meningkatkan penyertaan dalam perniagaan dan aktiviti keusahawanan;*
- ❑ *mengkaji semula undang-undang dan peraturan bagi meningkatkan taraf wanita;*
- ❑ *mombaiki lagi taraf kesihatan dan kesejahteraan wanita;*
- ❑ *mengurangkan keganasan terhadap wanita;*
- ❑ *mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup;*
- ❑ *mengukuhkan jentera nasional dan keupayaan institusi; dan*
- ❑ *menyuarakan isu berkenaan wanita di peringkat antarabangsa.*

## **Peningkatan Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh**

13.26 Kerajaan akan terus menggalakkan lagi penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan menyumbang ke arah peningkatan pembangunan sosioekonomi negara. Memandangkan penglibatan lebih ramai wanita dalam pasaran pekerjaan memerlukan keseimbangan yang lebih baik antara kerja tanpa bayaran dengan kerja berbayar, dasar pekerjaan yang berkesan perlu merangkumi lebih daripada penyediaan pekerjaan. Sehubungan ini, langkah akan diambil bagi memastikan penyediaan kemudahan sokongan yang perlu bagi membolehkan wanita menyertai pasaran pekerjaan. Usaha ini termasuk mengadakan amalan tempat kerja yang mesra keluarga dan program latihan yang sesuai. Pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti dan pusat asuhan akan didirikan di kawasan perumahan terpilih bagi memastikan penjagaan berkualiti dan mampu dibayar disediakan. Di samping itu, wanita digalakkan memasuki semula pasaran pekerjaan dengan menyediakan peluang latihan semula.

13.27 Sektor swasta yang merupakan majikan terbesar akan digalakkan untuk memudahkan lagi penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan melalui penyediaan peraturan kerja yang lebih kondusif dengan mengambil kira pelbagai peranan dan tanggungjawab wanita. Kemudahan ini termasuk mewujudkan peraturan kerja baru dan fleksibel seperti telekerja, kerja sambilan dan perkongsian kerja. Di samping itu, usaha akan diambil bagi melaksanakan konsep bekerja dari rumah untuk menggalakkan wanita menceburi perniagaan kecil.

13.28 Memandangkan kerja mengurus rumah tangga dan penjagaan keluarga kekal dipertanggungjawabkan kepada wanita, ramai wanita memberikan keutamaan kepada tanggungjawab keluarga. Keadaan ini meningkatkan bilangan wanita dalam sektor tidak formal dengan peraturan kerja yang fleksibel. Sehubungan ini, langkah akan diambil supaya pekerja wanita dalam sektor tidak formal mempunyai akses yang lebih baik terhadap perlindungan sosial yang mencukupi untuk menghadapi kitaran hidup seperti sakit, kecacatan dan lanjut usia serta risiko pekerjaan.

## **Peningkatan Peluang Pendidikan dan Latihan**

13.29 Menyedari keperluan sumber manusia kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan keperluan untuk bergerak kepada aktiviti nilai ditambah yang tinggi, lebih banyak peluang pendidikan dan latihan akan disediakan bagi membantu wanita memenuhi keperluan tersebut. Peluang latihan dan latihan semula akan disediakan bagi membolehkan lebih ramai wanita memperoleh kemahiran baru dan yang lebih tinggi sesuai dengan keperluan industri terutamanya dalam arus perubahan teknologi yang pesat. Sehubungan ini, sektor swasta juga digalakkan menyediakan peluang latihan kemahiran dan latihan semula kepada wanita termasuk dalam bidang teknologi baru.



13.30 Lebih ramai pelajar wanita akan digalakkan untuk mengikuti pengajian dalam bidang sains dan kejuruteraan. Sehubungan ini, program bimbingan kerjaya akan dilaksana di peringkat sekolah rendah bagi memberikan kesedaran yang lebih tinggi di kalangan pelajar wanita dan ibu bapa mengenai peluang pendidikan dan pekerjaan dalam bidang profesional dan teknikal. Kaunseling dan maklumat tentang prospek dalam bidang bukan akademik juga akan diberikan kepada pelajar wanita bagi menggalakkan mereka mengikuti pengajian vokasional dan teknikal. Di samping itu, peluang latihan di kolej komuniti dan institusi latihan kemahiran akan ditingkatkan bagi kemasukan pelajar wanita yang tercicir pengajian formal di peringkat sekolah. Bagi memastikan wanita terutamanya di luar bandar terus mendapatkan akses kepada ICT, program latihan formal dan tidak formal berkenaan aplikasi dan celik komputer akan dijalankan.

### **Peningkatan Penyertaan dalam Aktiviti Perniagaan dan Keusahawanan**

13.31 Usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan akan diteruskan melalui penggabungan dan penyepaduan bantuan kewangan dan penyediaan program latihan yang lebih baik. Maklumat mengenai program ini akan disebarikan secara meluas. Bagi memudahkan lebih ramai wanita memperoleh pinjaman, program khusus untuk wanita akan diwujudkan dalam program bantuan kewangan sedia ada. Pelaksanaan konsep bekerja dari rumah akan memudahkan lagi penglibatan wanita dalam aktiviti perniagaan. Lebih banyak peluang akan disediakan kepada wanita untuk melibatkan diri dalam industri dan perniagaan berasaskan pertanian. Memandangkan bidang bioteknologi merupakan sumber pertumbuhan baru, usaha akan diambil untuk menggalakkan lebih ramai usahawan wanita memanfaatkan peluang daripada potensi bidang ini khususnya dalam bioteknologi pertanian dan penjagaan kesihatan. Usahawan wanita juga akan digalakkan untuk menubuhkan rangkaian dengan organisasi lain yang berjaya dalam dan luar negara.

### **Kajian Semula Undang-Undang dan Peraturan bagi Meningkatkan Taraf Wanita**

13.32 Undang-undang dan peraturan sedia ada yang mendiskriminasikan atau menghalang kesejahteraan dan penyertaan wanita dalam usaha pembangunan akan dikaji semula. Menyedari pentingnya untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan wanita, Akta Pekerjaan 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1957 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 akan dipinda bagi memasukkan peruntukan untuk menghalang segala bentuk gangguan seksual di tempat kerja. Langkah akan terus diambil untuk memperkemas penguatkuasaan dan mempercepat pelaksanaan keputusan mahkamah, termasuk mahkamah syariah bagi memastikan perlindungan dan kebajikan wanita. Di samping itu, sektor swasta akan digalakkan untuk mengkaji semula perjanjian bersama bagi memastikan tiada diskriminasi gender.

## **Penambahbaikan Taraf Kesihatan dan Kesejahteraan Wanita**

13.33 Dalam tempoh Rancangan, usaha untuk meningkatkan kesihatan wanita dan keluarga akan diteruskan. Bagi memastikan wanita sentiasa sihat, penekanan akan diberikan bagi melaksanakan program kesejahteraan, meningkatkan kesedaran tentang kesihatan serta menggalakkan pencegahan, pemeriksaan dan pengesanan awal penyakit yang spesifik seperti kanser terutamanya di kalangan wanita berpendapatan rendah dan di kawasan terpencil. Dasar dan strategi akan digubal untuk menyepadukan komponen kesihatan reproduktif ke dalam sistem penjagaan kesihatan asas. Klinik bergerak juga akan disediakan di bawah Program Nur Sejahtera bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan.

13.34 Usaha bersepadu akan diambil untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik wanita tentang penyakit HIV/AIDS dan penyakit yang berjangkit melalui hubungan seks terutamanya golongan wanita muda. Program untuk mencegah pemindahan HIV daripada ibu kepada anak serta penyediaan penjagaan dan sokongan kepada mereka yang dijangkiti termasuk program kaunseling akan diteruskan. Pendidikan seks, kemahiran hidup dan program perubahan sikap akan terus dipergiat. Bagi memastikan program tersebut dilaksanakan secara berterusan dan berkualiti, garis panduan mengenai pendidikan seks yang digubal bersama NGO akan dilaksanakan. Di samping itu, program kesihatan reproduktif bagi remaja akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan NGO dengan matlamat untuk memupuk nilai positif dan sikap bertanggungjawab serta menggalakkan gaya hidup sihat.

13.35 Langkah akan terus diambil untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang menyeluruh dan bersepadu kepada wanita dan kanak-kanak. Sehubungan ini, hospital khusus untuk wanita dan kanak-kanak akan diwujudkan di Kuala Lumpur. Kemudahan ini akan berfungsi sebagai pusat rujukan negara bagi kesihatan dan kesejahteraan wanita dan kanak-kanak serta menjalankan penyelidikan mengenai penyakit yang biasa dihadapi oleh mereka.

## **Pengurangan Keganasan Terhadap Wanita**

13.36 Usaha bersepadu akan terus diambil bagi meningkatkan kesedaran bahawa keselamatan dan kesejahteraan wanita dan keluarga adalah tanggungjawab semua. Program kesedaran dan latihan yang berkaitan dengan pemahaman peranan dan keperluan gender, pencegahan penderaan dan keganasan, penyelesaian konflik dan pengekalan keharmonian keluarga akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan NGO. Pelaksanaan kempen WAVE juga akan dipergiat dengan penyertaan dan penglibatan yang lebih meluas di kalangan masyarakat. Kemudahan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga akan diwujudkan di Rumah Nur yang sedia ada di lima negeri, iaitu Kelantan, Melaka, Pahang,

Sabah dan Selangor. Kemudahan di Selangor juga akan digunakan untuk menyediakan perlindungan kepada wanita warga asing yang menjadi mangsa penyeludupan manusia.

13.37 Sektor swasta juga akan digalakkan menyertai usaha menghapuskan keganasan terhadap wanita. Kerajaan dengan kerjasama NGO akan memastikan wujudnya mekanisme sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga termasukewartakan lebih banyak rumah perlindungan dan menyediakan sukarelawan terlatih serta menempatkan mereka di lokasi strategik seperti hospital dan balai polis. Kursus kepekaan gender akan dilaksanakan bagi agensi yang terlibat dalam menangani dan menguruskan kes keganasan rumah tangga. Sehubungan ini, prosedur operasi standard akan disediakan untuk kegunaan agensi dan NGO yang berkaitan bagi memastikan keselarasan dan keberkesanan yang lebih baik dalam menangani kes tertentu.

### **Pengurangan Kadar Kemiskinan dan Peningkatan Kualiti Hidup**

13.38 Usaha akan diambil bagi mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan wanita khususnya di kawasan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak. Bagi mengatasi kemiskinan bandar, program untuk wanita miskin di kawasan bandar akan dibangunkan. Penekanan khusus akan diberikan kepada ibu tunggal melalui pembentukan pelan tindakan strategik yang akan menggariskan program pendidikan dan latihan serta pendekatan bagi memudahkan penglibatan ibu tunggal dalam aktiviti yang menjanakan pendapatan. Menerusi pendekatan ini, program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) akan diperkenalkan untuk meningkatkan kemahiran ibu tunggal. I-KIT akan memberikan tumpuan kepada tujuh bidang kemahiran, iaitu jahitan, kraf tangan, pelancongan, terapi kecantikan, perniagaan, keusahawanan dan penjagaan kanak-kanak. Program Anak Angkat akan dilaksanakan melalui perkongsian pintar dengan sektor swasta. Di bawah program ini, syarikat swasta akan digalakkan untuk menyediakan sokongan kewangan bagi pendidikan anak kepada ibu tunggal. Kerajaan akan melengkapkan usaha tersebut dengan menyediakan insentif dalam bentuk rebat cukai kepada syarikat terlibat.

### **Pengukuhan Jentera Nasional dan Keupayaan Institusi**

13.39 Dalam tempoh Rancangan, jentera nasional dan keupayaan institusi bagi kemajuan wanita akan diperkukuh. Usaha juga akan diambil untuk mencapai kuota 30 peratus wanita memegang jawatan dalam kategori pembuat keputusan di sektor awam. Ke arah mencapai matlamat ini, lebih banyak peluang akan disediakan kepada wanita untuk memegang jawatan utama dalam perkhidmatan awam. Di samping itu, penekanan akan diberikan untuk melantik lebih ramai wanita sebagai ahli majlis dalam pihak berkuasa tempatan.

13.40 Latihan akan disediakan bagi meningkatkan keberkesanan tumpuan untuk pengurusan gender dalam agensi awam bagi memastikan dasar, strategi dan program di agensi tersebut mengambil kira perspektif gender. Program analisis bajet dan kepekaan gender akan dilaksanakan oleh penggubal dan perancang dasar. Usaha yang lebih berkesan juga akan diambil bagi memastikan pengumpulan dan penyediaan data mengikut gender yang bersistem untuk memudahkan analisis yang berkesan, memantau, menilai impak dan menggubal dasar. Di samping itu, pelaksanaan bajet gender akan diperluas secara berperingkat ke kementerian yang lain.

13.41 Selaras dengan teras pembangunan berasaskan masyarakat, penekanan yang lebih akan diberikan untuk mengarusperanakan gender. Ke arah mencapai matlamat ini, strategi mengarusperanakan gender akan memastikan perspektif gender sentiasa diambil kira dalam penggubalan dasar, strategi dan program utama sektoral. Di samping itu, indeks pembangunan berkaitan gender akan dibangunkan untuk menyediakan petunjuk kesaksamaan gender di negara ini.

13.42 Majlis pembangunan wanita dan keluarga di peringkat negeri dan kawasan parlimen akan terus mengukuhkan jalinan dengan wanita di peringkat akar umbi. Sehubungan ini, latihan akan disediakan kepada ahli majlis untuk meningkatkan keberkesanan mereka dalam penggubalan dan pelaksanaan program serta menyelesaikan isu yang berkaitan dengan wanita di peringkat akar umbi.

13.43 NGO akan terus digalakkan untuk memainkan peranan sebagai pelengkap kepada usaha Kerajaan dalam memajukan wanita khususnya wanita yang kurang memperoleh faedah pembangunan. Bagi tujuan ini, sokongan kewangan akan diberikan kepada NGO untuk melaksanakan program yang memberikan faedah secara langsung kepada wanita dan menambah baik kualiti hidup. Di samping itu, latihan akan diberikan kepada NGO bagi memastikan sikap profesionalisme diamalkan dalam menangani isu yang berkaitan dengan wanita.

### **Menyuarakan Isu Berkenaan Wanita di Peringkat Antarabangsa**

13.44 Kerajaan bersama sektor swasta dan NGO akan terlibat secara aktif dalam forum antarabangsa untuk memajukan wanita. Penglibatan ini membolehkan Malaysia berkongsi pengalaman dalam bidang tertentu seperti pembasmian kemiskinan, pencapaian pendidikan dan peningkatan taraf kesihatan serta pengenalan kepada pendekatan pembangunan yang lebih menyeluruh.

13.45 Penubuhan Pusat Pembangunan Gender NAM di Malaysia akan membolehkan tindakan bersepadu di peringkat antarabangsa bagi memajukan dan memperkasa wanita melalui pendekatan pendidikan sepanjang hayat. Sehubungan ini, Pusat tersebut akan menjalankan pelbagai program termasuk bina upaya, pertukaran pendapat dan maklumat serta penyelidikan di samping kerjasama erat dengan organisasi dan institusi antarabangsa.

#### **IV. INSTITUSI PELAKSANA**

13.46 Dalam tempoh RMKe-9, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai agensi peneraju akan terus melaksanakan program untuk memajukan lagi wanita. Usaha tersebut akan dilengkapi dengan penyertaan kementerian utama yang lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta sektor swasta dan NGO.

#### **V. PENUTUP**

13.47 Dalam tempoh RMKe-8, wanita telah mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang pembangunan dengan peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan. Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan diambil untuk meningkatkan lagi taraf wanita bagi membolehkan pencapaian potensi mereka sepenuhnya dan menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Sehubungan ini, penekanan akan diberikan untuk mengarusperdanakan gender dan memasukkan pertimbangan gender ke dalam penggubalan dasar dan program. Penekanan juga akan diberikan bagi melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan serta mewujudkan persekitaran yang menggalakkan bagi menyokong dan memajukan lagi wanita.

# MENGUPAYAKAN BELIA UNTUK MASA HADAPAN

# 14

## I. PENDAHULUAN

14.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), program pembangunan belia yang bertujuan untuk melengkapkan belia dengan pengetahuan dan kemahiran yang perlu telah dilaksanakan bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran berikutan pembangunan ekonomi yang pesat serta globalisasi. Tumpuan juga diberi bagi memupuk nilai dan sikap yang positif serta menanam semangat cintakan negara di kalangan belia.

14.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), teras pembangunan belia akan memberi penekanan kepada usaha mengupayakan belia bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat, memupuk perpaduan serta membina nusa dan bangsa. Sehubungan ini, program akan dilaksanakan secara meluas untuk mewujudkan golongan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik serta melengkapkan mereka dengan kemahiran keusahawanan dan pengetahuan. Penekanan juga akan diberi kepada usaha membangun individu berwibawa yang mempunyai nilai kerohanian dan moral yang tinggi bagi melahirkan personaliti unggul.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

14.03 Program pembangunan belia yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-8 adalah bertujuan meningkatkan peranan dan penyertaan belia dalam pembangunan negara. Program ini termasuk pendidikan dan latihan kemahiran serta pada masa yang sama memupuk disiplin dan semangat berdikari, semangat bekerjasama dalam masyarakat serta membina kualiti kepimpinan di kalangan belia.

### **Belia dan Guna Tenaga**

14.04 Golongan belia yang terdiri daripada mereka dalam kumpulan umur 15-39 tahun merupakan 41.5 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun

2005. Dalam tempoh Rancangan, golongan belia telah meningkat pada kadar purata 2.4 peratus setahun daripada 9.85 juta pada tahun 2000 kepada 11.10 juta pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 14-1*.

JADUAL 14-1

**JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR, 2000-2010**

Kumpulan Umur	Juta Orang			% daripada Jumlah		
	2000	2005	2010	2000	2005	2010
0-14	8.00	8.72	9.18	34.0	32.6	31.7
15-39	9.85	11.10	11.65	42.0	41.5	40.2
Lebih daripada 39	5.64	6.93	8.13	24.0	25.9	28.1
<b>Jumlah</b>	<b>23.49</b>	<b>26.75</b>	<b>28.96</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

14.05 Jumlah belia yang bekerja pada tahun 2005 adalah 6.67 juta atau 60.3 peratus daripada jumlah belia berbanding dengan 6.16 juta atau 62.9 peratus pada tahun 2000. Kebanyakan belia bekerja di sektor pembuatan selaras dengan peluang yang semakin luas dalam sektor ini, iaitu 24.0 peratus pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 14-2*. Sektor berikutnya ialah perdagangan borong dan runcit serta hotel dan restoran, pada 23.8 peratus diikuti oleh perkhidmatan lain pada 18.9 peratus.

JADUAL 14-2

**GUNA TENAGA BELIA MENGIKUT SEKTOR, 2000 DAN 2005**

Sektor	'000 Orang		% daripada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	2000	2005	2000	2005	RMKe-8
Pertanian, Perhutanan, Penternakan & Perikanan	770.9	751.1	12.5	11.3	-0.5
Perlombongan & Kuari	17.9	21.2	0.3	0.3	3.4
Pembuatan	1,731.0	1,603.5	28.1	24.0	-1.5
Elektrik, Gas & Air	25.7	29.2	0.4	0.4	2.6
Pembinaan	498.7	598.6	8.1	9.0	3.7
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	351.4	493.4	5.7	7.4	7.0
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	266.4	326.0	4.3	4.9	4.1
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel & Restoran	1,197.1	1,588.8	19.4	23.8	5.8
Perkhidmatan Lain	1,303.6	1,259.5	21.2	18.9	-0.7
<b>Jumlah</b>	<b>6,162.7</b>	<b>6,671.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>1.8</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

14.06 Mengikut kategori pekerjaan, peratusan belia yang bekerja dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal meningkat daripada 12.0 peratus pada tahun 2000 kepada 18.7 peratus pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 14-3*. Di samping itu, peratusan belia yang bekerja dalam kategori pentadbiran dan pengurusan meningkat sebanyak 2.8 peratus manakala belia yang bekerja dalam kategori perkeranian dan pekerjaan berkaitan berkurangan sebanyak 1.6 peratus dalam tempoh yang sama, kesan daripada pencapaian pendidikan yang lebih tinggi di kalangan belia.

JADUAL 14-3  
**GUNA TENAGA BELIA MENGIKUT PEKERJAAN,  
2000 DAN 2005**

<i>Pekerjaan</i>	<i>'000 Orang</i>		<i>% daripada Jumlah</i>		<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)</i>
	<i>2000</i>	<i>2005</i>	<i>2000</i>	<i>2005</i>	<i>RMKe-8</i>
Pekerja Profesional, Teknikal & Berkaitan	736.6	1,248.8	12.0	18.7	11.1
Pekerja Pentadbiran & Pengurusan	223.9	425.5	3.6	6.4	13.7
Pekerja Perkeranian & Berkaitan	779.1	736.7	12.6	11.0	-1.1
Pekerja Perkhidmatan, Jualan & Berkaitan	1,430.7	1,023.9	23.2	15.3	-6.5
Pekerja Pertanian	764.9	654.7	12.4	9.8	-3.1
Pekerja Pengeluaran & Berkaitan	2,228.0	2,581.7	36.2	38.7	3.0
<b>Jumlah</b>	<b>6,163.2</b>	<b>6,671.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>1.6</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

### **Program Pembangunan Belia**

14.07 Program pembangunan belia seperti latihan kepemimpinan dan kemahiran serta kemahiran keusahawanan telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian melalui persatuan belia dengan kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Bagi memperkukuh pengurusan dan keupayaan pelaksanaan agensi sektor awam yang bertanggungjawab kepada pembangunan belia, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional telah dilancarkan pada tahun 2004. Pelan Tindakan ini memberi penekanan kepada 11 unsur teras dalam pembangunan belia yang merangkumi kesejahteraan sosioekonomi, bina upaya, kualiti kepemimpinan, penyertaan dalam Program Rakan Muda, integrasi sosial dan kesedaran politik di kalangan belia.



## *Latihan Kepemimpinan*

14.08 Selaras dengan objektif untuk membentuk generasi belia yang dinamik dan berhemah tinggi seperti berdisiplin, bersikap positif dan beretika baik, program latihan kepemimpinan dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Dalam tempoh Rancangan, seramai 380,090 belia menyertai program latihan kepemimpinan di pelbagai institusi latihan kemahiran belia. Sekolah dan institusi pendidikan tinggi terus menyediakan program latihan kepemimpinan meliputi aspek seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berunding, teknik interaksi sosial dan aspek pembangunan sahsiah diri yang lain. Program ini juga disediakan kepada belia di luar bandar termasuk di skim pembangunan tanah. Seramai 24,500 belia luar bandar menyertai program latihan kepemimpinan yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

14.09 Dalam tempoh Rancangan, pendekatan baru telah diguna pakai untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Program Rakan Muda. Pendekatan ini termasuk perancangan serta pelaksanaan aktiviti dan program melalui perundingan dengan belia bagi memenuhi harapan dan keperluan mereka. Di samping itu, sebilangan Penggerak Rakan Muda telah dilantik bagi menggalakkan penyertaan belia di peringkat akar umbi dalam program ini. Sebanyak 10 Pusat Rakan Muda di peringkat negeri dan daerah telah siap dibina dalam tempoh Rancangan yang memudahkan dan meningkatkan pelaksanaan program ini.

14.10 Bagi menanam semangat perpaduan dan patriotik di kalangan belia, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah dilaksanakan pada tahun 2003. Program selama tiga bulan ini juga bertujuan untuk membentuk belia negara daripada pelbagai bangsa menjadi pemimpin generasi masa hadapan dengan nilai yang sempurna dan keperibadian yang utuh. Modul latihan meliputi bidang seperti kecergasan fizikal dan ketahanan diri, peranan dan tanggungjawab mereka dalam membina nusa dan bangsa, asas untuk menjadi warganegara yang baik dan mengamalkan sikap bertanggungjawab dengan penekanan terhadap membina sahsiah diri. Pada akhir tempoh Rancangan, seramai 135,700 belia telah dilatih di 76 kem latihan yang ditubuhkan di seluruh negara.

14.11 Belia digalakkan menyertai persatuan belia bagi membolehkan mereka terlibat dalam proses membuat keputusan. Bilangan persatuan belia telah meningkat daripada 5,500 pada tahun 2000 kepada 8,000 pada tahun 2005 manakala keahlian persatuan meningkat daripada 2.2 juta kepada 2.8 juta dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, bilangan ini hanya merupakan 26 peratus daripada golongan belia dalam kumpulan umur 15-39 tahun. Keadaan ini menunjukkan perlu adanya usaha untuk menggalak lebih banyak penyertaan belia dalam persatuan. Bagi membolehkan perancangan dan pengurusan program pembangunan belia yang lebih berkesan, keahlian Majlis Perundingan Belia

Negara (MPBN) diperluas bermula pada tahun 2004. Sehubungan ini, perwakilan dalam MPBN tidak dihadkan kepada pemimpin persatuan belia sahaja tetapi diperluas kepada kumpulan lain seperti ahli akademik, politik dan usahawan.

14.12 Melalui perwakilan dan penyertaan dalam program belia di peringkat antarabangsa, pemimpin belia mendapat pendedahan yang lebih baik dan pengetahuan yang lebih luas bagi membantu membangunkan kualiti kepimpinan dan kemahiran mereka. Sehubungan ini, kira-kira 1,250 pemimpin belia menghadiri seminar dan persidangan serta menyertai khemah kerja di peringkat serantau dan antarabangsa dalam tempoh Rancangan. Pemimpin belia juga terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan di bawah Program Pertukaran Belia Antarabangsa, dengan itu mendedahkan mereka kepada pembangunan di negara peserta seperti Cambodia, Indonesia, Jepun, Korea, Thailand dan United Kingdom. Dalam tempoh Rancangan, lebih daripada 5,000 belia menyertai Program ini.

#### *Latihan Kemahiran*

14.13 Latihan kemahiran terus disediakan bagi memenuhi permintaan mendapatkan pekerja dalam sektor pembuatan dan pembinaan serta yang terlibat dalam sektor perkhidmatan seperti hospitaliti serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pelbagai institusi latihan kemahiran seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Giat MARA telah menyediakan latihan kepada 246,030 belia dalam tempoh Rancangan. Daripada jumlah ini, seramai 137,940 belia telah dilatih di peringkat diploma dan sijil dalam bidang seperti kejuruteraan elektrik dan mekanikal, kejuruteraan awam, elektronik, automotif dan seni foto. Melalui latihan tidak formal, seramai 108,090 belia telah dilatih dalam kursus seperti motor mekanik, penyenggaraan komputer, rekaan fesyen, jahitan, bakeri dan dandan rambut. Di samping itu, latihan dalam *soft skills* juga disediakan meliputi mata pelajaran seperti komunikasi antara perorangan, komunikasi bahasa Inggeris yang berkesan dan ICT bagi meningkatkan peluang mereka mendapat pekerjaan.

14.14 Institusi latihan swasta juga menawarkan pelbagai kursus kemahiran kepada belia. Kursus tersebut meliputi teknologi pengeluaran dan ICT daripada peringkat asas hingga peringkat lanjutan. Dalam tempoh Rancangan, seramai 130,000 belia dilatih di institusi latihan kemahiran swasta. Di samping itu, kerjasama dengan syarikat di sektor swasta telah menyediakan peluang yang lebih luas kepada belia untuk mendapat pendedahan dan latihan kemahiran dalam bidang seperti automotif, pendingin udara, pembuatan perabot dan landskap.

#### *Pembangunan Keusahawanan*

14.15 Program pembangunan keusahawanan dilaksanakan bagi memupuk potensi keusahawanan di kalangan belia dan untuk membolehkan mereka menyertai perniagaan secara aktif serta menggalakkan mereka bekerja sendiri. Bagi mencapai

tujuan ini, Majlis Amanah Rakyat dan institusi latihan seperti Institut Keusahawanan Belia Negara menganjurkan latihan, seminar dan kursus jangka pendek serta menyediakan khidmat nasihat kepada usahawan muda dan baru. Dalam tempoh Rancangan, seramai 79,740 belia di peringkat negeri dan daerah mendapat manfaat daripada program ini.

14.16 Langkah telah diambil bagi memupuk semangat dan budaya keusahawanan di kalangan pelajar di sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Program Usahawan Muda yang melibatkan penubuhan Kedai Koperasi dilaksanakan di sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Aktiviti kokurikulum yang menggabungkan unsur keusahawanan juga dilaksanakan. Di bawah Program Pembangunan Usahasiswa, seramai 32,470 penuntut di institusi pendidikan tinggi awam telah menyertai pelbagai aktiviti perniagaan seperti Kelab Keusahawanan Desasiswa dan Pasar Pelajar.

14.17 Menyedari bahawa penggunaan ICT boleh meningkatkan produktiviti, pelbagai usaha telah diambil bagi menggalak usahawan muda menggunakan lebih banyak aplikasi berintensifkan pengetahuan dalam perniagaan mereka. Sehubungan ini, Program Pembangunan Usahawan Belia ICT dianjurkan dalam tempoh Rancangan dan telah memberi manfaat kepada 25,710 belia. Dalam program ini, kursus celik komputer, perisian dan pensijilan sains komputer serta seminar mengenai pembangunan keusahawanan telah dianjurkan bagi membangun dan meningkatkan pengetahuan serta kefahaman tentang aplikasi ICT di kalangan usahawan muda.

#### *Program Pencegahan dan Pemulihan*

14.18 Masalah sosial seperti kes penagihan dadah, sumbang mahram dan rogol menunjukkan peningkatan dalam tempoh Rancangan. Penagihan dadah di kalangan belia meningkat daripada 24,940 kes pada tahun 2001 kepada 41,684 kes pada tahun 2005 manakala kes rogol meningkat daripada 662 pada tahun 2001 kepada 919 pada tahun 2005. Menyedari mengenai masalah penagihan dadah yang serius dan hubung kaitnya dengan gejala sosial dan jenayah, program pencegahan dan pemulihan terus dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan dan NGO untuk menangani masalah sosial di kalangan belia seperti melepak, kegiatan samseng, keganasan, buli, penyalahgunaan dadah, tidak berdisiplin dan kelakuan lain yang tidak berhemah. Program ini termasuk penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Membanteras Gejala Dadah untuk memastikan penyelarasan dan pelaksanaan usaha untuk membasmi penyalahgunaan dadah adalah berkesan.

14.19 Dalam tempoh Rancangan, langkah juga telah diambil bagi menambah baik program pemulihan di Pusat Serenti di seluruh negara. Kempen kesedaran dan pameran telah dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama orang ramai

dalam mengurangkan masalah dadah khususnya di kalangan belia dan pelajar. Usaha ini termasuk kempen Belia Benci Dadah yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama persatuan belia dan kempen Katakan Tidak Pada Dadah yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Badan sukarela seperti Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia (PEMADAM) dan Persatuan Bekas-Bekas Penagih Malaysia (PENGASIH) turut memainkan peranan penting dalam pemulihan penagih dadah dengan menyediakan kaunseling dan bimbingan kerohanian.

### III. PROSPEK, 2006-2010

14.20 Program pembangunan belia dalam tempoh RMKe-9 akan memberi penekanan kepada mengupayakan belia bagi membolehkan mereka lebih terlibat dalam membina nusa dan bangsa, memperkukuh perpaduan nasional dan integrasi sosial serta menjadi belia contoh dalam masyarakat. Usaha akan diambil untuk melengkapkan belia dengan kualiti dan kemahiran yang perlu bagi memastikan mereka mempunyai masa hadapan yang lebih baik dan bersedia menghadapi pembangunan ekonomi yang pesat dan perubahan persekitaran. Sehubungan ini, dasar dan program pembangunan belia akan diorientasi semula bagi mempertingkatkan keberkesanannya. Teras strategik untuk pembangunan belia adalah seperti berikut:

- ❑ *mengupayakan belia untuk masa hadapan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan;*
- ❑ *meningkatkan penyertaan belia dalam organisasi belia;*
- ❑ *memupuk semangat persaingan di kalangan belia;*
- ❑ *memperkukuh rangka kerja perundangan program pembangunan belia; dan*
- ❑ *menggalak perpaduan negara dan integrasi sosial.*

#### **Belia dan Guna Tenaga**

14.21 Dalam tempoh Rancangan, golongan belia dijangka meningkat pada kadar purata sebanyak 1.1 peratus setahun, daripada 11.10 juta pada tahun 2005 kepada 11.65 juta pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 14-1*. Bagi memenuhi permintaan ekonomi berasaskan pengetahuan dan mengambil kira peranan belia dalam pembangunan negara, mereka akan digalak untuk terus meningkatkan tahap pengetahuan serta membina pemikiran dan sikap yang positif serta kepemimpinan dan kemahiran keusahawanan. Bagi tujuan ini, belia akan disediakan peluang yang lebih luas untuk mendapatkan pendidikan dan latihan seterusnya membangunkan mereka untuk menjadi lebih berbakat, inovatif, kreatif dan cemerlang dalam bidang yang dipilih.

14.22 Peratusan belia dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal dijangka lebih tinggi dengan bertambahnya bilangan siswazah dalam bidang profesional dan teknikal daripada institusi pendidikan tinggi dan bilangan lepasan institusi latihan kemahiran serta peningkatan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Guna tenaga belia sebagai pekerja mahir juga akan meningkat berikutan permintaan yang tinggi terhadap pekerja ini.

### **Program Pembangunan Belia**

14.23 Dalam tempoh Rancangan, program pembangunan belia akan memberi tumpuan yang lebih kepada belia dalam kumpulan umur 15-30 tahun. Bagi mengupayakan belia untuk terlibat secara aktif dalam pembangunan nusa dan bangsa, peluang mereka untuk mendapat pendidikan dan latihan akan terus dipertingkatkan manakala latihan kepemimpinan dan kemahiran, pembangunan keusahawanan dan program gaya hidup sihat akan dilaksanakan secara lebih meluas. Di samping itu, keyakinan diri, disiplin dan unsur positif lain dalam pembentukan sahsiah diri akan digabungkan dalam program ini. Langkah juga akan diambil untuk meningkatkan akses kepada program pembelajaran sepanjang hayat melalui pendidikan jarak jauh dan tidak formal sebagai satu usaha untuk meningkatkan peluang mendapat pekerjaan dan kualiti hidup mereka.

14.24 Akta Belia Negara akan digubal bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan belia dan untuk membantu dan menggalakkan penyertaan lebih ramai belia dalam persatuan belia. Akta ini akan menggabungkan peranan antara kementerian dalam pembangunan belia untuk memastikan program belia dilaksanakan secara lebih bersepadu, selaras dan bersinergi. Bagi membolehkan Kerajaan merancang dan melaksanakan program pembangunan belia yang mempunyai sasaran khusus dengan lebih berkesan, profil mengenai belia akan dibangunkan. Di samping itu, Institut Penyelidikan Belia Negara akan diwujudkan dengan menggunakan kemudahan sedia ada untuk menjalankan penyelidikan dalam enam bidang, iaitu memasyarakatkan belia, agama dan budaya, potensi belia dan integriti, belia berpersatuan, kepemimpinan dan kesukarelaan, belia dan pendidikan serta belia dan kesedaran politik.

14.25 Pelaksanaan program pembangunan belia dalam tempoh Rancangan akan melibatkan penyertaan aktif sektor swasta, NGO dan persatuan belia bagi melengkapkan usaha sektor awam. NGO dan persatuan belia akan diberi kepercayaan untuk menggembleng belia bagi memenuhi objektif memelihara perpaduan negara serta kestabilan ekonomi dan sosiopolitik memandangkan pentingnya peranan belia dalam membina nusa dan bangsa untuk masa hadapan. Sehubungan ini, program bersama antara sektor awam dan swasta akan dianjurkan dengan mensasarkan penyertaan belia pelbagai bangsa.

### *Latihan Kepemimpinan*

14.26 Dalam tempoh Rancangan, usaha berterusan akan dilaksanakan untuk membina generasi baru pemimpin muda sebagai penggerak utama pembangunan. Sehubungan ini, kurikulum program latihan kepemimpinan akan diperkukuh supaya lebih proaktif dan sesuai dengan keperluan masa hadapan. Dianggarkan seramai 100,000 belia termasuk pemimpin NGO akan dilatih di bawah program ini.

14.27 Kerajaan akan terus membangun dan menyemai kualiti kepemimpinan di kalangan belia melalui kursus dan latihan yang dijalankan mengenai nilai murni dan sikap positif. Kursus khas mengenai nilai juga akan dijalankan untuk membentuk belia sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan menjadi belia contoh dalam masyarakat. Kesedaran yang lebih terhadap kepentingan peranan belia dalam memupuk dan mendorong perpaduan ke arah membina rakyat Malaysia yang bersatu padu akan diberi keutamaan dalam program latihan kepemimpinan. Bagi membendung polarisasi kaum di kalangan belia, lebih banyak persatuan belia pelbagai kaum akan ditubuh untuk meningkatkan interaksi sesama mereka. Di samping itu, nilai moral yang baik seperti kesefahaman, harmoni, hormat budaya dan tradisi kaum lain, muhibah dan amanah juga akan dipupuk di kalangan belia untuk memperkukuh usaha membina nusa dan bangsa. Sektor swasta juga akan digalakkan untuk menyumbang kepada latihan belia sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka. Lebih banyak penyertaan aktif belia di peringkat antarabangsa akan digalakkan melalui institusi antara kerajaan dan institusi bukan kerajaan.

14.28 Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan Program Rakan Muda akan diperkukuh untuk memberi penekanan kepada kumpulan sasar khusus, terutamanya belia yang berada di luar sistem pendidikan dan belia yang menganggur kerana mereka merupakan golongan yang lebih mudah terpengaruh untuk terlibat dalam aktiviti negatif dan tidak sihat. Sehubungan ini, Program Rakan Muda akan memberi tumpuan kepada usaha mewujudkan belia contoh yang penyayang, mahir dan dinamik. Di samping itu, Program Rakan Muda juga akan memberi penekanan untuk menggalakkan kerjasama di kalangan agensi yang terlibat dalam agenda sosial. Dengan kerjasama Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Program Rakan Muda Jiran Muda akan disasarkan kepada mereka yang berumur di bawah 15 tahun dan bertujuan untuk membangunkan nilai positif serta menghindarkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti tidak sihat. Kira-kira 300,000 kanak-kanak akan terlibat dalam program ini. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Program Rakan Muda, lebih ramai Penggerak Rakan Muda akan dilantik untuk menarik minat lebih ramai belia menyertai program ini.

14.29 Usaha juga akan diambil untuk bekerjasama dengan sektor swasta dan NGO bagi menggalakkan lebih ramai pekerja mereka menyertai Program Rakan Muda. Sehubungan ini, pusat Rakan Muda baru akan dibina, terutamanya di kawasan bandar dan perindustrian untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi serta khidmat kaunseling dan nasihat kepada belia dalam kumpulan ini.

14.30 Satu program baru, Program Memperkasakan Tenaga Muda akan dilaksanakan terutama untuk belia yang tidak terpilih menyertai PLKN. Aktiviti dan modul di bawah PLKN akan dilaksanakan untuk memastikan mereka yang tidak terpilih menyertai PLKN mendapat pendedahan kepada program yang sama. Sebagai persediaan yang lebih baik kepada pelajar untuk menyertai PLKN, Kerajaan akan menyepadukan program ini dalam kokurikulum dan kurikulum di sekolah menengah. Peserta PLKN akan digalakkan menyertai Program Rakan Muda untuk terus memupuk semangat kesukarelaan dan kesepakatan di kalangan mereka.

*Latihan Kemahiran*

14.31 Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam negara, program latihan kemahiran yang lebih komprehensif untuk belia akan dilaksanakan. Program latihan kemahiran akan diperluas bagi merangkumi bidang baru seperti penyenggaraan bangunan dan pesawat serta pengurusan hotel selain memperkenalkan program teknikal dan vokasional yang baru. Latihan dalam *soft skills* seperti komunikasi berkesan, hospitaliti, kemahiran pemikiran kreatif dan pengurusan perniagaan akan diberi penekanan yang lebih. Bagi mencapai tujuan ini, kolej komuniti, institut latihan perindustrian dan institusi latihan kemahiran baru akan dibina manakala infrastruktur dan kemudahan latihan sedia ada akan dinaik taraf. Langkah ini akan menyediakan tempat latihan kepada kira-kira 300,000 belia dalam tempoh Rancangan. Bagi meningkatkan peluang mendapat pekerjaan di kalangan belia di luar bandar, peluang latihan kemahiran akan dipertingkatkan, terutamanya untuk belia daripada skim pembangunan tanah.

14.32 Kerajaan akan terus menggalakkan sektor swasta untuk menyediakan latihan kemahiran kepada belia melalui kerjasama dan menjalin perkongsian strategik. Melalui pendekatan ini, kursus yang sesuai dengan keperluan industri akan dikenal pasti dan dilaksanakan bagi memberi pengalaman dan kemahiran sambil bekerja yang akan meningkatkan peluang mereka mendapat pekerjaan. Sehubungan ini, program latihan yang dilaksanakan di bawah Skim Perantisan Hotel dan Program Latihan Kemahiran Tidak Formal akan dipergiat. Seramai 150,000 belia akan dilatih dalam tempoh Rancangan.

### *Pembangunan Keusahawanan*

14.33 Selaras dengan objektif untuk mewujudkan dan menubuhkan komuniti belia perdagangan dan perindustrian, peluang perniagaan yang baru akan disediakan kepada belia melalui kerjasama strategik dengan syarikat swasta dan entiti yang telah diswastakan. Belia akan terus dilatih untuk mengambil peluang daripada program pembangunan francais dan vendor sedia ada, pemasaran di bawah konsep payung dan skim modal teroka syarikat besar.

14.34 Bagi membantu belia dalam perniagaan, seminar dan kursus mengenai kewangan dan pengurusan perniagaan, peluang perniagaan dan motivasi akan dijalankan. Program ini akan memberi pendedahan kepada belia untuk memulakan perniagaan dan menggalakkan mereka bekerja sendiri terutamanya di kalangan siswazah yang baru tamat pengajian.

14.35 Program Pembangunan Belia Tani akan diperkenalkan dalam tempoh Rancangan untuk terus menggalak dan menarik minat lebih ramai belia melaksanakan projek dalam sektor pertanian. Pelaksanaan program ini meliputi penubuhan perniagaan berasaskan pertanian dan menggalakkan penggunaan teknologi moden seterusnya mewujudkan generasi petani muda yang baru dan moden. Komponen program meliputi latihan dan khidmat nasihat kepada belia untuk melaksanakan aktiviti perdagangan berasaskan pertanian. Dianggarkan kira-kira 1,000 usahawan tani di kalangan belia akan diwujudkan dalam tempoh Rancangan.

14.36 Dengan peningkatan aplikasi ICT dalam perniagaan, Program Pembangunan Usahawan ICT untuk belia akan terus dilaksanakan dalam tempoh Rancangan. Kandungan program termasuk kursus dan seminar dalam celik komputer serta pensijilan sains komputer, pembangunan IT dan program galakan. Seramai 50,000 belia dijangka mendapat manfaat daripada program ini.

### *Program Pencegahan dan Pemulihan*

14.37 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada program pencegahan dan pemulihan untuk menangani masalah sosial di kalangan belia. Kerjasama erat antara masyarakat setempat dengan agensi kerajaan untuk membanteras jenayah di kalangan belia akan diwujudkan. Di samping itu, program latihan untuk belia yang berisiko tinggi terlibat dalam jenayah akan dilaksanakan untuk mendidik mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab.



14.38 Usaha yang bersepadu akan diambil untuk menangani penagihan dan pengedaran dadah di kalangan belia. Sehubungan ini, program kesedaran akan diperhebat termasuk kempen Belia Benci Dadah. Sebilangan besar pemimpin agama akan dilantik untuk menyemai nilai positif dan kerohanian di kalangan belia, terutamanya mengenai kesan negatif penyalahgunaan dadah dan tingkah laku yang menyimpang. Di samping itu, pendekatan baru bagi mendekati dan membantu kumpulan belia ini akan diguna pakai bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program pencegahan dan pemulihan.

14.39 Pendidikan tentang pencegahan dan penyebaran maklumat mengenai dadah akan diadakan untuk mengurangkan bilangan penagih dadah dan meningkatkan penyertaan komuniti dalam usaha pencegahan dan rawatan pemulihan. Penambahbaikan program pemulihan dan latihan akan dilaksanakan untuk meningkatkan peluang mendapat pekerjaan kepada bekas penagih serta mengurangkan kes penagihan semula. Lebih banyak pusat perkhidmatan akan ditubuh bagi menyediakan kaunseling kepada individu, kumpulan dan keluarga. Pusat ini akan menjadi fokus utama integrasi antara agensi Kerajaan dengan NGO dalam mewujudkan satu persekitaran yang kondusif untuk penagih dadah kembali ke pangkuan masyarakat.

14.40 Satu kempen bersepadu menentang kegiatan samseng dan kongsi gelap di kalangan pelajar yang melibatkan Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Polis serta PIBG akan dilancarkan sebagai sebahagian daripada pendekatan jangka panjang bagi menangani masalah disiplin di sekolah. Di samping itu, pertubuhan sukarela seperti PEMADAM, PENGASIH serta pertubuhan sosial lain dan pertubuhan agama akan digalakkan untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam program pencegahan dan pemulihan.

#### **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

14.41 Pelbagai program latihan kemahiran dan kepemimpinan yang bertujuan mengupayakan belia akan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Sumber Manusia. Sehubungan ini, sejumlah RM5.3 bilion akan diperuntukkan di bawah RMKe-9, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 14-4*. Daripada jumlah ini, 75.1 peratus atau RM4.1 bilion akan diperuntukkan untuk latihan kemahiran manakala 9.3 peratus atau RM509.5 juta akan diperuntukkan untuk latihan pengurusan.

JADUAL 14-4

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK  
PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA, 2001-2010**  
(RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Latihan Kepemimpinan	63.5	115.5
Latihan Kemahiran	3,930.6	4,103.6
Latihan Perniagaan	158.6	179.5
Latihan Pengurusan	361.7	509.5
Pembangunan Keusahawanan	40.1	20.0
Rakan Muda	304.5	334.0
Pencegahan dan Pemulihan	96.7	199.4
<b>Jumlah</b>	<b>4,955.7</b>	<b>5,461.5</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

14.42 Program pembangunan belia dalam tempoh RMKe-8, ditumpukan kepada melahirkan generasi muda yang produktif dan berdisiplin. Matlamat ini telah dicapai melalui pelaksanaan pelbagai program latihan kemahiran dan kepemimpinan di IKBN dan pelbagai institusi latihan lain. Dalam tempoh RMKe-9, program pembangunan belia akan terus memberi tumpuan kepada latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan bagi menggalakkan belia bekerja sendiri. Mereka akan dilatih menjadi belia yang berdaya tahan dan berupaya menghadapi cabaran dalam persekitaran yang bersaing melalui latihan pekerjaan dan pendedahan kepada situasi kerja sebenar. Program kepemimpinan belia akan memberi penekanan kepada peranan mereka dalam masyarakat dan membina perpaduan negara dengan satu hasrat yang dikongsi bersama.



# MEMUPUK PEMBANGUNAN KELUARGA DAN MASYARAKAT

# 15

## I. PENDAHULUAN

15.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), program pembangunan keluarga dan masyarakat dilaksanakan selaras dengan objektif mewujudkan masyarakat penyayang yang menyokong pembangunan sektor lain dalam ekonomi. Pelaksanaan program tersebut menyumbang ke arah meningkatkan kebajikan rakyat dan kualiti hidup yang lebih baik.

15.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pelaksanaan program pembangunan keluarga dan masyarakat akan memberi penekanan yang lebih kepada membina keluarga yang berdaya tahan bagi mencapai keseimbangan yang optimum antara pertumbuhan kebendaan dan pembangunan masyarakat. Sehubungan ini, usaha ke arah memperkukuh unit kekeluargaan, meningkatkan penyertaan masyarakat dan peranan masyarakat umum serta badan bukan kerajaan (NGO) ke arah memupuk masyarakat yang lebih bertolak ansur dan penyayang akan dilaksanakan. Usaha bersepadu akan diambil untuk memupuk perpaduan dan integrasi yang lebih kukuh di kalangan rakyat Malaysia bagi memastikan kestabilan sosial.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

15.03 Dalam tempoh RMKe-8, Kerajaan terus melaksanakan program pembangunan masyarakat bertujuan memperkukuh unit kekeluargaan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat termasuk kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua. Program pembangunan keluarga memberi tumpuan ke arah membina hubungan kekeluargaan yang baik dan mewujudkan kesedaran serta mengiktiraf keluarga sebagai satu unit penting dalam institusi sosial. Kebajikan dan perlindungan kanak-kanak terus diberi penekanan manakala kemudahan untuk orang kurang upaya dan warga tua dipertingkat dan diperluas bagi memastikan penjagaan yang berkualiti. Program pembangunan masyarakat dilaksanakan dengan penyertaan NGO dan sektor swasta.

## **Pembangunan Keluarga**

15.04 Usaha telah diambil bagi memperkukuh unit kekeluargaan sebagai asas untuk mewujudkan masyarakat aman, makmur dan stabil. Penubuhan majlis pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat di setiap negeri membolehkan program pembangunan keluarga dilaksanakan secara bersepadu di peringkat akar umbi. Sehubungan ini, pelbagai program dan aktiviti pencegahan dan sokongan dilaksanakan dengan kerjasama NGO, sektor swasta serta institusi pendidikan dan latihan. Aktiviti tersebut bertujuan mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan dan manfaat keluarga bahagia dan harmoni serta membantu keluarga menghadapi perubahan persekitaran kehidupan.

15.05 Kempen Utamakan Keluarga dilancarkan di peringkat kebangsaan dan negeri pada tahun 2003 bertujuan mewujudkan kesedaran dan mengiktiraf keluarga sebagai keutamaan sosial dan unit asas masyarakat yang perlu dilindungi dan disokong oleh komuniti dan negara. Kerajaan melaksanakan pelbagai dasar mesra keluarga bagi anggota perkhidmatan awam. Dasar tersebut termasuk pelaksanaan bekerja lima hari seminggu bagi membolehkan ibu bapa meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga, melanjutkan cuti menjaga isteri bersalin daripada tiga kepada tujuh hari dan menyediakan cuti ehsan selama tiga hari apabila berlaku kematian ahli keluarga terdekat.

15.06 Dalam tempoh Rancangan, pakej SMARTSTART yang menyediakan maklumat dan pengetahuan kepada pengantin baru mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing serta kepentingan memupuk hubungan perkahwinan telah diwujudkan. Pakej tersebut menyediakan maklumat dan nasihat mengenai tujuh bidang utama, iaitu persediaan perkahwinan, alam perkahwinan, kesihatan keluarga, kehamilan dan kelahiran, keibubapaan, mengurus pendapatan keluarga serta mengurus tekanan dan konflik. Di samping itu, modul latihan praperkahwinan yang seragam bertujuan mendidik mereka yang merancang untuk berkahwin mengenai peranan dan tanggungjawab dalam perkahwinan telah dibangunkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai pertubuhan agama dan NGO.

15.07 Kerajaan juga telah meluluskan penubuhan pusat latihan dan perkhidmatan keluarga setempat atau Kompleks KASIH Keluarga bagi menyediakan program dan perkhidmatan bertujuan mengukuhkan unit kekeluargaan termasuk kaunseling, kemahiran keibubapaan dan perkhidmatan kesihatan reproduktif. Sehubungan ini, sebuah kompleks siap dibina di Shah Alam, Selangor. Di samping itu, dua projek perintis pusat remaja dan belia dikenali sebagai *kafe@TEEN* ditubuhkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Butterworth, Pulau Pinang. *Kafe@TEEN* menyediakan maklumat dan pengetahuan mengenai seksualiti dan kesihatan reproduktif serta bimbingan dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan remaja.

## Kanak-Kanak

15.08 Usaha untuk memastikan perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak diteruskan bagi menjaga kebajikan dan kepentingan mereka. Sehubungan ini, Akta Kanak-Kanak 2001 digubal dengan menggabungkan Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991. Penggubalan Akta ini mengambil kira prinsip Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Akta tersebut mewajibkan pengamal perubatan, ahli keluarga dan penyedia perkhidmatan penjagaan kanak-kanak melaporkan kes penderaan kanak-kanak. Sehubungan ini, kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan meningkat daripada 1,036 pada tahun 2001 kepada 1,656 pada tahun 2005. Akta tersebut juga memberi penekanan kepada tanggungjawab dan penglibatan ibu bapa dalam pemulihan kanak-kanak dan menangani ketidakharmonian dalam keluarga melalui penyediaan bengkel interaktif. Mahkamah khas dikenali sebagai Mahkamah Kanak-Kanak yang diketuai oleh seorang majistret dengan dua penasihat daripada kalangan orang awam ditubuhkan pada tahun 2002 untuk mendengar kes berkaitan kanak-kanak.

15.09 Pelbagai usaha diambil untuk menangani isu keganasan terhadap kanak-kanak termasuk meningkatkan penyertaan masyarakat dalam melaksanakan program pencegahan dan pemulihan. Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah untuk memberi perkhidmatan terutamanya kepada keluarga dan kanak-kanak yang terdedah kepada keganasan di kawasan berkenaan. Perkhidmatan tersebut termasuk aktiviti berkaitan kanak-kanak, kaunseling untuk kanak-kanak dan ibu bapa, kursus keibubapaan serta penjagaan kanak-kanak bertujuan memberi sokongan psikologi dan motivasi. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 131 pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dengan keahlian aktif seramai 1,572 orang serta 135 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak ditubuhkan. Di samping itu, pasukan untuk Mengesan Penderaan Kanak-Kanak dan Kanak-Kanak Terabai (SCAN) ditubuhkan di hospital daerah dan negeri untuk menyelia dan memantau kes penderaan kanak-kanak yang dirujuk kepada hospital. Sejumlah 14 pasukan SCAN ditubuhkan di hospital negeri dan 690 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan.

15.10 Akta Pusat Jagaan Kanak-Kanak 1984 yang bertujuan memastikan standard minimum penjagaan kanak-kanak di pusat penjagaan dikaji semula pada tahun 2005 bagi menetapkan langkah penguatkuasaan yang lebih ketat dan meningkatkan kualiti penjagaan kanak-kanak. Di samping itu, sektor awam dan swasta digalakkan untuk menubuhkan kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja melalui penyediaan pelbagai insentif seperti pemberian bantuan secara langsung dan rebat cukai. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 86 pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar telah ditubuhkan di tempat kerja manakala seramai 3,197 penyedia khidmat penjagaan kanak-kanak diberi latihan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam mengendalikan pusat penjagaan kanak-kanak.

15.11 Kerajaan terus menyediakan institusi penjagaan untuk anak yatim serta anak yang ditinggalkan, didera dan diabaikan. Dalam tempoh Rancangan, tiga Rumah Kanak-Kanak yang baru dibina untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada 320 kanak-kanak. Di samping itu, tujuh Rumah Tunas Harapan ditubuhkan bagi membolehkan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan tinggal dalam suasana kekeluargaan. Rumah tersebut disediakan melalui perkongsian dan kerjasama dengan badan korporat, kerajaan negeri serta agensi lain yang berkaitan seperti Yayasan Kebajikan Kebangsaan, NGO dan organisasi berasaskan masyarakat yang memberi manfaat kepada 240 kanak-kanak.

15.12 Selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, usaha diambil untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai kanak-kanak dalam penggubalan dan proses membuat keputusan. Usaha bina upaya dan memperkasa kanak-kanak mengenai isu dan hak mereka telah diambil melalui program kesedaran dengan penyertaan seramai 163 kanak-kanak dalam tempoh Rancangan. Bagi memastikan suara mereka terus didengar, kanak-kanak juga turut dilibatkan dalam penilaian Pelan Tindakan Negara (NPA) pertama dan merangka NPA kedua bagi tempoh 2006–2020. NPA kedua mengambil kira elemen yang terkandung dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, iaitu keperluan hidup, perlindungan, pembangunan dan penyertaan kanak-kanak.

### **Orang Kurang Upaya**

15.13 Kerajaan terus menyediakan pelbagai program untuk menjaga dan membantu orang kurang upaya termasuk penyediaan kemudahan untuk membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal. Bagi memastikan orang kurang upaya mendapat akses kepada program tersebut, kempen untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran mengenai keperluan mendaftar orang kurang upaya telah dimulakan pada tahun 2001. Pada akhir tahun 2005, seramai 150,600 orang kurang upaya berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kerajaan juga menyediakan faedah seperti pemeriksaan kesihatan, pemberian ubat dan kemudahan wad di hospital kerajaan secara percuma, potongan tambang perjalanan, pengecualian cukai jalan, dokumen perjalanan percuma, tambahan pelepasan cukai pendapatan, potongan duti eksais bagi pembelian kenderaan nasional dan potongan harga bagi pembelian rumah kos rendah.

15.14 Usaha untuk membolehkan orang kurang upaya menyertai kegiatan masyarakat sekeliling dipergiatkan melalui program pemulihan berasaskan masyarakat melibatkan keluarga mereka dan masyarakat serta disokong oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Pelajaran dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam tempoh Rancangan, 313 pusat pemulihan berasaskan masyarakat ditubuhkan dan memberi manfaat kepada 8,453 orang kurang upaya.

15.15 Kerajaan terus menyediakan peluang latihan dan pekerjaan untuk membantu orang kurang upaya berdikari. Pusat Pemulihan dan Latihan Industri di Bangi menyediakan latihan kepada 703 orang kurang upaya dalam bidang komputer, mereka bentuk dan membuat pakaian, membuat peralatan prostetik dan *orthotic* serta kerusi roda. Sebanyak 30 peratus daripada pelatih menyertai pasaran pekerjaan manakala sebahagian lagi mendapat pekerjaan di bengkel terlindung yang diuruskan oleh Kerajaan dan NGO. Bagi menggalakkan orang kurang upaya terus bekerja untuk menyara hidup mereka dan keluarga, Elaun Pekerja Kurang Upaya bernilai RM200 sebulan disediakan mulai tahun 2004 kepada yang berpendapatan kurang daripada RM750 sebulan. Geran pelancaran dengan nilai maksimum RM2,700 seorang juga disediakan untuk membantu dan menggalakkan orang kurang upaya menceburi perniagaan kecil dengan geran tambahan disediakan untuk membesarkan perniagaan mereka.

15.16 Usaha telah diambil untuk menyediakan lebih banyak kemudahan mesra orang kurang upaya seperti kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kemudahan bebas dari halangan. Di bawah Program Perumahan Rakyat Bersepadu, pemaju perumahan dikehendaki memperuntukkan 10 peratus daripada rumah pangsa yang dibina dengan kelengkapan dan kemudahan yang sesuai untuk orang kurang upaya. Di samping itu, pengangkutan awam seperti rel transit ringan dan bas juga menyediakan kemudahan yang membolehkan orang kurang upaya bergerak dan menggunakannya tanpa halangan. Taman Sinar Harapan siap dibina di Jitra, Kedah menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak tujuh rumah menempatkan seramai 1,080 orang kurang upaya. Rumah tersebut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk perubatan pulih anggota, terapi pekerjaan, terapi muzik, pemulihan kesihatan serta kaunseling untuk membantu penghuni menjalani kehidupan yang lebih bermakna.

### **Warga Tua**

15.17 Menyedari implikasi sosioekonomi daripada pertambahan peratusan warga tua, program untuk warga tua diubah daripada pendekatan kebajikan kepada pendekatan pembangunan bagi memastikan warga tua terus aktif dan produktif. Program yang diperkenalkan memberi penekanan kepada penyertaan masyarakat termasuk menggalakkan gaya hidup sihat, aktiviti sosial dan rekreasi. Program tersebut juga menggalakkan sukarelawan di kalangan warga tua serta aktiviti antara generasi, program pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran hidup seperti ICT untuk membolehkan mereka terus memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Usaha ini selaras dengan Pelan Tindakan Negara Untuk Orang Tua yang digubal pada tahun 1989 yang bertujuan menyediakan masyarakat warga tua yang berdikari, mempunyai harga diri dan maruah yang tinggi.

15.18 Kerajaan terus mengambil langkah untuk menggalakkan ahli keluarga menjaga warga tua. Bagi membantu warga tua yang sihat dan aktif menikmati hidup yang lebih produktif semasa ahli keluarga bekerja, pusat penjagaan harian telah dibina. Dalam tempoh Rancangan, 15 pusat penjagaan telah dibina dan diurus oleh NGO yang memberi manfaat kepada 600 warga tua.

15.19 Pelbagai kemudahan dan keistimewaan untuk warga tua diperkenalkan dalam tempoh Rancangan termasuk penyediaan kaunter dan tempat duduk khas oleh agensi Kerajaan yang menawarkan khidmat kaunter manakala rebat sebanyak 50 peratus diberikan ke atas tambang perjalanan udara dan kereta api dalam negeri. Peluang pekerjaan untuk warga tua disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia yang membenarkan majikan menuntut 100 peratus rebat cukai ke atas kos latihan semula warga tua yang diambil bekerja.

15.20 Penyediaan perkhidmatan institusi untuk menjaga dan melindungi warga tua diteruskan dengan penubuhan sembilan rumah penjagaan dan dua rumah warga tua untuk mereka yang berpenyakit kronik. Di samping itu, dua Rumah Tunas Budi dibina dengan kerjasama sektor swasta yang menyediakan penjagaan untuk 40 warga tua. NGO telah melengkapkan usaha Kerajaan dalam menyediakan penjagaan institusi melalui penyediaan asrama dan pondok untuk warga tua bagi membolehkan mereka terus tinggal dalam komuniti mereka.

### **Badan Bukan Kerajaan**

15.21 Menyedari pentingnya peranan NGO dalam menyumbang kepada pembangunan sosial negara dan memperkukuh pembentukan masyarakat penyayang, Kerajaan terus menyediakan geran untuk membantu mereka melaksanakan pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan terutamanya kepada golongan masyarakat yang mudah terjejas kepada gejala sosial. Dalam tempoh Rancangan, geran kepada 210 NGO meningkat daripada RM14.9 juta pada tahun 2001 kepada RM34 juta pada tahun 2005 bagi melaksanakan kegiatan serta menjalankan program bina upaya kepada sukarelawan dan petugas dalam bidang penjagaan. Sejumlah 855 petugas telah dilatih untuk membolehkan mereka melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

### **Pembangunan Masyarakat**

15.22 Dalam tempoh Rancangan, program pembangunan masyarakat terus dilaksanakan di kawasan luar bandar dan bandar bertujuan memupuk kehidupan yang harmoni serta menyemai sikap penyayang dan nilai positif di kalangan pelbagai masyarakat. Di kawasan luar bandar, program pembangunan masyarakat dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi menyediakan peluang kepada penduduk terutamanya golongan termiskin untuk meningkatkan



status sosioekonomi mereka. Sejumlah 1,310 kelas prasekolah ditubuhkan bagi kanak-kanak luar bandar mendapat pendidikan formal memanfaatkan seramai 36,570 kanak-kanak.

15.23 Di kawasan bandar, program pembangunan masyarakat dilaksana untuk memupuk semangat kejiranan dan perpaduan negara. Program tersebut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Rukun Tetangga yang ditubuhkan dalam kawasan perumahan di seluruh negara. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 780 Jawatankuasa Rukun Tetangga ditubuhkan di kawasan bandar menjadikan jumlah keseluruhannya 3,065 jawatankuasa dengan keahlian lapan juta orang. Skop program Rukun Tetangga telah diperluas meliputi aktiviti jangkauan sosial yang memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran tertentu seperti kumpulan yang terpinggir dan mereka yang memerlukan bantuan termasuk orang kurang upaya, ibu tunggal, anak yatim serta bekas penagih dadah yang memerlukan perhatian dan penjagaan daripada masyarakat.

15.24 Bagi meningkatkan keberkesanan Jawatankuasa Rukun Tetangga, program latihan mengenai kepimpinan, pengurusan konflik, kemahiran asas mengenai rondaan secara sukarela dan kaunseling telah dianjurkan. Bagi membina budaya pembelajaran sepanjang hayat di kalangan masyarakat dan membentuk masyarakat berpengetahuan, ahli jawatankuasa juga digalakkan untuk menyertai program pembelajaran sepanjang hayat yang dikendalikan di Pusat Rukun Tetangga dan Pusat Aktiviti Perpaduan. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 42 Pusat Rukun Tetangga baru dan tiga Pusat Aktiviti Perpaduan dibina di seluruh negara. Bagi memupuk perpaduan negara dan integrasi di kalangan pelbagai kaum sejak kecil, kelas prasekolah perpaduan terus diwujudkan. Dalam tempoh Rancangan, 250 kelas prasekolah ditubuhkan menjadikan jumlah keseluruhan 1,396 memberi faedah kepada 38,040 kanak-kanak.

15.25 Dasar Sosial Negara (DSN) yang dilancarkan pada tahun 2003 menyediakan rangka kerja bagi kemajuan sosial dan pembangunan seimbang melalui usaha sinergi Kerajaan, sektor swasta, persatuan dan komuniti. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut, sebuah majlis antara kementerian telah ditubuh untuk memantau serta menilai pencapaian projek pembangunan sosial yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam memenuhi rangka kerja DSN. Pelaksanaan DSN diperkukuhkan dengan penubuhan Pusat Rujukan Sosial yang menyediakan khidmat kaunseling dan maklumat mengenai program pembangunan sosial bagi memenuhi keperluan rakyat. Di samping itu, pusat tersebut menjadi tempat mesyuarat di peringkat komuniti. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 47 Pusat Rujukan Sosial ditubuhkan di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan kepada 38,820 penduduk terutamanya di kawasan luar bandar.

### III. PROSPEK, 2006-2010

15.26 Dalam tempoh RMKe-9, penekanan akan terus diberi ke arah membina keluarga yang berdaya tahan dan membentuk masyarakat Malaysia yang lebih penyayang. Bagi tujuan ini, program pembangunan keluarga akan dilaksanakan terutamanya bagi meningkatkan lagi penyertaan masyarakat dalam memberi perhatian kepada kumpulan masyarakat yang mudah terjejas kepada gejala sosial. Sehubungan ini, usaha sektor awam akan dilengkapkan oleh sektor swasta dan NGO menerusi program perkongsian dan program bersama. Penekanan akan terus diberi kepada usaha memupuk perpaduan negara dan meningkatkan integrasi di kalangan rakyat Malaysia melalui program yang diperkukuh dan diselaraskan. Teras strategik dalam tempoh RMKe-9 adalah seperti berikut:

- ❑ *memperkukuhkan institusi kekeluargaan ke arah membentuk masyarakat yang lebih penyayang dan berdaya tahan;*
- ❑ *memperkukuhkan sistem penyampaian sokongan sosial;*
- ❑ *menggalakkan penglibatan yang lebih besar masyarakat tempatan dan NGO dalam usaha pembangunan sosial; dan*
- ❑ *meningkatkan pembangunan masyarakat dan perpaduan negara.*

#### **Pengukuhan Institusi Kekeluargaan**

##### *Pembangunan Keluarga*

15.27 Menyedari bahawa keluarga merupakan penentu utama bagi negara yang sihat, dinamik, produktif dan berdaya saing, program yang menyumbang ke arah pengukuhan unit kekeluargaan akan terus diberi penekanan. Memandangkan berlakunya perubahan terhadap struktur dan perhubungan kekeluargaan sebagaimana ditunjukkan oleh pertambahan peratusan keluarga nuklear dan yang mempunyai dwi-pendapatan, usaha yang lebih gigih akan diambil untuk memastikan peranan keluarga dikekalkan sebagai asas perhubungan sosial dan penstabil serta agen penjagaan kepada golongan muda dan tua. Bagi tujuan tersebut, Dasar Keluarga Negara akan digubal dengan matlamat untuk membangun dan memperkukuhkan institusi kekeluargaan serta mempromosi konsep mengutamakan keluarga. Dasar tersebut akan memastikan inisiatif kesejahteraan keluarga diambil kira dalam penyediaan semua dasar, undang-undang, program, perkhidmatan dan kemudahan.

15.28 Program pembangunan keluarga akan dikaji semula bagi membentuk pendekatan bersepadu yang mensasarkan peringkat pusingan hidup keluarga yang berbeza dan memenuhi keperluan setiap ahli serta memperkasakan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menghadapi cabaran kehidupan moden.

Sehubungan ini, usaha akan terus diambil bagi memperkukuhkan institusi kekeluargaan melalui pembangunan, pelaksanaan dan perluasan program pencegahan, sokongan dan pemulihan. Program tersebut akan memberi penekanan terhadap budaya saling menghormati, menjaga dan berkongsi sumber dan tanggungjawab di kalangan ahli keluarga. Bagi tujuan ini, modul berkaitan peranan datuk dan nenek akan dibangunkan. Modul ini akan memberi lebih penekanan kepada perhubungan antara generasi dan mengiktiraf peranan mereka dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan termasuk pemupukan dan pemeliharaan nilai tradisi, kebudayaan dan keagamaan. Di samping itu, usaha juga akan diambil untuk melaksanakan program latihan semula kaunselor supaya mereka dapat memperbaiki dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan secara berterusan.

15.29 Menyedari pertambahan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, langkah akan diambil bagi mewujudkan kesedaran dan memberi pengetahuan kepada ibu bapa mengenai kepentingan dan perlunya keseimbangan antara tanggungjawab kerja dengan keluarga. Sehubungan ini, program *Parenting@Work* akan dibangunkan berdasarkan modul pembangunan keluarga sedia ada bagi menyediakan bimbingan mengenai kemahiran keibubapaan, memastikan kestabilan dan keutuhan unit keluarga serta melengkapkan keluarga dalam menghadapi cabaran hidup moden. Pada peringkat awal, program ini akan dilaksanakan di semua agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

15.30 Usaha akan terus diambil bagi melaksanakan program yang memupuk keperibadian dan nilai kekeluargaan yang menyumbang ke arah keutuhan, integriti, kemantapan dan kesepaduan keluarga. Sehubungan ini, perkhidmatan dan program mesra keluarga yang menyumbang ke arah pengukuhan perkahwinan, pemupukan nilai kekeluargaan dan perkongsian sumber, tanggungjawab dan tugas yang saksama akan dilaksanakan. Kursus praperkahwinan akan dijalankan secara lebih meluas kepada pasangan yang akan berkahwin untuk mendidik mereka mengenai peranan dan tanggungjawab serta memastikan mereka bersedia untuk berkahwin. Keluarga yang rapuh dan terpinggir akan terus diberi keutamaan supaya mereka dapat memikul tanggungjawab keluarga dan masyarakat sepenuhnya. Di samping itu, media massa perlu memberi lebih penekanan dalam mempromosi dan menyebarkan nilai positif dan maklumat yang selaras dengan sosiobudaya negara dan kepekaan keluarga seterusnya menyumbang ke arah pembangunan individu dan keluarga.

15.31 Dalam tempoh Rancangan, lebih banyak penyelidikan akan dijalankan mengenai isu semasa dan baru berkaitan kependudukan dan kekeluargaan termasuk keperluan golongan istimewa seperti orang tua, ibu atau bapa tunggal dan remaja. Hasil daripada aktiviti penyelidikan ini akan membantu penggubalan dasar sosial dan program pencelahan ke arah pengukuhan unit kekeluargaan. Sehubungan ini, penunjuk pembangunan keluarga juga akan dirangka untuk menilai impak program tersebut ke atas kesejahteraan keluarga.

## Pengukuhan Sistem Penyampaian Sokongan Sosial

### *Kanak-Kanak*

15.32 Memandangkan keluarga merupakan unit asas kepada masyarakat dan pewujudan persekitaran kepada tumbesaran dan kesejahteraan ahli keluarga terutamanya kanak-kanak, usaha bersepadu ke arah memperkukuhkan institusi dan mekanisme sokongan kekeluargaan akan diteruskan dalam tempoh RMKe-9. Usaha tersebut membantu menjaga kebajikan, memberi perlindungan, pembangunan dan penyertaan kanak-kanak. Usaha tersebut juga meliputi penyatuan program sedia ada, peningkatan jaminan kualiti dan pengukuhan program sokongan lain termasuk bina upaya kakitangan dan menaik taraf kemudahan sedia ada.

15.33 Susulan kepada NPA pertama 1990-an, NPA kedua (2006-2020) akan dilaksana untuk meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak dengan memberi penekanan kepada perlindungan, pembangunan dan penyertaan mereka selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Wawasan 2020. Dasar Pembangunan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak akan digubal bagi menyediakan rangka kerja dasar untuk pembangunan strategi dan program masa hadapan yang akan memastikan pembangunan kanak-kanak secara keseluruhannya adalah menepati keperluan dan hak mereka. Dasar ini akan merangkumi isu berkaitan dengan mereka yang berada dalam kumpulan umur dari semenjak kelahiran sehingga berumur enam tahun.

15.34 Penyertaan masyarakat akan terus menjadi strategi utama dalam program pencegahan dan pemulihan untuk kanak-kanak dalam tempoh Rancangan. Peranan pasukan perlindungan kanak-kanak, Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak dan penasihat mahkamah untuk Mahkamah Kanak-Kanak akan dipertingkatkan melalui usaha bina upaya yang akan memudahkannya berfungsi dengan berkesan dalam membantu memberi perlindungan yang terbaik kepada kanak-kanak dan menjalankan program pencegahan dan pemulihan bagi membendung pelbagai masalah sosial di kalangan kanak-kanak. Usaha untuk meningkatkan kesedaran dan program latihan khusus akan dilaksanakan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada semua ahli berkaitan dengan kanak-kanak, pengetahuan prosedur mahkamah, penyediaan akta yang berkaitan dan kesedaran mengenai hak kanak-kanak.

15.35 Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak 1984 akan dikaji semula bagi menambahbaik lagi penyediaan perkhidmatan yang berkualiti selaras dengan prinsip pembangunan dan penjagaan awal kanak-kanak. Penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti akan menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, mampu dibayar dan mudah diperoleh terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar yang tidak mampu menghantar anak mereka ke pusat penjagaan kanak-kanak yang diuruskan oleh sektor swasta.

### *Orang Kurang Upaya*

15.36 Program mengintegrasikan orang kurang upaya ke dalam masyarakat bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal akan terus dipergiat. Bagi memastikan orang kurang upaya tidak terpinggir, proses pendaftaran orang kurang upaya akan diperkemas untuk perancangan program dan kemudahan yang teratur. Sistem pendaftaran secara dalam talian akan dilaksana bagi membolehkan Kerajaan mengetahui tahap ketidakupayaan mereka sebelum menggubal program yang bersesuaian untuk pembangunan orang kurang upaya.

15.37 Akta Orang Kurang Upaya akan digubal untuk meningkatkan dan melindungi hak orang kurang upaya supaya hidup bermaruah dan mempunyai harga diri. Akta ini akan memberi hak kepada mereka untuk diterima oleh masyarakat, meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan vokasional, pekerjaan, persekitaran bebas dari halangan serta akses kepada ICT.

15.38 Program pemulihan berasaskan komuniti terbukti berkesan dari segi kos dan merupakan pilihan yang berkesan kepada institusi pemulihan bagi orang kurang upaya. Sehubungan ini, lebih banyak pusat pemulihan berasaskan komuniti akan ditubuh dalam RMKe-9. Pusat pemulihan ini akan dibangunkan sebagai pusat khidmat setempat bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif kepada orang kurang upaya. Antara perkhidmatan yang akan disediakan ialah pemeriksaan dan pengesanan ketidakupayaan, khidmat rujukan, penyebaran maklumat mengenai orang kurang upaya, latihan vokasional dan penempatan pekerjaan, pendaftaran orang kurang upaya dan perkhidmatan sokongan.

### *Warga Tua*

15.39 Langkah akan diambil bagi menyediakan persekitaran supaya warga tua sentiasa sihat, aktif dan selamat dalam meneruskan kehidupan mereka dengan bermaruah dan dihormati serta dapat berdikari dan hidup bersama anggota keluarga, masyarakat dan negara dengan lebih bermakna. Program akan dilaksanakan untuk mewujudkan kesedaran yang tinggi di kalangan anggota keluarga dan masyarakat supaya menjaga warga tua. Sehubungan ini, nilai seperti tanggungjawab kekeluargaan, kasih sayang dan persefahaman dalam menjaga warga tua akan diberi penekanan. Penyertaan di peringkat masyarakat akan dipertingkatkan melalui jaringan perkhidmatan masyarakat yang kukuh dan penyediaan peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan ekonomi. Usaha yang lebih teratur dan tersusun dalam pelaksanaan program pembangunan untuk warga tua akan dilaksanakan bagi memastikan penyertaan yang berkesan kumpulan sasar dalam usaha pembangunan negara. Di samping itu, kemahiran, pengalaman dan sumbangan warga tua terhadap pembangunan negara akan ditingkatkan melalui kerjasama di antara Kerajaan, masyarakat awam, NGO dan sektor swasta.

15.40 Bagi membantu keluarga memainkan peranan yang lebih berkesan dan bermakna dalam menjaga ibu bapa yang tua, pelbagai perkhidmatan sokongan masyarakat termasuk bantuan dan perkhidmatan sokongan di rumah dan penilaian terapi pekerjaan akan disediakan pada kadar mampu dibayar. Di samping itu, perkhidmatan kaunseling di kalangan masyarakat akan digalakkan bagi memberi pengetahuan kepada warga tua mengenai psikologi dan kemahiran diri. Usaha tersebut akan membantu mereka menjadi lebih cekap dalam menangani perubahan sosial, ekonomi dan psikologi yang berkaitan dengan penuaan.

15.41 Bagi memastikan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya, penambahbaikan yang berterusan untuk meningkatkan mekanisme penyampaian akan diambil selaras dengan harapan masyarakat untuk mendapat perkhidmatan yang cepat dan berkesan. Program jangkauan masyarakat akan diambil sebagai langkah proaktif untuk memastikan warga tua yang memerlukan tidak ketinggalan dalam arus perdana pembangunan. Unit kebajikan bergerak, iaitu Unit Mayang akan ditubuhkan dengan objektif menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat secara langsung. Unit ini akan menyediakan perkhidmatan profesional seperti kaunseling di samping memproses permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan serta pembayaran, pendaftaran orang kurang upaya, khidmat sokongan serta operasi bantuan bencana alam.

#### *Bantuan Kewangan*

15.42 Program pembangunan untuk kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua dalam tempoh Rancangan akan dipertingkatkan dengan penyediaan bantuan kewangan seperti Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Alat Tiruan. Bantuan yang akan disediakan dijangka memberi faedah kepada 150,000 penerima.

#### **Peningkatan Penglibatan Badan Bukan Kerajaan**

15.43 Menyedari peranan NGO, Kerajaan akan terus memberi sokongan yang perlu untuk membolehkan NGO bergiat dan membangunkan program dan menyediakan kemudahan berterusan untuk kumpulan terpinggir dan yang mudah terjejas kepada gejala sosial. Sehubungan ini, usaha untuk meningkatkan bina upaya NGO akan diteruskan melalui program pembangunan sumber manusia. Bagi memastikan penjagaan berkualiti disediakan kepada kumpulan sasaran, pindaan kepada Akta Pusat Jagaan 1993 akan memudahkan pendaftaran semua institusi yang diuruskan oleh NGO dan memperkukuhkan penguatkuasaan akta berkenaan. Di samping itu, garis panduan untuk pengurusan rumah kanak-kanak akan disediakan sebagai mekanisme jaminan kualiti untuk menentu dan memastikan kualiti dan standard rumah kanak-kanak yang diuruskan oleh NGO.

## Peningkatan Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara

### *Pembangunan Masyarakat*

15.44 Program pembangunan masyarakat dengan objektif untuk memupuk nilai positif, menyemai hidup berjiran dan mengekalkan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang etnik serta menanam semangat berdikari akan terus dilaksanakan di kawasan luar bandar dan bandar. Di kawasan luar bandar, pendidikan tidak formal termasuk pendidikan pembangunan keluarga melalui pelaksanaan kelas mengenai makanan dan pemakanan, kesihatan keluarga dan kebersihan serta ekonomi rumah tangga akan diteruskan untuk meningkatkan lagi kualiti hidup masyarakat di luar bandar. Pembinaan pusat sumber baru dan pusat khidmat masyarakat akan menyediakan lebih banyak peluang kepada keluarga di luar bandar terlibat dalam program pembangunan masyarakat. Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung akan digalakkan untuk bekerjasama dengan sektor swasta bagi melaksanakan projek pembangunan masyarakat.

15.45 Di kawasan bandar, lebih banyak Jawatankuasa Rukun Tetangga akan ditubuhkan dan skop aktiviti mereka akan diperluaskan lagi meliputi golongan muda melalui program Rakan Muda. Usaha yang lebih giat akan dilaksanakan oleh jawatankuasa tersebut untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dan memupuk hidup berjiran serta membantu mengurangkan jenayah di kawasan perumahan. Persatuan penduduk serta kelab sosial dan rekreasi akan terus digalakkan untuk memperluaskan program jangkauan sosial untuk menyemai sikap saling menghormati dan bertolak ansur di kalangan pelbagai masyarakat.

15.46 Bagi menggalakkan dan memperkukuhkan lagi kerjasama antara etnik dan meningkatkan persefahaman di kalangan masyarakat, profil penduduk dalam sesuatu kawasan perumahan akan dibangunkan untuk memastikan pendekatan yang lebih sistematik ke arah merancang kegiatan dan melaksanakan inisiatif untuk membangunkan masyarakat. Latihan dalam pelbagai bidang seperti pengurusan konflik dan kaunseling akan dijalankan untuk membolehkan ahli masyarakat menangani cabaran yang dihadapi dalam kehidupan bermasyarakat. Semangat gotong-royong dan komitmen yang tinggi untuk mencapai perpaduan dalam masyarakat yang berbilang etnik dan budaya akan dipupuk melalui pelbagai program. Aktiviti yang menjana pendapatan akan digalakkan di kalangan para ahli bertujuan meningkatkan taraf ekonomi mereka. Lebih banyak kelas perpaduan prasekolah akan ditubuhkan dalam tempoh Rancangan untuk memupuk sikap saling menghormati, meningkatkan persefahaman dan cintakan negara di kalangan generasi muda.

15.47 Pelbagai program perpaduan yang menggalakkan penglibatan rakyat daripada berbilang etnik diteruskan untuk membolehkan semua peringkat

masyarakat berinteraksi dan lebih memahami antara satu sama lain. Program tersebut termasuk aktiviti kebudayaan di peringkat persekutuan dan negeri serta sambutan perayaan pelbagai etnik di negara ini. Usaha akan terus diambil untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat pelbagai etnik terhadap kepentingan perpaduan sebagai agenda utama dalam semua aspek kehidupan dan ianya perlu diamalkan, diterap dan diperkukuhkan dari masa ke semasa. Sehubungan ini, media perlu memainkan peranan yang lebih penting.

15.48 Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan DSN, Kerajaan komited untuk mengubah sikap dan minda serta meningkatkan lagi kesedaran di semua peringkat jentera kerajaan dan NGO dalam menangani isu sosial. Sehubungan ini, usaha bersepadu melibatkan sektor awam dan swasta serta NGO akan dilaksana untuk mengenal pasti langkah dan pendekatan yang lebih berkesan terutamanya dalam menangani gejala sosial dalam masyarakat. Jentera dan sumber sedia ada dalam komuniti akan digunakan ke tahap maksimum bagi melengkapkan usaha Kerajaan dalam menyediakan penjagaan dan perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

15.49 Dalam tempoh Rancangan, Institut Sosial Malaysia (ISM) akan terus melatih pekerja sosial dan petugas dalam bidang penjagaan yang profesional dengan memberi penekanan kepada penjagaan yang berkualiti. Standard Kebangsaan Untuk Kecekapan Kerja Sosial akan dilaksana untuk menyediakan pengamal sosial dalam menghadapi cabaran global seperti bencana alam, keselamatan sosial, penuaan penduduk dan pembasmian kemiskinan. ISM akan menjadi sebuah hab untuk melatih pengamal sosial di rantau ini.

#### **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

15.50 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus menjadi agensi peneraju dalam pelaksanaan program pembangunan keluarga dan masyarakat. Di samping itu, program untuk melengkapkan usaha tersebut akan dilaksana oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta KEMAS.

15.51 Dalam tempoh RMKe-9, peruntukan sebanyak RM842.5 juta akan disediakan bagi program pembangunan keluarga dan masyarakat, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 15-1*. Daripada jumlah tersebut, 55 peratus akan diperuntukkan kepada program perkhidmatan kebajikan termasuk penjagaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua manakala 45 peratus akan diperuntukkan kepada program pembangunan keluarga dan masyarakat.



JADUAL 15-1

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI PROGRAM  
PEMBANGUNAN KELUARGA DAN MASYARAKAT, 2001-2010**  
(RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Pembangunan Keluarga	19.1	30.1
Perkhidmatan Kebajikan	220.1	463.4
Pembangunan Masyarakat	429.6	264.0
Perpaduan dan Integrasi	70.0	85.0
<b>Jumlah</b>	<b>738.8</b>	<b>842.5</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

15.52 Program pembangunan keluarga dan masyarakat dalam tempoh RMKe-8 telah dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan akses dan liputan kepada sebahagian besar penduduk Malaysia untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Sumbangannya kepada seluruh pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat umum akan terus diberi penekanan dalam tempoh RMKe-9 melalui penambahbaikan dalam sistem penyampaian dan peningkatan program bina upaya. Usaha yang giat akan diambil untuk memupuk dan memperkukuhkan perpaduan negara serta integrasi sosial khususnya di kalangan generasi muda.



# MENCAPAI PERTUMBUHAN DENGAN PENGAGIHAN

# 16

## I. PENDAHULUAN

16.01 Dasar pembangunan ekonomi Malaysia telah dibentuk berasaskan komitmen Kerajaan untuk memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dikongsi secara saksama oleh semua rakyat Malaysia. Komitmen ini dibina atas kesedaran bahawa pengagihan pendapatan yang saksama dan peluang pemilikan kekayaan yang lebih besar adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta kestabilan sosial dan perpaduan negara.

16.02 Pembangunan ekonomi semenjak tahun 1970 adalah berpandukan strategi pengagihan menerusi pertumbuhan dan objektif serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru, iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Kemajuan ke arah memenuhi objektif ini telah dicapai walaupun kejayaan beberapa sasaran masih tidak diperolehi sepenuhnya. Kemajuan yang cemerlang telah dicatat dalam usaha mengurangkan kemiskinan mutlak. Taraf hidup hampir semua rakyat Malaysia telah meningkat. Bilangan profesional dan pekerja mahir Bumiputera dalam pelbagai bidang pekerjaan dan sektor juga telah bertambah. Pertumbuhan kumpulan kelas menengah termasuk di kalangan Melayu dan Bumiputera lain juga telah berkembang pesat.

16.03 Namun sejak kebelakangan ini, ketidaksamaan pendapatan termasuk dalam setiap kumpulan etnik telah meningkat. Aspek ketidaksamaan lain juga menunjukkan arah aliran yang membimbangkan. Walaupun jurang ketidaksamaan pendapatan etnik secara relatifnya telah mengecil sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jurang tersebut dari segi nilai mutlak terus meluas. Ketidaksamaan antara negeri dan antara wilayah berterusan dan kekal lebar. Pertumbuhan ekonomi merupakan daya penggerak dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup, namun pertumbuhan ekonomi tidak dengan sendirinya menjamin manfaat pertumbuhan dinikmati secara saksama oleh semua lapisan masyarakat.

16.04 Dalam Misi Nasional, komitmen untuk menambah baik pengagihan manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang terus meningkat akan ditegaskan semula, seperti ditunjukkan dalam *Kotak 16-1*. Pelaksanaan strategi pengagihan walau bagaimanapun, akan memberi penekanan kepada usaha meningkatkan keupayaan dan menambah baik daya saing. Sehubungan ini, usaha yang lebih mantap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) akan dilaksanakan secara membina dan produktif bagi menambah baik pengagihan melalui pertumbuhan. Penekanan akan diberi ke arah menangani ketidaksamaan yang berterusan dan menambah baik pengagihan untuk mencapai objektif mutlak perpaduan negara dan keseimbangan wilayah.

16.05 Fokus strategi pengagihan akan diorientasi semula ke arah mencapai pariti pendapatan dalam jangka masa panjang dengan mengurangkan secara ketara jurang ketidaksamaan pendapatan. Secara khusus, kemiskinan tegar akan dibasmi sepenuhnya dan kemiskinan keseluruhan akan dikurangkan separuh kepada 2.8 peratus menjelang akhir tempoh Rancangan. Penyertaan Bumiputera yang berkesan dalam ekonomi akan dipertingkatkan melalui penyusunan semula secara efektif guna tenaga dalam sektor swasta, peningkatan pemilikan Bumiputera dalam pemegangan aset korporat serta pemilikan harta tanah komersil dan kediaman dan harta intelek, pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dan pewujudan Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera (MSTB). Di samping itu, penyertaan masyarakat India dalam ekonomi akan dipertingkatkan. Akhirnya, melalui pelaksanaan pelbagai langkah untuk meningkatkan keupayaan dan meninggikan daya saing, budaya berprestasi tinggi akan digalakkan di kalangan semua rakyat Malaysia termasuk masyarakat Bumiputera bagi membolehkan negara menghadapi cabaran global.

### **KOTAK 16-1**

#### **MENEGASKAN SEMULA PENGAGIHAN DALAM AGENDA PEMBANGUNAN MALAYSIA**

##### **A. Latar Belakang**

Dalam Misi Nasional, komitmen untuk menambah baik pengagihan manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang terus meningkat akan ditegaskan semula. Jaminan ini adalah berasaskan komitmen ke arah mengekal dan memperkukuh perpaduan negara selaras dengan prinsip Rukunegara dan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Komitmen ini bertunjangan latar belakang sejarah serta cabaran ekonomi dan sosial yang akan terus dihadapi oleh Malaysia, sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan agama di peringkat negara dan antarabangsa.

## **B. Keperluan Untuk Menegaskan Semula Pengagihan Dalam Pembangunan**

### ***Mengekalkan pertumbuhan ekonomi mampan, menggalakkan pembangunan insan dan memperkukuh perpaduan negara***

Penemuan baru menunjukkan ketidaksamaan yang tinggi dan berterusan akan memberi kesan negatif kepada prospek pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Pada dasarnya, ketidaksamaan yang berterusan akan memudaratkan pembangunan manakala ekuiti dan kemakmuran adalah pelengkap pembangunan. Ekuiti yang lebih besar juga boleh mengurangkan kemiskinan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mengembangkan pembangunan dan menyediakan peluang yang lebih besar kepada kumpulan paling miskin dalam masyarakat. Pengalaman di kebanyakan negara membangun dan negara maju yang lain menunjukkan bahawa peningkatan ketidaksamaan yang berterusan akhirnya boleh menimbulkan masalah sistemik dan ketidakstabilan sosial dalam ekonomi melainkan ditangani secara tegas, berkesan, lebih pragmatik dan bijaksana untuk faedah kepada negara keseluruhannya.

Dasar pembangunan *pertumbuhan dengan pengagihan* adalah selaras dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, rejim pasaran bebas, hak asasi manusia, demokrasi, kedaulatan undang-undang dan masyarakat sivil. Melalui pelaksanaan teras pengagihan bersama dengan teras pertumbuhan dalam agenda pembangunan, Malaysia bukan sahaja memenuhi komitmen dalam Matlamat Pembangunan Alaf Baru Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi juga pada masa yang sama, menangani pelbagai aspek ketidaksamaan ekonomi dan sosial, dengan demikian menggalakkan pembangunan insan dan memperbaiki kedudukan negara dalam Indeks Tahunan Pembangunan Manusia oleh Program Pembangunan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

### ***Memenuhi sasaran pengagihan yang belum dicapai sepenuhnya***

Meskipun rakyat Malaysia menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi pada masa ini berbanding sebelumnya, ketidaksamaan pendapatan di kalangan kumpulan etnik dan antara kawasan bandar dengan luar bandar masih besar dan telah meningkat sejak kebelakangan ini. Kemajuan untuk mencapai sasaran pengagihan yang telah ditetapkan sebelum ini adalah lebih perlahan berbanding dengan yang diunjurkan akibat daripada kelembapan ekonomi berikutan kejutan luaran di samping berlakunya beberapa kebocoran dalam pelaksanaannya. Pelaksanaan dasar pengagihan yang tidak dipantau secara teliti dan pengenalpastian penerima faedah yang tidak dilaksanakan secara tepat telah menyebabkan berlaku pelbagai kebocoran dalam sistem pelaksanaan.

### ***Memastikan keberkesanan dan impak sepenuhnya dasar, program dan projek pengagihan selaras dengan amalan tadbir urus yang baik***

Penemuan daripada pelbagai negara termasuk Malaysia menunjukkan bahawa ketidaksamaan boleh ditangani dengan jayanya melalui pelaksanaan pakej dasar, program dan projek awam yang sesuai serta keutamaan yang ditentukan. Langkah menangani kebocoran akan meningkatkan impak sepenuhnya program yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan ketidaksamaan.

Penekanan lebih besar yang diberikan kepada amalan tadbir urus yang baik memerlukan program pengagihan dan proses pelaksanaan yang lebih berkesan dan bertanggungjawab. Oleh itu, dasar, program dan projek pengagihan perlu dirangka dengan berhati-hati supaya menjadi pelengkap dan pendorong bagi meningkatkan aspek pertumbuhan dan pengagihan secara serentak serta memenuhi piawai tadbir urus yang baik.

### **C. Ke Arah Pertumbuhan Dengan Pengagihan**

Faktor di atas, disandar dengan pengalaman, menjadi asas untuk menyedar dan membuka fikiran terhadap jalinan antara pertumbuhan ekonomi, ketidaksamaan dan pengagihan serta kepentingan ekuiti sebagai asas pertumbuhan ekonomi yang mampan, pembangunan insan dan pengekalan perpaduan negara.

Malaysia akan meneruskan dasar pembangunan yang memberi penekanan kepada pertumbuhan dengan pengagihan. Dasar, program dan projek pengagihan akan dirangka dengan lebih baik dan dipantau secara berhati-hati untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi serta pengagihan peluang ekonomi, pendapatan dan kekayaan yang lebih saksama di kalangan semua kumpulan etnik bagi memastikan pembangunan mampan dalam jangka panjang. Program sedia ada dan yang telah dilaksanakan akan dikaji semula dan dinilai impak dan keberkesanannya dalam mencapai sasaran pengagihan manakala sistem pelaksanaan akan dikaji semula dan diperkukuh untuk mengenal pasti penerima faedah dengan lebih tepat dan meminimumkan kebocoran. Program pada masa hadapan akan dilaksanakan berasaskan merit dan keperluan.

Malaysia memerlukan komitmen yang padu antara Kerajaan dengan semua lapisan masyarakat termasuk sektor swasta, NGO, kumpulan sosial dan individu bagi meneruskan falsafah pembangunan *pertumbuhan dengan pengagihan* dengan jayanya. Semua kumpulan mesti mengiktiraf dan menghargai bahawa pengagihan ini tidak bermakna pengagihan semula kekayaan negara sedia ada yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan tetapi lebih kepada pengagihan pertumbuhan ekonomi pada masa depan secara beransur-ansur dan meningkat, yang melibatkan semua rakyat Malaysia bersama-sama menyumbang menerusi penyertaan secara aktif dan tulus dalam proses pengeluaran. Satu hakikat yang diterima ialah dasar pembangunan yang tidak mengambil kira majoriti penduduk dalam proses pengeluaran dan pemodenan adalah dasar yang tidak berdaya maju.

Kejayaan menerima pakai dan melaksanakan falsafah pembangunan *pertumbuhan dengan pengagihan* merupakan strategi kemenangan untuk mana-mana negara. Sehubungan ini, Malaysia sentiasa berada di hadapan dan akan terus mengekalkan kedudukan ini bagi manfaat semua rakyatnya termasuk generasi masa hadapan.

## **II. KEMAJUAN, 2001-2005**

16.06 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), pelaksanaan pendekatan yang lebih tertumpu kepada sasaran khusus telah mengurangkan kemiskinan di kawasan luar bandar dan bandar. Tumpuan program pembasmian kemiskinan dan peningkatan kualiti hidup ditujukan kepada isi rumah 30 peratus terendah. Bilangan profesional dan pekerja mahir Bumiputera dalam pelbagai pekerjaan dan sektor telah meningkat manakala program pembangunan MPPB telah mempercepat pertumbuhan kelas menengah Bumiputera.

### **Pembasmian Kemiskinan**

16.07 Dalam tempoh Rancangan, konsep dan pengukuran kemiskinan telah dikaji semula untuk mengambil kira perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku

di Malaysia sejak tahun 1977 apabila pendapatan garis kemiskinan (PGK) mula diperkenalkan. Kajian semula juga bertujuan untuk menghasilkan pengukuran kemiskinan yang menggambarkan perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dengan luar bandar, antara negeri serta pola demografi setiap isi rumah. Perangkaan ini memberi pengukuran yang lebih tepat mengenai keadaan dan tahap kemiskinan di Malaysia. Metodologi asal dan yang dikaji semula dijelaskan dalam *Kotak 16-2*.

## KOTAK 16-2

### PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN MALAYSIA

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah dikaji semula secara meluas pada tahun 2005. PGK terdiri daripada dua komponen iaitu PGK makanan dan bukan makanan. PGK ditentukan secara berasingan bagi setiap isi rumah dalam penyiasatan pendapatan isi rumah (HIS) mengikut saiz, komposisi demografi dan lokasi (negeri dan strata). Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan isi rumah tersebut kurang daripada PGKnya, bermakna isi rumah tersebut kekurangan sumber bagi memenuhi keperluan asas setiap ahlinya. Sesebuah isi rumah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK makanan. Memandangkan keperluan makanan adalah berasaskan kepada zat makanan seimbang, PGK bagi miskin tegar adalah lebih tinggi berbanding dengan definisi lama iaitu separuh daripada PGK.

#### ***PGK Makanan***

Komponen makanan bagi PGK yang dikaji semula adalah berasaskan kepada pandangan pakar pemakanan, pakar diet dan pakar perubatan. Keperluan harian kilokalori setiap individu mengambil kira pemakanan seimbang yang meliputi: bijirin dan hasil bijirin (beras dan gandum); ayam, telur dan ikan; susu; minyak dan lemak; gula; sayur-sayuran dan buah-buahan; dan kacang (dal, kacang hijau). Jadual A menunjukkan PGK makanan berasaskan dua metodologi.

JADUAL A

#### **PGK MAKANAN BERASASKAN METODOLOGI 1977 DAN 2005** (RM sebulan)

<i>Wilayah</i>	<i>Metodologi 1977</i>	<i>Metodologi 2005</i>
Semenanjung Malaysia	272	398
Sabah <sup>1</sup>	352	503
Sarawak	304	482
<b>Malaysia</b>	<b>294</b>	<b>415</b>

#### ***PGK Bukan Makanan***

Pola perbelanjaan komponen PGK bukan makanan yang terdiri daripada pakaian, perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan lain adalah dikira berasaskan kepada penyiasatan perbelanjaan isi rumah (HES).

**Perbandingan Metodologi 1977 dan 2005**

Jadual B membandingkan PGK berasaskan kedua-dua metodologi.

JADUAL B  
**PERBANDINGAN PGK BAGI TAHUN 2004 (RM sebulan)**

Wilayah	Metodologi 1977	Metodologi 2005		
		Bandar	Luar Bandar	Keseluruhan
Semenanjung Malaysia	543	663	657	661
Sabah <sup>1</sup>	704	881	897	888
Sarawak	608	777	753	765
<b>Malaysia</b>	<b>588</b>	<b>687</b>	<b>698</b>	<b>691</b>

Jadual C membandingkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar menggunakan kedua-dua metodologi.

JADUAL C  
**PERBANDINGAN KADAR KEMISKINAN BAGI TAHUN 2004 (%)**

Wilayah	Kemiskinan Keseluruhan		Kemiskinan Tegar	
	Metodologi 1977	Metodologi 2005	Metodologi 1977	Metodologi 2005
Semenanjung Malaysia	3.1	3.6	3.1	1.2
Sabah <sup>1</sup>	16.5	23.0	2.9	6.5
Sarawak	3.8	7.5	0.4	1.1
<b>Malaysia</b>	<b>4.4</b>	<b>5.7</b>	<b>0.7</b>	<b>1.2</b>

Jadual D menunjukkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar berasaskan metodologi 2005.

JADUAL D  
**PGK BULANAN PURATA, KADAR KEMISKINAN DAN KEMISKINAN TEGAR, 2004**

Negeri	Saiz Isi Rumah	Kemiskinan Keseluruhan <sup>2</sup>			Kemiskinan Tegar <sup>2</sup>		
		PGK Kasar (RM)	PGK Per Kapita (RM)	Kadar Kemiskinan (%) <sup>3</sup>	PGK Makanan Kasar (RM)	PGK Per Kapita (RM)	Kadar Kemiskinan Tegar (%) <sup>4</sup>
Johor	4.3	634	151	2.0	384	91	0.3
Kedah	4.6	654	143	7.0	402	88	1.3
Kelantan	5.2	675	130	10.6	438	84	1.3
Melaka	4.4	650	151	1.8	385	89	0.2
Negeri Sembilan	4.2	598	146	1.4	371	90	0.2
Pahang	4.2	609	147	4.0	392	94	1.0
Pulau Pinang	4.1	615	152	0.3	373	91	neg. <sup>5</sup>
Perak	4.1	589	144	4.9	371	90	1.1
Perlis	4.2	587	140	6.3	367	87	1.7
Selangor	4.6	726	159	1.0	420	92	neg. <sup>5</sup>
Terengganu	5.0	734	148	15.4	469	94	4.4
W.P.	3.9	713	189	1.5	373	98	0.2
Kuala Lumpur							
<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>4.4</b>	<b>661</b>	<b>152</b>	<b>3.6</b>	<b>398</b>	<b>91</b>	<b>0.7</b>
Sabah <sup>1</sup>	5.2	888	173	23.0	503	97	6.5
Sarawak	4.6	765	167	7.5	482	105	1.1
<b>Malaysia</b>	<b>4.5</b>	<b>691</b>	<b>155</b>	<b>5.7</b>	<b>415</b>	<b>93</b>	<b>1.2</b>

Nota: <sup>1</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

<sup>2</sup> Berasaskan metodologi 2005.

<sup>3</sup> Berasaskan PGK kasar.

<sup>4</sup> Berasaskan PGK makanan kasar.

<sup>5</sup> Kurang daripada 0.05 peratus.

16.08 *Kemiskinan Tegar*. Jumlah isi rumah miskin tegar berkurangan daripada 91,700 kepada 67,300, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-1*. Kadar kemiskinan tegar di kalangan isi rumah Bumiputera adalah tertinggi pada tahun 2004, iaitu 1.9 peratus berbanding dengan 0.1 peratus bagi isi rumah Cina dan 0.3 peratus bagi isi rumah India, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-2*.

16.09 Dalam tempoh Rancangan, sejumlah RM589.5 juta dibelanjakan bagi 10 program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Program tersebut memberi tumpuan kepada projek ekonomi dan sosial yang melibatkan golongan miskin tegar. Di samping itu, badan bukan kerajaan (NGO) terutamanya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan pelbagai Yayasan Basmi Kemiskinan di peringkat negeri telah menyediakan bantuan kewangan dan bukan kewangan untuk membantu isi rumah miskin tegar meningkatkan pendapatan mereka melalui aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan. AIM telah menyediakan kredit mikro berjumlah RM1.02 bilion kepada 147,544 peserta menerusi 69 cawangan dan 3,962 pusat khidmat di seluruh negara. Kebanyakan peserta AIM terdiri daripada wanita dan ibu tunggal di luar bandar.

16.10 *Kemiskinan Keseluruhan*. Hasil kejayaan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia berkurangan daripada 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004 dan bilangan isi rumah miskin berkurangan daripada 409,300 kepada 311,300, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-1*. Peningkatan pendapatan purata isi rumah miskin daripada RM656 pada tahun 1999 kepada RM764 pada tahun 2004 telah mengecilkan jurang kemiskinan daripada 2.3 peratus kepada 1.4 peratus. Walau bagaimanapun, jurang kemiskinan di kawasan luar bandar adalah lima kali lebih tinggi berbanding dengan di kawasan bandar, menunjukkan kemiskinan di kawasan luar bandar adalah lebih serius.

16.11 *Kemiskinan Luar Bandar*. Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar berkurangan daripada 14.8 peratus pada tahun 1999 kepada 11.9 peratus pada tahun 2004 manakala bilangan isi rumah miskin berkurangan kira-kira 32.0 peratus daripada 323,200 kepada 219,700. Walaupun kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin di kawasan luar bandar berkurangan, namun kemiskinan masih ketara sebagai fenomena luar bandar dengan 70.6 peratus daripada isi rumah miskin tinggal di kawasan luar bandar.

16.12 *Kemiskinan Bandar*. Kadar kemiskinan bandar berkurangan daripada 3.3 peratus pada tahun 1999 kepada 2.5 peratus pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, bilangan isi rumah miskin di bandar meningkat sebanyak 6.4 peratus kepada 91,600, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan isi rumah miskin di Sabah. Daftar komprehensif isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di 60 pusat bandar telah dibangunkan untuk membantu merangka program sasaran khusus bagi isi rumah miskin di bandar.



JADUAL 16-1

## KADAR KEMISKINAN DAN KEMISKINAN TEGAR, 1999 DAN 2004

		1999			2004		
		Malaysia	Bandar	Luar Bandar	Malaysia	Bandar	Luar Bandar
<b>Kemiskinan Tegar</b>							
Kadar Kemiskinan Tegar <sup>1</sup>	(%)	1.9	0.5	3.6	1.2	0.4	2.9
Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar	('000)	91.7	11.9	79.8	67.3	14.1	53.2
Jurang Kemiskinan <sup>2</sup>	(%)	0.4	0.1	0.8	0.2	0.1	0.6
<b>Kemiskinan Keseluruhan</b>							
Kadar Kemiskinan <sup>3</sup>	(%)	8.5	3.3	14.8	5.7	2.5	11.9
Bilangan Isi Rumah Miskin	('000)	409.3	86.1	323.2	311.3	91.6	219.7
Jurang Kemiskinan	(%)	2.3	0.8	4.0	1.4	0.6	3.0
<b>Jumlah Isi Rumah</b>	<b>('000)</b>	<b>4,800.0</b>	<b>2,612.5</b>	<b>2,187.5</b>	<b>5,459.4</b>	<b>3,605.9</b>	<b>1,853.5</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan - Penyiataan Pendapatan Isi Rumah, 1999 dan 2004

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada PGK makanan.

<sup>2</sup> Merujuk kepada jumlah perbezaan antara pendapatan purata isi rumah miskin dengan PGK (dinyatakan dalam peratusan daripada PGK).

<sup>3</sup> Merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada PGK.

JADUAL 16-2

## KADAR KEMISKINAN DAN KEMISKINAN TEGAR MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, 1999 DAN 2004 (%)

	1999			2004		
	Bumiputera	Cina	India	Bumiputera	Cina	India
<b>Kemiskinan Tegar</b>	<b>2.9</b>	<b>0.2</b>	<b>0.3</b>	<b>1.9</b>	<b>0.1</b>	<b>0.3</b>
Bandar	0.7	0.1	0.2	0.7	neg <sup>1</sup>	0.2
Luar Bandar	4.4	0.4	0.5	3.3	0.3	0.5
<b>Kemiskinan Keseluruhan</b>	<b>12.4</b>	<b>1.2</b>	<b>3.5</b>	<b>8.3</b>	<b>0.6</b>	<b>2.9</b>
Bandar	5.1	0.8	2.4	4.1	0.4	2.4
Luar Bandar	17.5	2.7	5.8	13.4	2.3	5.4
Jurang Kemiskinan	3.3	0.2	0.7	2.1	0.1	0.6

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia - Penyiataan Pendapatan Isi Rumah, 1999 dan 2004

Nota: <sup>1</sup> Kurang daripada 0.05 peratus.

16.13 *Kemiskinan Mengikut Kumpulan Etnik.* Semua kumpulan etnik mencatat pengurangan kadar kemiskinan. Walau bagaimanapun, kemiskinan di kalangan Bumiputera kekal jauh tertinggi meskipun berkurangan daripada 12.4 peratus pada tahun 1999 kepada 8.3 peratus pada tahun 2004. Kadar kemiskinan di kalangan etnik India berkurangan daripada 3.5 peratus kepada 2.9 peratus manakala bagi etnik Cina, kadar kemiskinan berkurangan daripada 1.2 peratus kepada 0.6 peratus. Jurang kemiskinan di kalangan isi rumah Bumiputera adalah terbesar pada 2.1 peratus berbanding dengan 0.1 peratus bagi isi rumah Cina dan 0.6 peratus bagi India. Kekurangan kemahiran dan pencapaian pendidikan yang lebih rendah merupakan antara faktor yang dikaitkan dengan kemiskinan di kalangan semua kumpulan etnik.

16.14 *Bumiputera di Sabah dan Sarawak.* Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 1999, kadar kemiskinan adalah tinggi di kalangan Kadazandusun, Bajau dan Murut di Sabah dan Bidayuh di Sarawak. Pada tahun 2002, HIS khas mengenai minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak menunjukkan kadar kemiskinan adalah tinggi di kalangan Orang Sungei, Rungus, Bisaya dan Sulu atau Suluk di Sabah serta Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kadayan, Penan dan Lun Bawang di Sarawak. Antara program di bawah SPKR termasuk projek menjana pendapatan, pendidikan dan latihan, bantuan perumahan dan pembangunan modal insan. Di samping itu, sebanyak 9,000 unit kediaman di Sabah dan 1,500 unit di Sarawak telah dibina di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk menyediakan kemudahan perumahan yang lebih baik kepada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Dalam tempoh Rancangan, seramai 45,900 peserta di Sabah dan 40,500 di Sarawak mendapat faedah daripada pelbagai program di bawah SPKR.

16.15 Dalam tempoh Rancangan, seramai 48,900 peserta di Sabah dan 43,500 di Sarawak menerima manfaat daripada pelbagai program kebajikan seperti elaun untuk pekerja kurang upaya serta bantuan untuk warga emas dan daif. Di samping itu, AIM menyediakan pinjaman kredit mikro berjumlah RM99 juta kepada 26,000 peserta di Sabah dan RM88 juta kepada 17,000 peserta di Sarawak. Usaha juga akan diambil untuk memperbaiki infrastruktur di luar bandar termasuk menaik taraf dan membina jalan luar bandar dan jalan kampung. Dalam hal ini, sejumlah RM279 juta dibelanjakan di Sabah dan RM286 juta di Sarawak.

16.16 *Orang Asli.* Usaha telah diambil bagi meningkatkan kualiti hidup di kalangan Orang Asli melalui program sosioekonomi termasuk penyediaan pendidikan dan latihan kemahiran, kemudahan infrastruktur, bekalan elektrik dan air. Pada akhir tahun 2005, sejumlah 9,350 rumah dibina di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin dan bekalan elektrik juga disediakan kepada perkampungan Orang Asli meliputi 12,400 keluarga manakala kemudahan bekalan air disediakan kepada sejumlah 20,100 keluarga. Di samping itu, pelaksanaan

JADUAL 16-3

**PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PURATA  
DAN PEKALI GINI MENGIKUT KUMPULAN ETNIK  
DAN STRATA, 1999 DAN 2004**

Kumpulan Etnik dan Strata	Pada Harga Semasa (RM)		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2000-2004	Pada Harga Tetap Tahun 1999 (RM)		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2000-2004	Pekali Gini	
	1999	2004		1999	2004		1999	2004
Bumiputera	1,984	2,711	6.4	1,984	2,522	4.9	0.433	0.452
Cina	3,456	4,437	5.1	3,456	4,127	3.6	0.434	0.446
India	2,702	3,456	5.0	2,702	3,215	3.5	0.413	0.425
Lain-lain	1,371	2,312	11.0	1,371	2,150	9.4	0.393	0.462
<b>Malaysia</b>	<b>2,472</b>	<b>3,249</b>	<b>5.6</b>	<b>2,472</b>	<b>3,022</b>	<b>4.1</b>	<b>0.452</b>	<b>0.462</b>
Bandar	3,103	3,956	5.0	3,103	3,680	3.5	0.432	0.444
Luar Bandar	1,718	1,875	1.8	1,718	1,744	0.3	0.421	0.397

Sumber: Jabatan Perangkaan - Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, 1999 dan 2004

skim pembangunan tanah baru dan penempatan semula serta projek lain telah memberi manfaat kepada 84,250 Orang Asli, iaitu kira-kira separuh daripada jumlah penduduk Orang Asli.

### Pengagihan Pendapatan

16.17 Pendapatan isi rumah bagi semua kumpulan etnik meningkat dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-3*. Nisbah jurang pendapatan antara Bumiputera dengan etnik Cina telah mengecil daripada 1:1.74 pada tahun 1999 kepada 1:1.64 pada tahun 2004 manakala nisbah antara Bumiputera dengan etnik India juga mengecil daripada 1:1.36 kepada 1:1.27. Walaupun nisbah jurang pendapatan antara etnik mengecil dari segi relatif, jurang pendapatan berasaskan nilai mutlak terus melebar. Walau bagaimanapun, nisbah antara isi rumah bandar dengan luar bandar merosot daripada 1:1.81 pada tahun 1999 kepada 1:2.11 pada tahun 2004.

16.18 Bahagian pendapatan isi rumah 40 peratus terendah berkurangan daripada 14.0 peratus pada tahun 1999 kepada 13.5 peratus pada tahun 2004 manakala bagi isi rumah 20 peratus teratas, bahagiannya meningkat daripada 50.5 peratus kepada 51.2 peratus. Berikutan itu, pekali Gini merosot daripada 0.452 pada tahun 1999 kepada 0.462 pada tahun 2004. Semua kumpulan etnik mencatat peningkatan pekali Gini dalam tempoh Rancangan. Ketidaksamaan di kalangan Bumiputera adalah tertinggi berbanding dengan etnik Cina dan India.

16.19 Pada tahun 2004, pekerjaan bergaji menyumbang dua pertiga atau 68.0 peratus daripada jumlah pendapatan isi rumah, iaitu 74.3 peratus di kalangan isi rumah India, 71.2 peratus Bumiputera dan 62.1 peratus Cina. Kira-kira 23.0 peratus pendapatan isi rumah Cina diperoleh daripada bekerja sendiri berbanding dengan 14.0 peratus bagi Bumiputera dan 11.0 peratus bagi India. Perangkaan ini menunjukkan untuk menangani jurang pendapatan di kalangan etnik, tumpuan utama perlu diberi kepada status dan pendapatan daripada pekerjaan bergaji.

### **Penyusunan Semula Guna Tenaga**

16.20 Peratusan guna tenaga Bumiputera dalam kategori pegawai kanan dan pengurus masih rendah iaitu 37.1 peratus pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-4*. Bagi kategori profesional, peratusan Bumiputera adalah 47.5 peratus pada tahun 2005 berbanding 77.6 peratus dalam kalangan etnik Cina dan 69.2 peratus bagi etnik India. Peratusan ini tidak mengambil kira pensyarah, guru pra-universiti dan sekolah menengah serta penulis dan artis. Peratusan Bumiputera yang berdaftar dalam lapan profesion terpilih meningkat daripada 35.5 peratus pada tahun 2000 kepada 38.8 peratus pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-5*. Peratusan Bumiputera dalam profesion akauntan adalah paling rendah berbanding profesion lain.

16.21 Satu kajian mengenai pola guna tenaga Bumiputera yang dijalankan pada tahun 2005 meliputi 1,825 pekerja dalam 594 firma swasta mendapati peratusan pekerja Bumiputera bagi kategori jawatan tinggi dan pertengahan ialah 48.0 peratus bagi kumpulan pengurusan, 64.0 peratus profesional serta 53.0 peratus juruteknik dan separa profesional. Bagi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), hanya 20.0 peratus adalah Bumiputera berbanding 70.4 peratus bagi etnik Cina. Kajian ini meliputi bidang ICT, pembuatan, pelancongan, pengedaran perdagangan dan bioteknologi.

### **Penyusunan Semula Hak Milik dan Penguasaan Sektor Korporat**

16.22 Pemilikan modal saham Bumiputera pada nilai tara meningkat daripada RM63.0 bilion pada tahun 2000 kepada RM100.0 bilion pada tahun 2004, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-6*. Namun demikian, peratusan pemilikan ekuiti Bumiputera tidak berubah pada tahap 18.9 peratus. Di samping itu, pemilikan modal saham etnik Cina pula meningkat melebihi dua kali berbanding ekuiti Bumiputera. Peratusan pemilikan ekuiti etnik India berkurangan daripada 1.5 peratus kepada 1.2 peratus, walaupun saham mereka meningkat sebanyak RM1.3 bilion. Sebaliknya, pemilikan ekuiti rakyat asing meningkat daripada 31.3 peratus kepada 32.5 peratus.

16.23 Peratusan syarikat Bumiputera dalam semua sektor ekonomi masih rendah, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-7*. Peratusan ekuiti tertinggi yang

**GUNA TENAGA MENGIKUT PEKERJAAN DAN KUMPULAN ETNIK<sup>1</sup>, 2000 DAN 2005**

Pekerjaan	2000						2005					
	Bumiputera '000	%	Cina '000	%	India '000	Jumlah '000	Bumiputera '000	%	Cina '000	%	India '000	Jumlah '000
Pegawai Kanan & Pengurus %	230.8	4.8	351.8	12.7	41.9	5.4	278.2	5.4	413.6	14.0	53.4	6.3
Profesional %	36.6	6.2	55.8	6.3	6.6	5.4	37.1	6.1	55.1	7.1	7.1	7.1
Pensyarah, Guru Prauniversiti & Sekolah Menengah dan Penulis & Seniman	298.1	6.2	174.5	6.3	41.1	5.3	314.2	6.1	171.3	5.8	44.1	5.2
Juruteknik & Profesional Bersekutu %	57.3	33.5	33.5	7.9	7.9	1.3	58.5	31.9	31.9	8.2	1.3	1.3
Guru Sekolah Rendah & Jururawat %	158.6	3.3	38.8	1.4	12.4	1.6	164.8	3.2	38.4	1.3	13.6	1.6
Pekerjaan Perkeranian %	74.4	18.2	18.2	5.8	5.8	1.6	74.9	17.4	17.4	6.2	1.5	1.5
Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai & Jurujual %	649.0	13.5	329.7	11.9	103.2	13.3	752.1	14.6	375.2	12.7	126.3	14.9
Pekerja Mahir Pertanian & Perikanan %	230.8	4.8	69.3	2.5	20.9	2.7	252.4	4.9	76.8	2.6	24.6	2.9
Pekerja Pertukangan & Yang Berkaitan %	495.2	10.3	310.3	11.2	65.2	8.4	546.0	10.6	330.8	11.2	81.4	9.6
Operator Loji dan Mesin & Pemasang %	56.6	35.4	35.4	7.4	7.4	0.5	56.7	34.3	34.3	8.4	0.5	0.5
Pekerjaan Asas %	610.5	12.7	484.8	17.5	86.9	11.2	721.2	14.0	555.3	18.8	112.8	13.3
Jumlah %	51.2	40.6	40.6	7.3	7.3	0.9	51.5	39.6	39.6	8.0	0.9	0.9
Tenaga Buruh %	908.6	18.9	163.4	5.9	64.4	8.3	783.0	15.2	109.3	3.7	41.5	4.9
Pengangguran %	77.1	13.9	13.9	5.5	5.5	3.6	80.8	11.3	11.3	4.3	3.7	3.7
Kadar Pengangguran (%)	379.8	7.9	398.9	14.4	58.2	7.5	448.2	8.7	434.2	14.7	79.7	9.4
	44.8	47.1	47.1	6.9	6.9	1.2	46.0	44.6	44.6	8.2	1.2	1.2
	774.0	16.1	324.1	11.7	161.3	20.8	798.4	15.5	327.9	11.1	170.4	20.1
	60.2	25.2	25.2	12.5	12.5	2.1	60.4	24.8	24.8	12.9	1.9	1.9
	461.5	9.6	232.7	8.4	153.6	19.8	510.0	9.9	236.3	8.0	138.2	16.3
	51.1	25.7	25.7	17.0	17.0	6.2	54.4	25.2	25.2	14.7	5.6	5.6
	<b>4,807.3</b>	<b>100.0</b>	<b>2,770.2</b>	<b>100.0</b>	<b>775.6</b>	<b>100.0</b>	<b>5,151.2</b>	<b>100.0</b>	<b>2,954.0</b>	<b>100.0</b>	<b>847.9</b>	<b>100.0</b>
	<b>56.4</b>	<b>32.5</b>	<b>32.5</b>	<b>9.1</b>	<b>9.1</b>	<b>2.0</b>	<b>56.5</b>	<b>32.4</b>	<b>32.4</b>	<b>9.3</b>	<b>1.8</b>	<b>1.8</b>
	5,036.6	2,813.8	2,813.8	793.8	793.8	176.4	5,441.4	3,025.1	3,025.1	875.2	171.2	9,512.9
	57.1	31.9	31.9	9.0	9.0	2.0	57.2	31.8	31.8	9.2	1.8	1.8
	229.3	43.6	43.6	18.2	18.2	5.9	290.2	71.1	71.1	27.3	7.1	395.7
	77.2	14.7	14.7	6.1	6.1	2.0	73.3	18.0	18.0	6.9	1.8	1.8
	4.6	1.5	1.5	2.3	2.3	3.4	5.3	2.4	2.4	3.1	4.1	4.2

Sumber: Jabatan Perangkaan - Penyiasatan Tenaga Buruh, 2000 dan 2005

Nota: <sup>1</sup> Tidak termasuk bukan warganegara.

JADUAL 16-5

**PROFESIONAL BERDAFTAR MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, 2000 DAN 2005**

Profesion	2000				2005				Peningkatan Bersih, 2001-2005						
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Akauntan %	2,673 17.1	11,944 76.2	883 5.6	178 1.1	15,678 100.0	4,498 20.8	15,892 73.6	941 4.4	258 1.2	21,589 100.0	1,825	3,948	58	80	5,911
Profesional %						961 6.2	13,541 87.9	798 5.2	102 0.7	15,402 100.0					
Arkitek %	1,152 42.1	1,539 56.2	41 1.5	6 0.2	2,738 100.0	1,358 45.3	1,594 53.1	43 1.4	6 0.2	3,001 100.0	206	55	2	0	263
Profesional %	450 29.8	1,034 68.4	23 1.5	4 0.3	1,511 100.0	557 33.7	1,066 64.5	26 1.6	4 0.2	1,653 100.0	107	32	3	0	142
Doktor %	4,570 36.8	3,855 31.0	3,697 29.7	306 2.5	12,428 100.0	5,720 36.7	4,657 29.9	4,142 26.6	1,055 6.8	15,574 100.0	1,150	802	445	749	3,146
Doktor Gigi %	790 35.2	952 42.4	460 20.5	43 1.9	2,245 100.0	1,159 44.4	920 35.3	480 18.4	49 1.9	2,608 100.0	369	-32	20	6	363
Doktor Veterinar %	428 41.7	284 27.7	281 27.4	33 3.2	1,026 100.0	522 39.0	431 32.2	332 24.8	54 4.0	1,339 100.0	94	147	51	21	313
Jurutera %	15,334 42.6	18,416 51.1	1,864 5.2	405 1.1	36,019 100.0	22,623 46.0	23,432 47.6	2,648 5.4	498 1.0	49,201 100.0	7,289	5,016	784	93	13,182
Profesional %	2,461 25.0	6,536 66.5	636 6.5	198 2.0	9,831 100.0	3,326 28.9	7,283 63.2	726 6.3	188 1.6	11,523 100.0	865	747	90	-10	1,692
Juruukur %	1,298 45.1	1,426 49.6	97 3.4	56 1.9	2,877 100.0	2,069 48.2	2,017 47.0	136 3.2	68 1.6	4,290 100.0	771	591	39	12	1,413
Profesional %	713 42.5	876 52.2	58 3.5	30 1.8	1,677 100.0	975 47.2	989 47.9	70 3.4	31 1.5	2,065 100.0	262	113	12	1	388
Pegum %	3,111 32.3	3,860 40.1	2,586 26.8	76 0.8	9,633 100.0	4,465 38.0	4,354 37.1	2,834 24.1	97 0.8	11,750 100.0	1,354	494	248	21	2,117
<b>Jumlah %</b>	<b>29,356 35.5</b>	<b>42,276 51.2</b>	<b>9,909 12.0</b>	<b>1,103 1.3</b>	<b>82,644 100.0</b>	<b>42,414 38.8</b>	<b>53,297 48.7</b>	<b>11,556 10.6</b>	<b>2,085 1.9</b>	<b>109,352 100.0</b>	<b>13,058</b>	<b>11,021</b>	<b>1,647</b>	<b>982</b>	<b>26,708</b>

Sumber: Pertubuhan dan institusi profesional yang meliputi sektor awam dan swasta iaitu Institut Akauntan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Veterinar Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Institut Juruukur Malaysia dan Majlis Peguam Malaysia.

JADUAL 16-6

**HAK MILIK MODAL SAHAM<sup>1</sup> (PADA NILAI TARA) SYARIKAT BERHAD,  
2000 DAN 2004**

Kumpulan Hak Milik	RM juta		%		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2001-2004
	2000	2004	2000	2004	
<b>Bumiputera</b>	<b>62,976.0</b>	<b>100,037.2</b>	<b>18.9</b>	<b>18.9</b>	<b>12.3</b>
Individu	47,343.6	79,449.9	14.2	15.0	13.8
Institusi <sup>2</sup>	9,830.0	11,890.7	3.0	2.2	4.9
Agensi Amanah <sup>3</sup>	5,802.4	8,696.6	1.7	1.7	10.6
<b>Bukan Bumiputera</b>	<b>137,412.8</b>	<b>214,972.8</b>	<b>41.3</b>	<b>40.6</b>	<b>11.8</b>
Cina	129,318.3	206,682.9	38.9	39.0	12.4
India	5,136.8	6,392.6	1.5	1.2	5.6
Lain-lain	2,957.7	1,897.3	0.9	0.4	-10.5
<b>Syarikat Nomini</b>	<b>28,119.4</b>	<b>42,479.1</b>	<b>8.5</b>	<b>8.0</b>	<b>10.9</b>
<b>Rakyat Asing</b>	<b>103,909.4</b>	<b>172,279.6</b>	<b>31.3</b>	<b>32.5</b>	<b>13.5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>332,417.6</b>	<b>529,768.7</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>12.4</b>

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Tidak termasuk pegangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

<sup>2</sup> Merujuk kepada saham yang dipegang melalui institusi yang mengembleng dana Bumiputera seperti Unit Amanah Saham Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham MARA, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Koperasi Polis.

<sup>3</sup> Merujuk kepada saham yang dipegang melalui agensi amanah seperti PNB, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Perbadanan Nasional Berhad, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

dikuasai oleh Bumiputera adalah dalam sektor pembinaan, iaitu 35.2 peratus diikuti oleh pengangkutan 26.7 peratus serta perdagangan borong dan runcit 20.4 peratus. Penswastan kekal menjadi mekanisme yang berkesan dalam usaha meningkatkan pemilikan ekuiti dan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Pemilikan modal saham Bumiputera pada nilai tara dalam projek yang diswastakan meningkat daripada RM5.5 bilion di peringkat awal penswastan kepada RM14.9 bilion pada tahun 2005 atau 14.9 peratus daripada jumlah ekuiti yang dimiliki oleh Bumiputera.

16.24 Ketidaksamaan pemilikan aset bukan kewangan masih luas. Satu tinjauan mengenai pemilikan bangunan dan premis komersil di semua pusat bandar di seluruh negara yang dijalankan pada tahun 2005 menunjukkan bahawa pemilikan harta tanah oleh Bumiputera adalah rendah berbanding bukan Bumiputera. Bumiputera memiliki hanya 11.7 peratus daripada pelbagai jenis premis perniagaan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 16-8*. Pemilikan premis industri oleh Bumiputera adalah juga rendah, iaitu pada 4.8 peratus dan bagi kompleks perniagaan adalah 11.7 peratus.

JADUAL 16-7

**HAK MILIK MODAL SAHAM<sup>1</sup> (PADA NILAI PAR) SYARIKAT BERHAD  
MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN SEKTOR, 2004**  
(%)

Kumpulan Hak Milik	Pertanian	Perlombongan	Pembuatan	Utiliti	Pembinaan	Perdagangan Pengangkutan Borong & Runcit	Kewangan	Perkhidmatan	Lain-lain	Jumlah	
<b>Bumiputera</b>	16.4	12.3	8.1	6.3	35.2	20.4	26.7	12.5	18.7	24.3	18.9
<b>Bukan Bumiputera</b>	54.0	39.8	25.3	9.2	44.0	53.3	30.6	10.5	40.9	48.6	40.6
Cina	52.9	39.5	24.5	8.9	42.6	50.7	27.7	10.2	39.5	45.7	39.0
India	0.8	0.2	0.6	0.2	1.1	2.0	2.5	0.3	1.1	1.8	1.2
Lain-lain	0.2	0.1	0.1	0.1	0.3	0.6	0.4	0.04	0.2	1.1	0.4
<b>Syarikat Nominasi</b>	6.6	25.4	1.9	17.2	5.9	0.7	11.4	17.5	10.9	3.9	8.0
<b>Rakyat Asing</b>	23.0	22.5	64.7	67.3	14.9	25.6	31.3	59.5	29.5	23.2	32.5
<b>Jumlah</b>	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Tidak termasuk saham yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan.



JADUAL 16-8

**PEMILIKAN BANGUNAN DAN PREMIS KOMERSIL MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, 2005**

Jenis Bangunan/Premis	Unit				Peratus (%)					
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Bangunan	24,374	139,052	10,388	17,773	191,587	12.7	72.6	5.4	9.3	100.0
Satu Tingkat	10,433	20,122	2,212	2,185	34,952	29.8	57.6	6.3	6.3	100.0
Dua Tingkat	8,733	67,233	4,354	7,303	87,623	10.0	76.7	5.0	8.3	100.0
Tiga Tingkat	2,201	26,792	1,582	4,474	35,049	6.3	76.4	4.5	12.8	100.0
Melebihi Tiga Tingkat	3,007	24,905	2,240	3,811	33,963	8.9	73.3	6.6	11.2	100.0
Kompleks Perniagaan	3,207	19,072	568	4,651	27,498	11.7	69.4	2.1	16.9	100.0
Premis Industri	1,480	21,514	446	7,118	30,558	4.8	70.4	1.5	23.3	100.0
Hotel	313	1,519	71	289	2,192	14.3	69.3	3.2	13.2	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>29,374</b>	<b>181,157</b>	<b>11,473</b>	<b>29,831</b>	<b>251,835</b>	<b>11.7</b>	<b>71.9</b>	<b>4.6</b>	<b>11.8</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: Berdasarkan 87 peratus respon daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

16.25 Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 365 permohonan penyenaian telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Daripada jumlah ini, hanya 41 permohonan atau 11.2 peratus adalah daripada syarikat Bumiputera dan bakinya daripada syarikat bukan Bumiputera termasuk syarikat asing. Dari segi jumlah dana yang diterbitkan melalui tawaran awam permulaan (IPO), sejumlah RM815 juta atau 14.9 peratus daripada jumlah dana telah diterbitkan oleh syarikat Bumiputera berbanding RM4.7 bilion atau 85.1 peratus oleh syarikat bukan Bumiputera dan syarikat asing.

16.26 Dalam tempoh Rancangan, usaha telah diperkenalkan untuk menggalakkan usahawan yang berpotensi di kalangan etnik India untuk menyertai pelbagai program pembangunan keusahawanan. Lesen perniagaan telah dikeluarkan bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai etnik India dalam aktiviti perniagaan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka dalam sektor korporat. Peluang juga disediakan kepada belia di kalangan etnik India untuk memperoleh latihan kemahiran dan pengetahuan dalam asas pengurusan perniagaan. Mulai tahun 2004, Pusat GiatMARA di seluruh negara telah melatih seramai 1,100 belia etnik India dalam pelbagai bidang kemahiran.

### **Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)**

16.27 Pelaksanaan program MPPB telah diperkukuh dalam tempoh Rancangan. Namun begitu, kemajuan yang dicapai adalah jauh daripada yang dihasratkan. Sejumlah 114,770 usahawan Bumiputera telah menyertai program latihan dan pembangunan perniagaan seperti program pembangunan vendor, program pembangunan francais, skim modal teroka dan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER).

16.28 *Program pembangunan vendor* telah mewujudkan 135 vendor baru. Sebanyak 100 syarikat Bumiputera dilantik sebagai vendor kepada syarikat milik persendirian manakala 35 lagi dipilih untuk membekalkan alat ganti serta menyediakan bekalan dan perkhidmatan kepada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Dalam tempoh Rancangan, *program pembangunan francais* telah mewujudkan 228 usahawan francais Bumiputera dalam pelbagai bidang perniagaan seperti makanan, pusat pembelajaran kanak-kanak dan automotif. Di samping itu, sejumlah 29 daripada 114 pemilik francais berdaftar adalah Bumiputera. Kekurangan syarikat swasta yang bersedia menjadi syarikat peneraju dalam pengembangan perniagaan merupakan sebab utama pencapaian yang rendah dalam pelaksanaan program ini.

16.29 Di bawah program PROSPER, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) meluluskan pelaburan kepada 884 peniaga runcit Bumiputera dengan jumlah kos projek sebanyak RM233.2 juta. Sebanyak 48 peratus daripada jumlah tersebut dibiayai melalui PUNB. Perniagaan ini menjana jualan sebanyak

RM350 juta setahun dan menyediakan kira-kira 3,580 peluang pekerjaan. Selain menggalakkan penglibatan lebih ramai peruncit Bumiputera di kawasan perumahan dan bandar baru, program ini berjaya menggalakkan usahawan Bumiputera berkecimpung dalam perniagaan yang kurang disertai Bumiputera seperti pusat perkhidmatan automotif, kedai perkakasan serta kedai dobi dan cucian kering. Di bawah *skim modal teroka*, PUNB menumpukan perhatian untuk memulihkan syarikat yang menyertai program dan telah terjejas teruk akibat krisis kewangan 1997-98. Berikutan itu, PUNB berupaya membangunkan 14 syarikat Bumiputera baru di bawah skim ini dengan jumlah pelaburan sebanyak RM14.4 juta.

16.30 Langkah juga telah diambil untuk membangunkan usahawan Bumiputera di Sabah dan Sarawak melalui penyediaan pelbagai jenis premis perniagaan dan perindustrian. Dalam hal ini, sejumlah RM45 juta dibelanjakan di Sabah dan RM54 juta di Sarawak dalam tempoh Rancangan.

### III. PROSPEK, 2006-2010

16.31 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), agenda pengagihan akan dilaksanakan secara lebih tegas bagi memastikan pencapaian agihan manfaat pembangunan ekonomi dengan lebih saksama oleh semua rakyat Malaysia. Strategi pengagihan akan ditumpukan ke arah mewujudkan penyertaan yang lebih seimbang dan saksama antara dan di kalangan etnik terutamanya melalui bina upaya dan peningkatan daya saing. Pendekatan ini diambil atas kesedaran bahawa dalam konteks ekonomi semasa, tahap pendapatan dan kemakmuran individu dan isi rumah serta kumpulan etnik dan wilayah adalah ditentukan sebahagian besarnya oleh peranan mereka dalam sistem pengeluaran dan pulangan yang diperolehi daripada bekerja sendiri dan menerusi pasaran pekerja. Dalam tempoh RMKe-9, selain menumpukan kepada pencapaian dalam pembasmian kemiskinan serta ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan, perhatian khusus akan diberikan kepada impak pelaksanaan dasar, program dan projek ke atas guna tenaga terutama dari segi keberkesanan dan produktiviti dalam proses pertumbuhan serta pengagihan peluang dan ganjaran.

16.32 Bagi menumpukan usaha dengan lebih baik, sasaran khusus untuk pengagihan ditetapkan di bawah RMKe-9 seperti yang berikut:

- *membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 peratus menjelang tahun 2010;*
- *mengurangkan nisbah ketidaksamaan pendapatan antara Bumiputera dengan etnik Cina kepada 1:1.50 dan antara Bumiputera dengan etnik India kepada 1:1.15 pada tahun 2010; dan*

- *meningkatkan pemilikan modal saham Bumiputera antara 20 hingga 25 peratus pada tahun 2010 bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2020.*

16.33 Strategi pengagihan akan diorientasikan semula ke arah mencapai pariti pendapatan menerusi teras utama yang berikut:

- ❑ *meningkatkan bahagian pendapatan bagi kumpulan isi rumah 40 peratus terendah dengan meningkatkan produktiviti menerusi pembangunan modal insan;*
- ❑ *mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menarik lebih banyak penyertaan NGO dan sektor swasta dalam pembasmian kemiskinan;*
- ❑ *mengurangkan ketidaksamaan dalam pemilikan kekayaan termasuk aset bukan kewangan;*
- ❑ *membangunkan MPPB yang lebih berdaya saing dan produktif melalui pewujudan usahawan Bumiputera yang berdikari dan mampan serta membangunkan enterpris kecil dan sederhana (EKS) Bumiputera yang berdaya tahan;*
- ❑ *memperluas akses kepada program pendidikan dan latihan bagi meningkatkan bilangan pengurus dan profesional Bumiputera terutamanya dalam sektor swasta;*
- ❑ *mempregiat pelaksanaan program penyusunan semula guna tenaga ke arah mengurangkan pengenalan kumpulan etnik mengikut pekerjaan dan pendapatan bagi meningkatkan integrasi; dan*
- ❑ *memperkukuh pangkalan data dan mekanisme pemantauan untuk melaksanakan agenda pengagihan secara berkesan.*

16.34 Semua agensi kerajaan dikehendaki memastikan dasar dan program mengambil kira implikasi ke atas pengagihan. Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan dan memberi penekanan kepada hasil dan impak akan diwujudkan. Mekanisme ini akan disokong dengan pangkalan data dan penyelarasan yang lebih baik di kalangan kementerian dan agensi yang berkaitan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan agenda pengagihan. Satu sistem yang lebih baik akan diwujudkan untuk mengenal pasti penerima faedah dan meminimumkan kebocoran.

### **Pembasmian Kemiskinan**

16.35 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan diambil untuk membasmi kelompok miskin di kalangan kumpulan yang kurang mendapat faedah pembangunan, khususnya di kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Teras

strategi pembasmian kemiskinan akan bertumpu kepada pembasmian kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan pada akhir tahun 2010. Mekanisme pelaksanaan yang baru dan yang lebih baik serta program kebajikan masyarakat yang khusus akan dilaksanakan bagi memastikan kemiskinan tegar kekal dibasmikan selepas tahun 2010. Di samping itu, langkah akan diambil untuk mengurangkan kemiskinan di kawasan luar bandar dan bandar serta di kalangan Bumiputera di Sabah dan Sarawak melalui projek yang menjana pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan. Hanya warga emas, ibu tunggal miskin, orang kurang upaya dan daif yang tidak dapat menjalankan sebarang aktiviti ekonomi yang mendatangkan hasil akan terus menerima bantuan langsung.

16.36 *Kemiskinan Tegar*. Liputan program berpakej di bawah SPKR akan diperluas kepada semua kumpulan sasaran, terutamanya di kawasan yang mempunyai bilangan isi rumah miskin tegar yang tinggi. Program berkenaan, termasuk Program Peningkatan Ekonomi, Program Pembangunan Infrastruktur Asas dan Program Pembangunan Insan, akan memberi lebih penekanan kepada pembangunan modal insan dan bina upaya bagi memastikan program tersebut memberi manfaat kepada peserta secara berterusan.

16.37 Akses kepada kemudahan kredit akan dipertingkatkan lagi bagi membolehkan kumpulan sasaran terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi yang lebih produktif. Bagi tujuan ini, operasi AIM dalam membasmi kemiskinan tegar akan diperkukuh lagi. Menjelang tahun 2010, AIM akan memperluas kemudahan kredit mikro kepada 69,200 peserta tambahan dan menambah keahlian kepada 203,200. Bagi meningkatkan liputan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada golongan miskin tegar, AIM akan menumpukan operasinya di negeri yang mempunyai bilangan isi rumah miskin tegar yang tinggi, terutamanya di Sabah, Terengganu dan Perak. Di samping itu, NGO lain dan sektor swasta akan digalakkan untuk memulakan program dan projek yang menyediakan peluang kepada kumpulan sasaran untuk meningkatkan pendapatan mereka. Usaha akan diambil untuk mengemas kini dan menggabung daftar golongan miskin tegar bandar dan luar bandar bagi memastikan semua program pembasmian kemiskinan dinikmati oleh kumpulan sasaran.

16.38 *Kemiskinan Keseluruhan*. Program bagi membina dan meningkatkan keupayaan golongan miskin dalam kumpulan umur bekerja akan diperkukuh bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi yang lebih produktif. Program ini termasuk pendidikan dan latihan dalam kemahiran dan pengetahuan khusus serta penyediaan dan pemupukan nilai positif termasuk etika kerja yang baik dan keyakinan diri. Program sokongan seperti pemberian buku teks, biasiswa dan elaun serta makanan tambahan akan diteruskan bagi meningkatkan akses isi rumah miskin kepada pendidikan dan latihan. Lebih banyak asrama akan disediakan bagi menempatkan pelajar daripada keluarga miskin. Program

dan projek di bawah SPKR dan Program Pembangunan Bersepadu Bagi Masyarakat Bandar akan diperkukuh bagi memastikan keberkesannya dalam meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan serta menambah baik kualiti hidup isi rumah miskin dan yang berpendapatan rendah.

16.39 Persekitaran yang lebih kondusif akan diwujudkan untuk menggalakkan lagi penyertaan NGO dan sektor swasta dalam menyediakan peluang yang lebih luas kepada golongan miskin untuk menambah baik mata pencarian mereka. Institusi kewangan akan disaran menyediakan kemudahan pinjaman yang inovatif dan mesra golongan miskin. Penyertaan kumpulan sasar serta komuniti akan digalakkan dalam pengenalpastian dan pelaksanaan projek bagi meningkatkan kualiti dan kemampuan program berkenaan.

16.40 Dalam tempoh Rancangan, langkah akan diambil untuk menambah baik pengurusan institusi berasaskan Islam, terutamanya yang berkaitan dengan zakat, wakaf dan baitulmal serta membangunkan institusi tersebut menjadi mekanisme yang berkesan untuk memberi bantuan secara langsung kepada golongan miskin. Kejayaan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dicontohi sebagai model pungutan zakat untuk dilaksanakan di negeri lain.

16.41 Inisiatif pembasmian kemiskinan oleh sektor awam, NGO dan sektor swasta akan diperkemas manakala penyelarasan dan pemantauan di semua peringkat akan diperkukuh, termasuk menetapkan sasaran boleh capai bagi semua agensi pelaksana untuk memastikan kemampuan dan impak yang lebih besar sesuatu program. Bagi tujuan ini, satu pangkalan data kemiskinan yang menggabungkan daftar kemiskinan luar bandar dan bandar dengan menggunakan definisi pendapatan yang sama akan diwujudkan bagi menambah baik kualiti pangkalan data mengenai isi rumah miskin dan miskin tegar. Pangkalan data yang disokong dengan data daripada pelbagai agensi pelaksana termasuk NGO akan digunakan oleh semua agensi pelaksana sebagai sumber data utama bagi kumpulan sasar mereka. Di samping itu, pemetaan kemiskinan akan dibangunkan di kawasan bandar dan luar bandar terpilih bagi membantu dalam merangka program untuk memenuhi keperluan kumpulan sasar yang berlainan.

16.42 *Kemiskinan Luar Bandar.* Pembangunan luar bandar akan terus menjadi strategi utama pembasmian kemiskinan di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, masyarakat luar bandar akan diberi akses yang lebih baik kepada teknologi baru dan kaedah pertanian moden serta aktiviti ekonomi luar kebun. Pemodenan dan pengkomersilan aktiviti pertanian melalui penggunaan klon berhasil tinggi yang lebih meluas akan meningkatkan produktiviti dan pendapatan di kalangan isi rumah miskin. Petani dan pekebun kecil akan terus disediakan khidmat sokongan pertanian yang lebih baik bagi menggalakkan mereka menceburi aktiviti pertanian berskel besar untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

16.43 Program latihan dan kemudahan kredit akan disediakan terutamanya kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti ekonomi berasaskan pertanian. Petani dan nelayan akan digalakkan untuk menjalankan aktiviti ekonomi tambahan dalam bidang akuakultur, penternakan dan pemprosesan makanan serta perniagaan dan keusahawanan berasaskan pertanian. Petani yang terlibat dengan penanaman tembakau juga akan digalakkan menceburi aktiviti ekonomi tersebut serta penanaman tanaman alternatif lain bagi menambah pendapatan mereka, memandangkan kawasan tanaman dan pendapatan daripada tembakau dijangka akan berkurangan.

16.44 Skim pembangunan tanah dan penubuhan pusat pertumbuhan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak, akan terus menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada golongan miskin luar bandar. Penyatuan dan pemulihan kebun kecil juga akan memberi manfaat kepada petani miskin di kawasan luar bandar. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 387,500 hektar kawasan getah dan kelapa sawit akan ditanam semula dan 102,700 hektar tanah akan disatukan dan dipulihkan oleh pelbagai agensi termasuk Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), FELCRA Berhad dan Lembaga Industri Getah Sabah, untuk memberi manfaat kepada pekebun kecil miskin.

16.45 *Kemiskinan Bandar*. Dalam tempoh Rancangan, usaha membasmi kemiskinan bandar akan berpandu kepada Pelan Tindakan Strategik Kemiskinan Bandar. Semua program dan projek di bawah Program Pembangunan Bersepadu Masyarakat Bandar akan disatukan dan diperluas di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Komponen program ini termasuk penyediaan perumahan, penajaan pendapatan, pendidikan dan latihan serta penubuhan Pusat Sejahtera sebagai pusat maklumat dan sumber bagi golongan miskin. Penempatan semula penduduk setinggan di kawasan bandar ke projek perumahan awam kos rendah dan projek perumahan lain akan diteruskan melalui pendekatan pembangunan bersepadu.

16.46 *Bumiputera di Sabah dan Sarawak*. Program sasaran spesifik akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan untuk membasmi kemiskinan berdasarkan penemuan kajian yang dijalankan pada tahun 2005. Langkah akan diambil bagi menyediakan peluang pekerjaan dan aktiviti yang menjana pendapatan bagi mengurangkan kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan Orang Sungei, Rungus, Bisaya dan Sulu atau Suluk di Sabah serta Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kadayan, Penan dan Lun Bawang di Sarawak. Di bawah SPKR, sejumlah RM189 juta akan diperuntukkan kepada Sabah dan RM139 juta untuk Sarawak bagi menangani kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan Bumiputera.

16.47 Dalam tempoh Rancangan, langkah yang lebih efektif akan diambil untuk meningkatkan pendapatan dan memperbaiki kualiti hidup golongan miskin terutamanya melalui usaha mempergiat sektor kecil pertanian di Sabah dan Sarawak. Pekebun kecil koko, lada hitam dan sago akan diberikan bantuan kewangan untuk memulihkan ladang mereka melalui konsep berasaskan estet serta aktiviti memproses berasaskan pertanian. Skim pembangunan tanah baru dan pusat pembangunan luar bandar akan dibangunkan untuk menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih besar serta infrastruktur dan kemudahan lain yang lebih baik kepada golongan miskin di luar bandar. Sejumlah RM446 juta di Sabah dan RM702 juta di Sarawak akan disediakan untuk membangunkan jalan luar bandar dan jalan kampung. Di samping itu, Sabah akan diperuntukkan sejumlah RM340 juta dan Sarawak sebanyak RM396 juta untuk penyediaan bekalan air luar bandar. Di Sabah, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) akan mengambil langkah khusus untuk menangani kemiskinan tegar yang melibatkan 2,000 isi rumah. Pada masa yang sama, sejumlah RM150 juta akan diperuntukkan melalui FELCRA Berhad untuk program pembangunan pertanian di Sarawak. Di samping itu, program AIM akan diperkembang untuk mengurangkan kemiskinan keseluruhan dan membasmi kemiskinan tegar di kalangan Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

16.48 *Orang Asli*. Dalam tempoh Rancangan, satu pelan pembangunan komprehensif akan dilaksanakan untuk menangani kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli. Pelan ini merangkumi strategi dan program untuk meningkatkan pendapatan dan menambah baik kualiti hidup melalui pelaksanaan projek ekonomi serta penempatan semula dan pembangunan modal insan. Usaha akan ditumpukan ke arah meningkatkan akses masyarakat Orang Asli kepada projek yang menjana pendapatan seperti penanaman tanaman makanan, kraf tangan dan pelancongan serta penyediaan peluang pekerjaan, infrastruktur dan kemudahan asas lain. Bagi tujuan ini, penyampaian program dan inisiatif pembasmian kemiskinan akan diperkukuh bagi memastikan golongan miskin menikmati manfaat yang lebih besar. NGO, terutamanya AIM, akan digalakkan untuk memperluas program dan inisiatif bagi membasmi kemiskinan dan kemiskinan tegar di kalangan kumpulan yang kurang mendapat faedah pembangunan. SPKR juga akan diperluas lagi sebagai sebahagian daripada program yang tertumpu kepada sasaran khusus bagi membasmi kemiskinan di kalangan kumpulan tersebut di kawasan luar bandar.

### **Pengagihan Pendapatan**

16.49 Bagi mencapai pariti pendapatan dalam jangka panjang, usaha akan diambil bagi mengurangkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik serta antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar, untuk mencapai pengagihan yang lebih saksama daripada hasil pertumbuhan ekonomi negara yang terus



berkembang. Sehubungan ini, aktiviti yang menjana pendapatan dan peluang pekerjaan akan diwujudkan untuk mengecilkan jurang pendapatan antara Bumiputera dengan etnik Cina daripada 1:1.64 pada tahun 2004 kepada 1:1.50 pada tahun 2010. Dalam tempoh yang sama, jurang pendapatan antara Bumiputera dengan etnik India disasarkan berkurangan daripada 1:1.27 kepada 1:1.15.

16.50 Selain usaha pembasmian kemiskinan, strategi dan program pengagihan akan bertumpu kepada pewujudan kumpulan berpendapatan menengah Bumiputera yang lebih besar dan makmur melalui pembangunan modal insan. Usaha yang sedang dilaksanakan akan diperkukuh lagi dan instrumen baru yang berkesan akan dikenal pasti untuk memperbesar kumpulan berpendapatan menengah Bumiputera. Langkah ini meliputi usaha mempergiat program penyusunan semula guna tenaga untuk mewujudkan lebih ramai usahawan yang berjaya, meningkatkan hak milik dan kekayaan Bumiputera, memperkukuh program pendidikan dan latihan serta menyediakan lebih banyak peluang kepada Bumiputera untuk bersaing mendapatkan pekerjaan berpendapatan lebih tinggi, terutamanya dalam peringkat pengurusan, profesional dan teknikal. Di samping itu, langkah meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah akan diperluas untuk meliputi isi rumah 40 peratus terendah bagi membolehkan mereka beralih ke kategori pendapatan yang lebih tinggi. Kira-kira 76.0 peratus daripada kumpulan 40 peratus isi rumah terendah pada tahun 2004 adalah Bumiputera.

16.51 Faktor yang berkaitan dengan kualiti pekerja dan penggunaan sumber akan diberi perhatian yang lebih, memandangkan faktor ini amat mempengaruhi produktiviti dan keupayaan memperoleh pendapatan dalam aktiviti ekonomi moden. Latihan tambahan akan disediakan terutamanya kepada siswazah menganggur bagi membolehkan mereka memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Pada masa yang sama, lebih banyak institusi latihan akan dinaik taraf dan dibina terutamanya di kawasan luar bandar untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada masyarakat luar bandar.

16.52 Pembangunan luar bandar akan dipergiat melalui pemodenan dan pengkomersilan aktiviti pertanian serta pelbagaian ekonomi luar bandar bagi mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara kawasan luar bandar dengan bandar dan antara negeri yang kurang membangun dengan yang lebih membangun. Pemodenan dan pewujudan aktiviti ekonomi baru di kawasan luar bandar terutamanya melalui program Satu Daerah Satu Industri dan pembangunan estet perindustrian luar bandar akan menyediakan lebih banyak peluang kepada isi rumah luar bandar mendapat pekerjaan dalam sektor berproduktiviti tinggi.

16.53 Pembangunan usahawan luar bandar akan dilaksanakan secara lebih sistematik dan berfokus berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Usahawan Luar Bandar. Program untuk meningkatkan kesedaran dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kalangan isi rumah luar bandar akan dilaksanakan bagi mengurangkan jurang digital serta meningkatkan peluang isi rumah luar bandar menyertai dan menceburi aktiviti ekonomi moden. Langkah untuk meningkatkan celik ICT di kalangan penduduk luar bandar dan kumpulan yang kurang mendapat faedah pembangunan akan membolehkan mereka meningkatkan akses kepada maklumat dan perkhidmatan yang penting, memupuk minat bekerja sendiri dan keusahawanan di kalangan penduduk yang lebih miskin.

### **Penyusunan Semula Guna Tenaga**

16.54 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan dipergiat lagi bagi memastikan pola guna tenaga pada semua peringkat pekerjaan dan dalam semua sektor ekonomi menggambarkan komposisi penduduk mengikut etnik. Sektor swasta perlu meningkatkan penglibatan mereka dalam memesatkan pertumbuhan guna tenaga Bumiputera dan menyusun semula pola guna tenaga dalam sektor swasta. Kerjasama sektor awam dan swasta akan diwujudkan dan dilaksanakan bagi memajukan guna tenaga Bumiputera. Kemajuan penyusunan semula guna tenaga yang mencerminkan komposisi etnik akan dipantau secara lebih teliti pada pelbagai peringkat dan secara keseluruhan, walaupun sasaran tidak ditetapkan pada peringkat mikro.

16.55 Pendidikan dan latihan akan kekal sebagai strategi penting bagi mencapai objektif meningkatkan guna tenaga Bumiputera dalam pekerjaan profesional, pengurusan dan pekerjaan berpendapatan tinggi lain terutamanya dalam sektor perkhidmatan serta sektor lain yang moden dan berproduktiviti tinggi. Dalam tempoh Rancangan, enrolmen Universiti Teknologi MARA (UiTM) akan dipertingkatkan termasuk menerusi sistem francais dengan institusi pengajian tinggi swasta Bumiputera bagi menyediakan lebih banyak tempat untuk pelajar Bumiputera. Langkah akan dilaksanakan bagi mempercepat lagi peralihan dan penerimaan pelajar lepasan sekolah menengah dan siswazah Bumiputera ke dalam sektor dinamik dan kategori pekerjaan berpendapatan tinggi.

16.56 Tumpuan akan diberi kepada usaha mewujudkan MSTB dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor kecil berasaskan teknologi seperti bioteknologi, ICT dan pembuatan termaju. Langkah akan dipergiat bagi meningkatkan prestasi pelajar Bumiputera terutamanya dalam mata pelajaran sains, matematik dan Bahasa Inggeris dan meningkatkan bilangan mereka dalam kursus kritikal di universiti. Selain bantuan yang diberi kepada pelajar terbaik, biasiswa dan pinjaman akan diberikan kepada pelajar Bumiputera yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan serta institusi terkemuka di luar negara.

16.57 Langkah akan juga diambil bagi menyediakan peluang kepada siswazah Bumiputera menyertai pelbagai program pembangunan MPPB untuk membolehkan mereka bekerja sendiri. Sehubungan ini, Skim Usahawan Siswazah akan diperluas dan diperkukuh manakala bantuan lain untuk mereka bekerja sendiri akan disediakan termasuk latihan, nasihat teknikal, bantuan kewangan, maklumat pasaran dan teknologi baru.

16.58 Sektor swasta dan GLC akan digalakkan untuk memberi peluang dan bantuan kepada Bumiputera bagi mendapat kelayakan profesional dan pekerjaan. Selain itu, langkah yang lebih tegas akan diambil bagi meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor perkhidmatan awam dalam kategori pekerjaan yang masih kurang penyertaan mereka.

### **Pemilikan Kekayaan**

16.59 Sungguhpun Kerajaan kekal komited bagi memastikan pencapaian sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera, sasaran ini hanya boleh dicapai dalam jangka masa lebih panjang. Oleh itu, sasaran pemilikan 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat dan sasaran 3.0 peratus bagi komuniti India akan dilanjutkan sehingga tahun 2020. Di samping itu, dalam konteks ekonomi semasa, faktor lain selain pemilikan ekuiti menjadi semakin penting sebagai pengukur pemilikan kekayaan. Oleh itu, selain pemilikan modal saham, tumpuan program pengagihan dalam tempoh Rancangan akan diperluas bagi meliputi aspek pemilikan kekayaan lain, terutamanya pemilikan Bumiputera dalam aset produktif fizikal dan bukan fizikal. Selaras dengan ini, dasar dan program akan dilaksanakan bagi meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam harta tanah kediaman dan komersil di bandar, hak harta intelek serta enterpris komersil terutamanya EKS.

16.60 Dalam tempoh Rancangan, Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan menggalakkan penyertaan aktif lebih ramai Bumiputera dalam skim saham amanah menerusi program kesedaran dan pendidikannya. PNB akan menyediakan lebih banyak pilihan produk bagi menarik lebih ramai pelabur Bumiputera. Tumpuan khusus akan diberi untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dalam skim saham amanah.

16.61 Agensi amanah Bumiputera dan GLC akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha meningkatkan harta tanah komersil Bumiputera di kawasan bandar. Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dengan modal permulaan sebanyak RM2.0 bilion akan meneraju usaha meningkatkan pemilikan harta tanah Bumiputera di lokasi strategik terutamanya di kawasan bandar. Perbadanan UDA akan

ditubuhkan semula bagi melengkapkan usaha Yayasan untuk mengenal pasti dan memperoleh harta tanah komersil terutamanya di bandar besar dan menyediakan lebih banyak peluang kepada usahawan Bumiputera berniaga di lokasi perniagaan utama. Peningkatan usahawan dan pemilikan enterpris komersil Bumiputera terutamanya EKS akan terus dipergiat.

16.62 Sumber wakaf, baitulmal dan zakat akan digembleng sewajarnya dalam tempoh Rancangan bagi meningkatkan pembangunan Bumiputera dan masyarakat Islam lain. Penekanan akan diberikan kepada usaha membangunkan tanah wakaf di dalam kawasan komersil dalam bandar di Johor Bahru, Lembah Klang dan Pulau Pinang. Program pembangunan akan melibatkan pembangunan semula penempatan perumahan secara bersepadu dengan menyediakan kemudahan infrastruktur dan ekonomi, termasuk premis perniagaan dan industri di atas tanah wakaf. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji akan menyelaraskan penubuhan satu entiti baru dengan penyertaan Majlis Agama Islam Negeri bagi melaksanakan program untuk membangunkan tanah wakaf dan baitulmal sebagai pelaburan ekonomi yang berdaya maju dan seterusnya membantu pembangunan MPPB. Di samping itu, pangkalan data mengenai sumber wakaf, zakat dan baitulmal akan diperkukuh.

16.63 Program penyusunan semula untuk meningkatkan pemilikan aset Bumiputera juga merangkumi langkah khusus untuk meningkatkan pemilikan oleh Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan ini, satu pelan tindakan akan dirangka untuk melaksanakan pelbagai program termasuk skim saham amanah, pembangunan keusahawanan dan program latihan kemahiran serta penyediaan kemudahan pembiayaan. Pembangunan tanah pribumi dan adat di Sabah dan Sarawak melalui pembangunan projek komersil dan projek lain yang bersesuaian akan dilaksanakan untuk manfaat Bumiputera.

16.64 Langkah tambahan akan dilaksanakan bagi meningkatkan pemilikan ekuiti etnik India kepada 3.0 peratus menjelang tahun 2020. Lebih banyak peluang akan disediakan kepada komuniti India untuk menyertai skim saham amanah terpilih. Bagi menggalakkan lagi komuniti India menceburi bidang perniagaan, akses kepada bantuan kewangan dan program latihan akan diperluas kepada usahawan yang berpotensi dan berkemampuan. Dalam tempoh Rancangan, peluang akan terus diberi kepada pelajar lepasan sekolah di kalangan isi rumah India yang berpendapatan rendah untuk menyertai pelbagai kursus latihan kemahiran di Pusat GiatMARA. Selain itu, sebuah institusi latihan kemahiran baru iaitu Pusat Putra akan ditubuhkan bagi membantu belia khususnya di kalangan etnik India untuk memperoleh kemahiran berkaitan terutamanya dalam bidang ICT dan automekanik.

## **Fasa Kedua Pembangunan MPPB**

16.65 Pembangunan MPPB akan kekal sebagai teras utama dalam RMKe-9 bagi memastikan penyertaan Bumiputera yang berkesan dalam ekonomi dan meneruskan usaha menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Selaras dengan strategi untuk meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera dari segi perusahaan komersil, fasa kedua program pembangunan MPPB dengan penglibatan aktif sektor swasta akan memberi tumpuan kepada usaha mempercepat pembangunan usahawan Bumiputera yang berdikari, mampan dan berdaya saing serta mewujudkan EKS Bumiputera yang kukuh. Dalam fasa ini, pembangunan MPPB akan dipertingkatkan lagi dengan menggalakkan perkembangan rangkaian dan kelompok perniagaan di kalangan perusahaan Bumiputera, antara perusahaan Bumiputera dengan bukan Bumiputera serta antara GLC dengan perusahaan Bumiputera. Di samping itu, peranan agensi amanah, GLC dan koperasi akan diperkukuh lagi untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan bagi melaksanakan strategi dan program MPPB dengan lebih berkesan.

16.66 Bagi memastikan kewujudan Bumiputera yang teguh dan mampan dalam sektor perdagangan dan perindustrian, satu pendekatan baru akan diguna pakai dengan memberi penekanan bukan sahaja kepada bilangan usahawan Bumiputera yang diwujudkan tetapi yang lebih penting ialah kualiti mereka dari segi produktiviti dan daya saing. Dalam hal ini, Kerajaan akan menggalakkan usahawan membina keupayaan dan rekod prestasi supaya menjadi lebih berdaya tahan untuk menghadapi cabaran persaingan alam perniagaan. Dalam tempoh Rancangan, program sedia ada akan ditumpukan ke arah membantu peningkatan mobiliti usahawan ke tahap atau kategori yang lebih tinggi. Di samping itu, satu program khas akan dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada transformasi EKS Bumiputera terpilih dengan nilai jualan tahunan antara RM1 juta hingga RM25 juta kepada perusahaan yang lebih besar. Bagi menyokong pertumbuhan EKS Bumiputera, langkah akan juga diambil untuk tidak menggalakkan agensi kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan GLC bersaing secara langsung merebut peluang perniagaan dengan EKS Bumiputera.

16.67 Kerajaan akan terus menyediakan sokongan yang perlu dan mengambil tindakan terpilih untuk membantu usahawan Bumiputera yang berupaya dan berkebolehan termasuk melalui program peningkatan produk dan kualiti, latihan teknikal, pemasaran dan promosi serta pembangunan dan penyelidikan (R&D). Perusahaan Bumiputera akan digalakkan untuk menjalankan aktiviti R&D bagi meningkatkan kualiti produk dan keupayaan pengeluaran. Pelbagai bantuan termasuk kemudahan pembiayaan, peningkatan produk, pemasaran dan promosi juga akan disediakan kepada usahawan Bumiputera. Bantuan dan kemudahan lain juga akan disediakan berdasarkan keperluan perniagaan.

16.68 Bagi membantu penyertaan lebih ramai Bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan serta pertanian dan industri berasaskan pertanian, langkah akan diambil untuk meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor kecil perkhidmatan terpilih seperti pengangkutan dan logistik, bengkel automotif, perdagangan pengedaran, perkhidmatan profesional dan perniagaan, pelancongan, serta industri berasaskan sumber dan perniagaan berasaskan produk halal, herba dan farmaseutikal. Dalam sektor pembuatan, penekanan akan diberi kepada sektor strategik dan industri berteknologi tinggi seperti ICT, bioteknologi, fotonik, nanoteknologi, pembuatan termaju dan kejuruteraan kepersisan. Kerajaan dengan kerjasama GLC yang berkaitan akan membantu kemasukan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru menerusi pembentukan program berpakej baru. Program ini meliputi penyediaan skim pembiayaan untuk memupuk usahawan dan teknousahawan Bumiputera baru yang berpotensi. Di samping itu, golongan profesional Bumiputera sedia ada yang layak dan berprestasi tinggi dalam industri berteknologi tinggi akan dikenal pasti dan digalakkan menjadi peserta peneraju dalam program ini. Pada masa yang sama, dasar guna tenaga yang lebih fleksibel akan digubal bagi menggalakkan peningkatan mobiliti kakitangan R&D Bumiputera dalam institusi penyelidikan awam untuk menceburi bidang pertumbuhan baru ini.

16.69 Fungsi dan peranan agensi amanah, terutamanya PKEN dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan dipertingkatkan bagi memperkukuh peranan mereka dalam memupuk pembangunan Bumiputera terutamanya EKS. PKEN akan digalakkan untuk meneraju usaha mewujudkan usahawan Bumiputera dalam bidang baru, khususnya dalam sektor atau aktiviti yang kurang penyertaan Bumiputera.

16.70 Koperasi Bumiputera yang berpotensi dan berkebolehan akan digalakkan untuk menceburi aktiviti perniagaan dan menyertai pembangunan MPPB. Sehubungan ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan mengambil langkah untuk membangunkan keusahawanan koperasi seperti menyediakan kemudahan pembiayaan untuk memulakan dan membesarkan koperasi sedia ada, mewujudkan hab koperasi sebagai pusat membeli-belah setempat untuk mempamerkan dan memasarkan produk usahawan koperasi, serta menyediakan latihan dan bimbingan untuk usahawan koperasi kecil. Di samping itu, program pembudayaan keusahawanan koperasi akan juga dilaksanakan untuk memupuk dan memperkukuh nilai keusahawanan koperasi di kalangan ahli koperasi pada semua peringkat terutamanya koperasi sekolah.

16.71 Program pembangunan MPPB sedia ada, terutamanya program berpakej seperti pembangunan francais dan vendor, akan diperkukuh lagi bagi meningkatkan bilangan usahawan Bumiputera yang berdaya maju. Selaras dengan peranan

baru dalam pembangunan francais, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) akan membangunkan francais Bumiputera dan produk francais tempatan menerusi R&D, memperoleh francais terpilih dari luar negara dan meningkatkan kesedaran awam mengenai perniagaan francais. Program pembangunan vendor akan diperluas bagi meliputi lebih banyak industri untuk menghasilkan peluang baru kepada perusahaan Bumiputera yang berdaya saing. Mekanisme pemantauan dan penyelarasan akan diaktifkan semula untuk memastikan pelaksanaan program secara berkesan.

16.72 Inisiatif baru akan diguna pakai oleh PUNB bagi membangunkan lebih banyak EKS Bumiputera yang berdaya tahan di bawah skim modal teroka. Dalam hal ini, PUNB akan memastikan portfolio pelaburan yang lebih seimbang antara syarikat baru, syarikat pertumbuhan tinggi dan syarikat yang sedang berkembang serta mengalihkan tumpuan pelaburannya kepada syarikat yang terlibat dalam pembuatan barangan akhir, sektor perkhidmatan berasaskan pengetahuan dan perkhidmatan terpilih. Bagi meningkatkan penyertaan peruncit Bumiputera melalui PROSPER, PUNB akan membangunkan lebih banyak kedai konsep dengan kerjasama usahawan Bumiputera yang berpengalaman serta menggalakkan rangkaian dengan PNS dalam memperkukuh sistem kedai konsep sebelum sesuatu perniagaan berkenaan difrancaiskan. Di samping itu, skop PROSPER akan diperluas lagi untuk meningkatkan bilangan EKS Bumiputera yang berdaya maju dalam industri strategik termasuk perniagaan borong.

16.73 Kerajaan akan meneruskan usaha untuk membantu usahawan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Sejumlah RM68 juta akan diperuntukkan kepada Sabah dan RM72 juta kepada Sarawak untuk membina premis perniagaan dan perindustrian dalam tempoh Rancangan. Pada masa yang sama, bantuan lain akan disediakan oleh pelbagai agensi pelaksana, termasuk agensi amanah dan GLC serta dewan perniagaan dan persatuan perdagangan melalui program latihan, R&D dan bantuan teknikal, pinjaman dan promosi barangan.

16.74 Bagi menggalakkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berdikari dan berdaya saing, langkah akan diambil untuk membentuk usahawan yang mampan, berdaya tahan, berdikari dan berjaya. Program latihan keusahawanan akan dipergiat. Program latihan tersebut akan juga memberi penekanan untuk menyemai nilai dan sikap positif serta budaya berprestasi tinggi. Bagi tujuan ini, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) akan menjadi pusat rujukan bagi menjalankan dan menyelaraskan program latihan untuk semua agensi pelaksana yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan. Dalam hal ini, program latihan yang dikendalikan oleh INSKEN akan memberi penekanan kepada latihan berasaskan pengetahuan bagi memastikan impak yang tinggi.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

16.75 Bagi melaksanakan program dan projek pembasmian kemiskinan dan pengagihan pendapatan, agensi peneraju dalam pembasmian kemiskinan luar bandar adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat manakala bagi kawasan bandar, usaha pembasmian kemiskinan akan diteraju oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan termasuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, FELDA, RISDA, FELCRA Berhad, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Unit Perancang Ekonomi Negeri berkaitan.

16.76 Agensi peneraju bagi melaksanakan program penyusunan semula guna tenaga adalah Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD). Bagi meningkatkan pemilikan kekayaan dan pembangunan MPPB, agensi yang memainkan peranan utama adalah MECD, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Dalam tempoh RMKe-9, peruntukan pembangunan bagi program pengagihan adalah seperti dalam *Jadual 16-9*.

JADUAL 16-9

#### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI PROGRAM PENGAGIHAN, 2006-2010 (RM juta)

<i>Program</i>	<i>Peruntukan</i>
<b>Pembasmian Kemiskinan</b>	<b>4,465.3</b>
Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat	340.8
Program Pembasmian Kemiskinan Bandar	50.0
Skim Penanaman Semula Getah dan Kelapa Sawit	1,047.8
Pemulihan dan Penyatuan Tanah	1,004.3
Pembangunan Wilayah	510.9
Pembangunan Semula Kampung Tradisional dan Baru	235.0
Pembangunan Orang Asli	361.8
Pembangunan Keusahawanan Tani	414.7
Pembangunan Tanah Pribumi dan Adat	100.0
Program Lain	400.0
<b>Penyusunan Semula Masyarakat</b>	<b>7,058.8</b>
Pembangunan MPPB	1,371.9
Kemudahan Pembiayaan	1,220.0
Pendidikan dan Latihan	2,216.9
Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera	2,000.0
Pembangunan Tanah Wakaf/Baitulmal	250.0
<b>Jumlah</b>	<b>11,524.1</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi



## V. PENUTUP

16.77 Dalam tempoh RMKe-8, kemajuan yang menggalakkan telah dicapai dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik serta meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan dan sektor ekonomi utama. Agenda pengagihan dalam RMKe-9 akan memberi tumpuan ke arah pencapaian pariti pendapatan menerusi strategi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Kemiskinan tegar dijangka akan dapat dibasmi dan kemiskinan keseluruhan dikurangkan separuh kepada 2.8 peratus menjelang akhir tahun 2010 menerusi program pembasmian kemiskinan yang lebih bertumpu. Strategi pengagihan akan terus dilaksanakan bagi memastikan penyertaan dalam peluang ekonomi yang lebih seimbang dan saksama di kalangan pelbagai kumpulan etnik. Lebih penekanan akan diberikan kepada usaha mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan merapatkan jurang pendapatan antara luar bandar dengan bandar serta meningkatkan penyusunan semula guna tenaga dan menambahkan guna tenaga Bumiputera dalam kategori pekerjaan profesional dan yang berpendapatan tinggi. Di samping itu, jurang pemilikan kekayaan akan dikurangkan manakala pembangunan MPPB akan memasuki fasa kedua yang lebih mantap.

16.78 Memandangkan pentingnya semua program dan projek pengagihan, Kerajaan akan memastikan pelaksanaannya diselidikan dengan teliti menerusi mekanisme pemantauan yang lebih kukuh di Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Semua kementerian dan agensi berkaitan perlu memastikan dasar dan program yang dilaksanakan menyumbang ke arah pengagihan pendapatan, kekayaan dan peluang ekonomi lain yang lebih saksama. Satu sistem yang lebih baik akan diwujudkan untuk mengenal pasti penerima faedah dan meminimumkan kebocoran bagi mencapai objektif pertumbuhan dengan pengagihan.



# KE ARAH PEMBANGUNAN WILAYAH YANG SEIMBANG

# 17

## I. PENDAHULUAN

17.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), semua negeri telah mencatat pertumbuhan ekonomi dan peningkatan dalam pendapatan isi rumah bulanan purata. Kualiti hidup di kawasan luar bandar dan bandar juga telah meningkat. Walau bagaimanapun, dari segi keseimbangan wilayah, tidak banyak kemajuan dicapai dalam mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah, negeri serta kawasan luar bandar dengan bandar.

17.02 Pembangunan wilayah yang seimbang akan kekal sebagai salah satu objektif utama pembangunan negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Langkah akan diambil bagi mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar dengan bandar. Sehubungan itu, pembangunan merentasi sempadan antara negeri akan diberi penekanan manakala pembangunan di pusat pertumbuhan sedia ada akan dipergiat lagi. Penekanan juga akan diberi kepada pembangunan pusat pertumbuhan luar bandar dan konurbasi<sup>1</sup> bandar dengan menjana aktiviti menghasilkan pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup. Pembangunan negeri di bawah pertumbuhan segi tiga wilayah kecil ASEAN akan terus dikembangkan melalui peningkatan dalam perdagangan, pelaburan dan pelancongan berasaskan kerjasama wilayah kecil ASEAN sedia ada dan kerjasama dua hala.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

17.03 Dalam tempoh RMKe-8, tumpuan pembangunan wilayah adalah untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk serta mencapai pembangunan sosial dan ekonomi yang seimbang antara wilayah dengan negeri. Semua

---

<sup>1</sup> Konurbasi ialah kawasan bandar yang merangkumi beberapa bandar raya atau bandar yang bercantum secara fizikal dan membentuk satu kawasan tepu bina berikutan pertumbuhan penduduk. Sempadan konurbasi adalah mengikut tempoh perjalanan dari tempat kerja di pusat bandar raya, iaitu 45 minit bagi konurbasi utama dan 30 minit bagi konurbasi lain.

negeri mencatat pertumbuhan ekonomi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup di kawasan luar bandar dan bandar. Namun begitu, jurang pembangunan antara negeri dan ketidakseimbangan antara luar bandar dengan bandar meningkat.

## Pembangunan Mengikut Wilayah

17.04 Berdasarkan Indeks Komposit Pembangunan (IKP), *wilayah tengah* yang meliputi Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan wilayah yang paling membangun pada tahun 2005. Sabah dan negeri di *wilayah timur*, iaitu Kelantan, Pahang dan Terengganu merupakan wilayah yang paling kurang membangun. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat IKP tertinggi diikuti oleh Pulau Pinang, Melaka dan Selangor, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 17-1*. Tahap IKP yang tinggi di negeri tersebut menunjukkan kegiatan ekonomi dan kualiti hidup yang lebih baik. Negeri Sabah,

JADUAL 17-1

### INDEKS KOMPOSIT PEMBANGUNAN<sup>1</sup> MENGIKUT NEGERI, 2005

<i>Negeri</i>	<i>Indeks Ekonomi</i>	<i>Indeks Sosial</i>	<i>Indeks Komposit Pembangunan</i>	<i>Kedudukan</i>
<b>Wilayah Utara</b>				
Kedah	95.5	100.2	97.8	9
Perak	99.7	101.2	100.4	7
Perlis	95.0	104.9	99.9	8
Pulau Pinang	109.0	102.4	105.7	2
<b>Wilayah Tengah</b>				
Melaka	106.4	102.1	104.2	3
Negeri Sembilan	101.8	102.9	102.3	5
Selangor <sup>2</sup>	108.4	98.0	103.2	4
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	114.4	104.8	109.6	1
<b>Wilayah Selatan</b>				
Johor	102.9	98.1	100.5	6
<b>Wilayah Timur</b>				
Kelantan	91.9	94.4	93.1	13
Pahang	96.3	99.0	97.6	10
Terengganu	91.5	100.8	96.2	12
<b>Sabah<sup>3</sup></b>	82.8	97.2	90.0	14
<b>Sarawak</b>	94.8	98.4	96.6	11
<b>Malaysia</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> IKP 2005 berasaskan kepada 16 petunjuk.

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

<sup>3</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Kelantan dan Terengganu kekal di kedudukan terbawah. Selain IKP, jurang pembangunan antara wilayah dengan negeri juga boleh dikenal pasti dari segi keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan pertumbuhannya, pendapatan isi rumah dan kadar kemiskinan serta daya tarikan pelaburan baru dalam sektor pembuatan.

17.05 *Keluaran Dalam Negeri Kasar.* KDNK *wilayah tengah* merupakan 41.1 peratus daripada KDNK negara pada tahun 2005 dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan menjadi penyumbang utama. Sementara itu, *wilayah timur* yang berasaskan sektor pertanian menyumbang hanya 11.5 peratus kepada KDNK negara. Mengikut negeri, Selangor menyumbang peratusan tertinggi kepada KDNK negara, iaitu 23.0 peratus pada tahun 2005. Sumbangan sektor pembuatan adalah 53.5 peratus dan perkhidmatan 41.2 peratus.

17.06 *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar.* Dari segi kadar pertumbuhan tahunan purata KDNK pada harga tetap, *wilayah tengah* dan *wilayah selatan* serta Sarawak mencatat peratus pertumbuhan yang melebihi kadar purata negara 4.5 peratus dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 17-2*.

JADUAL 17-2

**PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT NEGERI<sup>1</sup>, 2001-2010**

Negeri	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	RMKe-8	RMKe-9
<b>Wilayah Utara</b>	<b>4.4</b>	<b>5.9</b>
Kedah	4.1	5.9
Perak	4.1	5.7
Perlis	3.4	5.3
Pulau Pinang	5.0	6.1
<b>Wilayah Tengah</b>	<b>4.6</b>	<b>6.2</b>
Melaka	4.2	6.0
Negeri Sembilan	3.8	5.8
Selangor <sup>2</sup>	5.2	6.4
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3.8	6.1
<b>Wilayah Selatan</b>		
Johor	5.1	6.2
<b>Wilayah Timur</b>	<b>3.5</b>	<b>5.7</b>
Kelantan	3.3	5.2
Pahang	3.9	5.9
Terengganu	3.4	5.7
<b>Sabah<sup>3</sup></b>	<b>4.3</b>	<b>5.8</b>
<b>Sarawak</b>	<b>4.6</b>	<b>6.1</b>
<b>Malaysia</b>	<b>4.5</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Berdasarkan pada harga 1987.  
<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.  
<sup>3</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

*Wilayah timur* mencatat kadar pertumbuhan KDNK yang paling rendah, iaitu 3.5 peratus setahun. Pertumbuhan KDNK mengikut negeri menunjukkan Selangor mencatat kadar pertumbuhan paling pesat diikuti oleh Johor dan Pulau Pinang manakala Kelantan mencatat kadar pertumbuhan terendah.

17.07 *Pendapatan Isi Rumah dan Kadar Kemiskinan*. Pendapatan isi rumah bulanan purata meningkat pada kadar purata 5.6 peratus setahun daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM3,249 pada tahun 2004, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 17-3*. Negeri Selangor mencatat pendapatan bulanan purata tertinggi, iaitu RM5,175 manakala Kelantan mencatat pendapatan bulanan purata terendah RM1,829 pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, jurang pendapatan antara

JADUAL 17-3

**PENDAPATAN ISI RUMAH BULANAN PURATA DAN  
KADAR KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI,  
1999 DAN 2004**

Negeri	Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata			Kadar Kemiskinan (%)	
	RM		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
	1999	2004	2000-2004	1999	2004
<b>Wilayah Utara</b>					
Kedah	1,612	2,126	5.7	14.2	7.0
Perak	1,743	2,207	4.8	6.8	4.9
Perlis	1,431	2,046	7.4	13.6	6.3
Pulau Pinang	3,128	3,531	2.5	0.7	0.3
<b>Wilayah Tengah</b>					
Melaka	2,260	2,792	4.3	2.9	1.8
Negeri Sembilan	2,335	2,886	4.3	4.1	1.4
Selangor <sup>1</sup>	3,702	5,175	6.9	1.9	1.0
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4,105	5,011	4.1	0.4	1.5
<b>Wilayah Selatan</b>					
Johor	2,646	3,076	3.1	3.1	2.0
<b>Wilayah Timur</b>					
Kelantan	1,314	1,829	6.8	25.2	10.6
Pahang	1,482	2,410	10.2	9.8	4.0
Terengganu	1,599	1,984	4.4	22.7	15.4
<b>Sabah<sup>2</sup></b>	1,905	2,487	5.5	23.4	23.0
<b>Sarawak</b>	2,276	2,725	3.7	10.9	7.5
<b>Malaysia</b>	<b>2,472</b>	<b>3,249</b>	<b>5.6</b>	<b>8.5</b>	<b>5.7</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan, Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, 1999 & 2004

Nota: <sup>1</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

negeri yang berpendapatan terendah dengan tertinggi telah berkurang, iaitu daripada 1: 3.12 pada tahun 1999 kepada 1: 2.83 pada tahun 2004. Berdasarkan metodologi pengukuran pendapatan garis kemiskinan yang dikaji semula, semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat pengurangan kadar kemiskinan pada tahun 2004. Kadar kemiskinan masih lagi tinggi di negeri kurang membangun seperti Sabah, Terengganu dan Kelantan.

17.08 *Arah Aliran Pelaburan.* Jurang pembangunan antara negeri juga dapat dilihat daripada daya tarikan pelaburan baru dalam sektor pembuatan di negeri tertentu. Dalam tempoh Rancangan, arah aliran pelaburan lebih tertumpu kepada negeri lebih membangun seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Melaka yang kekal sebagai lokasi utama pilihan pelabur tempatan dan asing. Tarikan ini disebabkan oleh infrastruktur yang baik dan mencukupi, lokasi berhampiran hab pengangkutan udara dan laut, pusat kewangan dan perkhidmatan sokongan. Sebanyak 4,807 projek pembuatan diluluskan dengan pelaburan modal yang dicadangkan sebanyak RM132.4 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM73.6 bilion atau 55.6 peratus tertumpu di empat negeri di atas, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 17-4*. Di antara negeri kurang membangun, Sarawak berada di kedudukan

JADUAL 17-4

**PROJEK PEMBUATAN YANG DILULUSKAN  
MENGIKUT NEGERI, 2001-2005**

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Projek</i>	<i>Potensi Guna Tenaga</i>	<i>Pelaburan Modal (RM juta)</i>
<b>Wilayah Utara</b>			
Kedah	275	30,398	9,118.8
Perak	265	22,715	6,955.5
Perlis	13	781	83.0
Pulau Pinang	663	69,146	14,997.0
<b>Wilayah Tengah</b>			
Melaka	205	24,677	10,317.0
Negeri Sembilan	184	12,898	6,327.7
Selangor <sup>1</sup>	1,517	105,422	29,245.3
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	111	6,424	2,041.8
<b>Wilayah Selatan</b>			
Johor	1,091	117,993	19,031.1
<b>Wilayah Timur</b>			
Kelantan	40	2,163	474.9
Pahang	88	9,212	4,739.1
Terengganu	31	2,068	5,706.6
<b>Sabah</b>	145	10,765	6,834.5
Wilayah Persekutuan Labuan	4	227	41.8
<b>Sarawak</b>	175	19,672	16,443.0
<b>Malaysia</b>	<b>4,807</b>	<b>434,561</b>	<b>132,357.0</b>

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

Nota: <sup>1</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

ketiga tertinggi dari segi pelaburan projek pembuatan baru yang diluluskan selepas Selangor dan Johor. Sebaliknya, Perlis dan Kelantan menarik pelaburan yang paling rendah, iaitu sebanyak RM83.0 juta bagi Perlis dan RM474.9 juta bagi Kelantan.

### **Jurang antara Luar Bandar dengan Bandar**

17.09 Dalam tempoh Rancangan, jumlah penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar meningkat daripada 8.93 juta pada tahun 2000 kepada 9.90 juta pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, peratusannya berkurangan daripada 38.0 peratus pada tahun 2000 kepada 37.0 peratus pada tahun 2005. Pengurangan ini disebabkan oleh proses pembedaan dan penghijrahan keluar golongan muda untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik ke kawasan bandar.

17.10 Usaha telah diambil untuk menyediakan persekitaran yang lebih kondusif di luar bandar bagi menarik pelaburan serta mengekalkan ketenangan kehidupan desa dengan segala kemudahan asas serta infrastruktur dan perkhidmatan sosial yang berkualiti. Pelbagai program dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti infrastruktur dan perkhidmatan di luar bandar. Program yang diperkenalkan termasuk pembangunan modal insan dan institusi, pembasmian kemiskinan, penyediaan infrastruktur asas, kemudahan asas dan sosial, keusahawanan luar bandar dan program perindustrian, pendidikan dan kesihatan, jaringan komunikasi serta pembangunan tanah dan wilayah.

17.11 Program pembangunan tanah dan wilayah telah menyumbang kepada pembangunan di luar bandar. Program pembangunan ini termasuklah pembinaan kilang dan rumah kos rendah di 119 kampung dan 27 kawasan bandar baru. Di samping itu, sejumlah 2,146,710 hektar tanah telah dipulih dan dibangunkan semula.

17.12 Hasil daripada usaha membangunkan kawasan luar bandar, pendapatan bulanan purata isi rumah luar bandar meningkat daripada RM1,718 pada tahun 1999 kepada RM1,875 pada tahun 2004 manakala kadar kemiskinan berkurangan daripada 14.8 peratus kepada 11.9 peratus. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan di luar bandar masih lagi tinggi berbanding di bandar. Secara keseluruhan, walaupun penekanan telah diberikan kepada pembangunan luar bandar sepanjang tempoh Rancangan, jurang pembangunan antara luar bandar dengan bandar terus melebar, terutamanya dari segi jurang pendapatan yang telah meningkat daripada 1:1.81 pada tahun 1999 kepada 1:2.11 pada tahun 2004.

17.13 Penduduk bandar meningkat daripada 14.57 juta atau 62.0 peratus pada tahun 2000 kepada 16.85 juta atau 63.0 peratus pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 17-5*. Kadar pembedaan di Selangor, Pulau Pinang,

JADUAL 17-5

**PENDUDUK<sup>1</sup> DAN KADAR PEMBANDARAN MENGIKUT NEGERI,  
2000-2010**

Negeri	Penduduk (juta)			Kadar Pembandaran (%)			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata Penduduk Bandar (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
<b>Wilayah Utara</b>								
Kedah	1.67	1.85	2.04	39.1	39.8	40.3	2.4	2.2
Perak	2.09	2.28	2.44	59.1	59.3	59.3	1.6	1.6
Perlis	0.21	0.23	0.25	34.0	35.1	35.9	2.2	2.2
Pulau Pinang	1.33	1.50	1.60	79.7	79.8	80.0	2.0	1.9
<b>Wilayah Tengah</b>								
Melaka	0.65	0.72	0.79	67.5	70.6	73.4	2.9	2.7
Negeri Sembilan	0.87	0.96	1.03	54.9	56.3	57.4	2.3	2.1
Selangor <sup>2</sup>	4.19	4.87	5.31	87.7	88.4	89.1	2.7	2.4
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1.42	1.62	1.70	100.0	100.0	100.0	1.9	1.5
<b>Wilayah Selatan</b>								
Johor	2.76	3.17	3.46	64.8	66.5	67.7	2.9	2.6
<b>Wilayah Timur</b>								
Kelantan	1.36	1.51	1.67	33.5	33.4	33.3	2.0	2.1
Pahang	1.30	1.45	1.57	42.0	43.5	44.6	2.7	2.5
Terengganu	0.90	1.02	1.12	49.4	49.8	50.3	2.6	2.6
<b>Sabah</b>								
Wilayah Persekutuan Labuan	0.08	0.09	0.09	76.3	77.6	78.6	2.2	1.8
<b>Sarawak</b>								
	2.07	2.34	2.56	48.1	49.5	50.6	2.8	2.4
<b>Malaysia</b>	<b>23.49</b>	<b>26.75</b>	<b>28.96</b>	<b>62.0</b>	<b>63.0</b>	<b>63.8</b>	<b>2.5</b>	<b>2.3</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan

Nota: <sup>1</sup> Data penduduk merujuk kepada penduduk pada pertengahan tahun.

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Wilayah Persekutuan Labuan, Melaka dan Johor lebih tinggi berbanding kadar pembandaran negara terutama disebabkan wujudnya lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Mengikut wilayah, *wilayah tengah* mencatat bilangan penduduk bandar tertinggi, iaitu seramai 6.98 juta pada tahun 2005 manakala Sarawak mencatat bilangan paling rendah seramai 1.16 juta.

17.14 Dalam tempoh Rancangan, strategi pembangunan bandar menekankan kepada peningkatan kualiti perkhidmatan perbandaran bagi memastikan kawasan bandar lebih selesa didiami dan penduduknya menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi. Strategi ini termasuk memperbaiki perancangan dan pengurusan bandar, menyediakan kemudahan utiliti dan sosial, meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta membasmi kemiskinan. Di samping itu, usaha telah diambil bagi memastikan kawasan bandar lebih selamat dan bebas daripada jenayah.



17.15 Hasil daripada pengembangan aktiviti ekonomi berasaskan bandar, pendapatan bulanan purata isi rumah bandar meningkat sebanyak 27.5 peratus daripada RM3,103 pada tahun 1999 kepada RM3,956 pada tahun 2004. Kadar kemiskinan bandar berkurang daripada 3.3 peratus pada tahun 1999 kepada 2.5 peratus pada tahun 2004.

### **Kerjasama Wilayah Kecil ASEAN**

17.16 Selaras dengan strategi pembangunan wilayah serta untuk meningkatkan pembangunan di kawasan sempadan antarabangsa, pelbagai kerjasama dengan negara jiran telah diambil. Usaha ini dilaksanakan melalui mekanisme kerjasama wilayah kecil ASEAN, iaitu Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) dan Jawatankuasa Malaysia-Thailand bagi Strategi Pembangunan Bersama Kawasan Sempadan (JDS). Sektor swasta adalah peneraju utama dalam pembangunan projek usaha sama di wilayah kecil tersebut manakala kerajaan negara anggota membantu memudahkan usaha berkenaan.

17.17 Pelbagai projek dilaksanakan di bawah kerjasama IMT-GT dan BIMP-EAGA. Pencapaian utama termasuk:

- pengecualian cukai fiskal kepada rakyat Indonesia yang bergerak di kawasan IMT-GT dan BIMP-EAGA bagi meningkatkan pergerakan penduduk dan pelancongan di kawasan tersebut;
- peningkatan hubungan udara antara bandar di negeri dan provinsi yang terlibat. Antara hubungan udara yang telah diadakan di IMT-GT adalah penerbangan di antara KLIA dan Medan, Pekanbaru, Padang, Palembang dan Hat Yai; di antara Pulau Pinang dan Medan; dan antara Melaka dan Pekanbaru. Di BIMP-EAGA, hubungan udara telah ditubuhkan di antara Tawau-Tarakan dan Kuching-Pontianak; dan
- peningkatan laluan laut di IMT-GT seperti Pulau Pinang-Belawan, Pulau Pinang-Kantang, Langkawi-Satun, Melaka-Dumai dan Melaka-Pekanbaru. Di BIMP-EAGA, laluan laut ini termasuk Sandakan-Zamboanga, Sandakan-Tawi-Tawi, Tawau-Nunukan, Tawau-Tarakan dan Wilayah Persekutuan Labuan-Muara.

17.18 Jawatankuasa JDS yang ditubuhkan pada tahun 2004 semasa mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri Thailand ditugas untuk melaksanakan secara bersama perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan di kawasan sempadan. Objektif kerjasama ini adalah untuk memupuk semangat perkongsian dan meningkatkan kemakmuran serta

kualiti hidup di kawasan terlibat, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Pengkalan Hulu, Perak di Malaysia dan Satun, Songkhla, Yala, Narathiwat dan Pattani di Thailand. Pelan Tindakan JDS yang merupakan asas kerjasama telah diterima pakai pada Ogos 2004. Pelan ini merangkumi sembilan bidang utama, iaitu infrastruktur asas dan pengangkutan, pembangunan sumber manusia, pelancongan, kebudayaan, perdagangan dan pelaburan, pertanian, kewangan, tenaga dan bantuan bencana.

17.19 Projek di bawah JDS yang telah dimulakan dalam tempoh Rancangan ialah kerja awal pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Durian Burong, Kedah pada tahun 2004. Di samping itu, jambatan yang menghubungkan Bukit Bunga, Malaysia dan Buketa, Thailand telah dirancang bersama berasaskan perkongsian kos sama rata.

### III. PROSPEK, 2006-2010

17.20 Dalam tempoh RMKe-9, penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha untuk memastikan pembangunan wilayah yang seimbang dengan mempelbagaikan asas ekonomi negeri bagi menarik pelaburan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi. Di samping itu, langkah akan diambil bagi mengurangkan jurang pembangunan antara negeri serta kawasan luar bandar dengan bandar. Teras utama bagi pembangunan wilayah yang seimbang adalah seperti berikut:

- ❑ *mempercepat pembangunan di negeri yang kurang membangun dengan menyediakan peluang ekonomi dan menambah baik infrastruktur, kemudahan sosial dan kemudahan asas untuk mengurangkan jurang antara luar bandar dengan bandar;*
- ❑ *meningkatkan kualiti hidup penduduk melalui peningkatan sistem penyampaian di luar bandar dan bandar;*
- ❑ *menubuhkan lembaga kemajuan wilayah (LKW) yang baru di Sabah dan Sarawak bagi menyelaraskan dan melaksanakan usaha pembangunan luar bandar dan wilayah yang bersepadu;*
- ❑ *membangunkan pusat pertumbuhan dan koridor pertumbuhan merentasi sempadan negeri untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi di kawasan kurang membangun; dan*
- ❑ *menggalakkan pembangunan di negeri sempadan melalui kerjasama pembangunan wilayah kecil ASEAN dalam IMT-GT, BIMP-EAGA dan JDS.*

## Pembangunan Mengikut Wilayah

17.21 Objektif utama pembangunan seimbang dalam tempoh Rancangan adalah merapatkan jurang pembangunan antara wilayah, negeri serta kawasan luar bandar dengan bandar. Usaha akan diambil bagi mengurangkan jurang pendapatan per kapita dan pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan yang tinggi di negeri kurang membangun dan jurang dari segi infrastruktur dan kemudahan utiliti antara negeri di Semenanjung dan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

17.22 Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih tinggi, tumpuan akan diberi kepada usaha pembangunan di pusat pertumbuhan negeri serta kawasan pembangunan merentasi sempadan yang meliputi dua negeri atau lebih. Antara kawasan pembangunan merentasi sempadan, Zon Terengganu Utara-Kelantan Selatan-Pahang Barat telah dikenal pasti sebagai kawasan pembangunan yang baru di negeri Koridor Pantai Timur. Selain itu, Zon Pembangunan Utara Semenanjung di Kedah, Perlis, Seberang Prai di Pulau Pinang dan Perak utara telah dikenal pasti untuk menerajui pembangunan industri makanan termasuk hab halal. Bagi Sabah dan Sarawak, tumpuan kawasan pembangunan adalah di sekitar pusat pertumbuhan luar bandar yang baru serta kawasan pembangunan yang merentasi sempadan. Pusat pertumbuhan utama lain yang dikenal pasti termasuk Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) sebagai kawasan tumpuan untuk pembangunan di *wilayah selatan*.

17.23 Dalam tempoh Rancangan, bagi mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah, penekanan akan diberi untuk membangunkan negeri yang dikategorikan di bawah paras purata IKP negara. Sehubungan ini, program khusus akan dilaksanakan bagi menggalakkan pembangunan di kawasan kurang membangun. Peruntukan yang lebih besar akan diberi bagi pembangunan negeri kurang membangun.

17.24 Beberapa projek utama akan dilaksanakan untuk merangsang pembangunan di *wilayah utara*. Bagi tujuan tersebut, wilayah berkenaan akan menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM23.8 bilion atau 11.9 peratus dalam RMKe-9 berbanding dengan RM20.8 bilion dalam RMKe-8. Projek ini termasuk pembinaan *Trans-Eastern Kedah Hinterland Highway* di Kedah. Lebuhraya ini akan membuka koridor Kedah timur dan Perak utara kepada pembangunan dan menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk di kawasan berkenaan. Di samping itu, hab halal bersepadu dan taman kekal pengeluaran makanan akan dimajukan di Kedah. Perluasan Taman Teknologi Tinggi Kulim akan terus merangsang pertumbuhan sektor perindustrian di negeri itu. Bagi Pulau Pinang, antara projek pembangunan ialah pembinaan Lingkaran Jalan Luar Pulau Pinang, reka bentuk dan pembinaan jambatan kedua serta mewujudkan kawasan pertumbuhan baru. Antara projek pembangunan utama di Perak ialah pembinaan terminal makanan negara di Ipoh manakala di Perlis pula ialah pembangunan hab halal bersepadu.

17.25 Walaupun *wilayah tengah* merupakan wilayah yang paling membangun dalam negara, wilayah ini masih memerlukan projek bagi memenuhi keperluan pembangunan. Sehubungan ini, sebanyak RM56.2 bilion atau 28.1 peratus akan diperuntukkan kepada wilayah ini. Peruntukan ini adalah bagi membiayai kerja infrastruktur seperti pembinaan beberapa jalan persekutuan termasuk Lebuhraya Pesisiran Pantai Banting-Taiping. Bagi Negeri Sembilan, tumpuan pembangunan adalah di Bandar Baru Nilai sebagai pusat bioteknologi yang baru serta kawasan Gemas dan Jelai sebagai lembah lembu daging. Projek pembangunan di Melaka meliputi menaik taraf lapangan terbang Melaka bagi pengendalian jet berbadan kecil untuk merangsang industri pelancongan.

17.26 Johor akan menerima peruntukan sebanyak RM10.2 bilion atau 5.1 peratus, iaitu lebih tinggi jika dibandingkan dengan RM9.2 bilion dalam RMKe-8. Projek pembangunan utama akan dilaksanakan di SJER merangkumi segi tiga yang meliputi Mukim Serkat di barat ke Pasir Gudang di timur dan dari Kulai di utara ke Johor Bahru di selatan. Segi tiga ini merangkumi hab logistik Johor yang terdiri daripada dua pelabuhan antarabangsa dan sebuah lapangan terbang antarabangsa. Projek utama di bawah SJER akan diterajui oleh sektor swasta di bawah satu Pelan Induk yang akan dilaksanakan oleh satu badan penyelaras. Antara projek yang akan dilaksanakan termasuk membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor dan menyambung landasan lapangan terbang Senai bagi menyokong Senai sebagai hab logistik bersepadu di *wilayah selatan*. Beberapa projek pemangkin yang lain juga telah dikenal pasti. Pembangunan Bandar Nusajaya sebagai pusat pentadbiran baru negeri serta pembangunan sebuah hab pendidikan, pusat industri kreatif dan kawasan pelancongan yang berhampiran akan terus meningkatkan pembangunan di negeri itu. Kemajuan projek ini akan diselaraskan oleh Khazanah Nasional di bawah pimpinan dan sokongan Kerajaan Persekutuan dan Negeri Johor.

17.27 Bagi negeri *wilayah timur* sebanyak RM22.3 bilion atau 11.2 peratus akan diperuntukkan bagi pembangunan dalam RMKe-9 berbanding RM14.3 bilion di dalam RMKe-8. Projek infrastruktur akan menjadi tumpuan pembangunan wilayah ini. Antara projek tersebut ialah Jalan Simpang Pulai-Gua Musang-Kuala Terengganu yang akan menjadi jalan utama ketiga menghubungkan Koridor Pantai Timur dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 di Terengganu. Selain itu, lapangan terbang Kuala Terengganu akan dinaik taraf bagi mengendalikan kapal terbang berbadan lebar yang akan merangsang kemajuan perindustrian dan pelancongan di Terengganu. Bagi terus mendorong pembangunan di utara Terengganu serta menyediakan lebih banyak peluang pendidikan, kampus utama sebuah universiti baru akan ditempatkan di Besut. Di samping itu, sebuah universiti baru akan ditubuhkan di Kelantan dalam tempoh Rancangan. Di Pahang, projek pembangunan akan melibatkan taman kekal pengeluaran makanan, kelompok industri berasaskan minyak sawit dan hab halal bersepadu.

17.28 Sebanyak RM13.4 bilion atau 6.7 peratus akan diperuntukkan bagi membiayai projek pembangunan di Sarawak. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding dengan RM12.8 bilion yang diperuntukkan dalam RMKe-8. Antara projek pembangunan yang akan dilaksanakan di negeri ini ialah menaik taraf Jalan Oya-Mukah-Balingan dan membina Jalan Sibuh-Bawang-Assan-Seredeng serta Kompleks Perikanan Laut Dalam Bersepadu di Tanjung Manis. Projek jalan pesisiran pantai ini berperanan sebagai pemangkin pembangunan industri pelancongan di negeri tersebut. Penanaman kelapa sawit dan getah secara berskel besar akan terus mengukuhkan sektor pertanian di Sarawak. Bagi memudahkan lagi aktiviti industri hiliran berasaskan pertanian, kelompok industri berasaskan minyak sawit akan dibangunkan di negeri tersebut.

17.29 Sabah akan menerima agihan peruntukan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak RM15.7 bilion atau 7.8 peratus berbanding RM13.2 bilion dalam tempoh RMKe-8. Dengan siapnya Jalan Sepulut-Kalabakan dan Jalan Sipitang-Tenom, laluan ke pedalaman Sabah akan bertambah baik dan seterusnya menyokong pembangunan sektor pertanian. Projek pembangunan lain ialah kelompok industri berasaskan minyak sawit yang akan menjana lebih banyak proses hiliran tanaman tersebut di negeri itu serta usaha untuk mencapai kadar sara diri pengeluaran beras dan daging lembu.

17.30 Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur asas di wilayah kurang membangun. Bagi melengkapi usaha tersebut, penyertaan lebih aktif pihak swasta akan digalakkan untuk melabur di kawasan pertumbuhan sedia ada dan yang berpotensi untuk maju.

### **Mengurangkan Jurang antara Luar Bandar dengan Bandar**

17.31 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan terus diambil bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi penduduk luar bandar serta meminimumkan jurang pembangunan antara luar bandar dengan bandar. Antara isu dan cabaran yang dihadapi bagi mengurangkan jurang antara luar bandar dengan bandar termasuklah jurang pendapatan yang semakin melebar, iaitu daripada 1:1.81 pada tahun 1999 kepada 1:2.11 pada tahun 2004, kadar kemiskinan luar bandar yang tinggi terutama di negeri kurang membangun, keperluan mengenal pasti golongan miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar dan bandar, kekurangan peluang pekerjaan di luar bandar, jurang digital dan kurang penyelarasan serta terdapat pertindihan fungsi di kalangan agensi pembangunan luar bandar.

17.32 *Pembangunan Luar Bandar.* Bagi merapatkan jurang pembangunan, strategi untuk membangunkan kawasan luar bandar termasuk mengukuhkan rangka kerja institusi, mempergiat pembangunan pusat pertumbuhan luar bandar, meningkatkan aktiviti ekonomi, menyediakan kemudahan dan infrastruktur sosial

serta menggalakkan pembangunan modal insan. Aktiviti yang akan dilaksanakan termasuk menarik lebih banyak pelaburan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan aktiviti bernilai tambah yang tinggi serta menyediakan latihan kemahiran untuk golongan belia. Kualiti kepimpinan di institusi luar bandar khususnya di peringkat akar umbi akan diperkukuh. Sehubungan itu, jurang pendapatan antara luar bandar dengan bandar dijangka mengecil kepada 1:2.0 pada tahun 2010.

17.33 Peranan pejabat daerah akan dikaji semula dan diperkukuh bagi menambah baik penyelarasan dan pelaksanaan projek dan program pembangunan luar bandar dan wilayah. LKW baru akan ditubuh di Sabah dan Sarawak bagi mewujudkan lebih banyak aktiviti yang boleh menjana pendapatan di kawasan pedalaman.

17.34 Pusat pertumbuhan luar bandar yang berdaya maju dan berpotensi akan dikenal pasti dan dibangunkan bagi memastikan pembangunan wilayah yang seimbang. Asas ekonomi luar bandar akan dipelbagai melalui pembangunan industri pembuatan berasaskan sumber, industri berasaskan kraf, aktiviti hiliran nilai tambah berasaskan pertanian, ekopelancongan dan perhutanan. Sehubungan ini, kemudahan asas infrastuktur dan sosial akan disediakan di luar bandar termasuk di pedalaman Sabah dan Sarawak.

17.35 Industri luar bandar yang akan dibangunkan dalam tempoh Rancangan, meliputi projek kraftangan, keluaran berasaskan hutan, seramik, tekstil dan keluaran berasaskan logam. Aktiviti pertanian baru termasuk pemprosesan makanan siap dan separuh siap akan dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar terutama golongan belia. Proses pengeluaran dan pemasaran akan ditingkatkan melalui penyediaan latihan, peralatan dan pembiayaan kredit mikro. Beberapa program untuk memperkukuh penyertaan masyarakat dalam projek pembangunan di peringkat kampung akan dilaksanakan.

17.36 Capaian ICT di luar bandar akan dipertingkatkan untuk mengurangkan jurang digital. Lebih banyak sekolah di luar bandar akan dibekalkan dengan kemudahan ICT bagi menggalakkan pembelajaran berasaskan komputer dan meningkatkan celik ICT di kalangan pelajar. *Telecentre* yang sedia ada akan dinaik taraf kepada Pusat K-Komuniti bagi menyediakan lebih banyak maklumat ekonomi dan sosial kepada masyarakat, berfungsi sebagai pusat setempat bagi capaian kepada perkhidmatan kerajaan serta e-pembelajaran dan seterusnya sebagai pusat pertukaran sumber maklumat. Penekanan juga akan diberi kepada mengubah minda masyarakat luar bandar terhadap penggunaan dan penerimaan ICT melalui program memupuk kesedaran dan pemeraksanaan. Program juga akan dimulakan bagi memastikan kandungan dalam Bahasa Melayu dan bahasa tempatan lain mencukupi dan terkini bagi membolehkan penggunaan aplikasi ICT yang lebih luas.

17.37 Bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar, lebih banyak klinik bergerak yang dilengkapi dengan kemudahan pembedahan kecil menggunakan perkhidmatan teleperubatan dan peralatan moden akan disediakan. Pendekatan ini akan membolehkan kawasan luar bandar mendapat akses kepada perkhidmatan dan kualiti penjagaan kesihatan yang lebih baik. Di samping itu, perkhidmatan teleperundingan akan diperluas bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan pakar untuk penduduk luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak.

17.38 Program latihan kemahiran bagi golongan belia di luar bandar akan disediakan untuk meningkatkan keupayaan mereka mendapat pekerjaan. Sehubungan ini, aktiviti bagi memupuk nilai harga diri dan sikap berdikari serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan penduduk luar bandar akan diteruskan.

17.39 *Pembangunan Bandar.* Daripada jumlah penduduk, peratus penduduk bandar dijangka meningkat kepada 63.8 peratus pada tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan penghijrahan golongan muda dari luar bandar, peluasan sempadan bandar dan peningkatan peluang pekerjaan di bandar. Bagi memastikan kawasan bandar yang terancang dan penduduknya menikmati kualiti hidup yang lebih baik, kawasan bandar akan dibangunkan berasaskan hierarki konurbasi pertumbuhan, iaitu negara, wilayah, pertengahan dan pusat bandar, seperti ditunjukkan dalam *Carta 17-1*. Program pembaharuan bandar akan dilaksanakan untuk membangunkan semula kawasan yang mengalami kemerosotan fizikal atau yang tidak terancang. Pada masa yang sama, kemudahan infrastruktur di kampung tradisional dan kampung baru akan ditambah baik.

17.40 Bandar yang mempunyai ciri khusus seperti warisan, pelancongan dan perniagaan di sempadan akan terus dibangunkan. Antara bandar tersebut termasuklah Bukit Kayu Hitam di Kedah, Port Dickson di Negeri Sembilan, Kerteh di Terengganu, Cyberjaya di Selangor serta Pengkalan Hulu, Taiping dan Teluk Intan di Perak. Peranan sosioekonomi kampung tradisional akan dipertingkatkan dengan menentukan fungsi yang disesuaikan dengan kelebihan semula jadi kawasan sekeliling seperti hubungan dengan bandar yang mempunyai ciri istimewa, kawasan tarikan semula jadi pelancongan dan bandar pelancongan pesisiran pantai atau kawasan pertanian.

### **Meningkatkan Kerjasama Wilayah Kecil ASEAN**

17.41 Kerjasama wilayah kecil ASEAN akan diberi keutamaan dalam tempoh RMKe-9. Melalui kerjasama ini, perdagangan, pelaburan dan pelancongan dijangka meningkat di negeri dan provinsi yang menyertainya. Sehubungan ini, negeri yang menyertai akan mengenal pasti projek terutamanya untuk memperoleh faedah daripada kerjasama wilayah kecil. Strategi untuk memanfaatkan ekonomi

HIERARKI KONURBASI



Sumber: Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia



yang saling melengkapi dan menggalakkan penggunaan sumber yang cekap antara wilayah kecil akan dipertingkatkan. Jalinan infrastruktur dan kemudahan menyeberangi sempadan akan ditambah baik bagi memudahkan perdagangan serta urusan perniagaan.

17.42 Bagi kedua-dua wilayah kecil IMT-GT dan BIMP-EAGA, sektor swasta Malaysia digalakkan untuk terus meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pelancongan di wilayah ini manakala kerajaan akan terus berperanan sebagai pemudah cara. Panduan hala tuju bagi pembangunan akan digubal untuk merangka pembangunan IMT-GT untuk tempoh lima tahun akan datang termasuk penyediaan profil sosioekonomi bagi semua negeri dan provinsi yang menyertai wilayah kecil ini. Bagi menggalakkan lagi perdagangan tukar barang di IMT-GT, kemudahan perdagangan tukar barang akan dibangunkan di setiap negeri di Malaysia yang menganggotai IMT-GT.

17.43 Panduan Hala Tuju Pembangunan BIMP-EAGA akan dilaksanakan dengan menumpukan kepada bidang seperti industri berasaskan pertanian, pelancongan dan kemudahan infrastruktur. Keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan projek seperti industri minyak kelapa dara, industri halia, projek daging halal, kelompok industri berasaskan minyak sawit dan perkhidmatan pembangunan perniagaan. Pangkalan data akan diwujudkan bagi mengukur aktiviti perdagangan, pelaburan dan pelancongan yang dijalankan dalam IMT-GT dan BIMP-EAGA. Di samping itu, projek infrastruktur seperti Lebuhraya Pan-Borneo, perkhidmatan feri, hubungan udara dan kemudahan ICT akan dipertingkatkan bagi menambah baik rangkaian pengangkutan di kawasan BIMP-EAGA. Bagi meningkatkan keyakinan perniagaan, langkah bersama akan diambil untuk menangani cabaran keselamatan di wilayah tersebut.

17.44 Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan projek yang dikenal pasti di bawah Pelan Tindakan JDS Malaysia-Thailand akan dipercepatkan. Antara projek yang akan dilaksanakan termasuk membuka kompleks CIQ di Durian Burong-Ban Prakob dan menyiapkan jambatan di antara Bukit Bunga di Malaysia dan Buketa di Thailand yang akan meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan berkenaan. Projek lain adalah galakan pakej bersama pelancongan dan pembangunan projek usaha sama ikan hiasan di Padang Terap, Kedah serta program latihan kemahiran yang dikenal pasti dalam pelan tindakan untuk dikendalikan oleh Pusat GiatMARA kepada pelatih dari provinsi selatan Thailand. Di samping itu, tiga kajian yang akan dijalankan secara bersama iaitu penubuhan zon ekonomi khas di Bukit Kayu Hitam-Sadao dan kajian kemungkinan bagi cadangan projek jambatan di antara Pengkalan Kubor-Tak Bai dan di antara Rantau Panjang-Sungai Golok.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

17.45 Bagi menyokong pembangunan wilayah dan luar bandar, agensi utama yang terlibat adalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta agensi kerajaan negeri. Dari segi peruntukan, sejumlah RM28.4 bilion akan diperuntukkan melalui pelbagai kementerian dan di bawah beberapa program untuk pembangunan luar bandar, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 17-6*.

JADUAL 17-6

#### PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, 2001-2010 (RM bilion)

<i>Program/Projek</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Projek Ekonomi	5.9	10.1
Pendidikan dan Latihan	10.4	10.2
Kesihatan	0.9	2.0
Jalan Raya	2.3	3.6
Bekalan Air	0.7	1.2
Bekalan Elektrik	0.6	1.0
Perumahan	0.2	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>21.0</b>	<b>28.4</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

#### V. PENUTUP

17.46 Dalam tempoh RMKe-8, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menggalakkan pembangunan wilayah yang seimbang. Meskipun semua negeri mencatatkan pertumbuhan ekonomi, jurang pembangunan antara wilayah, negeri serta kawasan luar bandar dengan bandar masih lagi besar. Dalam tempoh RMKe-9, langkah akan diambil bagi mempercepat pembangunan negeri kurang membangun terutamanya di utara Semenanjung Malaysia, Koridor Pantai Timur, Sabah dan Sarawak bagi mencapai pembangunan yang seimbang dan mengurangkan jurang pembangunan. Usaha pembangunan akan ditumpukan di

kawasan yang merentasi sempadan yang meliputi dua negeri atau lebih. Di samping itu, SJER telah dikenal pasti sebagai kawasan tumpuan pembangunan di *wilayah selatan*. Selain itu, bagi memastikan penyatuan dan penyelarasan program pembangunan luar bandar dan wilayah yang lebih baik, LKW baru akan ditubuhkan di Sabah dan Sarawak. Pembangunan luar bandar akan dipergiat bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk luar bandar serta mengurangkan jurang pembangunan antara luar bandar dengan bandar. Dari segi kerjasama wilayah kecil ASEAN, langkah akan digiatkan lagi untuk menggalakkan pembangunan di wilayah kecil supaya kawasan kurang membangun dapat mencapai tahap pembangunan yang hampir sama dengan kawasan membangun.

# MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN AWAM DAN PENGANGKUTAN BANDAR

# 18

## I. PENDAHULUAN

18.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam menyumbang kepada perkembangan rangkaian pengangkutan, bekalan air dan sistem pembetulan. Projek infrastruktur menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui pewujudan rantaian dan faedah limpahannya. Langkah juga diambil bagi meningkatkan kecekapan dan keandalan kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur untuk menyokong aktiviti perdagangan dan perniagaan serta meningkatkan kualiti hidup.

18.02 Teras pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) akan memberikan tumpuan kepada peningkatan liputan rangkaian dan penggunaan kemudahan sedia ada secara lebih optimum bagi menyokong aktiviti ekonomi. Peningkatan akses kepada kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, mod dan perkhidmatan pengangkutan yang lebih bersepadu serta sistem bekalan air yang berkualiti dan andal akan merupakan teras dalam perancangan serta pelaksanaan projek infrastruktur. Langkah akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan pelbagai mod pengangkutan awam terutamanya di kawasan bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara. Aspek alam sekitar akan diberikan penekanan dalam perancangan dan pelaksanaan projek untuk memastikan pembangunan mampan.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

18.03 Pembangunan infrastruktur terus diberikan keutamaan dalam tempoh RMKe-8 memandangkan kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur yang cekap dan andal adalah penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Sejumlah RM38.7 bilion dibelanjakan untuk meningkatkan keupayaan serta menaik taraf dan membaik pulih rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam bagi memenuhi permintaan yang bertambah dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

## **Jalan Raya**

18.04 Program pembangunan jalan raya telah dilaksanakan berdasarkan strategi serampang tiga mata, iaitu meningkatkan keupayaan, menyediakan akses ke kawasan luar bandar dan pembangunan baru serta meningkatkan keselamatan jalan raya. Sejumlah RM18.5 bilion dibelanjakan untuk pembangunan jalan raya manakala 22 projek dengan perbelanjaan berjumlah RM4 bilion dilaksanakan di bawah skim bayaran tertanggung. Beberapa jalan raya utama seperti Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 dari Karak ke Kuantan di Pahang, Jalan Pintas Muar di Johor, Jalan Nangoh-Kanibungan di Sabah dan Jalan Tanjung Kidurung-Suai-Bakam di Sarawak telah siap dibina untuk menyokong pembangunan koridor timur Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Di bawah program penswastaan, sejumlah RM4 bilion dilaburkan untuk menyiapkan empat lebuhraya bertol dan memulakan pelaksanaan enam projek baru.

18.05 Di bawah program keselamatan jalan raya, keadaan jalan bagi 34 lokasi yang sering berlaku kemalangan dibaiki manakala 280 cerun berbahaya diperkukuh untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Di samping itu, sepanjang 122 kilometer (km) laluan motosikal dibina di beberapa jalan raya utama bagi mengurangkan kemalangan. Kempen keselamatan yang diselaraskan dengan lebih baik untuk meningkatkan amalan keselamatan jalan raya telah mengurangkan bilangan kemalangan. Kadar kemalangan maut berkurang daripada 5.7 kematian bagi 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2000 kepada 4.2 pada tahun 2005.

18.06 Tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan akses ke kawasan luar bandar. Bagi tujuan ini, sejumlah RM714 juta dibelanjakan untuk membina 340 km jalan luar bandar dengan piawai minimum JKR-R3<sup>1</sup>. Di samping itu, sebanyak RM1.6 bilion dibelanjakan untuk membina dan menyenggara 500 km jalan kampung bagi menyediakan akses kepada 2.5 juta penduduk.

18.07 Pembinaan jalan raya baru yang lebih pesat telah meningkatkan rangkaian dan jarak jalan raya daripada 66,391 km pada tahun 2000 kepada 77,673 km pada tahun 2005. Sehubungan ini, Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI) meningkat daripada 0.75 kepada 0.85. Kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia mencatatkan RDI yang lebih tinggi berbanding dengan indeks kebangsaan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-1*.

## **Pengangkutan Bandar**

18.08 Strategi pengangkutan bandar ditumpukan kepada pembangunan sistem pengangkutan awam yang bersepadu, cekap dan andal bagi menggalakkan pengguna lebih menggunakan pengangkutan awam, khususnya di Lembah Klang.

---

<sup>1</sup> JKR-R3 jalan mempunyai kelebaran minimum 3 meter dan had laju 70 km sejam.

JADUAL 18-1

**PETUNJUK PEMBANGUNAN JALAN RAYA, 2000-2005**

Negeri	Panjang Jalan Raya (Km)		Kepadatan Jalan <sup>1</sup>		Tahap Perkhidmatan <sup>2</sup>		Indeks Pembangunan Jalan <sup>3</sup>	
	2000	2005	2000	2005	2000	2005	2000	2005
Johor	6,780.3	7,179.0	0.34	0.36	2.45	2.31	0.91	0.91
Kedah	5,469.8	5,494.8	0.58	0.58	3.27	2.97	1.36	1.32
Kelantan	2,704.4	2,843.6	0.18	0.19	1.99	1.89	0.60	0.60
Melaka	1,698.4	2,013.3	1.03	1.22	2.63	2.82	1.64	1.86
Negeri Sembilan	3,842.6	4,162.3	0.58	0.63	4.44	4.40	1.60	1.66
Pahang	7,753.4	7,791.6	0.22	0.22	5.98	5.46	1.14	1.09
Perak	5,017.0	7,058.0	0.24	0.34	2.40	3.13	0.76	1.03
Perlis	544.6	716.1	0.67	0.88	2.62	3.19	1.33	1.68
Pulau Pinang	1,736.2	2,098.6	1.64	1.99	1.30	1.43	1.48	1.69
Sabah	10,975.1	16,090.7	0.15	0.22	4.22	5.49	0.80	1.10
Sarawak	6,228.6	6,471.6	0.05	0.05	3.01	2.80	0.39	0.38
Selangor	7,871.3	9,815.0	0.99	1.23	1.88	2.07	1.36	1.60
Terengganu	4,345.7	4,515.4	0.34	0.35	4.81	4.44	1.27	1.24
Wilayah Persekutuan	1,423.4	1,423.4	3.67	3.67	0.95	0.87	1.87	1.79
<b>Malaysia</b>	<b>66,390.8</b>	<b>77,673.4</b>	<b>0.20</b>	<b>0.24</b>	<b>2.83</b>	<b>2.97</b>	<b>0.75</b>	<b>0.85</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Ukuran panjang lorong jalan raya dibahagikan dengan jumlah keluasan kawasan.

<sup>2</sup> Ukuran jumlah panjang lorong jalan raya bagi 1,000 penduduk.

<sup>3</sup> Ukuran tahap pembangunan jalan raya yang mengambil kira keluasan dan jumlah penduduk negara.

Langkah yang diambil termasuk penyusunan semula sistem pengangkutan awam menerusi program Integrasi dan Penyusunan Semula Pengangkutan Awam di Lembah Klang (INSPAK). Di bawah program INSPAK, perkhidmatan bas dipertingkatkan khususnya bagi menyokong sistem rel bandar dan seterusnya mengoptimumkan potensi sistem rel sebagai tulang belakang perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang. Projek infrastruktur seperti pembinaan jejantas dan laluan pejalan kaki berbumbung ke stesen dilaksanakan untuk melancarkan hubungan antara stesen rel bandar. Dalam tempoh Rancangan, penumpang purata sehari bagi semua perkhidmatan rel bandar menunjukkan peningkatan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-2*.

18.09 Kajian Dasar dan Strategi Pengangkutan Negara yang disiapkan pada tahun 2003 menyediakan inventori dan mengemas kini status rancangan, kajian serta projek pengangkutan dan projek yang berkaitan dengan pengangkutan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Kajian mendapati kebanyakan kenyataan dasar lebih khusus kepada mod tertentu dan berkaitan dengan pembangunan mod tersebut sahaja. Sehubungan ini, keperluan dan isu dalam membangunkan dasar pengangkutan negara yang menyeluruh termasuk pengangkutan bandar juga dikenal pasti.

JADUAL 18-2

**PENUMPANG PURATA SEHARI PERKHIDMATAN  
REL BANDAR, 2001-2005**

	2001	2002	2003	2004	2005
STAR LRT (Ampang/Sri Petaling Line)	88,801	91,702	107,082	120,426	125,208
PUTRA LRT (Kelana Jaya Line)	143,778	149,105	154,869	160,361	165,695
KLIA Ekspres dan KLIA Transit	-	4,983	7,323	9,990	12,075
KL Monorel	-	-	23,872	33,837	44,442
KTM Komuter	57,339	60,504	67,522	74,960	85,733

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

18.10 Projek Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) yang meliputi kawasan seluas 243 km persegi merangkumi Bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya disiapkan pada akhir tahun 2005. Pengusaha pengangkutan awam dan pengguna jalan raya lain dapat menggunakan kemudahan ITIS untuk mendapatkan maklumat trafik semasa serta mengenal pasti lokasi kenderaan supaya dapat merancang perjalanan dengan lebih berkesan. Maklumat semasa boleh diperolehi melalui laman web ITIS, pusat panggilan ITIS, paparan visual dan radio.

18.11 Projek utama jalan bandar yang dilaksanakan untuk menambah baik aliran lalu lintas di Kuala Lumpur termasuk projek *Stormwater Management and Road Tunnel (SMART)* serta jejambat Kampung Pandan-Sultan Ismail dan Jalan Mahameru-Jalan Sentul. Projek lain yang dimulakan pembinaannya termasuk persimpangan bertingkat Jalan Tebrau-Pasir Gudang, Johor dan Karamuning, Kota Kinabalu di Sabah serta Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR), Pulau Pinang.

### **Pengangkutan Kereta Api**

18.12 Pembangunan subsektor kereta api ditumpukan ke arah meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan bersepadu yang selamat, cekap dan andal bagi kereta api penumpang dan barang. Projek utama yang dilaksanakan untuk menaik taraf infrastruktur kereta api termasuk projek landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh, membaik pulih landasan dan jambatan, pemodenan sistem semboyan dan komunikasi serta pembelian lokomotif dan gerabak. Landasan khusus dari Kempas ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Johor dan dari Kerteh ke Pelabuhan Kuantan telah disiapkan. Walau bagaimanapun, tarikh siap projek landasan berkembar Rawang-Ipoh dijadualkan semula dari bulan Oktober 2004 kepada bulan Disember 2007.

18.13 Penstrukturan semula telah dilaksanakan untuk meningkatkan daya maju operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Langkah ini melibatkan, antara lain, penyusunan semula organisasi KTMB kepada tiga unit perniagaan strategik (SBU), iaitu Perkhidmatan Pengangkutan Barang, Antara Bandar dan Komuter untuk beroperasi sebagai entiti perniagaan autonomi manakala ibu pejabat menyediakan khidmat sokongan dari segi penggubalan dasar dan hala tuju yang strategik. SBU Perkhidmatan Pengangkutan Barang kekal sebagai penyumbang utama kepada hasil KTMB.

18.14 Bagi meningkatkan perkhidmatan kereta api di Sabah, projek menaik taraf infrastruktur kereta api dari Tanjung Aru ke Tenom dilaksanakan secara bersama oleh KTMB dengan Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Penggantian landas dan pembaikan kecil lokomotif dan gerabak disiapkan pada tahun 2003 manakala kerja menaik taraf dan memperkukuh landasan, jambatan dan stesen serta sistem semboyan dan komunikasi telah dimulakan pada tahun 2005.

### **Pelabuhan**

18.15 Pembangunan pelabuhan terus ditumpukan ke arah menambah keupayaan, menaik taraf peralatan dan kemudahan serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan pelabuhan dan perkhidmatan berkaitan. Projek utama dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan pelabuhan termasuk pembinaan dermaga tambahan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang, PTP, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kuantan serta terminal kontena dan jeti minyak di Teluk Sapangar, Sabah dan *Second Inner Harbour Basin* di Pelabuhan Bintulu, Sarawak.

18.16 Jumlah kargo yang dikendalikan di pelabuhan meningkat daripada 223.9 juta tan metrik pada tahun 2000 kepada 369.4 juta tan metrik pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-3*. Antara pelabuhan utama, Pelabuhan Klang mencatatkan peningkatan 57 peratus dalam pengendalian kontena daripada 70 juta tan metrik pada tahun 2000 kepada 110 juta tan metrik pada tahun 2005 manakala PTP meningkat 102 peratus daripada 29.5 juta tan metrik kepada 59.6 juta tan metrik. Pelabuhan Klang dan PTP disenaraikan pada kedudukan ke-13 dan ke-16 di dunia pada tahun 2004 mengikut bilangan kontena yang dikendalikan seperti dilaporkan dalam *Containerisation International Year Book 2005*.

18.17 Sungai digunakan sebagai mod perkhidmatan pengangkutan dan juga untuk menggalakkan pelancongan, terutamanya di Sarawak dan Melaka. Terminal bot ekspres dan jeti dibina dan dinaik taraf bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengangkutan sungai di Sarawak. Projek membersihkan dan mencantikkan Sungai Melaka juga dilaksanakan termasuk pembinaan benteng sungai, laluan pejalan kaki dan jambatan.



JADUAL 18-3

**KEUPAYAAN PELABUHAN, BILANGAN DERMAGA, KREN,  
KAPAL SINGGAH DAN JUMLAH KARGO YANG DIKENDALIKAN  
DI PELABUHAN<sup>1</sup>, 2000-2010**

	2000	2005	2010
Keupayaan Pelabuhan (juta tan metrik)	324.9	443.3	570.0
Bilangan Dermaga	221.0	233.0	242.0
Bilangan Kren <sup>2</sup>	131.0	217.0	265.0
Bilangan Kapal Singgah	81,313.0	98,345.0	130,000.0
Jumlah Kargo Dikendalikan (juta tan metrik)	223.9	369.4	539.0
Am	23.3	44.7	47.0
Pukal Cecair	87.5	103.8	202.0
Pukal Kering	28.6	38.2	44.0
Kontena	84.5	182.7	246.0
Kontena (juta TEUs)	4.9	12.1	18.0

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Termasuk Port Klang, Pulau Pinang, Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Kuantan, Kemaman, Bintulu, Kota Kinabalu, Lahad Datu, Sandakan, Tawau, Kuching, Miri, Rajang, Lumut, Teluk Ewa, Kuala Perlis, Kuala Kedah, Tanjung Bruas, Port Dickson, Kerteh, Sungai Udang, Tanjung Lempung dan Labuan.

<sup>2</sup> Termasuk gantri dan kren pelbagai guna.

## Lapangan Terbang

18.18 Dalam tempoh RMKe-8, jumlah penumpang yang dikendalikan di lapangan terbang meningkat daripada 32.9 juta pada tahun 2000 kepada 42.8 juta pada tahun 2005. Kemudahan lapangan terbang dinaik taraf untuk memenuhi permintaan trafik udara yang meningkat. Di Sarawak, lapangan terbang baru dibina di Limbang dan Bintulu manakala lapangan terbang di Miri dan Sibu dinaik taraf bagi melengkapkan mod pengangkutan lain terutamanya ke kawasan pedalaman. Kerja menaik taraf lapangan terbang di Alor Setar dan Kota Bharu juga disiapkan.

18.19 Usaha mempromosi Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) sebagai hab udara menghasilkan pertambahan kekerapan penerbangan oleh syarikat penerbangan sedia ada serta syarikat penerbangan baru yang memulakan operasi. Bilangan penumpang yang dikendalikan di KLIA meningkat daripada 16.8 juta pada tahun 2000 kepada 23.2 juta pada tahun 2005. Dalam kaji selidik yang dijalankan oleh *Airports Council International (ACI)* dan *International Air Transport Association (IATA)* pada tahun 2005 dari segi tahap kepuasan pelanggan, KLIA disenaraikan di tempat ketiga dalam kategori lapangan terbang terbaik di dunia dan tempat pertama dalam kategori 15-25 juta penumpang setahun.

## Bekalan Air

18.20 Antara projek utama yang dilaksanakan bagi memastikan bekalan air yang mencukupi dan berterusan untuk memenuhi permintaan air domestik dan industri ialah pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Rasa Fasa II dan LRA Bukit Badong Fasa II di Selangor, LRA Gadek di Melaka, LRA Gemencheh di Negeri Sembilan dan LRA Bintulu di Sarawak. Empat empangan juga siap dibina, iaitu Empangan Beris di Kedah, Empangan Chereh di Pahang, Empangan Jus di Melaka dan Empangan Kelalong di Sarawak. Kapasiti pengeluaran bekalan air telah meningkat daripada 11,917 juta liter sehari (jlh) pada tahun 2000 kepada 14,226 jlh pada tahun 2005. Liputan bekalan air pula meningkat daripada 92 peratus kepada 95 peratus dalam tempoh yang sama.

18.21 Sejumlah RM640 juta dibelanjakan untuk mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW). Beberapa langkah diambil termasuk mengganti paip lama sepanjang 3,380 km dan meter air yang lama, mengurangkan kecurian air, membaik pulih serta menaik taraf sistem bekalan air dan LRA. Hasilnya, kadar NRW negara berkurang daripada 40 peratus pada tahun 2000 kepada 38 peratus pada tahun 2005.

18.22 Selaras dengan dasar membekalkan air yang boleh diminum ke kawasan luar bandar, sejumlah RM734 juta dibelanjakan untuk program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Program ini terdiri daripada penyambungan paip daripada paip utama bekalan air awam ke kawasan luar bandar, menaik taraf LRA dan sistem bekalan air sedia ada serta pembinaan sistem retikulasi. Program ini juga meliputi pelaksanaan sistem bekalan air alternatif. Program BALB telah memberi manfaat kepada 41,000 orang di Semenanjung Malaysia, 207,000 di Sabah dan 106,000 di Sarawak.

18.23 Perlembagaan Persekutuan dipinda pada bulan Januari 2005 untuk memindahkan perkara yang berhubung dengan perkhidmatan bekalan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama. Pindaan tersebut membolehkan Kerajaan Persekutuan mengawal selia perkhidmatan bekalan air manakala pemilikan dan pengawalan sumber air, empangan dan kawasan tadahan dikekalkan di bawah kerajaan negeri. Dua rang undang-undang telah dirangka bertujuan mewujudkan industri perkhidmatan air yang cekap dan berkesan serta pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai badan kawal selia perkhidmatan air.

## Pembetungan

18.24 Antara projek utama yang dilaksanakan untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan yang cekap, andal dan mesra alam ialah Projek Pembetungan Negara (NSP). Pembinaan NSP Fasa I yang terdiri daripada lima projek di Kuala Lumpur dan Selangor telah dimulakan pada tahun 2004. Pembinaan beberapa loji rawatan pembetungan (LRP) telah disiapkan seperti loji di Bayan

Baru, Kuala Terengganu, Port Dickson serta di Padang Mat Sirat dan Pantai Tengah di Langkawi. Kemudahan pembedungan lain juga dibina seperti tangki septik dan loji rawatan berkelompok manakala sistem sedia ada dipertingkatkan dan dibaik pulih. Jumlah penduduk yang disediakan kemudahan pembedungan meningkat daripada 6.7 juta pada tahun 2000 kepada 8.1 juta pada tahun 2005.

### **Tebatan Banjir**

18.25 Sejumlah RM1.8 bilion dibelanjakan untuk mengurangkan bencana banjir terutamanya di kawasan bandar. Usaha yang diambil untuk mengurangkan banjir di Lembah Klang termasuk pembinaan projek SMART, kolam takungan banjir di Batu dan Jinjang serta lencongan aliran air banjir. Masalah banjir yang sering berlaku di sepanjang Sungai Muda dan dalam pekan Baling, Kuala Ketil dan Sik di Kedah ditangani melalui pelaksanaan projek Sungai Muda Fasa 1 yang merangkumi kerja memperbaiki sungai dan membina empang jajar. Pelaksanaan projek tebatan banjir utama yang lain termasuk projek Sungai Perai dan Bertam-Kepala Batas di Pulau Pinang serta projek Sungai Air Hitam dan Sungai Rasau di Selangor.

### **Pengeksportan Kepakaran**

18.26 Kerajaan memberikan galakan dan sokongan kepada firma pembinaan Malaysia untuk mencebur diri dalam projek pembinaan di luar negara dengan menggunakan keupayaan dan kepakaran yang diperolehi daripada pembangunan infrastruktur dalam negara. Sejumlah 76 firma pembinaan telah melaksanakan 316 projek di luar negara bernilai RM17.6 bilion terutamanya di wilayah Asia Selatan dan Timur Tengah.

## **III. PROSPEK, 2006-2010**

18.27 Teras pembangunan infrastruktur dalam tempoh RMKe-9 akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan penggunaan kemudahan infrastruktur sedia ada dengan memberi penekanan kepada sistem penyampaian dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik, peluasan rangkaian ke kawasan kurang membangun serta peningkatan keupayaan. Sehubungan ini, infrastruktur akan dibangunkan untuk membantu pertumbuhan sektor lain berpandukan kepada strategi yang berikut:-

- *mempertingkatkan akses kepada kemudahan infrastruktur yang berkualiti di kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan antara luar bandar dengan kawasan bandar;*

- ❑ *menyediakan perkhidmatan yang cekap dan andal bagi memastikan penggunaan kemudahan infrastruktur secara optimum serta meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna;*
- ❑ *mengoptimumkan penggunaan sumber, terutamanya air melalui pengurusan mampan dan penyediaan kemudahan infrastruktur yang lebih baik;*
- ❑ *menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sebagai mod perjalanan utama khususnya di kawasan bandar dengan meningkatkan penyepaduan pelbagai mod pengangkutan;*
- ❑ *meningkatkan tahap kecekapan dan keupayaan penyedia perkhidmatan infrastruktur; dan*
- ❑ *menggalakkan eksport perkhidmatan kepakaran dalam pembinaan dan pengurusan projek.*

## **Jalan Raya**

18.28 Program pembangunan jalan raya akan dilaksanakan dengan memberikan tumpuan kepada meningkatkan akses ke kawasan kurang membangun terutamanya kawasan yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan, pertanian dan pusat pertumbuhan luar bandar. Kajian semula Pelan Pembangunan Rangkaian Lebuhraya (HNDP) yang dijangka siap pada tahun 2006 akan mengenal pasti projek yang perlu diberikan keutamaan untuk menambah baik rangkaian jalan raya di Semenanjung Malaysia. Kajian semula HNDP akan mengenal pasti projek jalan raya yang boleh dilaksanakan di bawah program penswastaan. Kajian lain juga akan dilaksanakan untuk mengenal pasti rangkaian jalan raya yang diperlukan untuk mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak.

18.29 Di bawah program jalan luar bandar, lebih banyak jalan dengan piawai minimum JKR-R3 akan dibina untuk memudahkan pengangkutan hasil pertanian. Di samping itu, program ini akan diperluas untuk menghubungkan kawasan penempatan semula dengan kawasan perindustrian luar bandar dan ladang terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan mobiliti penduduk luar bandar yang bekerja di kawasan berkenaan. Langkah ini akan membantu merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dengan bandar.

18.30 Keselamatan jalan raya akan diberikan tumpuan dengan meningkatkan aspek fizikal jalan dan memupuk etika berhemah di kalangan pengguna. Langkah akan terus diambil untuk menambah baik kawasan kemalangan di jalan utama, jalan negeri dan jalan perbandaran. Langkah ini termasuk meluruskan jalan, menyediakan lorong memotong dan menambah baik tanda jalan. Kerja pengukuhan ke atas cerun yang berisiko akan dilaksanakan untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh. Lebih banyak lintasan pejalan kaki akan disediakan terutamanya

di kawasan sekolah. Program keselamatan jalan raya akan dipergiat untuk mengurangkan kemalangan termasuk penguatkuasaan undang-undang jalan raya yang lebih tegas.

### **Pengangkutan Bandar**

18.31 Pembangunan pengangkutan bandar akan ditumpukan kepada usaha menggalakkan peralihan mod pengangkutan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Di Lembah Klang, kadar penggunaan pengangkutan awam mengalami pengurangan daripada 34 peratus pada tahun 1985 kepada 16 peratus pada tahun 2003. Sehubungan ini, langkah akan dilaksanakan untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan persendirian dan seterusnya mencapai nisbah 30:70. Langkah ini termasuk memanjangkan jajaran transit aliran ringan (LRT) dan komuter, memperoleh lebih banyak tren LRT dan bas serta menaik taraf stesen dan kemudahan *park and ride*. Di samping itu, terminal pengangkutan bersepadu akan dibina sebagai hab transit untuk membolehkan penumpang antara bandar menggunakan sistem rel bandar ke kawasan utama di Kuala Lumpur.

18.32 Satu suruhanjaya akan ditubuhkan bagi mengawal selia sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Suruhanjaya ini juga akan bertanggungjawab ke atas perancangan, penyelarasan dan pelesenan semua mod pengangkutan awam di Lembah Klang.

18.33 Beberapa jalan di bandar utama akan dibina atau dinaik taraf bagi menambah baik aliran dan penyuraian trafik di bandar utama. Projek ini termasuk pembinaan jalan lingkar luar dan jalan pintas di Georgetown, Pulau Pinang; Seremban, Negeri Sembilan; dan Johor Bahru, Johor. Projek SMART di Kuala Lumpur dijadualkan siap pada bulan Disember 2006. Laluan kenderaan di terowong ini dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di laluan masuk utama ke Kuala Lumpur dari selatan.

18.34 Dasar pengangkutan jangka panjang yang tersusun dan bersepadu diperlukan bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat kepada sistem pengangkutan yang cekap dan selamat serta tambang yang berpatutan. Bagi mencapai matlamat ini, dasar pengangkutan negara akan menggariskan objektif dan hala tuju strategik sektor pengangkutan, hubungannya dengan sektor lain serta pembangunan masa hadapan.

### **Pengangkutan Kereta Api**

18.35 Dalam tempoh Rancangan, pembangunan pengangkutan kereta api akan ditumpukan kepada peningkatan kecekapan operasi serta menggalakkan

penggunaan pengangkutan kereta api sebagai mod pengangkutan barang yang utama dan alternatif bagi pengangkutan penumpang antara bandar yang cekap. Bagi mencapai tujuan ini, infrastruktur kereta api akan dinaik taraf dan sistem komunikasi dipermoden. Langkah ini termasuk kerja mengubah jajaran dan menaik taraf landasan dari Taiping ke Padang Rengas, membaik pulih dan memperkukuh landasan dan jambatan serta pengkomputeran sistem semboyan. Landasan khusus akan dibina untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan barang dari kawasan industri ke bandar dan pelabuhan utama. Di samping itu, lokomotif dan gerabak baru akan diperoleh dan yang sedia ada dibaik pulih. Stesen baru akan dibina di kawasan pertumbuhan baru serta bagi menggantikan stesen yang lama. Walau bagaimanapun, stesen lama yang mempunyai nilai sejarah akan dibaik pulih dan dikekalkan.

18.36 Perkhidmatan kereta api dari Tanjung Aru ke Tenom di Sabah dipertingkatkan dengan siapnya program membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur kereta api, lokomotif dan gerabak serta sistem semboyan dan komunikasi. Program ini akan meningkatkan keselamatan operasi perkhidmatan kereta api serta mengurangkan separuh masa perjalanan antara dua destinasi. Program ini juga akan meningkatkan akses ke kawasan luar bandar dan menyokong pembangunan pertanian serta pelancongan di sepanjang koridor tersebut.

### **Pelabuhan**

18.37 Usaha untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti pelabuhan akan diteruskan bagi menghadapi persaingan sengit pelabuhan serantau. Langkah akan diambil termasuk promosi bagi menarik lebih banyak pengendali syarikat perkapalan utama dan membentuk kerjasama strategik dengan pelabuhan antarabangsa serta membangunkan lagi perkhidmatan sokongan. Bagi memendekkan masa menunggu di pelabuhan, kren gantri tambahan dan peralatan operasi lain akan diperoleh dan kemudahan tempat penyimpanan kargo dinaik taraf. Alur pelayaran dan kawasan dermaga pelabuhan akan dikeruk bagi membolehkan kapal yang lebih besar singgah di pelabuhan. Di samping itu, zon perdagangan bebas akan dibangunkan untuk meningkatkan operasi pelabuhan. Pelabuhan di Malaysia akan terus menjalinkan kerjasama dengan pelabuhan antarabangsa bagi meningkatkan rangkaian serta menarik lebih banyak pengendali syarikat perkapalan utama singgah terutamanya di Pelabuhan Klang dan PTP.

18.38 Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam operasi pelabuhan akan dipergiat dan dikembangkan untuk meningkatkan lagi kecekapan pelabuhan. Sehubungan ini, sistem dokumentasi elektronik akan diperluas kepada pelabuhan kecil serta penggunaan ICT seperti *e-billing* dan e-dagang bagi operasi pelabuhan akan ditingkatkan.

18.39 Tumpuan akan terus diberikan untuk meningkatkan keselamatan pelayaran dan mengurangkan pencemaran laut. Langkah akan diambil termasuk menaik taraf dan memperluas sistem keselamatan pelayaran serta mempergiat pemantauan pergerakan kapal. Pelupusan bangkai kapal serta kerja pengerukan juga akan dilaksanakan. Pengawasan di perairan Malaysia akan dipertingkatkan lagi setelah Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) yang ditubuhkan pada tahun 2005 menambah kakitangan dan memperoleh kapal tambahan.

18.40 Pengangkutan sungai akan terus menyokong pembangunan sosioekonomi dan kebudayaan di Sarawak. Sehubungan ini, kajian akan dijalankan untuk mengenal pasti potensi pembangunan pengangkutan air sebagai satu mod pengangkutan alternatif yang cekap serta menggalakkan pelancongan.

### Lapangan Terbang

18.41 Trafik penumpang diunjur bertambah pada kadar purata 5.8 peratus setahun dengan bilangan penumpang meningkat kepada 54.5 juta pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-4*. Unjuran trafik udara yang berkembang memerlukan peningkatan yang berterusan bagi keupayaan dan kemudahan lapangan terbang. KLIA dijangka mencapai had keupayaan, iaitu 25 juta penumpang setahun pada tahun 2008. Kerja untuk meningkatkan keupayaan kepada 45 juta penumpang setahun dijadual bermula dalam tempoh Rancangan. Kerja menaik taraf lapangan terbang Kuching, Kota Kinabalu, Labuan dan Kuala Terengganu akan siap pada akhir tempoh Rancangan. Akses ke kawasan pedalaman Sarawak akan dipertingkatkan dengan pembesaran padang terbang sedia ada.

JADUAL 18-4

#### TRAFIK DI LAPANGAN TERBANG MALAYSIA, 2000-2010

Trafik	2000	2005	2010
<b>Penumpang ('000)</b>			
Dalam Negeri	19,838	25,639	30,418
Antarabangsa	13,066	17,189	24,086
<b>Jumlah</b>	<b>32,904</b>	<b>42,828</b>	<b>54,504</b>
<b>Kargo (tan metrik)</b>			
Dalam Negeri	122,098	197,783	268,086
Antarabangsa	653,045	809,031	1,213,415
<b>Jumlah</b>	<b>775,143</b>	<b>1,006,814</b>	<b>1,481,501</b>
<b>Pergerakan Pesawat Komersil (bilangan)</b>			
Dalam Negeri	282,435	344,630	416,855
Antarabangsa	98,978	137,378	194,640
<b>Jumlah</b>	<b>381,413</b>	<b>482,008</b>	<b>611,495</b>

Sumber: Malaysia Airports Holdings Berhad, Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd.

18.42 Ke kerap an penerbangan yang dijangka meningkat memerlukan peralatan kawalan trafik udara yang canggih. Peralatan komunikasi dan pandu arah bagi kawalan trafik udara seperti radar, pemrosesan data penerbangan dan alat perakam suara serta sistem maklumat aeronautik akan dinaik taraf untuk membolehkan pengendalian kawalan trafik yang lebih tepat dan cekap. Peralatan satelit dan komunikasi digital akan digunakan untuk meningkatkan lagi keselamatan penerbangan serta mematuhi peraturan *International Civil Aviation Organisation* (ICAO). Pematuhan kepada peraturan ini penting bagi menarik lebih banyak syarikat penerbangan ke Malaysia. Latihan kepada kakitangan trafik udara secara berterusan akan diberikan tumpuan bagi meningkatkan kecekapan mereka.

18.43 Selaras dengan hala tuju liberalisasi bagi perkhidmatan udara, Kerajaan akan terus berunding untuk mendapat pertambahan hak pendaratan di bawah pendekatan liberal atau dasar langit terbuka dengan negara tertentu termasuk ahli Kesatuan Eropah. Penambahan bilangan perjanjian perkhidmatan udara akan meningkatkan *connectivity* rangkaian dan seterusnya memudahkan perdagangan dan pelancongan. Sehubungan ini, syarikat penerbangan negara ASEAN akan mempunyai akses yang tidak terbatas ke ibu negara ASEAN menjelang tahun 2008.

18.44 Dalam tempoh RMKe-9, *Malaysia Airlines* (MAS) akan memberikan tumpuan kepada usaha pembangunan rangkaian yang lebih berdaya maju dan mampan serta meningkatkan bahagiannya di pasaran serantau. Langkah ini akan melibatkan peningkatan keupayaan dan kekerapan, merasionalisasikan rangkaian serta mengadakan perkhidmatan ke destinasi baru.

### **Bekalan Air**

18.45 Usaha akan diambil untuk mengekalkan kuantiti dan meningkatkan kualiti sumber air sedia ada serta mengenal pasti sumber air yang berpotensi untuk dibangunkan bagi memastikan bekalan air yang mencukupi dan berterusan. Permintaan air untuk kegunaan domestik dan industri dijangka meningkat pada kadar purata 6.6 peratus setahun kepada 16,270 jlh pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-5*. Pembinaan empangan, muka sauk, LRA dan sistem agihan akan dilaksanakan. Berikutan penambahan kapasiti tersebut, liputan bekalan air dijangka meningkat kepada 96.8 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-6*.

18.46 Kecekapan perkhidmatan bekalan air akan ditingkatkan melalui program pengurangan NRW. Beberapa langkah akan diambil termasuk penguatkuasaan yang ketat terhadap kecurian air, penggantian paip dan meter, pemetaan rangkaian agihan melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS), membaik pulih sistem agihan dan menaik taraf LRA sedia ada serta pewujudan pusat operasi. Kadar NRW negara dijangka berkurang kepada 30 peratus pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-7*.



JADUAL 18-5

**KAPASITI PENGELUARAN DAN KUANTITI BEKALAN AIR, 2000-2010**  
(Jlh)

Negeri	2000		2005		2010	
	Kapasiti Pengeluaran	Jumlah Air Dibekalkan	Kapasiti Pengeluaran	Jumlah Air Dibekalkan	Kapasiti Pengeluaran	Jumlah Air Dibekalkan
Johor	1,285	1,158	1,436	1,325	1,747	1,489
Kedah	988	804	1,194	1,098	1,904	1,175
Kelantan	214	212	276	239	448	401
Melaka	386	324	405	398	661	572
Negeri Sembilan	528	490	702	620	722	665
Pahang	762	500	912	676	1,340	1,187
Perak	969	812	1,306	897	1,595	1,567
Perlis	91	84	102	92	225	123
Pulau Pinang	1,050	741	1,166	802	1,227	1,003
Sabah	718	706	761	740	1,201	1,004
Sarawak <sup>1</sup>	918	602	948	745	1,166	1,050
Selangor <sup>2</sup>	3,437	2,858	4,390	3,740	5,150	5,000
Terengganu	511	334	568	400	1,036	986
Labuan	60	30	60	34	60	49
<b>Malaysia</b>	<b>11,917</b>	<b>9,655</b>	<b>14,226</b>	<b>11,806</b>	<b>18,482</b>	<b>16,271</b>

Sumber: Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Termasuk sebahagian air terawat di kawasan luar bandar.

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

18.47 Pembangunan penyaluran air antara negeri dan antara lembangan akan diberikan keutamaan untuk mengatasi masalah kekurangan air dan agihan sumber air yang tidak serata dalam negara. Projek Penyaluran Air Mentah Antara Negeri dari Pahang ke Selangor (Pahang-Selangor ISRWT) yang akan dimulakan pembinaannya dalam tempoh Rancangan dijangka dapat memenuhi peningkatan permintaan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Di samping program pengurangan NRW, program lain yang akan diperkenalkan sebagai langkah sementara bagi mengatasi kekurangan bekalan air yang dijangka berlaku di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah perlindungan sumber air, penuaian air hujan, penggunaan air daripada kolam pengurusan air banjir bukan tujuan untuk diminum dan pembangunan air tanah.

18.48 Untuk meningkatkan liputan bekalan air yang boleh diminum ke kawasan luar bandar, keutamaan akan diberikan kepada negeri yang mempunyai liputan yang rendah seperti Sabah, Sarawak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Kedah. Penekanan akan diberikan kepada kawasan terpencil seperti perkampungan Orang Asli dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, ladang kecil dan sekolah

JADUAL 18-6

**LIPUTAN BEKALAN AIR BANDAR DAN LUAR BANDAR, 2000-2010**  
(% daripada penduduk)

Negeri	2000			2005			2010		
	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah
Johor	100.0	98.0	99.0	100.0	99.0	99.5	100.0	100.0	100.0
Kedah	100.0	97.0	98.0	100.0	99.0	99.5	100.0	100.0	100.0
Kelantan	63.0	48.0	53.0	80.0	60.0	70.0	85.0	70.0	78.0
Melaka	100.0	99.0	99.0	100.0	99.5	99.8	100.0	100.0	100.0
Negeri Sembilan	100.0	99.0	99.0	100.0	99.5	99.8	100.0	100.0	100.0
Pahang	98.0	89.0	93.0	99.0	92.0	95.5	100.0	100.0	100.0
Perak	100.0	99.0	99.0	100.0	99.5	99.8	100.0	100.0	100.0
Perlis	100.0	97.0	98.0	100.0	99.0	99.5	100.0	100.0	100.0
Pulau Pinang	100.0	99.0	99.0	100.0	99.5	99.8	100.0	100.0	100.0
Sabah	89.0	60.0	74.0	90.0	61.0	75.5	92.0	70.0	81.0
Sarawak <sup>1</sup>	100.0	92.0	96.0	100.0	92.0	96.0	100.0	95.0	98.0
Selangor <sup>2</sup>	100.0	98.0	99.0	100.0	99.0	99.5	100.0	99.5	100.0
Terengganu	84.0	78.0	81.0	100.0	92.0	96.0	100.0	98.0	99.0
Labuan	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
<b>Malaysia</b>	<b>97.0</b>	<b>85.0</b>	<b>92.0</b>	<b>98.0</b>	<b>92.0</b>	<b>95.0</b>	<b>98.0</b>	<b>95.2</b>	<b>96.8</b>

Sumber: Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Termasuk sebahagian air terawat di kawasan luar bandar.

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

luar bandar. Sehubungan ini, pembangunan air tanah, penuaian air hujan dan sistem bekalan air berasaskan graviti akan dilaksanakan. Program carigali dan pembangunan air tanah juga akan dijalankan untuk membekalkan air ke kawasan lain yang kekurangan bekalan air dan untuk tujuan pengairan. Penggunaan telaga mendatar, empangan bawah tanah dan air tanah yang dikumpul dari sawah padi akan digalakkan.

18.49 Pendekatan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) akan diperkenalkan untuk mencapai pembangunan sumber air yang mampan. Kajian Kebangsaan Mengenai Pelaksanaan Secara Berkesan Pengurusan Sumber Air Bersepadu di Malaysia yang dimulakan pada tahun 2005 dijangka siap dalam tempoh Rancangan. Kajian tersebut akan merangka pelan tindakan dan program untuk meningkatkan kesedaran terhadap IWRM serta mencapai pengurusan sumber air negara yang cekap dan mampan. IWRM juga melibatkan pengurusan sumber fizikal serta pemulihan sistem dan amalan bagi membolehkan masyarakat mendapat manfaat yang berterusan dan saksama daripada sumber tersebut.

JADUAL 18-7

**KADAR AIR TIDAK TERHASIL, 2000-2010**

Negeri	2000		2005		2010	
	%	Jlh	%	Jlh	%	Jlh
Johor	32	371	36	477	35	521
Kedah	46	370	41	450	36	423
Kelantan	44	93	41	98	36	144
Melaka	31	100	33	131	30	172
Negeri Sembilan	45	221	50	310	45	299
Pahang	38	190	47	318	40	475
Perak	38	309	30	269	28	439
Perlis	44	37	37	38	35	43
Pulau Pinang	23	170	19	152	17	171
Sabah	72	508	55	407	45	452
Sarawak <sup>1</sup>	30	181	25	186	23	242
Selangor <sup>2</sup>	42	1,200	37	1,414	23	1,130
Terengganu	39	130	30	120	29	286
Labuan	32	45	20	32	20	45
<b>Malaysia</b>	<b>40</b>	<b>3,925</b>	<b>38</b>	<b>4,402</b>	<b>30</b>	<b>4,842</b>

Sumber: Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia

Nota : <sup>1</sup> Termasuk sebahagian air terawat di kawasan luar bandar.

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

18.50 Langkah bukan struktur untuk menambah baik perkhidmatan bekalan air akan terus dilaksanakan termasuk menggalakkan penggunaan air secara berhemah. Lebih banyak kempen akan dibuat untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan pemuliharaan air. Pengguna akan digalakkan untuk mengguna peranti dan peralatan jimat air seperti sistem tandas dwi-simbahan manakala kerajaan negeri digalakkan meminda Enakmen Air berkaitan pemasangan sistem tandas 6-liter air simbahan dalam bangunan. Panduan untuk Pemasangan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Air Hujan akan disemak semula untuk menambah baik aspek praktikal bagi pengumpulan air hujan. Langkah tersebut dijangka mengurangkan permintaan air dan menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar.

18.51 SPAN akan memulakan operasi dalam tempoh Rancangan untuk mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan pembedahan di Semenanjung Malaysia. Penyedia perkhidmatan air dan pemilik sistem perkhidmatan air akan dilesenkan oleh SPAN dan dikehendaki mencapai piawai perkhidmatan dan petunjuk prestasi utama. Di samping itu, Syarikat Pengurusan Aset Air (WAMCO) akan ditubuhkan untuk membangunkan infrastruktur bekalan air pada masa hadapan.

## Pembetulan

18.52 Perkhidmatan pembetulan akan terus diperluaskan bagi memastikan kualiti efluen yang disalur kepada air permukaan mematuhi piawai alam sekitar dan melindungi kesihatan awam. Usaha menaik taraf, membaik pulih dan mengubahsuai sistem rawatan pembetulan sedia ada dalam kawasan tadahan sistem bekalan air awam akan terus diberikan keutamaan. Program rasionalisasi sistem pembetulan akan diteruskan dalam tempoh Rancangan. Operasi LRP kecil dan berselerak akan dihentikan selepas LRP berpusat dalam lingkungan kawasan tadahan siap dibina untuk mengurangkan kos operasi dan penyenggaraan.

18.53 Kempen kesedaran mengenai kepentingan pengurusan air kumbahan dan sistem pembetulan untuk mengekalkan kebersihan serta melindungi alam sekitar dan sumber air akan dipergiatkan. Penyelidikan dan pembangunan terhadap penggunaan semula enapcemar untuk tujuan perindustrian, pertanian dan lanskap serta memulih guna air kumbahan bukan tujuan untuk diminum akan dijalankan. Peruntukan dalam Akta Perkhidmatan Pembetulan, 1993 yang mensyaratkan bahawa hartanah dalam lingkungan 30 meter daripada sistem pembetulan berpusat disambungkan kepada sistem pembetulan akan dikuatkuasakan sepenuhnya. Peningkatan sambungan ke sistem berpusat akan membantu meningkatkan kesihatan awam dan alam sekitar serta keberkesanan LRP berpusat.

## Tebatan Banjir

18.54 Usaha berterusan akan dijalankan untuk mengurangkan bencana banjir di Lembah Klang serta kawasan lain di seluruh negara yang terdedah kepada ancaman banjir melalui pelaksanaan langkah struktur seperti pembinaan kolam takungan air banjir, kerja meningkatkan aliran sungai dan lencongan banjir. Di samping itu, langkah bukan struktur seperti pengawalan guna tanah serta sistem ramalan, amaran awal dan bantuan banjir secara bersepadu juga akan dilaksanakan. Kerja tebatan banjir di Kota Bharu dan kawasan terpilih lain di sepanjang Sungai Kelantan di Kelantan akan dilaksanakan. Pengurusan lembangan banjir dan pelaksanaan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang merupakan kaedah kawalan air di punca yang juga dapat mengatasi masalah pemendapan dan hakisan akan diperluas ke kawasan pembangunan baru di seluruh negara. Langkah tersebut akan mengurangkan kerugian akibat banjir dan meningkatkan kualiti air sungai.

## Pengeksportan Kepakaran

18.55 Usaha akan dipergiat untuk memberikan galakan dan sokongan kepada sektor swasta mengeksport kepakaran tempatan terutamanya dalam sektor pembinaan. Penyelarasan antara pelbagai agensi seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional

dan kementerian berkaitan akan dipertingkatkan dalam meneroka pasaran baru di Timur Tengah dan Eropah Timur yang sedang membangunkan kemudahan infrastruktur dengan pesat.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

18.56 Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam akan dilaksanakan melalui usaha yang terselaraskan oleh kementerian dan agensi. Pembangunan jalan raya akan dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya. Di samping itu, projek berkaitan dengan pengangkutan termasuk keselamatan jalan raya akan dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan menerajui pembangunan perkhidmatan bekalan air dan pembetungan manakala Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah akan melaksanakan program jalan luar bandar dan BALB. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pula akan menyelaraskan pelaksanaan projek tebatan banjir. Sejumlah RM46.8 bilion akan diperuntukkan bagi membangunkan subsektor berkaitan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 18-8*.

JADUAL 18-8

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI  
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM, 2001-2010  
(RM juta)**

Sektor	RMKe-8 Perbelanjaan	RMKe-9 Peruntukan
<b>Pengangkutan</b>	<b>30,936.5</b>	<b>30,304.4</b>
Jalan Raya	18,451.4	17,303.1
Pengangkutan Bandar	706.6	1,565.5
Kereta Api	5,270.1	3,634.9
Pelabuhan	2,443.0	1,290.0
Lapangan Terbang	1,779.3	2,868.5
Jalan Luar Bandar <sup>1</sup>	2,286.1	3,642.4
<b>Kemudahan Awam</b>	<b>7,752.7</b>	<b>16,540.5</b>
Bekalan Air	3,882.9	8,203.6
Pembetungan	1,347.9	3,132.8
Bekalan Air Luar Bandar	733.9	1,206.5
Tebatan Banjir	1,788.0	3,997.6
<b>Jumlah</b>	<b>38,689.2</b>	<b>46,844.9</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Termasuk jalan kampung.

## V. PENUTUP

18.57 Dalam tempoh RMKe-8, keupayaan rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam telah dipertingkatkan untuk memenuhi permintaan pengguna yang semakin bertambah serta merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pewujudan rantaian dan faedah limpahannya. Sistem pengangkutan awam di Lembah Klang distrukturkan semula melalui pelaksanaan program INSPAK. Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh RMKe-9 pula akan memberikan penekanan kepada memperluas kemudahan ke kawasan luar bandar, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan bagi menyokong aktiviti ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup. Keselamatan jalan raya akan diberikan tumpuan dengan menambah baik aspek fizikal jalan dan memupuk etika berhemah di kalangan pengguna. Kemudahan dan perkhidmatan pengangkutan awam akan dinaik taraf dan disepadukan lagi bagi menggalakkan lebih ramai pengguna menggunakan pengangkutan awam. Kecekapan perkhidmatan bekalan air akan dipertingkatkan melalui penubuhan SPAN dan pelaksanaan program pengurangan NRW. Langkah juga akan diambil untuk meningkatkan daya saing dan keandalan penyedia perkhidmatan untuk memastikan penggunaan kemudahan yang cekap dan optimum.



# PEMBANGUNAN TENAGA MAMPAN

# 19

## I. PENDAHULUAN

19.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), tumpuan pembangunan sektor tenaga adalah bagi memastikan bekalan tenaga yang terjamin, andal dan berkesan kos untuk meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi. Penggunaan sumber tenaga yang cekap serta penggunaan bahan api alternatif terutamanya tenaga boleh diperbaharu digalakkan. Strategi berkaitan tenaga telah diperkemas bagi menyederhanakan impak kenaikan harga minyak ke atas ekonomi negara.

19.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), peranan sektor tenaga akan terus diperkukuh ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Sehubungan ini, sumber bahan api akan dipelbagaikan melalui penggunaan tenaga boleh diperbaharu secara lebih meluas. Pendekatan berasaskan pasaran akan digalakkan untuk memastikan pengagihan sumber yang cekap. Penekanan akan diberikan bagi mengurangkan kebergantungan ke atas produk petroleum dengan meningkatkan penggunaan bahan api alternatif. Tumpuan akan diberikan kepada inisiatif kecekapan tenaga terutamanya dalam sektor industri, pengangkutan dan komersil serta di bangunan kerajaan bagi memastikan penggunaan sumber tenaga yang cekap dan meminimumkan pembaziran. Liputan elektrik luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak juga akan diperluas. Kaedah perancangan yang lebih bersepadu akan dilaksanakan untuk memastikan pembangunan sektor tenaga yang mampan.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

19.03 Sektor tenaga telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan dalam meningkatkan bekalan tenaga yang terjamin bagi memenuhi permintaan yang bertambah. Pembangunan sektor tenaga yang mampan dalam jangka panjang telah dipertingkatkan melalui penggunaan sumber yang cekap dan pelaksanaan inisiatif pengurusan penggunaan tenaga.

## Permintaan Tenaga

19.04 Dalam tempoh Rancangan, permintaan akhir tenaga komersil meningkat daripada 1,244 petajoule (PJ) kepada 1,632 PJ, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-1*. Keanjalan permintaan tenaga terhadap keluaran dalam negeri kasar (KDNK) ialah 1.3. Intensiti tenaga<sup>1</sup> meningkat sedikit daripada 5.9 gigajoule (GJ) pada tahun 2000 kepada 6.2 GJ pada tahun 2005. Walaupun produk petroleum merupakan sumber tenaga utama yang digunakan tetapi peratusannya kepada keseluruhan permintaan terus berkurangan manakala permintaan terhadap gas asli meningkat selaras dengan Dasar Pelbagaian Bahan Api.

JADUAL 19-1

### PERMINTAAN AKHIR TENAGA KOMERSIL<sup>1</sup> MENGIKUT SUMBER, 2000-2010

Sumber	Petajoule <sup>2</sup>			% daripada jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
Produk Petroleum	820.0	1,023.1	1,372.9	65.9	62.7	61.9	4.5	6.1
Gas Asli <sup>3</sup>	161.8	246.6	350.0	13.0	15.1	15.8	8.8	7.3
Elektrik	220.4	310.0	420.0	17.7	19.0	18.9	7.1	6.3
Arang Batu dan Kok	41.5	52.0	75.0	3.4	3.2	3.4	4.6	7.6
<b>Jumlah</b>	<b>1,243.7</b>	<b>1,631.7</b>	<b>2,217.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>5.6</b>	<b>6.3</b>
Penggunaan Per Kapita (gigajoule)	52.9	62.2	76.5				3.3	4.2

Sumber: Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada kuantiti tenaga komersil yang dibekal kepada pengguna akhir tetapi tidak termasuk gas, arang batu dan minyak bahan api yang digunakan dalam penjanaan elektrik.

<sup>2</sup> Joule ialah unit tenaga yang digunakan untuk menetapkan kandungan persamaan fizikal haba bagi setiap bentuk sumber tenaga. Satu megajoule =  $10^6$  joule. Satu gigajoule (GJ) =  $10^9$  joule dan satu petajoule (PJ) =  $10^{15}$  joule dan satu PJ = 0.0239 juta tan metrik minyak (mtoe). Satu toe = 7.6 tong.

<sup>3</sup> Termasuk gas asli yang digunakan sebagai bahan api dan bahan sua oleh sektor bukan elektrik.

19.05 Sektor pengangkutan merupakan pengguna utama tenaga, iaitu 40.5 peratus daripada jumlah permintaan akhir tenaga komersil pada tahun 2005. Sektor industri pula 38.6 peratus manakala sektor kediaman dan komersil 13.1 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-2*.

<sup>1</sup> Intensiti tenaga ialah nisbah jumlah penggunaan tenaga asas domestik atau penggunaan akhir tenaga kepada keluaran dalam negeri kasar atau output fizikal.



JADUAL 19-2

**PERMINTAAN AKHIR TENAGA KOMERSIL  
MENGIKUT SEKTOR, 2000-2010**

Sektor	Petajoule			% daripada jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
Perindustrian <sup>1</sup>	477.6	630.7	859.9	38.4	38.6	38.8	5.7	6.4
Pengangkutan	505.5	661.3	911.7	40.6	40.5	41.1	5.5	6.6
Kediaman dan Komersil	162.0	213.0	284.9	13.0	13.1	12.8	5.6	6.0
Bukan Tenaga <sup>2</sup>	94.2	118.7	144.7	7.6	7.3	6.5	4.7	4.0
Pertanian dan Perhutanan	4.4	8.0	16.7	0.4	0.5	0.8	12.9	15.9
<b>Jumlah</b>	<b>1,243.7</b>	<b>1,631.7</b>	<b>2,217.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>5.6</b>	<b>6.3</b>

Sumber: Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi

Nota: <sup>1</sup> Termasuk pembuatan, pembinaan dan perlombongan.

<sup>2</sup> Termasuk gas asli, bitumen, asphalt, minyak pelincir, bahan sua industri dan gris.

### Bekalan Tenaga

19.06 Jumlah bekalan tenaga meningkat daripada 2,003 PJ pada tahun 2000 kepada 2,526 PJ pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-3*. Sumber utama bekalan tenaga ialah minyak mentah dan produk petroleum serta gas asli. Peratusan bekalan minyak mentah dan produk petroleum telah berkurangan manakala arang batu dan kok meningkat yang menunjukkan pengurangan kebergantungan pada hanya satu sumber tenaga.

JADUAL 19-3

**BEKALAN TENAGA KOMERSIL ASAS<sup>1</sup>  
MENGIKUT SUMBER, 2000-2010**

Sumber	Petajoule			% daripada jumlah			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
Minyak Mentah dan Produk Petroleum	988.1	1,181.2	1,400.0	49.3	46.8	44.7	3.6	3.5
Gas Asli <sup>2</sup>	845.6	1,043.9	1,300.0	42.2	41.3	41.6	4.3	4.5
Arang Batu dan Kok	104.1	230.0	350.0	5.2	9.1	11.2	17.2	8.8
Hidro	65.3	71.0	77.7	3.3	2.8	2.5	1.7	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>2,003.1</b>	<b>2,526.1</b>	<b>3,127.7</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>4.7</b>	<b>4.4</b>

Sumber: Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada bekalan tenaga komersil yang belum melalui proses transformasi untuk menghasilkan tenaga.

<sup>2</sup> Tidak termasuk gas yang dibakar, gas yang dimasukkan semula ke dalam bumi dan gas cecair asli yang dieksport.

## Minyak Mentah

19.07 Rizab minyak mentah dan kondensat meningkat daripada 4.5 bilion tong pada tahun 2000 kepada 5.3 bilion tong pada tahun 2005. Pengeluaran purata minyak mentah dan kondensat domestik meningkat daripada 681,000 tong sehari pada tahun 2000 kepada 727,000 tong sehari pada tahun 2005. Berdasarkan kadar pengeluaran ini yang selaras dengan Dasar Susutan Negara, rizab dijangka berupaya menyediakan bekalan untuk tempoh 19 tahun. Walaupun keupayaan penapisan merosot daripada 591,000 tong sehari kepada 546,500 tong sehari, jumlah ini mencukupi untuk memenuhi permintaan terhadap produk petroleum.


19.08 Eksport minyak mentah dan kondensat meningkat kepada 369,000 tong sehari bernilai RM28.5 bilion pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Carta 19-1*. Destinasi eksport utama ialah Australia, Thailand, India dan Republik Korea.

MUKA  
SURAT

418

CARTA 19-1

### PENGELUARAN MINYAK MENTAH DAN KONDENSAT, JUMLAH DAN NILAI EKSPORT, 2000-2005




Sumber: Petrolim Nasional Berhad dan Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Satu komponen minyak mentah yang didapati daripada aliran gas asli dan mengandungi pentana dan hidrokarbon yang lebih berat.

## Gas Asli

19.09 Penemuan lapangan gas yang baru telah menyumbang kepada peningkatan rizab daripada 84.3 trilion kaki padu (tkp) pada tahun 2000 kepada 85.2 tkp pada tahun 2005. Rizab ini dijangka berupaya menyediakan bekalan untuk tempoh 33 tahun. Pengeluaran purata gas asli meningkat daripada 4,367 juta kaki padu sehari (jkps) kepada 5,800 jkps. Gas asli juga diimport dari Natuna Barat, Indonesia bermula tahun 2002 dan dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA) pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Peta 19-1*.

PETA 19-1  
**RANGKAIAN BEKALAN GAS, 2005-2010**



Sumber: Petroliaam Nasional Berhad

19.10 Permintaan purata gas asli di Semenanjung Malaysia meningkat daripada 1,643 jkps pada tahun 2000 kepada 2,141 jkps pada tahun 2005. Sektor elektrik terus menjadi pengguna utama, iaitu 66 peratus daripada jumlah penggunaan gas, diikuti oleh sektor bukan elektrik 28 peratus. Baki 6.0 peratus dieksport ke Singapura. Bagi memenuhi peningkatan permintaan daripada sektor bukan elektrik, Sistem Pengagihan Gas Asli (NGDS) diperluas daripada 455 kilometer kepada 1,365 kilometer.

19.11 Eksport gas asli cecair (LNG) meningkat daripada 15.4 juta tan pada tahun 2000 kepada 21.9 juta tan pada tahun 2005. Kebanyakan eksport LNG adalah ke Jepun, Republik Korea dan Taiwan. Jumlah perolehan eksport LNG ialah RM20.8 bilion pada tahun 2005 berbanding dengan RM11.4 bilion pada tahun 2000.

## Elektrik

19.12 Selaras dengan strategi bagi memastikan bekalan elektrik yang terjamin dan andal serta mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada gas, sumber bahan api bagi penjanaan elektrik dipelbagaikan dengan peningkatan penggunaan arang batu. Sehubungan ini, dua loji berasaskan arang batu siap dibina oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) manakala keupayaan loji Sejingkat ditingkatkan oleh Syarikat SESCO Berhad (SESCO). Keupayaan penjanaan baru berjumlah 6,420 megawatt (MW) siap dibina dalam tempoh Rancangan.

19.13 Sejalan dengan pertumbuhan ekonomi, permintaan puncak bagi elektrik meningkat daripada 10,657 MW pada tahun 2000 kepada 13,779 MW pada tahun 2005, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-4*. Penambahan keupayaan daripada 14,291 MW kepada 19,217 MW meningkatkan rizab margin daripada 34.1 peratus kepada 39.5 peratus. Paras rizab margin ini lebih daripada mencukupi untuk memenuhi permintaan elektrik. Konsep perkongsian risiko permintaan elektrik diperkenalkan dalam perjanjian pembelian tenaga (PPA) bagi membolehkan perkongsian kos untuk mengekalkan rizab margin.

JADUAL 19-4

### KEUPAYAAN TERPASANG, PERMINTAAN PUNCAK DAN RIZAB MARGIN, 2000-2010

Tahun	Penjanaan Mengikut Sistem <sup>1</sup>	Keupayaan Terpasang Terkumpul (MW)	Permintaan Puncak <sup>2</sup> (MW)	Rizab Margin <sup>3</sup> (%)
2000	TNB	12,645	9,712	30.2
	SESB	785	391	100.8
	SESCO	861	554	55.4
	<b>Jumlah</b>	<b>14,291</b>	<b>10,657</b>	<b>34.1</b>
2005	TNB	17,622	12,493	41.1
	SESB	639	543	17.7
	SESCO	956	743	28.7
	<b>Jumlah</b>	<b>19,217</b>	<b>13,779</b>	<b>39.5</b>
2010	TNB	22,802	18,187	25.4
	SESB	1,100	802	37.2
	SESCO	1,356 <sup>4</sup>	1,098	23.5
	<b>Jumlah</b>	<b>25,258</b>	<b>20,087</b>	<b>25.7</b>

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Syarikat SESCO Berhad

- Nota:
- <sup>1</sup> Sistem merujuk kepada utiliti-utiliti dan IPP berkaitan.
  - <sup>2</sup> Permintaan puncak ialah permintaan tenaga maksimum yang didaftar oleh sistem dalam tempoh masa yang dinyatakan.
  - <sup>3</sup> Rizab margin bersamaan dengan keupayaan terkumpul tolak permintaan puncak dan seterusnya dibahagi dengan permintaan puncak darab 100.
  - <sup>4</sup> Termasuk bekalan daripada dari Projek Hidroelektrik Bakun.

19.14 Usaha diambil untuk mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada gas asli dalam campuran penjanaan dengan meningkatkan penggunaan arang batu. Hasilnya, peratusan arang batu dalam campuran penjanaan meningkat daripada 8.8 peratus pada tahun 2000 kepada 21.8 peratus pada tahun 2005 manakala peratusan gas asli berkurang daripada 77.0 peratus kepada 70.2 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-5*. Konsep perkongsian beban juga dilaksanakan dalam perkongsian kos antara Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), TNB dan penjanakuasa elektrik persendirian (IPP) bagi penggunaan bahan api alternatif semasa kekangan bekalan gas pada tahun 2002 dan 2003.

JADUAL 19-5

**CAMPURAN BAHAN API DALAM PENJANAAN  
ELEKTRIK, 2000-2010**

	Tahun	Minyak	Arang Batu	Gas	Hidro	Lain-lain	Jumlah (gigawatt- jam)
		%					
Malaysia	2000	4.2	8.8	77.0	10.0	0.0	<b>69,280</b>
	2005	2.2	21.8	70.2	5.5	0.3	<b>94,299</b>
	2010	0.2	36.5	55.9	5.6	1.8	<b>137,909</b>
TNB	2000	2.3	8.7	79.6	9.4	0.0	<b>63,634</b>
	2005	0.5	22.5	71.9	4.9	0.2	<b>86,242</b>
	2010	0.1	38.1	56.8	3.4	1.6	<b>126,718</b>
SESB	2000	47.3	-	31.4	21.3	-	<b>2,299</b>
	2005	42.6	-	43.0	13.6	0.8	<b>3,447</b>
	2010	0.5	18.5	47.2	26.5	7.3	<b>4,808</b>
SESCO	2000	11.2	15.1	59.4	14.3	-	<b>3,347</b>
	2005	4.7	25.0	58.9	11.4	-	<b>4,610</b>
	2010	3.0	21.2	44.1	31.7	-	<b>6,383</b>

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Syarikat SESCO Berhad

19.15 Sistem penghantaran elektrik diperluas dengan siapnya projek penghantaran baru yang menyambungkan loji janakuasa baru ke grid utama dan menyediakan sambungan ke kawasan industri dan komersil yang baru. Projek ini termasuk talian penghantaran Manjung-Air Tawar di Semenanjung Malaysia serta Grid Pantai Timur dan Grid Utara di Sabah. Rangkaian pengagihan elektrik juga ditambah untuk memperluas liputan dan meningkatkan kualiti bekalan elektrik kepada pengguna.

19.16 Dalam tempoh Rancangan, bekalan elektrik ke kawasan luar bandar dipertingkat, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-6*. Pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar telah memberikan manfaat kepada 59,960 unit rumah, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

JADUAL 19-6

**LIPUTAN ELEKTRIK LUAR BANDAR<sup>1</sup> MENGIKUT  
WILAYAH, 2000-2010  
(%)**

<i>Wilayah</i>	<i>2000</i> <sup>2</sup>	<i>2005</i>	<i>2010</i>
Semenanjung Malaysia	97.5	98.6	98.8
Sabah	67.1	72.8	80.6
Sarawak	66.9	80.8	89.6
<b>Malaysia</b>	<b>89.5</b>	<b>92.9</b>	<b>95.1</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

*Nota:* <sup>1</sup> Unit rumah luar bandar yang menerima bekalan elektrik sebagai peratus keseluruhan unit rumah luar bandar.

<sup>2</sup> Data Banci 2000 tidak termasuk unit rumah yang menggunakan unit penjanaan persendirian.

19.17 Secara keseluruhan terdapat peningkatan produktiviti dan kecekapan dalam perkhidmatan pembekalan elektrik. TNB dan SESCO mencatatkan peningkatan prestasi dari segi unit dijual bagi setiap pekerja dan pengurangan bilangan kekerapan gangguan elektrik, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-7*.

JADUAL 19-7

**PETUNJUK PRESTASI SISTEM<sup>1</sup> BEKALAN ELEKTRIK,  
2000 DAN 2005**

<i>Petunjuk</i>	<i>2000</i>			<i>2005</i>		
	<i>TNB</i>	<i>SESB</i>	<i>SESCO</i>	<i>TNB</i>	<i>SESB</i>	<i>SESCO</i>
Kehilangan Sistem <sup>2</sup> (%)	10.3	16.8	12.6	10.5	19.5	14.5
Unit Dijual Setiap Pekerja <sup>3</sup> (gigawattjam)	2.43	0.94	1.40	3.05	1.29	1.93
Kekerapan Gangguan (bilangan)	46,896	14,543	8,145	23,213	20,385	4,489
SAIDI <sup>4</sup> (minit/pelanggan/tahun)	351	2,791	860	147	4,109	310

*Sumber:* Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Syarikat SESCO Berhad

*Nota:* <sup>1</sup> Terdiri daripada syarikat utiliti sahaja.

<sup>2</sup> Merujuk kepada kehilangan di peringkat penjanaan, penghantaran dan pengagihan serta penggunaan sendiri.

<sup>3</sup> Merujuk kepada jumlah unit tenaga elektrik yang dijual dibahagi jumlah pekerja.

<sup>4</sup> Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem.

## Tenaga Boleh Diperbaharu

19.18 Usaha diteruskan bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu (RE). Di bawah Program Pembangunan Janakuasa Kecil Tenaga Boleh Diperbaharu (SREP), dua projek yang berkeupayaan 12 MW untuk disambungkan ke grid telah dilaksanakan. Satu panduan hala tuju mengenai pembangunan tenaga suria, hidrogen dan sel bahan api telah dirangka dalam tempoh Rancangan. Bagi menggalakkan penggunaan dan aplikasi teknologi *photovoltaic* dalam bangunan secara lebih meluas, Projek Pembinaan Aplikasi Teknologi Bersepadu *Photovoltaic* Malaysia (MBIPV) juga telah dilancarkan.

## Kecekapan Tenaga

19.19 Bagi menggalakkan penggunaan tenaga secara cekap, tumpuan diberikan pada aspek reka bentuk dan pemasangan peralatan cekap tenaga di bangunan kerajaan seperti di Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Sehubungan ini, garis panduan yang baru mengenai reka bentuk yang cekap tenaga bagi bangunan kerajaan seperti klinik dan sekolah telah dirangka. Audit tenaga juga dilaksanakan dalam lapan industri intensif tenaga di bawah Program Peningkatan Kecekapan Tenaga Perindustrian Malaysia (MIEEIP) untuk mengenal pasti potensi penjimatan tenaga.

## Harga Tenaga

19.20 Harga minyak mentah di pasaran antarabangsa adalah tidak stabil, meningkat daripada purata US\$30.18 setong pada tahun 2000 kepada US\$55.70 pada tahun 2005. Di pasaran tempatan, harga produk petroleum terpilih seperti gasolin, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) disederhanakan menerusi Mekanisme Penetapan Harga Secara Automatik (APM). Walau bagaimanapun, harga produk petroleum disemak secara berkala untuk mencerminkan kos bekalan di samping mampu dibayar oleh pengguna. Bagi gas, Kerajaan terus menetapkan harga hiliran kepada pengguna untuk menangani impak kenaikan harga tenaga.

## Penyertaan Dalam Industri dan Perkhidmatan Berkaitan Tenaga

19.21 Selaras dengan usaha untuk membangunkan sumber pertumbuhan baru dalam sektor tenaga, beberapa syarikat Malaysia terus menceburi industri dan perkhidmatan berkaitan tenaga di luar negara. Usaha ini termasuk pelaburan sebanyak RM29.0 bilion oleh PETRONAS dalam aktiviti hulu dan hiliran di 35 negara. TNB juga membuat pelaburan dalam pembangunan loji janakuasa di Pakistan dan pengeluaran arang batu di Kalimantan, Indonesia.

### III. PROSPEK, 2006-2010

19.22 Dalam tempoh RMKe-9, sektor tenaga akan terus memberikan tumpuan kepada pembangunan mampan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, meningkatkan daya saing serta menyumbang kepada pencapaian pembangunan seimbang. Selaras dengan teras Misi Nasional untuk meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup, penekanan akan diberikan kepada pengeluaran dan penggunaan tenaga yang cekap di samping memenuhi objektif pemeliharaan alam sekitar. Bagi tujuan ini, strategi sektor tenaga dalam tempoh Rancangan adalah seperti yang berikut:

- ❑ *memastikan bekalan tenaga yang mencukupi, terjamin, andal, berkualiti dan berkesan kos;*
- ❑ *meningkatkan produktiviti dan kecekapan pembekal tenaga dan menggalakkan pendekatan berasaskan pasaran dalam penetapan harga tenaga;*
- ❑ *mengurangkan kebergantungan yang tinggi ke atas produk petroleum dengan meningkatkan penggunaan bahan api alternatif;*
- ❑ *menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu bagi penjanaan elektrik dan oleh industri;*
- ❑ *menggiatkan inisiatif kecekapan tenaga di sektor industri, pengangkutan dan komersil serta bangunan kerajaan;*
- ❑ *meluaskan liputan elektrik luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak; dan*
- ❑ *membangunkan sumber pertumbuhan baru dalam sektor tenaga termasuk penyertaan syarikat tempatan dalam industri dan perkhidmatan berkaitan tenaga di luar negara.*

#### **Permintaan Tenaga**

19.23 Keseluruhan permintaan tenaga dalam tempoh Rancangan dijangka meningkat pada kadar purata 6.3 peratus setahun kepada 2,218 PJ pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-1*. Peningkatan ini berasaskan kepada jangkaan pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi dalam tempoh tersebut. Intensiti tenaga diunjurkan meningkat kepada 6.3 GJ pada tahun 2010. Berdasarkan jangkaan peningkatan kualiti hidup penduduk, penggunaan tenaga dijangka meningkat disebabkan, antara lain, penggunaan peralatan elektrik yang meluas dan perjalanan yang lebih kerap. Sehubungan ini, penggunaan tenaga per



kapita dijangka meningkat daripada 62.2 GJ pada tahun 2005 kepada 76.5 GJ pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, keanjalan permintaan tenaga terhadap KDNK diunjurkan berkurang kepada 1.0. Usaha untuk menanda aras penggunaan tenaga dengan negara lain seperti Denmark, Jerman dan Republik Korea akan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan tenaga. Di samping itu, inisiatif akan dipergiat bagi memastikan penggunaan tenaga yang lebih cekap dan mengurangkan pembaziran serta menyumbang kepada pembangunan sektor tenaga yang mampan. Sejajar dengan Dasar Pelbagaian Bahan Api, peratusan produk petroleum kepada jumlah permintaan akhir tenaga komersil akan berkurang kepada 61.9 peratus manakala gas asli dijangka meningkat kepada 15.8 peratus pada tahun 2010.

19.24 Sektor pengangkutan dan industri akan terus merupakan pengguna utama tenaga dalam tempoh Rancangan. Permintaan tenaga sektor pengangkutan dijangka mencapai 41.1 peratus pada tahun 2010 manakala permintaan tenaga sektor industri 38.8 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-2*. Pertumbuhan permintaan tenaga yang pesat dalam sektor pengangkutan, antara lain, disebabkan oleh peningkatan keperluan perkhidmatan pengangkutan bagi sektor pembuatan dan pertanian serta industri pelancongan. Bagi sektor industri, industri intensif tenaga seperti kimia, simen dan seramik, besi dan keluli serta pemprosesan makanan dijangka kekal sebagai pengguna utama tenaga.

### **Bekalan Tenaga**

19.25 Bekalan tenaga yang terjamin, andal, berkualiti dan berkesan kos akan ditingkatkan menerusi campuran tenaga yang optimum terutamanya daripada sumber domestik. Bagi memenuhi keperluan tenaga negara, jumlah bekalan tenaga diunjur mencapai 3,128 PJ pada tahun 2010. Peratusan minyak mentah dan produk petroleum dijangka berkurang kepada 44.7 peratus manakala arang batu meningkat kepada 11.2 peratus. Harga minyak mentah yang tinggi di pasaran antarabangsa dijangka kekal dalam tempoh Rancangan. Sehubungan ini, usaha akan terus dipergiat bagi mengurangkan kebergantungan pada produk petroleum dan pada masa yang sama menggunakannya secara cekap. Di samping itu, usaha akan dipergiat bagi meningkatkan bekalan dan penggunaan bahan api alternatif termasuk RE. Pada tahun 2010, RE dijangka menyumbang 350 MW kepada bekalan tenaga.

#### *Minyak Mentah*

19.26 Bagi memastikan bekalan minyak dan gas yang mampan, usaha akan diteruskan bagi membangunkan lapangan minyak kecil di luar pesisir pantai serta kawasan laut dalam terutamanya di Sabah dan Sarawak. Usaha berterusan akan diambil bagi menarik syarikat minyak antarabangsa untuk melabur dalam aktiviti cari gali terutamanya di lapangan laut dalam dengan kedalaman lebih

200 meter dan laut ultra dalam dengan kedalaman melebihi 1 kilometer bagi meningkatkan rizab minyak domestik. Di samping itu, kerjasama dengan kontraktor perkongsian pengeluaran akan diteruskan untuk mengenal pasti peluang memaksimumkan penemuan rizab. Dalam tempoh Rancangan, pengeluaran purata minyak mentah dijangka sebanyak 695,000 tong sehari.

19.27 PETRONAS akan terus mengkaji operasi hulu dan hiliran di luar negara bagi menghadapi cabaran dalam pasaran minyak global. Usaha juga akan dijalankan untuk memperolehi lebih banyak rizab dan meningkatkan pengeluaran daripada pelaburan di luar negara serta mengembangkan operasi hiliran mereka.

#### *Gas Asli*

19.28 Usaha akan dipertingkatkan untuk membangunkan sumber tenaga domestik serta memperoleh bekalan dari luar negara bagi memastikan bekalan gas asli yang berterusan dalam jangka panjang. Bagi memenuhi peningkatan permintaan domestik di Semenanjung Malaysia, bekalan gas asli dari Natuna Barat, Indonesia dijangka meningkat kepada 250 jkps manakala daripada MTJDA 390 jkps. Jumlah ini merupakan kira-kira 20 peratus daripada jumlah bekalan gas pada tahun 2010.

19.29 Penggunaan gas asli di Semenanjung Malaysia dijangka meningkat pada kadar purata 4.3 peratus setahun untuk mencapai 2,647 jkps pada tahun 2010. Sektor elektrik dijangka kekal sebagai pengguna utama gas asli dengan penggunaan diunjurkan mencapai 1,653 jkps pada tahun 2010. Bagi sektor bukan elektrik, penggunaan gas oleh industri dijangka meningkat kepada 779 jkps disebabkan harga gas yang kompetitif serta pembangunan kawasan perindustrian baru dan perkembangan industri sedia ada.

19.30 Rangkaian NGDS akan diperluas sepanjang 640 kilometer lagi kepada 2,005 kilometer di akhir tempoh Rancangan melibatkan pelaburan sebanyak RM640 juta. Pertumbuhan tahunan purata bekalan gas melalui rangkaian NGDS dijangka meningkat 8.2 peratus setahun untuk mencapai 267 jkps pada tahun 2010.

19.31 Bagi menggalakkan lebih banyak penggunaan gas asli untuk kenderaan (NGV) dalam sektor pengangkutan, 54 stesen baru NGV akan dibina menjadikan keseluruhannya 94 pada akhir tempoh Rancangan. Langkah akan diambil untuk menggalakkan penggunaan NGV secara lebih meluas termasuk membangunkan stesen NGV khusus, pakej pembiayaan bagi pengubahsuaian kenderaan kepada NGV serta mempergiat program penyelidikan dan pembangunan (R&D). Di samping itu, insentif akan dikaji semula untuk menggalakkan pengusaha pengangkutan mengubah suai kenderaan bagi menggunakan NGV.

19.32 Sejumlah RM43.8 bilion dijangka dilaburkan oleh PETRONAS dalam tempoh Rancangan. Daripada jumlah ini, RM13.1 bilion atau 30.0 peratus akan dibelanjakan bagi aktiviti cari gali minyak dan gas serta aktiviti pembangunan dan pengeluaran untuk meningkatkan bekalan minyak dan gas dalam jangka panjang. Baki berjumlah RM30.7 bilion akan digunakan untuk menaik taraf infrastruktur pembekalan minyak dan gas, meningkatkan bilangan stesen perkhidmatan serta mengembangkan industri petrokimia.

#### *Arang Batu*

19.33 Penggunaan arang batu bagi penjanaan elektrik dijangka mencapai 19.0 juta tan metrik dan kegunaan oleh industri 2.2 juta tan metrik terutamanya berikutan daripada beroperasinya dua loji baru berasaskan arang batu di Semenanjung Malaysia. Usaha akan diteruskan untuk meningkatkan jaminan bekalan dengan meneroka potensi untuk membangunkan sumber tempatan terutamanya di Sarawak serta mendapatkan bekalan jangka panjang dari luar negara.

#### *Elektrik*

19.34 Selaras dengan petunjuk ekonomi negara yang positif, permintaan puncak bagi elektrik dijangka meningkat pada kadar purata 7.8 peratus setahun kepada 20,087 MW pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-4*. Pada akhir tempoh Rancangan, keupayaan terpasang terkumpul dijangka meningkat kepada 25,258 MW. Berikutan dengan ini, rizab margin keseluruhan dijangka berkurang ke paras yang lebih berkesan kos, iaitu 25.7 peratus. Rizab margin bagi Semenanjung Malaysia pada paras 25.4 peratus, Sabah 37.2 peratus dan Sarawak 23.5 peratus adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan yang dijangka meningkat.

19.35 Sejar dengan usaha untuk mengurangkan rizab margin ke paras 20 peratus dalam jangka panjang, pelaksanaan projek penjanaan elektrik yang telah diluluskan di Semenanjung Malaysia akan ditangguhkan dan pembinaan loji baru akan hanya dilaksanakan dalam tempoh Rancangan akan datang. Di samping itu, konsep perkongsian risiko permintaan akan diperluas kepada PPA baru bagi membolehkan perkongsian kos antara syarikat utiliti dengan IPP untuk mengekalkan rizab margin. Kajian mengenai kaedah penswastan dan peraturan pelepasan kos bahan api dalam PPA baru akan dilaksanakan bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum, perkongsian risiko antara syarikat utiliti dengan IPP serta meminimumkan kos syarikat utiliti. Inisiatif ini dijangka meningkatkan kecekapan dan daya maju syarikat utiliti dan IPP dan seterusnya meningkatkan bekalan elektrik yang terjamin, andal, berkualiti dan berkesan kos kepada pengguna. Sehubungan ini, usaha juga akan dilaksanakan untuk menanda aras pencapaian syarikat utiliti tempatan dengan syarikat utiliti luar negara.

19.36 Dua IPP baru berasaskan arang batu di Tanjung Bin, Johor dan Jimah, Negeri Sembilan dengan keupayaan terpasang berjumlah 3,500 MW akan beroperasi dalam tempoh Rancangan. Loji janakuasa baru tersebut akan menggunakan pemendak elektrostatik dan proses nyahsulfur gas serombong untuk memenuhi piawai alam sekitar. Sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan sisa pepejal, projek perintis penjanaan elektrik menggunakan sisa pepejal perbandaran akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

19.37 Di Sabah, loji berasaskan gas yang baru dengan keupayaan 100 MW akan mula beroperasi manakala loji 120 MW kitar terbuka akan ditukar kepada loji 190 MW kitar padu pada tahun 2006. Di samping itu, sebuah loji berasaskan gas dengan keupayaan 190 MW akan beroperasi pada tahun 2008. Bagi memenuhi permintaan serta memastikan bekalan elektrik yang andal di pantai timur, sebuah loji berasaskan arang batu berkeupayaan 300 MW akan dibina untuk beroperasi pada tahun 2009/2010. Di Sarawak, keupayaan penjanaan juga akan ditambah dengan bermulanya operasi loji janakuasa baru, termasuk loji berasaskan gas berkeupayaan 100 MW di Bintulu pada tahun 2006. Projek Hidroelektrik Bakun dengan keupayaan terpasang sebanyak 2,400 MW akan mula beroperasi pada 2009/2010.

19.38 Bagi mencapai sistem bekalan elektrik yang lebih terjamin, batas perancangan 10 hingga 15 tahun akan dipertimbangkan untuk mengambil kira masa mendulu yang diperlukan bagi pembangunan loji arang batu dan loji hidro elektrik. Bagi meningkatkan penggunaan sumber secara lebih cekap, projek penjanaan elektrik pada masa hadapan akan dipertimbangkan melalui proses pembidaan. Langkah ini juga akan membolehkan Kerajaan menetapkan keupayaan, jenis bahan api dan lokasi projek penjanaan dengan lebih awal berdasarkan keperluan sistem. Bekalan daripada sumber lain khususnya kuasa hidro akan dipertimbangkan bagi memastikan bekalan elektrik yang terjamin, meminimumkan kos penjanaan serta memenuhi objektif alam sekitar.

19.39 Campuran bahan api bagi penjanaan elektrik dalam tempoh Rancangan sebahagian besarnya akan merangkumi arang batu dan gas asli. Dengan beroperasinya loji berasaskan arang batu Tanjung Bin dan Jimah, peratusan arang batu dalam campuran penjanaan akan meningkat kepada 36.5 peratus pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-5*. Peratusan gas dalam campuran bahan api dijangka berkurang kepada 55.9 peratus manakala minyak dan hidro di bawah 10.0 peratus.

19.40 Prestasi sistem penghantaran akan terus ditingkatkan dalam usaha untuk memastikan bekalan elektrik yang terjamin dan andal. Sehubungan ini, operasi dan penyenggaraan sistem akan ditingkatkan. Di samping itu, sistem

penghantaran yang merentasi sempadan seperti Grid Sambungtara Semenanjung Malaysia–Sumatera akan diusahakan untuk membantu pelaksanaan projek Grid Elektrik *Trans-ASEAN* (TAPG).

19.41 Di Semenanjung Malaysia, inisiatif akan diambil untuk meningkatkan bekalan elektrik yang terjamin dan andal di pusat beban utama. Langkah ini termasuk pembinaan talian penghantaran baru untuk Pengukuhan Kawasan Tengah di Lembah Klang, Pengukuhan Kawasan Utara dari Manjung di Perak ke Pulau Pinang dan Pengukuhan Kawasan Selatan-Tengah dari Sepang ke Puchong. Berikutan ini, rangkaian penghantaran di Semenanjung Malaysia dijangka meningkat kepada 20,860 kilometer-litaran (km-litaran) pada tahun 2010. Bagi kawasan yang memerlukan bekalan elektrik tanpa gangguan, satu skim *islanding* akan dilaksanakan untuk memastikan bekalan yang terjamin. Dalam tempoh Rancangan, skim tersebut akan meliputi kawasan Putrajaya dan Cyberjaya.

19.42 Grid Sambungtara Timur Barat di Sabah akan siap dibina pada tahun 2006. Penyepaduan grid tersebut dengan Grid Pantai Timur dan Grid Utara akan membentuk satu sistem penghantaran utama baru sebagai tulang belakang yang akan membolehkan penghantaran bekalan elektrik antara pantai barat dengan pantai timur Sabah serta menyumbang kepada kestabilan dan keselamatan sistem. Hasilnya, rangkaian Grid Sabah akan berjumlah 2,670 km-litaran. Di Sarawak, Grid SESCO akan diperluas untuk menampung penambahan keupayaan penjanaan. Talian penghantaran baru juga akan dibina bagi membekalkan elektrik dari projek Bakun ke Kemena dan Balingian. Pada akhir tempoh Rancangan, talian penghantaran di Sarawak dijangka mencapai 1,620 km-litaran.

19.43 Dalam tempoh Rancangan, rangkaian pengagihan di Semenanjung Malaysia akan diperluas selaras dengan pertumbuhan kawasan perindustrian, bandar dan perumahan yang baru. Rangkaian pengagihan di Sabah dan Sarawak akan dinaik taraf bagi menyambungkan bekalan elektrik ke kawasan pedalaman serta memastikan bekalan yang andal. Pada akhir tempoh Rancangan, rangkaian di Semenanjung Malaysia dijangka mencapai 424,190 km-litaran, Sabah 9,120 km-litaran dan Sarawak 25,950 km-litaran.

19.44 Pelaksanaan program bekalan elektrik luar bandar akan dipergiat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sehubungan ini, sebanyak 54,680 unit rumah akan dibekalkan elektrik menggunakan teknologi seperti sistem hibrid suria dan hidromikro. Amaun yang lebih besar daripada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik akan digunakan untuk melaksanakan program tersebut. Pada akhir tempoh Rancangan, liputan elektrik luar bandar di Sabah dijangka meningkat kepada 80.6 peratus dan Sarawak 89.6 peratus.

19.45 Dalam tempoh Rancangan, produktiviti dan kecekapan sistem bekalan elektrik akan ditingkatkan dengan pemakaian sistem Penyeliaan Kawalan dan Perolehan Data (SCADA) secara lebih meluas serta peningkatan kualiti bekalan elektrik. Usaha juga akan diambil untuk meningkatkan kecekapan dalam mengendalikan aduan pelanggan seperti pengurangan tempoh untuk mengambil tindakan ke atas aduan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan. Di samping itu, program mengeratkan perhubungan pelanggan akan diperluas untuk meningkatkan kualiti bekalan elektrik kepada pelanggan utama khususnya sektor perindustrian. Usaha juga akan diambil untuk menanda aras prestasi sistem bekalan elektrik dengan negara lain.

### **Tenaga Boleh Diperbaharu**

19.46 Pembangunan dan penggunaan sumber RE akan dipergiatkan dalam tempoh Rancangan. Bagi tujuan ini, usaha akan dipertingkatkan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi menyokong pelaksanaan projek SREP. Sehubungan ini, kajian semula terma dan syarat Perjanjian Pembelian Tenaga Boleh Diperbaharu (REPPA) serta isu berkaitan dengan daya maju projek seperti jaminan bekalan bahan api untuk jangka panjang dan pembiayaan dijangka akan dapat dimuktamadkan. Kemudahan *Clean Development Mechanism* (CDM) akan juga digunakan untuk membantu pelaksanaan projek SREP. Projek RE menggunakan sisa pepejal perbandaran juga akan digalakkan. Sejumlah 300 MW dijangka dapat dijana dan dihubungkan kepada Grid TNB di Semenanjung Malaysia dan 50 MW ke Grid SESB di Sabah menjelang tahun 2010. Sumber RE lain seperti sistem *stand-alone* bagi hibrid suria akan dibangunkan manakala *co-generation* berasaskan biojisim akan ditingkatkan dalam tempoh Rancangan.

19.47 Sumber tenaga baru seperti suria dan angin akan dibangunkan dengan penekanan terhadap penggunaan teknologi yang berkesan kos serta pengukuhan bina upaya. Sehubungan ini, usaha akan diambil untuk menyelaraskan aktiviti R&D yang dijalankan oleh pelbagai pusat penyelidikan berkaitan tenaga. Di samping itu, aktiviti di bawah panduan hala tuju bagi suria, hidrogen dan sel bahan api seperti pembangunan teknologi dan perkongsian pengetahuan akan dilaksanakan manakala mekanisme pembiayaan akan diteliti. Inisiatif untuk mempertingkat keupayaan dalam negeri dalam membangunkan teknologi tempatan berasaskan RE sebagai sumber pertumbuhan baru akan diberi sokongan.

19.48 Usaha untuk menggalakkan pembangunan biofuel menggunakan minyak sawit sebagai sumber RE akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan selaras dengan inisiatif untuk menjadikan negara ini peneraju dan hab minyak sawit dunia. Beberapa stesen minyak terpilih terutamanya di Lembah Klang dijangka mula membekalkan minyak diesel yang diadun dengan 5.0 peratus minyak

sawit olein pada 2006. Bagi fasa permulaan, minyak diesel yang diadun akan digunakan oleh kenderaan agensi Kerajaan yang terpilih. Peraturan bagi pengadunan minyak diesel petroleum dengan minyak sawit olein akan dirangka. Usaha juga akan diambil untuk menggalakkan eksport diesel berasaskan sawit.

### **Kecekapan Tenaga**

19.49 Pelaksanaan program kecekapan tenaga (EE) akan ditumpukan kepada ciri penjimatan tenaga dalam sektor industri dan komersil. Sehubungan ini, ciri EE seperti sistem lampu dan penyaman udara yang cekap serta pewujudan sistem pengurusan tenaga komprehensif akan digalakkan. Di samping itu, sektor industri akan digalakkan untuk melaksanakan langkah meningkatkan EE termasuk penambahbaikan kepada loji, peralatan dan proses serta penggunaan akhir. Sehubungan ini, usaha akan diambil untuk memperkenalkan Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Yang Cekap, meminda Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL), melabel kelengkapan elektrik dan menggalakkan penggunaan motor kecekapan tinggi. Inisiatif untuk membangunkan kepakaran tempatan dalam penghasilan peralatan dan jentera yang cekap tenaga sebagai sumber pertumbuhan baru juga akan diberi sokongan.

19.50 Usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai EE akan terus dipergiat. Sehubungan ini, kursus RE dan EE yang sesuai akan dilaksanakan di institusi pendidikan tinggi. Kursus khusus mengenai perancangan dan pengurusan tenaga akan diperkenalkan untuk meningkatkan keupayaan golongan profesional dalam pengurusan berkaitan tenaga. Bagi meningkatkan EE secara meluas di bangunan kerajaan, amalan penggunaan tenaga yang cekap seperti lampu dan penyaman udara yang optimum akan dilaksanakan. Audit tenaga akan dijalankan pada bangunan kerajaan untuk mengenal pasti langkah tambahan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan EE. Di bawah projek MIEEIP, audit tenaga akan diperluas kepada industri oleokimia, plastik dan tekstil menjadikan bilangan industri yang diaudit kepada 11 di akhir tempoh Rancangan. Sebagai sokongan tambahan kepada pelaksanaan inisiatif RE dan EE, insentif kewangan dan fiskal yang sedia ada seperti Elaun Modal Dipercepat akan ditambah baik dalam tempoh Rancangan.

### **Harga Tenaga**

19.51 Dalam tempoh Rancangan, inisiatif akan diambil untuk mengkaji semula struktur harga tenaga bagi menggambarkan harga pasaran pelbagai sumber tenaga alternatif dan menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih cekap di samping meminimumkan pembaziran tenaga. Sehubungan ini, subsidi harga tenaga akan dikaji semula bagi mengurangkannya secara berperingkat. Di samping

itu, pengurusan penggunaan tenaga akan diberi penekanan untuk memastikan sumber tenaga yang semakin susut dan berkurangan digunakan secara optimum dan cekap.

### **Kerjasama Serantau Mengenai Tenaga**

19.52 Di peringkat serantau, Malaysia akan terus menyokong Pelan Tindakan Bagi Kerjasama Tenaga ASEAN (APAEC). APAEC merangkumi empat bidang kerjasama iaitu Projek TAPG; Projek Saluran Paip Gas *Trans-ASEAN* (TAGP); Penggunaan Arang Batu Yang Mampan, Program Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga; dan Tenaga Boleh Diperbaharu dan Program Dasar dan Perancangan Tenaga Serantau. Sehubungan ini, rangkaian sambungan grid elektrik dan saluran paip gas akan memberi manfaat yang besar dari segi bekalan tenaga yang terjamin dan mampan. Di samping itu, isu berkaitan bekalan tenaga yang terjamin juga akan diberi penekanan di bawah kerjasama ASEAN *Plus Three* dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

MUKA  
SURAT

**432**

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

19.53 Perancangan keseluruhan bagi pembangunan mampan sektor tenaga ke arah memastikan bekalan tenaga yang mencukupi, terjamin, andal dan berkesan kos akan terus diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE). Di samping itu, pelaksanaan projek penjanaan elektrik pada masa hadapan melalui proses pembidaan dan projek perintis penjanaan elektrik menggunakan sisa pepejal perbandaran juga akan diselaraskan oleh UPE. Inisiatif berkaitan dengan pembangunan sumber RE dan peningkatan EE akan diteraju oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Pembangunan biofuel pula akan diteraju oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi manakala program bekalan elektrik luar bandar oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Program berkaitan dengan bekalan tenaga yang terjamin, andal dan berkesan kos akan dilaksanakan PETRONAS, TNB, SESB dan SESCO.

19.54 Perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan dan pelaburan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dalam tempoh RMKe-8 berjumlah RM76.2 bilion, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 19-8*. Perbelanjaan industri bekalan elektrik berjumlah RM27.9 bilion manakala industri minyak dan gas RM48.3 bilion. Dalam tempoh RMKe-9, Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sebanyak RM1.8 bilion bagi pembangunan sektor tenaga manakala perbelanjaan pelaburan oleh PABK berjumlah RM71.7 bilion.



JADUAL 19-8

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN/PELABURAN  
UNTUK PROGRAM SEKTOR TENAGA, 2000-2010**  
(RM juta)

Program	RMKe-8 Perbelanjaan			RMKe-9 Peruntukan		
	Kerajaan Persekutuan	PABK <sup>1</sup>	Jumlah	Kerajaan Persekutuan	PABK	Jumlah
<b>Elektrik</b>	<b>2,386.90</b>	<b>25,574.00</b>	<b>27,960.90</b>	<b>1,828.80</b>	<b>27,955.10</b>	<b>29,783.90</b>
Penjanaan	664.00	12,138.70	12,802.70	-	9,506.60	9,506.60
Penghantaran	632.50	5,121.40	5,753.90	302.60	6,781.90	7,084.50
Pengagihan	357.00	8,313.90	8,670.90	334.00	11,666.60	12,000.60
Elektrik Luar Bandar	560.20	-	560.20	1,025.30	-	1,025.30
Lain-lain	173.20	-	173.20	166.90	-	166.90
<b>Minyak &amp; Gas</b>	<b>-</b>	<b>48,300.00</b>	<b>48,300.00</b>	<b>-</b>	<b>43,800.00</b>	<b>43,800.00</b>
Huluan	-	16,700.00	16,700.00	-	13,100.00	13,100.00
Hiliran	-	31,600.00	31,600.00	-	30,700.00	30,700.00
<b>Jumlah</b>	<b>2,386.90</b>	<b>73,874.00</b>	<b>76,260.90</b>	<b>1,828.80</b>	<b>71,755.10</b>	<b>73,583.90</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Syarikat SESCO Berhad dan Petroliaam Nasional Berhad.

## V. PENUTUP

19.55 Dalam tempoh RMKe-8, bekalan tenaga yang terjamin telah dipertingkatkan dengan penambahan keupayaan penjanaan elektrik serta rizab minyak dan gas. Langkah juga diambil untuk menambah baik bekalan tenaga dan meminimumkan kemungkinan berlaku gangguan bekalan. Pembangunan sektor tenaga yang mampan akan diberi tumpuan dalam tempoh RMKe-9 bagi membolehkannya menyumbang ke arah memperkukuh pertumbuhan ekonomi. Sehubungan ini, penekanan akan terus diberikan ke arah memastikan bekalan tenaga yang terjamin, andal dan berkesan kos serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pengguna. Pendekatan berasaskan pasaran dalam penentuan harga tenaga akan diguna pakai secara berperingkat untuk memastikan pengagihan sumber tenaga secara lebih cekap. Usaha akan dipergiat ke arah meningkatkan penggunaan RE, terutamanya untuk penjanaan elektrik dan penggunaan biofuel dalam sektor pengangkutan. Inisiatif EE juga akan diambil bagi memastikan penggunaan sumber tenaga yang cekap dan bagi meminimumkan pembaziran. Rizab margin akan dikurangkan secara berperingkat kepada 20 peratus dan pembinaan projek penjanaan elektrik baru tidak akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan.



# MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN

# 20

## I. PENDAHULUAN

20.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), keutamaan yang tinggi telah diberikan untuk melindungi dan menambah baik kesihatan individu, keluarga dan masyarakat. Sehubungan ini, usaha telah diambil bagi meningkatkan sistem penyampaian dan menambah baik skop dan kualiti penjagaan kesihatan. Penekanan telah diberikan bagi mengintegrasikan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui kerjasama yang lebih baik antara sektor awam dengan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO).

20.02 Bagi memanfaatkan pelaburan yang lepas dalam mewujudkan sistem kesihatan yang bersepadu dan komprehensif, tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) akan menumpu usaha mencapai taraf kesihatan yang lebih baik melalui penggabungan perkhidmatan kesihatan. Bagi tujuan ini, perubahan akan dilaksanakan daripada tumpuan tradisional terhadap penyedia kesihatan, kemudahan dan penyakit kepada memperkasakan pengguna, penggalakan kesihatan, kesejahteraan sepanjang hayat serta pencegahan dan kawalan penyakit. Penyampaian penjagaan kesihatan akan terus ditambah baik melalui integrasi yang lebih kukuh, peningkatan kualiti perkhidmatan dan mengoptimalkan penggunaan sumber.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

20.03 Dalam tempoh Rancangan, objektif keseluruhan untuk menambah baik taraf kesihatan penduduk diteruskan melalui peningkatan integrasi dan perkongsian pintar di kalangan penyedia penjagaan kesihatan. Kemudahan kesihatan dan skop perkhidmatan telah diperluas untuk meningkatkan akses, kemampuan memperoleh dan kesaksamaan. Pelbagai program kesihatan telah dilaksanakan sejajar dengan perubahan epidemiologi dan demografi serta peningkatan harapan rakyat.

## Perkhidmatan Kesihatan Awam

20.04 Program perkhidmatan kesihatan awam diteruskan dengan menumpu kepada pencegahan dan kawalan penyakit. Integrasi dan penyelarasan yang lebih baik dengan sektor swasta dan NGO membolehkan pelbagai aktiviti dilaksanakan dengan lebih berkesan. Aktiviti *penggalakan kesihatan* dipergiatkan untuk meningkat lagi kesedaran dan pengetahuan umum mengenai kesihatan dan isu berkaitan kesihatan. Bagi membolehkan penyelarasan dan integrasi yang lebih baik dalam pelaksanaan aktiviti penggalakan kesihatan, Yayasan Penggalakan Kesihatan yang merangkumi sektor awam dan swasta, NGO dan pengguna ditubuhkan pada tahun 2002. Kempen gaya hidup sihat bertemakan *Sihat Sepanjang Hayat* dilaksanakan pada tahun 2003. Kempen tersebut menumpu kepada empat elemen, iaitu pemakanan sihat, senaman dan kesihatan fizikal, penahanan diri daripada merokok dan pengurusan tekanan.

20.05 Liputan dan skop program *pelalian* bagi kanak-kanak berumur satu tahun dan ke bawah terus ditingkatkan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 20-1*. Liputan penuh bagi pelalian *Bacille Calmette-Guerin (BCG)* dicapai manakala vaksin tiga antigen untuk kerongkong, kancing gigi dan batuk kokol meningkat daripada 94.4 peratus pada tahun 2000 kepada 99.8 peratus pada tahun 2005. Bagi mengurangkan lagi morbiditi dan mortaliti di kalangan kanak-kanak disebabkan penyakit yang boleh dicegah melalui suntikan pelalian, vaksin baru dirangkum sebagai sebahagian daripada program pelalian kanak-kanak pada Julai 2002 dan diberi secara percuma di semua kemudahan kesihatan Kerajaan. Pelalian ini termasuk vaksin haemophilus influenza B (HiB) dan kombinasi beguk, campak dan rubela (MMR). Di samping itu, Program Pelalian Demam Campak Kebangsaan yang dilaksana pada tahun 2004 untuk kanak-kanak berumur di antara 7-15 tahun mencapai liputan 93.9 peratus. Usaha ini telah dapat mengurangkan kejadian penyakit yang boleh dicegah melalui suntikan pelalian seperti batuk kokol dan demam campak manakala polio dapat dihapuskan.

JADUAL 20-1

### LIPUTAN PELALIAN DI KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN, 2000 DAN 2005 (% daripada Penduduk)

Jenis Pelalian (di bawah umur satu tahun)	2000	2005
BCG	100.0	100.0
Kerongkong, Kancing Gigi dan Batuk Kokol	94.4	99.8
Hepatitis B (dos ketiga)	94.4	95.0
Demam Campak	86.2	95.0
Polio (dos ketiga)	93.4	94.0

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

20.06 Pelaksanaan dan pengukuhan program dan aktiviti diteruskan bagi membendung penularan penyakit *human immunodeficiency virus/acquired immunodeficiency syndrome (HIV/AIDS)*. Langkah ini termasuk program pendidikan dan kesedaran yang dilaksana di sekolah, kemudahan penjagaan kesihatan dan tempat kerja serta melalui media massa. Program pemindahan penyakit daripada ibu kepada anak yang melibatkan saringan terhadap wanita mengandung yang mengunjungi klinik antenatal kerajaan terus dilaksanakan. Wanita yang didapati positif HIV diberikan rawatan mencegah jangkitan secara percuma dan kaunseling selepas ujian.

20.07 Dalam tempoh Rancangan, mekanisme respons yang cekap dan berkesan ditubuhkan bagi menangani wabak penyakit akibat patogen baru dijangka muncul dan yang tidak dikenali seperti selesema burung dan sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS). Mekanisme ini termasuk Bahagian Kawalan Penyakit Berjangkit di Kementerian Kesihatan pada tahun 2001, Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit tahun 2001 serta makmal *bio-safety* tahap ketiga (P3 Lab) di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) pada tahun 2002. Di samping itu, pembangunan dan pelaksanaan pelaporan elektronik penyakit yang wajib dilapor melalui sistem maklumat kawalan penyakit berjangkit di semua hospital kerajaan dan pejabat kesihatan pada tahun 2005 memperkukuh lagi pengawasan penyakit ini.

20.08 Pencegahan dan kawalan *penyakit tidak berjangkit* dirangkumi sebagai satu elemen dalam penyediaan penjagaan kesihatan asas berikutan meningkatnya arah aliran penyakit tersebut akibat perubahan pola penyakit dan aktiviti gaya hidup, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 20-2*. Bagi tujuan ini, semua klinik kesihatan disediakan kemudahan yang perlu bagi saringan, diagnosis awal dan

JADUAL 20-2

**PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT TERPILIH  
DI KEMUDAHAN KEMENTERIAN KESIHATAN,  
2000 DAN 2005**

Jenis Penyakit	Bilangan Discaj		Bilangan Kematian	
	2000	2005	2000	2005
Penyakit Darah Tinggi	32,886	38,445	155	180
Penyakit Jantung Iscemik	33,623	39,594	2,556	2,948
Penyakit Jantung Lain	17,598	25,362	2,406	2,299
Penyakit Serebrum Vaskular	13,868	16,896	2,936	3,209
Kencing Manis	27,179	39,762	323	402
Kecederaan	157,823	145,127	2,689	2,661
Membunuh Diri dan <i>Parasuicide</i>	1,837	2,482	151	156
Kanser	40,244	52,593	2,832	3,800

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

rawatan bersesuaian bagi memasti pengurusan optimum penyakit tersebut. Garis panduan khusus dan seragam mengenai pengurusan penyakit kencing manis, darah tinggi serta penyakit kardiovaskular juga disedia dan dilaksanakan di semua kemudahan kesihatan. Aktiviti pencegahan dan kawalan kanser termasuk saringan awal kanser payu dara dan servik dilaksana di peringkat primer.

20.09 Pelaksanaan *program keselamatan dan kesihatan pekerjaan* terus diberi penekanan melalui pewujudan tempat kerja dan budaya yang lebih selamat dan sihat. Peraturan diperkenalkan untuk pemberitahuan kejadian penyakit dan insiden berkaitan pekerjaan seperti kemalangan, keracunan akibat racun serangga dan kimia, penyakit kulit dan paru-paru serta hilang pendengaran akibat kebisingan. Sejumlah 52 klinik sentinel dikenal pasti bagi membolehkan amaran awal mengenai kemerosotan kualiti udara dan seterusnya memudahkan pengenalan awal pencegahan yang bersesuaian.

20.10 Dasar Pemakanan Kebangsaan digubal pada tahun 2003 bagi memastikan orang awam mendapat akses kepada makanan yang selamat dan berkualiti tanpa mengira lokasi serta memastikan makanan tersebut berkhasiat untuk pertumbuhan optimum serta pembangunan dan kesihatan keluarga. Program *pemakanan* untuk pencegahan dan kawalan terhadap pemakanan yang berlebihan dan berkurangan serta penggalakan cara pemakanan sihat telah diperluas lagi. Sehubungan ini, Peraturan Makanan 1985 dipinda pada tahun 2004 bagi merangkumi pelaksanaan pelabelan mandatori bagi kandungan makanan dengan maklumat pemakanan tertentu untuk membantu pengguna membuat pilihan bermaklumat semasa membeli produk makanan.

20.11 Pelbagai aktiviti dilaksanakan di bawah *program keselamatan dan kualiti makanan* untuk meningkatkan kesihatan pengguna dan memastikan pendekatan bersepadu diguna pakai sepanjang proses pengeluaran makanan, iaitu dari ladang ke meja. Sehubungan ini, Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan dan Pelan Tindakan digubal pada tahun 2004 untuk menyediakan hala tuju, panduan dan piawai bagi proses pengeluaran kepada agensi berkaitan dalam sektor awam dan swasta. Pelaksanaan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM), iaitu satu sistem komprehensif berkomputer berasaskan web yang merangkaikan 36 pintu masuk dan 11 makmal kawalan kualiti makanan dalam negara memudahkan pemeriksaan makanan import dan menentukan pematuhan kepada peraturan keselamatan makanan.

20.12 Aktiviti *kesihatan pergigian* dilaksana bagi menggalak kesedaran tentang pentingnya amalan pergigian yang baik untuk menambah baik kualiti hidup. Bagi mencegah pereputan gigi, pemfluoridaan bekalan air terus dijalankan. Sehubungan ini, sembilan loji rawatan air dilengkapi dengan saluran fluorida di negeri Kedah dan Perak menjadikan bilangan loji yang dipasang penyalur kepada 249 daripada sejumlah 440 loji. Program penjagaan kesihatan pergigian

yang komprehensif untuk pelajar sekolah bertujuan mengenal pasti dan merawat masalah pergigian di peringkat awal terus dilaksana dalam tempoh Rancangan yang memanfaatkan lebih 90 peratus pelajar sekolah rendah.

20.13 Dalam tempoh Rancangan, *program bekalan air dan kesihatan alam sekitar* terus dilaksanakan. Dalam usaha untuk mengurangkan penyakit bawaan air terutamanya di kalangan masyarakat luar bandar, kemudahan asas seperti bekalan air selamat, tandas sempurna dan sistem pelupusan sisa pepejal terus disediakan dan dengan ini memperluas liputan. Di samping itu, kualiti bekalan air awam terus dipantau di bawah Program Pengawasan Kualiti Air Minuman Kebangsaan. Kualiti air di pulau, tempat peranginan dan estet juga dipantau.

### **Perkhidmatan Penjagaan Perubatan dan Kesihatan**

20.14 Perkhidmatan penjagaan perubatan dan kesihatan diperluas dan dinaik taraf manakala program baru diperkenalkan dalam tempoh Rancangan. Perkhidmatan ini yang meliputi penjagaan primer, sekunder, tertiar dan pemulihan terus disediakan melalui rangkaian hospital, klinik kesihatan dan klinik desa yang luas, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 20-3*. Walaupun nisbah kemudahan kesihatan kepada penduduk dalam kawasan luar bandar pada umumnya merosot akibat penempatan semula kemudahan tersebut, kualiti dan penyampaian perkhidmatan meningkat berikutan kerja naik taraf kemudahan termasuk penyediaan kelengkapan diagnostik dan pengimejan. Langkah ini menyumbang kepada penambahbaikan kepantasan dan kualiti diagnosis serta meningkatkan keselesaan pesakit. Di samping itu, pertambahan bilangan klinik dan hospital swasta dalam kawasan bandar melengkapkan penyediaan penjagaan perubatan oleh sektor awam.

20.15 *Perkhidmatan penjagaan primer* disediakan melalui rangkaian klinik kesihatan dan klinik desa yang luas serta unit bergerak di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan. Usaha untuk meningkatkan kualiti, kepantasan dan tahap penjagaan terutamanya di kawasan luar bandar termasuk naik taraf dan melengkapkan 123 klinik dengan makmal dan kemudahan pengimejan diagnostik serta menempatkan pakar perubatan keluarga. Di samping itu, konsep klinik bersepadu diperkenal untuk menambah baik penyampaian penjagaan kesihatan melalui penggunaan sumber manusia secara cekap dan menjadikan klinik lebih mesra pesakit. Di bawah konsep ini, semua perkhidmatan disediakan secara harian berbanding dengan sesi klinik konvensional.

20.16 *Perkhidmatan penjagaan sekunder dan tertiar* yang memberi tumpuan kepada rawatan dan penjagaan pemulihan disediakan melalui 122 hospital awam termasuk enam institusi perubatan khas. Dalam tempoh Rancangan,

JADUAL 20-3

**KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KEMENTERIAN  
KESIHATAN, 2000 DAN 2005**

<i>Jenis Kemudahan</i>	<i>Bilangan</i>		<i>Nisbah Kemudahan kepada Penduduk</i>	
	<i>2000</i>	<i>2005</i>	<i>2000</i>	<i>2005</i>
<b>Kemudahan Kesihatan Luar Bandar</b>				
Klinik Desa	1,924	1,900	1 : 4,640	1 : 5,085
Klinik Kesihatan	474	495	1 : 17,506	1 : 19,520
Unit Bergerak <sup>1</sup>	204	200	1 : 43,764	1 : 48,312
Klinik Pergigian Bergerak	8	30		
<b>Kemudahan Kesihatan Bandar</b>				
Klinik Kesihatan <sup>2</sup>	473	462	1 : 30,797	1 : 35,638
<b>Perkhidmatan Penjagaan Pesakit</b>				
Hospital	119	128	1 : 197,436	1 : 204,140
Jumlah Katil	34,573	35,210	1 : 679	1 : 742
Unit Pergigian <sup>3</sup>	2,597	3,340	1 : 9,047	1 : 7,823

*Sumber:* Kementerian Kesihatan Malaysia

*Nota:* <sup>1</sup> Merujuk perkhidmatan dispensari, pasukan kesihatan desa, perkhidmatan doktor udara dan perkhidmatan pergigian bergerak.

<sup>2</sup> Termasuk klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak.

<sup>3</sup> Merujuk kerusi pergigian di klinik Kerajaan.

sejumlah 22 hospital dibina, iaitu 14 hospital baru dan lapan hospital gantian. Penyiapan hospital baru dan penggantian beberapa hospital sedia ada meningkatkan lagi akses kepada penjagaan pakar dalam negara ini. Bagi tujuan ini, semua hospital awam menyediakan sekurang-kurangnya tiga perkhidmatan perlu, iaitu pediatrik, perubatan serta perbidanan dan sakit puan (O&G).

20.17 Dalam tempoh Rancangan, dua perkhidmatan subkepakaran yang baru diperkenalkan, iaitu perubatan kecemasan dan paliatif. Pengenalan perubatan kecemasan di lima pusat wilayah mempertingkat lagi keupayaan respons krisis dan bencana. Di samping itu, pelan pengurusan bencana digubal dan jabatan kecemasan hospital dinaik taraf. Dengan pertambahan bilangan penyakit kronik dan penyakit yang boleh membawa maut dan keperluan pengurusan yang teratur, perubatan paliatif diperkenal sebagai subkepakaran. Hospital Selayang di Selangor telah dijadikan sebagai pusat rujukan khusus penjagaan paliatif dan perkhidmatan ini juga disediakan di 10 hospital negeri. Di samping itu, penubuhan rangkaian penjagaan paliatif di Lembah Klang dengan kerjasama NGO meningkatkan akses kepada penjagaan paliatif.

20.18 Akses kepada perkhidmatan kardiologi, kardiotorasik dan pemulihan jantung dipertingkat lagi dalam tempoh Rancangan. Lebih ramai pakar ditempatkan di pusat jantung wilayah di Hospital Kuching, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Skop perkhidmatan ortopedik juga diperkembang dengan pengenalan tujuh subkepakaran di semua hospital negeri. Kepakaran ini termasuk perkhidmatan pediatrik dan ortopedik geriatrik, penjagaan tulang belakang, perubatan sukan dan bank tulang.

20.19 Perkhidmatan kepakaran dalam pelbagai bidang terus disediakan dan diperluaskan. Perubatan nuklear diperkukuh merangkumi penyelidikan serta perkhidmatan diagnostik dan terapeutik dan disedia di empat buah hospital. Di samping itu, dua mesin pengimbas tomografi pancaran positron di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Putrajaya meningkatkan lagi kualiti penjagaan yang disediakan. Hospital Selayang telah dibangun sebagai pusat nasional untuk perkhidmatan pembedahan *hepatobiliary* dan pemindahan hati juga disediakan dalam tempoh Rancangan. Hospital Putrajaya dibangun sebagai pusat perkhidmatan payu dara dan endokrin. Di samping itu, perkhidmatan urologi dipertingkat dengan pengenalan pembedahan *minimal invasive* di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 2004.

20.20 Usaha telah diambil untuk mengekalkan kualiti dan produk darah. Bagi tujuan ini, 59 pusat ujian darah sedia ada digabungkan kepada 16 pusat yang dilengkapi sepenuhnya dengan peralatan yang perlu. Perkhidmatan tabung darah dipertingkat lagi dengan siapnya pembinaan Pusat Pemindahan Darah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2003. Bagi memastikan penyediaan bekalan darah dan produk darah yang selamat kepada pesakit di hospital swasta, perjanjian ditandatangani untuk membekalkan produk tersebut daripada kemudahan kesihatan awam.

20.21 Mengambil kira pertambahan bilangan warga emas, perubatan geriatrik diintegrasikan dalam program penjagaan perubatan. Perkhidmatan pakar geriatrik yang hanya disediakan di Hospital Seremban, Negeri Sembilan diperluas ke HKL dan Hospital Selayang. Di samping itu, perkhidmatan neurofisiologi disediakan di lima pusat wilayah melalui rangkaian perundingan *teleneuro* yang dihubungkan dengan HKL. Satu daftar pesakit angin ahmar ditubuhkan di HKL pada tahun 2002 bagi membolehkan perancangan dan pelaksanaan program yang lebih berkesan untuk pesakit angin ahmar. Usaha juga diambil bagi menyediakan perkhidmatan pemulihan yang lebih baik seperti perkhidmatan fisioterapi, audiologi, terapi pertuturan dan pekerjaan kepada golongan kurang upaya.

20.22 Dalam tempoh Rancangan, pusat penjagaan ambulatori (ACC) ditubuh di lima hospital negeri, iaitu Hospital Ipoh; Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang; Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan; Hospital Kuala Terengganu dan Hospital Pulau Pinang. Melalui ACC, penjagaan harian termasuk perkhidmatan



perubatan, pembedahan, pediatrik dan endoskopik disediakan. Dengan ini, perkhidmatan ACC mengurangkan kemasukan ke hospital serta kesesakan di wad. Perkhidmatan kesihatan lanjutan disediakan untuk warga emas dan orang kurang upaya. Sehubungan ini, penjagaan di rumah diperkenalkan secara perintis di tiga daerah, iaitu di Klang, Selangor; Kota Bharu, Kelantan dan Kuala Kangsar, Perak.

20.23 Pelbagai langkah dilaksana bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan pakar. Langkah ini termasuk lawatan berkala oleh pakar ke hospital tanpa pakar dan rangkaian hospital yang sumber dipusatkan untuk penggunaan optimum. Konsep rangkaian, dikenali sebagai Rangkaian Unit Penjagaan Rapi (ICU) Lembah Klang, diperkenalkan. Di bawah konsep ini, katil ICU di Hospital Kajang, HKL, Hospital Selayang, Hospital Seremban, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Putrajaya diuruskan di bawah satu rangkaian. Bentuk rangkaian yang sama untuk perkhidmatan pembedahan dan ortopedik dilaksanakan di Hospital Kota Bharu, Kelantan dan hospital daerah di sekitarnya. Di samping itu, rangkaian untuk perkhidmatan pembedahan vaskular juga ditubuh di kalangan HKL, Hospital Kuching dan Hospital Alor Setar.

20.24 Perkhidmatan pakar penjagaan *kesihatan oral* termasuk pembedahan oral, pergigian pediatrik, periodontik dan ortodontik terus disediakan. Perkhidmatan ini diperluas dalam tempoh Rancangan bagi meliputi pergigian pemulihan dan forensik. Bagi memenuhi perluasan tersebut dan menyediakan penjagaan pakar yang lebih baik, kemudahan pergigian sedia ada dinaik taraf dan hospital baru dengan bilangan katil melebihi 108 dilengkapi kemudahan unit pembedahan oral dan pergigian pediatrik.

20.25 *Perkhidmatan penjagaan farmaseutikal* yang bertujuan menyediakan terapi ubat secara optimum melalui penyediaan, pembuatan, bekalan dan kawalan ubat yang betul, kekal sebagai komponen penting dalam program penjagaan perubatan. Maklumat dan nasihat mengenai cara penggunaan produk farmaseutikal yang sesuai disediakan. Sistem Pemberian Ubat Bersepadu dilaksana di klinik kesihatan terpilih dan pesakit yang telah didiscaj daripada wad hospital boleh mendapat rawatan lanjut daripada klinik berhampiran kediaman mereka.

20.26 Selaras dengan objektif Rancangan untuk menambah baik integrasi melalui perkongsian pintar menyediakan penjagaan kesihatan, pelbagai aktiviti dilaksana dengan kerjasama sektor swasta dan NGO. Kerjasama ini termasuk penyediaan dan perolehan dalam perkhidmatan haemodialisis, radioterapi dan pengimejan diagnostik daripada penyedia penjagaan kesihatan swasta. NGO terus melengkapi usaha Kerajaan dalam pelbagai program penjagaan pemulihan dan paliatif bagi meringankan penderitaan pesakit yang mengidap penyakit yang boleh membawa maut dan penyakit kronik serta menyediakan sokongan kepada keluarga mereka.

20.27 Pembangunan pesat sektor kesihatan yang menyediakan penjagaan berkualiti dan mampu diperoleh, telah mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggalakkan pelancongan kesihatan. Dalam tempoh Rancangan, kira-kira 450,000 pesakit dari luar negara mendapatkan rawatan di hospital swasta bagi pelbagai penyakit serta menggunakan perkhidmatan diagnostik dan terapeutik seperti endoskopi, haemodialisis dan pengimejan salunan magnet. Di samping itu, saringan perubatan merangkumi konsep kesejahteraan, optalmologi dan endokrinologi dikenal pasti sebagai bidang khusus untuk menggalak pelancongan kesihatan.

### **Pembangunan Sumber Manusia**

20.28 Langkah diambil dalam tempoh Rancangan bagi memastikan bekalan sumber manusia yang mencukupi untuk menyokong pengembangan dan penyampaian perkhidmatan kesihatan. Keupayaan latihan di tujuh universiti awam dan lima kolej perubatan swasta dipertingkatkan bagi melatih lebih ramai doktor, doktor gigi dan ahli farmasi. Usaha ini menghasilkan nisbah personel kesihatan kepada penduduk yang bertambah baik, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 20-4*. Walaupun nisbah doktor kepada penduduk bertambah baik daripada 1:1,413 pada tahun 2000 kepada 1:1,387 pada tahun 2005, jurang antara negeri masih kekal tinggi, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 20-5*. Bagi membolehkan profesion perubatan memberi penjagaan yang lebih baik, penekanan diberikan kepada latihan lepasan ijazah dalam pelbagai disiplin kepakaran dan subkepakaran, seperti perubatan kecemasan, paliatif dan pemulihan, psikiatri, pembedahan kepala dan leher serta perubatan keluarga. Sejumlah 1,885 doktor melanjutkan latihan kepakaran dan 278 pakar dalam latihan subkepakaran.

20.29 Walaupun usaha latihan tersebut dilaksanakan, negara masih mengalami kekurangan personel perubatan. Langkah yang diambil bagi mengatasi kekurangan ini termasuk melantik 871 doktor dan doktor gigi asing. Sejumlah 873 pakar, doktor dan doktor gigi yang telah bersara dilantik semula secara kontrak. Perkhidmatan pakar perubatan sektor swasta juga diambil mengikut keperluan di hospital awam dan doktor digalak berkhidmat di klinik kesihatan awam. Di samping itu, pegawai pergigian dan ahli farmasi dikehendaki berkhidmat secara wajib bagi tempoh tiga tahun.

20.30 Langkah diambil bagi menambah bilangan personel kesihatan sains bersekutu (AHSP). Sehubungan ini, dua kolej latihan baru ditubuh di Sg. Buloh, Selangor dan Kuching, Sarawak. Sejumlah 22,000 AHSP dilatih dalam tempoh Rancangan. Walau bagaimanapun, masih wujud kekurangan dalam pelbagai kategori AHSP. Bagi mengatasi kekurangan ini, latihan AHSP dikendalikan oleh institusi pengajian tinggi swasta. Di samping itu, 440 AHSP dilantik berkhidmat secara kontrak. Dalam usaha untuk terus menaik dan menambah baik tahap kepakaran di kalangan AHSP, latihan pasca asas diberi dalam pelbagai disiplin.

JADUAL 20-4

**NISBAH PERSONEL KESIHATAN KEPADA  
PENDUDUK, 2000 DAN 2005**

Kategori Personel	Bilangan		Nisbah kepada Penduduk	
	2000	2005	2000	2005
Doktor <sup>1</sup>	15,619	18,842	1 : 1,413	1 : 1,387
Doktor Gigi <sup>1</sup>	2,144	2,689	1 : 10,356	1 : 9,716
Ahli Farmasi <sup>1</sup>	2,225	4,021	1 : 8,306	1 : 6,512
Jururawat <sup>1</sup>	31,129	43,977	1 : 1,000	1 : 594
Pembantu Perubatan <sup>2</sup>	6,530	6,200	1 : 4,742	1 : 4,214
Juruteknik Pergigian <sup>2</sup>	538	691	1 : 43,344	1 : 37,811
Pembantu Pembedahan Pergigian <sup>2</sup>	1,296	2,357	1 : 18,091	1 : 11,085
Jururawat Masyarakat <sup>2</sup>	7,717	15,218	1 : 3,767	1 : 1,717
Jururawat Pergigian <sup>2</sup>	1,552	2,104	1 : 14,635	1 : 12,418
Jurupulih Carakerja <sup>2</sup>	153	265	1 : 152,050	1 : 98,594
Jurupulih Anggota <sup>2</sup>	271	398	1 : 85,215	1 : 65,647
Juru X-ray <sup>2</sup>	638	1,158	1 : 36,578	1 : 22,563
Juruteknologi Makmal Perubatan <sup>2</sup>	2,974	3,373	1 : 7,823	1 : 7,746

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Termasuk sektor awam dan swasta.

<sup>2</sup> Merujuk nisbah dan keperluan Kementerian Kesihatan sahaja.

JADUAL 20-5

**BILANGAN DOKTOR MENGIKUT NEGERI, 2005**

Negeri	Bilangan				Jumlah	Nisbah kepada Penduduk
	Sektor Awam <sup>1</sup>			Sektor Swasta		
	KKM	Bukan-KKM	Jumlah			
Johor	832	12	844	885	<b>1,729</b>	1 : 1,794
Kedah	529	6	535	452	<b>987</b>	1 : 1,872
Kelantan	378	377	755	188	<b>943</b>	1 : 1,596
Melaka	315	26	341	337	<b>678</b>	1 : 1,051
Negeri Sembilan	464	6	470	324	<b>794</b>	1:1,191
Pahang	483	1	484	315	<b>799</b>	1 : 1,786
Perak	661	24	685	811	<b>1,496</b>	1 : 1,509
Perlis	98	1	99	37	<b>136</b>	1 : 1,655
Pulau Pinang	665	9	674	851	<b>1,525</b>	1: 963
Sabah	754	3	757	352	<b>1,109</b>	1 : 2,719
Sarawak	722	25	747	366	<b>1,113</b>	1 : 2,078
Selangor	962	93	1,055	2,078	<b>3,133</b>	1 : 1,512
Terengganu	328	0	328	146	<b>474</b>	1 : 2,145
W.P Kuala Lumpur	1,177	948	2,125	1,801	<b>3,926</b>	1: 396
<b>Malaysia</b>	<b>8,368</b>	<b>1,531</b>	<b>9,899</b>	<b>8,943</b>	<b>18,842</b>	<b>1 : 1,387</b>

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota: <sup>1</sup> Termasuk Kementerian Kesihatan, agensi kerajaan lain, pihak berkuasa tempatan dan universiti.

Bagi memastikan penggunaan sumber sedia ada secara optimum, sejumlah 19,488 atenden kesihatan menjalani latihan klinikal asas dan pentadbiran bagi membolehkan mereka menjalankan pelbagai tugas.

### Penyelidikan dan Pembangunan

20.31 Dalam tempoh Rancangan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) terus dijalankan bagi memperkukuh, membangun dan menyokong perkhidmatan yang disediakan oleh sektor kesihatan. Penekanan diberi bagi memperkukuh keupayaan institusi dan menggalakkan penyelidikan dalam bidang utama untuk menyokong amalan berasaskan bukti. Bagi tujuan ini, skop lima institusi sedia ada di bawah Institut Kesihatan Kebangsaan (NIH) diperkemas dan bilangannya ditambah kepada tujuh bagi membolehkan tumpuan yang lebih dalam bidang utama berikut:

<i>Skop</i>	<i>Institut</i>
Bioperubatan	Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)
Klinikal	Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)
Kesihatan umum	Institut Kesihatan Umum (IPH)
Sistem kesihatan	Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHSR)
Pengurusan kesihatan	Institut Pengurusan Kesihatan (IHM)
Penggalakan kesihatan	Institut Penggalakan Kesihatan (IHP)
Produk asli, vaksin dan biologiikal	Institut Kebangsaan Produk Asli, Vaksin dan Biologiikal (NINPVB)

20.32 Penyelidikan bioperubatan yang dijalankan di IMR termasuk penyakit kanser, kardiovaskular, kencing manis, pemakanan dan penyakit berjangkit serta pembangunan dan pengeluaran klon virus jangkitan. Hasilnya, lima paten didaftarkan dan empat produk dikomersilkan. Pihak IMR dijadikan sebagai tumpuan bagi Program Kerjasama Pengawasan WHO mengenai Ketahanan Antibiotik dalam Rantau Pasifik Barat dan Pusat Influenza Kebangsaan WHO. Pihak IMR juga memperoleh pensijilan WHO sebagai Pusat Program Pembasmian Global bagi Polio. Dalam tempoh Rancangan, IPH menjalan Kajian Beban Penyakit Kebangsaan yang menyediakan penilaian komprehensif mengenai mortaliti awal dan morbiditi akibat penyakit, kecederaan dan pelbagai faktor berisiko lain. Kajian ini menyediakan maklumat berkenaan cabaran utama kesihatan yang menjadi asas kepada program kesihatan masa hadapan bagi menggalak rakyat Malaysia yang lebih sihat.

20.33 Mengambil kira potensi biodiversiti Malaysia yang kaya dan peningkatan penggunaan perubatan tradisional dan komplementari (T/CM) serta keperluan memastikan tahap sara diri vaksin, Kerajaan meluluskan penubuhan NINPVB. Objektif NINPVB adalah untuk mengubah produk asli sebagai produk komersil serta menggunakan bioteknologi dalam pembangunan vaksin bagi penyakit berjangkit. Di samping itu, NINPVB dipilih sebagai tumpuan bagi pembangunan vaksin di kalangan Pertubuhan Negara Islam (OIC). Aktiviti R&D bagi vaksin dan ubat-ubatan herba dijalankan melalui perkongsian pintar dengan sektor swasta.

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

20.34 Penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan terus diubah dan ditingkatkan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dalam tempoh Rancangan, komponen teleperundingan di bawah projek Telekesihatan dilaksana bagi membolehkan penyedia penjagaan kesihatan mendapat pengetahuan dan maklumat perubatan untuk membantu dalam membuat keputusan. Sehubungan itu, teleperundingan membolehkan penyedia penjagaan primer terutamanya di kawasan luar bandar mendapat nasihat daripada pakar di kawasan bandar, dengan itu dapat menyediakan penjagaan yang lebih baik kepada pesakit. Seterusnya skop projek telekesihatan disemak semula menurut keperluan utama dan keupayaan pelaksanaan. Penekanan diberi kepada pelaksanaan tujuh komponen, iaitu rekod kesihatan sepanjang hayat, perkhidmatan pelan kesihatan sepanjang hayat, maklumat dan pendidikan kesihatan peribadi mengikut keperluan orang ramai, pembangunan profesional berterusan (CPD), teleperundingan, pusat panggilan/pengurusan perhubungan pelanggan dan perkhidmatan data terkumpul.

20.35 Skop dan pelaksanaan sistem maklumat hospital menyeluruh, satu sistem elektronik yang menyokong fungsi penjagaan pesakit dan perkhidmatan yang memudahkan fungsi ini telah dikaji semula dalam tempoh Rancangan. Sehubungan ini, penekanan diberi kepada perkomputeran institusi untuk pengurusan pesakit secara menyeluruh. Bagi memastikan penggunaan sumber secara optimum dalam menyediakan penjagaan pesakit yang cekap dan berkualiti, Hospital Kepala Batas di Pulau Pinang dilengkapi sistem maklumat asas dan Hospital Lahad Datu di Sabah dengan sistem maklumat pertengahan.

20.36 Usaha diambil untuk melengkapkan kemudahan penjagaan primer dengan ICT bagi menyediakan maklumat kesihatan dan membantu mengenal pasti penyakit dan memberi rawatan awal. Bagi tujuan ini, Penjagaan Teleprimer dilancarkan sebagai projek perintis bagi 41 tempat di negeri Johor dan Sarawak. Melalui inisiatif ini, penyedia penjagaan kesihatan di kawasan luar bandar dibantu oleh pakar perubatan di hospital dalam membuat keputusan melalui sistem maklumat dan sokongan klinikal menyeluruh. Di samping itu, bagi menambah

baik lagi pengumpulan data, sistem maklumat pengurusan kesihatan dinaik taraf untuk mewujudkan rangkaian dengan pejabat kesihatan di peringkat daerah.

### **Tadbir Urus**

20.37 Usaha diteruskan bagi memastikan penduduk mendapat akses kepada penjagaan yang selamat, komprehensif, mampu diperolehi dan berkualiti. Sehubungan ini, Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia ditubuhkan pada tahun 2003 untuk merangka dasar, strategi dan program bagi meningkatkan keselamatan pesakit dan personel perubatan sektor awam. Di samping itu, sistem pengawasan untuk memantau dan mengawal jangkitan di hospital diperkenalkan di semua hospital awam. Inisiatif meningkatkan kualiti yang dilaksanakan termasuk Pensijilan Akreditasi Hospital. Sejumlah 50 hospital awam dan swasta menerima akreditasi tersebut. Tabung Kesihatan Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 2002 bagi menyelaraskan dan menyediakan bantuan kewangan kepada pesakit untuk mendapat perkhidmatan rawatan di hospital swasta.

20.38 Langkah kawal selia sistematik bagi farmaseutikal serta produk kesihatan dan penjagaan diri dilaksanakan bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesannya. Pendaftaran secara dalam talian membolehkan kelulusan lebih cepat bagi produk kosmetik dimulakan pada tahun 2002, preskripsi ubat generik dan bukan generik pada tahun 2003 serta ubat tradisional pada tahun 2004. Pengawasan, penguatkuasaan dan pemeriksaan yang lebih ketat terhadap premis pembuatan dilaksanakan dan dipertingkatkan bagi memastikan pematuhan terhadap amalan pembuatan baik (GMP). Bagi memastikan kualiti dan keberkesanan preskripsi ubat generik, kajian wajib biokesetaraan dijalankan terhadap produk yang mengandungi ramuan aktif khusus.

20.39 Pengawasan pasca pemasaran diteruskan bagi membanteras pemalsuan, pengadukan dan produk farmaseutikal yang substandard. Di samping itu, Kerajaan memulakan pelaksanaan berfasa alat sekuriti hologram bagi memperkemas pembuatan, pengimportan, pendaftaran dan penjualan produk farmaseutikal asli termasuk produk penjagaan luaran diri dan produk tradisional serta bahan kesihatan tambahan yang diperolehi tanpa preskripsi doktor.

20.40 Penilaian teknologi kesihatan (HTA) diteruskan bagi memastikan penggunaan teknologi yang selamat dan sesuai berasaskan bukti. Sehubungan ini, HTA wajib dijalankan sebelum perolehan semua peralatan perubatan yang melibatkan teknologi baru dan berharga lebih daripada RM200,000 seunit. Usaha meluas bagi menggalakkan dasar dan membuat keputusan berasaskan bukti melalui HTA membolehkan Malaysia dijadikan sebagai Pusat Kerjasama WHO bagi Amalan Berasaskan Bukti dalam Penjagaan Kesihatan bagi Rantau Asia Pasifik pada tahun 2004.

20.41 Penyediaan penjagaan kesihatan yang mudah dan mampu diperolehi melalui satu rangkaian kemudahan yang komprehensif dan pelaksanaan pelbagai program telah meningkatkan taraf kesihatan penduduk Malaysia. Petunjuk kesihatan adalah setanding dengan negara maju, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 20-6*.

JADUAL 20-6  
**PETUNJUK TERPILIH BAGI TARAF KESIHATAN,  
2000 DAN 2005**

<i>Petunjuk</i>	2000	2005
Jangka Hayat Semasa Lahir (dalam tahun)		
Lelaki	70.0	70.6
Perempuan	75.1	76.4
Kadar Kelahiran Kasar (setiap 1,000 penduduk)	24.5	21.0
Kadar Kematian Kasar (setiap 1,000 penduduk)	4.4	4.5
Kadar Kematian Bayi (setiap 1,000 kelahiran hidup)	6.6	5.8
Kadar Kematian Kanak-kanak (setiap 1,000 kanak-kanak )	0.6	0.5
Kadar Kematian Ibu Mengandung (setiap 1,000 kelahiran hidup)	0.3	0.3
Kadar Kematian <i>Perinatal</i> (setiap 1,000 jumlah kelahiran)	7.5	6.8
Kadar Kematian <i>Neonatal</i> (setiap 1,000 kelahiran hidup)	3.8	3.8

*Sumber:* Kementerian Kesihatan Malaysia

### III. PROSPEK, 2006-2010

20.42 Kesihatan merupakan aset yang penting dalam pembangunan modal insan. Dalam tempoh RMKe-9, sungguhpun Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan dan melaksanakan program bagi meningkat taraf kesihatan penduduk, namun tanggungjawab individu yang lebih besar adalah amat penting untuk mencapai kesihatan yang lebih baik. Bagi tujuan ini, usaha akan diambil bagi menggalak kesejahteraan sepanjang hayat sebagai pendekatan yang proaktif bagi mengekal kesihatan, mengurangkan beban penyakit dan memanfaatkan sumber yang ada untuk faedah optimum kepada masyarakat. Penekanan juga akan diberi bagi memperkukuh dan mengintegrasikan perkhidmatan bagi menambah baik lagi kecekapan, kualiti, akses dan kesaksamaan dalam penyampaian penjagaan kesihatan. Sehubungan itu, pembangunan sektor kesihatan akan berpandukan kepada strategi berikut:

- *mencegah dan mengurangkan beban penyakit bagi meningkatkan lagi taraf kesihatan;*

- ❑ *menambah baik sistem penyampaian penjagaan kesihatan bagi meningkatkan akses kepada penjagaan berkualiti;*
- ❑ *mengoptimumkan sumber melalui pengukuhan dan integrasi;*
- ❑ *meningkatkan R&D untuk menyokong dalam membuat keputusan berasaskan bukti;*
- ❑ *mengurus krisis dan bencana berkaitan kesihatan secara berkesan;*
- ❑ *meningkatkan pembangunan sumber manusia; dan*
- ❑ *memperkuhkan sistem maklumat dan pengurusan kesihatan.*

### **Perkhidmatan Kesihatan Awam**

20.43 Kesihatan penduduk yang baik adalah satu input penting bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan modal insan. Bagi tujuan ini, usaha yang lebih giat akan diambil bagi menggalak dan mengekalkan kesihatan penduduk. Berdasarkan penemuan Kajian Beban Penyakit yang menunjukkan bahawa penyakit tidak berjangkit merupakan beban utama penyakit, usaha akan diambil bagi mencegah atau menangguh berlakunya penyakit ini dengan mengubah kelakuan risiko individu atau menukar faktor risiko masyarakat.

20.44 *Penggalakan kesihatan* akan diberi lebih penekanan bagi membolehkan orang ramai meningkat kawalan dan menambah baik kesihatan supaya mereka dapat mencapai potensi kesihatan. Aktiviti penggalakan dan pendidikan kesihatan akan dipertingkat bagi menyediakan pengetahuan dan maklumat yang perlu serta menyemai amalan tingkah laku yang sihat. Sehubungan itu, individu, keluarga dan komuniti akan diperkasakan bagi mengambil tanggungjawab yang lebih untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mereka secara keseluruhan. Penggalakan gaya hidup sihat di tempat terpilih akan terus diperkuhkan. Kantin dan asrama sekolah akan digalak untuk menyediakan makanan yang menyihatkan dan berkhasiat. Di samping itu, pelbagai aktiviti lain dalam menggalak kesihatan dan mencegah penyakit termasuk kaunseling akan dilaksana dengan meningkatkan kerjasama dan rangkaian di kalangan agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO.

20.45 Pencegahan dan pengawalan *penyakit berjangkit* akan terus diberi penekanan dalam tempoh Rancangan. Sehubungan ini, Pusat Penyakit Berjangkit (CDC) akan ditubuh di Sg. Buloh, Selangor bagi meningkat kemampuan untuk menghadapi dan menangani perubahan dan perluasan skop penyakit ini serta penularan penyakit baru muncul dan muncul semula. Pusat tersebut akan dilengkapi dengan sistem pengawasan bagi membolehkan pemberitahuan segera dan tepat pada masanya serta menyediakan sokongan makmal yang mencukupi untuk diagnosis dan pengesanan awal. Program risikan epidemik akan terus diperkuhkan untuk melengkapkan personel perubatan di peringkat negeri dan



daerah bagi mengambil tindakan segera dan cekap ke atas wabak penyakit. Di samping itu, penyertaan dan penglibatan komuniti akan dipertingkatkan bagi membantu kawalan penyakit bawaan vektor seperti denggi dan malaria.

20.46 Bagi mengurangkan lagi penularan HIV dalam negara ini dan untuk mencapai *Millennium Development Goal* (MDG) berkenaan HIV/AIDS, Pelan Strategik Kebangsaan bagi HIV/AIDS akan dilaksanakan. Pelan tersebut akan menyediakan rangka kerja umum inisiatif HIV/AIDS yang dilaksanakan dan diperluas di peringkat nasional bagi tempoh lima tahun akan datang dan menggunakan pakai 'three ones' sebagai panduan asas bagi menambah baik respons negara kepada HIV/AIDS. Langkah ini akan melibatkan penubuhan satu rangka kerja nasional yang komprehensif, satu badan penyelaras AIDS nasional dan satu sistem pemantauan dan penilaian nasional. Di samping itu, program pengurangan mudarat akan dilaksanakan di seluruh negara.

20.47 Dalam usaha mengurangkan penularan penyakit berjangkit oleh warga asing terutamanya batuk kering, penyakit pembawakan seksual dan penyakit zoonotik, usaha akan diambil bagi menghalang, memantau dan mengawal penularan penyakit ini. Langkah ini termasuk penubuhan klinik kesihatan untuk pelancong di setiap negeri bagi menyediakan perkhidmatan seperti saringan, pelalian dan *prophylaxis* serta maklumat kesihatan kepada warga asing. Sokongan makmal akan diperluaskan dengan pembinaan empat makmal kesihatan awam di negeri Kedah, Kelantan, Melaka dan Sarawak.

20.48 Peningkatan *penyakit tidak berjangkit* dalam negara adalah sebahagian besarnya berkait dengan gaya hidup dan tingkah laku serta perubahan demografi. Sehubungan ini, usaha akan diambil bagi menggalak individu untuk mendapatkan pengetahuan dan mengambil tindakan yang perlu untuk sentiasa sihat. Penekanan yang lebih akan diberi untuk perubatan pencegahan seperti mengamalkan gaya hidup sihat dan saringan berkala serta mengenal pasti dan mengubah faktor risiko di peringkat awal. Bagi tujuan ini, daftar penyakit tidak berjangkit akan diwujudkan bagi membolehkan tindakan yang berkesan dan komprehensif diambil untuk mengawal dan mencegah penyakit ini.

20.49 *Pengurusan krisis dan bencana* berkaitan kesihatan akan terus diperkukuh bagi meningkatkan tahap kesediaan dan merangka strategi bagi menangani isu kesihatan awam dan pemulihan apabila berlakunya bencana. Bagi tujuan ini, Pusat Kesediaan dan Respons Krisis (Kesihatan) Nasional akan ditubuhkan. Pusat ini akan menyelaras semua aktiviti berkaitan kesihatan bagi memastikan respons yang segera dan berkesan bertujuan mengurangkan morbiditi dan mortaliti sebelum, semasa dan selepas bencana dengan menggunakan pakai pendekatan antara sektor. Kerjasama dan penyelarasan dengan organisasi antarabangsa, NGO dan sektor swasta termasuk syarikat farmaseutikal dan makmal akan dipertingkatkan.

20.50 Perkhidmatan *kesihatan mental* akan terus diperkukuh pada peringkat penjagaan primer dan komuniti. Sehubungan ini, perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif dan bersepadu akan dibangun untuk kumpulan sasaran khusus seperti remaja dan warga emas. Pencegahan dan pengawalan penyakit mental akan dilaksanakan dan ditingkatkan melalui saringan awal masalah seperti tekanan, kebimbangan, kesedihan dan penderaan. Bagi memulih pesakit mental dan memastikan mereka boleh berinteraksi dengan komuniti, perkhidmatan pemulihan psikososial akan disediakan di peringkat penjagaan primer. Di samping itu, penglibatan keluarga dan komuniti serta program sokongan termasuk latihan akan dibangun.

20.51 Pelaksanaan *program bekalan air dan kesihatan alam sekitar* akan diteruskan. Sehubungan ini, penyediaan tandas sempurna, air selamat, perparitan sempurna dan sistem pelupusan sisa pepejal akan diperluas untuk memanfaatkan penduduk luar bandar. Kualiti air minuman akan terus dipantau bagi memastikan pematuhan piawai negara dan antarabangsa. Strategi penilaian risiko epidemiologi dan kesihatan akan diperkenalkan bagi memantau kesan pencemaran alam sekitar terhadap kesihatan.

### **Perkhidmatan Penjagaan Perubatan dan Kesihatan**

20.52 Program perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang menyediakan penjagaan primer, sekunder, tertiar dan pemulihan akan diperkukuh bagi meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan. Strategi pencegahan penyakit dan penggalakan kesihatan akan dilaksanakan bagi membolehkan individu membuat pilihan gaya hidup yang baik untuk menggalak kesejahteraan. Bagi tujuan ini, kemudahan penggalakan kesejahteraan dan kesihatan akan ditubuh di klinik dan hospital sedia ada manakala program melibatkan pesakit dan keluarga mereka serta komuniti akan dilaksanakan. Dengan mengambil kira peranan T/CM dalam penyampaian penjagaan kesihatan, perkhidmatan bersepadu merangkumi amalan T/CM terpilih akan dilaksanakan secara perintis di tiga hospital.

20.53 Dalam tempoh Rancangan, usaha lebih giat akan diambil untuk mengukuh perkhidmatan yang disediakan di peringkat *penjagaan primer*. Kemudahan sedia ada akan dinaik taraf manakala kemudahan baru akan dibina bagi menyediakan satu pakej perkhidmatan yang komprehensif. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi akses, klinik bergerak akan disediakan di kawasan bandar yang mempunyai penduduk padat dan tiada tanah sesuai untuk membina kemudahan kesihatan. Akses kepada penjagaan kesihatan di kawasan pedalaman dan yang kurang mendapat perkhidmatan akan dipertingkatkan melalui penyediaan lebih banyak klinik bergerak yang dilengkapi peralatan diagnostik yang perlu.

20.54 Program baru merangkumi saringan penyakit khusus dan faktor risiko, tindakan dan rawatan awal serta pengurangan kecacatan akan dilaksanakan.

Sehubungan ini, satu program pengurusan risiko kesihatan yang komprehensif dan bersepadu bertujuan untuk pengesanan awal penyakit akan dilaksana. Program saringan untuk *congenital hypothyroidism* di kalangan bayi baru lahir akan terus diperluas. Perkhidmatan untuk kanak-kanak kurang upaya akan diperluas dan diperkenal di setiap daerah. Saringan untuk *thalassaemia* akan dilaksana bagi memastikan pengesanan awal gangguan darah.

20.55 Memandangkan meningkatnya kejadian penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, kemudahan penjagaan primer akan dilengkapi lagi untuk mengesan, merawat serta mengurus penyakit tersebut. Pakar perubatan keluarga dan AHSP akan dilatih dalam pelbagai disiplin untuk mengenal pasti kemunculan jangkitan dan memastikan protokol operasi yang seragam dipatuhi dalam rawatan mereka. Program saringan bagi mengesan penyakit berkaitan pernafasan, kanser dan kardiovaskular akan dijalankan di semua klinik. Bagi pesakit yang menderita penyakit tersebut, pakej rawatan individu akan disediakan. Sebagai sebahagian daripada program berhenti merokok, lebih banyak klinik berhenti merokok akan ditubuh dan garis panduan amalan klinikal yang seragam akan diperkenal.

20.56 Dalam usaha meningkatkan dan terus menambah baik penyampaian penjagaan kesihatan, perkhidmatan penjagaan perubatan yang disediakan di peringkat penjagaan primer akan dikaji semula dan diperluas. Perkhidmatan kecemasan dan diagnostik akan terus dibangun dan dinaik taraf bagi memudahkan diagnosis lebih awal dan berkesan. Penekanan akan diberi bagi menyediakan penjagaan perubatan kepada kumpulan sasaran khusus seperti masyarakat Orang Asli, penduduk miskin di bandar, warga emas dan kanak-kanak kurang upaya. Konsep klinik bersepadu akan diteruskan dengan penyediaan semua perkhidmatan harian untuk menambah baik penyampaian penjagaan dan meningkatkan keselesaan pesakit. Bagi meningkatkan lagi kepantasan dan kualiti diagnosis, semua klinik akan disediakan perkhidmatan sokongan yang berkaitan termasuk perkhidmatan patologi, radiologi dan farmaseutikal serta peralatan diagnostik.

20.57 Pelbagai langkah akan diambil bagi menambah baik dan memperkukuh penyediaan *penjagaan sekunder dan tertiar*. Melalui sistem rujukan yang cekap dan berkesan, penjagaan berterusan tanpa sempadan antara penjagaan primer, sekunder dengan tertiar akan disediakan. Perkhidmatan bersesuaian akan dikenal pasti dan ditempatkan semula bagi membawa penjagaan lebih dekat dengan kediaman dan mengoptimalkan sumber. Sehubungan ini, pakar perubatan keluarga yang berkhidmat di peringkat penjagaan primer akan mengambil tindakan susulan ke atas pesakit yang didiscaj atau menerima rawatan daripada klinik pakar. Pesakit ini juga boleh mendapatkan bekalan ubat susulan daripada klinik kesihatan berdekatan dengan kediaman mereka. Inisiatif ini akan membolehkan pesakit menerima penjagaan dalam persekitaran yang lebih selesa termasuk masa menunggu yang lebih pendek. Bagi pesakit kronik yang uzur dan penyakit yang boleh membawa maut, perkhidmatan penjagaan di rumah akan disediakan dengan sokongan dan kerjasama komuniti dan NGO.

20.58 Bagi mengurangkan bilangan kemasukan ke wad dan tempoh rawatan di hospital, usaha akan diambil bagi meningkatkan kecekapan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan prahospital, kecemasan dan penjagaan ambulatori. Penjagaan prahospital akan dipertingkatkan melalui penubuhan lebih banyak pusat panggilan ambulan manakala pasukan tindakan kecemasan akan disediakan dengan ambulan yang lebih lengkap. Di samping itu, pasukan tindakan kecemasan paramedik (skwad motosikal) akan ditubuhkan bagi membolehkan mereka sampai di tempat kecemasan dan memberi rawatan secepat mungkin. ACC juga akan ditubuh di semua hospital negeri dan hospital daerah terpilih.

20.59 Dalam tempoh Rancangan, hospital baru dan gantian akan dibina bagi menyediakan akses yang lebih baik dan penjagaan yang lebih berkualiti, termasuk hospital untuk wanita dan kanak-kanak serta hospital rehabilitasi. Institut Kanser Kebangsaan akan ditubuh di Hospital Putrajaya bagi menyediakan penjagaan rawatan kanser secara komprehensif. Bagi memastikan perancangan, penyelarasan dan pengurusan perkhidmatan forensik yang lebih baik dalam negara, Institut Forensik Kebangsaan dan pusat wilayah akan ditubuh. Di samping itu, perkhidmatan kepakaran penjagaan oral akan diperkukuh lagi dengan penubuhan Institut Kesihatan Oral Kebangsaan. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM1.3 bilion akan disedia.

20.60 Penyediaan bagi perkhidmatan kardiologi akan ditambah baik dengan perluasan perkhidmatan berkenaan di lebih banyak hospital negeri seperti Hospital Alor Setar, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan dan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Perkhidmatan neurosurgikal juga akan disediakan di lebih banyak hospital termasuk Hospital Kuala Terengganu, Hospital Melaka dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang. Perkhidmatan radioterapi dan onkologi akan ditambah baik dan diperluas ke Hospital Pandan, Johor, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Likas, Sabah.

20.61 Usaha juga akan diambil bagi meningkatkan keupayaan dan kualiti unit penjagaan kritikal di semua hospital dengan keutamaan diberi untuk menaik taraf kemudahan penjagaan rapi sedia ada di semua hospital negeri dan beberapa hospital daerah. Unit tersebut akan dilengkapi dengan perkhidmatan penjagaan rapi yang komprehensif untuk semua disiplin dan kumpulan umur. Di samping itu, perkhidmatan tertiar yang canggih dan khusus akan disedia mengikut wilayah melalui penubuhan pusat kecemerlangan dalam bidang seperti forensik, pembangunan tisu dan *stem cell* serta genetik. Bagi memastikan kecekapan pengurusan penyakit berjangkit, pusat wilayah akan ditubuh di Hospital Kota Bharu, Kelantan; Hospital Sg. Buloh, Selangor; Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Penubuhan pusat tersebut akan membolehkan penjagaan lebih berkualiti serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk latihan dan aktiviti penyelidikan.

20.62 Pelbagai usaha akan diambil bagi mengoptimumkan sumber yang ada di kemudahan yang kurang digunakan. Sehubungan ini, hospital dengan kadar penggunaan katil yang rendah akan diguna untuk pesakit yang menderita akibat penyakit kronik dan yang boleh membawa maut serta pesakit yang memerlukan pemulihan. Pusat paliatif dan pusat penjagaan harian serta tempat pemulihan sementara pesakit mental akan ditubuh di kemudahan tersebut. Program latihan akan dilaksana bagi melatih personel yang mencukupi dalam penjagaan pemulihan termasuk daripada NGO dan komuniti yang juga akan digalakkan dalam program sukarelawan hospital.

20.63 Dalam tempoh Rancangan, *perkhidmatan farmasi* akan terus diperkukuh. Dasar Ubat Kebangsaan akan digubal untuk menggalak penggunaan secara rasional ubat yang selamat, berkesan dan mampu diperolehi bagi meningkatkan kesihatan. Di samping itu, pengguna akan disediakan dengan maklumat yang tepat dan berasaskan bukti secara talian serta melalui media massa bagi membantu pemilihan dan penggunaan produk perubatan. Lebih banyak kempen pendidikan dan kesedaran akan dianjurkan bagi membolehkan orang awam membuat keputusan bermaklumat dan mengurangkan penggunaan produk yang tidak berdaftar. Dengan pengenalan klinik kaunseling ubat-ubatan dan sokongan di hospital utama, pesakit yang mengidap penyakit kronik seperti kencing manis, lelah, kardiovaskular dan HIV/AIDS akan disediakan penjagaan farmaseutikal yang lebih baik. Peranan ahli farmasi akan diperluas dengan melibatkan mereka dalam penjagaan pesakit di wad bagi mengoptimumkan terapi ubat-ubatan dan meningkatkan kesihatan.

20.64 Usaha akan terus diambil bagi memperkukuh kerjasama dan kesepakatan antara penyedia penjagaan kesihatan awam dan swasta bagi memastikan penggunaan bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkesan dan optimum. Sehubungan itu, penyumberan luar perkhidmatan perubatan, penyediaan perkhidmatan di hospital awam oleh pengamal perubatan swasta, penyewaan kemudahan awam kepada pengamal perubatan swasta serta kerjasama dengan institusi perubatan swasta dalam melatih personel perubatan dan kesihatan bersekutu akan diambil. Di samping itu, penyedia penjagaan kesihatan swasta akan digalakkan bagi memberi penekanan yang lebih terhadap pencegahan penyakit dan penggalakan amalan gaya hidup sihat.

20.65 Pelancongan kesihatan akan terus dipromosikan dalam tempoh Rancangan dengan penglibatan yang lebih meluas daripada sektor kesihatan swasta. Sehubungan ini, pakej perkhidmatan yang komprehensif di mana Malaysia mempunyai kelebihan bersaing akan dibangun. Pakej ini termasuk perkhidmatan T/CM, spa serta kosmetik. Usaha juga akan diambil untuk membangunkan lagi perkhidmatan penjagaan kesihatan di destinasi pelancongan yang popular termasuk kemudahan kecemasan dan menyelamat bagi aktiviti sukan yang berisiko tinggi dan sukan lasak. Aktiviti promosi kesihatan dan kesejahteraan termasuk saringan

yang mampu diperoleh di hospital dan klinik terpilih akan dipasarkan bagi menarik lebih ramai pelancong menggunakan perkhidmatan tersebut. Di samping itu, pusat kecemerlangan optalmologi di Hospital Selayang, Selangor dan endokrinologi di Hospital Putrajaya akan dipromosi. Bagi tujuan ini, usaha promosi akan dipertingkat lagi dengan mewujudkan jenama perkhidmatan kesihatan Malaysia yang dikenali sebagai *Health Malaysia*.

### **Pembangunan Sumber Manusia**

20.66 Pembangunan sumber manusia akan diberi lebih keutamaan dalam tempoh Rancangan bagi menangani kekurangan yang ketara dalam pelbagai kategori personel perubatan dan kesihatan. Peruntukan sebanyak RM1 bilion akan disediakan. Satu rencana terperinci akan digubal bagi menambah baik pembangunan sumber manusia serta menangani isu berkaitan perolehan, latihan, bekalan, penggunaan dan penempatan personel kesihatan. Bagi tujuan ini, latihan di peringkat ijazah dan lepasan ijazah dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi akan diperkukuh lagi bagi memenuhi permintaan sektor kesihatan dalam negara. Mekanisme kerjasama akan ditubuh dengan agensi kerajaan berkaitan dan sektor swasta bagi meningkatkan keupayaan latihan. Sehubungan ini, hospital awam terpilih akan juga digunakan sebagai hospital pengajar. Di samping itu, pelajar akan dihantar ke luar negara bagi melengkap latihan yang dijalankan oleh institusi tempatan.

20.67 Program pembangunan profesional berterusan (CPD) akan terus diperkukuh melalui penyediaan kemudahan dalam talian bagi membangunkan kemahiran dan kecekapan personel perubatan. Aktiviti CPD akan dipantau bagi memastikan kualiti, profesionalisme akan dipadankan dengan ujian kecekapan yang perlu. Di samping itu, usaha akan diambil bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan personel perubatan dalam bidang kepakaran dan subkepakaran baru seperti pembangunan vaksin dan pengurusan bencana berkaitan kesihatan melalui latihan dalam perkhidmatan. Keutamaan akan juga diberi bagi memastikan bilangan personel terlatih yang mencukupi bagi menangani isu komponen tingkah laku gaya hidup.

20.68 Usaha akan diambil bagi menarik dan mengekalkan personel melalui penambahbaikan terma dan syarat perkhidmatan. Usaha ini termasuk melanjutkan umur persaraan bagi doktor, meningkatkan peluang kemajuan kerjaya, menambah elaun serta menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif dengan menaik taraf kemudahan. Kemudahan kediaman tambahan dan yang lebih baik juga akan disediakan di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman serta di bandar utama yang kadar sewanya adalah tinggi.

20.69 Penyiapan tujuh kolej latihan bagi AHSP yang dijangka siap dalam tempoh Rancangan akan membolehkan 25,000 lagi personel dilatih. Bagi

menambah baik dan meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan personel terlatih, latihan pasca asas dalam disiplin baru dan yang diberi keutamaan akan dijalankan. Di samping itu, pembangunan *soft skills* termasuk pemupukan etika dan nilai yang baik serta sikap penyayang akan diberi lebih penekanan. Langkah juga akan diambil bagi menambah bilangan pengajar serta meningkatkan kemahiran mereka.

### **Penyelidikan dan Pembangunan**

20.70 R&D dalam bidang kesihatan akan terus dilaksana untuk menyedia dorongan bagi menambah baik kualiti penjagaan kesihatan dan meningkatkan kesihatan. Keupayaan dan kemampuan penyelidikan institusi di bawah NIH akan diperkukuh bagi membolehkan penggubalan dan pembangunan program yang lebih berkesan untuk pencegahan, diagnosis, rawatan dan pengawalan masalah kesihatan awam.

20.71 Pelbagai kajian epidemiologi akan dijalankan termasuk Kajian Beban Penyakit yang kedua dan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang ketiga. Penyelidikan bagi menangani faktor berisiko penyakit yang merebak dan kaedah bagi mengurangkan beban penyakit akan diberi keutamaan. Aktiviti penyelidikan ke atas penyakit yang baru muncul dan muncul semula akan dipergiat berikutan meningkatnya kejadian penyakit tersebut. Sehubungan ini, usaha diteruskan untuk mempercepatkan pengeluaran kit diagnostik untuk jangkitan demam denggi dan virus nipah.

20.72 Mengambil kira potensi untuk merevolusikan terapi dalam bentuk penggantian sel, penyelidikan *stem cell* akan diberi lebih keutamaan. Penubuhan NINPVB dalam tempoh Rancangan akan membolehkan penyelidikan dijalankan untuk pembangunan ubat-ubatan dan vaksin termasuk vaksin halal daripada sumber tempatan. Di samping itu, NINPVB akan mengeluarkan vaksin asas kanak-kanak untuk penggunaan tempatan serta eksport. Bagi memudahkan penggabungan T/CM ke dalam sistem penjagaan kesihatan, kajian mengenai keselamatan dan keberkesanan produk daripada tumbuhan ubat-ubatan akan dijalankan bagi menyediakan bukti untuk rawatan khusus penyakit.

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

20.73 Dalam tempoh Rancangan, sistem maklumat seluruh negara akan diperkenal untuk merangkaikan kemudahan awam dan swasta bagi membolehkan maklumat yang tepat pada masa, berkualiti dan andal. Sehubungan ini, Pusat Maklumat Kesihatan Negara akan ditubuh bagi memastikan semua maklumat kesihatan dan berkaitan kesihatan diproses secara berpusat. Keutamaan juga akan diberi untuk melaksana perkhidmatan Telekesihatan yang akan membolehkan maklumat saling beroperasi dan dikongsi melalui perkhidmatan Rekod Kesihatan

Sepanjang Hayat (LHR) dan Pelan Kesihatan Sepanjang Hayat (LHP). Kemudahan LHR membantu integrasi di kalangan penyedia perkhidmatan kesihatan dan membolehkan penyediaan penjagaan tanpa sempadan dan berterusan. Sementara itu, LHP akan menyediakan maklumat berkaitan pelbagai kejadian yang dijangka dalam kehidupan individu termasuk pencegahan dan pengurusan penyakit. LHR dan LHP akan dilaksanakan sebagai projek perintis di Seberang Perai, Pulau Pinang.

20.74 Perkhidmatan teleperundingan akan diperluaskan bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan pakar kepada penduduk luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak dan seterusnya menyumbang kepada mengoptimum sumber dan menyediakan penjagaan yang lebih berkualiti. Penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan primer akan diperluas dengan penambahan liputan projek penjagaan teleprimer kepada lebih banyak daerah. Sistem maklumat menyeluruh akan diperkenal bagi merangkai kemudahan awam dan swasta dan seterusnya membolehkan pemindahan maklumat pesakit antara penyedia perkhidmatan kesihatan bila mana dan di mana perlu bagi membolehkan penyediaan penjagaan kesihatan tanpa sempadan dan berterusan. Pelaksanaan sistem maklumat hospital (HIS) di hospital terpilih akan menambah baik lagi penyampaian penjagaan kesihatan dengan menyediakan maklumat pesakit yang tepat dan lengkap dalam talian. Pelaksanaan HIS akan dilakukan secara berfasa dan akan merangkumi semua hospital dan klinik.

20.75 Pengawasan kesihatan penduduk akan diperkukuh lagi melalui penambahbaikan dan menaik taraf sistem maklumat sedia ada bagi pelbagai program seperti pengawasan penyakit serta pengawalan kualiti makanan dan air. Di samping itu, daftar kebangsaan bagi penyakit khusus seperti HIV/AIDS, kencing manis dan penyakit mental akan diperkukuh ke arah menyediakan liputan yang lebih komprehensif. Maklumat daripada daftar tersebut akan menyumbang ke arah pembentukan program yang berkesan dan lebih baik serta meningkatkan penyelidikan dalam bidang tersebut.

### **Tadbir Urus**

20.76 Dalam tempoh Rancangan, tadbir urus yang baik melalui pengawalan teratur ke atas personel, kemudahan, produk dan peralatan penjagaan kesihatan akan memastikan penyediaan penjagaan kesihatan berkualiti dan mampu diperoleh. Sinergi yang lebih luas akan dicapai melalui pengharmonian inisiatif penambahbaikan kualiti yang akan menyumbang ke arah penerapan budaya berkualiti dan profesionalisme di kalangan personel kesihatan di semua peringkat. Lebih banyak hospital digalakkan untuk memperkenalkan langkah supaya layak memperoleh Pensijilan Akreditasi Hospital. Penekanan juga akan diberi bagi meningkatkan kualiti penjagaan *soft component* termasuk menambah baik respons kepada keperluan dan harapan pesakit serta memastikan kecekapan dan kebolehan



personel. Petunjuk antarabangsa berasaskan bukti dan langkah menambah baik kualiti akan diguna sebagai penanda aras dalam penentuan kualiti perkhidmatan. Bagi perancangan yang lebih berkesan dan peruntukan sumber yang cekap, usaha akan diambil bagi memastikan pengumpulan maklumat tahunan Akaun Kesihatan Kebangsaan untuk menyedia maklumat mengenai tahap dan arah aliran sumber kewangan yang ada dalam sektor kesihatan.

20.77 Pelaksanaan mekanisme pembiayaan kesihatan akan meningkat lagi akses dan kesaksamaan melalui penyediaan liputan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, cekap, bersepadu dan komprehensif kepada penduduk. Dengan demikian, mekanisme tersebut akan menggalakkan fleksibiliti dan kebebasan yang lebih dalam membuat pilihan untuk mendapatkan penjagaan kesihatan daripada kedua-dua sektor swasta dan awam. Di samping itu, Kerajaan akan terus memastikan agar tiada sesiapa pun dinafikan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan.

20.78 Perundangan kesihatan baru dan sedia ada akan diperkenal dan disemak semula bagi mengawal selia dan memantau sektor kesihatan. Akta Peralatan Perubatan akan digubal bagi mengawal selia dan memastikan peralatan yang digunakan adalah berkualiti tinggi, sesuai dan selamat. Di samping itu, pendaftaran wajib salon kecantikan dan kosmetik akan dilaksana untuk melindungi kepentingan pengguna. Penilaian teknologi kesihatan akan terus dijalankan sebelum pengenalan perkhidmatan dan teknologi baru seperti saringan untuk dan diagnosis awal ke atas penyakit tertentu, rawatan dan tindakan. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari akan digubal bagi memastikan amalan yang selamat oleh pengamal T/CM. Pada masa yang sama, program kesedaran dan pendidikan orang awam akan dijalankan bagi memaklumkan pengguna mengenai amalan T/CM yang selamat. Bagi memastikan pematuhan kepada prinsip dan piawai etika penyelidikan bioperubatan dan klinikal terutamanya dalam melindungi maruah, keselamatan dan kesejahteraan pesakit, Lembaga Etika Kebangsaan akan ditubuhkan dalam tempoh Rancangan.

#### **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

20.79 Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus menjadi agensi dan penyedia utama dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam negara. Penyediaan perkhidmatan kesihatan akan dilaksana dengan kerjasama kementerian dan agensi lain yang berkaitan serta sektor swasta dan NGO. Dalam tempoh RMKe-9, sejumlah RM10.28 bilion akan diperuntukkan bagi pembangunan sektor kesihatan, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 20-7*. Sebahagian besar daripada peruntukan ini akan disediakan bagi pelaksanaan program kesihatan awam termasuk penggalakan kesihatan dan pencegahan penyakit serta peningkatan pembangunan sumber manusia. Usaha R&D serta menaik taraf dan mengubahsuai kemudahan penjagaan kesihatan sedia ada akan juga diberi penekanan.

JADUAL 20-7

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN  
BAGI PERKHIDMATAN KESIHATAN, 2001-2010**  
(RM juta)


<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Perkhidmatan Penjagaan Pesakit	7,719.0	5,483.2
Hospital Baru	5,324.8	1,275.6
Naik Taraf dan Ubahsuai	2,394.2	4,207.6
Perkhidmatan Kesihatan Awam	1,329.3	3,311.6
Kesihatan Bandar	471.8	1,269.9
Kesihatan Luar Bandar	797.6	2,027.2
Kesihatan Alam Sekitar	59.9	14.5
Perkhidmatan Kesihatan Lain	451.7	1,481.2
Latihan	364.5	1,052.2
R&D <sup>1</sup>	28.9	250.0
Perolehan Tanah	58.3	179.0
<b>Jumlah</b>	<b>9,500.0</b>	<b>10,276.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: <sup>1</sup> Tidak termasuk peruntukan di bawah IRPA.

## V. PENUTUP

20.80 Dalam tempoh RMKe-8, penekanan diberi bagi meningkatkan lagi kualiti hidup. Keutamaan diberi bagi menambah dan menaik taraf kemudahan kesihatan serta memperluas skop penjagaan kesihatan. Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan dilaksana bagi memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkat pembangunan sumber manusia dan mengoptimum penggunaan sumber. Penambahbaikan dalam sistem penyampaian akan dilaksana dengan penglibatan yang lebih meluas daripada sektor swasta dan NGO. Di samping usaha yang akan dilaksanakan bagi melindungi penduduk daripada penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, tanggungjawab dan kerjasama individu, keluarga dan komuniti dalam pencegahan dan pengawalan penyakit serta pengamalan gaya hidup sihat adalah penting ke arah mencapai kesihatan dan kesejahteraan yang lebih baik.



# MENYEDIAKAN PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR YANG BERKUALITI

# 21

## I. PENDAHULUAN

21.01 Pelaksanaan program pembangunan perumahan dan penyediaan perkhidmatan bandar dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) bertujuan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk. Pencapaian keseluruhan program perumahan yang dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta menggalakkan, iaitu melebihi sasaran Rancangan. Penekanan telah diberikan ke arah menyediakan rumah berkualiti yang mampu dibeli atau disewa terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah dengan perkhidmatan bandar yang lebih baik serta persekitaran tempat tinggal yang selesa.

21.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), langkah berterusan akan terus diambil untuk memastikan rakyat Malaysia bagi semua peringkat pendapatan memperoleh akses kepada perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa terutamanya golongan berpendapatan rendah. Sehubungan ini, sektor swasta digalakkan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan kos sederhana rendah melalui projek perumahan bercampur manakala sektor awam akan terus memberikan perhatian kepada pembinaan rumah kos rendah dan rumah untuk anggota sektor awam, golongan yang kurang mendapat faedah dan miskin di kawasan bandar dan luar bandar. Bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar, penyediaan perkhidmatan bandar yang lebih bersistem dan tersusun berasaskan kepada pembangunan mampan, peningkatan penglibatan masyarakat dan penyepaduan sosial penduduk akan diberi penekanan.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

21.03 Objektif utama program perumahan dalam tempoh RMKe-8 adalah selaras dengan dasar perumahan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa oleh semua rakyat Malaysia. Perancangan dan pelaksanaan program pembangunan perumahan berasaskan konsep petempatan manusia termasuk penyediaan kemudahan awam seperti dewan

masyarakat, taman permainan kanak-kanak, klinik, rumah kedai dan kawasan lapang. Program perumahan oleh sektor awam terus memberikan tumpuan kepada penyediaan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan ke arah membasmi kawasan setinggan di bandar manakala sektor swasta membina rumah untuk memenuhi keperluan permintaan pasaran secara keseluruhan. Bagi meningkatkan kualiti hidup dan taraf sosioekonomi penduduk bandar, usaha telah diambil untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bandar serta menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam yang lebih baik.

## **Perumahan**

21.04 Pelaksanaan program pembangunan perumahan adalah mengalakkan dengan jumlah rumah yang siap dibina melebihi sasaran. Sebanyak 844,043 unit rumah telah siap dibina, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 21-1*. Daripada jumlah tersebut, 77.6 peratus dibina oleh sektor swasta manakala bakinya oleh sektor awam.

21.05 Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, Syarikat Perumahan Negara Malaysia Berhad (SPNB) melaksanakan projek perumahan bagi memenuhi keperluan perumahan penduduk. Dalam tempoh Rancangan, SPNB melaksanakan Program Perumahan Mampu Milik, Program Perumahan Mesra Rakyat dan projek perumahan anggota tentera. Di samping itu, SPNB juga membaik pulih projek perumahan terbengkalai terpilih termasuk projek sektor swasta yang dikenalpasti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

21.06 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 juga dipinda pada tahun 2002 untuk memperluas skop penguatkuasaan oleh KPKT meliputi projek yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan dan koperasi, menyediakan peruntukan bagi kawalan kualiti dan pelaksanaan projek mengikut jadual serta menubuhkan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Tribunal ini yang mengendalikan tuntutan di bawah RM25,000 telah menerima sebanyak 10,074 kes tuntutan dan 8,569 daripadanya berjaya diselesaikan dalam tempoh Rancangan.

### *Perumahan Kos Rendah*

21.07 Prestasi keseluruhan pembinaan rumah dalam kategori kos rendah menggalakkan dengan 200,513 unit siap dibina, iaitu 86.4 peratus daripada sasaran Rancangan. Daripada jumlah ini, 103,219 unit atau 51.5 peratus dibina oleh sektor awam termasuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Bagi memastikan bekalan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah mencukupi, projek pembangunan bercampur oleh pemaju swasta terus dilaksanakan berpandukan dasar yang menetapkan kuota 30 peratus bagi rumah

JADUAL 21-1

**SASARAN DAN PENCAPAIAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA, 2001-2005**

Program	Perumahan untuk Rakyat Miskin		Rumah Kos Rendah		Rumah Kos Sederhana Rendah		Rumah Kos Sederhana		Rumah Kos Tinggi		Jumlah				
	Sasaran (unit)	Pencapaian (unit)	% Darpada Sasaran	Sasaran (unit)	Pencapaian (unit)	% Darpada Sasaran	Sasaran (unit)	Pencapaian (unit)	% Darpada Sasaran	Sasaran (unit)	Pencapaian (unit)	% Darpada Sasaran			
<b>Sektor Awam</b>	<b>16,000</b>	<b>10,016</b>	<b>62.6</b>	<b>192,000</b>	<b>103,219</b>	<b>53.8</b>	<b>37,300</b>	<b>22,826</b>	<b>61.2</b>	<b>20,000</b>	<b>22,510</b>	<b>112.6</b>	<b>312,000</b>	<b>188,669</b>	<b>60.5</b>
Rumah Kos Rendah	-	-	-	175,000	81,108	46.3	-	-	-	-	-	-	175,000	81,108	46.3
Perumahan untuk Golongan Miskin Tegar (PPRT)	15,000	9,536 <sup>1</sup>	63.6	-	-	-	-	-	-	-	-	-	15,000	9,536	63.6
Pertapakan dan Kemudahan	1,000	480	48.0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,000	480	48.0
Perumahan oleh Agensi Komersil	-	-	-	15,000	16,386	109.2	10,000	15,442	154.4	16,000	9,924	62.0	56,000	47,505	84.8
Perumahan di Skim Tanah	-	-	-	2,000	5,725	286.3	1,000	695	69.5	-	-	-	3,000	6,420	214.0
Perumahan Kerajaan dan Kediaman Anggota Sektor Awam	-	-	-	-	-	-	26,300	6,889	25.4	30,700	20,174	65.7	5,000	16,757	335.1
<b>Sektor Swasta</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>40,000</b>	<b>97,294</b>	<b>243.2</b>	<b>94,000</b>	<b>61,084</b>	<b>65.0</b>	<b>64,000</b>	<b>222,023</b>	<b>346.9</b>	<b>303,000</b>	<b>655,374</b>	<b>216.3</b>
Pemaju Swasta	-	-	-	39,000	94,029	241.1	90,000	53,607	59.6	60,000	215,267	358.8	289,000	632,223	218.8
Koperasi	-	-	-	1,000	3,265	326.5	4,000	7,477	186.9	4,000	6,756	168.9	14,000	23,151	165.4
<b>Jumlah</b>	<b>16,000</b>	<b>10,016</b>	<b>62.6</b>	<b>232,000</b>	<b>200,513</b>	<b>86.4</b>	<b>131,300</b>	<b>83,910</b>	<b>63.9</b>	<b>110,700</b>	<b>252,121</b>	<b>227.8</b>	<b>615,000</b>	<b>844,043</b>	<b>137.2</b>

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Nota: <sup>1</sup> Tidak termasuk 13,037 unit rumah yang dibaikpulih.

kos rendah. Walau bagaimanapun, mengambilkira keadaan permintaan semasa rumah kos rendah serta untuk menangani isu rumah yang tidak terjual, sesetengah kerajaan negeri membuat penyesuaian tertentu terhadap dasar tersebut.

21.08 Di bawah program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) untuk golongan berpendapatan rendah, sebanyak 27,006 unit rumah kos rendah dibina melibatkan 70 projek dalam tempoh Rancangan. Projek tersebut dilaksanakan oleh kerajaan negeri menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang kebanyakannya dibina di bandar kecil dan di kawasan subbandar. Rumah tersebut dijual kepada pembeli yang layak dan berdaftar melalui sistem pendaftaran terbuka berkomputer yang dikendalikan oleh kerajaan negeri berkenaan. Bagi bandar raya dan bandar utama, Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPRB) dilaksanakan untuk menempatkan semula setinggan. Di bawah program ini, sebanyak 37,241 unit rumah kos rendah dibina dan disewa kepada golongan yang layak. Daripada jumlah tersebut 24,654 unit rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur manakala 12,587 unit di bandar utama lain di seluruh negara.

#### *Perumahan Kos Sederhana Rendah*

21.09 Bagi kategori perumahan kos sederhana rendah, sebanyak 83,910 unit rumah siap dibina, iaitu 63.9 peratus daripada sasaran Rancangan. Secara keseluruhan, pencapaian ini lebih baik berbanding dengan 20.7 peratus daripada sasaran dalam tempoh Rancangan terdahulu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61,084 unit rumah atau 72.8 peratus dibina oleh sektor swasta. Peratusan ini menunjukkan pemaju perumahan swasta memberikan reaksi positif dalam memenuhi permintaan rumah bagi kategori ini dan seterusnya mengurangkan tekanan permintaan rumah kos rendah. Di samping itu, SPNB telah membina sejumlah 3,898 rumah di bawah Program Perumahan Mampu Milik.

#### *Perumahan Kos Sederhana dan Kos Tinggi*

21.10 Dalam tempoh Rancangan, jumlah rumah kos sederhana dan kos tinggi yang dibina oleh sektor swasta jauh melebihi sasaran, menunjukkan permintaan yang berterusan bagi rumah kategori ini. Sehubungan ini, sebanyak 222,023 unit rumah kos sederhana dan 274,973 unit rumah kos tinggi telah dibina. Sektor awam telah membina 30,098 unit rumah kos sederhana atau 64.4 peratus dan 22,510 unit rumah kos tinggi atau 112.6 peratus daripada sasaran Rancangan. Sebahagian besar daripada rumah tersebut dibina oleh perbadanan kerajaan seperti PKEN dan SPNB untuk dijual kepada orang awam serta pembinaan oleh agensi kerajaan untuk digunakan sebagai rumah kediaman anggota sektor awam.

#### *Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar*

21.11 Pelbagai program terus dilaksanakan di kawasan luar bandar seperti Program Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) untuk golongan miskin tegar dan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS). Program ini

merupakan sebahagian daripada usaha untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar serta menyediakan rumah yang selesa dengan kemudahan asas. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 9,536 unit rumah baru untuk golongan miskin tegar dibina dan 13,037 unit rumah dibaik pulih. Dalam usaha untuk menyediakan petempatan baru yang dilengkapi dengan infrastruktur asas dan kemudahan awam, program seperti Penyatuan Semula Kampung, Pusat Pertumbuhan Desa dan Pembangunan Bersepadu Desa Terencil dilaksanakan melibatkan 40 kampung di seluruh negara dan memanfaatkan 6,000 keluarga.

#### *Perumahan untuk Anggota Sektor Awam*

21.12 Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 43,620 unit atau 70.4 peratus daripada sasaran dibina sebagai rumah kediaman anggota sektor awam terutamanya yang berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kastam Diraja dan Jabatan Imigresen serta yang bekerja di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut sebanyak 9,286 unit dibina di Putrajaya. Rumah kediaman juga disediakan bagi anggota sektor awam yang lain seperti guru dan personel kesihatan yang berkhidmat di luar bandar, kawasan terencil dan kawasan yang kurang kemudahan tempat tinggal yang sesuai.

#### **Perkhidmatan Bandar**

##### *Perkhidmatan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan*

21.13 Pihak berkuasa tempatan (PBT) melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk yang dipertanggungjawabkan dan aktiviti sampingan dalam menyediakan perkhidmatan kepada penduduk bandar. Aktiviti ini termasuk menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal serta membina dan menaik taraf kemudahan awam seperti dewan orang ramai, pasar, premis perniagaan dan kemudahan rekreasi.

21.14 *Pengurusan Sisa Pepejal.* Dalam tempoh Rancangan, pungutan dan pelupusan sisa pepejal perbandaran dilaksanakan oleh syarikat konsesi, operator atau PBT berkenaan. Dalam usaha untuk mengurangkan sisa pepejal yang dihasilkan oleh orang awam, peningkatan kesedaran di kalangan orang awam terhadap pentingnya pengitaran semula telah dilaksanakan melalui kempen dan aktiviti kitar semula yang meluas oleh 97 PBT dengan kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Sehubungan ini, pelbagai program kitar semula dilaksanakan termasuk kempen kesedaran orang ramai dan penyediaan pusat kitar semula terutamanya di kawasan perumahan serta pusat membeli-belah.

21.15 Langkah juga diambil untuk membolehkan PBT melaksanakan amalan pengurusan sisa pepejal yang bersistem serta meningkatkan tahap kebersihan. Sehubungan ini, kemudahan pengurusan sisa pepejal moden termasuk sebuah stesen pemindahan, sebuah loji rawatan terma dan tapak pelupusan sanitari disediakan untuk PBT seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 21-2*. Bantuan kewangan juga disediakan kepada PBT terutamanya majlis daerah untuk menaik taraf kemudahan pelupusan, menjalankan program kitar semula dan perolehan peralatan pengurusan sisa pepejal. Sehubungan ini, sejumlah RM302 juta diagihkan kepada pelbagai PBT.

JADUAL 21-2

**KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL, 2001-2005**

<i>Kemudahan/Projek</i>	<i>Kapasiti Pengendalian (tan sehari)</i>
Stesen Pemindahan di Taman Beringin, Kuala Lumpur	1,700
Loji Rawatan Terma di Labuan	40
Sel pertama tapak pelupusan sanitari Seelong Johor Bahru, Johor	1,200
Sel awal tapak pelupusan sanitari Bukit Tagar, Hulu Selangor	1,500

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

21.16 Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan mampan, Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan (PSPSPK) diluluskan pada tahun 2005. PSPSPK menggariskan pelbagai strategi termasuk amalan pengurusan yang mampan menerusi pengurangan, penggunaan semula, pengitaran semula, penggunaan teknologi, kemudahan dan peralatan yang sesuai serta penyediaan standard perkhidmatan sisa pepejal. Bagi meningkatkan sistem penyampaian, PSPSPK mencadangkan supaya pelan tindakan disediakan dengan kerjasama masyarakat setempat, sektor swasta dan NGO.

21.17 *Program Landskap dan Rekreasi.* Selaras dengan hasrat negara untuk melaksanakan konsep bandar raya taman di pusat bandar, pelbagai projek landskap dan taman rekreasi dilaksanakan oleh PBT dengan sokongan dan bantuan daripada Jabatan Landskap Negara (JLN). Sehubungan ini, JLN menyediakan bantuan kepada PBT dan kerajaan negeri dalam merancang untuk mewujudkan jajaran hijau, mereka bentuk taman rekreasi dan taman awam serta menghijaukan dan melandskapkan sungai, jalan raya dan kemudahan



awam. Di samping itu, sebanyak 30 pelan induk landskap dibangunkan bagi menyediakan panduan pembangunan landskap yang sesuai dengan tumpuan kepada kebersihan, keindahan dan persekitaran yang selamat serta memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemuliharaan sumber asli. Bagi memenuhi peningkatan permintaan terhadap taman rekreasi dan kawasan lapang yang lebih baik oleh penduduk bandar, sebanyak 17 taman awam baru dibina dan 256 taman awam sedia ada dinaik taraf. Di samping itu, kempen menanam pokok di seluruh negara terus dilaksanakan dalam tempoh Rancangan bagi meningkatkan kesedaran orang awam tentang pentingnya pokok dalam persekitaran tempat tinggal.

21.18 *Menaik Taraf Pihak Berkuasa Tempatan.* Beberapa PBT telah merombak struktur organisasi dan pentadbiran seiring dengan kemajuan perbandaran yang pesat serta memenuhi permintaan yang semakin meningkat oleh penduduk bandar yang berpendidikan dan berpengetahuan. Dalam tempoh Rancangan, tiga majlis perbandaran dianugerahi taraf bandar raya iaitu Majlis Perbandaran Kota Setar di Kedah, Majlis Perbandaran Melaka Bandar Bersejarah di Melaka dan Majlis Perbandaran Miri di Sarawak. Di samping itu, 16 majlis daerah dinaik taraf kepada majlis perbandaran dengan liputan kawasan yang lebih luas, perancangan pembangunan yang lebih teratur dan peningkatan sumber kewangan bagi memastikan pembangunan yang lebih tersusun serta penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

21.19 *Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.* Dalam tempoh Rancangan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dipertingkatkan lagi bagi meningkatkan keupayaan dan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan PBT. Dalam pelaksanaan *Smart Local Government Governance Agenda* (SLGGA), usaha telah diambil untuk melengkapkan PBT dengan peralatan komputer dan perisian yang sesuai. Laman web untuk 52 PBT dibangunkan bagi membolehkan pelaksanaan aplikasi e-PBT yang melibatkan pelbagai sistem seperti sistem hasil, pelesenan, pelaporan, perakaunan, aduan dan sistem *e-Penyerahan*.

21.20 *Local Agenda 21.* Penyertaan masyarakat dalam aktiviti yang dijalankan oleh PBT telah meningkat melalui program *Local Agenda 21* yang dilancarkan pada tahun 2000. Program yang memberikan tumpuan kepada peningkatan pemahaman dan kerjasama antara masyarakat, PBT dan sektor swasta dilaksanakan di 47 PBT. Daripada jumlah tersebut, 16 PBT telah melancarkan pelan tindakan yang komprehensif berkaitan pembangunan mampan meliputi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.

21.21 *Kemudahan dan Infrastruktur.* PBT terus menggalakkan golongan berpendapatan rendah untuk melibatkan diri dalam perniagaan kecil dengan menyediakan kemudahan seperti pasar, pusat penjaja dan premis perniagaan yang disewa kepada mereka yang layak. Usaha juga diambil untuk meningkatkan

infrastruktur termasuk menambah baik dan menaik taraf jalan raya, sistem pengangkutan awam bagi mengatasi kesesakkan lalu lintas dan menyediakan sistem saliran yang lebih baik untuk mengelakkan banjir kilat. Bagi memastikan keselamatan masyarakat bandar, konsep Bandar Raya Selamat diperkenalkan pada tahun 2004. Di bawah konsep tersebut, PBT digalakkan untuk meningkatkan penyediaan lampu jalan, laluan dan lorong pejalan kaki serta bekerjasama dengan pihak polis untuk menggalakkan, membangunkan dan melaksanakan inisiatif pencegahan jenayah di kawasan bandar.

#### *Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat*

21.22 Langkah terus diambil untuk menyediakan perkhidmatan bomba dan penyelamat yang berkualiti dan profesional setanding dengan amalan dan standard antarabangsa. Sehubungan ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat mengambil pelbagai langkah untuk melengkapkan dan meningkatkan anggotanya dengan kemahiran dan peralatan yang sesuai, sistem komunikasi yang canggih serta meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan bomba. Dalam tempoh Rancangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menjalankan sebanyak 195,070 usaha memadam dan menyelamatkan dengan anggaran nilai aset dan barangan yang diselamatkan sebanyak RM47.7 bilion.

21.23 Bagi menyediakan perkhidmatan bomba dan penyelamat yang lebih berkesan, sebanyak 73 balai bomba baru telah dibina di pelbagai lokasi yang strategik terutamanya di kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian. Di samping itu lima kompleks ibu pejabat negeri dan dua bengkel wilayah dibina untuk memperkukuh dan meningkatkan perkhidmatan bomba dan penyelamat. Kecekapan perkhidmatan bomba dan penyelamat dipertingkatkan lagi dengan pembelian sebanyak 146 kenderaan pemadam kebakaran, 20 kenderaan bantuan dan 595 kenderaan pelbagai guna. Pembelian ini termasuk kenderaan memadam kebakaran yang canggih dan khusus untuk operasi menyelamatkan yang berisiko tinggi seperti kebakaran di bangunan tinggi, maritim dan pengendalian bahan berbahaya. Sebanyak dua helikopter dan lima bot tambahan juga dibeli dalam tempoh Rancangan untuk tujuan pengawasan dan operasi menyelamatkan.

### **III. PROSPEK, 2006-2010**

21.24 Dalam tempoh RMKe-9, pembangunan sektor perumahan akan terus memberikan tumpuan kepada penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu untuk dibeli atau disewa oleh semua rakyat. Sehubungan ini, sektor swasta akan bertindak sebagai peneraju manakala sektor awam akan memberi sokongan melalui penyediaan peraturan yang sesuai untuk menjamin kecekapan. Bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah,

penekanan akan terus diberikan kepada pembangunan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan yang sesuai, lengkap dengan kemudahan awam yang mencukupi. Bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar, penyediaan perkhidmatan bandar akan memberikan tumpuan kepada usaha meluaskan skop perkhidmatan, mewujudkan persekitaran tempat tinggal yang selamat, meningkatkan penyertaan masyarakat serta memastikan perancangan dan pembangunan PBT yang mampan.

21.25 Teras strategik pembangunan perumahan dan perkhidmatan bandar dalam tempoh Rancangan adalah seperti berikut:

- ❑ *menyediakan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa terutamanya untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dengan memberi penekanan lebih kepada kesesuaian lokasi dan persekitaran tempat tinggal yang kondusif;*
- ❑ *mengkaji semula undang-undang dan peraturan ke arah memastikan pembangunan sektor perumahan yang lebih teratur;*
- ❑ *menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah;*
- ❑ *meningkatkan keberkesanan dan keupayaan PBT;*
- ❑ *memastikan penyediaan perkhidmatan bandar yang berkualiti; dan*
- ❑ *menggalakkan penyertaan masyarakat yang lebih meluas dalam pembangunan bandar.*

## **Perumahan**

21.26 Dalam tempoh Rancangan, keperluan rumah baru dianggarkan berjumlah 709,400 unit dengan 19.2 peratus di Negeri Selangor, diikuti Johor 12.9 peratus, Sarawak 9.4 peratus dan Perak 8.2 peratus, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 21-3*. Daripada keseluruhan keperluan tersebut, 92.8 peratus adalah rumah baru manakala 7.2 peratus rumah gantian. Sektor swasta dijangka membina 72.1 peratus daripada keperluan keseluruhan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 21-4*. Dari segi kategori perumahan, sebanyak 38.2 peratus adalah kombinasi rumah kos rendah dan kos sederhana rendah serta rumah untuk golongan miskin manakala 61.8 peratus untuk kategori rumah kos sederhana dan kos tinggi.

21.27 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus menyediakan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi memastikan rumah yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah. Sehubungan ini, usaha akan diambil untuk mempercepat penyediaan projek yang sedang

JADUAL 21-3

**KEPERLUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI, 2006-2010**  
(Unit)

<i>Negeri</i>	<i>Keperluan Baru</i>	<i>Penggantian</i>	<i>Jumlah Keperluan</i>
Johor	86,100	5,400	<b>91,500</b>
Kedah	51,800	5,000	<b>56,800</b>
Kelantan	40,600	5,600	<b>46,200</b>
Melaka	19,100	1,700	<b>20,800</b>
Negeri Sembilan	23,000	3,700	<b>26,700</b>
Pahang	41,100	3,300	<b>44,400</b>
Perak	48,600	9,600	<b>58,200</b>
Perlis	6,100	500	<b>6,600</b>
Pulau Pinang	30,900	1,900	<b>32,800</b>
Sabah	50,800	5,300	<b>56,100</b>
Sarawak	62,400	4,600	<b>67,000</b>
Selangor <sup>1</sup>	135,200	800	<b>136,000</b>
Terengganu	30,000	2,800	<b>32,800</b>
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	31,800	600	<b>32,400</b>
Wilayah Persekutuan Labuan	1,000	100	<b>1,100</b>
<b>Jumlah</b>	<b>658,500</b>	<b>50,900</b>	<b>709,400</b>
%	92.8	7.2	100.0

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Nota: <sup>1</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

JADUAL 21-4

**SASARAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA, 2006-2010**

<i>Program</i>	<i>Bilangan Rumah</i>					<i>Jumlah</i>	
	<i>Rumah Untuk Rakyat Miskin</i>	<i>Kos Rendah</i>	<i>Kos Sederhana Rendah</i>	<i>Kos Sederhana</i>	<i>Kos Tinggi</i>	<i>Jumlah Unit</i>	<i>% daripada Jumlah</i>
<b>Sektor Awam</b>	<b>20,000</b>	<b>85,000</b>	<b>37,005</b>	<b>27,100</b>	<b>28,700</b>	<b>197,805</b>	<b>27.9</b>
Rumah Kos Rendah	-	67,000	-	-	-	67,000	9.5
Perumahan Golongan Miskin Tegar (PPRT)	20,000	-	-	-	-	20,000	2.8
Perumahan oleh Agensi Komersil	-	13,500	31,005	8,200	4,700	57,405	8.1
Perumahan oleh Skim Kemajuan Tanah	-	4,500	500	-	-	5,000	0.7
Perumahan Kerajaan dan Kediaman Anggota Sektor Awam	-	-	5,500	18,900	24,000	48,400	6.8
<b>Sektor Swasta</b>	<b>-</b>	<b>80,400</b>	<b>48,500</b>	<b>183,600</b>	<b>199,095</b>	<b>511,595</b>	<b>72.1</b>
Pemaju Swasta	-	77,700	42,400	178,000	194,495	492,595	69.4
Koperasi	-	2,700	6,100	5,600	4,600	19,000	2.7
<b>Jumlah</b>	<b>20,000</b>	<b>165,400</b>	<b>85,505</b>	<b>210,700</b>	<b>227,795</b>	<b>709,400</b>	<b>100.0</b>
%	2.8	23.3	12.1	29.7	32.1	100.0	

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

dalam pembinaan melibatkan 24,757 unit rumah. Di samping itu, sebanyak 43,800 unit rumah kos rendah untuk disewa dan dijual akan dibina bagi memenuhi permintaan oleh golongan berpendapatan rendah yang dijangka meningkat. Sehubungan ini, Jabatan Perumahan Negara akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan rumah tersebut dibina di kawasan sesuai dan dilengkapi dengan kemudahan awam.

21.28 Bagi membantu usaha Kerajaan, SPNB akan membina sebanyak 26,120 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan bandar dan subbandar dalam tempoh Rancangan. Sebanyak 3,050 unit rumah kos rendah akan dibina di kawasan luar bandar di bawah Program Perumahan Mesra Rakyat. SPNB juga dijangka membaik pulih 11,000 unit rumah terbengkalai daripada pelbagai projek perumahan di seluruh negara serta membina 166 rumah di Kedah dan 900 rumah di Pulau Pinang untuk penempatan semula mangsa *tsunami*.

21.29 Penglibatan sektor swasta yang lebih banyak dalam pembinaan rumah kos rendah akan digalakkan untuk memastikan penawaran rumah mampu milik adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah. Bagi membantu usaha tersebut, dasar dan strategi serta perundangan semasa akan dikaji semula. Usaha ini termasuk mensyaratkan kepada pemaju swasta menyerahkan tanah yang disediakan untuk pembinaan rumah kos rendah dalam projek pembangunan bercampur kepada Kerajaan jika projek tersebut gagal dilaksanakan. Dalam tempoh Rancangan, sasaran pembinaan rumah kos rendah oleh sektor swasta ialah sebanyak 80,400 unit.

21.30 Bagi menggalakkan pemaju perumahan memperbanyakkan pembinaan rumah kos sederhana rendah dalam komponen projek pembangunan bercampur, syarat kuota 30 peratus rumah kos rendah akan dikaji semula terutamanya bagi kawasan yang kurang permintaan terhadap rumah kos rendah. Garis panduan khusus yang memperincikan spesifikasi, reka bentuk serta harga rumah kos sederhana rendah akan disediakan. Langkah ini akan membantu pemaju perumahan dalam menyediakan pelan pembangunan mereka, mempercepatkan proses kelulusan oleh PBT serta memastikan rumah tersebut memenuhi standard yang ditetapkan dan mampu untuk dibeli atau disewa oleh kumpulan sasar. Sejumlah 48,500 rumah kos sederhana rendah disasarkan untuk dibina oleh sektor swasta.

21.31 Langkah akan diambil untuk menambah baik sistem pendaftaran dan pengagihan rumah kos rendah bagi memastikan pembahagian yang lebih teratur dan mengelakkan golongan sasar daripada tidak memperoleh peluang untuk membeli rumah tersebut. Maklumat daripada pangkalan data tersebut akan dikemas kini secara berkala dan kriteria pemilihan pembeli yang layak akan dikaji dan diseragamkan antara semua negeri. Selain daripada tahap pendapatan,

keutamaan juga akan diberi kepada golongan kurang mendapat faedah seperti ibu tunggal, keluarga yang mempunyai tanggungan yang ramai dan juga golongan kurang upaya. Sistem pangkalan data berpusat sedia ada di KPKT akan dipertingkatkan dan disepadukan dengan pangkalan data yang dikendalikan oleh kerajaan negeri untuk memudahkan pemilihan dan pengagihan rumah kos rendah secara lebih bersistem dan telus.

21.32 Langkah juga akan diambil untuk memastikan semua rumah pangsa terutamanya kategori rumah kos rendah dan kos sederhana rendah disenggarakan dengan baik. Sehubungan itu, Jabatan Perumahan Negara dengan kerjasama PBT berkenaan akan menjalankan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penghuni tentang tanggungjawab terhadap kebersihan dan penyenggaraan premis mereka. Usaha juga diambil untuk menggalakkan penghuni melantik syarikat pengurusan untuk perkhidmatan penyenggaraan bangunan dan keselamatan.

21.33 *Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar.* Usaha akan terus diambil untuk menyediakan kemudahan awam kepada penduduk luar bandar. Sehubungan ini, pelaksanaan program perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar di kawasan luar bandar akan dikaji semula terutamanya untuk memastikan keberkesanannya. Peruntukan sebanyak RM233.1 juta akan disediakan untuk pembinaan rumah untuk golongan miskin tegar termasuk membaik pulih kira-kira 14,000 rumah usang. Di samping itu, projek pembangunan di bawah program Penyusunan Semula Kampung dan Pembangunan Bersepadu Desa Terpencil akan dipergiat.

21.34 *Perumahan untuk Anggota Sektor Awam.* Kerajaan akan terus menyediakan rumah kepada anggota sektor awam terutamanya mereka yang berkhidmat dalam perkhidmatan penting dan di kawasan yang kurang kemudahan tempat tinggal yang sesuai. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 48,400 unit perumahan kerajaan dan kediaman pekerja terutamanya untuk anggota beruniform, perkhidmatan perubatan dan guru akan dibina di seluruh negara termasuk Putrajaya. Rumah tersebut akan disediakan di bandar utama, kawasan sempadan serta kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

21.35 *Perumahan untuk Pekerja Ladang dan Industri.* Kerajaan akan memastikan pemilik ladang menyediakan rumah atau tempat tinggal dan kemudahan yang mencukupi kepada pekerja mereka seperti diperuntukkan di bawah Akta Standard-standard Minimum dan Kemudahan Pekerja, 1990. Majikan dalam sektor perindustrian juga digalakkan supaya menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan yang sesuai kepada pekerja mereka. Pemantauan dan pemeriksaan berkala akan dijalankan oleh agensi berkaitan bagi memastikan pemilik ladang dan majikan sektor industri mematuhi keperluan tersebut.

21.36 *Teknologi Perumahan, Penyelidikan dan Pembangunan.* Usaha akan terus diambil untuk menggalakkan pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam aktiviti yang berkaitan dengan industri pembinaan termasuk perumahan. Dalam tempoh Rancangan, usaha akan ditingkatkan lagi bagi menggalakkan penggunaan bahan binaan dan teknologi alternatif di bawah sistem bangunan berindustri (IBS) dan reka bentuk berpandukan konsep koordinasi bermodul dalam pembinaan rumah. Teknologi ini akan mengurangkan penggunaan tenaga kerja, meningkatkan produktiviti dan kualiti rumah di samping menghasilkan persekitaran tempat kerja yang lebih selamat dan bersih.

21.37 Pelaksanaan IBS dalam tempoh Rancangan akan berpandukan kepada satu rangka kerja strategik pelaksanaan, antara lain, termasuk penggunaan komponen IBS dalam pembinaan rumah mampu milik dan projek bangunan Kerajaan serta penguatkuasaan penggunaan konsep koordinasi bermodul melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam oleh PBT. Kerajaan akan menyediakan insentif seperti kelulusan pelan pembangunan secara *green lane* dan pengecualian levi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) kepada pengguna pelan standard yang direka bentuk berpandukan komponen koordinasi bermodul dan komponen bangunan standard. Di samping itu, tumpuan akan diberikan kepada R&D yang berkaitan dengan perkhidmatan bangunan mampan dan teknologi yang mesra alam berpandukan kepada konsep 3P (pengurangan, penggunaan dan pengitaran semula) seperti mengitar semula air sisa dan kecekapan tenaga.

## **Perkhidmatan Bandar**

### *Perkhidmatan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan*

21.38 Bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan kualiti perkhidmatan bandar, Dasar Perbandaran Nasional akan digubal. Dasar tersebut akan menggariskan strategi ke arah mewujudkan bandar raya dan bandar yang selamat, bersistem, moden dan menarik.

21.39 Langkah juga akan diambil untuk memastikan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri, PBT dan daerah berasaskan kepada rancangan struktur dan rancangan tempatan yang telah diluluskan. Usaha ini termasuk pematuhan yang lebih ketat oleh pemaju akan syarat rancangan yang berfungsi sebagai alat perancangan penggunaan tanah dan pengagihan sumber. Pembangunan kampung tradisional dan kampung tersusun di kawasan bandar akan berpandukan kepada model kampung yang dibangunkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

21.40 Langkah akan diambil untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemampuan pengurusan PBT dengan meningkatkan bina upaya dan mengkaji semula sistem dan prosedur yang berkaitan. Sehubungan ini, usaha akan terus

diambil untuk membangunkan modal insan dan meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam memberi perkhidmatan kepada orang awam. Satu mekanisme pemantauan juga akan diwujudkan oleh KPKT bagi memastikan keputusan yang dibuat di peringkat Majlis Negara Kerajaan Tempatan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan PBT.

21.41 Bagi meningkatkan kutipan hasil dan kemampuan kewangan PBT, nilai aset pegangan dan kadar taksiran akan dikaji semula seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 171. Tumpuan yang lebih akan diberikan kepada PBT yang tidak mengkaji semula kadar taksiran melebihi 10 tahun. Di samping itu, formula pemberian geran tahunan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PBT di bawah Geran Tahunan Berasaskan Kadar Keseimbangan akan dikaji semula bagi memastikan PBT, terutamanya majlis daerah diberi bantuan kewangan yang sewajarnya. Bagi meningkatkan lagi kutipan hasil, PBT akan digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah kutipan termasuk melaksanakan sistem pembayaran dalam talian serta memberikan diskaun kepada bayaran awal. Di samping itu, PBT juga akan digalakkan supaya memperkenalkan langkah yang lebih inovatif bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan kebergantungan pada bantuan kewangan Kerajaan serta ke arah mengamalkan sumber pembiayaan sendiri dalam jangka panjang. Usaha juga akan diambil untuk memperluas pelaksanaan SLGGA kepada lebih banyak PBT terutamanya bagi yang berstatus bandar raya dan majlis perbandaran.

21.42 Program *Local Agenda 21* akan diperluas kepada semua PBT berdasarkan kepada pencapaian 47 PBT dalam tempoh Rancangan terdahulu. Bagi memudahkan penyertaan masyarakat setempat dalam program tersebut, lebih banyak pusat komuniti yang diuruskan oleh persatuan penduduk akan ditubuhkan. Pusat komuniti ini akan menjadi titik fokus untuk aktiviti sosial dan penyebaran maklumat seperti maklumat mengenai peluang pekerjaan, pendidikan dan latihan. Bagi meningkatkan kebolehcapaian masyarakat kepada aktiviti berasaskan ICT, kemudahan pembelajaran komputer akan disediakan di pusat komuniti.

21.43 Dalam usaha ke arah menjadikan masyarakat setempat yang lebih bertanggungjawab terhadap penyenggaraan persekitaran, penduduk setempat, sektor swasta dan NGO digalakkan terlibat dalam aktiviti gotong-royong, melaksanakan aktiviti kitar semula sisa pepejal, kempen dan program pendidikan untuk mewujudkan persekitaran tempat tinggal yang bersih, selesa dan selamat. Insentif dalam bentuk anugerah dan peruntukan khas akan disediakan kepada PBT yang mampu mencapai dan mengekalkan tahap penyertaan seperti yang dikehendaki.

21.44 Program pembangunan dan projek di kawasan kampung baru akan dilaksanakan berpandukan pelan induk yang baru diwujudkan. Langkah ini termasuk menambah baik kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan sosial



serta penyertaan sektor swasta yang lebih besar dalam pembangunan perusahaan kecil dan sederhana serta pelancongan. Bagi membantu pembangunan kampung tradisional dalam kawasan PBT, satu pelan induk khusus akan diwujudkan. Sehubungan ini, peruntukan sebanyak RM400 juta akan disediakan bagi melaksanakan projek di kampung tradisional dan kampung baru.

21.45 *Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan.* Pengurusan sisa pepejal dalam tempoh Rancangan akan berpandukan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan (PSPSPK). PSPSPK akan menggariskan dasar, strategi dan pelan tindakan yang akan menjadi panduan kepada semua pihak berkepentingan dalam merancang dan memperuntukkan sumber. Bagi memudahkan pelaksanaan PSPSPK, langkah akan diambil untuk mengkaji semula institusi, perundangan dan peraturan berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal sedia ada serta menambah baik kemudahan infrastruktur. Hierarki pengurusan sisa pepejal di bawah PSPSPK akan memberikan keutamaan kepada kaedah pengurangan, penggunaan dan perolehan semula serta pemilihan teknologi dan kemudahan yang akan disediakan. Pembinaan kemudahan yang kecil dan mudah urus akan diberi keutamaan. Sebuah entiti baru iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal akan ditubuhkan di bawah KPKT untuk melaksanakan penggubalan dasar, merancang dan mengurus sisa pepejal termasuk hal yang berkaitan dengan kewangan.

21.46 Bagi memastikan respons dan penyertaan orang ramai dalam program dan projek pembangunan serta aktiviti berkaitan dengan sisa pepejal yang dijalankan oleh Kerajaan, kempen kesedaran awam akan diperhebatkan. Kempen tersebut akan memberikan tumpuan ke arah mendidik orang awam tentang keperluan mengadakan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang betul, kos yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan dan peranan masyarakat dalam program kitar semula. Pelan induk kitar semula di peringkat kebangsaan akan diwujudkan bagi memperkukuh keupayaan dan kemampuan agensi berkaitan serta mewujudkan masyarakat yang komited ke arah mengurangkan sisa pepejal dan mencapai sasaran kitar semula sebanyak 22 peratus menjelang tahun 2020.

21.47 *Program Landskap dan Rekreasi.* Selaras dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia negara maju, bersih dan negara taman yang menarik, usaha akan terus diambil ke arah pembangunan landskap yang berkualiti. Dasar landskap negara yang komprehensif yang disokong dengan peraturan berkaitan akan digubal untuk memacu pelaksanaan program. Sehubungan ini, JLN akan memastikan perancangan untuk taman awam baru berpandukan kepada standard kawasan lapang dan kemudahan rekreasi serta selaras dengan pelan induk landskap di peringkat negeri. Taman awam dan kawasan landskap akan direka bentuk bagi memastikan mudah disenggara, mampan, menarik dan mudah digunakan oleh orang awam, termasuk warga tua dan orang kurang

upaya. Di samping itu, R&D mengenai landskap dan perancangan taman akan dipertingkatkan bagi memastikan kemajuan pembangunan landskap. PBT akan terus mengambil langkah untuk menggalakkan perkongsian pintar antara sektor swasta dan NGO untuk menaik taraf dan menyenggara taman awam. Langkah ini termasuk menyediakan peralatan taman permainan, membina litar kecergasan dan *gazebo* serta menyenggara laluan pejalan kaki.

#### *Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat*

21.48 Usaha akan terus diambil untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan bomba dan penyelamat bagi memenuhi keperluan keselamatan bomba dan standard antarabangsa. Dalam tempoh Rancangan, penekanan akan diberikan kepada membina balai bomba dan pengkalan operasi serta pembelian peralatan memadam kebakaran dan menyelamat yang lebih komprehensif. Bagi meningkatkan lagi profesionalisme dan kemahiran anggota bomba dalam memadam dan menyelamat, Akademi Bomba dan Penyelamat di Wakaf Tapai di Terengganu akan diperbesar untuk meningkatkan kapasiti latihan yang dilengkapi dengan teknologi bomba dan penyelamat terkini. Di samping itu, pusat R&D yang menjalankan R&D keselamatan dan kejuruteraan bomba akan ditubuhkan dalam tempoh Rancangan.

21.49 Kempen mencegah kebakaran akan terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi kesedaran awam tentang kepentingan mengambil langkah pencegahan kebakaran. Langkah akan diambil untuk menyebarkan maklumat mengenai pencegahan dan perlindungan kebakaran melalui media massa dan bahan bercetak. Jabatan Bomba dan Penyelamat akan menjalankan pameran dan sesi latihan menggunakan kenderaan pameran bergerak. Bagi menggalakkan penyertaan orang awam dalam aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, lebih banyak brigid sukarelawan bomba dan penyelamat akan diwujudkan, terutamanya di kawasan subbandar dan kawasan perumahan.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN**

21.50 Dalam tempoh Rancangan, KPKT akan memainkan peranan utama dalam melaksanakan program perumahan kos rendah dan menyediakan perkhidmatan bandar termasuk perkhidmatan bomba dan penyelamat manakala Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menjadi agensi utama bagi perumahan luar bandar. Penyediaan perumahan kerajaan dan kediaman anggota sektor awam pula akan dikendalikan oleh pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan. Peruntukan sebanyak RM18.4 bilion bagi pembangunan perumahan dan perkhidmatan bandar akan disediakan seperti ditunjukkan dalam *Jadual 21-5*. Bagi program perumahan sektor awam, peruntukan sebanyak RM9.5 bilion akan disediakan dan daripada jumlah tersebut RM6.8 bilion untuk pembangunan perumahan kerajaan dan kediaman anggota sektor awam manakala

bakinya bagi rumah kos rendah dan rumah untuk golongan miskin tegar. Di samping itu, sebanyak RM9.0 bilion akan diperuntukkan bagi perkhidmatan bandar termasuk RM1.5 bilion untuk perkhidmatan bomba dan penyelamat.

JADUAL 21-5

**PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK  
PERUMAHAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR, 2001-2010  
(RM juta)**

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
<b>Perumahan</b>	<b>6,972.1</b>	<b>9,452.0</b>
Perumahan Awam	6,611.2	9,101.3
Perumahan Kos Rendah	3,242.3	2,256.5
Perumahan Kerajaan dan Kediaman Anggota Sektor Awam	3,368.9	6,844.8
Perumahan Luar Bandar	360.8	350.7
Perumahan Untuk Golongan Miskin Tegar	101.8	233.1
Penyatuan Semula Kampung dan Pusat Pertumbuhan Desa	259.0	117.6
<b>Perkhidmatan Bandar</b>	<b>7,093.0</b>	<b>8,993.0</b>
Pihak Berkuasa Tempatan	5,485.1	7,464.0
Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat	1,607.9	1,529.0
<b>Jumlah</b>	<b>14,065.1</b>	<b>18,445.0</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

21.51 Dalam tempoh RMKe-8, prestasi program perumahan secara keseluruhannya meningkat melepasi sasaran Rancangan. Pelaksanaan perumahan dan program perkhidmatan bandar telah menyumbang kepada peningkatan kualiti dan taraf hidup penduduk bandar dan luar bandar. Dalam tempoh RMKe-9, keutamaan akan terus diberikan kepada penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa untuk semua rakyat daripada pelbagai peringkat pendapatan dengan memberikan penekanan kepada golongan berpendapatan rendah. Usaha akan diambil untuk meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan bandar oleh PBT dan menggalakkan penyertaan masyarakat setempat dan sektor swasta yang lebih besar dalam pengurusan persekitaran tempat tinggal. Bagi memastikan penyediaan perkhidmatan memadam kebakaran dan menyelamat yang lebih baik, usaha meningkatkan keupayaan anggota bomba melalui pengetahuan dan kemahiran dalam aspek keselamatan dan kejuruteraan bomba akan ditingkatkan.

# MENGGALAKKAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR

# 22

## I. PENDAHULUAN

22.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), penerapan pertimbangan alam sekitar dalam perancangan dan pembangunan dipertingkatkan. Usaha ini membolehkan pelaksanaan pengurusan alam sekitar dan sumber asli yang lebih bersepadu dan menyeluruh. Keupayaan institusi dan rangka kerja kawal selia diperkukuh serta pendekatan dan instrumen perancangan baru diperkenal. Usaha mempromosi pembangunan mampan telah menempatkan Malaysia di kedudukan ke-38 di kalangan 146 negara di dunia dan kedua di Asia dari segi kemampanan alam sekitar<sup>1</sup>. Di samping itu, Kajian Indeks Prestasi Alam Sekitar<sup>2</sup> meletakkan Malaysia di kedudukan kesembilan daripada 133 negara dari segi usaha untuk mengurangkan tekanan persekitaran ke atas kesihatan manusia dan memelihara daya hidup ekosistem.

22.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), selaras dengan prinsip kesembilan<sup>3</sup> Islam Hadhari, penjagaan alam sekitar akan terus digalakkan untuk memastikan keseimbangan antara keperluan pembangunan dengan alam sekitar dikekalkan. Tumpuan yang lebih diberi kepada langkah pencegahan bagi mengurangkan kesan negatif ke atas alam sekitar di punca, mempergiat usaha pemuliharaan dan mengurus sumber asli secara mampan. Usaha memupuk kerjasama lebih rapat di kalangan pihak berkepentingan untuk menangani isu alam sekitar akan diberi penekanan. Penggunaan instrumen perancangan alam sekitar seperti penilaian impak alam sekitar (EIA), penilaian strategik alam sekitar (SEA), analisis kos faedah, instrumen berasaskan pasaran dan pengauditan alam sekitar akan diperluas untuk menilai dan mengurangkan impak akibat aktiviti pembangunan. Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan dipergiat untuk terus menyokong pengurusan alam sekitar dan penggunaan sumber asli secara mampan. Usaha menambah baik perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan sumber asli akan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup.

<sup>1</sup> *Environmental Sustainability Index Study, 2005, Yale University.*

<sup>2</sup> *Environmental Performance Index Study, 2006, Yale University.*

<sup>3</sup> "Pemeliharaan alam semula jadi."

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

22.03 Dalam tempoh RMKe-8, penekanan diberi untuk menambah baik kualiti alam sekitar melalui pengurusan yang lebih mantap ke atas beberapa aspek yang diberi tumpuan utama, khususnya kualiti air dan udara, pengurusan sisa pepejal serta penggunaan teknologi bersih. Dari segi pengurusan sumber asli, langkah pemuliharaan dan penggunaan mampan diperkukuh, terutamanya untuk sumber biodiversiti, hutan dan air. Dasar Alam Sekitar Negara yang menggaris strategi untuk menggerakkan hala tuju pembangunan negara ke arah pembangunan mampan telah dilancarkan pada tahun 2002. Pada tahun 2004, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang baru ditubuhkan dengan menggabung 10 agensi alam sekitar dan sumber asli di bawah satu pentadbiran untuk memudahkan pendekatan pengurusan alam sekitar dan sumber asli yang terselaras dan komprehensif.

### Pengurusan Alam Sekitar

22.04 *Kualiti Udara.* Dalam tempoh Rancangan, kualiti udara kekal di tahap baik hingga sederhana seperti ditunjuk oleh Indeks Pencemaran Udara (API). Walau bagaimanapun, terdapat kejadian kemerosotan kualiti udara di Lembah Klang, Selangor dan Seberang Perai, Pulau Pinang, disebabkan peningkatan tahap kepadatan ambien ozon dan habuk terampai dari kenderaan bermotor, perindustrian dan pembakaran terbuka serta sulfur dioksida dari aktiviti perindustrian. Kejadian jerebu dari punca merentasi sempadan menjadi fenomena tahunan di beberapa kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Sehubungan ini, usaha dua hala diambil bagi mengenal pasti dan menangani punca jerebu yang merentasi sempadan. Langkah juga diambil untuk mengurangkan kejadian jerebu daripada punca domestik dengan penggubalan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) pada tahun 2003.

22.05 Punca bergerak kekal sebagai sumber utama bahan pencemar dari segi pelepasan karbon monoksida dan nitrogen oksida. Beberapa langkah diambil untuk mengurangkan pelepasan bahan pencemar daripada punca bergerak. Pada tahun 2004, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah diwartakan. Langkah juga diambil untuk menggubal undang-undang bagi mengurangkan kandungan sulfur dalam minyak diesel daripada 0.3 peratus kepada 0.05 peratus. Loji jana kuasa merupakan punca utama pelepasan sulfur dioksida, diikuti kilang dan punca lain seperti hotel dan premis komersil. Dari segi habuk terampai (PM10), punca tetap termasuk industri dan loji jana kuasa, menyumbang hampir 90 peratus daripada keseluruhan pelepasan.

22.06 *Kualiti Air*. Punca utama pencemaran air sungai adalah pembuangan kumbahan domestik, bahan pencemar daripada industri berasaskan pertanian, larian air dari kerja-kerja tanah dan pembersihan kawasan serta pembuangan efluen dari aktiviti perkilangan. Usaha untuk mengurang dan mengawal pembuangan air tercemar dari sektor domestik tertumpu kepada kenaikan taraf loji rawatan kumbahan sedia ada dan membina loji baru. Dalam fasa pertama Projek Kumbahan Kebangsaan, empat loji rawatan kumbahan dan kemudahan rawatan kumbahan berpusat telah dibina. Di samping itu, 825 loji rawatan kumbahan dinaik taraf dan jumlah rangkaian rawatan kumbahan yang disenggara meningkat daripada 9,240 kilometer pada tahun 2000 kepada 14,560 kilometer pada tahun 2005. Langkah ini mengurangkan beban keperluan biokimia oksigen dalam sungai dan hasilnya bilangan sungai tercemar berkurang.


22.07 *Kualiti Air Marin*. Dalam tempoh Rancangan, kualiti air marin bertambah baik dari segi tahap kandungan arsenik, kuprum, *Escherichia coli* (*E.coli*), merkuri dan pepejal terampai. *E-coli* kekal sebagai pencemar utama air marin.

22.08 *Sisa Pepejal*. Jumlah sisa pepejal yang dijana di Semenanjung Malaysia meningkat daripada 16,200 tan metrik sehari pada tahun 2001 kepada 19,100 tan metrik sehari pada 2005 atau secara puratanya 0.8 kilogram per kapita sehari. Sisa pepejal di Malaysia secara purata terdiri daripada 45.0 peratus sisa makanan, 24.0 peratus plastik, 7.0 peratus kertas, 6.0 peratus besi, 3.0 peratus kaca dan bahan lain. Walaupun terdapat usaha bersepadu melalui Kempen Kebangsaan Kitar Semula untuk menggalakkan penggunaan semula, pengurangan dan pengitaran semula (3Rs) sisa pepejal, namun jumlah yang dikitar semula masih kurang daripada 5.0 peratus. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan telah membina dua tapak pelupusan sanitari di Seelong, Johor dan Bukit Tagar, Selangor, dan sebuah stesen pemindahan di Taman Beringin, Selangor.

22.09 *Sisa Toksik*. Dalam tempoh Rancangan, secara purata 430,000 tan metrik sisa berjadual dijana setiap tahun. Dari jumlah sisa berjadual yang dijana pada tahun 2004, kira-kira 18.8 peratus dirawat dan dilupus di loji rawatan dan pelupusan sisa toksik di Bukit Nanas, Negeri Sembilan, 58.0 peratus dikitar semula dan diperolehi semula di premis berlesen, 19.7 peratus dirawat dan disimpan di premis penjana, 0.7 peratus diekspot untuk dikitar semula dan 2.7 peratus dilupuskan di insinerator sisa klinikal. Pengitaran dan perolehan semula bahan dari sisa toksik mencatat peningkatan ketara daripada 29.0 peratus pada tahun 2001 kepada 58.0 peratus pada tahun 2004. Hasil usaha ini, rawatan dan penyimpanan sisa toksik di premis penjana berkurangan daripada 59.9 peratus pada tahun 2001 kepada 19.7 peratus pada tahun 2004, seperti ditunjukkan dalam *Carta 22-1*.

CARTA 22-1

**PENGURUSAN SISA BERJADUAL, 2001-2004**



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

22.10 *Bahan Kimia dan Bahan Berbahaya.* Penggunaan bahan kimia dan bahan berbahaya menunjukkan peningkatan, terutama dalam sektor pertanian. Jumlah baja yang diguna meningkat daripada 2.2 juta tan metrik pada tahun 2001 kepada 4.0 juta tan metrik pada tahun 2004. Amalan pertanian yang lebih baik diperkenal untuk mengurangkan penggunaan bahan kimia dan bahan berbahaya melalui Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM). Akta Racun Perosak 1974 disemak semula pada September 2004 untuk memperketat kawalan bahan racun perosak melalui pengenalan langkah pengendalian yang lebih selamat, denda kerana tidak mematuhi label keselamatan serta promosi ciri keselamatan dalam pengeluaran dan penjualan.

**Pengurusan Sumber Asli**

22.11 *Perancangan Guna Tanah.* Bagi mempertingkat lagi perancangan guna tanah bersepadu, Majlis Perancangan Fizikal Kebangsaan ditubuh pada tahun 2003 dan Pelan Fizikal Negara (PFN) 2005-2010 diguna pakai. Di samping itu, garis panduan untuk memelihara dan memulihara kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) dibangunkan. Sejumlah 86 pelan rancangan tempatan dan 14 pelan rancangan struktur yang menerapkan pertimbangan alam sekitar dan pemuliharaan

sumber asli telah disediakan. Selain itu, sebanyak 35 piawai dan garis panduan pembangunan mengenai alam sekitar, perumahan, pengangkutan, guna tanah, industri dan persekitaran perbandaran juga telah dikeluarkan dan dilaksana untuk menambah baik perancangan dan pembangunan bandar.

22.12 *Sumber Air*. Kerajaan mengguna pakai kaedah Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) untuk mengoptimumkan pengurusan sumber air serta menggubal Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Langat, Selangor. Satu kajian sumber air bawah tanah di negeri Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak dan Selangor disiapkan pada tahun 2002. Garis panduan untuk memasang sistem tadahan dan penggunaan air hujan juga diperkenal.

22.13 *Biodiversiti*. Majlis Biodiversiti-Bioteknologi Negara (MBBN) ditubuhkan pada tahun 2001 untuk menyelaraskan usaha pemuliharaan dan penggunaan mampan sumber biologi. Dasar Tanah Lembap Negara diperkenalkan pada tahun 2004 untuk memelihara dan memulihara kawasan tanah lembap serta menambah baik pengurusannya. Strategi Pemuliharaan dan Pengurusan Tanah Tinggi Kebangsaan di Semenanjung Malaysia telah disediakan dan Kajian Stesen Bukit di Semenanjung Malaysia dijalankan untuk menggalak pembangunan mampan di kawasan tanah tinggi. Sehubungan ini, sebanyak 109 projek pembangunan di kawasan tanah tinggi yang dilaksana oleh 12 Kementerian dipantau untuk memastikan strategi serta garis panduan tersebut diambil kira.

22.14 Bilangan kawasan perlindungan juga meningkat daripada 37 kepada 40 dengan penubuhan Taman Negeri DiRaja Belum di Perak, Taman Negara Pulau Pinang dan Taman Warisan Selangor. Berikutan ini, keluasan kawasan yang dilindungi meningkat kepada 5.36 juta hektar atau 16.3 peratus daripada keluasan tanah negara. Di samping itu, kawasan tanah lembap Tanjung Piai, Sungai Pulai dan Pulau Kukup di Johor, diisytihar sebagai tapak RAMSAR. Habitat kritikal lain seperti koridor hidupan liar di Gunung Bintang Hijau di Kedah-Perak dan Endau Rompin di Johor-Pahang serta kawasan paya air tawar dan tasik juga dikenal pasti untuk pemuliharaan. Bank genetik untuk spesies yang hampir pupus dan program pembiakan *ex-situ* ditubuhkan untuk melindungi spesies yang hampir pupus dan membantu penempatan semula spesies terancam.

22.15 *Sumber Hutan*. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 19.52 juta hektar atau 59.5 peratus daripada keluasan tanah di Malaysia kekal di bawah litupan hutan dengan 14.39 juta hektar daripadanya kawasan rizab hutan kekal dan 3.21 juta hektar kawasan dilindungi sepenuhnya. Selain daripada itu, seluas 310,550 hektar ladang hutan dibangunkan, iaitu 75,800 hektar di Semenanjung Malaysia, 174,750 hektar di Sabah dan 60,000 hektar di Sarawak. Sistem Kriteria, Petunjuk, Aktiviti dan Piawai Prestasi untuk Persijilan Pengurusan Perhutanan Malaysia (MC&I) dilancarkan pada tahun 2001 bagi memperaku kawasan hutan yang diurus secara mampan dan kayu balak yang dikeluarkan



mempunyai pengesahan rantaian penjagaan, dan 67 syarikat diberi perakuan MC&I sehingga tahun 2005. Langkah juga telah diambil untuk mempergiat pemuliharaan dan pemulihan hutan paya bakau untuk berfungsi sebagai benteng penahan pesisir pantai daripada hakisan, alunan ombak dan *tsunami*.

22.16 *Sumber Mineral.* Majlis Mineral Negara ditubuhkan pada tahun 2001 untuk memantau dan menyelaras tindakan mengurus sumber mineral termasuk dasar rezab mineral dan rangka kerja institusi bagi tadbir urus sumber mineral. Model Enakmen Mineral Negeri yang merangkumi prosedur dan pertimbangan aspek alam sekitar yang lebih baik diguna pakai oleh tiga negeri lagi, iaitu Johor, Kedah dan Negeri Sembilan, menjadikan jumlahnya lima. Peraturan Kuari menurut Kanun Tanah Negara 1965 juga diguna pakai oleh Selangor pada tahun 2003 dan Pahang pada tahun 2004 untuk menambah baik pengawalan operasi kuari.

22.17 *Sumber Marin dan Pantai.* Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 37 projek dilaksana untuk melindungi kawasan pantai daripada kemerosotan dan hakisan, termasuk pembinaan benteng pemecah ombak, penyuburan pantai dan pelebaran pesisir pantai khususnya bersempadan kawasan pertanian di Johor, Melaka, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Di samping itu, satu kajian perintis untuk menyediakan pelan pengurusan pesisir pantai bersepadu bagi kawasan utara pesisir pantai Pahang (ISMP) disiapkan manakala kajian untuk kawasan selatan pesisir pantai Pahang sedang dijalankan. Inisiatif lain untuk memelihara kepelbagaian marin termasuk penubuhan Taman Laut Tun Sakaran di Sabah dan penyediaan Panduan Hala Tuju Strategik Marin untuk mempergiatkan usaha R&D marin.

### **Inisiatif Lain**

22.18 *Kesedaran dan Promosi Alam Sekitar.* Dalam tempoh Rancangan, usaha untuk meningkat kesedaran terhadap alam sekitar dipergiat di peringkat sekolah, komuniti dan kebangsaan. Pada tahun 2002, Pertubuhan NGO Alam Sekitar Malaysia (MENGOs) diwujudkan untuk menggabung 18 badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan alam sekitar bertujuan mengukuh kerjasama dan integrasi dalam usaha mereka bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu alam sekitar dan sumber asli serta memberi input, komen dan maklum balas kepada Kerajaan. Bagi menggalak pihak berkuasa tempatan mengguna pakai amalan mesra alam, program Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar dilancarkan pada tahun 2005 dan Kuantan, Pahang muncul sebagai penerima pertama anugerah tersebut.

22.19 *Inisiatif Alam Sekitar Antarabangsa.* Malaysia terus memainkan peranan aktif dalam berbagai-bagai inisiatif alam sekitar di peringkat pelbagai hala dan khususnya menganjurkan Persidangan Ketujuh Parti-Parti Konvensyen

Kepelbagaian Biologi dan Mesyuarat Pertama Parti-Parti Protokol Cartagena pada Februari 2004. Dalam tempoh Rancangan, beberapa perjanjian pelbagai hala mengenai alam sekitar dan pindaan berkaitan telah ditandatangani termasuk Konvensyen Stockholm Mengenai Pencemar Organik Yang Berkekalan. Di samping itu, Protokol Montreal Mengenai Bahan-Bahan Yang Memusnahkan Lapisan Ozon; Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Buangan Berbahaya Merentasi Sempadan dan Pelupusannya; Konvensyen Rotterdam Mengenai Peraturan Persetujuan Pemberitahuan Terlebih Dahulu Bagi Bahan Kimia Berbahaya Dan Racun Perosak Tertentu Dalam Perdagangan Antarabangsa; Protokol Kyoto kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim dan Protokol Cartagena berkenaan Biokeselamatan telah diratifikasi.

### III. PROSPEK, 2006-2010

22.20 Dalam tempoh RMKe-9, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada langkah pencegahan untuk mengurang dan meminimumkan pencemaran serta menangani impak negatif lain kepada alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti pembangunan. Di samping itu, langkah akan diambil untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan bagi menggalak amalan pengurusan mampan sumber asli berkaitan sumber tanah, air, hutan, tenaga dan marin. Usaha ini akan meningkat perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan sumber asli serta menyumbang kepada penambahbaikan kualiti hidup. Teras strategik bagi menangani isu alam sekitar dan sumber asli akan bertumpu kepada:

- ❑ *menggalak persekitaran hidup yang sihat;*
- ❑ *mengguna sumber secara mampan dan memulihara habitat kritikal;*
- ❑ *memperkukuh rangka kerja institusi dan kawal selia serta mempergiat penguatkuasaan;*
- ❑ *memperluas penggunaan instrumen berasaskan pasaran;*
- ❑ *membangunkan petunjuk pembangunan mampan yang sesuai; dan*
- ❑ *menyemai budaya dan amalan mesra alam sekitar di semua peringkat masyarakat.*

#### **Pengurusan Alam Sekitar**

22.21 *Kualiti Udara.* Pelan Tindakan Udara Bersih akan disediakan dan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti udara. Kajian terperinci akan dijalankan untuk merangka pelan tindakan bagi meningkatkan kualiti udara di kawasan bandar. Pelepasan

bahan pencemar udara daripada punca tetap akan ditangani dengan menggalakkan penggunaan teknologi bersih. Kandungan sulfur dalam minyak disel akan dikurang daripada 3,000 ppm kepada 500 ppm, manakala bagi minyak petrol daripada 1,500 ppm kepada 500 ppm berdasarkan spesifikasi EURO 2M. Piawai baru pelepasan berasaskan EURO 2 untuk kenderaan disel dan EURO 3 untuk kenderaan petrol akan juga diperkenal bagi mengurangkan pelepasan bahan pencemar udara daripada punca bergerak. Di samping itu, kemampuan dan keupayaan mengawal kebakaran di tanah gambut yang merupakan punca jerebu domestik akan diperkukuh.

*22.22 Kualiti Air.* Penggunaan pendekatan pengurusan lembangan sungai bersepadu (IRBM) akan dipergiat untuk menambah baik kualiti air sungai dan air bawah tanah. Usaha akan ditumpu ke arah mengurang bilangan sungai tercemar. Sistem pembentungan awam akan dinaik taraf dan lebih banyak loji rawatan kumbahan berpusat akan dibina untuk mengurangkan pelepasan air buangan yang tidak dirawat ke dalam sistem sungai. Perangkap am pencemar dan kolam pemendapan akan dibina di kawasan kritikal di lembangan sungai untuk mengurangkan aliran keluar punca pencemar tak diketahui. Pengawasan pengelodakan dan hakisan akan ditangani melalui pindaan undang-undang sedia ada. Penguatkuasaan akan dipertingkatkan lagi untuk memastikan pelepasan efluen mematuhi piawai alam sekitar supaya kualiti alam sekitar dikekalkan.

*22.23 Kualiti Air Marin.* Piawai interim kualiti air marin akan dikaji semula ke arah pewujudan piawai kualiti yang komprehensif. Kajian terperinci akan dijalankan untuk menetapkan metodologi serta paramater yang bersesuaian dengan mengambil kira beban bahan pencemar dan keadaan tempatan. Di samping itu, pengawasan perairan marin akan dipergiat bagi meningkatkan pematuhan dan pengawasan pelepasan bahan pencemar secara haram.

*22.24 Sisa Pepejal.* Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan (Pelan Strategik) akan dilaksana dengan penekanan kepada usaha menaik taraf tapak pelupusan yang tidak sanitari serta pembinaan tapak pelupusan sanitari baru dan stesen pemindahan dengan kemudahan bersepadu perolehan semula bahan buangan. Keutamaan akan terus diberi kepada pengurangan, penggunaan semula, perolehan semula dan pengitaran semula sisa serta peningkatan penggunaan bahan mesra alam seperti bioplastik. Undang-undang bagi menyelaraskan pengurusan sisa pepejal akan digubal bagi melicinkan pelaksanaan strategi dan langkah yang terkandung dalam Pelan Strategik tersebut. Kempen dan aktiviti bagi meningkat kesedaran akan dipergiat untuk mendidik orang awam mengenai manfaat mengamalkan penggunaan secara mampan. Jabatan sisa pepejal akan ditubuh untuk melaksanakan langkah tersebut dan mentadbir dasar, perancangan dan pengurusan sisa pepejal secara holistik.

22.25 *Bahan Toksik, Kimia dan Berbahaya.* Keupayaan agensi berkenaan dalam mengurus bahan toksik dan berbahaya akan diperkukuh lagi dengan mengguna pakai sistem global yang seragam untuk pendaftaran import, pengangkutan dan pengendalian bahan kimia dan bahan berbahaya secara selamat. Langkah juga akan diambil untuk membentuk rangka kerja bagi memudahkan penggunaan pendekatan dan teknologi untuk merawat dan mengubahsuai sisa toksik kepada sumber yang boleh diguna semula. Di samping itu, langkah menangani kegunaan sembarangan bahan kimia khususnya dalam sektor pertanian akan dipergiat.

22.26 *Teknologi Bersih.* Bagi mempromosi penggunaan teknologi mesra alam secara meluas, industri akan digalakkan untuk mengguna pakai langkah swakawal dan menggunakan Pendekatan Kitaran Hidup (LCA) dalam proses pengeluaran dan pembangunan produk. SIRIM Berhad akan membangun Pangkalan Data Inventori Kitaran Hidup Kebangsaan untuk industri dan aktiviti utama seperti penjanaan elektrik, bekalan air, cari gali dan pengeluaran petroleum dan gas asli serta petrokimia. Pangkalan data tersebut akan membantu usaha industri untuk membangun LCA dalam proses pengeluaran dan pengilangan. Di samping itu, penemuan daripada projek perintis ekolabel akan diguna untuk membangun skim pelabelan alam sekitar kebangsaan. Langkah juga akan diambil untuk membantu dalam mengguna pakai teknologi bersih oleh enterpris kecil dan sederhana (EKS) termasuk mengenal pasti sumber pembiayaan baru daripada Bank SME.

### **Pengurusan Sumber Asli**

22.27 *Perancangan Guna Tanah.* Pelaksanaan pendekatan pembangunan spatial yang mengintegrasikan konsep dan metodologi pembangunan mampan akan digalakkan. Strategi yang terkandung dalam PFN akan dilaksana dengan menerapkannya dalam pelan struktur. Kaedah dan parameter yang sesuai akan dibangun untuk mengenal pasti dan mengurus KSAS bagi membolehkannya menjadi zon tebatan dalam pengawalan penyelerakan pembangunan. Pengurusan sumber tanah akan ditambah baiki melalui peluasan pelaksanaan program e-Tanah dan mewujudkan pentadbiran tanah yang kompeten melalui latihan.

22.28 *Lanskap.* Dasar Lanskap Negara akan dijadikan panduan pembangunan taman bandar pada peringkat bandar, daerah dan negeri. Rizab kawasan hijau akan diperluas serta sungai, jalan, bangunan awam dan kemudahan awam akan dilanskap untuk menambah baik alam sekitar. Bekas tapak lombong dan kuari yang sesuai akan dipulihara dan ditambah baik supaya menjadi tapak warisan geologi dan tarikan ekopelancongan.

22.29 *Sumber Air*. Penekanan akan diberi untuk mengekal dan meningkatkan fungsi ekosistem sungai melalui pemulihan dan penyenggaraan tadahan tanah tinggi, tanah lembap, tebatan sungai dan zon riparian. Kesesuaian instrumen berasaskan pasaran akan dikaji untuk mengambil kira kos alam sekitar, termasuk kekurangan, ke dalam sistem harga air. Langkah untuk mengurangkan permintaan air akan diberi penekanan termasuk melalui pemberian rebat cukai untuk industri yang mengitar semula air.

22.30 *Biodiversiti*. Usaha memelihara habitat kritikal akan dipergiat. Sehubungan ini, pelan pengurusan sedia ada akan dikaji semula bagi memperkukuh lagi perlindungan flora dan fauna yang terancam. Proses EIA akan dikaji semula untuk merangkumi penilaian impak terhadap ekosistem. Kajian Strategi Pemuliharaan dan Pengurusan Tanah Tinggi di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan dan Dasar Tanah Tinggi Negara akan digubal. Garis Panduan Akses dan Perkongsian Manfaat Sumber Biologi akan disediakan bagi memastikan perkongsian saksama manfaat daripada penggunaan sumber biodiversiti dan menangani isu biorompak. Institusi penyelidikan dan universiti akan membangun inventori biodiversiti komprehensif untuk membantu biopenerokaan.

22.31 *Sumber Hutan*. Pemuliharaan dan penggunaan secara mampan produk hutan dan kawasan tadahan air akan diberi penekanan untuk menggalakkan pengurusan hutan secara mampan. Pembangunan sumber kekayaan yang mampan daripada produk hutan seperti produk herba dan ubat-ubatan, aktiviti ekopelancongan dan biopenerokaan akan digalakkan. Pusat Produk Hutan dan Bukan Hutan akan ditubuh untuk meningkatkan keupayaan pengurusan alam sekitar dan sumber asli. Sistem MC&I akan diperkukuh untuk memantapkan usaha pengurusan hutan secara mampan.

22.32 *Sumber Mineral*. Pendekatan sinergistik akan diambil untuk meneraju pembangunan industri sumber mineral secara mampan. Penerapan amalan mesra alam akan diberi penekanan dengan mengguna pakai Enakmen Mineral dan Peraturan Kuari oleh semua negeri.

22.33 *Sumber Marin dan Pantai*. Dasar Pengurusan Bersepadu Zon Pesisir Pantai akan diperkenalkan untuk menggalak pemuliharaan dan pengekal sumber marin dan pesisir pantai. Pemulihan dan pembaikpulihan pesisir pantai akan dipertingkat melalui program penanaman dan penghijauan semula. Pelan pengurusan hutan bakau dan hutan pesisir pantai komprehensif akan dibangun untuk menangani kadar susutan hutan bakau bagi menjamin bekalan sumber yang berterusan serta mengurangkan kesan dari hakisan pantai dan *tsunami*. Indeks Keterancaman Pesisir Pantai akan dibangun untuk memandu reka bentuk program pengurusan zon pesisir pantai.

## Inisiatif Lain

22.34 *Pendekatan Ekonomi.* Langkah akan diambil untuk memperluas penggunaan instrumen ekonomi dan langkah berasaskan pasaran seperti penerapan prinsip pencemar bayar, fi pengguna dan teknik penilaian ekonomi untuk menangani isu alam sekitar secara berkesan dan cekap. Penggunaan mekanisme pembiayaan yang inovatif akan dikaji untuk membantu pemuliharaan kawasan kritikal yang dilindungi. Kajian dan projek perintis akan dijalankan untuk melaksanakan instrumen inovatif berasaskan pasaran.

22.35 *Kesedaran dan Promosi Alam Sekitar.* Dalam tempoh Rancangan, usaha mempromosi dan memupuk budaya dan amalan mesra alam di kalangan rakyat Malaysia akan dipergiat dengan penglibatan aktif sektor swasta dan NGO. Tindakan dan perubahan yang sesuai akan diambil melalui kurikulum pendidikan di sekolah bagi menanam kesedaran yang lebih mendalam terhadap keperluan pemeliharaan alam sekitar. Sektor swasta akan digalakkan untuk menganjurkan program kesedaran penjagaan di kalangan industri dan syarikat bagi meningkatkan tahap penjagaan yang lebih tinggi terhadap keselamatan awam dan alam sekitar. Di samping itu, tenaga, ide dan kesungguhan NGO alam sekitar akan digembeng bagi melengkapi usaha Kerajaan memelihara alam sekitar.

22.36 *Petunjuk Pembangunan Mampan.* Sistem petunjuk pembangunan mampan Malaysia akan dibangun dan ditanda aras dengan inisiatif antarabangsa yang sedia ada untuk memastikan supaya setanding. Sehubungan ini, satu kajian komprehensif akan dijalankan untuk menilai ketepatan, kesesuaian, dan faedah mengguna kaedah penilaian seperti perakaunan sumber asli, pengauditan alam sekitar dan model berasaskan tindak balas terhadap keadaan tekanan untuk memantau pembangunan mampan dalam Malaysia.

22.37 *Inisiatif Alam Sekitar Antarabangsa.* Malaysia akan meneruskan penekanan terhadap kerjasama serantau dan antarabangsa untuk menangani isu alam sekitar serantau dan global. Perbincangan dan perkembangan di pelbagai fora alam sekitar akan dipantau rapi untuk memastikan kepentingan Malaysia tidak terjejas. Tumpuan akan diberi terhadap kajian dan langkah yang perlu bagi membantu tindakan Malaysia memenuhi komitmennya dalam perjanjian alam sekitar pelbagai hala.


## IV. INSTITUSI PELAKSANA

22.38 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berserta 10 agensinya akan memainkan peranan utama dalam menggalakkan penjagaan alam sekitar dan mengekalkan keseimbangan antara keperluan pembangunan dengan alam sekitar. Kementerian tersebut bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan akan memastikan supaya alam sekitar diambil kira dalam perancangan dan pembangunan guna tanah. Jabatan Perhutanan dan Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) akan menjadi agensi peneraju dalam usaha pemuliharaan biodiversiti. Sektor korporat dan pihak NGO berkaitan alam sekitar akan digalakkan untuk menambah dan melengkap usaha agensi tersebut.

## V. PENUTUP

22.39 Dalam tempoh RMKe-8, penekanan diberi untuk menambah baik kualiti alam sekitar melalui pengurusan yang lebih baik dalam bidang yang diberi perhatian utama khususnya kualiti udara dan air, pengurusan sisa pepejal serta penggunaan teknologi bersih. Usaha juga dipergiat untuk melindungi dan memulihara sumber tanah, air, biodiversiti dan hutan. Dalam RMKe-9, Kerajaan akan memberi penekanan kepada langkah pencegahan yang dapat mengurangkan dan meminimumkan pencemaran. Penggalakkan amalan pengurusan sumber asli secara mampan berkaitan dengan sumber tanah, air, hutan, tenaga dan marin akan dipergiat. Kerjasama yang lebih rapat akan dipupuk dengan pihak berkepentingan dan NGO dalam menangani isu alam sekitar dan sumber asli. Usaha tersebut akan meningkatkan perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan sumber asli serta menyumbang ke arah menambah baik kualiti hidup.



# MEMPERKAYAKAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

# 23

## I. PENDAHULUAN

23.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), pembangunan budaya dan seni digalakkan untuk memperkukuh identiti nasional di samping memererat perpaduan nasional, harmoni dan integrasi. Pelbagai aspek kebudayaan dan kesenian dibangunkan bagi menawarkan produk dan perkhidmatan yang luas untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan. Sehubungan ini, usaha gigih dalam memulihara warisan budaya negara, penyebaran maklumat kebudayaan dan pembangunan budaya dan seni telah diambil.

23.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), penekanan yang lebih akan diberi kepada pembangunan budaya, seni dan warisan. Penekanan ini adalah selaras dengan Misi Negara untuk membangun modal insan yang bukan sahaja berpengetahuan dan berdaya saing dari segi ekonomi, tetapi juga berketerampilan progresif dan bernilai murni termasuk nilai budaya positif. Industri berkaitan kebudayaan, kesenian dan warisan terutamanya kraf juga akan digalakkan sebagai satu sumber pertumbuhan ekonomi. Penghayatan terhadap budaya, seni dan warisan akan dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan negara yang lebih besar dalam membina kesedaran terhadap sejarah dan warisan serta masa depan untuk dikongsi bersama oleh semua rakyat Malaysia. Kerajaan juga akan membangunkan persekitaran budaya dan seni tempatan yang sihat bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Penyertaan aktif sektor swasta, badan bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat dalam program dan aktiviti berkaitan budaya, seni dan warisan akan digalakkan, sementara usaha naik taraf sumber dan infrastruktur budaya akan dipergiat.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

23.03 Dalam tempoh RMKe-8, pelbagai program kebudayaan, kesenian dan warisan dilaksana bagi meningkatkan minat orang ramai terhadap seni dan



budaya serta pemuliharaan warisan negara. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyatukan dasar dan program bagi menggiatkan lagi budaya, seni dan warisan negara serta menggubal strategi baru bagi meningkatkan akses rakyat kepada seni.

## **Seni dan Budaya**

### *Kesedaran dan Penghayatan Terhadap Seni dan Budaya*

23.04 Selaras dengan usaha untuk mewujudkan masyarakat yang kaya dengan budaya, pelbagai program dilaksanakan untuk meningkatkan penghayatan terhadap seni dan budaya di kalangan rakyat Malaysia di semua peringkat. Sehubungan ini, aktiviti berkaitan seni dan budaya dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan kampung. Dalam tempoh Rancangan, empat taman budaya yang baru telah ditubuhkan di Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak tujuh taman di seluruh negara. Taman budaya ini menjadi tempat untuk memperkenalkan aktiviti kesenian dan kebudayaan serta menganjurkan program latihan dan bina upaya untuk memupuk bakat dalam seni persembahan.

23.05 Dalam usaha untuk memupuk penghayatan dan cintakan budaya di kalangan generasi muda, pelbagai program dan aktiviti kebudayaan seperti kelab kebudayaan terus dianjurkan di sekolah rendah dan menengah. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 220 Kumpulan Tunas Budaya baru dengan 10,200 pelajar telah ditubuhkan di sekolah rendah dan 77 Kelab Kesenian Sekolah dengan 2,860 pelajar di sekolah menengah. Bantuan dalam bentuk latihan, khidmat nasihat dan kostum serta peralatan juga disediakan. Pelajar yang terlibat dalam aktiviti ini diberi peluang untuk membuat persembahan dalam majlis rasmi di peringkat negeri dan daerah sebagai usaha untuk menyebarkan kesedaran dan penghayatan budaya dan seni di kalangan lebih ramai rakyat Malaysia.

### *Bina Upaya dan Latihan*

23.06 Akademi Seni Kebangsaan (ASK) terus menyediakan kursus di peringkat sijil dan diploma dalam bidang teater, penulisan kreatif, tarian dan muzik serta *cinematography* bagi menggalakkan lagi pembangunan seni kreatif dan persembahan serta menyediakan tempat untuk mengasah bakat kreatif. Dalam tempoh Rancangan, seramai 485 pelajar telah mengikuti latihan di akademi, sementara 157 pelajar telah tamat kursus dalam pelbagai bidang. Di samping itu, kursus dan program sedia ada dalam bidang seni persembahan dan seni halus yang dijalankan di institusi pendidikan tinggi diperluas kepada bidang baru seperti pemodelan grafik berkomputer, seni video digital serta pemasaran dan pengurusan. Kursus dan program ini menyediakan peluang yang lebih kepada pelajar untuk mengembangkan bakat mereka.

### *Seni Persembahan*

23.07 Bagi menyokong industri pelancongan dan memberi peluang kepada rakyat Malaysia meningkatkan penghayatan terhadap seni dan budaya, usaha terus diambil oleh Kerajaan dan sektor swasta untuk membangunkan infrastruktur hiburan bertaraf dunia bagi pementasan pertunjukkan bertaraf antarabangsa. Istana Budaya yang dilengkapi dengan peralatan moden dan terkini terus menjadi tempat penting untuk pementasan seni persembahan dan pelbagai pertunjukan kebudayaan. Dalam tempoh Rancangan, sebanyak 96 persembahan dipentaskan di Istana Budaya meliputi muzikal, konsert dan tarian yang berjaya menarik lebih daripada 403,400 penonton. Sektor swasta juga turut menyumbang kepada kepelbagaian seni persembahan dengan penubuhan Pusat Seni Persembahan Kuala Lumpur pada tahun 2005.

### *Seni Tampak*

23.08 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai pameran, seminar, bengkel, pertandingan dan aktiviti seni dianjurkan untuk memupuk minat dalam seni tampak. Sejumlah 142 pameran telah dianjurkan yang dikunjungi lebih daripada 866,500 pengunjung. Setiap pameran mempunyai pendekatan dan tema yang berbeza dan mempamerkan bakat dan pemikiran kreatif artis tempatan dan antarabangsa. Balai Seni Lukis Negara (BSLN) terus mengumpul, memelihara dan mempamerkan hasil kerja seni serta memupuk kesedaran dan penghayatan di kalangan semua lapisan masyarakat. Di samping itu, BSLN juga telah memperkenalkan Laman Seni Kuala Lumpur, sebuah pasar seni yang diadakan pada setiap bulan dan mendapat sambutan purata 2,000 pelawat sebulan.

### *Perpaduan Negara*

23.09 Menyedari bahawa penghayatan dan menghormati budaya pelbagai etnik di Malaysia adalah penting dalam memupuk identiti Malaysia yang unik, perayaan kebudayaan dan keagamaan kumpulan etnik utama di Malaysia terus disambut di peringkat kebangsaan. Sehubungan ini, Kerajaan menganjur Rumah Terbuka Malaysia bagi menyambut perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Gawai dan Tadau Kaamatan. Sambutan perayaan ini menunjukkan semangat perpaduan negara dan harmoni yang wujud dalam masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai budaya.

### **Warisan**

23.10 Bagi memperkukuh dan memupuk penghayatan kepada budaya dan warisan di kalangan rakyat Malaysia, usaha telah diambil untuk memelihara dan memulihara produk kebudayaan seperti tapak warisan, monumen dan artifak,

terutamanya yang mempunyai kepentingan sejarah. Sehubungan ini, 63 monumen dan 25 tempat bersejarah dipelihara, dipulihara dan dinaik taraf untuk manfaat negara serta sebagai tarikan pelancong. Produk ini termasuk Rumah Merdeka di Alor Star, Kedah iaitu rumah asal Perdana Menteri pertama yang telah dibaik pulih menjadi sebahagian daripada Memorial Tunku Abdul Rahman.

23.11 Di samping menyenggara muzium sedia ada, muzium dan arkib baru juga diwujudkan bagi menunjukkan pencapaian Malaysia serta menjadi pusat untuk memelihara dan mendokumen sejarah negara. Bagi mempamerkan pencapaian Malaysia dalam industri automatif, Muzium Automobil Nasional telah dibina di Kompleks Litar Antarabangsa Sepang. Muzium tersebut dibuka kepada orang ramai pada tahun 2004 dan menarik lebih daripada 34,500 pengunjung. Penubuhan Arkib Negara cawangan Kedah/Perlis pada tahun 2003 dan Arkib Negara cawangan Sabah pada tahun 2005 telah memudahkan koleksi, pemerolehan dan pemeliharaan rekod negara bagi tujuan penyelidikan. Di samping itu, Muzium Kesenian Islam menyumbang ke arah mempromosi seni dan artifak Islam tempatan dan asing. Langkah juga diambil mewujudkan kesedaran mengenai kekayaan warisan budaya negara dengan penyebaran maklumat dan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti seperti seminar dan bengkel.

### **III. PROSPEK, 2006-2010**

23.12 Dalam tempoh RMKe-9, penumpuan yang lebih akan diberi untuk mempertingkatkan peranan budaya dan seni dalam kehidupan rakyat Malaysia serta menggalakkan industri berkaitan budaya dan seni. Penumpuan ini adalah kerana penglibatan aktif semua golongan dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian juga menyumbang ke arah membangun individu secara total, mempererat perpaduan negara serta mempertingkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Sehubungan ini, usaha lebih gigih akan diambil bersama sektor swasta bagi mewujudkan kesedaran dan penghayatan yang lebih baik terhadap kekayaan warisan budaya negara. Dengan demikian, teras strategik untuk tempoh RMKe-9 adalah seperti berikut:

- memupuk nilai budaya positif di kalangan rakyat Malaysia;*
- memperkuhkan penghayatan budaya, seni dan warisan di kalangan rakyat Malaysia;*
- memelihara dan memulihara produk warisan ketara dan tidak ketara;*
- memajukan industri kraf dan menggalakkan produk kraf untuk pasaran dunia;*
- membangunkan industri kebudayaan yang kreatif, dan*
- mengukuhkan program bina upaya bagi memastikan pembangunan budaya, seni dan warisan yang mampan dan berterusan.*

## **Pemupukan Nilai Budaya yang Positif**

23.13 Usaha yang berterusan untuk membangun nilai budaya yang positif dan mewujudkan satu Bangsa Malaysia adalah penting untuk mengekalkan perpaduan negara dan keharmonian dalam mencapai matlamat pembangunan terutamanya dalam suasana kepelbagaian etnik di Malaysia. Sehubungan ini, beberapa kempen budi bahasa dan integriti ke arah memperkukuh nilai sosial dan sikap akan diberi penekanan. Kempen dan program lain yang berkaitan akan memberi tumpuan kepada perlunya rakyat Malaysia mengamalkan sikap bertolak ansur, hormat-menghormati dan nilai positif lain yang perlu untuk mengekal perpaduan negara, keharmonian sosial dan kemuafakatan.

## **Pengukuhan Penghayatan Budaya, Seni dan Warisan**

23.14 Bagi memupuk penghayatan yang lebih baik kepada budaya, seni dan warisan di kalangan rakyat Malaysia, akses kepada aktiviti kesenian dan kebudayaan akan ditingkatkan manakala penglibatan aktif kesemua komuniti akan digalakkan. Sehubungan ini, Program Merakyatkan Seni dan Budaya yang bertujuan untuk mendekatkan kembali seni kepada masyarakat serta menjadikan seni sebahagian daripada kehidupan seharian akan dilaksanakan. Aktiviti ini merangkumi persembahan seperti tarian tradisional dan moden, drama dan muzik serta aktiviti berkaitan seni dan kraf dan akan melibatkan masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar.

23.15 Program untuk mendidik dan menghebahkan kepentingan dan penghayatan nilai budaya, seni dan warisan di kalangan belia akan diberi penekanan yang lebih dalam tempoh RMKe-9. Bagi mencapai tujuan ini, langkah gigih akan diambil oleh agensi berkaitan untuk menambah bilangan yang dilatih dalam pelbagai bidang berkaitan budaya dan seni. Mereka ini akan dihantar kepada beberapa sekolah di bawah program Tunas Budaya bagi melatih pelajar dalam bidang kesenian. Program ini menghubungkan komuniti seni dengan sektor pendidikan bagi menyokong pembangunan profesional pendidik seni dan penyedia pendidikan seni. Di samping itu, program yang sama akan diperluas meliputi kakitangan sektor awam dan belia bagi meningkatkan akses mereka terhadap seni. Perkongsian strategik antara kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, organisasi berasaskan seni dan masyarakat berserta sektor swasta akan diwujudkan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini.

23.16 Untuk meningkatkan penghayatan seni dan budaya terutamanya di peringkat akar umbi, pelbagai program jangkauan seperti Laman Seni Kuala Lumpur akan dipergiat dan diperluaskan ke semua negeri. Bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan serta kefahaman dalam seni tampak dan persembahan, beberapa program interaktif melibatkan penyertaan belia, masyarakat

dan sektor swasta akan dilaksanakan. Selaras dengan dasar yang diluluskan, langkah bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai hab budaya dan aktiviti kesenian akan diambil dalam tempoh RMKe-9.

23.17 Seni persembahan juga merupakan jentera bagi pemuliharaan dan penyebaran budaya di samping sebagai sumber hiburan dan penghayatan kebudayaan kepada individu. Sehubungan ini, peranan Istana Budaya sebagai pusat kecemerlangan bagi pementasan seni persembahan yang berkualiti tinggi akan diperkukuhkan. Usaha yang berterusan akan diambil untuk menarik lebih banyak pementasan asing menggunakan Istana Budaya sebagai tempat persembahan yang akan menyumbang ke arah menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab budaya serantau. Bagi meningkatkan akses rakyat kepada seni serta kesedaran mengenai kemudahan yang canggih di Istana Budaya, aktiviti promosi yang agresif dengan tumpuan kepada penerbitan tempatan dan asing akan dilakukan. Usaha ini adalah selaras dengan langkah untuk mewujudkan kawasan budaya di dalam dan persekitaran Istana Budaya.

### **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Produk Warisan**

23.18 Akta Warisan Negara 2005 yang dikuatkuasa pada bulan Mac 2006 akan membolehkan satu pendekatan pemeliharaan dan pemuliharaan produk warisan negara yang ketara dan tidak ketara secara lebih selaras dan bersepadu. Akta ini meliputi langkah penguatkuasaan bagi memastikan amalan pemeliharaan dan arkeologi mematuhi piawaian dunia. Pelaksanaan Akta ini akan memudahkan proses mengenalpasti dan menentukan bangunan, monumen dan tapak yang mempunyai kepentingan sejarah untuk diwartakan sebagai zon bersejarah.

23.19 Arkib Negara akan terus memelihara dan mengurus koleksi arkib sebagai warisan negara. Dalam tempoh Rancangan, Arkib Negara akan memberi tumpuan untuk menjadi pusat sumber dan penyelidikan yang menyediakan perkhidmatan perundingan kurator. Bagi tujuan ini, Arkib Negara akan mempelbagai dan meningkatkan kualiti koleksi dan perkhidmatannya serta memperluaskan kepakarannya dalam pelbagai bidang berkaitan. Berikutan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, penyimpanan rekod elektronik dan pemeliharaan dokumen kerajaan yang mempunyai nilai sejarah secara digital pada fasa kedua akan dilaksanakan. Di samping itu, Pusat Dokumentasi Pandang Dengar akan ditubuhkan sebagai pusat penyimpanan rekod.

23.20 Sebagai satu usaha untuk memupuk kesedaran dan penghayatan yang tinggi terhadap kekayaan warisan budaya negara, Muzium Tekstil akan ditubuh pada tahun 2006. Muzium ini akan membantu menyebarkan pengetahuan dan maklumat serta menggalakkan penyelidikan mengenai tenunan, songket dan batik dan akan mempamerkan tekstil dari seluruh negara. Muzium ini juga menjadi pusat sumber yang baik kepada pelajar, penyelidik, ahli akademik dan pengusaha kraf.

## **Pengukuhan Industri Kraf dan Promosi Kraf Untuk Pasaran Dunia**

23.21 Dalam tempoh RMKe-9, usaha yang berterusan akan diambil untuk membangun dan meningkatkan kualiti kraf Malaysia. Usaha ini meliputi penyelidikan dan pembangunan mengenai kaedah baru bagi meningkatkan kemahiran pertukangan serta membangunkan reka bentuk dan teknologi baru. Usaha mempromosi kraf Malaysia di pasaran tradisi dan baru akan dilaksanakan secara meluas dengan kerjasama sektor swasta. Kaedah pemasaran yang inovatif dan kreatif serta penjenamaan kraf negara akan diusahakan.

## **Pembangunan Industri Kebudayaan Yang Kreatif**

23.22 Malaysia mempunyai sumber budaya yang kreatif dan luas dalam bidang seni persembahan, seni halus dan seni tampak, kaligrafi Islam dan penulisan Jawi, filem, pendidikan seni, kesusasteraan dan kraf yang boleh dimaju dan diterokai. Dalam tempoh Rancangan, potensi ekonomi industri budaya kreatif akan terus dibangunkan melalui kerjasama erat antara sektor awam dan swasta. Bagi memudahkan pembangunan industri ini, Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang kondusif. Pihak industri akan digalakkan untuk mengguna pelbagai kemudahan di peringkat negeri seperti pusat kebudayaan negeri dan galeri untuk menjayakan aktiviti mereka. Di samping itu, Kerajaan juga akan menyediakan premis perniagaan kepada usahawan untuk mempromosi kraf dan barangan keluaran mereka.

23.23 Promosi dan pemasaran keluaran seni, budaya dan produk warisan di peringkat tempatan dan antarabangsa akan dipergiatkan melalui pelbagai kempen pemasaran dan penganjuran acara antarabangsa yang berprestij. Acara ini seperti Pesta KL, Pesta Filem Malaysia dan Hari Kraf Kebangsaan akan diadakan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab kebudayaan.

## **Pengukuhan Program Bina Upaya**

23.24 Selaras dengan aspirasi untuk mencapai kecemerlangan di kalangan profesional dalam bidang seni persembahan dan warisan, ASK akan dinaiktaraf kepada Akademi Seni Budaya dan Warisan. Kursus yang ditawarkan di akademi ini akan diperluaskan meliputi kursus di peringkat ijazah dalam bidang pengajian warisan merangkumi *museumology*, arkeologi dan sains arkib. Di samping itu, Akademi juga akan mempergiatkan latihan kemahiran untuk melahirkan tenaga professional yang berkualiti tinggi dalam bidang seperti pementasan dan pengurusan teater, pencahayaan dan bunyi, peralatan dan set penggambaran serta pemasaran yang berkesan. Untuk terus menggalak dan membangunkan industri filem tempatan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) akan memberi penekanan kepada aktiviti bina upaya untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang berkaitan filem.

23.25 Program bina upaya akan terus dilaksana di Institut Kraf Kebangsaan serta melalui pelbagai program pembangunan usahawan bagi menyumbang kepada pembangunan artisan berkemahiran teknologi bagi menghadapi cabaran masa depan. Satu program khas, iaitu Skim Perantisan Warisan Kraf akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan untuk memberi kemahiran di samping memelihara seni dan kraf tradisional.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

23.26 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan terus menjadi agensi utama dalam melaksana program dan projek yang berkaitan dengan budaya, seni dan pemeliharaan warisan negara. Usaha ini akan dilaksanakan bersama Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Penerangan serta kerajaan negeri.

23.27 Dalam tempoh Rancangan, peruntukan sebanyak RM442.4 juta akan disediakan untuk program budaya, seni dan warisan, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 23-1*. Daripada jumlah ini, 63 peratus akan digunakan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya dan 37 peratus adalah untuk melaksana pelbagai program seni dan budaya di peringkat negeri dan daerah.

JADUAL 23-1

#### PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI PROGRAM KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN, 2001-2010 (RM juta)

<i>Program</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Kebudayaan dan Kesenian		
Taman Budaya	69.9	55.9
Balai Seni Lukis Negara	1.0	22.0
Akademi Seni Kebangsaan	39.7	20.0
FINAS	7.1	3.0
Kraf	67.0	63.5
Warisan		
Muzium	79.0	65.0
Arkib	105.1	113.0
Pemuliharaan Warisan Bersejarah	85.2	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>454.0</b>	<b>442.4</b>

Sumber : Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

23.27 Dalam tempoh RMKe-8, pelaksanaan program kebudayaan, kesenian dan warisan menyumbang kepada pengukuhan perpaduan negara serta menggalakkan industri pelancongan dalam negara. Dalam tempoh RMKe-9, menyedari bahawa budaya dan warisan adalah saling berkait dalam mengukuhkan tamadun negara, dan merupakan aspek penting dalam membangun rakyat Malaysia yang seimbang, bernilai murni dan berketerampilan progresif, fokus akan diberi untuk mempertingkatkan peranan budaya, seni dan warisan dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia. Bagi mempermudahkannya, kerjasama strategik antara sektor awam dan sektor swasta serta masyarakat akan diperkukuh. Usaha untuk mempromosi kraf dan industri budaya kreatif akan juga dipergiatkan memandangkan industri berkaitan budaya, seni dan warisan berpotensi untuk dijadikan sumber pertumbuhan ekonomi.





# MEMBANGUNKAN BUDAYA KESUKANAN

# 24

## I. PENDAHULUAN

24.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), program pembangunan sukan dilaksana oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta sektor swasta dan pertubuhan sukan kebangsaan bagi menggalakkan gaya hidup sihat di samping membina sahsiah, semangat berpasukan dan muhibbah di kalangan rakyat Malaysia. Pelbagai usaha diambil bagi menarik lebih ramai penyertaan dalam aktiviti sukan dan rekreasi.

24.02 Mengambil kira kepentingan dan sumbangan sukan ke arah meningkatkan perpaduan negara dan menyemai semangat patriotik dan perpaduan serta membina masyarakat yang berdisiplin dan berdaya saing, usaha menggalakkan sukan massa dan sukan berprestasi tinggi akan terus dijalankan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Penekanan akan diberi dalam mewujudkan budaya bersukan di kalangan rakyat Malaysia bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

24.03 Dalam tempoh RMKe-8, pelbagai langkah dilaksanakan bagi menyediakan satu persekitaran yang membolehkan pembangunan sukan dalam negara termasuk latihan kepada atlit, jurulatih dan pegawai sukan, pembangunan kemudahan serta penganjuran pertandingan pada peringkat nasional dan antarabangsa. Usaha ini memberi dorongan kepada pembangunan sukan dan menyumbang ke arah pertumbuhan industri pelancongan. Bagi mencapai kecemerlangan dalam pertandingan di peringkat nasional dan antarabangsa, penekanan diberi kepada pembangunan program sukan berprestasi tinggi manakala program Sukan Untuk Semua terus dipromosi bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam sukan dan rekreasi.

## **Persekitaran yang Membolehkan**

24.04 Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 564 persatuan sukan didaftarkan selaras dengan Akta Pembangunan Sukan, 1997. Akta ini membolehkan Pesuruhjaya Sukan memastikan persatuan sukan diurus dan ditadbir dengan lebih bersistem, cekap dan profesional. Sejumlah 29 persatuan dibatalkan pendaftaran atas pelbagai sebab mengikut peruntukan di bawah Akta tersebut. Bagi meningkatkan lagi profesionalisme di kalangan pemegang jawatan persatuan sukan, pelbagai kursus dikendalikan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan dan seramai 2,491 pegawai dilatih dalam tempoh Rancangan.

24.05 Satu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Sukan ditubuhkan pada tahun 2004 bagi memastikan penyelarasan dan pelaksanaan program pembangunan sukan yang berkesan. Jawatankuasa tersebut meluluskan skim pencen bulanan yang memberi pengiktirafan sewajarnya kepada bekas atlit yang cemerlang dalam Sukan Olimpik. Sehubungan ini, dua pemain badminton yang memenangi pingat di Sukan Olimpik di Barcelona pada tahun 1992 dan tiga pemain di Sukan Olimpik di Atlanta pada tahun 1996 mendapat manfaat daripada skim ini.

## **Program Sukan Massa**

24.06 Pelbagai aktiviti di bawah program sukan massa terus dilaksanakan bagi mewujudkan rakyat Malaysia yang aktif dan sihat serta memupuk perpaduan di kalangan belia dan mencapai perpaduan negara melalui penyertaan dalam sukan. Dalam tempoh Rancangan, acara dan aktiviti sukan termasuk sukan tradisional serta sukan baru seperti sukan ekstrim, mendaki gunung, papan luncur dan sukan bermotor dianjurkan. Acara tersebut mendapat sambutan menggalakkan daripada peminat sukan dengan penyertaan seramai 615,000 orang dalam 5,120 aktiviti. Di samping itu, kempen kesedaran serta program pendidikan kecerdasan dianjurkan bertujuan untuk mewujudkan dan mengekalkan gaya hidup sihat. Program kalistenik di tempat kerja dan taman awam diperkenalkan oleh organisasi sektor awam dan swasta bagi menambah baik kesihatan dan meningkatkan produktiviti pekerja mereka.

24.07 Majlis Kecerdasan Kebangsaan ditubuhkan pada tahun 2004 untuk terus meningkatkan bilangan rakyat Malaysia yang aktif, cergas, sihat dan bersatu. Majlis ini yang merupakan gabungan empat agensi kerajaan, iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, menyokong pewujudan budaya bersukan di kalangan rakyat Malaysia dan membolehkan pelaksanaan program pembangunan sukan yang lebih bersepadu dan terselaras.

## **Program Sukan Berprestasi Tinggi**

24.08 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan menaik taraf dan mengubahsuai serta membina kemudahan sukan di peringkat kebangsaan dan negeri. Langkah tersebut

termasuk menaik taraf stadium dan kompleks sukan seperti Stadium Tuanku Abdul Rahman, Seremban dan Kompleks Sukan Paroi di Negeri Sembilan serta pembinaan kemudahan baru termasuk Kompleks Sukan Negeri Melaka dan Kompleks Sukan Tawau, Sabah.

24.09 Bagi membolehkan penyertaan dalam pertandingan di peringkat antarabangsa, pelbagai program yang bertujuan membentuk satu kumpulan bakat muda berpotensi menjadi juara dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN). Sehubungan ini, Program Persediaan Atlit Sukan Komanwel, Program Persediaan Atlit Sukan Asia Tenggara (SEA) dan Program Pembangunan Belia dan Bakat terus dilaksana dalam tempoh Rancangan bagi menyediakan atlit muda dengan latihan yang bersistem. Program latihan jangka panjang tersebut meningkatkan prestasi atlit kebangsaan dengan Malaysia menjadi juara buat pertama kali dalam Sukan SEA XXI pada tahun 2001 dan atlit Malaysia layak menyertai dalam 11 acara sukan dalam Sukan Olimpik di Athens pada tahun 2004 berbanding dengan sembilan acara sukan dalam Sukan Olimpik di Sydney pada tahun 2000.

24.10 Atlit Malaysia juga cemerlang dalam kejohanan individu untuk mencapai taraf dunia dalam acara sukan seperti badminton, boling tenpin, skuasy, acara terjun, bina badan, wushu serta sukan tradisional seperti pencak silat. Atlit Malaysia menyertai, antara lain, Kejohanan Pencak Silat Dunia pada tahun 2003, Kejohanan Badminton Dunia, Kejohanan FIQ Dunia untuk boling tenpin, Kejohanan Terbuka Britain dan Kejohanan Dunia untuk skuasy pada tahun 2005.

24.11 Latihan kepada atlit, jurulatih dan pegawai sukan untuk pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terus dilaksana oleh persatuan sukan berkaitan dan MSN. Badan tersebut menyediakan latihan yang perlu kepada atlit untuk menyertai pertandingan antarabangsa seperti Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan SEA dan Sukan Olimpik. Dalam tempoh Rancangan, Malaysia berjaya menjadi tuan rumah acara sukan kompetitif termasuk Sukan SEA XXI dan Kejohanan Hoki Piala Dunia pada tahun 2001, Kejohanan Boling Tenpin Dunia XV pada tahun 2003, Kejohanan Menembak Piala ASEAN pada tahun 2004 dan Regatta Antarabangsa Raja Muda VI serta Piala *Monsoon* pada tahun 2005. Di samping itu, dengan menjadi tuan rumah acara sukan antarabangsa lain seperti Bot Berkuasa Tinggi, *Le Tour de Langkawi* dan *Formula One Grand Prix* dapat membantu pertumbuhan industri sukan serta menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan.

24.12 Bagi mewujudkan asas untuk penyertaan dalam sukan berprestasi tinggi, satu pendekatan yang lebih bersistem bagi mengenalpasti dan menyediakan atlit di peringkat awal di sekolah rendah dan menengah diguna pakai. Bagi tujuan ini, olahraga dan gimnastik dimasukkan dalam kurikulum pendidikan jasmani di sekolah, manakala bilangan guru pendidikan jasmani ditambah terutamanya di sekolah rendah. Satu program mengenal pasti bakat telah dilaksanakan bagi mencari atlit muda yang

berpotensi tinggi untuk dilatih di pusat latihan seluruh negara. Dalam tempoh Rancangan, seramai 2,370 atlit dilatih di 115 pusat latihan sukan oleh 208 jurulatih terlatih. Program latihan khusus juga dilaksanakan di institusi pendidikan tinggi bagi membolehkan atlit berpotensi meneruskan latihan sambil melanjutkan pengajian mereka.

24.13 Dengan adanya kemudahan sukan bertaraf dunia, usaha diambil bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi sukan antarabangsa serta tempat untuk melatih jurulatih dan atlit menerusi kerjasama dengan pertubuhan dan persatuan sukan antarabangsa. Atlit daripada negara beriklim sederhana digalakkan untuk menggunakan kemudahan yang ada dalam negara bagi tujuan latihan dalam keadaan iklim tropika. Dalam tempoh Rancangan, sejumlah 34 pasukan antarabangsa dalam pelbagai sukan seperti hoki, skuasy, memanah, bola sepak, renang dan olahraga mendapat manfaat daripada usaha tersebut.

24.14 Bagi mengiktiraf sumbangan olahragawan dan olahragawati dan seterusnya menggalakkan penyertaan belia dalam sukan, Kerajaan memperkenalkan pelbagai insentif dan skim kebajikan. Sebagai menghargai sumbangan mereka dalam pertandingan di peringkat antarabangsa, Skim Hadiah Kemenangan Sukan, Skim Hadiah Kemenangan Atlit Remaja, Skim Galakan Jurulatih Kebangsaan dan Skim Kecemerlangan Pengurusan Pasukan diteruskan dalam tempoh Rancangan. Sejumlah 250 atlit menerima insentif tersebut yang berjumlah RM6.1 juta.

### **III. PROSPEK, 2006-2010**

24.15 Dalam tempoh RMKe-9, pembangunan sukan akan menekankan kepada penambahbaikan institusi dan organisasi untuk meningkatkan profesionalisme dan menggalakkan pencapaian yang lebih baik dalam sukan. Teras strategik pembangunan sukan adalah seperti berikut:

- memperkuh jentera sukan negara dan keupayaan institusi persatuan sukan untuk menggalakkan pencapaian yang lebih baik dalam sukan;*
- membangunkan budaya kesukanan di kalangan rakyat Malaysia melalui pelaksanaan pelbagai program sukan; dan*
- menggalak gaya hidup aktif dan sihat melalui sukan dan rekreasi.*

#### **Pengukuhan Jentera Sukan Negara dan Keupayaan Institusi**

24.16 Dalam tempoh Rancangan, pembangunan sukan akan memberi penekanan kepada lapan sukan teras, iaitu olahraga, akuatik, badminton, boling tenpin, bolasepak, gimnastik, hoki dan skuasy. Bagi memastikan pembangunan sukan di Malaysia

diselaraskan dan diurus dengan baik secara profesional dan menepati Akta Pembangunan Sukan 1997, Pejabat Pesuruhjaya Sukan akan terus menganjurkan program latihan untuk pemegang jawatan dengan memberi tumpuan kepada pentadbiran dan pengurusan. Kira-kira 2,010 pegawai dijangka dilatih setiap tahun. Bagi menyeragamkan pengurusan persatuan sukan di seluruh negara, Akta Pembangunan Sukan, 1997 akan diperluas ke Sabah dan Sarawak.

24.17 Sektor swasta juga akan digalakkan untuk melengkapkan usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi di kawasan yang akan dibangunkan untuk tujuan kediaman, komersial dan perindustrian. Satu rancangan jangka panjang mengenai penyediaan dan pengurusan kemudahan sukan dan rekreasi oleh sektor awam dan swasta akan digubal. Di samping itu, perkongsian dengan sektor swasta akan dipergiat bagi membantu usaha mengenal pasti bakat muda serta menyediakan peluang yang lebih kepada generasi muda menyertai aktiviti sukan.

### **Program Sukan Massa**

24.18 Pelbagai program sukan dan aktiviti rekreasi berkaitan sukan akan dianjurkan untuk terus meningkatkan penyertaan masyarakat dalam sukan. Usaha tersebut termasuk program pembangunan kecergasan dan aktiviti luar manakala program baru berasaskan kekuatan dan ketahanan yang boleh menarik penyertaan lebih ramai di kalangan belia akan diperkenalkan. Bagi mempromosi manfaat mengekalkan gaya hidup sihat di kalangan orang ramai, lebih banyak program kesedaran seperti kempen, program pendidikan kecergasan dan kalistenik di tempat kerja dan taman awam akan diteruskan dalam tempoh Rancangan. Sebanyak 50 peratus rakyat Malaysia dijangka terlibat secara langsung dalam aktiviti gaya hidup cergas dan sihat menjelang tahun 2010. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini, sejumlah 24,000 jurulatih dan fasilitator dalam sukan massa akan dilantik dan dilatih melalui kursus yang akan dijalankan di dalam dan luar negara.

24.19 Program gaya hidup aktif akan diteruskan bagi membolehkan belia terutamanya di peringkat akar umbi menyertai acara sukan. Di bawah program ini, semua aktiviti sukan termasuk sukan bermotor, sukan air dan sukan udara akan digalakkan dengan sokongan sektor korporat melalui penajaan mereka. Program dan aktiviti ini akan meningkat dan menggalakkan pelancongan sukan dan menyumbang kepada pertumbuhan industri sukan.

24.20 Sebagai sebahagian usaha untuk menggalakkan penyertaan yang lebih ramai dalam aktiviti sukan, beberapa kemudahan sukan sedia ada di peringkat negeri dan daerah akan dinaikkan taraf. Langkah akan diambil untuk memastikan penyenggaraan dan penjagaan kemudahan dilakukan dengan sempurna termasuk penguatkuasaan peraturan dan prosedur mengenai penggunaan kemudahan tersebut. Di samping itu, personel terlibat dalam penyenggaraan kemudahan akan diberi latihan berkaitan bagi memastikan mereka cekap dan berupaya untuk mengurus kemudahan tersebut. Bagi

menggalak serta memudahkan penyertaan yang lebih ramai dalam sukan pada peringkat akar umbi, 13 kompleks sukan pelbagai guna peringkat daerah akan dibina. Pelbagai kemudahan untuk sukan seperti badminton, sepak takraw dan futsal serta premis untuk mengadakan mesyuarat dan lain aktiviti berkaitan masyarakat akan disediakan di kompleks tersebut. Satu jawatankuasa bagi pengurusan dan penyenggaraan yang teratur bagi setiap kompleks akan ditubuhkan di setiap kawasan berkenaan.

### **Sukan Berprestasi Tinggi**

24.21 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan terus diambil untuk menyediakan lebih ramai atlit muda untuk menyertai pertandingan pada peringkat antarabangsa melalui program latihan dan kejurulatihan yang sistematik. Sehubungan ini, Program Pembangunan Bakat akan menyediakan latihan kepada 14,570 atlit muda dalam 37 acara sukan. Bagi tujuan ini, pusat latihan dan jurulatih untuk Program Pembangunan Bakat akan ditambah bagi menghasilkan lebih ramai atlit berbakat menjadi juara dan berpotensi memenangi pingat terutamanya untuk Sukan Asia 2006, Sukan Olimpik 2008, Sukan Komanwel dan Sukan Asia pada tahun 2010 serta kejohanan antarabangsa yang lain. Akses yang lebih kepada program latihan di luar negara akan disediakan untuk memastikan atlit cemerlang dalam sukan berprestasi tinggi pada peringkat antarabangsa.

24.22 Pendekatan yang lebih bersistem untuk mengenalpasti dan menyediakan atlit di peringkat sekolah rendah dan menengah akan diguna pakai bagi mewujudkan asas yang lebih baik bagi membolehkan penyertaan dalam sukan berprestasi tinggi. Bagi tujuan ini, lebih ramai guru pendidikan jasmani akan ditempatkan di sekolah rendah manakala mata pelajaran olahraga dan gimnastik akan dijadikan sebahagian daripada kurikulum pendidikan. Di samping itu, program pembangunan sukan sekolah akan terus diperkukuh termasuk menaik taraf kemudahan sedia ada, membina dua sekolah sukan baru, penglibatan dan penyertaan yang lebih cemerlang di peringkat antarabangsa serta penyediaan lebih ramai jurulatih yang berkelayakan dan berkebolehan. Sekolah akan digalakkan untuk menganjur aktiviti selepas waktu sekolah bagi menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah baik kemahiran mereka dalam sukan yang dikenali dan melibatkan diri dalam aktiviti baru di bawah bimbingan jurulatih yang baik. Akses yang lebih baik kepada kemudahan dan kompleks sukan akan disediakan kepada pelajar termasuk kemudahan di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan dalam usaha menggalakkan pelajar aktif dalam sukan.

24.23 Usaha akan diambil untuk menambah bilangan jurulatih yang berkelayakan memandangkan jurulatih memainkan peranan penting dalam pembangunan sukan. Lebih banyak program latihan di peringkat sijil, diploma dan ijazah akan dijalankan. Satu program khas akan diperkenalkan untuk akreditasi jurulatih yang terlibat dalam menjalankan program pembangunan atlit manakala bekas atlit dan atlit sedia ada yang berpengalaman akan digalakkan untuk mengikuti latihan yang perlu untuk menjadi

jurulatih. Institusi pendidikan tinggi awam akan digalakkan untuk menawarkan lebih banyak tempat kepada pelajar untuk mendaftar pada peringkat ijazah dalam bidang sains sukan serta program bagi melatih jurulatih baru.

24.24 Program Persediaan Atlit akan diteruskan bagi menyediakan atlit Malaysia ke Sukan Komanwel dan Sukan Asia pada tahun 2006 dan 2010, Sukan SEA pada tahun 2007 serta Sukan Olimpik pada tahun 2008. Sebagai tuan rumah Sukan Paralimpik Timur Jauh dan Pasifik Selatan untuk Orang Kurang Upaya pada tahun 2006, Malaysia akan terus menyumbang ke arah pembangunan sukan di kalangan orang kurang upaya. Acara ini akan melibatkan penyertaan 48 negara dengan 5,000 atlit dan pegawai sukan serta 10,000 sukarelawan. Bagi tujuan ini, program latihan intensif dan khusus akan dianjurkan bagi memastikan kejayaan penyertaan atlit Malaysia. Di samping itu, peranan sebagai tuan rumah acara sukan yang lain seperti sukan Bot Berkuasa Tinggi, *Le Tour de Langkawi*, *Formula One Grand Prix* dan *Piala Monsoon* akan meningkatkan sumbangan kepada pembangunan industri pelancongan.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

24.25 Kementerian Belia dan Sukan akan terus menjadi agensi peneraju dalam menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi di peringkat daerah dan negeri. Kerajaan negeri, sektor swasta serta persatuan sukan akan menyediakan sokongan dalam memupuk budaya bersukan dan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia.

24.26 Peruntukan pembangunan untuk tempoh RMKe-9 adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 24-1*. Dripada jumlah peruntukan sebanyak RM620.8 juta, 48.3 peratus adalah untuk membina kompleks sukan pelbagai guna dan 51.7 peratus untuk menaik taraf, menambah dan menyelenggara kemudahan sukan sedia ada di peringkat daerah dan negeri serta pelaksanaan program pembangunan atlit.

JADUAL 24-1

#### PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI PROGRAM SUKAN, 2001-2010

(RM juta)

Program	RMKe-8 Perbelanjaan	RMKe-9 Peruntukan
Kompleks Sukan	188.0	299.9
Naik Taraf dan Penyelenggaraan Kemudahan Sukan	113.2	280.9
Program Pembangunan Atlit	6.0	40.0
<b>Jumlah</b>	<b>307.2</b>	<b>620.8</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## V. PENUTUP

24.27 Pelaksanaan program pembangunan sukan dalam tempoh RMKe-8 menyumbang dengan ketara ke arah pewujudan sebuah masyarakat yang berdisiplin melalui penyertaan dalam sukan dan aktiviti rekreasi. Dalam tempoh RMKe-9, program pembangunan sukan akan terus memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan akses kepada kemudahan sukan bagi memastikan penyertaan yang lebih besar di peringkat akar umbi serta memupuk bakat sukan agar cemerlang dalam kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, program pembangunan sukan akan terus menggalakkan gaya hidup sihat, membina sahsiah dan semangat berpasukan di kalangan rakyat Malaysia. Sektor swasta dan NGO dijangka memainkan peranan yang lebih penting dalam pelaksanaan program pembangunan sukan bagi melengkapi usaha sektor awam.



# TADBIR URUS BAIK UNTUK PEMBANGUNAN

# 25

## I. PENDAHULUAN

25.01 Pelbagai program dan langkah telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) untuk mempertingkatkan tahap integriti dalam sektor awam dan swasta. Secara khususnya, pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) telah merangsang usaha ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang berintegriti tinggi. Usaha untuk meningkatkan tahap integriti melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat daripada akar umbi sehingga peringkat tertinggi.

25.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), selaras dengan prinsip Islam Hadhari yang kedua<sup>1</sup>, keenam<sup>2</sup> dan kelapan<sup>3</sup>, pelaksanaan PIN akan dipergiat dengan memberi penekanan kepada beberapa bidang keutamaan. Amalan perniagaan beretika dan program tanggungjawab sosial korporat akan digalakkan untuk menambah baik tadbir urus korporat. Usaha juga akan digembleng ke arah menghapuskan peluang melakukan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Langkah ini akan membantu menangani rasuah, mengurangkan pembaziran serta meningkatkan ketelusan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan sektor korporat dengan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Manfaat daripada tadbir urus baik bukan sahaja membantu pencapaian matlamat pembangunan negara tetapi juga menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan menarik kepada pelabur.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

25.03 Dalam tempoh RMKe-8, PIN telah dilancarkan bertujuan membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika serta mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan tahap etika yang tinggi dan seterusnya menyahut cabaran keempat Wawasan 2020. Undang-undang dan peraturan disemak semula

<sup>1</sup> "Kerajaan yang adil dan beramanah."

<sup>2</sup> "Kehidupan berkualiti."

<sup>3</sup> "Keutuhan budaya dan moral."

serta langkah penguatkuasaan diperketat oleh pelbagai badan kawal selia untuk mempertingkatkan tadbir urus korporat. Langkah juga telah diperkenal untuk memperkukuh etika perniagaan yang baik dalam sektor korporat.

### **Pelan Integriti Nasional**

25.04 Pelaksanaan PIN dimulakan pada bulan April 2004 dengan pelancaran TEKAD 2008, fasa pertama ke arah meningkatkan tahap etika dan integriti serta memastikannya menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat. PIN bertujuan:

- mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
- meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- memantapkan institusi keluarga; dan
- menambah baik kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

25.05 Institut Integriti Malaysia (IIM) telah ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan PIN. Dalam fasa pertama, enam agensi utama telah dikenal pasti untuk menerajui pelaksanaan PIN, iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Di samping itu, kira-kira 100,000 penjawat awam telah menjalani latihan untuk menerapkan nilai murni dan etika dalam tugas harian.

25.06 Indeks Integriti Nasional (IIN) yang mengandungi enam indeks kecil, iaitu Indeks Rasuah Malaysia; Indeks Penyampaian Perkhidmatan Awam Malaysia; Indeks Tadbir Urus Korporat dan Etika Perniagaan Malaysia; Indeks Kepaduan Keluarga dan Masyarakat Malaysia; Indeks Budi Bahasa Malaysia; dan Indeks Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Masyarakat Malaysia sedang dibangun untuk mengukur tahap integriti di negara ini. Kajian rintis telah dilaksanakan di negeri Perak untuk menguji keandalan dan kesahan IIN.

### **Tadbir Urus Korporat yang Baik**

25.07 Dalam tempoh Rancangan, pelbagai undang-undang dan peraturan telah disemak semula untuk meningkatkan kecekapan dan tadbir urus baik dalam sektor korporat. Peraturan seperti Syarat Penyenaraian (*Listing Requirements*), Nota Amalan (*Practice Notes*) dan Nota Panduan (*Guidance*

*Notes*) telah disemak semula untuk mempertingkatkan tahap tadbir urus korporat serta menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi bagi membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan bermaklumat. Semakan semula merangkumi keperluan pengarah syarikat menghadiri Program Akreditasi Mandatori (*Mandatory Accreditation Programme*) dan Program Pendidikan Berterusan (*Continuing Education Programme*). Bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pasaran modal yang cekap dan teguh, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB) telah menggubal rangka kerja tadbir urus korporat bagi syarikat yang tersenarai di bursa saham. Rangka kerja tersebut meliputi penubuhan jawatankuasa audit bebas oleh syarikat untuk memastikan pengurusan kewangan yang berhemat dan telus.

25.08 Tadbir urus korporat di sektor kewangan juga telah dipertingkatkan menerusi kajian semula ke atas rangka kerja tadbir urus korporat untuk institusi kewangan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang merangkumi peranan dan kelayakan minimum pengarah bebas serta isu pampasan. Piawai Audit Dalaman Minimum (*Minimum Internal Audit Standards*) juga telah digubal sebagai panduan dan ukuran prestasi audit dalaman serta menambah baik keberkesanan operasi institusi kewangan.

25.09 Langkah juga telah diambil untuk mempertingkatkan tadbir urus baik di kalangan syarikat yang tidak tersenarai di bursa saham. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mempergiat aktiviti pengawasan dan kempen kesedaran awam untuk memastikan pematuhan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Peratusan syarikat yang mengemukakan Penyata Tahunan, maklumat pemegang saham, modal dan akaun yang telah diaudit meningkat daripada 44.0 peratus pada Disember 2003 kepada 64.0 peratus pada Disember 2004. SSM telah melatih pengarah syarikat untuk memastikan mereka memahami tanggungjawab dari segi perundangan dalam pengurusan syarikat. Sehingga bulan Mei 2005, sebanyak 2,350 kursus telah dijalankan melibatkan 106,590 pengarah syarikat.

25.10 Dalam tempoh Rancangan, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Produk (*Product Development Advisory Committee*) dan Pasukan Petugas Mengenai Panduan Maklumat Kewangan Pro Forma (*Task Force on Guidance on Pro Forma Financial Information*) untuk melindungi kepentingan pemegang saham minoriti. MSWG juga menjalankan Penyiasatan Penarafan Tadbir Urus Korporat (*Corporate Governance Rating Survey*) dan membangunkan Kad Saringan Tadbir Urus Korporat (*Corporate Governance Screen Card*) serta Lembaran Kawalan Pemantauan Tadbir Urus Korporat (*Corporate Governance Monitoring Control Sheet*) untuk membantu pencapaian amalan tadbir urus korporat baik berdasarkan standard tertinggi.

25.11 Badan bukan kerajaan (NGO) seperti Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG) dan Institut Etika Perniagaan Malaysia (BEIM) juga telah mengambil inisiatif untuk menambah baik tadbir urus korporat. MICG melaksanakan 30 program latihan tadbir urus korporat melibatkan 7,000 peserta. BEIM juga menjalankan program latihan untuk mempromosi Rukuniaga Malaysia serta mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan amalan perniagaan beretika. Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) menubuhkan Jawatankuasa Amalan Perniagaan Beretika pada tahun 2002 sebagai wadah untuk menggalak tadbir urus korporat serta nilai dan amalan perniagaan beretika. Institut Juru Audit Dalaman Malaysia (IIAM) telah bekerjasama dengan agensi berkenaan untuk menjadikan etika, tadbir urus korporat yang baik dan integriti sebagai budaya di kalangan ahlinya serta pihak berkepentingan. Kerjasama ini merangkumi penerbitan Garis Panduan Fungsi Audit Dalaman (*Guidelines on Internal Audit Functions*) dan Buku Panduan Baru Tadbir Urus Korporat (*New Handbook on Corporate Governance*) pada tahun 2002 serta penyiasatan mengenai Fungsi Audit Dalaman Syarikat-Syarikat Awam Terserai pada tahun 2004. Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penambahbaikan Etika Perniagaan pada tahun 2003 untuk menyediakan pendidikan berterusan dan sokongan kepada ahlinya yang ingin mempertingkatkan amalan tadbir urus. Pada tahun 2004, Piagam Nilai Perniagaan Teras telah dibangunkan berasaskan amalan terbaik yang telah dikenal pasti oleh syarikat multinasional di negara ini.

### Menangani Rasuah

25.12 Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah memperhebat usaha menangani rasuah menerusi pendekatan serampang tiga mata, iaitu pencegahan, pendidikan masyarakat dan tindakan punitif melalui penguatkuasaan yang tegas. Dalam tempoh Rancangan, BPR telah menyiasat sejumlah 5,901 kes rasuah dan membuat 2,359 tangkapan. Daripada jumlah ini, 1,033 kes telah dihadapkan ke mahkamah, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 25-1*. BPR juga telah menjalankan

JADUAL 25-1

#### KES RASUAH, 2000-2005

Tahun	Bilangan Siasatan	Bilangan Tangkapan	Bilangan Didakwa
2000	699	430	160
2001	663	318	115
2002	1,063	290	200
2003	1,058	339	175
2004	977	497	178
2005	1,441	485	205
<b>Jumlah</b>	<b>5,901</b>	<b>2,359</b>	<b>1,033</b>

Sumber: Badan Pencegah Rasuah

tapisan keutuhan ke atas anggota utama dalam sektor awam dan swasta bagi tujuan kenaikan pangkat, penganugerahan bintang oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri serta lantikan ke jawatan penting.

### III. PROSPEK, 2006-2010

25.13 Dalam tempoh RMKe-9, Kerajaan akan mempergiat usaha untuk meningkatkan integriti dan ketelusan sektor awam dan swasta bagi menambah baik lagi tahap tadbir urus baik dalam usaha membantu pembangunan. Teras strategik untuk mempertingkatkan tadbir urus baik akan memberi tumpuan kepada:

- mempertingkatkan pelaksanaan PIN;*
- menyemak semula dan memperkemas undang-undang dan peraturan untuk menambah baik tadbir urus korporat; dan*
- mempertingkatkan penguatkuasaan dan memperkukuh langkah menangani rasuah.*

#### **Pelan Integriti Nasional**

25.14 Pelaksanaan lapan strategi PIN yang merangkumi institusi keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran akan dipertingkatkan. Dalam fasa pertama pelaksanaan PIN, penekanan akan diberikan kepada lima bidang keutamaan, iaitu mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa; menambah baik kecukupan sistem penyampaian perkhidmatan awam; menambah baik tadbir urus korporat dan etika perniagaan; memantapkan institusi keluarga dan komuniti; serta menambah baik kesejahteraan masyarakat.

25.15 IIM akan menjalin pakatan dan rangkaian strategik dengan sektor swasta dan NGO serta pertubuhan antarabangsa untuk memperkukuh program berkaitan integriti serta membina upaya organisasi sedia ada. IIM juga akan membantu agensi kerajaan untuk menerapkan PIN ke dalam program mereka. Pelaksanaan PIN pada semua peringkat akan dipertingkatkan dengan menubuhkan agensi mirip IIM di peringkat negeri di bawah naungan kerajaan negeri. Di samping itu, Kerajaan akan terus memperkukuh peranan pelbagai jawatankuasa yang ditugaskan untuk mempertingkatkan akauntabiliti dan integriti dalam sektor awam.

#### **Warganegara yang Bertanggungjawab**

25.16 Selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 untuk membentuk sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika dan mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan menghayati budi pekerti yang luhur, usaha akan ditumpu ke arah memperkukuh dan mempertingkatkan institusi serta organisasi

tempatan seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Rukun Tetangga dan Jawatankuasa Penduduk serta menggunakan media massa untuk menyumbang ke arah menjadikan integriti sebagai satu cara hidup. Kempen kesedaran dan program pendidikan akan diperluas untuk mengingatkan individu mengenai perlunya menerap nilai murni dan resam secara berterusan supaya dapat dihayati dan diamalkan sehingga akhirnya menjadi sebahagian daripada cara hidup individu dan budaya masyarakat.

### **Tadbir Urus Korporat yang Baik**

25.17 Usaha yang diambil untuk menambah baik tadbir urus dalam sektor awam akan diperengkap dengan inisiatif yang sama dalam sektor swasta untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan. Pertubuhan perniagaan akan terus bekerjasama dengan badan kawal selia dan NGO untuk mempertingkatkan tahap tadbir urus korporat dan etika perniagaan. Penekanan khusus akan diberi kepada usaha menambah baik ketelusan dan akauntabiliti. SSM akan terus memastikan syarikat mematuhi undang-undang dan peraturan. Di samping itu, undang-undang dan peraturan yang berkaitan akan disemak semula untuk menambah baik dan memperkukuh tadbir urus korporat di Malaysia.

25.18 Pihak SC dan BMSB akan memantau pematuhan secara rapi dan berusaha untuk meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia bagi menarik pelabur asing. Sehubungan ini, BMSB akan terus memperkukuh dan memperkemas rangka kerja tadbir urus korporat bagi syarikat tersenarai untuk meningkatkan keyakinan pelabur terhadap kredibiliti pasaran. MSWG akan mempergiat usaha untuk melindungi kepentingan pemegang saham minoriti terutamanya dalam syarikat yang dikuasai oleh keluarga pengasas.

25.19 Tumpuan akan diberi ke arah membina asas pengauditan dalaman yang kukuh dan memperluas tumpuan tersebut ke dalam bidang pengurusan risiko syarikat, perkhidmatan asurans, etika dan tadbir urus, sokongan jawatankuasa audit dan tanggungjawab sosial. Sektor swasta akan digalakkan berpegang dan menerima pakai Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Rukuniaga Malaysia serta membangunkan Kod Etika dan Integriti masing-masing. Anugerah Pengamal dan Organisasi Beretika Baik juga akan diperkenalkan.

### **Mempergiat Penguatkuasaan**

25.20 Undang-undang dan peraturan akan dikuatkuasa secara tegas dan boleh dipercayai bagi memastikan pematuhan sewajarnya. Penguatkuasaan akan berdasarkan kepada tindakan mencegah, memperbetul sebarang kesalahan, menghukum pesalah sebagai pengajaran kepada orang lain, tindakan berkesan dan kerjasama di kalangan dan antara agensi kawal selia. Sehubungan ini,

semakan semula dan pengemaskinian undang-undang dan peraturan berkaitan akan dilaksana. Di samping itu, keupayaan penguatkuasaan akan diperkukuh melalui penyediaan sumber dan tenaga manusia yang mencukupi kepada agensi penguatkuasaan yang penting.

### **Menangani Rasuah**

25.21 Kerajaan akan mempergiat usaha ke arah menghapuskan ruang dan peluang melakukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam sektor awam dan swasta. Dalam sektor awam, tumpuan akan diberi kepada usaha mempertingkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti dalam perkhidmatan yang mudah terdedah kepada rasuah dan salah guna kuasa. BPR akan terus bekerjasama dengan semua pihak terutamanya agensi berisiko tinggi dalam usaha menangani amalan rasuah.

25.22 Pihak BPR akan mempelbagai inisiatif pendidikan masyarakat dan meningkatkan kempen melalui media mengenai kejelikan rasuah. BPR akan menggunakan pendekatan jangka panjang dan mensasar program pendidikan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah serta institusi pengajian tinggi. Di samping itu, BPR akan dilengkapi dengan kaedah dan teknik terkini untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuannya dalam bidang pencegahan, pengawasan dan sains forensik.

## **IV. INSTITUSI PELAKSANA**

25.23 Pihak IIM akan menjadi penggerak utama dalam pelaksanaan PIN. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Awam; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran akan menerajui pelaksanaan fasa awal PIN. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan meningkatkan pemupukan nilai murni manakala BPR akan mempergiat usahanya untuk menangani gejala rasuah. Bagi sektor swasta, pihak SC dan SSM akan memasti pematuhan undang-undang dan peraturan. Di samping itu, NGO seperti BEIM, MICG dan MSWG akan mengambil langkah untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti.

## **V. PENUTUP**

25.24 RMKe-8 telah menyaksikan pembaharuan komitmen Kerajaan untuk menggalak tadbir urus baik melalui pelancaran PIN. Komitmen tersebut akan diteruskan dalam tempoh RMKe-9 dengan Kerajaan mengambil langkah untuk mempertingkatkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti sektor awam dan swasta

dan seterusnya menambah baik tahap tadbir urus. Langkah ini akan membantu usaha menangani rasuah, mengurangkan pembaziran dan kos menjalankan perniagaan serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan sektor korporat. Manfaat daripada tadbir urus baik akan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan menarik kepada pelabur serta membantu pencapaian matlamat pembangunan negara.



# SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG CEKAP

# 26

## I. PENDAHULUAN

26.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), pelbagai program dan langkah dilaksanakan bagi memastikan jentera pentadbiran Kerajaan yang cekap dan berkesan untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang berterusan. Usaha ini meliputi inisiatif dalam bidang seperti pengurusan kualiti, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), akauntabiliti dan keutuhan pengurusan serta pengurusan sumber manusia. Langkah untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan termasuk usaha mengurangkan kerenah birokrasi dengan mempermudah dan memperkemas sistem dan prosedur kerja, memantapkan pentadbiran daerah dan tanah serta mengukur prestasi berasaskan Petunjuk Utama Prestasi (KPI).

26.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sejajar dengan prinsip kedua<sup>1</sup> dan keenam<sup>2</sup> Islam Hadhari, usaha akan diambil untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan bagi meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat Malaysia, mengurangkan kos menjalankan perniagaan, menggalakkan pelaburan swasta dan memastikan tanggapan positif pelabur terhadap Malaysia sebagai destinasi pilihan perdagangan dan pelaburan. Usaha ini termasuk menambah baik sistem pentadbiran di peringkat daerah dan tempatan, menyediakan pelbagai saluran hubungan antara agensi Kerajaan dengan pelanggan yang cekap dan berkesan, mengkaji semula dan memperkemas undang-undang serta syarat kawal selia dan pelesenan, memanfaatkan ICT serta menggalakkan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi untuk menyokong sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

<sup>1</sup> "Kerajaan yang adil dan beramanah."

<sup>2</sup> "Kehidupan berkualiti."

## II. KEMAJUAN, 2001–2005

26.03 Dalam tempoh RMKe-8, usaha gigih dijalankan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada pelanggan dan pihak yang berkepentingan. Selain usaha yang berterusan untuk mengukuhkan penyampaian perkhidmatan menerusi inisiatif pengurusan kualiti, Kerajaan mengenal pasti penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan sebagai teras strategik utama dalam pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan pada bulan Mei 2003 untuk menangani kesan negatif kegawatan ekonomi negara. Usaha meningkatkan sistem penyampaian sektor awam mencakupi penambahbaikan dalam beberapa bidang, iaitu pengurangan kerenah birokrasi, perkhidmatan kaunter, pelesenan dan permit, pentadbiran tanah, perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT), usaha memudahkan pelaburan, pengurusan kualiti, pengiktirafan kecemerlangan, pengukuran prestasi, pengurusan aduan awam dan pembangunan ICT.

### **Pengurangan Kerenah Birokrasi**

26.04 Pada tahun 2003, Pasukan Petugas (PPMKB) ditubuhkan di setiap kementerian untuk mengurangkan kerenah birokrasi di kementerian dan jabatan. Pasukan Petugas ini telah menambah baik sistem dan prosedur kerja sedia ada bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap serta mencegah penyelewengan dan amalan rasuah; mengenal pasti, mengkaji dan meminda undang-undang dan peraturan yang menghalang kelicinan sistem penyampaian perkhidmatan; mengkaji dan memperakukan penambahbaikan standard perkhidmatan seperti dalam Piagam Pelanggan dan mengambil tindakan susulan terhadap maklum balas pelanggan; dan menentukan bekalan sumber yang perlu bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan. Sehingga akhir tahun 2005, Pasukan Petugas mengkaji semula sebanyak 335 sistem dan prosedur kerja. Kajian semula ini membolehkan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan terutamanya dari segi masa pemprosesan yang lebih cepat, antaranya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berjaya mengurangkan masa memproses permohonan oleh kontraktor daripada 60 hari kepada 30 hari; Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memendekkan masa memproses bayaran balik daripada dua minggu kepada dua hari; dan Jabatan Imigresen Malaysia memendekkan proses bagi pengeluaran pasport baru daripada satu minggu kepada tiga hari manakala pembaharuan pasport dapat dilakukan dalam tempoh 24 jam. Jabatan Imigresen juga telah memperkenalkan inisiatif I-Visa untuk memudahkan permohonan visa pelawat dari negara China dan India dalam kuantiti yang banyak. Pada tahun 2005, Jabatan tersebut juga melaksanakan langkah untuk mempercepat pengeluaran Pas Lawatan Profesional untuk membolehkan pakar dan pekerja berpengalaman menjalankan perkhidmatan khusus dalam bidang yang kritikal.

## Pelesenan dan Permit

26.05 Pelbagai langkah diambil untuk mempercepat proses pengeluaran lesen dan permit bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Proses ini dilakukan dengan mengkaji semula keperluan bagi lesen dan permit tertentu, memperkenalkan borang permohonan dan lesen komposit serta melanjutkan tempoh sah laku lesen dan permit. Inisiatif penting dalam tempoh Rancangan ialah usaha untuk memperkemas prosedur pelesenan bagi industri hotel dengan menggabungkan 14 jenis lesen kepada satu lesen komposit. Menerusi inisiatif ini, PBT diberi kuasa berperanan sebagai pusat setempat untuk memproses permohonan lesen komposit tersebut. Agensi lain juga melaksanakan inisiatif untuk mempercepat pengeluaran lesen, permit dan kelulusan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mempercepat proses kelulusan bagi lesen import dan eksport serta lesen di bawah *Generalised System of Preferences* (GSP) manakala Kementerian Pelancongan menurunkan kuasa Pesuruhjaya Pelancongan bagi mempercepat pengeluaran pelbagai lesen berkaitan pelancongan. Langkah ini bertujuan untuk memudahkan operasi sektor swasta dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

## Perkhidmatan Kaunter

26.06 Usaha terus diambil untuk meningkatkan perkhidmatan kaunter agar lebih berorientasikan pelanggan dan mesra perniagaan. Usaha ini termasuk peruntukan kaunter perkhidmatan setempat untuk memudahkan akses kepada pelbagai perkhidmatan dan memastikan bilangan kaunter dan petugas yang mencukupi dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap. Kaunter pelbagai perkhidmatan, kaunter kecemasan dan kaunter khas untuk golongan kurang upaya, warga tua dan ibu mengandung serta tambahan waktu perkhidmatan, sistem pengurusan giliran elektronik dan penyediaan maklumat mengenai jangka masa layanan telah dilaksanakan. Di samping itu, maklum balas menerusi borang kepuasan hati pelanggan digunakan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kepada pelanggan. Beberapa agensi barisan hadapan telah melaksanakan langkah proaktif untuk meningkatkan perkhidmatan kaunter seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menyediakan perkhidmatan kaunter untuk memenuhi keperluan khusus pelanggan menerusi kaunter khas untuk permohonan berkelompok serta kaunter warga tua dan orang kurang upaya. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menggunakan pegawai khidmat pelanggan untuk membantu pelanggan mendapatkan perkhidmatan di kaunter yang ditetapkan. Di samping itu, pengurus bertugas juga disediakan untuk menangani keperluan pelanggan kurang upaya, ibu mengandung dan warga tua.

26.07 Pada tahun 2005, usaha menaik taraf perkhidmatan kaunter di semua agensi diperkukuh lagi menerusi penubuhan Pejabat Perkhidmatan Pelanggan (CSO) yang menggabungkan tugas dan peranan petugas di Kaunter Pertanyaan,

Penyambut Tetamu dan Pegawai Perhubungan Pelanggan. Garis panduan telah dikeluarkan kepada agensi Kerajaan mengenai penubuhan CSO dan skim perkhidmatan yang baru dilaksanakan untuk memastikan pejabat CSO dikendalikan oleh pegawai yang berkelayakan. Program latihan mengenai perkhidmatan berbudi bahasa turut dilaksanakan untuk melengkapkan Pegawai Khidmat Pelanggan dengan pengetahuan dan kemahiran yang perlu berkaitan perkhidmatan kepada pelanggan dan perhubungan pelanggan.

### **Pentadbiran Tanah**

26.08 Satu pakej baru strategi urusan pentadbiran tanah yang mengandungi 43 perakuan untuk menambah baik sistem pentadbiran tanah dilancarkan dalam tempoh Rancangan. Perakuan ini meliputi perancangan sistem dan proses kerja sedia ada serta penambahbaikan kepada aspek sokongan yang berkaitan. Sebanyak 26 Pasukan Tindakan Khas juga ditubuhkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menyelesaikan tunggakan kes permohonan tanah. Di samping itu, langkah seperti penurunan kuasa, pengisian jawatan yang kritikal, peningkatan kompetensi pegawai dalam pentadbiran tanah dan menaik taraf kemudahan dan peralatan di pejabat tanah telah dilaksanakan.

26.09 Usaha juga telah diambil untuk mempercepat proses pengukuran tanah sebagai langkah untuk menambah baik urusan pentadbiran tanah. Prosedur permohonan ukur dikaji semula untuk membolehkan Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) mempercepat penyediaan pelan hak milik tanah bagi tujuan pengeluaran hak milik. Di samping itu, Kerajaan juga melaksanakan Sistem Pemantauan Permohonan Tanah (LAMS) untuk memantau bilangan permohonan tanah yang diterima, diproses dan diluluskan serta mengenal pasti tunggakan kes permohonan tanah. Usaha ini telah membolehkan pengurusan permohonan tanah yang lebih berkesan dan mengurangkan aduan orang ramai dalam urusan berkaitan tanah.

### **Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan**

26.10 Usaha selanjutnya diambil untuk meningkatkan perkhidmatan yang disediakan oleh PBT terutamanya dari segi perkhidmatan yang memberi kesan kepada kegiatan komersil dan pelaburan. Sebanyak 96 pusat setempat ditubuhkan di peringkat PBT dan pentadbiran negeri di Semenanjung Malaysia untuk memproses dan mempercepat kelulusan pelan bangunan dan sijil kelayakan menduduki (CFO). Kelulusan CFO telah dipercepat dengan mengurangkan bilangan agensi teknikal terlibat dalam proses kelulusan daripada tujuh kepada satu sahaja, iaitu Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP). Pada tahun 2005, Kerajaan meluluskan 332 jawatan untuk membantu operasi pusat setempat di semua PBT.

26.11 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) menjalankan satu kajian pada 2004 untuk mengenal

pasti pakej strategi dan tindakan bagi meningkatkan lagi pengurusan dan perkhidmatan PBT. Kajian tersebut memberi tumpuan kepada kehendak pelanggan, iaitu pembayar cukai, penduduk tempatan, pelabur, pemaju hartanah, peniaga dan badan bukan kerajaan. Perakuan penambahbaikan meliputi tindakan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang dari segi aspek struktur, sistem dan prosedur kerja; kepimpinan dan kepegawaian; nilai bersama; teknologi dan persekitaran kerja; dan sumber kewangan. Perakuan berkenaan meliputi, antara lain, tindakan untuk mengembangkan penggunaan lesen komposit bagi pelbagai jenis lesen yang dikeluarkan oleh PBT, mengukuhkan lagi fungsi penguatkuasaan, melaksanakan proses pengutipan sampah yang sistematik, memastikan standard penyenggaraan dan pembaikan yang berkesan dan melaksanakan sistem penggredan untuk menilai tahap kebersihan premis perniagaan. Kebanyakan PBT telah melaksanakan perakuan jangka pendek berkaitan dengan jadual pengutipan sampah, penyenggaraan dan pembersihan longkang, standard pembaikan dan penyenggaraan kemudahan awam, pemantauan dan penguatkuasaan yang ketat terhadap kebersihan serta prosedur pemantauan.

### **Pemudahan Pelabur**

26.12 Pada tahun 2003, sebagai usaha untuk mengukuhkan daya saing negara dan menarik pelabur, Kerajaan memperkenalkan perkhidmatan *handholding* untuk memudahkan pelabur dalam sektor perkilangan. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah melantik Pegawai Projek Khas untuk mengendalikan dan membantu pelabur mendapatkan semua kelulusan yang perlu bagi projek perkilangan mulai dari peringkat permohonan sehingga projek beroperasi. Sebanyak 3,255 projek telah dipantau melalui perkhidmatan *handholding* dalam tempoh Rancangan. Perkhidmatan ini melengkapkan lagi inisiatif lain MIDA seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan Projek dan Pusat Pelaburan Negeri. MIDA juga menubuhkan Seksyen Perkhidmatan di bawah Pusat Maklumat Perniagaan (BIC) untuk membantu pelabur dalam sektor perkhidmatan tertentu. Seksyen ini memberikan maklumat mengenai dasar, garis panduan dan prosedur bagi perkhidmatan seperti ICT dan multimedia, penyelidikan dan pembangunan (R&D), logistik, pendidikan, perbankan pesisir pantai dan perkhidmatan kesihatan. Di samping itu, Kerajaan mengkaji semula garis panduan bagi pelaburan asing dengan memudahkan prosedur dan memendekkan tempoh memproses permohonan daripada dua bulan kepada 10 hari bekerja.

26.13 Dalam sektor ICT, Jabatan Perkhidmatan Pelanggan di Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) menyediakan bantuan kepada pelabur yang berpotensi untuk melabur dalam bidang ICT dan mendapatkan status Koridor Raya Multimedia (MSC). Secara purata, MDC memproses dan membantu sebanyak 180 pemohon setahun dan sebanyak 1,200 syarikat telah berjaya memperoleh status MSC sehingga kini. MDC juga memulakan pembangunan

infrastruktur yang kondusif dan modal insan melalui *National Start-Up Development Programme* (NSDP), *National Lead Generation Programme* (NLGP), *National Unipreneur Development Programme* (NUDP) dan inisiatif *MSC TeC*. Dalam sektor pertanian, Kementerian Pertanian juga telah menubuhkan Pusat Pembangunan Perniagaan untuk membantu pelabur tempatan dan asing menjalankan projek pertanian dan perniagaan asas tani.

## Pengurusan Kualiti

26.14 Kerajaan terus melaksanakan inisiatif pengurusan kualiti di bawah program Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM). Selain usaha yang berterusan dalam pengurusan kualiti seperti Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), inovasi dan penandaarasan, tumpuan utama dalam tempoh Rancangan adalah pelaksanaan standard MS ISO 9000 dan pengiktirafan kecemerlangan organisasi dalam menyediakan perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan.

26.15 *MS ISO 9000*. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000 telah mencapai momentum apabila semakin banyak agensi melaksanakan standard MS ISO 9000:1994. Sehingga akhir tahun 2003, sebanyak 749 agensi memperoleh persijilan MS ISO 9000:1994. Mulai 1 Januari 2004, semua agensi Kerajaan beralih kepada standard baru MS ISO 9001:2000 yang memerlukan setiap organisasi memberikan penekanan kepada kehendak pelanggan dan pengukuran kepuasan hati pelanggan. Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 502 entiti Kerajaan memperoleh persijilan standard baru tersebut, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 26-1*.

JADUAL 26-1

### ENTITI KERAJAAN YANG MEMPEROLEH PERSIJILAN MS ISO 9001:2000

<i>Entiti</i>	<i>Jumlah</i>
Kementerian	8
Jabatan Persekutuan	41
Badan Berkanun Persekutuan	43
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	2
Jabatan Negeri	61
Badan Berkanun Negeri	24
Pihak Berkuasa Tempatan	8
Hospital	25
Pejabat Kesihatan Daerah	32
Klinik Kesihatan Daerah	171
Pejabat Pergigian Negeri	1
Pejabat Pergigian Daerah	11
Klinik Pergigian Daerah	35
Politeknik	16
Maktab Latihan Perguruan	24
<b>Jumlah</b>	<b>502</b>

Sumber: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

26.16 *Pengiktirafan Kecemerlangan*. Kerajaan terus menggalakkan dan mengiktiraf kecemerlangan organisasi sektor awam melalui program Anugerah Kualiti Perdana Menteri. Dalam tempoh Rancangan, kriteria anugerah ini telah dikaji semula untuk mengukuhkan lagi usaha pengurusan kualiti dan penyampaian perkhidmatan dengan memberikan penekanan kepada *output*, pengurusan proses, penggunaan sumber dan komitmen pengurusan atasan. Agensi Kerajaan juga bertanding untuk pelbagai anugerah lain seperti Anugerah Perdana ICT, Anugerah Inovasi dan Anugerah KMK. Pada tahun 2004, Anugerah Perdana Pihak Berkuasa Tempatan dan Anugerah Perdana Pentadbiran Daerah dan Tanah diperkenalkan untuk mengiktiraf agensi yang cemerlang di peringkat pentadbiran tempatan dan daerah. Agensi Kerajaan juga berjaya memperoleh pengiktirafan kecemerlangan di peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang. Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) berjaya memperoleh Anugerah Perkhidmatan Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2004 dalam kategori 'Inovasi dalam Perkhidmatan Awam' bagi pangkalan data penandaarasan untuk projek komuniti. Jabatan Pendaftaran Negara pula memperoleh Pingat Gangsa dalam Program Anugerah Inovasi Antarabangsa *Commonwealth Association for Public Administration and Management* 2004 kerana berjaya melaksanakan projek inovatif MyKad.

### **Pengukuran Prestasi**

26.17 Usaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan diperkukuh lagi dengan pengenalan pengukuran prestasi dan KPI untuk menyokong penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan kepada tahap yang lebih baik. Pelaksanaan KPI dijalankan secara perintis di enam agensi, iaitu Jabatan Imigresen di Johor, Hospital Kota Bharu di Kelantan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling di Selangor, Jabatan Pendaftaran Negara di Pulau Pinang serta Balai Polis dan Ibu Pejabat Polis Daerah di Shah Alam, Selangor. Berdasarkan projek perintis tersebut, pekeliling kemajuan pentadbiran awam dikeluarkan pada bulan Mei 2005 sebagai garis panduan untuk pelaksanaan KPI bagi mengukur kecekapan dan keberkesanan proses, produktiviti sumber dan tahap kepuasan pelanggan. Fasa pertama pelaksanaan KPI ditumpukan kepada semua agensi barisan hadapan Kerajaan.

### **Pembangunan Strategik ICT**

26.18. Kerajaan melancarkan Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia pada bulan Ogos 2003 sebagai hala tuju yang jelas penggunaan ICT untuk penyampaian perkhidmatan. Pelan Strategik ICT tersebut mengenal pasti beberapa inisiatif komuniti yang memberikan impak besar serta melibatkan perkhidmatan pelbagai agensi yang disediakan dari satu tempat. Inisiatif tersebut meliputi portal komuniti perniagaan, portal Rakyat, portal Penjawat Awam, e-Khidmat Sosial, e-Pembelajaran, e-PBT, e-Tanah, Perkhidmatan Cukai Pendapatan Dalam Talian dan Sistem Pengurusan Kewangan Bersepadu (SPKB).

26.19 Inisiatif Kerajaan Elektronik yang diperkenalkan sebagai satu aplikasi perdana MSC terus dilaksanakan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Satu pencapaian penting ialah pelaksanaan portal Perkhidmatan Awam yang dikenali sebagai *myGovernment*, yang menyediakan akses tunggal kepada maklumat dan perkhidmatan agensi Kerajaan menerusi *Internet*. Sehingga akhir tahun 2005, portal *myGovernment* menyediakan akses kepada 844 laman web agensi di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Portal tersebut juga menawarkan akses kepada sejumlah 2,554 borang yang boleh dimuat turun dan sebanyak 364 perkhidmatan dalam talian. Di samping itu, Sistem Pemantauan Projek (SPP II), yang menyediakan mekanisme perancangan, kawalan dan pemantauan projek pembangunan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah dilaksanakan sepenuhnya di 938 tapak pembangunan di seluruh negara. Projek e-Khidmat yang dibangunkan untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam talian turut menyediakan ujian teori dalam talian bagi tujuan mendapatkan lesen memandu dan membaharui lesen dan perkhidmatan pembayaran bil dalam talian. Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 2.16 juta calon menduduki ujian teori memandu di pusat bertauliah. Di bawah projek e-Perolehan, sebanyak 104,650 pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sebanyak 37,160 pembekal adalah e-Perolehan *enabled*. Satu lagi projek Kerajaan Elektronik, iaitu e-Syariah dilaksanakan di 102 Mahkamah Syariah untuk meningkatkan produktiviti dan menaik taraf kualiti perkhidmatan yang disediakan di Mahkamah Syariah. Di samping itu, sistem pembayaran e-SPKB yang menyediakan pembayaran secara elektronik diperkukuh manakala *Shared Services Outfit* (SSO) diwujudkan untuk menyediakan perkhidmatan rangkaian agensi sektor awam di Putrajaya.

26.20 Pelbagai aplikasi khusus berkaitan agensi juga dibangunkan dan dipertingkatkan dalam tempoh Rancangan. Polis DiRaja Malaysia melaksanakan Sistem Pelaporan Polis (PRS) dan Sistem Pelaporan Kemalangan Berkomputer (CARS) untuk menyeragamkan aliran kerja pelaporan bagi aduan dan kemalangan yang juga memudahkan orang awam membuat laporan polis. Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan Projek *Pensions Online Workflow EnviRonment* (POWER) untuk membolehkan pesara Kerajaan menerima pencen mereka tepat pada waktunya. LHDN melaksanakan Sistem Taksir Sendiri (STS Syarikat) bagi membolehkan syarikat mengemukakan pendapatan mereka secara dalam talian. Wakil pelancongan berdaftar dengan Atase Imigresen seberang laut dapat mengemukakan permohonan visa tanpa *referee* bagi menjimatkan kos dan masa. JPJ melaksanakan e-Hakmilik, e-Daftar dan e-Insurans sebagai usaha untuk membolehkan pengesahan dan ketepatan maklumat berkaitan pemilikan dan pendaftaran kenderaan bermotor secara berkesan.

26.21 Program perkongsian pintar dijalankan untuk memudahkan lagi sistem aplikasi bersama yang merentasi pelbagai agensi. Sebilangan besar agensi Kerajaan dan beberapa kerajaan negeri telah menjimatkan masa dan kos dengan mengubah suai dan mengguna pakai aplikasi yang dilaksanakan oleh agensi



lain. Sebagai contoh, Sistem Perakaunan dan Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diguna pakai di Perak, Sistem Perakaunan Bersepadu Pihak Berkuasa Tempatan di Perak dilaksanakan di Kedah dan Sistem Kutipan Hasil Tanah (LARIS) di Negeri Sembilan diguna pakai di Melaka.

26.22 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan juga memulakan Program *Open Source Software* (OSS) sebagai pilihan perisian tambahan, meningkatkan *interoperability* antara sistem ICT dan mempercepat pertumbuhan industri ICT tempatan. Pelan induk OSS sektor awam dan rangka kerja *interoperability* OSS dibangunkan sebagai panduan pelaksanaan aplikasi OSS. Di samping itu, Pusat Kompetensi *Open Source* (OSCC) ditubuhkan di Cyberjaya sebagai pusat rujukan OSS pada tahun 2004.

26.23 Langkah keselamatan ICT diinstitusikan sebagai komponen penting urus tadbir ICT. Langkah ini meliputi aspek pembudayaan, piawaian, pelaporan insiden dan mekanisme pemantauan untuk melindungi aset dan maklumat ICT Kerajaan. Di samping itu, Pemantauan Rangkaian ICT Sektor Awam Malaysia (PRISMA) ditubuhkan pada tahun 2002 sebagai pusat kawalan keselamatan Kerajaan untuk menangani ancaman keselamatan ICT. Sehingga akhir tahun 2005, pengurusan dan pemantauan elektronik mengenai kemungkinan ancaman keselamatan telah memanfaatkan 250 agensi Kerajaan.

### Pengurusan Aduan Awam

26.24 Agensi sektor awam terus memberi penekanan terhadap langkah untuk menguruskan aduan awam dengan lebih berkesan. Biro Pengaduan Awam (BPA) khususnya telah meningkatkan usaha untuk menyelesaikan aduan yang diterima daripada orang awam dengan segera. Secara purata, 50 peratus daripada aduan yang diterima oleh BPA adalah mengenai kegagalan atau kelewatan dalam memberikan layanan atau maklum balas terhadap permohonan atau keperluan pelanggan. Bilangan aduan yang diterima dan diselesaikan oleh BPA dalam tempoh Rancangan adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 26-2*.

JADUAL 26-2

#### ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN, 2000-2005

Tahun	Diterima	Diselesaikan
2000	3721	2695
2001	2769	2549
2002	3452	2753
2003	3199	2591
2004	2756	2252
2005	2707	2247

Sumber: Biro Pengaduan Awam

## Kerjasama Sektor Awam-Swasta

26.25 Kerajaan memberikan penekanan kepada kerjasama sektor awam-swasta untuk meningkatkan tahap perkhidmatan bagi komuniti perniagaan. Mekanisme seperti dialog dan panel perundingan memudahkan kerjasama antara kedua sektor selaras dengan semangat Persyarikatan Malaysia. Jawatankuasa Persyarikatan Malaysia Peringkat Pegawai menjadi saluran penting untuk mendapatkan maklum balas daripada sektor swasta dalam mengurangkan halangan penyampaian perkhidmatan. Maklum balas ini meliputi operasi OSC untuk kelulusan pelan bangunan dan CFO, perjanjian tahap perkhidmatan (SLA) untuk membekalkan elektrik bagi pembangunan perumahan, penubuhan *Construction Labour Exchange Centre* (CLAB), penggunaan garis panduan iklan perniagaan yang seragam oleh semua PBT, impak pindaan Akta Peminjam Wang 1951 dan kajian semula mengenai rawatan perubatan dan kemudahan hospital di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing.

### III. PROSPEK, 2006-2010

26.26 Dalam tempoh RMKe-9, Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada aspek utama penyampaian perkhidmatan ke arah memenuhi kehendak dan harapan semua pihak yang berkepentingan. Sehubungan ini, kelemahan dalam penyampaian perkhidmatan akan ditangani dengan memastikan agensi sektor awam mempermudah pelbagai urusan dengan pelanggan dan sektor swasta yang dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Langkah akan diambil untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam dengan memantapkan jentera pentadbiran di peringkat daerah, memperbanyak saluran perkhidmatan, mengkaji semula dan memperkemas peraturan, undang-undang dan prosedur kerja di samping mempercepat pengeluaran lesen, permit dan kebenaran untuk aktiviti perdagangan, pelaburan dan komersil. Pada masa yang sama, prestasi perkhidmatan yang disampaikan akan diukur manakala penggunaan ICT akan dimanfaatkan bagi menyokong sistem penyampaian perkhidmatan. Teras strategik untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

- ❑ *memberikan tumpuan kepada pentadbiran daerah dan PBT sebagai bidang keutamaan dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan;*
- ❑ *menyediakan interaksi Kerajaan-pelanggan yang berkesan melalui pelbagai saluran serta memperkemas sistem dan prosedur kerja;*
- ❑ *mengkaji semula dan memperkemas syarat dan keperluan kawal atur;*
- ❑ *memantau dan mengukur prestasi;*

- ❑ *memastikan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi untuk menyokong penyampaian perkhidmatan yang berkesan;*
- ❑ *menguruskan aduan awam dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan;*
- ❑ *menggunakan aplikasi dan infrastruktur ICT untuk menyokong penyampaian perkhidmatan; dan*
- ❑ *mengadakan dialog dengan sektor swasta untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan daya saing.*

### **Pentadbiran Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan**

26.27 Kerajaan akan meneruskan langkah yang telah diambil untuk memperkasa tiga entiti utama di peringkat pentadbiran daerah, iaitu pejabat daerah, pejabat tanah dan PBT. Fungsi dan peranan pejabat daerah akan diperkukuh melalui penstrukturan semula organisasi, perekaayaan proses, pembangunan sumber manusia, penggunaan ICT dan pemantapan peranan dan tanggungjawab pegawai daerah dan agensi yang terlibat. Di samping itu, daerah akan diklasifikasikan sebagai daerah metropolitan, bandar dan luar bandar mengikut tahap keperluan perkhidmatan yang berbeza bagi setiap kategori tersebut. Bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan di peringkat pentadbiran daerah, usaha akan diambil untuk memastikan lebih banyak pejabat daerah, pejabat tanah dan PBT melaksanakan standard MS ISO 9000 untuk proses teras agensi yang berkenaan.

26.28 Kerajaan akan mengambil langkah yang perlu untuk melaksanakan projek e-Tanah dalam tempoh RMKe-9 bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan urusan pentadbiran tanah secara menyeluruh. Di bawah projek ini, 24 proses utama urusan pentadbiran tanah akan ditambah baik dan diautomasikan melalui penyepaduan teknologi bagi menyokong pelbagai transaksi urusan tanah. Pelaksanaan projek e-Tanah akan dimulakan di Pulau Pinang dan selepas keberkesanannya dinilai pada tahun 2008, projek ini akan diperluas ke negeri-negeri lain. Sebagai tambahan, Kerajaan akan melaksanakan aplikasi *e-Consent* di semua pejabat tanah. Pelaksanaan *e-Consent* akan mempermudah dan mempercepat proses memperoleh persetujuan untuk permohonan pindah milik tanah dan gadaian.

26.29 Kerajaan akan memastikan perakuan jangka sederhana dan panjang yang dikenal pasti melalui kajian bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan INTAN pada tahun 2004 dilaksanakan oleh semua PBT dalam tempoh RMKe-9. OSC di semua PBT akan diperkukuh untuk menyediakan perkhidmatan menyeluruh dan cepat yang meliputi kelulusan berkaitan urusan perancangan dan pembangunan, pengeluaran lesen dan permit serta kutipan

fi dan denda. Sehubungan ini, Kerajaan akan mengkaji semula dan mengambil langkah yang perlu untuk memantapkan perjalanan PBT bagi menghapuskan halangan kepada penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada pembayar cukai, peniaga, pelabur dan penduduk tempatan. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan fungsi utama PBT sebagai agensi perancang tempatan dijalankan dengan telus dan berkesan.

### **Pelbagai Saluran Perkhidmatan**

26.30 Usaha akan terus diambil untuk memberikan akses dan pilihan kepada pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan Kerajaan. Langkah ini termasuk memperluas dan menambah baik pusat setempat dan kaunter perkhidmatan, menggalakkan penggunaan saluran elektronik dan peralatan mudah alih di samping menambah baik mekanisme pemantauan dan maklum balas. Sehubungan ini, Kerajaan akan mengembangkan perkhidmatan dalam talian melalui Portal *myGovernment* bagi meliputi semua perkhidmatan utama agensi barisan hadapan. Sebagai tambahan, perkhidmatan dalam talian di bawah e-Khidmat akan diperkemas dan digabungkan di bawah portal *myGovernment*. Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik dan Akta Transaksi Kerajaan Elektronik akan dikuatkuasakan dalam tempoh RMKe-9 untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian.

26.31 Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan dengan mengurangkan kerenah birokrasi. Prosedur dan proses kerja akan direkayasa dan dipermudah manakala lebih banyak penurunan kuasa akan dibuat bagi membolehkan proses membuat keputusan yang lebih cepat dan berkesan. Kerjasama antara agensi akan ditambah baik dan diperkemas untuk meningkatkan perkongsian maklumat. PPMKB di peringkat Kementerian akan diperkukuh bagi meningkatkan keupayaannya untuk bertindak dengan lebih berkesan bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan menambah baik perkhidmatan yang disediakan oleh kementerian dan agensi. Kerajaan akan memberikan penekanan dan menyediakan sumber tambahan bagi bidang yang menghadapi permintaan tinggi dalam penyampaian perkhidmatan seperti pengurusan kes mahkamah dan sistem penjagaan kesihatan di hospital. Di samping itu, Kerajaan juga akan mengambil usaha yang bersepadu bagi merombak sistem dan prosedur kerja sedia ada di samping mempercepat proses pemberian kelulusan dan permit untuk memudahkan lagi urusan menjalankan perniagaan di Malaysia.

### **Kajian Semula Syarat dan Keperluan Kawal Atur**

26.32 Akta dan statut akan dikaji untuk mempermudah dan menghapuskan undang-undang dan peraturan yang menyukarkan urusan dengan Kerajaan. Lebih banyak pendekatan bersifat *self-regulation* akan diguna pakai untuk

membolehkan pemberian kelulusan permit dan lesen perniagaan yang lebih cepat serta menggalakkan ketelusan. Usaha akan diambil untuk memberikan kuasa kepada badan profesional untuk memantau dan mengesahkan pematuhan kepada peruntukan pentadbiran dan undang-undang. Selaras dengan ini, Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) akan menggantikan CFO untuk bangunan yang siap dibina. Di samping itu, lebih banyak peraturan berasaskan pengakuan akan diguna pakai untuk menggalakkan ketelusan serta mempercepat pemberian kelulusan, permit dan lesen untuk pelbagai transaksi komersil. Walaupun Kerajaan mempermudah peraturan dan urusan permohonan lesen, Kerajaan akan memastikan penguatkuasaan yang ketat dan pengenaan penalti bagi pengakuan palsu dan ketidakpatuhan.

### **Pengukuran Prestasi**

26.33 Prestasi sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam akan terus dipantau dan dinilai. Pelaksanaan KPI dalam sektor awam akan menjadi tumpuan utama dalam melaksanakan pengukuran prestasi. Pada akhir tempoh RMKe-9, KPI akan dilaksanakan di semua agensi barisan hadapan dan pejabat cawangan di seluruh negara. Agensi sektor awam yang lain akan turut melaksanakan KPI sebagai usaha meningkatkan prestasi organisasi berkenaan. Usaha akan terus diambil untuk menilai prestasi agensi melalui pemantauan yang sistematik, audit pengurusan dan pematuhan standard MS ISO 9001:2000.

26.34 Kerajaan akan terus mempromosi dan mengiktiraf kecemerlangan dan prestasi tinggi di kalangan agensi sektor awam di semua peringkat berasaskan kriteria kecemerlangan program Anugerah Kualiti Perdana Menteri. Untuk terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan dan menggalakkan agensi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, Kerajaan akan juga melaksanakan sistem penggredan untuk semua kementerian dan agensi di bawahnya. Melalui sistem penggredan ini, prestasi agensi akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan serta melalui maklum balas pelanggan.

### **Sumber Manusia yang Kompeten**

26.35 Kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan bergantung pada kualiti tenaga kerja sektor awam. Sehubungan ini, Kerajaan akan terus memantapkan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi untuk memupuk tenaga kerja yang mempunyai sikap, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan. Kompetensi generik, spesifik dan teknikal berdasarkan keperluan persekitaran kerja dan tugas akan dibangunkan. Penggunaan sistem penilaian yang sesuai akan diguna pakai dan penyemaian nilai murni dan etika kerja yang positif akan digalakkan. Kerajaan akan juga memastikan perjawatan di agensi barisan hadapan diisi oleh personel yang dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap dan berbudi bahasa.

26.36 Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus melaksana strategi dan inisiatif yang perlu untuk memantapkan prestasi di peringkat organisasi dan individu sektor awam. Strategi ini termasuk menetapkan hala tuju yang jelas dengan melaraskan visi dan hala tuju sektor awam dengan agenda nasional; memantapkan keupayaan organisasi dengan memastikan agensi-agensi dilengkapi dengan struktur serta sistem dan prosedur yang sesuai bagi membolehkan organisasi berfungsi secara berkesan; melaksanakan pelan latihan dan kompetensi Perkhidmatan Awam yang menyeluruh untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten; meningkatkan prestasi tenaga kerja melalui sistem pengurusan sumber manusia yang berupaya merancang, menarik dan mengekalkan personel yang berkebolehan melalui persekitaran kerja yang kondusif, keseimbangan aspek kehidupan dan kerja serta pakej ganjaran; dan pembinaan budaya kerja berprestasi tinggi berasaskan nilai murni dan etika kerja.

26.37 Kerajaan akan mempergiat usaha untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran tenaga kerja melalui program latihan yang efektif. Sehubungan ini, keupayaan dan kemampuan institusi latihan akan diperkukuh untuk menampung keperluan latihan tenaga kerja sektor awam. Menerusi penubuhan Pusat Pembangunan Eksekutif dan Kepimpinan Lanjutan, INTAN akan berperanan menyediakan latihan eksekutif kepada pegawai tinggi Kerajaan. INTAN juga akan bekerjasama dengan pakar yang berkelayakan dan institusi terkemuka untuk menjalankan program khusus. Lebih banyak tumpuan akan diberikan kepada pembangunan bahasa dan kemahiran berkomunikasi terutamanya kemahiran bahasa Inggeris di kalangan penjawat baru Perkhidmatan Awam. Di samping itu, Kerajaan akan memastikan institusi latihan dan pembangunan yang lain seperti Akademi Kastam Malaysia (AKMAL), Institut Aminuddin Baki (IAB), Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) terus meningkatkan program pembangunan dan latihan bagi memenuhi keperluan dalam bidang masing-masing.

### **Pengurusan Aduan**

26.38 Kerajaan akan memastikan aduan awam diuruskan dengan berkesan bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan. Aduan pelanggan akan digunakan untuk menambah baik kelemahan serta mengelakkan kekurangan penyampaian perkhidmatan yang berulang. Selaras dengan ini, pengurusan aduan dalam sektor awam akan ditingkatkan lagi melalui mekanisme yang lebih responsif dan proaktif termasuk pelaksanaan sistem pengurusan aduan awam berkomputer untuk menerima, menangani dan memantau semua aduan awam. Pejabat Perkhidmatan Pelanggan dan Hari Bertemu Pelanggan akan dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan pelanggan. Bagi memantapkan lagi mekanisme pemantauan dan maklum balas, BPA akan mengadakan tinjauan pendapat awam berjadual untuk mengumpul maklum balas berhubung

pelaksanaan projek RMKe-9 di samping memantau pelbagai aspek penyampaian perkhidmatan oleh agensi sektor awam. Di samping itu, untuk menangani aduan mengenai masalah penguatkuasaan, Kerajaan akan mengambil langkah yang perlu bagi meningkatkan keupayaan agensi untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dengan lebih berkesan.

### **Penggunaan Infrastruktur dan Aplikasi ICT**

26.39 Langkah yang berkesan akan diambil untuk memastikan penyediaan infrastruktur ICT yang terancang, selamat dan andal untuk menyokong pelbagai sistem dan aplikasi ICT agensi Kerajaan. SSO akan diperluas perkhidmatannya merangkumi 30 agensi dan 12,000 pengguna tambahan. Pada masa yang sama, langkah akan diambil untuk mempertingkatkan *EG\*Net*, infrastruktur telekomunikasi yang khusus dan selamat yang telah dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan projek Kerajaan Elektronik di semua agensi Kerajaan.

26.40 Usaha akan dipergiat untuk merangka pelan strategik ICT (ISP) bagi semua agensi Kerajaan berdasarkan Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia. Usaha ini melibatkan penyelarasan bersepadu dan peningkatan aplikasi ICT dalaman dan antara agensi di samping menggalakkan penggunaan teknologi yang sesuai untuk meningkatkan akses dan menyampaikan perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan juga akan melaksanakan aplikasi ICT berimpak tinggi berasaskan kategori komuniti, *enterprise wide* dan *agency-specific*. Sehubungan ini, projek e-PBT akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-9 bagi memperkemas operasi dalaman PBT untuk menyampaikan fungsi terasnya termasuk perancangan dan pembangunan, pungutan hasil, pengurusan kewangan dan pengurusan aduan awam. Projek e-PBT akan diperluas ke semua PBT sebelum akhir tempoh RMKe-9. Di samping itu, projek e-Khidmat Sosial yang melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan 13 agensi lain yang berkaitan akan juga dilaksanakan dalam tempoh Rancangan untuk membolehkan akses dalam talian perkhidmatan sosial dan maklumat berkaitan dengan bantuan kebajikan dan program pembangunan sosial kepada kumpulan sasar yang terlibat. *Blueprint* e-Pembelajaran Sektor Awam yang dibangunkan pada tahun 2005 akan dilaksanakan bagi membolehkan personel Kerajaan memperoleh manfaat dari program pembelajaran sepanjang hayat dan membolehkan perancangan kursus latihan generik yang diperkemas dilaksanakan.

26.41 Kerajaan akan terus memastikan pelaksanaan secara luas aplikasi Kerajaan Elektronik seperti e-Perolehan, SPP II, Bursa Buruh Elektronik (ELX), Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) dan Persekitaran Pejabat Generik (GOE). Usaha juga akan diambil untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi fungsi utama aplikasi tersebut bagi memastikan manfaat yang sepatutnya. Bagi projek e-Perolehan, sebanyak 2,342 pusat tanggung jawab tambahan akan menggunakannya menjelang tahun 2009.

26.42 Kerajaan akan mengambil langkah untuk memapar dan memasarkan aplikasi Kerajaan Elektronik yang dibangunkan secara usaha sama oleh syarikat ICT tempatan dan antarabangsa yang terbukti sebagai aplikasi multimedia yang unggul. Sebagai pemegang hak cipta intelek aplikasi ini dan berpandukan minat yang ditunjukkan oleh negara seperti Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Sudan dan Syria, Kerajaan akan menyokong usaha untuk mengkomersilkan projek Kerajaan Elektronik di pasaran global melalui MDC.

26.43 Dalam tempoh RMKe-9, usaha untuk meningkatkan perlindungan terhadap aset dan maklumat sektor awam akan ditingkatkan bagi menjamin kerahsiaan, integriti dan penyediaan maklumat dalam sektor awam. Sehubungan ini, perkhidmatan yang disediakan oleh PRISMA akan diperluas meliputi infrastruktur ICT di semua agensi Kerajaan manakala keupayaan untuk mengesan dan menganalisis ancaman siber akan ditingkatkan melalui sistem amaran awal, keupayaan tindak balas terhadap insiden keselamatan ICT secara proaktif dan reaktif serta pemantauan sepenuh masa secara aktif terhadap rangkaian ICT Kerajaan untuk mengelakkan gangguan terhadap perkhidmatan agensi sektor awam. Kerajaan juga akan memastikan semua agensi mengguna pakai Metodologi Penilaian Risiko Sektor Awam (MyRAM) sebagai usaha mengurangkan risiko keselamatan ICT dan memberikan tumpuan kepada pematuhan standard yang ditetapkan. Pada masa yang sama, audit keselamatan ICT berjadual, inspektorat serta penilaian risiko akan dijalankan untuk memastikan agensi mematuhi standard khusus keselamatan ICT di samping memastikan keperluan keselamatan ICT dijadikan sebahagian daripada spesifikasi perolehan aplikasi dan sistem ICT. Sebagai sasaran keseluruhan keselamatan ICT dalam tempoh RMKe-9, inisiatif keselamatan ICT akan ditumpukan kepada usaha untuk memastikan pengurusan semua aset ICT di agensi sektor awam mematuhi keperluan dan standard keselamatan ICT yang ditetapkan.

### **Perlindungan Keselamatan Awam**

26.44 Usaha akan diambil untuk memastikan perlindungan keselamatan awam bagi meningkatkan lagi kualiti hidup. Sehubungan ini, 10 strategi teras seperti yang dikenal pasti oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia akan dilaksanakan.

### **Kerjasama Sektor Awam-Swasta**

26.45 Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan lagi tahap perundingan dengan sektor swasta mengenai pengenalan dasar dan perundangan baru yang memberikan kesan kepada aktiviti sektor swasta. Sehubungan ini, di mana sesuai, Kerajaan akan memaklumkan sektor swasta mengenai dasar dan draf perundangan baru untuk ulasan dan input. Kerajaan akan terus menggunakan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman sektor swasta untuk memperkukuh mekanisme penyampaian perkhidmatan sektor awam. Maklum



balas sektor swasta berhubung halangan terhadap penyampaian perkhidmatan akan terus digunakan untuk menilai tahap penyampaian perkhidmatan sedia ada dan menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

#### **IV. INSTITUSI PELAKSANA**

26.46 Langkah untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan akan melibatkan usaha bersepadu oleh pelbagai agensi. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan menjadi pemangkin dan penyelaras bagi keseluruhan proses tersebut. Sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang cemerlang memerlukan pegawai yang sesuai dan Jabatan Perkhidmatan Awam dan INTAN akan memainkan peranan penting dalam proses pemilihan dan latihan pegawai terbabit. Penekanan ke atas penyampaian di peringkat tempatan akan melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pentadbiran kerajaan negeri, PBT, Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan pejabat daerah dan tanah. Di samping itu, semua agensi barisan hadapan akan merangka langkah bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing. Menerusi aduan yang diterima dan maklum balas daripada tinjauan pendapat awam, BPA akan menyediakan maklum balas kepada agensi Kerajaan bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan.

#### **V. PENUTUP**

26.47 Tempoh RMKe-8 menyaksikan pengenalan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam menyokong daya saing negara dan memenuhi keperluan pelanggan serta pihak yang berkepentingan. Usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan meliputi pentadbiran tanah, perkhidmatan PBT, pemudahan pelaburan, pengurusan kualiti, pengukuran prestasi, penggabungan lesen dan permit, penambahbaikan perkhidmatan kaunter, pengurusan aduan awam, pengurangan kerena birokrasi dan pembangunan ICT. Komitmen untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan akan diteruskan dalam tempoh RMKe-9. Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengkaji semula dan meningkatkan perkhidmatan dalam bidang strategik secara berterusan. Usaha ini termasuk menambah baik pentadbiran di peringkat daerah dan tempatan, menyediakan pelbagai saluran hubungan antara agensi Kerajaan dengan pelanggan yang cekap dan berkesan, mengkaji semula dan memperkemas undang-undang serta syarat kawal atur dan pelesenan, memanfaatkan ICT dengan berkesan dan menggalakkan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan, menggalakkan pelaburan swasta dan memastikan pelabur mempunyai tanggapan positif terhadap Malaysia sebagai destinasi pilihan perdagangan dan pelaburan.



# PEMBANGUNAN MENERUSI KERJASAMA ANTARABANGSA

# 27

## I. PENDAHULUAN

27.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), kerjasama yang dipupuk dengan komuniti antarabangsa mengukuhkan kerjasama peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala. Kerjasama antarabangsa adalah penting memandangkan Malaysia merupakan negara ekonomi terbuka dan negara perdagangan yang ke-18 terbesar di dunia. Malaysia juga menyokong kerjasama peringkat pelbagai hala bagi memelopori keamanan dan pembangunan antarabangsa dan juga mempromosi secara aktif kerjasama Selatan-Selatan melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM).

27.02 Malaysia akan terus mempergiat usaha untuk memperkukuh kerjasama antarabangsa ke arah pembentukan dasar dan strategi yang sesuai bagi membolehkan negara membangun menerima manfaat globalisasi dengan lebih saksama. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), inisiatif akan diambil bagi meningkatkan kerjasama serantau dan kerjasama dengan rakan pembangunan ke arah memperluas hubungan global negara. Bagi memperkukuh lagi PKTM, strategi baru akan diambil untuk meningkat kerjasama dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Di samping terus menumpu kepada pembinaan modal insan dengan kerjasama negara membangun lain, PKTM juga akan menyokong inisiatif bagi memajukan lagi hubungan dua hala.

## II. KEMAJUAN, 2001-2005

27.03 Dalam tempoh RMKe-8, Malaysia bekerjasama dengan rakan pembangunan dua hala, pelbagai hala dan serantau untuk menangani beberapa isu peringkat serantau dan global yang mempengaruhi pembangunannya serta menyokong kerjasama Selatan-Selatan menerusi perkongsian pengalaman pembangunan. Penekanan khusus diberi kepada pembangunan modal insan dan peningkatan keupayaan institusi ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG). Usaha diambil untuk memperkukuh hubungan politik dan

ekonomi selaras dengan dasar luar negara Malaysia, terutamanya dalam kumpulan serantau seperti Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) serta kumpulan seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

### **Kerjasama Dua Hala**

27.04 Kerjasama dua hala dipertingkatkan dengan negara rakan melalui penubuhan 22 buah pejabat perwakilan baru, menanda tangani 14 perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal, dan mengadakan 23 Mesyuarat Suruhanjaya Bersama. Kerjasama perdagangan dan perkhidmatan telah dipertingkatkan dengan termeterainya 45 perjanjian perdagangan dan perkhidmatan. Rundingan bagi perjanjian perdagangan bebas dua hala dimulakan dengan beberapa rakan dagangan utama. Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia (JMEPA) ditanda tangani pada tahun 2005 untuk menggalak kerjasama, liberalisasi dan pemudahan dalam perdagangan dan pelaburan. Rundingan yang sama dibuat dengan Pakistan, India, Australia dan New Zealand manakala persediaan juga dibuat untuk rundingan dengan Amerika Syarikat dan Chile. Di samping itu, Jawatankuasa Strategi Pembangunan Bersama (JDS) kawasan sempadan Malaysia-Thailand ditubuhkan untuk menggalak pembangunan ekonomi dalam empat negeri di Malaysia dan lima provinsi di Thailand.

27.05 Malaysia terus menerima bantuan pembangunan rasmi (ODA) dua hala namun pada tahap yang lebih rendah. Jepun merupakan rakan bantuan dua hala terbesar yang menyediakan pinjaman mudah sebanyak AS\$1.5 bilion untuk projek pembangunan sumber manusia, enterpris kecil dan sederhana (EKS) dan infrastruktur.

27.06 Jumlah bantuan teknikal dua hala yang diterima oleh Malaysia ialah sebanyak AS\$328.4 juta. Daripada jumlah tersebut, AS\$260.1 juta atau 79 peratus diterima daripada Jepun, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 27-1*. ODA yang diterima daripada Denmark ialah sebanyak AS\$46.4 juta dalam bidang alam sekitar dan AS\$12.5 juta daripada Jerman bagi latihan kemahiran. Malaysia telah dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan ODA Australia pada tahun 2003 dan Kanada pada tahun 2004.

### **Kerjasama Serantau**

27.07 Selaras dengan komitmen Malaysia terhadap regionalisme terbuka, Malaysia meneruskan penyertaan aktif dalam ASEAN, APEC dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM). ASEAN merupakan teras utama dasar luar dan serantau negara melibatkan kerjasama dalam bidang berkepentingan bersama yang luas. Penyertaan dalam APEC bertujuan memupuk kerjasama dalam isu perdagangan dan ekonomi serantau dan global yang luas, terutamanya dalam bidang pemudahan

JADUAL 27-1

**BANTUAN TEKNIKAL DITERIMA MENGIKUT SUMBER, 2001-2005**  
(AS\$ '000)

<i>Sumber</i>	2001	2002	2003	2004	2005	RMKe-8
<b>Dua Hala</b>	<b>75,990</b>	<b>66,831</b>	<b>71,500</b>	<b>61,200</b>	<b>52,900</b>	<b>328,421</b>
Australia	1,790	831	3,100	0	0	5,721
Kanada	1,100	1,300	800	500	0	3,700
Denmark	9,200	7,200	14,500	9,600	5,900	46,400
Jerman	2,700	2,500	3,100	2,200	2,000	12,500
Jepun	61,200	55,000	50,000	48,900	45,000	260,100
<b>Pelbagai Hala</b>	<b>7,555</b>	<b>6,997</b>	<b>7,419</b>	<b>6,692</b>	<b>9,009</b>	<b>37,672</b>
Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/Tabung	7,335	6,731	7,214	6,219	8,042	35,541
Pertubuhan Makanan dan Pertanian	200	453	800	300	400	2,153
Tabung Kemudahan Alam Sekitar Global	1,600	2,580	2,200	2,000	3,300	11,680
Agensi Tenaga Atom Antarabangsa	350	421	493	522	603	2,389
Protokol Montreal	1,764	338	359	295	160	2,916
Program Kawalan Dadah PBB	0	3	20	13	15	51
Program Pembangunan PBB	746	1,055	1,290	1,218	1,200	5,509
Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan PBB	600	23	10	30	30	693
Tabung Kependudukan PBB	150	150	300	200	200	1,000
Tabung Kanan-kanak PBB	693	405	462	611	1,214	3,385
Pertubuhan Kesihatan Sedunia	490	480	480	430	420	2,300
Agensi Khusus PBB yang lain/ Pertubuhan Antarabangsa	742	823	800	600	500	3,465
Bank Pembangunan/Institusi Kewangan	220	266	205	473	967	2,131
Bank Pembangunan Asia	0	0	0	0	0	0
Bank Pembangunan Islam	0	52	50	108	504	714
Bank Dunia <sup>1</sup>	220	214	155	365	463	1,417
<b>Jumlah</b>	<b>83,545</b>	<b>73,828</b>	<b>78,919</b>	<b>67,892</b>	<b>61,909</b>	<b>366,093</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

*Nota:* <sup>1</sup> Tidak termasuk pembiayaan daripada tabung amanah.

perdagangan dan perniagaan dan bina upaya. APEC juga menyediakan forum yang berguna untuk mendapat maklumbalas daripada komuniti perniagaan antarabangsa dalam pembentukan inisiatif APEC yang memudah dan meningkatkan aktiviti perniagaan dalam rantau Asia Pasifik. Kerjasama dengan ASEM adalah berdasarkan dialog politik, kerjasama ekonomi dan interaksi budaya.

27.08 Dalam tempoh Rancangan, anggota ASEAN meningkatkan kerjasama untuk menangani isu serantau dari segi ekonomi, politik dan keselamatan. Anggota ASEAN melalui Deklarasi *ASEAN Concord II* yang dibuat dalam Sidang Kemuncak ASEAN Kesembilan di Bali, Indonesia pada tahun 2003 telah mengesahkan semula komitmen penubuhan Komuniti ASEAN selaras dengan Wawasan 2020 ASEAN.

27.09 Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan Sidang Kemuncak Berkaitan yang diadakan pada 12 sehingga 14 Disember 2005. Sidang Kemuncak tersebut mencapai kemajuan yang baik ke arah mendalami komitmen untuk mengukuh integrasi ekonomi dalam rantau ini. Kemajuan ini termasuk mencepatkan liberalisasi sektor perkhidmatan ASEAN sebanyak lima tahun kepada 2015 dan mempercepatkan lagi integrasi sektor perkhidmatan pelancongan dan penerbangan dalam pelaksanaan Fasa II Integrasi Sektor Utama.

27.10 Langkah diambil untuk memperkukuh rangkaian ekonomi ASEAN dengan rakan dialog utama termasuk negara *Plus Three*<sup>1</sup>, India, Rusia dan Australia-New Zealand. *Framework Agreement on Comprehensive Economic Cooperation* antara ASEAN dengan China ditanda tangani pada tahun 2002 memperuntuk, antara lain, penubuhan *ASEAN-China Free Trade Area* (FTA) menjelang tahun 2010. Perjanjian mengenai *Trade in Goods* dilaksanakan sejak 1 Julai 2005. *Framework Agreement* yang sama telah ditanda tangani antara ASEAN dengan Republik Korea, ASEAN dengan India dan ASEAN dengan Jepun untuk mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi termasuk penubuhan FTA untuk ASEAN dengan Republik Korea menjelang 2010, ASEAN dengan India 2011 dan ASEAN dengan Jepun 2012. Sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11, Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) yang pertama yang menyediakan forum untuk negara ASEAN dan *Plus Three* berunding dengan negara rakan, iaitu India, Australia-New Zealand dan Rusia mengenai isu berkepentingan strategik yang luas kepada rantau Asia Timur.

27.11 Inisiatif rantau-kecil dalam ASEAN juga menerima perhatian yang lebih dengan penganjuran Sidang Kemuncak Pertama Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Sidang Kemuncak Kedua Kawasan Pertumbuhan

---

<sup>1</sup> Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) pada 11 Disember 2005 di Kuala Lumpur. Untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negara anggota ASEAN, Malaysia melaksanakan 33 projek bina upaya di bawah *Initiative for ASEAN Integration* (IAI) bagi Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam dengan kos sebanyak RM5.8 juta.

### **Kerjasama Pelbagai Hala**

27.12 Malaysia terus bekerjasama dengan Rancangan Colombo, Komanwel, OIC, NAM dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk meningkatkan kerjasama pembangunan. Kerjasama dengan Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Bank Dunia adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan negara dalam pelbagai bidang seperti produktiviti, pelaburan dan pendidikan. Malaysia terus mendapatkan bantuan modal daripada IDB sebanyak AS\$148.4 juta untuk pembelian peralatan. Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Lembaga Gabenor IDB Ke-30 pada bulan Jun 2005 dan dua Memorandum Persefahaman serta tiga perjanjian ditanda tangani termasuk program biasiswa anjuran bersama untuk pendidikan tertiar dan bina upaya dalam industri kelapa sawit di Sierra Leone. Malaysia juga dilantik untuk mempengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440H IDB yang diamanahkan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ummah dan peranan masa hadapan IDB untuk menghadapi cabaran tersebut dengan lebih baik. Malaysia menyertai *OIC Trade Preferential System* dan menanda tangani peraturan pembayaran dua hala (BPA) dengan beberapa negara anggota OIC. Selaras dengan komitmen terhadap usaha menjaga keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia menyertai 13 misi di Afrika, Timur Tengah, Eropah Tengah, Caribbean dan Asia.

27.13 Malaysia menerima bantuan teknikal berjumlah AS\$35.5 juta daripada agensi khusus PBB. Walau pun bantuan teknikal yang diterima semakin berkurangan, Malaysia terus bekerjasama dengan agensi tersebut seperti Program Pembangunan PBB (UNDP), Tabung Kependudukan PBB (UNFPA) dan Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF). Namun Malaysia semakin mengambil peranan yang lebih besar sebagai rakan pembangunan dengan projek dilaksana secara perkongsian kos. Pencapaian matlamat MDG telah didokumen dan dilancarkan pada bulan Januari 2005. Laporan ini menonjolkan pencapaian Malaysia dalam kesemua sasaran MDG, iaitu kemiskinan, kesihatan dan pendidikan, alam sekitar dan perkongsian global, lebih awal daripada tahun 2015 sepertimana yang disasar, melainkan Matlamat Keenam, iaitu menghentikan dan mengurangkan jangkitan HIV/AIDS. Sumbangan Malaysia kepada pertubuhan dan institusi pelbagai hala adalah sebanyak RM341.3 juta, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 27-2*.

JADUAL 27-2

**SUMBANGAN KEPADA ORGANISASI PELBAGAI HALA, 2001-2005**  
(RM '000)

<i>Organisasi</i>	2001	2002	2003	2004	2005	<i>RMKe-8</i>
<b>Bank Pembangunan/Institusi Kewangan</b>						
Bank Pembangunan Asia	3,046.0	3,023.3	1,970.0	1,100.0	-	9,139.3
Tabung Pembangunan Asia	3,518.0	4,130.0	4,282.0	3,926.0	3,386.0	19,242.0
Bank Pembangunan Islam	5,842.6	5,571.0	-	-	-	11,413.6
<b>Organisasi Berkaitan Pembangunan</b>						
ASEAN	2,917.6	2,917.6	2,917.6	2,917.6	2,917.6	14,588.0
Pertubuhan Makanan dan Pertanian	2,921.6	2,917.0	2,896.3	1,520.1	1,520.1	11,775.1
Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa	865.3	1,033.0	1,035.5	1,039.0	1,130.0	5,102.8
Pertubuhan Persidangan Islam	1,927.5	1,927.5	1,927.5	1,927.5	1,927.5	9,637.5
Pertubuhan Buruh Antarabangsa	1,341.4	2,053.4	2,312.9	2,312.9	2,288.4	10,309.0
Pertubuhan Maritim Antarabangsa	878.8	968.3	1,039.3	1,191.0	1,385.1	5,462.5
Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa	-	725.8	867.2	963.3	1,021.9	3,578.2
Pertubuhan Balak Tropikal Antarabangsa	927.5	912.3	1,075.5	1,087.8	1,210.0	5,213.1
Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Islam	765.0	1,530.0	1,721.9	1,834.1	1,834.1	7,685.1
Pusat Serantau Pendidikan dalam Sains dan Matematik	3,300.0	3,300.0	3,300.0	5,300.0	3,300.0	18,500.0
Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara	727.0	727.0	727.0	727.0	918.7	3,826.7
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	13,727.1	13,727.1	13,727.1	13,727.1	13,727.1	68,635.5
Program Pembangunan PBB	2,846.0	2,067.0	2,831.6	2,811.9	2,390.0	12,946.5
Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan PBB	2,871.7	1,767.0	2,531.6	2,511.9	2,071.3	11,753.5
Program Kependudukan PBB	57.0	57.0	817.0	817.0	817.0	2,565.0
Pasukan Pengaman PBB	6,785.6	6,785.6	6,785.6	6,785.6	6,785.6	33,928.0
Pertubuhan Pelancongan Sedunia PBB	179.8	493.4	504.3	529.9	529.9	2,237.3
Pertubuhan Kesihatan Sedunia	2,781.7	2,996.6	2,996.6	3,365.4	3,406.1	15,546.4
Pertubuhan Perdagangan Dunia	4,521.3	4,196.5	5,464.9	6,452.3	6,751.3	27,386.3
Lain-lain (sumbangan tahunan kurang daripada RM500,000)	5,769.6	6,126.6	6,080.0	6,295.1	6,514.2	30,785.8
<b>Jumlah</b>	<b>68,518.4</b>	<b>69,953.0</b>	<b>67,811.4</b>	<b>69,142.5</b>	<b>65,831.9</b>	<b>341,257.2</b>


Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## Program Kerjasama Teknikal Malaysia

27.14 Dalam tempoh Rancangan, Malaysia memperluas lagi skop kerjasama Selatan-Selatan melalui perkongsian pengalaman pembangunan dengan negara membangun lain. Sehubungan ini, skop dan liputan PKTM diperluas dengan tumpuan terus diberi kepada pembangunan modal insan, kerjasama berbentuk projek dan khidmat nasihat. Bilangan negara ahli PKTM meningkat daripada 121 kepada 135 negara manakala 16 institusi latihan baru menyertai program tersebut dengan menyediakan kursus jangka pendek. Dengan itu, jumlah institusi latihan telah meningkat hampir dua kali kepada 34. Dalam tempoh Rancangan, jumlah peserta meningkat dengan ketara, iaitu 158 peratus kepada 7,030 peserta berbanding 2,724 peserta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, seperti ditunjukkan dalam *Carta 27-1*. Sejumlah RM164.3 juta dibelanja untuk melaksanakan aktiviti PKTM.

CARTA 27-1

### JUMLAH PESERTA PKTM, 1981-2005



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Nota: RM merujuk kepada Rancangan Malaysia.

27.15 Beberapa projek khusus dilaksanakan termasuk bantuan khas dalam bentuk khidmat perunding untuk Algeria, Pakistan, Sudan, Timor Leste, Uganda, Afrika Selatan dan Namibia serta projek pembangunan di Bosnia Herzegovina, Malawi, Lao PDR dan kajian kemungkinan di Iran, Syria dan Myanmar. Bagi mengukuhkan impak program tersebut, PKTM melaksanakan beberapa inisiatif termasuk menggalakkan rangkaian antara alumni PKTM, mengeluarkan video korporat, menerbitkan buku PKTM dan kalendar kursus tahunan serta menerbitkan



*MTCP Alumni Newsletter* sebanyak tiga kali setahun. Program *Alumni Homecoming and Study Visit* diadakan pada bulan Mei 2005 bagi memperbaharui hubungan dua hala dan menggalakkan rangkaian antara alumni dengan rakan sejawat di Malaysia termasuk sektor swasta. Kerjasama telah dibuat dengan Rancangan Colombo dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) bagi menjalankan 47 kursus di bawah Program Kerjasama Latihan bagi Negara Ketiga (TCTP) secara perkongsian kos berasaskan 11 tema seperti diplomasi, latihan perubatan, latihan kemahiran dan pembangunan EKS.

### III. PROSPEK, 2006-2010

27.16 Dalam tempoh RMKe-9, Malaysia akan terus memainkan peranan secara aktif untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala bagi mewujudkan sistem yang lebih adil dan saksama pada peringkat antarabangsa untuk mencapai matlamat negara. Di samping tumpuan terus diberikan kepada bina upaya dan perkongsian pengalaman dengan negara Selatan, PKTM akan memula hala tuju strategik baru yang akan meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dan NGO dalam melaksanakan program serta memperkemas aktiviti bagi meningkatkan keberkesanan kos dan impak.

#### **Kerjasama Dua Hala**

27.17 Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan meneruskan dasar mengenai kerjasama pembangunan melalui penubuhan dan pengukuhan hubungan dua hala dengan negara maju dan negara membangun. Teras hubungan dua hala negara adalah untuk memperkukuh hubungan bagi faedah bersama. Pejabat perwakilan yang baru akan ditubuhkan di negara rakan manakala mekanisme Mesyuarat Suruhanjaya Bersama akan diperkukuh untuk memantap hubungan dua hala, terutama kerjasama dalam sains dan teknologi, pertukaran pendidikan dan kebudayaan serta perdagangan dan pelaburan. Sehubungan ini, perjanjian jaminan pelaburan (IGA), BPA dan Tatacara Kredit dan Pembayaran Minyak Sawit (POCPA) serta perjanjian perdagangan dan pelaburan akan dirundingkan antara Malaysia dengan negara yang menjalin kerjasama.

27.18 *Bantuan Pembangunan Rasmi Dua Hala.* Malaysia akan terus berusaha mendapatkan kerjasama daripada sumber tradisional pinjaman pembangunan bagi melaksanakan projek dalam bidang tumpuan yang dikenal pasti, terutama pembangunan modal insan. Malaysia dan *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) akan menjalankan penilaian bersama mengenai projek ODA dua tahun selepas projek tersebut disiapkan bagi memasti projek berkenaan memberi faedah bersama. Melalui pendekatan ini projek akan dinilai daripada perspektif kedua-dua negara, dengan ini menyumbang kepada penggubalan projek masa hadapan.

27.19 *Bantuan Teknikal Dua Hala*. Dalam tempoh Rancangan, bantuan teknikal daripada Jepun akan berpandu kepada JMEPA. Sehubungan ini, inisiatif, program dan projek akan dilaksanakan di bawah *Economic Partnership Programme* (EPP), iaitu program di bawah Perjanjian tersebut. Di bawah EPP, kedua-dua negara adalah komited kepada objektif meningkatkan pembangunan sosioekonomi, memperkukuh daya saing, membangun modal insan, menggalak pembangunan mampan dan merapat jurang antara Malaysia dengan Jepun.

27.20 Bantuan teknikal akan terus merangkumi kajian pembangunan, kerjasama berbentuk projek, geran kebudayaan serta penghantaran *Japan Overseas Cooperation Volunteers* (JOCV), *Japan Senior Volunteers* (JSV) dan pakar. JOCV dan JSV akan ditempatkan untuk melengkap dan menyokong kerjasama berbentuk projek dan khidmat pakar. JOCV akan terus memberi khidmat, terutama dalam pembangunan desa, pendidikan khas, khidmat kebajikan masyarakat dan alam sekitar. Pengalaman dan kepakaran JSV akan terus menyumbang ke arah bina upaya serta pemindahan kepakaran teknikal dan industri untuk pembangunan sektor pembuatan.

27.21 Dalam tempoh Rancangan, kerjasama dengan *Danish International Development Agency* (DANIDA) akan terus ditumpu kepada komponen bahan berbahaya alam sekitar, pengurusan sisa pepejal dan pengurusan biodiversiti di bawah *Environment Cooperation Programme* (ECP). Unit Sokongan Program akan ditubuhkan di Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada tahun 2006 sebagai sekretariat untuk mengkaji dan melaksana projek ECP. Unit ini juga akan mengambil alih fungsi pasukan DANIDA di Kuala Lumpur mulai tahun 2007 seterusnya sementara DANIDA akan terus memberi sokongan kepada ECP dari segi prosedur dan perkara teknikal. Satu program sistem pemantauan ECP akan juga diwujudkan untuk memasti keberkesanannya.

27.22 Kerjasama teknikal dengan Jerman akan diterus melalui *Deutsche Gesellschaft Für Technische Zusammenarbeit* (GTZ) bagi Projek Pendidikan Perhutanan Malaysia-Jerman dengan tempoh pelaksanaan selama enam tahun yang dijangka berakhir pada tahun 2009. Projek ini akan merangkumi pembangunan kurikulum dalam bidang perhutanan untuk kursus di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan serta meningkat keupayaan penyelidikan dan khidmat nasihat. Melalui projek ini, Universiti Malaysia Sabah dijangka dapat membangunkan lagi Sekolah Antarabangsa Perhutanan Tropika yang akan menggalakkan pembangunan perhutanan yang mampan, terutamanya memandangkan jaraknya yang dekat dengan salah satu ekosistem hutan terbesar di dunia.

### **Kerjasama Serantau**

27.23 Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan terus bekerjasama pada peringkat serantau untuk menjadikan rantau ini lebih dinamik dan meningkat lagi kerjasama antara rantau. Malaysia akan juga bekerjasama dengan negara

serantau untuk menangani isu bersama dan meningkat daya saing untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan melalui integrasi ekonomi yang lebih rapat, khususnya di kalangan anggota ASEAN.

27.24 *Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara.* Malaysia bersama anggota ASEAN lain akan terus mengambil langkah untuk memperkukuh integrasi ekonomi ASEAN ke arah mencapai matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang tahun 2020. Sehubungan ini, Malaysia akan bekerjasama secara aktif dengan anggota ASEAN untuk melaksana pelbagai inisiatif di bawah *Vientiane Action Programme* (VAP) dan Perjanjian Rangka Kerja Bagi Integrasi Sektor Utama. Liberalisasi sektor perkhidmatan yang dicepatkan dijangka akan menggalak perdagangan dalam perkhidmatan di kalangan anggota ASEAN dan juga menyediakan ransangan yang perlu untuk mengekal dan meningkat pertumbuhan ekonomi.

27.25 Dalam tempoh Rancangan, selain daripada *ASEAN-China FTA in Goods*, ASEAN juga akan melaksana *ASEAN-Korea FTA in Goods* pada tahun 2006. Usaha akan dipertingkat untuk memuktamadkan rundingan FTA yang sedang berlangsung dengan rakan dialog lain. Semua FTA ini dijangka akan mempunyai impak penting ke atas ekonomi ASEAN dan menyediakan pemangkin bagi terus menarik pelaburan asing ke rantau ini.

27.26 Malaysia akan terus memberi galakan dan menyokong kerjasama dalam rangka kerja *ASEAN Plus Three* ke arah penubuhan komuniti Asia Timur termasuk kemungkinan mewujudkan FTA Asia Timur. Kerjasama dengan Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea akan diteruskan bagi menjayakan inisiatif pembangunan rantau kecil, terutama dalam kawasan Pertumbuhan Segi Tiga dan usaha untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negara anggota ASEAN. Malaysia akan juga menerajui usaha memperkemas dan memperkukuh ASEAN melalui penilaian semula institusi dan menerima pakai Piagam ASEAN.

27.27 *Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik.* Malaysia akan terus memberi penekanan untuk memperkukuh pembangunan ekonomi serantau dan meningkatkan kemakmuran bersama di rantau Asia Pasifik. Sehubungan ini, perdagangan dan kemudahan perniagaan akan dilaksanakan dengan kos menjalankan perniagaan dikurangkan dan inisiatif bina upaya akan terus diberi penekanan. Malaysia akan menggalak lagi usaha di kalangan negara anggota untuk meningkat kerjasama ekonomi dan teknikal serta membina keupayaan modal insan dan institusi.

### **Kerjasama Pelbagai Hala**

27.28 Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan terus menyertai dan menyokong program organisasi pelbagai hala. Malaysia akan berusaha ke arah pembaharuan PBB bagi menjadikan proses membuat keputusan peringkat global lebih demokratik, memperkukuh usaha pelbagai hala dan menangani isu kemiskinan di negara Selatan. Malaysia juga akan terus bekerjasama dengan PBB dalam usaha

menjaga keamanan dan ke arah penyelesaian konflik. Walau pun bantuan teknikal daripada sumber pelbagai hala berkurang dalam tempoh Rancangan, kerjasama akan diteruskan terutamanya untuk mencapai sasaran melepasi MDG.

27.29 Malaysia akan mempromosi kaedah kerjasama baru melalui rundingan dengan rakan pembangunan termasuk pelaksanaan projek secara perkongsian kos. Di samping itu, Malaysia dengan kerjasama komuniti antarabangsa akan terus melaksana kaedah yang inovatif untuk membiayai pembangunan infrastruktur di negara membangun.

27.30 *Pertubuhan Persidangan Islam.* Bagi meningkat lagi hubungan ekonomi di kalangan anggota OIC, Malaysia akan bekerjasama dengan negara anggota untuk melaksana inisiatif perniagaan yang akan menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara negara anggota. Kerjasama ini termasuk meningkat peluang untuk memperoleh barangan dan perkhidmatan berkualiti daripada negara anggota. Malaysia akan bekerjasama dengan negara anggota untuk meningkat pewujudan kekayaan melalui aktiviti seperti pengeluaran dan pembekalan produk dan perkhidmatan halal, perbankan dan kewangan Islam, pendidikan serta pelancongan.

27.31 Untuk mempromosi semangat berdikari, Malaysia akan terus menggalak negara OIC yang lebih membangun membantu pembangunan ekonomi negara anggota yang kurang membangun melalui bina upaya dengan tujuan membasmi kemiskinan. Pendekatan ini akan merapat jurang pembangunan yang ketara antara 10 negara OIC yang juga anggota OPEC dengan 22 negara OIC yang dikategorikan oleh PBB sebagai negara kurang membangun. Dalam melaksanakan Program Bina Upaya Negara OIC, Malaysia akan bekerjasama dengan IDB dan negara OIC yang lain membantu negara anggota berpendapatan rendah dan negara kurang maju yang dikenal pasti. Program ini termasuk bina upaya dalam bidang perikanan di Bangladesh, pembangunan perusahaan kecil dan pembiayaan mikro di Aceh, Indonesia, pembangunan sumber minyak dan galian di Mauritania serta bina upaya dalam industri kelapa sawit di Sierra Leone. Di samping itu, Fasa II program ini melibatkan Comoros, Guinea, Maldives, Burkina Faso, Palestin dan Somalia.

27.32 *Pergerakan Negara-Negara Berkecuali.* Tempoh Malaysia menjadi Pengerusi NAM akan berakhir pada tahun 2006 dan akan diambil alih oleh Cuba. Sebagai bekas negara pemimpin NAM, Malaysia akan terus aktif dalam menyumbang kepada pengukuhan NAM bagi menghadapi cabaran baru global, menggalak dan memperkukuh usaha pelbagai hala, memastikan kedaulatan undang-undang antarabangsa dan satu order dunia yang demokratik dan saksama serta keamanan dan kestabilan global. Pusat Pembangunan Gender di Malaysia yang ditubuhkan di bawah NAM akan menerajui program yang akan menyumbang ke arah pembangunan gender di kalangan negara anggota.

27.33 *Bank Pembangunan Asia*. Untuk mengukuh keupayaan negara, Malaysia akan terus menyertai program yang ditawarkan oleh ADB. Di samping itu, kerjasama dengan ADB akan merangkumi perkongsian pengalaman pembangunan dengan negara Selatan melalui lawatan sambil belajar dibiayai oleh ADB dalam pelbagai bidang teknikal. Bidang kerjasama baru akan diteroka bagi meningkatkan daya saing negara dan menggalakkan kadar pertumbuhan yang mampan dalam rantau ini serta integrasi ekonomi yang lebih kukuh.

27.34 *Bank Pembangunan Islam*. Malaysia akan terus bekerjasama dengan IDB untuk menggalak dan memperkukuh lagi kerjasama di kalangan negara anggota termasuk menyokong aktiviti Suruhanjaya Wawasan 1440H IDB. Sebagai Pengerusi Suruhanjaya ini, Malaysia akan memainkan peranan utama dalam merangka pelan tindakan IDB untuk meningkatkan kerjasama perniagaan dan hubungan ekonomi melalui rundingan dengan negara anggota.

27.35 Malaysia akan menyumbang kepada bina upaya dan pembangunan institusi sistem kewangan global Islam dengan mengguna kepakaran, pengalaman dan pengetahuan sedia ada. Sehubungan ini, Malaysia akan menawar program bina upaya dalam bidang pasaran modal Islam melalui Pusat Pembangunan Industri Sekuriti, iaitu institusi pendidikan dan latihan Suruhanjaya Sekuriti. Usaha akan juga dijalankan untuk bekerjasama dengan institut penyelidikan dan latihan IDB dan negara anggota lain ke arah mewujudkan sekumpulan profesional Muslim dalam bidang pasaran modal.

27.36 Malaysia akan terus memperoleh pembiayaan daripada IDB dan menyertai program bina upaya untuk negara anggota termasuk program sangkutan, penghantaran pakar dalam bidang teknikal khusus dan menjadi tuan rumah program lawatan sambil belajar daripada negara anggota. Dalam tempoh Rancangan, kerjasama dengan IDB akan dipertingkatkan melalui pemberian 200 biasiswa secara perkongsian kos kepada pelajar daripada negara IDB untuk mengikuti kursus pada peringkat siswazah dan pasca siswazah di universiti tempatan.

27.37 *Bank Dunia*. Kerjasama dengan Bank Dunia adalah terutamanya melalui bantuan teknikal dalam bidang tertentu seperti pelaburan, daya saing, pendidikan dan pertanian. Pakar antarabangsa yang akan melaksanakan aktiviti khidmat nasihat khusus akan terus diambil daripada Bank Dunia, sekiranya diperlukan.

27.38 *Agensi Khusus PBB*. Dalam tempoh Rancangan, bantuan teknikal daripada agensi khusus PBB dijangka akan berkurang. Sehubungan ini, kaedah pembiayaan baru akan diteroka untuk melaksana projek dengan rakan pembangunan. Bagi meneruskan kerjasama dengan UNICEF, Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan dan NGO akan mengkaji semula dan memperaku kaedah alternatif untuk dilaksanakan secara sistematik dan telus bagi mengoptimumkan sumber sedia ada setelah Program Pelan Tindakan

Negara UNICEF berakhir pada tahun 2007. Kerjasama dengan UNFPA juga akan dikaji semula dalam tempoh Rancangan untuk memaksimum faedah kepakarannya. Projek kerjasama yang dilaksanakan secara perkongsian kos dengan rakan pembangunan dijangka semakin meningkat.

27.39 Bantuan teknikal daripada rakan pembangunan pelbagai hala seperti UNDP, UNFPA, UNICEF dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) akan memberi tumpuan untuk mencapai sasaran melepasi MDG melalui projek pengurangan kemiskinan, pengurusan alam sekitar, tadbir urus, kesihatan, pendidikan dan isu mengenai gender. Kerjasama dengan rakan pembangunan akan semakin berasas kepada pembiayaan bersama, iaitu apabila Malaysia terus mencapai kemajuan dalam bidang tersebut. Pembiayaan bagi projek seperti kepelbagaian biologi, kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharu, perubahan cuaca dan pengurangan pengeluaran *chlorofluorocarbons* (CFC) serta bahan lain yang mengurangkan lapisan ozon (ODS) ke dalam atmosfera akan terus diperolehi daripada tabung pelbagai hala termasuk Tabung Kemudahan Alam Sekitar Global (GEF). Malaysia juga akan menggunakan rangkaian global agensi khusus PBB untuk mendapat akses kepada idea baru.

27.40 Kerjasama Selatan-Selatan dengan rakan pembangunan pelbagai hala akan dipertingkatkan. Sehubungan ini, Malaysia akan terus berkongsi pengalaman pembangunan dengan negara Selatan, terutama negara Afrika dan Asia Tengah dengan memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan, perancangan pembangunan dan pembangunan EKS. Aktiviti ini melibatkan latihan khusus jangka pendek dan lawatan sambil belajar yang akan dikendalikan bawah PKTM serta kerjasama dengan agensi pembangunan antarabangsa lain.

27.41 *Organisasi Pelbagai Hala Lain*. Rundingan dengan WTO akan ditumpu kepada peningkatan akses pasaran tanpa memasukkan isu luaran. Malaysia akan mengguna sepenuhnya penyertaan sebagai pemerhati dalam lapan jawatankuasa serta tiga kumpulan kerja dan pakar dalam Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) untuk meningkatkan lagi keupayaan menangani cabaran baru perdagangan antarabangsa. Di samping itu, Malaysia akan dapat menyuarakan pandangan terhadap isu perdagangan yang berkaitan dan terlibat dalam penggubalan dasar.

### **Program Kerjasama Teknikal Malaysia**

27.42 Sebagai pelopor utama kepada kerjasama Selatan-Selatan dan selaras dengan dasar "*prosper-thy-neighbour*", Malaysia melalui PKTM akan terus menawarkan kerjasama teknikal kepada negara Selatan yang lain dalam tempoh Rancangan. PKTM akan memainkan peranan lebih strategik dalam memperkukuh perkongsian pintar, meningkatkan hubungan dua hala dan menggalakkan keupayaan berdikari

di kalangan negara membangun melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman serta pembangunan modal insan. PKTM akan berusaha untuk bekerjasama rapat dengan sektor swasta dan NGO serta melaksana program secara perkongsian kos dengan negara anggota dan rakan pembangunan seperti JICA dan Rancangan Colombo bagi meluaskan skop dan liputannya.

27.43 Teras strategik PKTM adalah untuk mempromosi perkongsian kerjasama, penglibatan lebih giat sektor swasta dan NGO serta pelancongan, industri, kesihatan dan pendidikan. Mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian PKTM akan diperkukuh bagi meningkatkan impak dan keberkesannya.

27.44 Selaras dengan usaha untuk meningkat kerjasama Selatan-Selatan, PKTM akan memperluas program untuk mempromosi perkongsian di kalangan negara anggota. Pendekatan tersebut akan memperkukuh lagi hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala antara PKTM dengan negara anggota.

27.45 PKTM akan terus bekerjasama dengan NGO untuk membantu negara yang terlibat dengan *tsunami* dalam pengurusan risiko bencana. Kerjasama dengan NGO termasuk menganjurkan kursus bina upaya seperti pengurusan bencana dengan MERCY Malaysia serta untuk bantuan kemanusiaan.

27.46 Dalam tempoh Rancangan, usaha akan diambil bagi menggalakkan pelancongan, industri, kesihatan dan pendidikan melalui PKTM dengan merangkumi program lawatan ke destinasi pelancongan, industri serta kemudahan kesihatan ke dalam kurikulum kursus. Biasiswa peringkat lepasan ijazah yang disediakan bawah PKTM akan diperlengkap dengan program biasiswa khas, iaitu Program Biasiswa Antarabangsa Perdana, yang dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

27.47 Langkah akan diambil untuk meningkat impak PKTM melalui pengukuhan mekanisme pelaksanaannya, pemantauan dan penilaian. Kaedah sedia ada kerjasama teknikal di kalangan negara membangun (TCDC) akan terus dihalusi dan skopnya diperluas terutama bagi menangani jurang digital, pembasmian kemiskinan dan tadbir urus ke atas perdagangan dan pelaburan global serta mempromosi proses ke arah pembentukan keamanan. Kaedah ini akan dikaji secara berterusan bagi mencerminkan keperluan semasa negara penerima. PKTM akan melaksana kursus TCTP dengan kerjasama rakan pembangunan seperti JICA dan Rancangan Colombo dalam bidang khusus dengan penyertaan lebih luas institusi sektor swasta.

27.48 Usaha akan dipertingkat untuk bekerja rapat dengan perwakilan Malaysia di luar negara bagi melaksana PKTM secara lebih berkesan. Perwakilan tersebut akan membantu menubuh persatuan alumni dan menjalin rangkaian dalam negara anggota. Program PKTM akan terus menggunakan rangkaian alumni

sebagai forum untuk mendapat input merancang hala tuju masa hadapan PKTM. Rangkaian alumni akan dijadikan sebagai sumber pakar rujuk seminar, bengkel dan persidangan. Rangkaian tersebut juga akan dipertingkat dengan penubuhan *data exchange* yang akan membolehkan perkongsian maklumat di kalangan semua institusi latihan.

27.49 Program PKTM akan terus aktif menyokong kerjasama Selatan-Selatan termasuk kerjasama dengan pertubuhan pelbagai hala, negara penderma dan negara membangun lain untuk menyediakan TCTP dan bentuk kerjasama teknikal lain kepada negara anggota. Sehubungan ini, lebih ramai negara anggota akan digalakkan untuk menyertai program sebagai rakan kongsi PKTM melalui kaedah perkongsian kos. Pendekatan tersebut akan diguna pakai kepada negara anggota yang lebih membangun, terutamanya negara yang mempunyai pendapatan per kapita lebih tinggi daripada Malaysia.

#### IV. INSTITUSI PELAKSANA DAN PERUNTUKAN

27.50 Bagi melaksanakan program kerjasama dua hala dan pelbagai hala yang berkesan, agensi utama ialah Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan UPE. Agensi ini akan memberi tumpuan kerjasama dalam bidang keutamaan yang akan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara dan integrasi serantau serta rangkaian antarabangsa. Perwakilan Malaysia di luar negara akan juga memainkan peranan penting untuk melaksana program latihan PKTM dan mempromosi aktiviti lain termasuk rangkaian alumni PKTM. UPE akan menyelaras, memantau dan menilai aktiviti PKTM serta menyediakan peruntukan kepada semua institusi latihan dan agensi yang melaksana kursus PKTM.

27.51 Dalam tempoh RMKe-9, sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan kepada PKTM dan daripada jumlah tersebut lebih kurang 75 peratus akan dibelanja bagi pembangunan modal insan. Peruntukan tersebut merupakan pertambahan sebanyak 25 peratus berbanding dengan peruntukan RMKe-8.

#### V. PENUTUP

27.52 Dalam tempoh RMKe-8, Malaysia bekerjasama aktif dengan komuniti serantau dan global bagi meningkatkan hubungan dua hala, serantau dan pelbagai hala. Kerjasama Selatan-Selatan terus diberi penekanan sebagai wahana untuk Malaysia menggalakkan hubungan ekonomi yang lebih besar dengan negara membangun lain bagi faedah bersama. Kemajuan ketara dicapai dalam perluasan skop dan liputan PKTM dan perkongsian dengan agensi pembangunan antarabangsa lain serta menggalakkan kerjasama serantau terutama menerusi ASEAN.



27.53 Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan diambil untuk mempertingkatkan kerjasama antarabangsa dua hala dan pelbagai hala untuk meneroka peluang baru bagi pembangunan ekonomi. Kerjasama serantau dengan anggota lain ASEAN akan diberi penekanan dan kerjasama di kalangan serantau akan digalakkan lagi melalui penyertaan dalam aktiviti APEC. Malaysia juga menggalakkan hubungan ekonomi di kalangan anggota OIC terutamanya dalam perdagangan dan pelaburan serta bina upaya dengan tujuan membasmi kemiskinan. PKTM akan memainkan peranan ketara dalam mempertingkatkan hubungan ekonomi dan politik dua hala dengan negara anggota. Kerjasama dengan negara membangun lain akan terus diberi penekanan bagi membolehkan kepentingan negara Selatan disatukan bawah agenda global dan jurang pembangunan antara negara maju dengan negara membangun dirapatkan.

# PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JADUAL A-1

## PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGIKUT SEKTOR, 2001-2010 (RM juta)

Sektor	RMKe-8		RMKe-9				
	Perbelanjaan	%	Peruntukan Pembangunan	%	Inisiatif Pembiayaan Swasta	JUMLAH	%
<b>Ekonomi</b>	<b>65,446</b>	<b>38.5</b>	<b>89,886</b>	<b>44.9</b>	<b>1,294</b>	<b>91,180</b>	<b>41.4</b>
Pembangunan Pertanian	7,749	4.6	11,435	5.7	350	11,785	5.4
Pembangunan Sumber Mineral	47	0.0	141	0.1	0	141	0.1
Perdagangan & Perindustrian	10,174	6.0	19,891	9.9	310	20,201	9.2
Pengangkutan	31,813	18.7	31,876	15.9	634	32,510	14.8
Komunikasi	560	0.3	533	0.3	0	533	0.2
Kemudahan Awam & Tenaga	12,722	7.5	21,805	10.9	0	21,805	9.9
Kajian Kemungkinan	421	0.2	338	0.2	0	338	0.2
Penyelidikan & Pembangunan	1,960	1.2	3,868	1.9	0	3,868	1.8
<b>Sosial</b>	<b>69,377</b>	<b>40.8</b>	<b>74,954</b>	<b>37.5</b>	<b>11,915</b>	<b>86,869</b>	<b>39.5</b>
Pendidikan & Latihan	43,729	25.7	41,114	20.6	9,472	50,586	23.0
Kesihatan	9,506	5.6	10,710	5.4	878	11,588	5.3
Penerangan & Penyiaran	450	0.3	450	0.2	0	450	0.2
Perumahan	6,972	4.1	9,947	5.0	1,565	11,512	5.2
Kebudayaan, Belia & Sukan	1,113	0.7	1,394	0.7	0	1,394	0.6
Pihak Berkuasa Tempatan & Perkhidmatan Kebajikan	5,942	3.5	9,121	4.6	0	9,121	4.1
Pembangunan Kampung & Masyarakat	1,665	1.0	2,218	1.1	0	2,218	1.0
<b>Keselamatan</b>	<b>22,042</b>	<b>13.0</b>	<b>21,203</b>	<b>10.6</b>	<b>4,276</b>	<b>25,479</b>	<b>11.6</b>
Pertahanan	17,298	10.2	15,237	7.6	1,582	16,819	7.6
Keselamatan Dalam Negeri	4,744	2.8	5,966	3.0	2,694	8,660	3.9
<b>Pentadbiran Am</b>	<b>13,135</b>	<b>7.7</b>	<b>13,957</b>	<b>6.9</b>	<b>2,515</b>	<b>16,472</b>	<b>7.5</b>
Perkhidmatan Am	12,839	7.6	12,878	6.4	2,515	15,393	7.0
Pembaikan & Pengubahsuaian	296	0.2	1,079	0.5	0	1,079	0.5
<b>Jumlah</b>	<b>170,000</b>	<b>100.0</b>	<b>200,000</b>	<b>100.0</b>	<b>20,000</b>	<b>220,000</b>	<b>100.0</b>

JADUAL A-2

**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN PERBELANJAAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN, 2001-2010**  
(RM juta)

Kementerian	RMKe-8		RMKe-9				
	Perbelanjaan	%	Peruntukan Pembangunan	%	Inisiatif Pembiayaan Swasta	JUMLAH	%
Jabatan Perdana Menteri	7,287	4.3	26,495	13.2	3,193	29,688	13.5
Jabatan Perkhidmatan Awam	260	0.2	263	0.1	41	304	0.1
Kewangan	13,541	8.0	9,004	4.5	865	9,868	4.5
Luar Negeri	577	0.3	753	0.4	0	753	0.3
Perusahaan, Perladangan & Komoditi	442	0.3	791	0.4	30	821	0.4
Pertanian & Industri Asas Tani	3,346	2.0	6,959	3.5	357	7,316	3.3
Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	7,515	4.4	10,914	5.5	55	10,969	5.0
Sumber Asli & Alam Sekitar	3,579	2.1	6,851	3.4	121	6,972	3.2
Perdagangan Antarabangsa & Industri	328	0.2	2,326	1.2	0	2,326	1.1
Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna	51	0.0	65	0.0	0	65	0.0
Pembangunan Usahawan & Koperasi	3,768	2.2	5,772	2.9	142	5,914	2.7
Kerja Raya	19,333	11.4	18,623	9.3	350	18,973	8.6
Pengangkutan	9,664	5.7	8,222	4.1	1,310	9,532	4.3
Tenaga, Air & Komunikasi	6,085	3.6	12,123	6.1	0	12,123	5.5
Sains, Teknologi & Inovasi	4,911	2.9	7,173	3.6	350	7,523	3.4
Pelancongan	482	0.3	1,367	0.7	110	1,477	0.7
Wilayah Persekutuan	5,980	3.5	3,447	1.7	0	3,447	1.6
Pelajaran	24,172	14.2	16,963	8.5	6,235	23,198	10.5
Kesihatan	9,334	5.5	10,276	5.1	728	11,004	5.0
Perumahan & Kerajaan Tempatan	7,513	4.4	8,974	4.5	0	8,974	4.1
Kesenian, Kebudayaan & Warisan	404	0.2	598	0.3	53	651	0.3
Belia & Sukan	2,203	1.3	2,242	1.1	0	2,242	1.0
Sumber Manusia	2,146	1.3	2,126	1.1	484	2,610	1.2
Penerangan	350	0.2	450	0.2	253	703	0.3
Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	258	0.2	552	0.3	0	552	0.3
Pengajian Tinggi	13,554	8.0	16,069	8.0	1,548	17,617	8.0
Pertahanan	18,643	11.0	14,546	7.3	1,206	15,751	7.2
Hal Ehwal Dalam Negeri	1,313	0.8	1,033	0.5	520	1,553	0.7
Keselamatan Dalam Negeri	2,964	1.7	5,023	2.5	2,051	7,074	3.2
<b>Jumlah</b>	<b>170,000</b>	<b>100.0</b>	<b>200,000</b>	<b>100.0</b>	<b>20,000</b>	<b>220,000</b>	<b>100.0</b>

JADUAL A-3

**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN PERBELANJAAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN MENGIKUT NEGERI, 2001-2010**

(RM juta)

<i>Negeri</i>	<i>RMKe-8</i>	<i>RMKe-9</i>		<i>JUMLAH</i>
	<i>Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Pembangunan</i>	<i>Inisiatif Pembiayaan Swasta</i>	
Johor	9,161	10,200	1,799	11,999
Perak	6,558	7,614	1,963	9,577
Pulau Pinang	4,862	6,152	494	6,646
Melaka	3,542	3,686	291	3,977
Negeri Sembilan	5,658	5,884	749	6,633
Selangor	13,863	15,539	2,338	17,877
Wilayah Persekutuan	20,650	31,090	2,043	33,133
Kedah	7,610	7,817	1,093	8,910
Kelantan	3,681	6,651	976	7,627
Pahang	7,469	9,853	1,228	11,081
Perlis	1,799	2,201	377	2,578
Sabah	13,180	15,658	1,250	16,908
Sarawak	12,817	13,437	1,671	15,108
Terengganu	3,193	5,806	1,396	7,202
Pelbagai negeri <sup>1</sup>	55,957	58,412	2,332	60,744
<b>Jumlah</b>	<b>170,000</b>	<b>200,000</b>	<b>20,000</b>	<b>220,000</b>

*Nota:*

<sup>1</sup> Projek pelbagai negeri adalah projek yang memberi manfaat kepada beberapa negeri atau seluruh negara.



RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN 2006-2010

# GLOSARI AKRONIM

## GLOSARI AKRONIM

3G	= generasi ketiga ( <i>third generation</i> )
ABS	= akses dan perkongsian faedah ( <i>access and benefit sharing</i> )
ACDA	= Kawasan Pembangunan Pertanian Tertumpu ( <i>Agricultural Concentrated Development Area</i> )
ACR	= Kadar Catuan Tebangan ( <i>Allowable Cut Rate</i> )
ADB	= Bank Pembangunan Asia ( <i>Asian Development Bank</i> )
AEC	= Komuniti Ekonomi ASEAN ( <i>ASEAN Economic Community</i> )
AFTA	= Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN ( <i>ASEAN Free Trade Area</i> )
AIM	= Amanah Ikhtiar Malaysia
AKMAL	= Akademi Kastam Malaysia
AMREC	= Pusat Penyelidikan Bahan Termaju ( <i>Advanced Materials Research Centre</i> )
APEC	= Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik ( <i>Asia Pacific Economic Cooperation</i> )
API	= Indeks Pencemaran Udara ( <i>Air Pollution Index</i> )
APMM	= Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
ASDP	= Projek Pembangunan Kawasan Khas ( <i>Area Specific Development Project</i> )
ASEAN	= Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara ( <i>Association of Southeast Asian Nations</i> )
ASEM	= Mesyuarat Asia-Eropah ( <i>Asia – Europe Meeting</i> )
ASK	= Akademi Seni Kebangsaan
ASP	= pembekal perkhidmatan aplikasi ( <i>applications service providers</i> )
BDD	= merapatkan jurang digital ( <i>Bridging the Digital Divide</i> )
BEIM	= Institut Etika Perniagaan Malaysia ( <i>Business Ethics Institute Of Malaysia</i> )
BIMP-EAGA	= Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia- Malaysia-Filipina ( <i>Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area</i> )

BIOSTAQ	= Pusat Pemiawaian dan Kawalan Kualiti Bioteknologi ( <i>Biotechnology Standardization and Quality Control Centre</i> )
BKP	= Bina-Kendali-Pindah
BMSB	= Bursa Malaysia Securities Berhad
BPA	= Biro Pengaduan Awam
bpd	= tong sehari ( <i>barrels per day</i> )
BPFK	= Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
BPR	= Badan Pencegah Rasuah
CADC	= Pusat Pembangunan dan Aplikasi Kreatif ( <i>Creative Applications and Development Centre</i> )
CARS	= Sistem Pelaporan Kemalangan Berkomputer ( <i>Computerised Accident Reporting System</i> )
CCC	= Sijil Penyiapan dan Pematuhan ( <i>Certificate of Completion and Compliance</i> )
CDRC	= Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat ( <i>Corporate Restructuring Committee</i> )
cGMP	= amalan pengeluaran baik terkini ( <i>current good manufacturing practices</i> )
CFO	= Sijil Kelayakan Menduduki ( <i>Certificate of Fitness for Occupation</i> )
CIDB	= Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ( <i>Construction Industry Development Board</i> )
CIQ	= Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin ( <i>Custom Immigration and Quarantine</i> )
CLAB	= <i>Construction Labour Exchange Centre</i>
CMP	= Pelan Induk Pasaran Modal ( <i>Capital Market Master Plan</i> )
COMMEX	= Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia ( <i>Commodity and Monetary Exchange of Malaysia</i> )
CPI	= indek harga pengguna ( <i>consumer price index</i> )
CRC	= Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak ( <i>Convention of the Rights of the Child</i> )
CRDF	= Tabung Pengkomersilan Penyelidikan dan Pembangunan ( <i>Commercialization of Reserach and Development Fund</i> )
CSO	= Pejabat Perkhidmatan Pelanggan ( <i>Customer Service Office</i> )
DANIDA	= <i>Danish International Development Agency</i>

DBN	=	Dasar Bioteknologi Negara
DSN	=	Dasar Sosial Negara
e-Consent	=	<i>Electronic Consent</i>
ECP	=	<i>Environment Cooperation Programme</i>
e-Daftar	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Pendaftaran Kenderaan ( <i>Electronic Motor Vehicle Registration</i> )
e-dagang	=	dagang elektronik
EG*Net	=	Rangkaian Kerajaan Elektronik ( <i>Electronic Government Network</i> )
e-Hakmilik	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Hakmilik Kenderaan ( <i>Electronic Motor Vehicle Ownership</i> )
e-Insurans	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Insurans Kenderaan ( <i>Electronic Insurance for Motor Vehicle</i> )
e-Kerajaan	=	Kerajaan elektronik
e-Khidmat	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Perkhidmatan Elektronik ( <i>Electronic Services</i> )
e-Khidmat Sosial	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Perkhidmatan Sosial ( <i>Electronic Social Services</i> )
EKS	=	enterpris kecil dan sederhana
ELX	=	Bursa Buruh Elektronik ( <i>Electronic Labour Exchange</i> )
e-PBT	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Pihak Berkuasa Tempatan ( <i>ICT Application for Local Authority</i> )
e-Pembelajaran	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Pembelajaran Secara Elektronik ( <i>Electronic Learning</i> )
e-Perolehan	=	Perolehan Elektronik ( <i>Electronic Procurement</i> )
EPP	=	<i>Economic Partnership Programme</i>
ERL	=	Hubungan Kereta Api Ekspres ( <i>Express Rail Link</i> )
e-SPKB	=	Sistem Aplikasi Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik ( <i>Electronic Budgetary Planning and Control System</i> )
e-Syariah	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Mahkamah Syariah ( <i>ICT Application for Syariah Court</i> )
e-Tanah	=	Sistem Aplikasi ICT untuk Urusan Pentadbiran Tanah ( <i>ICT Application for Land Administration</i> )
FAMA	=	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ( <i>Federal Agricultural Marketing Authority</i> )
FDI	=	pelaburan langsung asing ( <i>foreign direct investment</i> )



FELDA	=	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ( <i>Federal Land Development Authority</i> )
FINAS	=	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
FTAs	=	Kawasan Perdagangan Bebas ( <i>Free Trade Area</i> )
FTE	=	sepenuh masa setara ( <i>full time equivalent</i> )
FSMP	=	Pelan Induk Sektor Kewangan ( <i>Financial Sector Master Plan</i> )
GAP	=	amalan pertanian baik ( <i>good agriculture practices</i> )
GERD	=	perbelanjaan kasar negara ke atas R&D ( <i>gross expenditure on R&amp;D</i> )
GLCs	=	Syarikat Berkaitan Kerajaan ( <i>Government-linked Companies</i> )
GLP	=	amalan makmal terbaik ( <i>good laboratory practice</i> )
GMPC	=	Kad Pelbagai Guna Kerajaan ( <i>Government Multipurpose Card</i> )
GOE	=	persekitaran pejabat generik ( <i>generic office environment</i> )
GSP	=	<i>Generalised System of Preferences</i>
HIS	=	Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah ( <i>Household Income Survey</i> )
HIV/AIDS	=	Virus Kurang Daya Tahan/Sindrom Kurang Daya Tahan ( <i>Human Immunodeficiency Acquired Virus/Acquired Immunodeficiency Syndrome</i> )
HNDP	=	Pelan Pembangunan Rangkaian Lebuhraya ( <i>Highway Network Development Plan</i> )
HPAI	=	<i>Highly Pathogenic Avian Influenza</i>
HRDF	=	Tabung Pembangunan Sumber Manusia ( <i>Human Resource Development Fund</i> )
HRMIS	=	Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia ( <i>Human Resource Management Information Systems</i> )
IADP	=	Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu ( <i>Integrated Agricultural Development Projects</i> )
IBS	=	sistem bangunan berindustri ( <i>industrialized building systems</i> )
ICOR	=	nisbah tambahan modal kepada pengeluaran ( <i>incremental capital output ratio</i> )

ICT	=	Teknologi Maklumat dan Komunikasi <i>(Information and Communications Technology)</i>
IDB	=	Bank Pembangunan Islam <i>(Islamic Development Bank)</i>
IGS	=	Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri <i>(Industry Research and Development Grant Scheme)</i>
IIM	=	Institut Integriti Malaysia <i>(Integrity Institute of Malaysia)</i>
IKBN	=	Institut Kemahiran Belia Negara
I-KIT	=	Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal
IKP	=	Indeks Komposit Pembangunan <i>(Development Composite Index)</i>
IKP	=	Institut Kewangan Pembangunan
ILKAP	=	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan
IMP3	=	Pelan Induk Perindustrian Ketiga <i>(Third Industrial Master Plan)</i>
IMT-GT	=	Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia- Thailand) <i>(Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle)</i>
INSKEN	=	Institut Keusahawanan Negara
INSPAK	=	Integrasi dan Penyusunan Semula Pengangkutan Awam di Lembah Klang
INSTUN	=	Institut Tanah dan Ukur Negara
INTAN	=	Institut Tadbiran Awam Negara
IOFC	=	Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa <i>(International Offshore Financial Centre)</i>
IPv4	=	<i>Internet Protocol version 4</i>
IPv6	=	<i>Internet Protocol version 6</i>
IRPA	=	Program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan <i>(Intensification of Research in Priority Areas)</i>
ISM	=	Institut Sosial Malaysia
ISRWT	=	Penyaluran Air Mentah Antara Negeri <i>(Inter-State Raw Water Transfer)</i>
ITIS	=	Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu <i>(Integrated Transport Information System)</i>
IWRM	=	Pengurusan Sumber Air Bersepadu <i>(Integrated Water Resources Management)</i>
JAKIM	=	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jlh	=	juta liter sehari <i>(million litres per day)</i>

JSM	=	Jabatan Standard Malaysia
KBS	=	Kementerian Belia dan Sukan
KDI	=	indeks pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan ( <i>knowledge-based economy development index</i> )
KDNK	=	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KKLW	=	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKM	=	Kerangka Kelayakan Malaysia
KLIA	=	Lapangan Terbang Antarabangsa KL ( <i>KL International Airport</i> )
KLOFFE	=	Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur ( <i>Kuala Lumpur Options and Financial Future Exchange Berhad</i> )
KLPAC	=	Pusat Seni Persembahan Kuala Lumpur ( <i>Kuala Lumpur Performing Arts Centre</i> )
KMK	=	Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja
KNK	=	keluaran negara kasar
KPIs	=	Petunjuk Prestasi Utama ( <i>Key Performance Indicators</i> )
KPM	=	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPNB	=	Konsortium Perikanan Nasional Berhad
KPPK	=	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
KPKT	=	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPT	=	Kementerian Pengajian Tinggi
KPTB	=	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
KSM	=	Kementerian Sumber Manusia
KTMB	=	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KWSP	=	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LAMS	=	Sistem Pemantauan Permohonan Tanah ( <i>Land Application Monitoring System</i> )
LARIS	=	Sistem Kutipan Hasil Tanah ( <i>Land Revenue Information System</i> )
LCA	=	<i>Life Cycle Approach</i>
LFX	=	Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan ( <i>Labuan International Financial Exchange</i> )
LGM	=	Lembaga Getah Malaysia
LHDN	=	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LITS	=	Sistem Torehan Intensiti Rendah ( <i>Low Intensity Tapping System</i> )

LKIM	=	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LKW	=	Lembaga Kemajuan Wilayah
LMO	=	organisma hidup diubah suai ( <i>living modified organisms</i> )
LPP	=	Lembaga Pertubuhan Peladang
MAQIS	=	Khidmat Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia ( <i>Malaysian Quarantine and Inspection Services</i> )
MARDI	=	Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia ( <i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i> )
MAVCAP	=	<i>Malaysia Venture Capital Management Berhad</i>
MBC	=	Perbadanan Bioteknologi Malaysia
MC&I	=	Kriteria dan Petunjuk bagi Pensijilan Pengurusan Hutan Malaysia ( <i>Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification</i> )
MCC	=	Suruhanjaya Koperasi Malaysia ( <i>Malaysia Co-Operative Commission</i> )
MCMC	=	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ( <i>Malaysian Communications and Multimedia Commission</i> )
MDC	=	Perbadanan Pembangunan Multimedia ( <i>Multimedia Development Corporation</i> )
MDG	=	Matlamat Pembangunan Milenium ( <i>Millenium Development Goals</i> )
MDV	=	<i>Malaysia Debt Ventures Berhad</i>
MECD	=	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ( <i>Ministry of Entrepreneur and Cooperative Development</i> )
MESDAQ	=	Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia ( <i>Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad</i> )
MGS	=	Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia ( <i>MSC Research Grant and Development Grant Scheme</i> )
MICCI	=	Dewan Perdagangan Dan Industri Antarabangsa Malaysia ( <i>Malaysian International Chamber Of Commerce And Industry</i> )
MICG	=	Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia ( <i>Malaysian Institute of Corporate Governance</i> )
MIDA	=	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ( <i>Malaysian Industrial Development Authority</i> )
MITI	=	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ( <i>Ministry of International Trade and Industry</i> )
MLNG 3	=	Projek Gas Asli Cecair Malaysia Ketiga ( <i>Third Malaysia Liquefied Natural Gas</i> )

Mmscfd	=	juta kaki padu sehari ( <i>million standard cubic feet per day</i> )
MNCs	=	syarikat multinasional ( <i>multinational companies</i> )
MOA	=	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ( <i>Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry</i> )
MPBN	=	Majlis Perundingan Belia Negara
MPOB	=	Lembaga Minyak Sawit Malaysia ( <i>Malaysian Palm Oil Board</i> )
Mppa	=	juta penumpang setahun ( <i>million passengers per annum</i> )
MPPB	=	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
MSC	=	Koridor Raya Multimedia ( <i>Multimedia Super Corridor</i> )
MSC TeC	=	<i>MSC Technopreneurship Centre</i>
MSMA	=	Manual Saliran Mesra Alam
MSN	=	Majlis Sukan Negara
MSTB	=	Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera
MSWG	=	Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti ( <i>Minority Shareholder Watching Group</i> )
MW	=	megawatt
MyCERT	=	Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia ( <i>Malaysian Computer Emergency Response Team</i> )
MyGfL	=	Grid Malaysia untuk Pendidikan ( <i>Malaysian Grid for Learning</i> )
MyICMS	=	Perkhidmatan Maklumat, Komunikasi dan Multimedia Malaysia ( <i>Malaysian Information, Communications and Multimedia Services</i> )
MyRAM	=	Metodologi Penilaian Risiko Sektor Awam ( <i>Malaysian Public Sector ICT Security Risk Assessment Methodology</i> )
MyREN	=	Rangkaian Penyelidikan dan Pendidikan Malaysia ( <i>Malaysia Research and Education Network</i> )
MyIPO	=	Perbadanan Harta Intelek Malaysia ( <i>Intellectual Property Corporation of Malaysia</i> )
NAFC	=	Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional ( <i>National Agriculture and Food Corporation</i> )
NAM	=	Pergerakan Negara-Negara Berkecuali ( <i>Non-Aligned Movement</i> )
NCP	=	Dasar Koperasi Negara ( <i>National Co-Operative Policy</i> )

NeLCC	= Jawatankuasa Perundingan e-Pembelajaran Kebangsaan ( <i>National e-Learning Consultative Committee</i> )
NGO	= badan bukan kerajaan ( <i>non-governmental organisations</i> )
NIPN	= Institut Farmaseutikal dan Neutraceutikal Kebangsaan ( <i>National Institute of Pharmaceuticals and Neutraceuticals</i> )
NIS	= Sistem Inovasi Kebangsaan ( <i>National Innovation System</i> )
NISER	= Pusat Tindak Balas Kecemasan dan Keselamatan ICT Kebangsaan ( <i>National ICT Security and Emergency Response Centre</i> )
NITC	= Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan ( <i>National Information Technology Council</i> )
NLGP	= <i>National Lead Generation Programme</i>
NOSS	= Piawaian Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ( <i>National Occupational Skills Standards</i> )
NPC	= Perbadanan Produktiviti Negara ( <i>National Productivity Corporation</i> )
NSDP	= <i>National Start-Up Development Programme</i>
NSF	= Sistem Biasiswa Penyelidikan Sains Kebangsaan ( <i>National Science Fellowship</i> )
NUDP	= <i>National Unipreneur Development Programme</i>
ODA	= bantuan pembangunan rasmi ( <i>official development assistance</i> )
OER	= kadar perahan minyak ( <i>oil extraction rate</i> )
OIC	= Pertubuhan Persidangan Islam ( <i>Organisation of Islamic Conference</i> )
OSC	= pusat setempat ( <i>one-stop centre</i> )
OSCC	= pusat kompetensi <i>open source</i> ( <i>open source competency centre</i> )
OSS	= perisian sumber terbuka ( <i>open source software</i> )
OECD	= Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
PABK	= perusahaan awam bukan kewangan
PAKR	= Perumahan Awam Kos Rendah
PBB	= Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	= pihak berkuasa tempatan
PEMADAM	= Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia

PENGASIH	=	Persatuan Bekas-bekas Penagih Malaysia
PETRONAS	=	Petroleum Nasional Berhad
PFI	=	inisiatif pembiayaan swasta ( <i>private finance initiatives</i> )
PFN	=	Pelan Fizikal Negara
PGK	=	Pendapatan Garis Kemiskinan
PICS	=	Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal ( <i>Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme</i> )
PIN	=	Pelan Integriti Nasional ( <i>National Integrity Plan</i> )
PKTM	=	Program Kerjasama Teknikal Malaysia
PKEN	=	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PLKN	=	Program Latihan Khidmat Negara
PNB	=	Permodalan Nasional Berhad
PNS	=	Perbadanan Nasional Berhad
POWER	=	<i>Pensions Online Workflow EnviRonment</i>
PPI	=	indek harga pengeluar ( <i>producer price index</i> )
PPF	=	Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen ( <i>Provident And Pension Fund</i> )
PPMKB	=	Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi
PPR	=	Program Perumahan Rakyat
PPRB	=	Program Perumahan Rakyat Bersepadu
PRISMA	=	Pemantauan Rangkaian ICT Sektor Awam Malaysia
PROSPER	=	Projek Usahawan Bumiputera dalam Bidang Peruncitan
PRS	=	Sistem Pelaporan Polis ( <i>Police Reporting System</i> )
PSMB	=	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
PSPSK	=	Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan
PTP	=	Pelabuhan Tanjung Pelepas ( <i>Port of Tanjung Pelepas</i> )
PTPTN	=	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara
PUNB	=	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
PUTRA	=	Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd.
R&D	=	penyelidikan dan pembangunan ( <i>research and development</i> )
RDI	=	Indeks Pembangunan Jalan Raya ( <i>Road Development Index</i> )

RISDA	= Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah ( <i>Rubber Industry Smallholder Development Authority</i> )
SC	= Suruhanjaya Sekuriti ( <i>Securities Commission</i> )
S&T	= sains dan teknologi
SARS	= Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk ( <i>Severe Acute Respiratory Syndrome</i> )
SAGA	= Dana Kecemerlangan Sains Asas ( <i>Scientific Advancement Grant Application</i> )
SCAN	= Pasukan Mengesan Penderaan Kanak-Kanak dan Kanak- Kanak Terabai ( <i>Suspected Child Abuse and Neglect</i> )
SDVI	= Maklumat Maya bagi Penawaran dan Permintaan ( <i>Supply and Demand Virtual Information</i> )
SEA	= <i>Southeast Asian</i>
SJER	= Wilayah Ekonomi Johor Selatan ( <i>South Johor Economic Region</i> )
SLA	= Perjanjian Tahap Perkhidmatan ( <i>Service Level Agreement</i> )
SLDN	= Sistem Latihan Dual Nasional
SLGGA	= <i>Smart Local Government Governance Agenda</i>
SMART	= Pengurusan Tebatan Banjir dan Terowong Jalan ( <i>Stormwater Management and Road Tunnel</i> )
SPAN	= Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
SPED	= Skim Pembiayaan Ekonomi Desa
SPKR	= Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
SPNB	= Syarikat Perumahan Negara Berhad
SPP II	= Sistem Pemantauan Projek II ( <i>Project Monitoring System II</i> )
SPS	= Sanitari dan Fitosanitari ( <i>Sanitary and Phytosanitary</i> )
SREP	= <i>Small Renewable Energy Programme</i>
SSO	= <i>Shared Services Outfit</i>
STAR	= Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd.
STP2	= Dasar Sains dan Teknologi Kedua ( <i>Second Science and Technology Policy</i> )
STS Syarikat	= Sistem Taksir Sendiri untuk Syarikat
TAF	= Tabung Pemerolehan Teknologi ( <i>Technology Acquisition Fund</i> )



TCDC	=	Kerjasama Teknikal Di kalangan Negara Membangun
TCTP	=	Program Kerjasama Latihan bagi Negara Ketiga
TEMAN	=	Terminal Makanan Negara
TEUs	=	unit bersamaan dua puluh kaki <i>(twenty-foot equivalent units)</i>
TFP	=	produktiviti faktor keseluruhan <i>(total factor productivity)</i>
TIEN2	=	<i>Trans-Eurasia Information Network 2</i>
TM	=	Telekom Malaysia Berhad
TNB	=	Tenaga Nasional Berhad
TPM	=	Taman Teknologi Malaysia <i>(Technology Park Malaysia)</i>
tsf	=	<i>trillion standard cubic feet</i>
UNDP	=	Program Pembangunan PBB
UNFPA	=	Tabung Kependudukan PBB
UNICEF	=	Tabung Kanak-Kanak PBB
USP	=	Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejangat <i>(Universal Service Provision)</i>
VoIP	=	<i>Voice over Internet Protocol</i>
WAVE	=	Wanita Menentang Keganasan <i>(Women against Violence)</i>
WHO	=	<i>World Health Organisation</i>
WITSA	=	<i>World Information Technology and Services Alliance</i>
WTO	=	Pertubuhan Perdagangan Dunia <i>(World Trade Organization)</i>
YTN	=	Yayasan Tekun Nasional



RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN 2006-2010

# PETUNJUK

## PETUNJUK

### Bekalan Air

air tanah, 408, 409  
air tidak terhasil, 41  
air yang boleh diminum, 401, 408  
bekalan air luar bandar, 401  
kadar air tidak terhasil, 401  
loji rawatan air, 401  
penuaian air hujan, 408, 409  
penyaluran air mentah antara negeri, 408  
petunjuk prestasi utama, 410  
Projek Penyaluran Air Mentah Antara Negeri, 41  
sistem retikulasi, 401

### Belia

Akta Belia Negara, 318  
golongan belia, 311, 317  
Institut Penyelidikan Belia Negara, 318  
kempen bersepadu, 322  
kepemimpinan, 319  
keusahawanan, 315  
komuniti belia perdagangan dan perindustrian, 321  
latihan, 315, 320  
Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional, 313  
Penggerak Rakan Muda, 314  
polarisasi kaum, 319  
program Rakan Muda dan Khidmat Negara, 330  
Program Latihan Khidmat Negara, 314, 320  
Program Pembangunan Belia Tani, 321  
program pembangunan belia, 317, 318  
program pencegahan dan pemulihan, 314, 321  
teras pembangunan belia, 311

### Bioteknologi

bina upaya, 174  
Bio Nexus, 165, 170, 174, 178  
Biogenerik, 172  
bioinformatik, 166, 167, 170, 171, 175, 178  
biokepelbagaian, 174, 178  
biopembuatan, 170, 172, 176  
biopemprosesan, 170, 172, 176  
bioteknologi  
pertanian, 168, 169, 171, 177, 178  
penjagaan kesihatan, 169, 170, 172, 177, 178  
industri, 166, 167, 169, 170, 171, 174, 175, 176, 177, 178  
Infrastruktur, 165  
*biopiracy*, 174  
Dana Pengkomersilan Bioteknologi, 175  
Dasar Bioteknologi Negara (DBN), 165  
farmaseutikal, 167, 168, 172, 173, 176  
genomik dan biologi molekul, 167  
geran setara, 175, 178  
harta intelek (IP), 169, 174, 179

inkubator, 169  
insentif, 164, 174, 176, 178  
keusahawanan, 165, 175  
kontrak pembuatan, 174, 176, 177  
latihan, 166, 167, 176  
modal insan, 165, 174, 175  
modal intelek, 166, 174, 175  
modal teroka, 175  
pelaburan, 165, 169, 170, 172, 173, 174, 175, 177, 178  
pembangunan perniagaan, 175, 177  
pembayaran, 174, 175, 179  
pemerolehan teknologi, 175, 179  
pemindahan teknologi, 177  
pengkomersilan, 169, 170, 171  
penilaian, 170, 175  
Standard, 167  
penyelidikan dan pembangunan (R&D), 165, 166, 167, 177, 172, 173, 174, 175, 176, 177, 178, 179  
Perbadanan Bioteknologi Malaysia, 166, 173, 177  
Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), 169, 175  
produk asli, 167, 169, 172  
*ScienceFund*, 175  
sektor swasta, 165, 169, 171  
sumber manusia, 165, 166, 170, 175, 177  
sumber pertumbuhan baru, 173, 177  
Tabung Sains Hayat Malaysia, 175  
*TechnoFund*, 175  
teknologi pelantar, 169, 171, 177

### Bumiputera

Bumiputera, 33  
Bumiputera (MPPB), 37  
Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), 372  
Majlis Amanah Rakyat (MARA), 371  
Usahawan Nasional Berhad (PUNB), 359, 372  
PKS Bumiputera, 37  
program pembangunan francais, 37  
program pembangunan vendor, 37  
Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang peruncitan (PROSPER), 359, 372  
skim modal teroka, 359, 360, 372  
Syarikat Berkaitan Kerajaan, 359  
teknousahawan, 371  
usahawan Bumiputera, 37

### Daya Saing

kelebihan, 27

### Ekonomi Makro

cukai fiskal, 382  
dasar kewangan, 24  
ekonomi berasaskan pengetahuan, 30, 37  
globalisasi, 24  
imbangan pembayaran, 24

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 377  
Keluaran Negara Kasar, 25  
ketidakseimbangan ekonomi dunia, 23  
liberalisasi, 24, 30, 34  
pelaburan sektor swasta, 24  
pembuatan, 26  
pendapatan per kapita, 384  
persekitaran ekonomi negara dan antarabangsa, 24  
pertanian, 26  
produktiviti faktor keseluruhan, 24

#### **Elektrik**

permintaan puncak, 420, 427  
campuran penjanaan, 421, 428  
pengagihan, 421, 424  
rizab margin, 19.13, 1420, 427, 433  
Projek Hidroelektrik Bakun, 428  
hidro, 428  
penjanaan, 424, 427, 428, 429  
penghantaran, 421, 428, 429  
elektrik luar bandar, 421, 424, 429  
Sistem Penyeliaan Kawalan dan Perolehan Data, 430

#### **Ekonomi Antarabangsa**

ekonomi dunia, 64  
harga minyak mentah dunia, 61  
negara maju, 65  
negara membangun, 65  
pasaran bukan tradisional, 75  
perdagangan dunia, 65

#### **Ekonomi Berasaskan Pengetahuan**

Indeks pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan, 46  
kesediaan pengetahuan berdasarkan tahap kandungan pengetahuan, 47

#### **Guna Tenaga**

bekerja sendiri, 264  
*electronic labour exchange*, 264  
guna tenaga, 251, 263, 264  
jawatan tinggi dan pertengahan, 353  
kumpulan pekerjaan utama, 251, 264  
profesional Bumiputera, 371  
sektor pembuatan, 251, 264  
sektor perkhidmatan, 251, 264  
sektor pertanian, 251, 264  
separa profesional, 353  
siswazah menganggur, 366

#### **Harga**

bandar, 55  
Indeks Harga Pengeluar, 55  
Indeks Harga Pengguna, 54  
Inflasi, 45, 54, 65, 66, 78  
luar Bandar, 55  
teras, 54

#### **ICT**

akreditasi, 156, 160  
aplikasi MSC, 143, 154

bandar siber, 152, 154, 155, 156, 162  
berstatus MSC, 143, 145, 149, 152, 154  
Bil Jaminan MSC, 149, 152  
bioinformatik, 156, 158, 159  
Cyberjaya, 153, 156  
e-pembelajaran, 140, 152  
forensik komputer, 147  
guna tenaga ICT, 159  
harta intelek, 157  
infostruktur, 139, 146, 163  
Kad Pelbagai Guna Kerajaan (GMPC), 154, 155  
keselamatan maklumat, 139, 147, 148, 159, 160, 161  
Medan InfoDesa, 144  
merapatkan jurang digital (BDD), 145, 152, 161, 162  
modal intelek, 160  
pembangunan kandungan, 139, 141, 143, 146, 156, 159  
pembangunan teknousahawan, 155  
pembekal perkhidmatan aplikasi (ASP), 141  
pembudayaan, 147, 160  
peniaga dengan pengguna (B2C), 144, 158  
peniaga dengan peniaga (B2B), 144, 158  
penyiaran, 151, 156, 157  
perkhidmatan Internet, 161  
perkhidmatan jalur lebar, 150  
Perkhidmatan Maklumat, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MyICMS), 147  
Pusat K-Komuniti, 152  
Pusat Pembangunan dan Aplikasi Kreatif (CADK), 146  
*telecentre*, 144, 152, 161  
Pusat Tindakbalas Kecemasan dan Keselamatan ICT Kebangsaan (NISER), 147, 161  
rangka terperinci e-pembelajaran, 147, 160  
rangkai jalur lebar, 150  
SchoolNet, 146, 155, 161  
sistem maklumat geografi (GIS), 145, 148  
Skim Geran Aplikasi Penunjuk Cara (DAGS), 147  
Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejahtera (USP), 144, 152  
tapak ujian, 153, 154  
telekerja, 152  
telekesihatan, 143, 155  
televisyen digital (DTV), 157  
*voice over IP* (VoIP), 141

#### **Imbangan Pembayaran**

akaun pendapatan, 61, 76  
akaun perkhidmatan, 61, 76  
akaun semasa, 45, 61, 76  
barangan modal, 61  
barangan pengantara, 61  
barangan penggunaan, 61  
bayaran pindahan, 61  
eksport, 45, 56, 61, 64, 67, 70, 75, 76  
import, 61, 73, 75, 76  
intensiti, 61  
kasar, 56, 75

pembuatan, 47, 49, 51, 56, 64, 67  
 pengangkutan, 49, 55, 61, 68, 69, 70, 75  
 perjalanan, 49, 61  
 perlombongan, 51, 61, 70, 76  
 pertanian, 49, 52, 56, 64, 67, 69, 70, 72,  
 74, 76

#### Indeks Komposit Pembangunan

pembangunan wilayah yang seimbang, 375,  
 383, 387, 391

#### Industri

air dan pembentungan, 41  
 bioteknologi, 27  
 elektrik dan elektronik, 26  
 hab halal, 384, 385  
 hubungan udara, 382, 390  
 ICT, 27  
 kandungan digital, 27  
 Kastam Imigresen dan Kuarantin (CIQ), 383,  
 390  
 Kompleks Perikanan Laut Dalam,  
 bersepadu, 386  
 lembah lembu daging, 385  
 pekerja berpengetahuan, 31  
 tenaga kerja mahir bioteknologi, 27  
 pekerja tempatan, 28  
 projek ikan hiasan, 390  
 sektor swasta, 29  
 taman kekal pengeluaran makanan, 384,  
 385  
 taman teknologi tinggi, 384  
 terminal makanan negara, 384  
 daging halal, 390  
 urusan perniagaan, 390

#### Jalan Raya

akses, 396, 403  
 hab logistik, 385  
 hubungan, 382, 388, 390  
 Indeks Pembangunan Jalan Raya, 396  
 jalan luar bandar, 396, 403  
 keselamatan jalan raya, 396, 403  
 program penswastaaan, 396, 403  
 Tambak Johor, 385

#### Kebudayaan

Akademi Seni Kebangsaan, 492  
 Balai Seni Lukis Negara, 493  
 kraf, 491  
 industri budaya kreatif, 497  
 seni kreatif dan seni persembahan, 492  
 taman budaya, 492  
 seni halus, 492  
 Skim Perantisan Warisan Kraf, 498  
 Muzium Kesenian Islam, 494  
 Istana Budaya, 493, 496  
 Laman Seni Kuala Lumpur, 493  
 Arkib Negara, 496  
 Muzium Automobil Nasional, 494  
 Akta Warisan Negara 2005, 496  
 Perbadanan Kemajuan Filem Nasional  
 Malaysia, 497  
 Program Merakyatkan Seni dan Budaya,  
 495  
 Muzium Tekstils, 496  
 seni tampak, 493

#### Keluaran Dalam Negeri Kasar

dalam negeri, 70,71, 72  
 imbangan sumber, 54, 71  
 keluaran negara kasar per kapita, 45, 66  
 nisbah tambahan modal kepada pengeluaran,  
 46  
 pariti kuasa beli, 45, 66  
 pelaburan awam, 53, 71  
 pelaburan langsung asing, 51  
 pelaburan swasta, 51, 70, 71, 78  
 pembinaan, 51, 52, 70  
 pembuatan, 47, 49, 51, 56, 64, 67  
 penggunaan awam, 53, 71  
 penggunaan swasta, 53, 66, 71  
 perlombongan, 51, 52, 56, 64, 70, 76  
 permintaan, 45, 66, 68, 70  
 pertanian, 49, 52, 56, 64, 67, 69  
 sektor perkhidmatan, 49, 52, 57  
 sumber, 54  
 tabungan negara, 45, 54, 71

#### Keluarga

Akta Kanak-Kanak 2001, 327  
 Akta Orang Kurang Upaya, 335  
 Akta Pusat Jagaan Kanak-Kanak 1984, 327,  
 334  
 Dasar Sosial Negara, 331  
 Elaun Pekerja Kurang Upaya, 329  
 Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak, 334  
 Jawatankuasa Rukun Tetangga, 331, 337  
 Kempen Utamakan Keluarga, 326  
 Kompleks KASIH Keluarga, 326  
 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak,  
 328, 334  
 Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak, 327  
 Pelan Tindakan Negara Untuk Orang Tua,  
 329  
 penasihat mahkamah untuk Mahkamah  
 Kanak-Kanak, 334  
 Standard Kebangsaan Untuk Kecekapan  
 Kerja Sosial, 338  
 Program *Parenting @ Work*, 333  
 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, 327  
 Pusat Rujukan Sosial, 331  
 Taman Sinar Harapan, 329  
 Unit Mayang, 336

#### Kemiskinan

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), 35, 349,  
 362, 365  
 bandar, 349, 363, 364, 373  
 FELCRA BERHAD, 365, 373  
 jurang, 349, 351  
 kadar kemiskinan, 347, 349, 351, 364, 365  
 kadar, 35  
 kemiskinan, 35  
 kemiskinan tegar, 344, 348, 349, 360, 362,  
 365, 374, 137  
 keseluruhan, 344, 349, 360, 362, 365, 374  
 kredit mikro, 349, 362  
 kumpulan yang kurang mendapat faedah  
 pembangunan, 361, 365, 367  
 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan  
 (FELDA), 373  
 luar bandar, 345, 346, 347, 349, 351, 363,  
 362, 363, 364, 365, 366, 367, 374

Minoriti Bumiputera, 351  
Orang Asli, 361, 365  
pangkalan data, 363  
Pelan Tindakan Strategik Kemiskinan Bandar, 364  
pembasmian kemiskinan, 34  
pendapatan garis kemiskinan (PGK), 347, 348  
penempatan semula, 352  
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), 364, 373  
Program Pembangunan Bersepadu bagi Masyarakat Bandar, 363, 364  
Pusat Sejahtera, 364  
Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), 349  
*United Nations Development Program (UNDP)*, 345  
Yayasan Basmi Kemiskinan, 349

#### **Kependudukan**

bandar, 262  
jangka hayat ketika lahir, 250, 262  
kadar kesuburan jumlah, 250, 262  
kadar pertumbuhan, 262  
kumpulan umur, 262  
penduduk, 250, 262

#### **Kerjasama Dua Hala**

Bantuan Pembangunan Rasmi, 538  
bantuan teknikal, 538  
kerjasama perdagangan dan perkhidmatan, 538  
perjanjian perdagangan dan pelaburan, 544  
Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia, 538

#### **Kerjasama Pelbagai Hala**

ASEAN, 20, 44  
Bank Dunia, 548  
Bank Pembangunan Asia, 541, 548  
Bank Pembangunan Islam, 541, 548  
bantuan teknikal, 541, 549  
Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, 44  
Komanwel, 541  
matlamat MDG, 541  
Pergerakan Negara-negara Berkecuali, 541, 547  
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 541, 546, 548  
Pertubuhan Perdagangan Dunia, 30, 541, 549  
Pertubuhan Persidangan Islam, 43, 547  
Rancangan Colombo, 541

#### **Kerjasama Serantau**

ASEAN, 375, 382, 388, 392  
inisiatif rantau-kecil dalam kawasan, ASEAN 522  
dua hala, 375  
Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, 521, 529  
Mesyuarat Asia-Eropah, 521  
Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara, 527

#### **Kerjasama Selatan-selatan**

rangkaian antara alumni, 543, 550  
perkongsian pintar, 43

perkongsian strategik, 556  
Program Kerjasama Teknik Malaysia, 43  
Program Kerjasama Teknikal Malaysia, 537, 543, 549, 550, 551

#### **Kesihatan**

Akaun Kesihatan Kebangsaan, 458  
Akta Peralatan Perubatan, 458  
amalan pembuatan baik (GMP), 447  
Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan dan Pelan Tindakan, 438  
Dasar Pemakanan Kebangsaan, 438  
Dasar Ubat Kebangsaan, 454  
institut  
Institut Forensik Kebangsaan, 454  
Institut Kebangsaan Produk Asli, Vaksin dan Biologi (NINPVB), 445, 446, 456  
Institut Kanser Kebangsaan, 453  
Institut Kesihatan Kebangsaan (NIH), 445, 456  
Institut Kesihatan Oral Kebangsaan, 453  
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), 437, 445  
Kajian Beban Penyakit, 445, 449, 456, 459  
Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, 456  
kemudahan pembedahan kecil, 388  
kesihatan pergigian, 438  
kesejahteraan sepanjang hayat, 435, 448  
klinik  
klinik bergerak, 388, 451  
klinik desa, 439  
klinik kesihatan, 437, 439, 442, 443, 450  
konsep klinik bersepadu, 439, 452  
Lembaga Etika Kebangsaan, 458  
Matlamat Pembangunan Milenium, 442, 450  
paliatif, 440, 442, 443, 454  
pelancongan kesihatan, 443, 454  
Pelan Strategik Kebangsaan, 450  
pembangunan profesional berterusan, (CPD) 446, 455  
penggalakan kesihatan, 436, 449, 451, 458, 458  
penilaian teknologi kesihatan (HTA), 447  
penjagaan farmasiutikal, 442  
penjagaan pemulihan, 451  
penjagaan primer, 439, 446, 451, 452, 457  
penjagaan sekunder dan tertiar, 20.16, 439, 452  
Penjagaan *Teleprimer*, 446, 457  
penyakit  
penyakit bawaan air, 439  
penyakit bawaan vektor, 450  
penyakit berjangkit, 1.53, 20.80, 449, 450, 452, 459  
penyakit tidak berjangkit, 437, 449, 450, 452, 459  
penyelidikan dan pembangunan (R&D), 445, 446, 456, 458  
Peraturan Makanan 1985, 438  
perkhidmatan kesihatan mental, 451  
pertubuhan bukan kerajaan (NGO), 434, 436, 440, 442, 449, 450, 452, 454, 458, 459

perubatan tradisional dan komplementari (T/CM),  
446, 451, 454, 456, 458

#### program

- program bekalan air dan kesihatan alam  
sekitar, 439, 451
- program keselamatan dan kesihatan  
pekerjaan, 438
- program keselamatan dan kualiti makanan,  
438
- program pemakanan, 438

#### pusat

- pusat penjagaan ambulatori (ACC), 441, 453
- Pusat Penyakit Berjangkit (CDC), 449
- Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit, 39,  
437
- Pusat Pemindahan Darah Kebangsaan, 441
- Pusat Kesiediaan dan Respons Krisis  
(Kesihatan) Nasional, 450

risikan epedemik, 449

Persijilan Akreditasi Hospital, 39, 447, 457

#### sistem

- sistem maklumat hospital (HIS), 457
- sistem maklumat hospital menyeluruh, 446
- sistem maklumat kawalan penyakit berjangkit,  
437

#### sumber manusia

- anggota kesihatan sains bersekutu (AHSP),  
443, 452, 455
- pakar perubatan keluarga, 439, 452

Tabung Kesihatan Kebangsaan, 447

telekesihatan, 446, 456

teleperundingan, 446, 457

### Perkhidmatan Kewangan

Bank Negara Malaysia, 194, 201

Danaharta, 183, 202

Danamodal, 184, 202

Dasar Koperasi Negara, 191, 201

derivatif, 190

institusi kewangan pembangunan, 187, 193

insurans, 183, 187, 188, 195, 196, 197

koperasi, 191, 201

kumpulan wang simpanan dan pencen, 190,  
200

liberalisasi, 181, 186, 188, 192, 193, 197, 198,  
202

modal teroka, 190, 194

pasaran modal, 188, 189, 197

pasaran modal Islam, 189, 191, 195, 197, 198

Pelan Induk Sektor Kewangan, 181, 182, 191,  
193, 202

pendidikan pengguna, 183

perlindungan pengguna, 183, 196

perbankan Islam, 186, 187, 192, 194, 195

pinjaman tak berbayar, 184

Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa,  
190, 193, 201

syarikat berkaitan kerajaan, 189, 198

Takaful, 187, 191, 192, 195, 196

unit amanah, 190

### Kualiti Hidup

bandar, 380, 383, 386

infrastruktur, 379, 380, 383, 384, 385, 386,  
387, 388, 390

jurang antara luar bandar dengan jurang digital,  
387

jurang pendapatan, 380, 386, 387

kampung baru, 388

kampung tradisional, 388

kemiskinan bandar, 382

kemiskinan luar bandar, 386

pembiayaan kredit mikro, 387

kemudahan sosial, 380, 381, 386, 387

keseimbangan wilayah, 375

miskin tegar, 386

pendapatan isi rumah bulanan purata, 378, 380

### Lapangan Terbang

dasar langit terbuka, 400

kawalan trafik udara, 407

kerja menaik taraf, 400, 406

KLIA, 382, 400, 406

penumpang yang dikendalikan, 400

permintaan trafik udara, 400

### Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), 372

Majlis Amanah Rakyat (MARA), 371

pembangunan vendor, 359, 372

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad  
(PUNB), 359, 372

program pembangunan francais, 359

Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang

Peruncitan (PROSPER), 359, 372

sektor kecil berasaskan teknologi, 367

skim modal teroka, 359, 360

syarikat berkaitan kerajaan (GLCs), 359

teknousahawan, 371

### Pelabuhan

kargo yang dikendalikan, 399

keselamatan pelayaran, 406

Pelabuhan Klang, 399, 405

pengangkutan sungai, 399, 406

pengendali syarikat perkapalan utama, 405

pengerukan, 405, 406

PTP, 399, 405

terminal kontena, 399

### Pelaburan

pelaburan asing, 379

pelaburan tempatan, 379

### Pelancongan

acara bertema, 207, 213

akses, 209, 217, 219

bandar pelancongan pesisiran pantai, 388

ekopelancongan, 207, 212

agropelancongan, 207, 212

Cuti-cuti Malaysia, 214

destinasi membeli-belah, 203, 204, 205, 214,  
215, 216

domestik, 203, 204, 205, 214, 215, 216

tempat bersejarah, 207

kebudayaan dan warisan, 207

kelancaran perjalanan, 217

kemudahan dan infrastruktur, 216, 217

pelancongan kesihatan, 209, 214

ketibaan pelancong, 203, 204, 212  
laman portal, 215  
Majlis Kebangsaan Pembangunan Sumber  
Manusia Dalam Bidang Pelancongan  
(NTHRDC), 206  
Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, 212  
Malaysia Truly Asia, 209, 215  
memulihara, 212  
menyenggara, 216  
pakatan strategik, 217  
pembangunan pelancongan yang mampan, 203,  
211  
pelayaran, 208, 214  
pemuliharaan, 212  
pendapatan pelancongan, 203  
pelancongan pendidikan, 208, 214  
penerbangan kos rendah, 205  
penginapan, 204, 215  
perbelanjaan pelancongan, 204  
Standard Kebangsaan Kemahiran Pekerjaan,  
206  
Program Malaysia Rumah Keduaku, 209, 214  
Program Inap Desa, 207, 212  
persidangan, insentif, konvensyen dan pameran  
(MICE), 207, 209, 213  
retreat korporat, 205  
taman marin, 207

#### **Pembangunan Luar Bandar**

berasaskan hutan, 387  
infrastruktur dan kemudahan, 15  
jurang pembangunan, 375, 376, 377, 379, 383,  
392, 7.21  
kawasan pedalaman, 387  
kawasan pertumbuhan yang berpotensi, 386  
komuniti, 21  
kraftangan, 387  
Lembaga Kemajuan Wilayah, 15  
pedalaman, 386  
penduduk luar bandar, 386, 387, 388, 392  
projek berasaskan logam, 387  
pusat pertumbuhan, 375, 384, 386, 387  
seramik, 387  
tekstil, 387

#### **Pembangunan Modal Insan yang Holistik**

Prestasi tinggi, 272  
etika dan moral, 272, 274  
holistik, 249, 272, 274  
Islam Hadhari, 249, 272  
liputan, 272

#### **Pembetulan**

efluen, 411  
jumlah penduduk yang disediakan dengan  
kemudahan, 401  
loji rawatan pembetulan, 401, 411

#### **Pembuatan**

aeroangkasa, 127, 128  
ASEAN, 114, 132, 134  
berasaskan bukan sumber, 112, 114, 116, 117  
berasaskan sumber, 112, 114, 118, 121, 122,  
124, 131, 135, 136

bioteknologi, 120, 122, 124, 125, 131, 135,  
137  
Bumiputera, 119, 122, 130, 131, 137  
Dasar Automotif Nasional (DAN), 126  
daya saing, 111, 119, 120, 121, 122, 123, 124,  
126, 131, 133, 134, 138  
Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS), 111, 119,  
120, 122, 130, 131, 132, 133, 134, 138  
fotonik, 120  
globalisasi, 134  
infostruktur, 118, 120  
inovasi, 111, 120, 121, 124, 125, 133, 137  
insentif, 118, 120, 122, 125, 126, 127, 128,  
130, 131, 132, 138  
Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA),  
132  
kelompok industri, 124, 138  
kraftangan, 128  
nilai ditambah tinggi, 114, 118, 128, 131, 138  
Pelana Induk Perindustrian Ketiga (PIP3), 122  
penjenamaan, 116, 130, 131  
penyenggaraan, pembaikan dan membaik pulih  
(MRO), 127, 128  
perkhidmatan berkaitan pembuatan (MRS), 118,  
130  
produktiviti, 111, 124, 134, 135  
rantai nilai, 124, 125, 127, 129  
teknologi nano, 136  
teknousahawan, 131  
vendor, 119

#### **Pembandaran**

penduduk bandar, 380, 388  
proses pembandaran, 380  
sempadan bandar, 388

#### **Pembangunan Wilayah**

Bandar Nusajaya, 385  
berdaya maju dan berpontensi hierarki, 387,  
388  
kawasan merentasi sempadan, 392  
kawasan sekeliling, 388  
konurbasi, 375, 388  
Koridor Pantai Timur, 384, 385, 391  
negeri kurang membangun, 379, 383, 384, 386,  
391  
negeri membangun, 379  
Pusat K-Komuniti, 387  
pusat setempat, 387  
provinsi, 382, 388, 390  
program pemeraksanaan, 387  
Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER), 384,  
385, 392  
Wilayah Selatan, 384, 386, 392  
Wilayah Tengah, 376, 377, 381, 385  
Wilayah Timur, 376, 377, 385  
Wilayah Utara, 384  
zon ekonomi khas, 390

#### **Pemilikan**

Bangunan dan premis komersil, 356  
Bumiputera, 344, 353, 356, 360, 368



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 369  
 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN),  
 370, 371  
 Perbadanan UDA, 368  
 Permodalan Nasional Berhad (PNB), 368  
 Pusat GIAT MARA, 359, 369  
 Pusat Putra, 369  
 Skim Saham Amanah, 368, 369  
 Suruhanjaya Sekuriti, 359  
 tanah pribumi dan adat, 369  
 tawaran awam permulaan (IPO), 369  
 Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, 368

#### **Pendapatan**

agihan, 35  
 jurang, 35  
 ketidaksamaan, 35  
 kumpulan berpendapatan menengah, 366  
 nisbah jurang pendapatan, 352  
 pekali Gini, 352  
 Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, 35  
 jadual 16-3

#### **Pendidikan**

Anggota akademik, 270  
 dwi-ijazah, 258  
 dwi-pengkhususan, 258  
 enrolmen, 254, 267  
 hab pendidikan, 385  
 hab pendidikan serantau, 258  
 ICT dan pendekatan berbantuan teknologi,  
 270  
 ijazah anugerah bersama, 258  
 infrastruktur, 254, 268  
 institusi pendidikan tinggi awam, 256  
 institusi pendidikan tinggi swasta, 256  
 jurang prestasi, 268  
 kampus cawangan, 256  
 kolej komuniti, 256  
 kolej universiti, 256  
 kualiti pendidikan, 267  
 kursus di peringkat tinggi, 271  
 major-minor, 258  
 menengah, 254, 267, 268  
*myschoolnet*, 268  
 lepasan ijazah kedoktoran, 258  
 pejabat promosi pendidikan, 259  
 pelajar asing, 259  
 pelajar tajaan kerajaan, 256  
 pembelajaran sepanjang hayat, 258  
 pembiayaan pendidikan, 269  
 pendidikan khas, 255, 267  
 penguasaan pelbagai bahasa, 270  
 peringkat lepasan ijazah, 256  
 politeknik, 256  
 prasekolah, 254, 267  
 program *internship* dan sangkutan berstruktur,  
 270  
 program pendidikan lanjutan, 258  
 pusat kecemerlangan, 258  
 rendah, 254, 267, 268  
 sekolah bestari, 268  
 sistem penarafan, 269  
 universiti, 256

#### **Pengangkutan Bandar**

dasar pengangkutan negara, 397, 404  
 hab transit, 404  
 kesesakan lalu lintas, 404  
 pengangkutan awam, 396, 398, 404  
 penyusunan semula, 397  
 peralihan mod, 404

#### **Pengangkutan kereta api**

landasan berkembar, 398  
 penstrukturan semula, 399

#### **Pengangkutan udara**

jet berbadan kecil, 385  
 kapal terbang berbadan lebar, 385

#### **Pentadbiran**

pusat pentadbiran, 385

#### **Perkhidmatan Bandar**

Pengurusan Sisa Pepejal, 465, 466, 475  
 Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal  
 Kebangsaan, 475

#### **Perkhidmatan bomba dan penyelamat**

meningkatkan perkhidmatan bomba dan  
 penyelamat, 468  
 Akademi Bomba dan Penyelamat, 476  
 Kempen mencegah kebakaran, 476  
 Lebih banyak brigid sukarelawan bomba dan  
 penyelamat, 476

#### **Pengurusan alam sekitar**

amalan pertanian baik, 482  
 bahan kimia dan bahan berbahaya, 482  
 bahan mesra alam, 486  
 bahan toksik dan berbahaya, 480, 487  
 bilangan sungai tercemar, 481  
 Dasar Alam Sekitar Nasional, 480  
 diguna semula, 487  
 Indeks Pencemaran Udara, 480  
 instrumen berasaskan pasaran, 479  
 jerebu, 480  
 kandungan sulfur, 480, 486  
 kelestarian alam sekitar, 479  
 kesedaran, 486  
 kualiti air, 480, 481, 490  
 kualiti udara, 480, 486, 490  
 langkah pencegahan, 479, 485, 490  
 langkah swakawal, 487  
 LCA, 487  
 pelabelan mesra alam, 487  
 pelepasan, 480, 486  
 pencemar udara, 486  
 pencemaran air sungai, 481  
 piawai interim kualiti air marin, 486  
 piawai pelepasan pencemar, 486  
 punca bergerak, 480  
 punca domestik, 480  
 punca tetap, 480, 486  
 sisa berjadual, 481, 487  
 sisa pepejal, 480, 481, 486  
 sistem global seragam, 487  
 sungai tercemar, 486  
 tapak pelupusan sanitari, 481, 486  
 teknologi bersih, 480, 486, 487, 490

### **Pengurusan Sumber Asli**

Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar, 484  
budaya dan amalan mesra alam, 489  
ekosistem, 488  
Enakmen Mineral dan Peraturan Kuari, 488  
Enakmen Mineral Negeri, 484  
fungsi ekosistem, 488  
habitat kritikal, 483, 485, 488, 489  
hutan paya bakau, 483, 488  
instrumen berasaskan pasaran, 485, 488, 489  
kawasan perlindungan, 483  
Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 482, 487  
kawasan tanah tinggi, 483  
kepelbagaian biologi, 483, 488, 489, 490  
kesedaran alam sekitar, 484, 489  
langkah pencegahan, 485, 490  
litupan hutan, 483  
pembangunan mampan, 479, 483  
pendekatan pembangunan spatial, 487  
pengurusan lestari sumber asli, 485  
pengurusan sisa pepejal dan toksik, 490  
perancangan guna tanah, 482, 489  
perjanjian alam sekitar pelbagai hala, 489  
perlindungan hutan, 483  
petunjuk pembangunan lestari, 489  
PFN, 487  
piawai pembangunan, 483  
sumber air, 483, 484  
sumber air bawah tanah, 483  
sumber hutan, 483, 488, 489  
tanah lembap, 483, 488  
tapak warisan geologi, 487

### **Penswastan**

badan kawal selia, 244  
Bina-Kendali-Pindah, 238  
Bina-Pajak-Pindah, 236  
Bina-Pajak-Selenggara-Pindah, 235  
caj tariff, 242, 245  
Ekspropriasi, 239  
entiti yang diswastakan, 235  
had keberhutangan, 239  
hak mengambil alih sementara, 239  
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI), 235, 241, 242, 243, 245  
kontrak kerja, 244  
mekanisme pemantauan, 244  
modal berbayar, 240, 243  
pengagihan risiko, 241, 243, 245  
penjimatan, 238  
penjualan asset, 238  
penjualan ekuiti, 238  
penyertaan Bumiputera, 239, 241, 244  
perbelanjaan modal, 237, 238, 242  
perjanjian, 235, 238, 239, 240, 241, 242, 243, 244  
perundangan, 242, 243, 244  
Petunjuk Prestasi Utama (KPI), 241, 242, 245  
piawai prestasi, 241, 242  
program latihan, 244  
program pembangunan vendor, 239, 241, 244  
program penswastan, 235, 237, 239, 241, 242, 245

projek penswastan, 235, 236, 239, 240, 241, 242, 245  
rangka kerja kawal selia, 235, 241, 243  
sekatan ke atas penjualan saham, 244  
spesifikasi output, 241, 242  
usahawan Bumiputera, 235, 239, 241, 245

### **Perdagangan Pendedaran**

Akta Amalan Perdagangan Adil (FTPL), 229  
Akta Hakcipta 1987, 226  
Akta Jualan Langsung 1993, 229  
Akta Perlindungan Pengguna 1999, 232  
cap dagangan, 230  
Dasar Amalan Perdagangan Adil, 225  
Dasar Pengguna Nasional, 226  
e-Dagang, 227, 231, 232  
enterpris kecil dan sederhana (EKS), 223, 225, 228, 229  
francaisor dengan francaisi, 229  
francaisor, 224  
garis panduan dan rangka kerja kawal selia, 227  
Hak Harta Intelek (IPR), 226, 230  
*hypermarkets*, 223, 228  
Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), 232  
Jaringan Persaingan Malaysia, 228  
kedai khusus, 223, 231  
kedai serbaneka, 223  
Kelab Pengguna Terbaik, 232  
keperluan zon, 227  
kompleks membeli-belah, 223, 230  
koperasi, 229, 231, 232  
Organisasi Pengguna Terbaik, 232  
pasaran terpilih, 230  
Pasukan Petugas Khas Membanteras Barang-barang Tiruan, 226  
Pasukan Petugas Khas Membanteras Cetak Rompak, 226  
paten, 230  
pembangunan yang lebih seimbang, 227  
Pendaftar Perniagaan, 226  
Pendaftar Syarikat, 226  
pendidikan dan kesedaran pengguna, 226  
pengurusan rangkaian pembekal, 223  
penyelewengan, 226  
Peraturan Jualan Langsung (Skim dan Kawalan) 2001, 224  
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), 226, 230  
perniagaan ke perniagaan (B2B), 225  
perniagaan ke pengguna (B2C), 225  
Pusat membeli belah setempat, 223  
Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik, 231  
Rang Undang-undang Perlindungan Maklumat Peribadi, 231  
Rang Undang-undang Transaksi Elektronik, 231  
Rantaian bekalan domestik dan global, 228  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 226  
Tribunal Tuntutan pengguna Malaysia, 226  
Perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPs)

## Perkhidmatan Kerajaan

- aduan awam, 520, 527, 528, 532, 535
- agensi barisan hadapan, 521, 525, 530, 531, 535
- Agensi Perancang Tempatan, 529
- Akademi Kastam Malaysia (AKMAL), 532
- akauntabiliti, 519
- Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik, 530
- Akta Transaksi Kerajaan Elektronik, 530
- Anugerah Inovasi, 525
- Anugerah KMK, 525
- Anugerah Kualiti Perdana Menteri, 525, 531
- Anugerah Perdana ICT, 525
- Anugerah Perdana Pentadbiran Daerah dan Tanah, 525
- Anugerah Perdana Pihak Berkuasa Tempatan, 525
- Anugerah Perkhidmatan Awam Bangsa-Bangsa Bersatu, 525
- Biro Pengaduan Awam, 527, 535
- Borang Kepuasan Hati Pelanggan, 521
- budi bahasa, 521, 522, 531
- Bursa Buruh Elektronik (ELX), 533
- Business Information Centre* (BIC), 523
- Construction Labour Exchange Centre* (CLAB), 528
- daerah, 519, 525, 526, 528, 529, 535
- daya saing negara, 523, 528, 529, 535
- e-Consent*, 529
- e-Daftar*, 526
- EG\*Net*, 26.39
- e-Hak milik*, 526
- e-Insurans*, 526
- e-Khidmat Sosial*, 525, 533
- e-Khidmat*, 526, 530
- e-PBT*, 525, 533
- e-Pembelajaran*, 525
- e-Perolehan*, 526
- e-SPKB*, 526
- e-Syariah*, 526
- e-Tanah*, 525, 529
- etika kerja, 531, 532
- Generalised System of Preferences* (GSP), 521
- handholding*, 523
- Hari Bertemu Pelanggan, 532
- industri Hotel, 521
- inovasi, 524, 525
- Institut Aminuddin Baki (IAB), 532
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), 532
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 522, 529, 530, 532, 535
- Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), 532
- I-Visa, 520
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), 521, 526
- Jabatan Perkhidmatan Awam, 526, 535
- Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, (JPP), 522
- Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), 522
- Jawatankuasa Persyarikatan Malaysia Peringkat Pegawai, 528
- kerenah birokrasi, 519, 520, 530, 535
- kawal selia, 519, 528, 529, 530, 531, 535
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), 521
- Kementerian Pertanian, 523, 524
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), 522, 523, 529, 530, 535
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, 522
- kerajaan elektronik, 526, 530, 533, 534
- keselamatan ICT, 520, 527, 534
- Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian, 535
- keutuhan pengurusan, 519
- kompetensi, 519, 522, 527, 528, 529, 531, 532, 535
- Koridor Raya Multimedia (MSC), 523, 524, 526
- kos menjalankan perniagaan, 519, 521, 528, 535
- Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), 524, 525
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), 521
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), 520, 526
- Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), 523
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), 520
- lesen komposit, 521, 522, 523
- mesra perniagaan, 521
- Metodologi Penilaian Risiko Sektor Awam (MyRAM), 534
- MS ISO 9000:1994, 524
- MS ISO 9000, 524, 529
- MS ISO 9001:2000, 524, 531
- MSC TeC, 523, 534
- MyGovernment, 526
- National Lead Generation Programme* (NLGP), 523
- National Start-Up Development Programme* (NSDP), 523
- National Unipreneur Development Programme* (NUDP), 523
- nilai-nilai murni, 531, 532
- Open Source Software* (OSS), 527
- Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi (PPMKB), 520, 530
- Pasukan Tindakan Khas, 522
- Pegawai Khidmat Pelanggan, 521, 522
- Pegawai Projek Khas, 523
- pejabat daerah, 525, 529
- Pejabat Perkhidmatan Pelanggan, (CSO), 521, 532, 533
- pejabat tanah, 522, 529, 535
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam, 524, 525
- pelaburan asing, 523
- pelaburan swasta, 519, 535
- Pelan Strategik ICT Sektor Awam, 525, 533
- pelesenan, 519, 520, 521, 535
- Pemantauan Rangkaian ICT Sektor Awam Malaysia (PRISMA), 527, 534
- pembangunan ICT, 519, 520, 535
- pemudahan pelabur, 523, 535
- penandaarasan, 524
- penguatkuasaan, 522, 523, 527, 533
- pengukuran prestasi, 520, 531, 535

Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), 524  
 pengurusan kualiti, 519, 520, 524, 525, 535  
 pengurusan sumber manusia, 519, 528, 531, 532, 535  
 Pensions Online Workflow EnviRonment (POWER), 527  
 pentadbiran daerah, 519, 525, 528, 529  
 pentadbiran tanah, 520, 522, 529, 535  
 peraturan, 520, 528, 539, 531  
 Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), 523, 524, 534  
 Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), 525  
 Perintis, 525  
 Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA), 528  
 perkhidmatan kaunter, 520, 521, 522, 535  
 perkongsian pintar, 521  
 Persekitaran Pejabat Generik (GOE), 534  
 Persyarikatan Malaysia, 528  
 Petunjuk Utama Prestasi (KPI), 519, 525, 531  
 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), 520, 521, 522, 525, 526, 527, 528, 529, 535  
 Portal Perkhidmatan Awam, 526, 530  
 produktiviti, 523, 525  
 prosedur kerja, 519, 520, 522, 523, 528, 529, 530  
 prosedur pemantauan, 522, 523  
 Pusat Kompetensi Open Source (OSCC), 527  
 Pusat Pembangunan Perniagaan, 523, 524  
 Pusat Setempat (OSC), 521, 522, 528, 529, 530  
 pusat tanggungjawab, 534  
 saluran perkhidmatan, 528, 529, 530  
 sektor perkhidmatan, 523  
*Self-regulation*, 530, 531  
*Shared Services Outfit* (SSO), 526, 533  
 Sijil Kelayakan Menduduki (CFO), 522, 528, 530, 531  
 Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC), 530, 531  
 sistem dan prosedur, 519, 520, 522, 523, 528, 529, 530, 532  
 Sistem Kutipan Hasil Tanah (LARIS), 526, 527  
 Sistem Pelaporan Kemalangan Berkomputer (CARS), 526  
 Sistem Pelaporan Polis (PRS), 526  
 Sistem Pemantauan Permohonan Tanah (LAMS), 522  
 Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), 526, 534  
 Sistem Penggredan, 522, 523, 531  
 Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS), 534  
 Sistem Taksir Sendiri (STS Syarikat), 526  
 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), 519, 520, 522, 523, 524, 525, 527, 528, 529, 533, 534, 535  
 tempatan, 519, 520, 521, 522, 523, 524, 525, 526, 527, 528, 529, 530, 534, 535  
 Tunggakan Kes Permohonan Tanah, 522  
 undang-undang, 519, 520, 528, 529, 530, 531, 535  
 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 535

## **Pertanian**

aktiviti berasaskan pertanian, 387  
 aktiviti pertanian berskel besar, 363  
 ayam-itik, 87, 93  
 bioteknologi, 81, 90, 94, 102, 103, 104  
 buah-buahan, 85, 86, 92, 95, 97, 103  
 eksport, 82, 86, 87, 92, 95, 101, 102, 103, 105, 107, 109  
 getah, 82, 85, 87, 88, 89, 91, 96, 97, 102, 105  
 hutan, 86, 88, 91, 96, 105  
 industri berasaskan pertanian, 81, 82, 87, 90, 104, 106, 109, 390  
 industri berasaskan pertanian, 390  
 industri halia, 390  
 kayu balak, 85, 86, 91  
 kelompok industri berasaskan minyak sawit, 385, 386, 390  
 khidmat pengembangan, 87, 89, 94  
 koko, 87, 91, 97, 103, 105, 385  
 komoditi makanan, 86, 87, 88, 92, 104, 107  
 komoditi pertanian untuk industri, 81, 82, 87, 101, 105, 107  
 kredit, 89, 95, 99, 100, 107  
 lada hitam, 85, 91, 97, 105, 107  
 mini estet, 105, 106  
 minyak kelapa dara, 390  
 minyak sawit, 85, 87, 89, 91, 102, 103, 105  
 padi, 86, 89, 92, 97, 99, 106  
 pembangunan tanah, 91, 95, 100, 106  
 pemodenan, 81, 97  
 pemrosesan berasaskan pertanian, 100, 101, 105, 107, 109, 391  
 pengairan, 86, 90, 97, 109  
 pengeluaran pertanian, 91, 95, 98  
 penternakan, 87, 93, 364  
 perikanan, 89, 99, 100  
 pertanian berkelompok, 81, 86  
 produktiviti, 81, 84, 85, 86, 88, 90, 91, 92, 97, 98, 99, 105, 109  
 sara diri, 386  
 sektor swasta, 87, 90, 91, 95, 99, 101, 102, 103, 104, 107, 109  
 skim keluar, 105  
 sumber pertumbuhan baru, 64, 87, 91  
 tahap sara diri, 86, 92  
 tanam semula, 88, 91, 96, 105, 109  
 telur, 87, 93  
 tembakau, 86, 91, 106  
 ternakan, 87, 89, 93, 95, 103, 105  
 usahawan, 81, 88, 89, 90, 95, 100, 104, 106, 107, 108, 109

## **Perumahan**

Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, 462  
 kemudahan dan infrastruktur, 467  
 Menaik Taraf Pihak Berkuasa Tempatan, 467  
 Penyatuan Semula Kampung, 465, 472  
 Pusat Pertumbuhan Desa dan Pembangunan Bersepadu Desa Terpencil, 465, 472  
 perumahan kerajaan dan kediaman, 465, 472, 476  
 Program Perumahan Mampu Milik, 462, 464

Program Perumahan Mesra Rakyat, 462, 471  
rumah kos rendah, 462, 464, 469, 471  
rumah kos sederhana dan kos tinggi, 464, 469  
rumah kos sederhana rendah, 471  
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, 462

### **Produktiviti**

modal, 46, 64, 66  
pekerja, 46, 64, 66  
pertumbuhan berasaskan produktiviti, 46, 66  
produktiviti pekerja, 251  
produktiviti faktor keseluruhan, 46

### **Program Latihan Kemahiran**

analisis keperluan latihan, 267  
bantuan kewangan, 259, 261  
berkemahiran tinggi, 271  
bidang teknikal, 266  
geran setara, 261  
institusi latihan awam, 259, 265  
institusi latihan swasta, 266  
institusi latihan tinggi awam, 259  
institusi latihan, 259  
jurang kemahiran, 267  
kapasiti latihan, 266  
kursus latihan di peringkat tinggi, 271  
latihan dan latihan semula, 265  
latihan kemahiran perindustrian, 271  
latihan kemahiran, 259  
latihan keusahawanan, 266  
latihan sebelum bekerja, 259  
latihan untuk tenaga pengajar, 259  
melatih semula dan meningkatkan kemahiran,  
259  
mudah dilatih, 271  
pekerja mahir, 259, 265, 271  
pelatih, 259, 271  
peluang latihan, 259  
penyedia latihan, 271  
program latihan secara dua syif, 259  
program latihan secara modular, 265  
program latihan secara separuh masa, 267  
program latihan, 265, 266  
program peningkatan kemahiran, 266  
sistem penyampaian latihan, 259, 271  
Skim Perantisan, 259  
tahap kemahiran, 267  
tenaga kerja yang mempunyai pelbagai  
kemahiran, 271  
tenaga pengajar, 271

### **Sains dan Teknologi**

bahan termaju, 279, 280, 289, 290  
bioteknologi, 277, 279, 289, 290  
*brain gain*, 286  
Dana Kecemerlangan Sains Asas (SAGA), 277  
Dasar Bioteknologi Negara, 279, 289  
daya saing melalui pembidaan, 288  
harta intelek, 280, 284, 286  
inovasi, 275, 279, 280, 282, 283, 284, 285,  
286, 292, 293  
insentif, 279, 293

IPv6, 289, 290  
jaminan kualiti, 281, 282  
kejuruteraan bahasa, 289, 291  
keselamatan maklumat, 289, 290, 291  
keteknousahawanan, 282, 286, 293  
modal insan, 275, 283, 284  
modal intelek, 288  
modal teroka, 284, 288, 294  
nanoteknologi, 279, 280, 289, 291  
pembuatan termaju, 279, 280, 289, 290  
penghitungan grid, 289, 290  
pengkomersilan, 275, 278, 279, 281, 282, 284,  
287, 288, 292, 293  
penyelidikan dalam bidang sains dan  
kejuruteraan (RSE), 282, 284, 285, 286  
Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia  
(MTDC), 281  
Perbelanjaan Kasar Negara Ke Atas R&D  
(GERD), 281  
penyelidikan dan pembangunan (R&D)  
perbelanjaan, 276, 282  
berorientasikan pasaran, 275  
berorientasikan permintaan, 288  
kontrak, 280  
terpilih, 283, 287, 289  
skim geran, 284, 288  
sektor awam, 279  
program pembangunan sumber manusia S&T,  
282, 285, 293  
Program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang  
Keutamaan (IRPA), 277, 279  
pusat sains, 292  
S&T Bumiputera, 286  
*ScienceFund*, 288  
Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)  
kesedaran, 282, 292, 293  
kerjasama, 283, 284, 287, 289, 292  
sumber manusia, 275, 281, 282, 284, 285,  
286, 293, 294  
dasar, 275, 293  
Sistem Inovasi Kebangsaan (NIS), 275, 282,  
283, 286, 293  
Skim Geran Aplikasi Penunjuk Cara (DAGS),  
277, 278  
Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan  
Industri (IGS), 277, 278  
Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan  
Koridor Raya Multimedia (MGS), 277, 278  
Skim Geran R&D Bioteknologi, 277  
syarikat berasaskan S&T, 282, 289  
syarikat berasaskan teknologi, 284, 287  
Tabung Pemerolehan Teknologi (TAF), 279  
Tabung Pengkomersilan Penyelidikan dan  
Pembangunan (CRDF), 279, 287, 288  
*Technofund*, 287, 288  
teknologi  
pemerolehan, 277, 279, 293, 294  
pembangunan, 287, 289  
inkubator, 281, 286, 293, 294  
pemindahan, 283, 284, 285, 286, 287  
teknologi baru muncul, 277, 289  
teknologi berkaitan aeroangkasa, 279, 280

### **Segi Tiga Pertumbuhan**

BIMP-EAGA, 382, 390  
IMT-GT, 382, 390  
JDS, 382, 383, 390  
kajian, 390  
kerjasama wilayah kecil, 382, 388, 392  
panduan hala tuju, 390  
panduan hala tuju untuk pembangunan, 390  
pelan tindakan, 383, 390  
perdagangan tukar barang, 390  
perniagaan di sempadan, 388

### **Sektor Awam**

dasar kewangan yang bersesuaian, 45, 64  
defisit fiskal, 56  
hasil, 56, 72  
hutang dalam negeri, 56  
hutang luar negara, 56  
perbelanjaan mengurus, 56, 74  
perbelanjaan pembangunan, 56, 71, 72, 74, 75

### **Sukan**

Akta Pembangunan Sukan, 1997, 502, 505  
budaya bersukan, 501, 502, 504  
insentif dan skim kebajikan, 504  
Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai  
Pembangunan Sukan, 502  
kemudahan dan kompleks sukan, 503, 506  
Majlis Kecerdasan Kebangsaan, 502  
Pejabat Pesuruhjaya Sukan, 502, 505  
persatuan sukan, 502, 505  
program gaya hidup aktif, 505  
Program Persediaan Atlit, 507  
program mengenal pasti bakat, 503  
sukan berprestasi tinggi, 503, 506  
sukan massa, 502, 505

### **Tenaga**

arang batu  
loji berasaskan arang batu, 420, 428  
penggunaan, 420, 421, 427  
bekalan tenaga, 415, 417, 424, 425, 432, 433  
biojisim, 430  
dasar pelbagaian bahan api, 416, 425  
harga, 424, 431  
intensiti, 416, 424  
kecekapan tenaga  
audit tenaga, 423, 431  
gas asli cecair, 419  
gas petroleum cecair, 423  
gas asli untuk kenderaan, 426  
permintaan, 416, 419, 426  
pengeluaran, 419  
rizab, 419, 433  
Sistem Pengagihan Gas Asli, 419, 420  
minyak  
cari gali, 425, 427  
Dasar Susutan Negara, 418  
eksport, 418  
keupayaan penapisan, 418  
kondensat, 418  
pengeluaran, 418  
tenaga boleh diperbaharui, 423  
*biofuel*, 430, 432, 433

panduan halatuju bagi solar, hidrogen dan sel  
bahan api, 423, 430  
Program Pembangunan Janakuasa Kecil  
Tenaga Boleh Diperbaharui, 423, 430  
*photovoltaic*, 423

### **Tenaga Buruh**

aktiviti menjana pendapatan, 387  
berdikari, 388  
kadar pengangguran, 251  
kadar penyertaan tenaga buruh, 263  
kategori jawatan tinggi dan pertengahan, 353  
minda, 387  
mobiliti buruh, 263  
nilai harga diri, 388  
orang kurang upaya, 263  
pegawai dagang, 251  
pegawai kanan dan pengurus, 353  
pekerja asing, 251, 263  
pekerja berpengetahuan, 263, 264  
peluang pekerjaan, 383, 386, 387  
pembangunan insan, 387  
penghijrahan keluar, 380  
penghijrahan, 388  
peratusan tenaga buruh, 262  
peringkat tertuari, 251  
profesional dan pekerja mahir, 343, 346  
program latihan kemahiran, 387, 388, 390  
Pusat GiatMARA, 390  
separa profesional, 353  
siswazah menganggur, 366  
tenaga buruh, 251, 262  
undang-undang buruh, 263

### **Tadbir urus**

agensi berisiko tinggi, 517  
aktiviti pengawasan, 513  
amalan perniagaan beretika, 511, 514  
asas pengauditan dalaman, 516  
badan kawal selia, 516  
etika perniagaan, 512, 515, 516  
integriti, 511, 512, 514, 515, 517  
semakan semula dan pengemaskinian undang-undang, 517  
kempen kesedaran, 516  
ketelusan, 513, 515, 517  
kos menjalankan perniagaan, 515, 518  
media, 516  
mengurangkan pembaziran, 518  
meningkatkan tahap etika dan integriti, 512  
mewujudkan kesedaran, 514  
Pelan Integriti Nasional (PIN), 511, 512, 515, 517  
pematuhan, 513, 516  
pemegang saham minoriti, 513, 516  
pencegahan, 514, 517  
pendidikan masyarakat, 514  
penguatkuasaan, 515  
penyalahgunaan kuasa, 511  
penyampaian perkhidmatan awam, 512, 515, 518  
penyelewengan, 511, 512, 515, 517  
program pendidikan, 516  
rasuah, 511, 512, 514, 515, 517, 518

salah guna kuasa, 512, 515  
sektor korporat, 512  
tadbir urus korporat, 511, 512, 513, 514, 515,  
516  
terdedah kepada rasuah, 517  
tindakan punitif, 514

#### **Tebatan Banjir**

kolam takungan banjir, 402, 411  
lencongan banjir, 402, 411  
mengurangkan bencana banjir, 402, 411  
pengurusan lembangan banjir, 411

#### **Wanita dan pembangunan**

bajet gender, 308  
bioteknologi, 305  
ekonomi berasaskan pengetahuan, 295, 304  
enrolmen, 298  
ibu tunggal, 300, 307  
jangka hayat wanita, 299  
Jawatankuasa Kabinet bagi jumlah guna tenaga,  
296

kanser, 299, 300, 306  
kematian ibu mengandung, 299  
kepekaan gender, 307, 308  
kesaksamaan gender, 302  
kesihatan reproduktif, 306  
konsep bekerja dari rumah, 304, 305  
Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga, 302  
Majlis Penasihat Wanita Negara, 302  
mengarusperdanakan gender, 308, 309  
Mesyuarat Peringkat Menteri NAM Mengenai  
Pembangunan Wanita, 303  
*Millenium Development Goal*, 298  
pasaran kerja, 295, 304  
penduduk, 295, 298, 299  
Perlembagaan Persekutuan, 295, 300  
Pusat Pembangunan Gender NAM, 303, 308  
struktur pekerjaan, 296  
tenaga buruh, 295, 296, 303, 304  
Undang-Undang Keluarga Islam, 301  
usahawan, 298, 305